

DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH (HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA

**HARI SELASA, RABU, KHAMIS DAN SABTU,
DAN ISNIN, SELASA, RABU, KHAMIS, JUMAAT, SABTU,
AHAD DAN ISNIN, 26, 27, 28 DAN 30 RABIULAWAL 1432 HIJRAH
DAN 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 DAN 9 RABIULAKHIR 1432 HIJRAH
BERSAMAAN 1, 2, 3, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13 DAN 14 MAC 2011 MASIHI**

**BERTEMPAT
DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
DEWAN MAJLIS,
JALAN KEBANGSAAN,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Selasa, 26 Rabiulawal 1432 / 1 Mac 2011	
1.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	PERKARA I - Doa Selamat	4
3.	Ucapan Yang Di-Pertua	4
4.	PERKARA II - Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan	4 – 5
5.	PERKARA III - Mensahkan Minit	5
6.	PERKARA IV - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	5
7.	Doa Selamat	8
	Hari Rabu, 27 Rabiulawal 1432 / 2 Mac 2011	
8.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	9
9.	Doa Selamat	12
10.	PERKARA V - KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS BIL. 1 TAHUN 2011 - SENARAI PERINTAH-PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2010 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	13

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
11.	KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS BIL. 2 TAHUN 2011 - ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN 2011/2012	
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	13
12.	PERKARA VI - USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS (USUL MENJUNJUNG KASIH)	
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	13
	ii. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	16
	iii. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	19
	iv. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	20
	v. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	21
	vi. Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	22
	vii. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	23
	viii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	24
	ix. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	25

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
x.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	27
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	28
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	29
xiii.	Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama	32
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	33
xv.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	34
13.	PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2011) PERBEKALAN 2011/2012	
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	37 - 38
	Hari Khamis, 28 Rabiulawal 1432 / 3 Mac 2011	
14.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	62
15.	Doa Selamat	65
	Sambungan Tajuk: RANG UNDANG-UNDANG (2011) PERBEKALAN 2011/2012	

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	65
ii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	66
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	67
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	68
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	69
16.	JABATAN PERDANA MENTERI	70
	Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri	70
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	70
ii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	71
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	72
	Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara	73
	Tajuk SA03A - Jabatan Audit	73
	Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik	73
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	73

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
ii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	74
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	74
iv.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	74
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	75
	Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah	75
	Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri	75
	Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara	76
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	76
ii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	76
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	77
iv.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	77
v.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	78

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei	78
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	78
ii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	78
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	78
iv.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	79
v.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	79
vi.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	79
	Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan	80
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	80
ii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	81
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	81
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	82

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam	82
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	82
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	83
	Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan	83
	Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei	83
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	83
ii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	84
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	85
iv.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	85
v.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	86
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	86
vii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	86

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
viii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	87
ix.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	88
	Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	89
	Tajuk SA15A - Unit Petroleum	89
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	89
ii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	89
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	89
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	90
v.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	90
vi.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	91
vii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	91

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan	92
	Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi	92
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	92
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	93
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	93
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	94
v.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	94
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	95
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	95
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	95
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	96

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	97
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	97
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	97
xiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	97
	Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang	99
i.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	99
ii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	100
iii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	100
iv.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	100 dan 101
v.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	101
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	101

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	102
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	102 dan 103
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	103
x.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	103
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	104
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	104
xiii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	105
	Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan	105
	Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara	105
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	105
	Tajuk SA22A - Jabatan Kehakiman Negara	106
	Tajuk SK05A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik	106
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	106

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
ii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	107
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	109
iv.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	109 dan 110
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	110
vi.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	110
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	111
viii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	112
ix.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	112
x.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	113
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	114

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	xii. Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	114
	xiii. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	114
	xiv. Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	114
	Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan	115
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	115
	ii. Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	116
17.	KEMENTERIAN PERTAHANAN	117
	Tajuk SB - Kementerian Pertahanan	
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	117
	ii. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	120
	iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	121

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	121
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Seri Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	121
Sabtu, 30 Rabiulawal 1432 / 5 Mac 2011		
18.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	123
19.	Doa Selamat	126
20.	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN	127
	Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	127
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	127
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	128 dan 129
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	130
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	130
v.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	131
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	131

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	vii. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	132
	viii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	132
	ix. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	132
	x. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	133
21.	KEMENTERIAN KEWANGAN	133
	Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan	133
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	133 dan 134
	ii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	139
	iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	140
	iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	140
	v. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	141
	vi. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	142

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	145 dan 147
viii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	147
ix.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	147
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	149
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	150
xii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	151
xiii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	152
xiv.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	153
xv.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	153
xvi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	154
xvii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	154 dan 156
xviii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	156 dan 157

xvii

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xix.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	157
xx.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	158
xxi.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	159
xxii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	163
xxiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	164 dan 167
xxiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	168
xxv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	168
xxvi.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	169
xxvii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	170
xxviii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	170

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xxix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	171
xxx.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	172
xxxi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	173
xxxii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	173
	Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	174
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad	174
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	175
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	175
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	175
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	176
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	176

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan	176
	Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian	177
	Tajuk SD06A - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara	177
	i. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	177
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	177
	iii. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	177
	iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	178
	Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF	178
22.	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	178
	Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	178
	i. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	178
	ii. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	178
	iii. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	180
	iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	180

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	v. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	180
	Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan	181
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	181
	ii. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	182
	iii. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	184
	iv. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	184 dan 185
	v. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	185
	vi. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	186
	Hari Isnin, 2 Rabiulakhir 1432 / 7 Mac 2011	
23.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	187
24.	Doa Selamat	190

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	191
	Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	191
	i. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	191
	ii. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	191
	Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong	192
	i. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	192
	ii. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	192
	Tajuk SE05A - Jabatan Buruh	193
	i. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	193
	ii. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	193
	iii. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	194

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iv.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	194
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	195
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	198
vii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	198 dan 200
viii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	201
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	201
x.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	202
xi.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	202
xii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	203
xiii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	203

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara	204
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	204
ii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	204
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	204 dan 205
	Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait	206
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	206
ii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	207
	Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong	207
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	208
ii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	208
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	208

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iv.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	208
	Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong	209
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	209
ii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	209 dan 210
	Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	211
i.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	211
ii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	212
iii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	212
iv.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	212
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	213

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vi.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	214 dan 216
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	216
viii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	216
	Tajuk SE11A - Jabatan Penjara	217
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	217
ii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	217
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	218
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	219
58	Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat	219
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	219
ii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	220

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	iii. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	221
25.	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
	Tajuk SF - Kementerian Pendidikan	223
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	223
	ii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	226
	iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	227
	iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	228
	v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	229
	vi. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	229
	vii. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	230
	viii. Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	231
	ix. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	232
	x. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	233 dan 236

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	236
xii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	237
xiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	237
xiv.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	240
xv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	240
xvi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	241
Hari Selasa, 3 Rabiulakhir 1432 / 8 Mac 2011		
26.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	243
27.	Doa Selamat	246
28.	KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA	
	Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	247
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	247
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	248

xxviii

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	250
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	251
v.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	253
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	254
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	256
viii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	256
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	257
x.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	258
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	258
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	259
xiii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	260

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	xiv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	260
	xv. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	261
	xvi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	261
	Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan	262
	i. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	262
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	263
	iii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	264
	iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	264 dan 266
	v. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	267
	vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	267

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	268
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	268
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	269
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	269
	Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan	269
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	269
ii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	270
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	270
iv.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	272
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	272
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	273

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri	274
viii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	274
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	275
	Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan	275
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	275
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	276
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	276
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	277 dan 278
v.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	278
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	279

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA)	281
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	281
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	282
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	282
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	283
	Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan	284
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	284
ii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	285
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	285
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	286
v.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	286
vi.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	286
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	287

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
viii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	289 dan 290
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	290
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	290
29.	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	291
	Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama	291
i.	Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama	291
ii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	294
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	295
iv.	Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama	295
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	297
vi.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	298
vii.	Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama	299

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	viii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	300
	ix. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	301
	x. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	302
	xi. Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama	303
	Hari Rabu, 4 Rabiulakhir 1432 / 9 Mac 2011	
30.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	307
31.	Doa Selamat	310
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
	Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama	
	i. Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama	310
	ii. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	312
	iii. Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama	313
32.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
	Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan	314

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	314
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor	315
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	316
iv.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	321
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	322
vi.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	323 dan 324
vii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	324
viii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	324
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	325
x.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	328
xi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	329
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	329 dan 330

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan	331
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	331
ii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	333
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	333
iv.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	336
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	337
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	338
vii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	338
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	338
	Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya	340
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	341
ii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	341
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	342

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iv.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	342
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	343
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	345
vii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	345
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	345
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	347
x.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	348
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	348
xii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	349
xiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	349
	Tajuk SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa	349
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	349

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
ii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	350
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	351
	Tajuk SK06A - Jabatan Tanah	352
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	352 dan 353
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	353
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	354
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	355
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	355
vi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	358
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	358
viii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	358
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	359 dan 360
	Tajuk SK07A - Jabatan Ukur	360

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi	360
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	360
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	360
iii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	361
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	361
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	363
vi.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	363
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	364
viii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	364
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	365
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	365 dan 368
xi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	369
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	369 dan 370

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Khamis, 5 Rabiulakhir 1432 / 10 Mac 2011	
33.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	372
34.	Doa Selamat	375
35.	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
	Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	375
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	376
	ii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	377
	iii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	378
	iv. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	378
	v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	379
	vi. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	383
	vii. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	383
	viii. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	384
	ix. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	384

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	385
xi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	387
xii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	387
xiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	388
	Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka.	389
i.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	389
ii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf	390
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	390
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	393
	Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan	393
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	394
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	394
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	395

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	397
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	397
Hari Jumaat, 6 Rabiulakhir 1432 / 11 Mac 2011		
36.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	399
37.	Doa Selamat	402
38.	KEMENTERIAN KESIHATAN	
	Tajuk SM - Kementerian Kesihatan	402
i.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	402
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	412
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	415 dan 417
iv.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	417
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	418
vi.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	420

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	421
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	426
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	430
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof. Menteri Kesihatan	430 dan 431
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	431
xii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	433
xiii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	433
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	435 dan 437
xv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	437
Hari Sabtu, 7 Rabiulakhir 1432 / 12 Mac 2011		
39.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	439
40.	Doa Selamat	442

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
------	-----------	------------

SAMBUNGAN KEMENTERIAN KESIHATAN

Tajuk SM - Kementerian Kesihatan

- | | | |
|------|--|-----|
| i. | Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking | 442 |
| ii. | Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh | 444 |
| iii. | Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad | 445 |
| iv. | Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan | 446 |
| v. | Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri | 453 |
| vi. | Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor | 454 |
| vii. | Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan | 454 |

SAMBUNGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Tajuk SL04A - Muzium

- | | | |
|----|---|-----|
| i. | Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas | 457 |
|----|---|-----|

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	457
	Tajuk SL05A - Pusat Sejarah	458
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	459
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	459
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	460
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	460
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	461
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	461, 464, dan 465
	Tajuk SLO6A – Jabatan Pembangunan Masyarakat	465
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	465
ii.	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	466
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	466

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	467
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	468
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	468
vii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	469
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	469
ix.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	472
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	472
41.	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	
	Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan.	474
i.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	474
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	475
iii.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	475

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	476
v.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	476
vi.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	476
vii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	477
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	477 dan 482
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad	483
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	484
	Tajuk SN02A - Jabatan Laut	484
i.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	484
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	484
iii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	485
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	485

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
v.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	485
vi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	486
vii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	486
	Tajuk SN03A - Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan	487
i.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	487
ii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	487
	Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam	488
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	488
	Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat	489
i.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	489
ii.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	490

xlix

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	490
iv.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	490
v.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	491
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	491 dan 493
vii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	494
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	494 dan 495
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	496
x.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	496
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	496
xii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	496

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Tajuk SN06A – Jabatan Perkhidmatan Pos	497
	i. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	497
	ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perhubungan	497
	Hari Ahad, 8 Rabiulakhir 1432 / 13 Mac 2011	
42.	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	500
43.	Doa Selamat	503
	SAMBUNGAN TAJUK SM - KEMENTERIAN KESIHATAN	503
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	503
44.	KEMAJUAN	
	Tajuk SP01A - Kemajuan	507
	i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	507
	ii. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	510
	iii. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	511
	iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	511

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
v.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	512
vi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	512
vii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri	513
viii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	513
ix.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	515
x.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	515
xi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	516
xii.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	516
xiii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri	516
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	517

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xv.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri	518
xvi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	519
xvii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengaruh Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	519
xviii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	520
xix.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	521
xx.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	521
xxi.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan	521
xxii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan	522
xxiii.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri	522

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
45	<p>AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN DARI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2011/2012 (Bacaan Kali Ketiga)</p> <p>Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri</p> <p style="text-align: center;">Hari Isnin, 9 Rabiulakhir 1432 / 14 Mac 2011</p>	523
46	Senarai nama kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	525
47	Doa Selamat	528
48	<p>KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARIPADA PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959</p> <p>Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan</p>	528
49	<p>KETETAPAN YANG KEDUA DI BAWAH BAB 4(2) DARI AKTA KUMPULAN WANG KEMAJUAN PENGGAL 136</p> <p>Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri</p>	529
50	<p>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN</p> <p>i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan</p> <p>ii. Yang Amat Mulia Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin</p>	531 533 dan 534

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
iii.	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	536
iv.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas	538
v.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai	539
vi.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin	541
vii.	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh	544
viii.	Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor	546
ix.	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	548
x.	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	550
xi.	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	551
xii.	Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim	554
xiii.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan	556 dan 560
xiv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri	562

Bil.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
xv.	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	565
xvi.	Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri	572
xvii.	Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama	575
xviii.	Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	577

DEWAN MAJLIS**Selasa, 26 Rabiulawal 1432 / 1 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.30 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara didahului dengan bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Mustapa bin Haji Murad. (Imam Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Di-Pertua: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat sejahtera. Alhamdulillah marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat serta izin-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama di majlis yang mulia ini iaitu Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara.

Ahli Yang Berhormat sebagaimana ahli-ahli lebih memahami kita akan bersidang seperti biasa bagi membincangkan beberapa kertas kerja terutamanya Belanjawan bagi Tahun 2011/2012.

Kita memohon dan berharap agar di sepanjang permesyuaratan ini nanti dijalankan dengan sebaik-baiknya dengan

penuh kebijaksanaan dan dengan sikap yang membina. Terima kasih.

Jurutulis: Perkara yang ke II, Mengangkat Sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy), di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri sebagai **Ahli Rasmi Kerana Jawatan.**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Minister of Energy), di Jabatan Perdana Menteri mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai **Ahli Rasmi Kerana Jawatan.**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai **Ahli Rasmi Kerana Jawatan.**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengangkat sumpah.

Jurutulis: Mengangkat sumpah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai **Ahli Rasmi Kerana Jawatan.**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengangkat sumpah.

Jurutulis: Perkara yang ke III, Meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang pada hari Khamis, Sabtu, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Sabtu dan Isnin, 25, 27, 29, 30 Rabiulawal 1431 Hijrah dan 1, 2, dan 6 Rabiulakhir 1431 Hijrah bersamaan dengan 11, 13, 15, 16, 17, 18, dan 22 Mac 2010 Masihi bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Kebangsaan Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika ada pembedaan atau pindaan terhadap minit-minit ini, silakan.

Tidak ada pun sebarang pembedaan atau pindaan maka adakah minit-minit ini dipersetujui oleh semua ahli jika demikian maka minit-minit ini diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana lazimnya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam. Maka bagi maksud ini majlis permesyuaratan pagi ini ditangguhkan sementara bagi menunggu dan seterusnya menjunjung keberangkatan baginda yang akan berangkat ke dalam majlis ini bagi mengurniakan titah ini. Maka dengan demikian saya menangguhkan majlis ini.

(Majlis Ditangguhkan)

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL
KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT
PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT
PERTAMA DARI MUSIM
PERMESYUARATAN KETUJUH MAJLIS
MESYUARAT NEGARA, BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS
MESYUARAT NEGARA, BANGUNAN
DEWAN MAJLIS, JALAN KEBANGSAAN,
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM PADA HARI
SELASA, 26 RABIULAWAL 1432H
BERSAMAAN 1 MAC 2011M**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، نَسْتَعِينُ
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat berkumpul di Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, di atas perlantikannya sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baru.

Beta berharap semoga Yang Di-Pertua Majlis akan dapat menjalankan tugas dan kewajipan dengan sebaik-baiknya demi mempertingkatkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi yang sama-sama berperanan untuk kepentingan negara.

Di kesempatan ini juga, beta ingin merakamkan penghargaan beta kepada Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin, di atas khidmat bakti, tenaga dan buah fikiran yang telah disumbangkannya selama menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Beta gembira mengikuti perkembangan persidangan yang telah berjaya memainkan peranannya untuk membincang dan membahas isu-isu utama pembangunan semasa. Namun kita belum dapat berpuas hati kerana setiap hari kita terus berhadapan dengan pelbagai perubahan dan cabaran

untuk menguji kecekapan dan kewaspadaan kita.

Sebagai contoh, baru sahaja ekonomi dan kewangan dunia sedikit pulih daripada cengkaman krisis yang dinamik, yang dramatik, tiba-tiba giliran inflasi pula, mula membebankan kehidupan sejagat sehingga menggugat keharmonian dan kestabilan beberapa negara di dunia.

Alhamdulillah, kita di negara ini masih terpelihara dari tekanan inflasi tersebut, berkat adanya dasar dan usaha kerajaan untuk terus membantu rakyat dan penduduk melalui subsidi-subsidi dalam beberapa keperluan asasi.

Kita hanyalah dikehendaki bersyukur dan mengelakkan sebarang pembaziran serta penyalahgunaan ke atas subsidi-subsidi yang dihulurkan itu. Ingat, sebarang penyalahgunaan seperti penyeludupan keluar barang-barang subsidi itu hukumnya adalah haram dan suatu jenayah. Maka oleh itu semua agensi penguat kuasa bagi pencegahan adalah berkewajipan menanganinya.

Lain lagi isu bayaran yang tertunggak bagi kemudahan dan utiliti-utiliti yang subsidi itu, jumlahnya bukanlah sedikit tetapi sehingga beratus juta ringgit. Di samping membawa kerugian kepada kerajaan, ia juga turut melibatkan soal tabiat yang tidak baik yang perlu diubah dan dikikis.

Beberapa bulan kebelakangan, fenomena bencana alam berlaku di beberapa bahagian dunia. Ada yang sampai mengakibatkan

kerusakan-kerusakan besar, kesusahan dan juga nyawa terkorban.

Di negara kita, juga turut mengalami banjir di beberapa tempat bahagian yang rendah terutama kawasan-kawasan pedalaman. Namun alhamdulillah, kejadian-kejadian tersebut telah dapat ditangani dengan usaha dan semangat padu di kalangan agensi kerajaan dan orang ramai.

Sungguhpun begitu, beta tetap berharap akan adanya rancangan dan tindakan oleh agensi-agensi berkenaan bagi mengurangkan kemungkinan banjir yang berulang-ulang.

Menyebut lagi tentang ekonomi dan kewangan, walaupun pendapatan banyak, namun ia bukanlah jaminan bagi kestabilan dan kukuh kewangan andainya ia tidak diurus dengan cekap dan berhemah. Ini dapat diambil iktibar daripada krisis hutang yang dialami oleh beberapa negara di dunia yang berpunca daripada pelbagai sebab, antaranya perbelanjaan besar di luar kemampuan, pembaziran, rasuah dan lain-lain.

Untuk kelangsungan ekonomi dan kewangan, kita juga perlu meningkatkan produktiviti yang bersinonim dengan peningkatan kapasiti. Oleh itu, kerajaan beta, tetap mengutamakan peningkatan kapasiti (*capacity building*), demi menyedari akan hebatnya saingan dari arus deras globalisasi. Ia juga penting untuk mengisi sebarang kehendak dan peluang pekerjaan dan perniagaan. Maka untuk itu, kerajaan beta secara berterusan telah menyediakan peruntukan yang bersesuaian kepada

kementerian dan jabatan, bukan sahaja untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja masing-masing, malahan juga dapat diambil peluang oleh belia-belia yang sedang mencari pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Sehubungan itu, beta juga gembira melihat latihan-latihan bersepadu yang diberikan kepada anak-anak muda untuk meningkatkan kemahiran perniagaan mereka. Penekanan kepada pendidikan teknikal dan vokasional yang dikuatkan oleh Kementerian Pendidikan adalah bertepatan pada masanya.

Kerajaan juga sedang menjana iklim perniagaan yang lebih kondusif. Pada misalnya baru-baru ini, beta telah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Pandu '*Ease of doing business*' bagi tujuan untuk memudah cara bisnes di negara ini dan juga untuk meningkatkan kedudukan negara dalam indeks pencapaian '*Ease of doing business*'.

Beta berharap semua lapisan rakyat dan penduduk khususnya pihak swasta dan para belia akan dapat sama-sama bergiat lebih progresif untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara ini. Janganlah terlepas peluang atau tertinggal di belakang disebabkan oleh sikap banyak menunggu atau asyik menonton sahaja.

Akhirnya, beta menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada mereka yang bermastautin di kawasan

bandar mahupun di kawasan pedalaman. Apa juga permasalahan itu kita tangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding dengan hati yang terbuka dalam dewan yang mulia ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-pembesar negara).

(Majlis bersurai sebentar)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, Perasmian Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara telah pun selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan dan akan bersidang pada esok hari iaitu hari Rabu, 27 Rabiulawal 1432 bersamaan 2 Mac 2011 pada jam 9.00 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Rabu, 27 Rabiulawal 1432 / 2 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.
**(Tidak hadir sebelah pagi dan petang
kerana ada urusan tertentu)**

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara, iaitu bagi hari yang kedua disambung semula dengan mendahului bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Awang Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia rahmat dan keizinan-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama meneruskan Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh telah pun selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada kelmarin, hari

Selasa, 26 Rabiulawal 1432 Hijrah bersamaan 1 Mac 2011 Masihi.

Antara lain, titah baginda ialah baginda berharap semoga saya selaku Yang Di-Pertua Majlis ini, akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya demi mempertingkatkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi yang sama-sama berperanan untuk kepentingan negara. Insya-Allah, dengan berkat bantuan, sokongan dan kerjasama dari Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagaimana jua yang pernah diberikan kepada Yang Di-Pertua Majlis yang lama, maka majlis ini akan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Baginda juga penuh berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman. Dan apa jua permasalahan itu hendaklah ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding dengan hati yang terbuka dalam dewan yang mulia ini. Titah dan harapan baginda itu hendaklah kita tanai dan junjung dengan sepenuh-penuhnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di sini saya ingin memberikan sepatah dua kata berkenaan dengan cara majlis ini berbincang. Sebagaimana telah pernah ditekankan dalam titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan juga Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien bahawa cara Majlis Mesyuarat Negara

Brunei ini berunding bukanlah menurut *adversarial system* yakni tentang-menentang di antara pihak kerajaan dengan pihak ahli-ahli yang bukan kerajaan. Tetapi ialah berbincang secara bermuzakarah untuk mendapatkan maklumat dan keterangan dari pihak yang boleh memberikan keterangan yang dimaksudkan itu, maksudnya, dalam majlis ini tidaklah ada *opposition* tetapi kita semua bekerjasama untuk kepentingan negara. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Perkara yang ke V, Kertas-kertas yang dibentangkan di atas meja. Kertas Bil. 1 Tahun 2011 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormat memohon keizinan kepada Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas Bil. 1 Tahun 2011 iaitu **Senarai Perintah-Perintah Darurat Yang Telah Diluluskan Dalam Tahun 2010 Menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam**. Terima kasih.

Jurutulis: Kertas Bil. 2 Tahun 2011 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan

II, (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormatnya kaola memohon keizinan kepada Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas Bil. 2 Tahun 2011 iaitu **"Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2011/2012"** Terima kasih.

Timbalan Jurutulis: Perkara yang ke VI, Usul-usul yang telah diberi notis. Usul yang pertama akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera, Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Di-Pertua, terlebih dahulu saya mewakili rakan-rakan saya di sebelah sini sukacita untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas lantikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan merasa yakin Yang Di-Pertua akan dapat memimpin majlis ini untuk mencapai hasrat yang dimaksudkan.

Yang Di-Pertua, alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua serta atas keprihatinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Bagi Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam telah dapat bersidang dalam suasana selesa dan muhibah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya mengurniakan titah adalah sangat-sangat dijunjung tinggi.

Titah baginda adalah padat dan sangat bernas yang jelas menggambarkan rasa prihatin terhadap isu-isu dan masalah-masalah yang melanda dunia dan menganalisa akan kesan dan impaknya kepada kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini. Demikian juga pengamatan baginda yang tajam terhadap bidang dan isu dalam negara yang perlu diberikan perhatian serius dan penumpuan oleh semua pihak yang berkenaan.

Titah baginda merupakan mutiara nasihat yang sangat berharga dan suluh yang menerangi laluan untuk kita ahli-ahli di majlis ini bukan sahaja untuk mengamati, tetapi menjadikannya bahan untuk berfikir dan bertindak bagi mengatasi masalah menghuraikan isu dan mengatur rancangan dan strategi semata-mata pada menjamin, memelihara dan meneruskan keamanan,

kesejahteraan serta pembangunan yang sedang dinikmati.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dengan itu saya bangun bagi mencadangkan satu usul yang berbunyi **“Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Selasa dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Wadien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya”**.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam menghadapi arus perubahan dan keadaan yang tidak diduga yang melanda dunia kebelakangan ini kita wajar bersyukur kerana atas pimpinan bijaksana dan pandangan yang jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, kita dengan izin Allah telah dapat menghindarkan diri dari menerima kesan yang serius dari keadaan-keadaan yang berkenaan khasnya krisis ekonomi dan terus dapat memelihara keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini.

Rakyat dan penduduk negara ini tidak saja beruntung dengan adanya bantuan subsidi dari beberapa keperluan asasi, tetapi lebih daripada itu, kita jua bersyukur kerana menikmati beberapa kemudahan perkhidmatan yang sepenuhnya dibiayai oleh kerajaan seperti kesihatan dan pendidikan.

Adalah menjadi kewajipan kita untuk memanfaatkan segala kemudahan perkhidmatan ini dengan sebaik-baiknya dan menghindarkan diri dari terjebak ke arah sikap yang boleh memudaratkan diri sendiri keluarga, kerajaan dan negara.

Sikap seumpama ini jika tidak dibendung lambat-laun akan melemahkan kita kerana itu titah baginda wajib dijunjung supaya tabiat yang tidak baik perlu diubah dan dikikis. Ini bermakna perlunya kita mengubah sikap dan minda kita dan mengamalkan sikap berhemah dan bijaksana. Kerana itu baginda menekankan akan pentingnya pengurusan kewangan yang bijak, sebagaimana titah baginda *"walaupun pendapatan yang banyak, namun ia bukanlah jaminan bagi kestabilan dan kekukuhan kewangan andainya ia tidak diurus dengan cekap dan berhemah."*

Titah baginda ini tepat pada masanya untuk menimbulkan kesedaran kepada semua yang berkenaan akan pentingnya disiplin yang tinggi dalam mengurus kewangan baik melibatkan individu, keluarga mahupun agensi-agensi yang lebih besar dan kerajaan. Sikap tidak mengutamakan dan mengamalkan disiplin yang tinggi dan kelemahan dalam mengatur keutamaan atau mengutamakan yang tidak utama dalam kehidupan hanya akan akhirnya menjadi

punca wujudnya berbagai masalah termasuk masalah hutang, pembaziran, rasuah dan sebagainya.

Dengan saiz penduduk negara ini, tenaga manusia khususnya tenaga belia adalah merupakan aset yang penting. Yang demikian pembangunan tenaga manusia atau *capacity building* adalah amat mustahak. Dengannya diharapkan para belia akan dapat melibatkan diri secara aktif dalam program-program dan rancangan-rancangan latihan yang diungkuhkan oleh kerajaan dan pihak swasta. Dengan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran berkenaan para belia diharap dapat menceburi dunia pekerjaan dan perniagaan dalam sektor awam dan swasta sekaligus dapat pula menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor ini bukan sahaja sebagai penonton tetapi penarajunya .

Sehubungan ini juga pihak kerajaan baginda telah pun mengungkuhkan berbagai inisiatif dan rancangan untuk membantu mengujudkan suasana yang lebih baik dan kondusif termasuk *"Ease of Doing Business"*. Dalam konteks ini kerjasama yang erat agensi-agensi kerajaan dan swasta adalah mustahak pada memastikan kelangsungan rancangan pembangunan rancangan tenaga manusia ini.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kepada Ahli-Ahli Majlis Yang Mulia ini, baginda telah menyeru agar kita akan terus menerus melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada yang bermastautin di bandar mahupun pedalaman. Apa jua permasalahan

itu kita tangani dengan baik dengan jalan berunding dan hati terbuka.”

Dalam hubungan ini, insya-Allah saya yakin dengan pimpinan bijak Yang Di-Pertua, kita akan dapat merealisasikan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini pada memastikan keamanan, kesejahteraan dan pembangunan yang berterusan dan bagi Negara Brunei Darussalam. Di bawah kepimpinan baginda juga serta dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala negara kita yang tercinta ini akan berjaya mencapai *“Baladatul taiyibatun Warabbun Ghofur”*. Oleh sebab yang demikian saya sekali lagi mencadangkan usul yang dikemukakan ini akan dapat diterima oleh semua pihak dalam majlis ini. Sekian Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Yang Berhormat, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Di-Pertua Majlis, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan dan mengalu-alukan kedatangan Yang Di-Pertua Majlis sebagai seorang Speaker yang baru. Selamat datang ke majlis ini.

Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua bagi menyokong cadangan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi saya mengambil kesempatan ini ialah untuk menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda dan mengurniakan titah dalam majlis ini pada 1 Mac kelmarin. Patik menjunjung kasih setinggi-tingginya.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda mengharap Majlis Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi berperanan untuk kepentingan negara yang bermaksud untuk kepentingan rakyat dan penduduknya sekalian, termasuklah masalah yang dihadapi oleh rakyat yang belum dapat diselesaikan oleh pihak yang berkenaan. Masalah yang akan di ketengahkan di majlis ini nanti ialah berhubung rapat dengan kehidupan seharian dan semasa yang dihadapi oleh rakyat di negara ini dengan mengharapkan kepada pihak kerajaan untuk menyelesaikannya iaitu seperti pengangguran, alam sekitar, sara hidup, keperluan tanah untuk membina rumah, pendidikan, masalah banjir dan pencen kepada pegawai-pegawai yang telah berumur 55 tahun.

Yang Di-Pertua Majlis, selagi masalah ini belum dapat diselesaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan, selagi itulah rakyat akan memohon dan meminta kepada pihak kerajaan dan kepada jabatan-jabatan yang bertanggungjawab dan perkara masalah yang dibawa ini adalah selaras dengan peranan dan fungsi wakil rakyat dan Ahli-Ahli Yang Dilantik sebagai satu saluran bagi rakyat menyampaikan masalah-masalah mereka kepada pihak kerajaan melalui dewan yang mulia ini, sebagaimana dalam

titah baginda pada sidang mesyuarat pertama pada tahun 2005 yang lalu.

Yang Di-Pertua, baginda juga menyentuh mengenai rasuah yang masih berlaku di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Perbuatan rasuah sepatutnya tidak berlaku di negara ini jika pemberi dan penerima beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana rasuah itu haram hukumnya. Rasuah terjadi kerana perasaan tamak dan tidak tahu bersyukur apa yang ada padanya. Rasuah adalah salah satu penyakit yang boleh merosakkan negara dan kerajaan. Dan bagi Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk hendaklah mengelak diri dari memberi dan menerima rasuah. Kerana rasuah itu adalah satu sifat yang buruk dan akan membawa padah kepada diri sendiri dan keluarga, dan sifat rasuah ini adalah dilarang sama sekali dalam ugama Islam kerana bertentangan dengan konsep negara Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Satu perkara lagi yang baginda sentuh ialah bayaran-bayaran tertunggak yang belum lagi dijelaskan kepada pihak kerajaan. Persoalannya mengapa ia tertunggak? Yang terlibat sepatutnya bertanggungjawab untuk menyelesaikannya, kerana wang itu adalah hak orang lain walaupun tunggakan itu kepada jabatan kerajaan. Pihak kerajaan dan jabatan berkenaan mestilah menuntut melalui saluran-saluran tertentu, sama ada secara tolak ansur, budi bicara atau jika perlu menggunakan kuasa undang-undang sepertimana satu ketika dulu Jabatan Elektrik pernah memotong bekalan elektrik bagi mereka yang melanggar perjanjian yang ditetapkan. Jika perkara ini dibiarkan tanpa

tindakan ia tetap merugikan kerajaan dan rakyat negara ini.

Yang Di-Pertua Majlis, satu isu lagi yang baginda timbulkan ialah penyeludupan. Seringkali kita mendengar pihak berkenaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah berjaya mengesan dan menangkap penyeludup-penyeludup barang-barang yang tidak dibenarkan keluar atau masuk ke dalam negeri ini seperti minyak diesel diseludup keluar dan barang-barang haram masuk ke negara ini. Majlis mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei kerana berjaya mengawal dan menangkap mereka yang melanggar undang-undang negara. Dalam hubungan ini, majlis menyeru orang ramai dan rakyat negara ini yang inginkan kedamaian dan keluhuran undang-undang yang mengaku taat kepada raja dan pemerintah supaya sentiasa memberi kerjasama dengan pihak kerajaan dalam membanteras apa sahaja jenis jenayah dengan kerjasama semua pihak supaya anti-sosial dan jenayah akan dapat ditangani dengan berkesan, insya-Allah.

Selain daripada itu, baginda juga menyentuh mengenai dengan pendidikan. Titah baginda "*Pendidikan Teras Kemajuan*". Majlis amat tertarik dan yakin dengan penuh minat dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kali Yang Ke-27 pada malam 23 Februari 2011 melalui televisyen dan radio yang berbunyi "*Pendidikan Teras Kemajuan*". Sebab tidak ada sesuatu pun akan dapat kita buat dalam dunia ini tanpa ilmu pengetahuan

dan pengalaman. Dengan adanya ilmu pengetahuan kita iaitu manusia akan dapat membuat, menerokai, mencari dalam semua bidang keperluan kehidupan untuk manusia sejagat.

Yang Di-Pertua Majlis. Untuk mendapat ilmu pengetahuan yang lebih luas dan terbuka maka majlis mengusulkan dan mencadangkan supaya bahasa lain akan dapat diserapkan selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu ke dalam ko-kurikulum Kementerian Pendidikan atau Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Bahasa Arab. Majlis mengetahui bahawa negara kita sudah terdapat Sekolah Arab di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi itu hanya sebahagian kecil sahaja anak-anak Brunei yang dapat mengikutinya setelah mereka itu terpilih untuk mengikuti ke sekolah berkenaan.

Yang Di-Pertua Majlis. Majlis mengharapkan Bahasa Arab akan dapat diajar dan menjadi salah satu bahasa pendidikan bermula dari darjah satu bagi sekolah-sekolah rendah, menengah dan ke peringkat seterusnya dan termasuklah sekolah-sekolah swasta sebagai satu mata pelajaran wajib. Tujuan mencadangkan perkara ini dalam majlis yang mulia ini ialah bagi mencapai konsep falsafah iaitu Melayu Islam Beraja dan selaras dengan kehendak Negara Brunei Darussalam supaya dikenali dengan Negara Zikir. Yang lebih penting mengapa Bahasa Arab dikehendaki diajar kepada anak-anak Negara Brunei ialah sebab Bahasa Arab itu adalah bahasa Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam iaitu sebagai sumber ilmu pengetahuan untuk dunia dan akhirat bagi seluruh manusia dan semua isi yang berada di dalam bumi Allah

ini. Lebih wajib lagi pada umat Islam bagi mentauhidkan Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Esa.

Pada pendapat majlis, salah satu cara untuk mencapai objektif ini dengan menerapkan Bahasa Arab ke dalam minda anak-anak bermula anak-anak itu menduduki bangku sekolah iaitu ketika berumur lima tahun atau lebih awal daripada itu, iaitu di peringkat sekolah rendah tiga tahun sebagaimana kata pepatah "*melentur buluh bermula dari rebungnya*". Selain yang diterangkan tadi, majlis yakin pandangan ini selari dengan matlamat Kementerian Pendidikan yang menghendaki rakyat negara ini berilmu pengetahuan menjelang tahun 2035. Untuk mengatasi masalah guru-guru bagi mengajar Bahasa Arab majlis berpendapat tidak begitu rumit dan memakan masa yang panjang sebab pada masa ini terdapat ramai anak-anak Brunei yang berkelulusan dari UBD dan Universiti Al-Azhar Mesir sedang mencari pekerjaan. Saya difahamkan bahawa berkemungkinan jumlahnya adalah ratusan graduan yang sedang menganggur. Ada di antaranya lepasan graduan sejak 2006.

Yang Di-Pertua Majlis, selain daripada itu dalam titah baginda kelmarin menyentuh juga mengenai masalah banjir. Masalah banjir di negara ini perlu diambil perhatian yang serius dengan kajian teratur serta pelan tindakan yang menyeluruh bagi memastikan keadaan ini mempunyai penyelesaian yang lebih teknikal serta pilihan pelan tindakan agar dapat mengurangkan terjadinya kejadian banjir terutama di kawasan-kawasan yang terlibat.

Yang Di-Pertua Majlis, maka setiap pembangunan tersebut yakni persediaan (EIA) *Environment Inspection Assessment* iaitu penilaian dan kajian alam sekitar mengikut piawaian antarabangsa yang memastikan agar tidak menjejaskan lebih teruk keadaan banjir berlaku. Kawalan dan pengawasan yang lebih teliti dapat dilaksanakan.

Yang Di-Pertua Majlis. Ingin juga saya menyentuh setiap pembangunan menimbuk, memotong tanah dan membina bangunan dapat dipantau dan diawasi dengan lebih bertanggungjawab iaitu penguatkuasaan akta-akta dipraktis dengan tepat dan betul. Bukan setakat di dalam kertas komen dan ulasan dari jabatan-jabatan berkenaan. Seperti yang terjadi, keadaan tanah susur akibat pembangunan yang tidak teratur dan sistematik, akibatnya pihak kerajaan membiayai kos pembaikan dengan anggaran kos harga yang tinggi. Jika pemborong atau kontraktor yang tidak mengikut peraturan hendaklah didenda mengikut akta-akta yang telah ditetapkan agar pembangunan yang tidak mengikut peraturan dan kehendak teknikal itu tidak berulang dan terjadi lagi. Semua pihak sama ada sektor awam, swasta dan pemborong-pemborong agar tidak memandang mudah mengenai isu-isu dan masalah ini oleh kerana ianya merugikan negara. Demi kemakmuran rakyat dan negara, ia adalah satu tanggungjawab kita bersama berusaha untuk melihat negara selamat daripada musibah banjir dan perkara yang tidak diinginkan. Sekian Yang Di-Pertua. Terima Kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli yang Berhormat, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola dengan hati yang tulus ikhlas menyatukan diri dan menyokong apa jua yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli pada hari Selasa, 26 Rabiulawal 1432 bersamaan 1 Mac 2011, kerana merasmikan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Yang Ketujuh dalam dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa sesungguhnya baginda menitikberatkan dengan penekanan kepentingan negara serta bersyukur dan mengelakkan sebarang pembaziran, menyalahgunakan subsidi-subsidi yang dihulurkan demi kesejahteraan rakyat dan keseluruhannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menyentuh mengenai dengan hal bayaran tertunggak. Bayaran yang tertunggak memberi kesan dan kerugian kepada kerajaan yang jumlahnya sehingga beratus-ratus juta, yang mana isu ini sepatutnya tidak berlaku. Kaola berpendapat bahawa untuk mengatasi perkara sedemikian mestilah diwujudkan satu akta atau undang-undang bagi memberi kuasa untuk mengatasi atau mengambil tindakan

dalam bahagian ini. Selain itu, baginda juga memfokuskan pendidikan teknikal dan vokasional adalah sesuai pada masa kini bahawa kita memerlukan anak-anak Brunei mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam sesuatu bidang demi kepentingan Negara Brunei Darussalam selaras dengan Wawasan 2035. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya dengan hormat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas kesempatan ini untuk menggabungkan diri saya bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan, menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara di Musim Permesyuaratan Ketujuh semalam pada hari Selasa, 1 Mac 2011. Dan seterusnya baginda telah bermurah hati mengurniakan titah di majlis perasmian tersebut.

Yang Di-Pertua, sesungguhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan itu adalah suatu kurnia pengajaran yang bernas dan yang lengkap serta juga peringatan kepada kita semua

akan perihal tanggungjawab, tugas dan peranan kita masing-masing. Ia mengandungi isu-isu terkini dan pandangan-pandangan yang jauh ke hadapan yang patut diambil perhatian dengan serius oleh setiap orang dan agensi-agensi yang berkenaan dan dijunjung, disambut dengan membuat tindakan-tindakan yang segera semata-mata untuk kebaikan bersama, kesejahteraan rakyat dan penduduk serta Negara Brunei Darussalam yang kita sayangi ini.

Yang Di-Pertua, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan kebijaksanaan, kepimpinan, keprihatinan dan kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia kita mendapat subsidi yang begitu banyak di berbagai bidang. Sebab itulah kita kurang terasa akan suasana inflasi yang sedang melanda kita yang begitu teruk dirasakan oleh negara-negara lain di dunia ini. Semestinya kita menjunjung kasih dan tidak menyalahgunakan subsidi ini dan kepada agensi-agensi penguatkuasaan juga diingatkan supaya menjalankan tugas dengan jujur dan amanah.

Seterusnya kita juga diingatkan supaya tidak mengamalkan tunggakan kepada pembayaran-pembayaran bagi kemudahan-kemudahan dan utiliti-utiliti yang lebih-lebih lagi diberikan subsidi dan juga tidak membazir. Baginda juga mengingatkan kita kepada agensi-agensi yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah yang disebabkan oleh fenomena-fenomena alam seperti banjir, yang melibatkan negara ini dan lebih-lebih lagi di daerah-daerah pedalaman. Setentunya

penyediaan infrastruktur yang efisien seperti pembentungan, saluran air yang bersesuaian perlulah dilaksanakan dengan segera. Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, rakyat yang berpengetahuan dan berpelajaran tinggi adalah satu aset negara yang paling baik. Pembangunan kapasiti ataupun *capacity building* adalah sangat-sangat digalakkan oleh baginda untuk meningkatkan lagi produktiviti, lebih-lebih lagi di dalam bidang ekonomi dan kewangan. Di mana ini memerlukan pengurusan yang cekap untuk bertahan ataupun *sustainable* di masa depan.

Usaha Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan taraf pelajaran, lebih-lebih lagi di bidang teknikal dan vokasional serta meningkatkan kemahiran di bidang perniagaan adalah sangat-sangat digalakkan oleh baginda. Di atas keprihatinan baginda, baginda juga telah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* di mana mengikut *World Bank 2011 Ease of Doing Business Survey*, Brunei di tempat 112 out of 183. Insya-Allah dengan langkah-langkah yang baik ini, diharap ini akan dapat diperbaiki dan memudahkan lagi untuk kita membuat bisnes di Negara Brunei ini. Sebagai Ahli Yang Berhormat, Ahli Majlis Mesyuarat insya-Allah, saya akan terus memberikan khidmat dan akan sentiasa memberikan kerjasama dengan sedaya upaya yang boleh sebagaimana yang juga telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung dan disanjung tinggi. Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya dengan sepenuhnya menyokong usul yang dibawakan oleh Yang

Berhormat Menteri Pendidikan tadi, sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalam'ualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang Di-Pertua Majlis, Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pehin di atas lantikan sebagai Yang Di-Pertua Majlis dan ribuan terima kasih jua saya ingin sampaikan untuk sedikit ulasan ringkas ke atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada pagi kelmarin 1 Mac 2011, di dewan yang mulia ini.

Bahawasanya saya tanpa ragu-ragu dan dengan hati yang tulus ikhlas, sukacita menyatukan diri menyokong sepenuhnya akan cadangan Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan sebentar tadi, dalam menyembahkan dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ketujuh semalam. Titah baginda sungguh padat dan bernas yang merangkumi semua aspek dan bidang semasa ketika ini. Baginda antara lain bertitah peri gembiranya baginda di atas perkembangan persidangan sejauh ini. Namun demikian baginda masih belum dapat berpuas hati, kerana sentiasa saja teruji dengan pelbagai perubahan dan

cabaran. Misalnya inflasi yang mula mengambil peranannya menggugat keharmonian, kestabilan sejagat di beberapa negara di dunia.

Walau bagaimanapun baginda merasa lega, kerana negara kita terpelihara dari tekanan tersebut berkat dasar dan usaha kerajaan untuk terus membantu rakyat melalui subsidi-subsidi di dalam keperluan-keperluan asasi. Baginda seterusnya bertitah mengingatkan kita semua supaya jangan membazir dan menyalahgunakan segala apa jua yang disubsidikan oleh kerajaan termasuklah tabiat atau sikap yang tidak baik, yang suka tidak menjelaskan tunggakan yang bernilai beratus juta ringgit itu perlu dihapus dan dikikis dan menyarankan supaya agensi penguat kuasa memainkan peranan untuk menangannya. Baginda seterusnya bertitah tentang bencana alam seperti banjir berlaku di beberapa bahagian dunia dan negara kita. Dan negara kita turut terjejas juga terutama di kawasan rendah pedalaman. Alhamdulillah, berkat adanya kerjasama dan semangat padu dari semua pihak, kejadian-kejadian tersebut dapat ditangani. Baginda berharap supaya pelan tindakan, rancangan dan agensi-agensi kerajaan akan sentiasa disediakan bagi menghadapi kemungkinan yang tidak diduga.

Mengenai dengan ekonomi dan kewangan, kerajaan baginda akan terus menyediakan peruntukan yang bersesuaian untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja, dalam memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia di kedua-dua sektor awam dan swasta. Baginda juga gembira atas usaha Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan

pendidikan teknikal dan vokasional sebagai menambah meningkatkan wadah Skim Pendidikan Negara Abad Ke-21 ke arah mencapai Wawasan Negara 2035. Adalah sangat dialu-alukan juga di atas penubuhan Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business*, untuk memudahkan cara berbisnes di negara ini. Baginda berharap agar semua lapisan rakyat khususnya, pihak swasta dan para belia sama-sama dapat memanfaatkan dan bergiat lebih progresif, aktif lagi untuk mempelbagaikan ekonomi negara dan janganlah bersikap tunggu dan melihat sahaja.

Akhirnya seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada semua Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, amatlah disanjung dan dijunjung tinggi dan insya-Allah sebagai pemimpin akar umbi akan terus memeduli dan menangani permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada di bandar mau pun di pedalaman dengan sebaiknya, sedayanya dan semampunya dengan cara bermuzakarah di dewan yang mulia ini. Semoga Allah sentiasa memberikan Taufik dan hidayah-Nya ke atas kita semua, amin. Sekian terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Di-Pertua, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang ini untuk menyampaikan ucapan menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

di Majlis Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh pada 1 Mac 2011. Usul ini telah dibahaskan dengan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia mesej yang ingin disampaikan adalah sangat jelas. Kaola berharap semua Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Brunei Darussalam akan mengambil perhatian yang serius tentang isu kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini. Kaola tidak perlu menghuraikan titah tersebut.

Semua ini adalah kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Dengan ini menjadi tanggungjawab kita untuk memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap titah baginda dan mengambil langkah yang sepatutnya sebagai menghargai apa yang telah diberikan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada rakyat Negara Brunei Darussalam. Kita juga perlu melihat dan merenungkan kembali titah baginda dengan lebih serius. Yang Di-Pertua, titah baginda itu adalah dijunjung dan kaola menyokongnya dengan sepenuhnya. Terima kasih

Yang Di-Pertua: Terima kasih, sekarang Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, tadi ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Assalamu'alaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Di-Pertua yang memberi peluang kepada saya berucap di majlis ini bagi menyatakan sokongan saya pada usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bagi menyembah sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda pada hari Selasa, 1 Mac 2011 dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya. Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan panjang lebarnya telah pun menghuraikan kandungan titah baginda apabila Yang Berhormat membawa usul ini dan sebentar tadi kita telah juga mendengar beberapa huraian dari Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya hanyalah akan menyentuh dengan ringkasnya sebahagian daripada harapan-harapan baginda dalam titah baginda itu. Antara lain, baginda berharap untuk mengelakkan pembaziran dan penyalahgunaan ke atas subsidi-subsidi kerajaan. Kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini adalah beruntung dan sepatutnya berterima kasih menghargai dan bersyukur

ke atas subsidi-subsidi yang telah diberi oleh kerajaan. Subsidi-subsidi seperti beras, minyak dan lain-lain lagi. Ini disalahgunakan, diseludup. Ini adalah tanggungjawab pihak penguat kuasa bagi menangani titah baginda. Mengenai kejadian banjir yang kerap kali berlaku kebelakangan ini, baginda berharap akan adanya rancangan dan tindakan oleh agensi-agensi berkenaan untuk mengurangkan banjir yang berulang-ulang. Menyentuh tentang ekonomi dan kewangan, baginda berharap ia akan diurus dengan cekap dan berhemah. Baginda juga berharap semua lapisan rakyat dan penduduk terutama sekali pihak swasta dan belia lebih progresif menjalankan perniagaan dan perusahaan dalam mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara. Baginda juga berharap kepada ahli-ahli dewan ini kepada kita semua supaya terus mempertingkatkan usaha-usaha bagi kebajikan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk negara ini. Sekian, terima kasih. Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu kaola mengucapkan tahniah di atas lantikan Yang Berhormat Pehin menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara mulai pada awal tahun ini. Kaola menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu

Bakar bin Haji Apong bagi menyembahkan untuk menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda bercemar duli dan di atas titah baginda sempena Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara. Kaola sangat-sangat menjunjung tinggi di atas titah baginda bahawa persidangan-persidangan yang telah diadakan di Dewan Majlis ini telah berjaya memainkan peranannya untuk membincangkan dan membahaskan isu-isu utama bagi pembangunan negara ini. Baginda seterusnya berseru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat seperti yang telah Yang Di-Pertua sampaikan sebentar tadi supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk di negara ini, sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman. Apa jua permasalahan itu kita tangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding dengan hati yang terbuka dalam dewan yang mulia ini. Titah ini dijunjung dengan sepenuh-penuhnya.

Mengenai dengan penubuhan Jawatankuasa Pandu *Ease of doing business*, bagi tujuan untuk memudahkan cara bisnes di negara ini dan juga menguatkan kedudukan negara dalam indeks pencapaian *Ease of Doing Business in Brunei*, kaola mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa ini. Dan kaola berharap jawatankuasa ini akan meneliti berbagai-bagai bahagian yang masih melambatkan proses pertimbangan ke atas

permohonan orang ramai yang ingin menjalankan perniagaan dan perusahaan di negara ini misalnya permohonan untuk mengubah suai dalam bangunan kedai untuk perniagaan yang tertentu masih lagi lambat kebenarannya atau keputusannya, dibuat oleh pihak yang berkenaan.

Mengenai dengan bayaran yang tertunggak bagi kemudahan-kemudahan dan utiliti yang disubsidi oleh kerajaan yang berjumlah sehingga beratus juta ringgit pihak jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan haruslah menyemak sebab-sebab tertunggak itu sama ada prosedur-prosedur yang ada tidak sesuai atau tidak diikuti oleh pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan. Misalnya ada tuntutan letrik bagi satu unit kedai yang kosong dan bacaan meternya pun kosong, dituntut kegunaannya sehingga berpuluh-puluh ribu ringgit. Perkara ini akhirnya dihadapkan pada jabatan yang berkenaan tetapi hingga masa ini, jawapannya pun belum ada diterima. Mungkin juga tuntutan yang bersalahan seperti ini, termasuk jumlah beratus juta ringgit yang tertunggak pada masa ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekianlah pada menyokong usul Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang

Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, dan banyak terima kasih di atas kesempatan ini. Izinkan saya menggabungkan diri saya untuk sama-sama menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. Menteri Pendidikan, iaitu usul menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh, tahun 2011 dan di atas kurnia titah baginda di majlis perasmian pada pagi kelmarin.

Yang Di-Pertua, baginda di antara lain ada bertitah mengenai bayaran yang tertunggak bagi kemudahan dan utiliti yang disubsidi. Kita semua maklum bahawa kos perkhidmatan seperti elektrik dan air ke rumah-rumah dan harga rumah-rumah di dalam Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati adalah *heavily subsidies*. Bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan elektrik dan air dan Skim-Skim Perumahan tadi hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada kos sebenarnya. Sedangkan wang yang tertunggak boleh diguna pakai untuk projek-projek di masa hadapan dan dengan sendirinya akan mengurangkan penggunaan aset kerajaan. Dalam kesempatan ini saya ingin berseru kepada rakyat dan penduduk di negara ini yang

sama-sama kita cintai ini supaya mengubah dan mengikis tabiat yang tidak baik ini.

Mengenai dengan ekonomi dan kewangan negara memandangkan ekonomi dan kewangan dunia yang tidak stabil dan menyedari akan hebatnya saingan dari arus deras globalisasi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada awal tahun ini telah menubuhkan *Authority, Monetary Brunei Darussalam* (AMBD), merupakan satu lagi mercu tanda dalam usaha kerajaan baginda dalam melaksanakan langkah-langkah progresif yang menjurus kepada memperkukuhkan kestabilan kewangan yang lebih berdaya tahan serta mempertingkatkan sektor perkhidmatan kewangan.

Baginda juga ada bertitah kedudukan negara dalam *ease of doing business*. Dalam memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* bagi tujuan untuk memudahkan cara berbisnes, di negara ini. *Environment* untuk menjana *ease of doing business* mestilah *business friendly*. Komponen untuk mencapai *starting of business* di antara lain ialah bantuan kewangan, lesen untuk berbisnes tempat berbisnes, tanah dan syaratnya. Kebenaran untuk bangunan, kebenaran untuk mendapatkan dan mendatangkan pekerja-pekerja dan kebenaran mengimport bahan-bahan untuk perindustrian. Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam bantuan dan kebenaran ini ialah seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Daerah, Jabatan Lembaga Bandaran, Jabatan Tanah,

Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan bank-bank tempatan. *One stop agency* yang benar-benar berkuasa adalah difikirkan perlu ditubuhkan untuk menangani isu-isu tadi. Kalau negara kita benar-benar *business friendly* maka mudahlah bagi kita untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk datang ke Brunei Darussalam.

Sekali lagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh, Majlis Mesyuarat Negara bertitah supaya Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat akan dapat melipatgandakan lagi pemeduliaan segala permasalahan yang dialami oleh rakyat dan penduduk di negara ini yang bermastautin di bandar mahupun yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan membawa permasalahan tersebut untuk dibincangkan di dalam dewan yang mulia ini.

Di kesempatan ini, saya juga ingin menyembahkan dengan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kesudian baginda bercemar duli berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan penganugerahan sebanyak 141 anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lumapas 'A' dan Kampung Mata-

Mata Katok 'B', Gadong pada 26 Oktober 2010 yang baru lalu dan seterusnya berangkat ke kediaman penerima anak kunci rumah. Ini membuktikan keprihatinan baginda terhadap kesejahteraan rakyat di negara ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin

Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas keizinan Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara bagi saya menyampaikan ucapan dengan ringkas-ringkasnya di majlis ini. Sebelum itu saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang baru, bak kata pantun Melayu, *'Tikar perdana tolong lipatkan, kayu gaharu bercabang dua, sahabat lama jangan lupakan, yang baharu tetap ditaati jua'*.

Jadi saya sangat menyokong dengan setinggi-tingginya dan sepenuh-penuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyebarkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda bercemar duli dan di atas kurnia titah baginda sempena Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh pada hari Selasa semalam. Jadi di antara isi kandungan titah baginda, baginda sangat-sangat mengambil berat terutama tentang keselamatan, keselesaan dan kukuh ekonomi dan kewangan penduduk dan rakyat di negara ini. Setentunya kita selaku rakyat dan

penduduk negara ini sentiasa menghargai serta bersyukur atas usaha-usaha kerajaan di samping mengelakkan berlakunya pembaziran. Tanggungjawab kita ialah bagi mematahkan penyalah penggunaan subsidi kerajaan. Perbuatan sedemikian setentunya adalah hukumnya haram.

Walaupun pendapatan banyak dan kukuh kewangan kalau tidak diuruskan dengan baik ianya tidaklah menjamin bagi kestabilan ekonomi, kita harus meningkatkan beberapa produktiviti yang bererti di samping mengutamakan peningkatan *capacity building*. Peruntukan yang bersesuaian yang diberikan kepada kementerian dan jabatan demi menambahkan keupayaan tenaga hendaklah diambil peluang oleh mereka, kerana ianya diadakan bagi membantu belia-belia di negara ini bagi mendapatkan pekerjaan di sektor swasta dan juga di perkhidmatan awam.

Baginda juga menitahkan bagi memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Pandu iaitu *'Ease of Doing Business'*. Dengan adanya Jawatankuasa ini akan lebih meningkatkan lagi kedudukan negara dalam indeks pencapaian dan maksud *'ease of doing business'* dan baginda juga menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat supaya meneruskan dan meningkatkan usaha dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk mahupun dalam dan di luar bandar. Insya-Allah, saya selaku salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan lebih berusaha dengan sepenuh-penuhnya bagi menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dan kepada pihak semua lapisan penduduk dan rakyat supaya akan sama-sama berusaha dengan lebih progresif mempelbagaikan aktiviti ekonomi agar tidak terlepas peluang begitu saja atau ketinggalan disebabkan sifat banyak menunggu dan sifat menanti dan hanya melihat saja. Jadi Yang Di-Pertua, demikianlah sokongan yang dapat saya sampaikan di dewan ini. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah diberi isyarat oleh Jurutulis bahawa masanya tiba bagi kita berehat selama setengah jam dan majlis ini akan disambung semula nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahi-Ahli Yang Berhormat, sekarang marilah kita menyambung semula persidangan mengenai Perkara VI iaitu usul yang telah diberikan notis oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Assalamu'laikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola dengan penuh bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana

dengan limpah izin-Nya maka diri kaola dapat berada di dewan yang mulia ini dan disertai dengan hati yang penuh tulus ikhlas untuk menggabungkan diri kaola dalam menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Bagi diri kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda di Dewan Majlis yang indah ini pada hari Selasa 26 Rabiulawal 1432 bersamaan 1 Mac 2011 semasa Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya baginda mengurniakan titah.

Dan dalam kesempatan ini juga, kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pehin di atas perlantikan sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam menjunjung titah baginda yang bernas lagi berpandangan jauh baginda itu. Kaola memetik salah satu perenggan daripada titah baginda iaitu "*sebagai contoh baharu sahaja ekonomi dan kewangan dunia sedikit pulih daripada cengkaman krisis yang dinamik dan dramatik, tiba-tiba giliran inflasi pula mula membebaskan kehidupan sejagat sehingga menggugat keharmonian dan kestabilan beberapa negara di dunia*". Yang Berhormat Di-Pertua, apabila kita amat-amati dengan mendalam akan titah baginda memang nyata kepada kita bahawa baginda itu mengambil berat dan sangat berharap seluruh rakyat di

negara ini dapat hidup sempurna dan mempunyai rumah yang selesa untuk seisi keluarga, mampu berbelanja tanpa bebanan hutang yang besar. Semua kita rakyat di negara ini turut sama berkongsi harapan dengan baginda untuk melihat saudara mara, sahabat handai, jiran-jiran dan termasuk diri kita, juga menikmati kehidupan yang sempurna pada kadar yang bersesuaian dalam kesederhanaan insan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, kaola juga tertarik bagi memetik titah baginda dalam perenggan yang lain iaitu; *“kita juga bergembira melihat latihan-latihan bersepadu yang diberikan kepada anak-anak muda untuk meningkatkan kemahiran perniagaan mereka, penekanan kepada pendidikan teknikal dan vokasional yang dikuatkan oleh Kementerian Pendidikan adalah bertepatan pada masanya”*. Alhamdulillah, pendidikan vokasional dan teknikal adalah salah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada membekalkan dan menyediakan ilmu dan kepakaran kepada para belia yang amat berguna bagi kejayaan karier mereka dan seterusnya mampu menyumbangkan pada negara. Kalau dahulu pembinaan pendidikan vokasional dan teknikal adalah pilihan kedua, sekarang dengan kenaikan taraf dari segi rupa bentuk bangunan hinggalah kepada peralatan belajar terkini, kini lulusan pendidikan vokasional dan teknikal amat diperlukan terutama dalam industri-industri seperti pembuatan teknikal, penciptaan dan lain-lain lagi di samping usaha Kementerian Pendidikan menyediakan prasarana

pendidikan dan peralatan pembelajaran yang setaraf dengan negara maju yang lain.

Kita mengharapkan lebih ramai para peneraju sektor swasta dan industri ikut serta membantu dalam bidang kepakaran. Memberi peluang dan kepercayaan kepada graduan tempatan untuk bekerja dengan mereka. Akhirnya sukacita kaola menjunjung kasih ini dengan memetik ayat salah satu perenggan daripada titah baginda yang tinggi nilainya itu ketika pembukaan sidang ini iaitu; *“apa jua permasalahan itu untuk kita tangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding dengan hati yang terbuka dalam dewan yang mulia ini”*. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas peluang yang diberikan untuk menggabungkan diri bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat di majlis ini ke atas usul dan menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di

atas keberangkatan baginda ke Majlis Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2011 dan di atas kurnia titah baginda di majlis perasmian tersebut. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya, kurnia titah perasmian baginda itu adalah sangat tinggi nilainya, berpandangan jauh dan sangat signifikan untuk diamat-amati dan diambil perhatian bukan sahaja di kalangan kita Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam dewan ini, tetapi semua yang berkenaan serta semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini di dalam kita sama-sama menanai, mendukung dan seterusnya mengambil apa jua tindakan yang sewajarnya secara bersepadu bagi sama-sama merealisasikan dan menunaikan hasrat murni dalam titah baginda tersebut.

Antara lain isi kandungan titah baginda yang sangat penting yang seharusnya kita ambil perhatian di dewan ini untuk dijadikan sebagai platform mencetuskan idea-idea dan pandangan yang bernas lagi positif yang membawa pembaharuan demi untuk memajukan dan memantapkan lagi perkembangan dan kemajuan negara yang lebih dinamik, cemerlang serta *sustainable* dalam pelbagai aspek yang antara lainny:-

a) Semua lapisan rakyat dan penduduk khususnya pihak swasta dan para belia akan dapat sama-sama bergiat lebih progresif untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara ini di mana baginda juga menitahkan janganlah terlepas peluang atau tertinggal di belakang disebabkan oleh sikap banyak menunggu atau asyik menonton sahaja.

b) Kedua, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus memberikan keutamaan peningkatan kapasiti (*Capacity Building*) dan pelbagai kemahiran. Ini termasuklah juga pertambahan penghantaran anak-anak tempatan dalam bidang kepakaran dan profesion tertentu. Tujuan utamanya untuk meningkatkan produktiviti, efisiensi, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan meningkatkan persaingan dalam menghadapi cabaran-cabaran dan persaingan global.

Kita hendaklah juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan berkat kewibawaan dan kepimpinan bijaksana raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berjiwa rakyat dan sentiasa prihatin dan memedulikan hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini yang membolehkan kita terus menerus menikmati berbagai-bagai bentuk kemudahan dan bersama-sama menikmati keselamatan, keamanan, kemakmuran, kesejahteraan hidup yang selesa dan harmoni serta kestabilan negara.

Ini adalah jelas dalam titah baginda yang menitahkan dalam memperingati kita semua sebagai Ahli-Ali Majlis Mesyuarat dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memedulikan permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-

kawasan pedalaman. Dari itu kita adalah sama-sama bertanggungjawab untuk menjunjung dan menanai titah baginda tersebut dan bersama-sama menangani masalah dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding dan hati yang terbuka bukan saja terhad di dewan ini malahan juga di luar dewan ini adalah bersama-sama kita alu-alukan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita juga selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewajarnya juga memanjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan juga sangat bertuah bernaung di Negara Brunei Darussalam ini atas dasar kerajaan baginda yang terus membantu rakyat dan penduduk melalui subsidi-subsidi dalam beberapa keperluan asasi.

Ini termasuklah juga dalam bidang perubatan, pendidikan, elektrik dan lain-lain. Nikmat subsidi yang amat tinggi nilainya ini telah dapat meringankan bebanan rakyat serta penduduk di negara ini, di mana membolehkan kita semua menjalani kehidupan yang lebih selesa, sejahtera serta menikmati taraf hidup yang berkualiti. Kemudahan yang diberikan ini hendaklah dimanfaatkan sebaik-baiknya dan sebarang pembaziran dan penyalahgunaan mestilah dielakkan seperti yang dititahkan oleh baginda.

Kita hendaklah juga bekerjasama terutama sekali di kalangan rakyat dan penduduk

di negara bagi membantu agensi-agensi penguatkuasaan dalam membanteras apa jua aktiviti-aktiviti penyeludupan keluar barang-barang subsidi. Dalam kita bersama-sama menanai dan mendukung titah baginda tersebut, seperti yang dititahkan selaku rakyat dan penduduk di negara ini semestilah berperanan melipatgandakan sumbangan, usaha dan khidmat bakti mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing. Mengamalkan kerjasama, bantu-membantu, bersatu padu, hidup harmoni dan menghayati falsafah negara kita Melayu Islam Beraja dalam kita bersama-sama mengukuhkan dan memantapkan sosial ekonomi negara yang lebih mampan demi *survival* bangsa dan negara.

Akhirnya dalam kesempatan ini kaola ingin mengongsikan bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat atas lantikan menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Kaola penuh percaya dan berkeyakinan dengan kewibawaan dan pengalaman Pehin Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ini akan berjalan dengan baik dan sempurna dan mantap untuk mempertingkatkan martabat Majlis Mesyuarat Negara. Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis.

Yang Di-Pertua: Terima Kasih Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji

Abdul Rahman: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara. Di kesempatan yang keemasan ini kaola memohon izin untuk turut menyampaikan sedikit ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat, di dewan yang mulia pada pagi semalam.

Dari titah baginda itu nampak betapa luasnya aspek yang baginda sentuh mengenai permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara kita hari ini. Ini menunjukkan betapa tingginya keprihatinan baginda itu di mana baginda menasihatkan supaya kita berhati-hati agar rakyat dan penduduk di negara ini tidak terjebak dalam kesusahan. Antaranya ialah mengenai keadaan ekonomi dan keamanan dunia yang baru saja sedikit pulih, tetapi sebahagian dunia kini menghadapi pula keadaan inflasi. Alhamdulillah, walaupun negara kita terpelihara dari tekanan inflasi tersebut disebabkan adanya dasar-dasar subsidi untuk membantu rakyat dan penduduk di negara ini dalam beberapa keperluan asasi, namun Yang Berhormat, rakyat dan penduduk di negara ini pula perlulah bekerjasama dengan mengelakkan pembaziran dan jangan menyalahgunakan subsidi-subsidi yang dihulurkan seperti melakukan penyeludupan ke luar negara

barang-barang subsidi tersebut yang hukumnya adalah haram dan merupakan satu jenayah.

Adalah wajar agar semua agensi penguatkuasaan bekerja lebih keras untuk menangani perkara ini, perkara penyeludupan ini sebagaimana yang ketahui ada berlaku bukan saja penyeludupan ke luar juga penyeludupan masuk ke dalam negara kita perkara-perkara yang memang dilarang untuk masuk ke dalam negara kita, dan ini kaola berharaplah supaya agensi-agensi yang berkenaan lebih peka lagi kepada perkara-perkara yang diharamkan tersebut seperti minuman keras, yang mana benda tersebut itu telah diseludup dengan cara yang haram. Baginda juga mengingatkan supaya kita berhati-hati dalam membelanjakan kewangan negara. Pendapatan yang banyak bukanlah bermakna terjamin, kestabilan dan kekukuhan kewangan negara. Apa yang penting ialah pengurusan yang berhemah dan bijaksana dan jangan berbelanja di luar kemampuan, jangan membazir, jangan rasuah dan lain-lain.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa membazir dan rasuah adalah dua perkara yang bertentangan dengan ajaran agama Islam dan sebagaimana yang kitani maklumi kitani adalah sebuah negara Islam yang seharusnya mengelakkan perkara tersebut membazir. Banyak perkara-perkara yang membazir ini berlaku dalam masyarakat kitani. Orang yang membazir dianggap saudara syaitan dan orang yang rasuah, pemberi rasuah dan penerima rasuah itu dilemparkan dalam neraka.

Sehubungan itu, menurut baginda untuk menjamin kemantapan ekonomi dan kewangan negara adalah perlu ditingkatkan produktiviti yang berkait rapat dengan peningkatan *capacity building*. Peruntukan yang bersesuaian bagi kementerian dan jabatan-jabatan telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam perkara ini. Ini ialah supaya kita dapat bersaing dalam arus deras globalisasi hari ini. Ini juga bermakna peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan akan terbuka luas yang wajar direbut oleh para belia.

Sebagai contoh, usaha bersepadu telah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mengendalikan Program Pengupayaan Asnaf Zakat, ringkasnya PROPAZ di mana para belia telah dilatih untuk berusaha sendiri agar nantinya dapat keluar dari kepompong kemiskinan. Usaha ini telah menampakkan kejayaan walaupun masih bersaiz kecil kita berharap ianya akan berkembang dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, perhatian baginda bukan sahaja terfokus bagi menaikkan taraf ekonomi rakyat dan penduduk di negara ini juga terhadap permasalahan yang di luar kawalan kita seperti banjir yang menimpa sebahagian kawasan dalam negara kita baru-baru ini. Usaha bersepadu semua agensi telah berjaya menangani perkara ini dengan harapan baginda supaya usaha-usaha yang lebih konkrit akan dapat dibuat. Dalam menghadapi bencana alam ini selain usaha-usaha berbentuk fizikal, usaha-usaha kerohanian juga telah dilakukan di masjid-masjid di seluruh negara dengan melakukan

Sembahyang Hajat, membaca Qunut Nazilah, membaca Surah Yasin dan Doa Tolak Bala untuk memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala akan pertolongan-Nya supaya negara kita selamat dan terhindar dari bencana yang sedemikian itu.

Semuanya ini adalah didorong oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sendiri dengan respons yang kuat dari seluruh rakyat dan penduduk di negara ini yang mana telah mendatangkan natijah yang sangat baik. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha fizikal dan kerohanian dalam menghadapi apa jua situasi dan keadaan perlulah sentiasa berjalan seimbang dan serentak sesuai dengan negara kita sebagai sebuah Negara Zikir dan sesuai dengan doa kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang selalu kita pohonkan "*Rabbana atina fiddunya hasanah, Wafil aakhirati hasanah, Wa qinna azzabannar* " ertinya "Wahai Tuhan Kami Kurniakanlah kepada kami kebaikan hidup di dunia dan kebaikan hidup di akhirat, dan selamatkanlah kami daripada api neraka". Demikianlah hujah-hujah saya Yang Berhormat Pehin, Yang Di-Pertua Majlis. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Di-Pertua Majlis, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya menyokong sepenuhnya usul yang telah dicadangkan oleh rakan saya, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan

bagi menjunjung kasih atas keberangkatan dan atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam kelmarin. Saya amat menjunjung kasih atas titah baginda yang akan menjadi fokus permesyuaratan kita pada musim ini. Kita berasa bersyukur pada musim ini majlis mesyuarat negara pada tahun ini seperti juga pada tahun-tahun lepas kita adakan dalam suasana aman damai penuh harmoni dan juga semangat kerjasama untuk sama-sama membangun negara yang kita cintai. Berbincang secara muzakarah seperti yang kita amalkan telah menghasilkan persefahaman di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan telah membawa kemajuan yang kita hajati.

Yang Di-Pertua Majlis, saya berdiri di dewan ini pada kali ini hanya untuk menyatakan komitmen Kementerian Pembangunan mendokong titah baginda untuk melipatgandakan usaha dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar maupun di kawasan pedalaman. Insya-Allah dalam perdebatan kita beberapa hari yang akan datang ini, Kementerian Pembangunan akan dapat mengongsikan projek-projek yang telah dan masih dilaksanakan dan rancangan-rancangan jangka pendek dan panjang yang telah dirancang termasuklah isu mengatasi

masalah banjir, perumahan, jalan raya dan sebagainya. Sekian saja Yang Di-Pertua, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Ada lagi Ahli-Ahli yang Berhormat lain yang akan membahaskan usul ini.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat yang Di-Pertua, terima kasih dan saya terlebih dahulu seperti juga rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan tahniah di atas lantikan Yang Berhormat Pehin menjadi Yang Di-pertua Majlis Mesyuarat Negara dan percaya dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Pehin, insya-Allah majlis ini akan menepati makna dan harapan yang diberikan kepadanya iaitu sebagai dewan permuzakarah dan perundingan bukan dewan untuk pertikaman lidah di antara ahli-ahlinya.

Seterusnya saya menyertai rakan-rakan yang lain sama ada ahli-ahli di sebelah sini atau sebelah sana untuk menyembahkan sembah menjunjung kasih usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong iaitu menyembahkan junjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis ini

merasmikannya dan seterusnya mengurniakan titah perasmian.

Menyentuh mengenai titah perasmian itu saya mengambil kesempatan untuk menyentuh satu dua perkara sahaja. Pertama sekali ialah aspek berhubung dengan seruan baginda supaya kita dikehendaki bersyukur di atas limpah nikmat yang kita nikmati di Brunei ini. Alhamdulillah, kita yang masih kukuh di mana negara-negara lain mengalami inflasi. Kesan inflasi itu tidak dirasakan di negara ini. Semuanya ini adalah kerana adanya skim subsidi yang sangat meluas, yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat.

Mengenai skim subsidi ini, titah yang kita dengar supaya mengelakkan pembaziran jangan menyalahkan penggunaan. Sesungguhnya titah ini sangatlah dijunjung.

Satu perkara yang mesti kita ingat bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Brunei pada tradisinya adalah suatu kerajaan berpemerintahan beraja yang *benevolent* yang penuh dengan ihsan. Tradisi pemerintahan kita ialah bahawa rakyat dan raja itu adalah satu. Rakyat memberikan kesetiaan kepada raja dan raja memerintah dengan adil dan penuh bijaksana serta memberi perhatian kepada kebajikan dan kehidupan rakyat. Antaranya dalam tradisi itu ialah mengasaskan bahawa kemakmuran itu diagihkan sebaik-baiknya. Pendapatan negara diurus dengan sebaik-baiknya dan kelebihan daripada pendapatan itu diagihkan, secara apa yang dinamakan subsidi walaupun belum pernah disebut-sebut pengagihan sedemikian itu. Tetapi itulah sebenarnya cara di mana rakyat dan

kerajaan itu diikat dengan sesungguhnya dan kerajaan mengambil langkah-langkah untuk tidak membebankan rakyat dengan cukai atau membebankan rakyat dengan tanggungan harga barangan dan bayaran perkhidmatan yang mahal dan tinggi, itu satu aspek, Yang Di-Pertua.

Aspek yang kedua, yang saya ingin menyentuh dan menjunjung kasih di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah berhubung dengan permasalahan rakyat yang bermastautin di mana-mana jua, di bandar atau di luar bandar. Sesungguhnya titah ini adalah memberikan inspirasi dan aspirasi juga kepada segenap jajaran kerajaan terutama sekali Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berhubung langsung dengan rakyat di bandar dan di luar bandar.

Berhubung dengan perkara ini, permasalahan itu bukanlah sebagaimana juga Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi menyebut, "*bukan saja akan kita lihat di majlis ini di dewan ini tetapi akan kita lihat juga di luarnya*". Dan sesungguhnya jajaran yang ada pada masa ini yang untuk melihat kepada permasalahan itu selain daripada permuzakarahannya-permuzakarahannya yang dilakukan oleh kementerian-kementerian dengan orang ramai dan kelompok-kelompok orang ramai ialah juga adanya semacam mekanisme iaitu adanya Institusi Penghulu dan Ketua Kampung dan adanya institusi yang sudah berjalan dengan baik sekarang ini iaitu majlis-majlis perundingan mukim dan perundingan kampung.

Sesungguhnya, institusi-institusi ini insya-Allah akan kita kembangkan sebagai suatu mekanisme dalam kepemimpinan akar umbi. Demikianlah saja Yang Berhormat, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada lagi ahli yang ingin memberi ucapan, silakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, nampaknya tidak ada lagi ahli lain yang ingin membahaskan Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu. Oleh yang demikian saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya mengangkat tangan untuk meluluskan Usul ini, silakan.

(Semua Ahli mengangkat tangan).

Terima kasih.

Nampaknya keseluruhan Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyatakan persetujuan. Maka dengan sendirinya Usul untuk menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu sekarang diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya persidangan ini ditangguhkan buat pagi ini dan akan disambung semula pada pukul 2.30 petang nanti, hari ini jua. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung pada jam 2.30 petang

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah pagi tadi Majlis Mesyuarat Negara ini telah pun meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis pada hari Selasa kelmarin 26 Rabiulawal 1432 bersamaan 1 haribulan Mac 2011 dan di atas kurnia titah baginda pada merasmikan persidangan majlis ini yang mana majlis menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang majlis ini akan membincangkan perkara yang ke-VII, iaitu Rang Undang-Undang 2011, Perbekalan 2011/2012 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Jurutulis: Perkara yang ke-VII akan mengemukakan Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan segala hormatnya kaola memohon izin mengemukakan bagi pihak Menteri Kewangan Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "*Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu*" untuk bacaan kali pertama.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar "*Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu*" untuk bacaan kali yang pertama.

Timbalan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar "*Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu*".

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Di-Pertua kaola memohon izin bagi memaklum kepada majlis ini bahawa kaola akan

mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang Yang Bergelar “Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu” pada mesyuarat hari ini jua.

Oleh kerana kaola bercadang hendak membuat bacaan kedua dan ketiga akan rang undang-undang tersebut ini pada hari ini jua maka kaola memohon kebenaran Yang Di-Pertua supaya digantungkan Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan membuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan-permohonan kaola ini adalah semata-mata untuk membolehkan majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih licin lagi.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah saya mendengar keterangan-keterangan dan sebab-sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) maka saya membenarkan supaya Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung untuk membolehkan rang undang-undang itu dibaca bagi kali kedua dan ketiga menurut syarat 48(iii) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas izin Yang Di-Pertua untuk kaola mencadangkan

supaya rang undang-undang yang bergelar “Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu” dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen Wassalaatu
Wassalamu ‘Ala Asyrafil Anbiya ewal
Mursaleen Sayyidina Muhammaddin,
Wa’alaa Aalihee Wasahbihee Ajma’een.
Assalamu’alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat, Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kaola membentangkan cadangan Belanjawan 2011/2012 terlebih dahulu kaola ingin menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah melafazkan hujah masing-masing pada pagi ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kurnia lantikan Yang Berhormat Pehin selaku Yang Di-Pertua oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola berdoa semoga Yang Berhormat Pehin sentiasa sihat walafiat dan berterusan dikurniakan Taufik dan dalam pemeliharaan oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

1. Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah “Untuk membenarkan pengeluaran sejumlah Lima Ribu Lapan Ratus Juta Ringgit Brunei (B\$5,800,000,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012

dan untuk memperuntukkannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual". Dalam berbuat demikian kaola memohon izin Yang Di-Pertua Dewan bagi menghuraikan secara ringkas mengenai perkembangan semasa ekonomi negara dan jua isu-isu utama ekonomi dan geo-politik global khususnya yang berkaitan dan mempunyai impak langsung terhadap sosio-ekonomi negara ini.

2. Insyallah kaola juga akan mengongsikan faktor-faktor utama yang diambil kira dalam merancang Belanjawan Negara ini termasuk mengenai fokus belanjawan dan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dalam Tahun Kewangan 2011/2012 yang akan datang.

Yang Di-Pertua,

Kedudukan Ekonomi Global dan Negara

3. Dalam mengimbas perkembangan ekonomi dunia sejak beberapa bulan kebelakangan ini alhamdulillah telah terdapat petanda-petanda pemulihan setelah mengalami kemelesetan bermula pada tahun 2008. Kadar pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2010 adalah lebih baik daripada jangkaan meskipun terdapat sedikit penurunan pada akhir tahun 2010 dan awal tahun 2011 ini. Pertumbuhan ini dijangka sederhana dan lebih stabil pada jangka masa panjang. Walau bagaimanapun ketidakpastian tetap wujud khususnya di negara-negara maju disebabkan permintaan pengguna (*private consumption*) yang masih perlahan serta kadar pengangguran yang masih tinggi.

4. Mengikut laporan International Monetary Fund (IMF) pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2010 dianggarkan pada kadar 4.8% tetapi dijangka menurun kepada 4.4% bagi tahun 2011 ini. *Asian Development Bank* (ADB) pula menjangkakan pertumbuhan di Asia Tenggara akan berkembang secara sederhana pada kadar 5.4% bagi tahun 2011 berbanding 7.4% pada tahun 2010. Pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2010 telah didorong oleh negara-negara *emerging markets* dengan peningkatan permintaan domestik masing-masing khususnya di negara China dan India.

5. Walau bagaimanapun terdapat risiko-risiko yang mungkin boleh mengakibatkan krisis ekonomi global yang baru. Antara risiko tersebut berpunca dari dasar penurunan atau penahanan nilai mata wang pada tahap yang rendah yang diamalkan oleh beberapa buah negara utama untuk meningkatkan daya saing eksport dan ekonomi masing-masing. Langkah-langkah tersebut kini telah menimbulkan masalah "*competitive currency devaluation*" yang mungkin akan mendorong beberapa negara untuk mengamalkan dasar-dasar perlindungan (*protectionism*). Ini tidak akan menyelesaikan masalah *global trade imbalances* malah dijangka akan lebih menyukarkan lagi usaha-usaha ke arah pemulihan ekonomi dunia.

6. Kesan sampingan dari dasar tersebut juga ialah "*excess liquidity*" yang perlu mengejar pulangan pelaburan yang menarik. Ini adalah antara penyebab

kemasukan modal (*capital inflows*) yang sukar dikawal di pasaran *emerging markets* sejak kebelakangan ini yang dijangka mendatangkan banyak masalah kepada ekonomi negara-negara yang menjadi destinasi bagi pelaburan yang berbentuk *portfolio investment* tersebut terutamanya masalah inflasi pasaran kewangan dan hartanah.

7. Di samping itu ekonomi global juga terus berdepan dengan masalah kritikal beban hutang awam yang terlalu tinggi seperti yang dialami oleh beberapa negara utama Eropah dan juga Amerika Syarikat yang perlu diberi tumpuan bagi mengelakkan krisis kewangan yang baru. Masalah hutang awam yang tinggi ini membataskan keupayaan negara-negara tersebut untuk bertindak secara berkesan bagi proses pemulihan ekonomi yang menyebabkan keadaan sosio-ekonomi di negara-negara berkenaan seperti *homelessness* dan kadar pengangguran yang tinggi terus berlarutan.

8. Dalam pada itu dengan fenomena cuaca yang tidak menentu dan bencana alam yang sering berlaku di seluruh dunia sejak kebelakangan ini dunia juga dikhuatiri menghadapi risiko berlakunya krisis bekalan makanan yang berpunca dari penghasilan makanan yang rendah. *Food and Agricultural Organisation (FAO) United Nations* melaporkan terdapat risiko berlakunya peningkatan harga makanan disebabkan rizab makanan dunia (*global food reserves*) yang berkurangan. Dalam hubungan ini inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam meningkatkan kegiatan di dalam sektor pertanian termasuk penanaman padi tempatan adalah

merupakan langkah yang tepat pada masanya yang insya-Allah akan dapat sedikit sebanyak membantu pihak kerajaan dalam menangani sebarang masalah yang mungkin timbul berkaitan dengan bekalan makanan.

9. Beralih kepada prestasi ekonomi Negara Brunei Darussalam pihak ADB dalam laporannya pada September 2010 telah meramalkan negara akan mencapai pertumbuhan ekonomi pada kadar 1.1% pada tahun 2010 dan meningkat pada kadar 1.5% pada tahun 2011 ini. Inflasi pula dijangka terus terkawal pada kadar di bawah 2.0% bagi tahun 2011. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam laporan terkininya pula telah mengunjurkan ekonomi negara pada tahun 2010 berkembang pada kadar di antara 1.6% hingga 3.0%.

10. Walau bagaimanapun unjuran pertumbuhan ini adalah bergantung kepada andaian-andaian penting. Ini antara lainnya termasuklah pemulihan dan kadar pertumbuhan ekonomi global; peningkatan pengeluaran minyak dan gas negara; harga minyak yang stabil dan di tahap yang berpatutan di pasaran dunia. Kejayaan pengeluaran dan pengeksportan methanol; peningkatan pelaburan dari syarikat-syarikat minyak dan gas; kemajuan pelaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara; dan sumbangan bermakna dari sektor pelancongan industri perkhidmatan dan produk halal.

11. Secara amnya bagi Negara Brunei Darussalam setakat ini kesan langsung

daripada pergolakan ekonomi global alhamdulillah adalah terhad. Dengan ekonomi global yang mula menunjukkan proses pemulihan negara dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua telah sedikit sebanyak menerima kesan positif daripada peningkatan hasil minyak dunia pada tahun 2010. Walau bagaimanapun kesan positif daripada kenaikan tersebut adalah masih terhad disebabkan oleh tahap pengeluaran minyak negara yang rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya di samping kos pengeluaran minyak yang semakin meningkat dan juga nilai mata wang Dolar Amerika Syarikat yang terus menurun.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

12. Alhamdulillah dengan rahmat serta inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua dan dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara ini telah terus dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan. Walau bagaimanapun kita harus terus peka terhadap risiko-risiko yang boleh menggugat kestabilan ekonomi negara kita yang masih terlalu bergantung kepada sektor minyak dan gas. Di samping itu munculnya wabak-wabak penyakit seperti SARS dan H1N1 serta fenomena cuaca yang tidak menentu yang mengakibatkan bencana alam seperti tanah susur banjir dan angin kencang di negara ini juga telah memerlukan penanganan yang segera apabila terjadi. Oleh itu usaha-usaha mengukuhkan kewangan negara akan lebih

berdaya tahan ataupun *sustainable* tetap menjadi suatu keutamaan.

13. Namun demikian di sebalik cabaran-cabaran yang ditempuhi ini alhamdulillah pada keseluruhannya rakyat dan penduduk negara ini terus dapat menikmati taraf hidup yang selesa dalam keadaan aman. Kerajaan juga terus dapat melaksanakan projek-projek pembangunan dan menghulurkan kemudahan serta perkhidmatan bagi memenuhi keperluan asas rakyat dan penduduk di negara ini. Kesemua ini hanya dapat dicapai dengan adanya dasar berhemat dalam mengurus belanjawan dan kewangan negara selaras dengan objektif pengukuhan fiskal (*fiscal consolidation*) yang diamalkan sejak beberapa tahun yang lalu. Melalui dasar tersebut dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kerajaan juga setakat ini masih mampu membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang di luar jangkaan yang telah menyebabkan perbelanjaan sebenar kerajaan secara keseluruhannya lebih tinggi daripada yang telah dirancang.

Yang Di-Pertua,

14. Sekarang izinkan kaola mengongsikan beberapa perkembangan dan pencapaian utama sepanjang Tahun Kewangan 2010/2011 yang antara lainnya adalah termasuk perkara-perkara seperti berikut:-

14.1. Hasil daripada inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh beberapa agensi-agensi kerajaan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam tangga "*Ease of Doing Business 2010-2011*" keluaran *The World*

Bank telah meningkat 5 anak tangga kepada 112 daripada tahun sebelumnya. Dalam Laporan *World Bank* tersebut Negara Brunei Darussalam juga diiktiraf sebagai “*Top 10 reformer*”. Pengiktirafan ini adalah hasil langkah-langkah konkrit dan bersepadu yang telah diambil oleh kerajaan dalam meningkatkan daya saing negara bagi mendukung aktiviti perniagaan dan pelaburan di negara ini. Di samping itu negara juga telah dapat memperbaiki kedudukannya sebanyak 4 anak tangga dalam indeks “*Global Competiveness 2010 – 2011*” kepada tangga ke 28. Walaupun pengiktirafan ini adalah sebagai satu penghargaan kepada negara dan agensi-agensi terlibat kita menyedari bahawa negara perlu lebih melipatgandakan usaha untuk meningkatkan lagi tangga pencapaian ini ke tahap yang lebih tinggi.

- 14.2. Pelancaran inisiatif Brunei Halal Alhamdulillah telah menunjukkan perkembangan yang menggalakan, sejak suku keempat tahun 2010 Jenama tersebut telah mula menawarkan barangan-barangan di gedung-gedung perniagaan tempatan dan akhir-akhir ini juga di luar negara. Inisiatif negara untuk mengeluarkan barangan halal yang berkualiti tinggi di rantau ini dan di peringkat antarabangsa insya-Allah akan dapat diperkukuhkan lagi apabila negara mula mengeluarkan produk-produk *pharmaceutical* dan

nutraseutikal yang halal dan bermutu tinggi dengan tertubuhnya sebuah syarikat usahasama dengan sebuah syarikat pengusaha dari Kanada pada penghujung tahun ini. Langkah ini di samping menyumbang kepada usaha-usaha kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi negara dan membuka banyak lagi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan adalah juga bertujuan untuk memenuhi tanggungjawab fardhu kifayah khususnya kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam dan sebagai sumbangan negara dalam memperbanyakkan lagi produk-produk halal dan berkualiti di pasaran antarabangsa.

- 14.3. Dalam sektor minyak dan gas negara dengan izin Allah Subhanahu Wata’ala baru-baru ini telah menandatangani perjanjian bagi cari gali minyak dan gas di kawasan luar pesisir (*offshore*) dengan beberapa konsortium antarabangsa bagi blok CA1 dan CA2. Perkembangan ini adalah merupakan satu detik sejarah dalam penerokaan dan penggalian *hydrocarbon* bagi Negara Brunei Darussalam kerana ianya melibatkan kawasan laut dalam (*deepwater*) yang sangat mencabar dan berisiko tinggi.
- 14.4. Di sektor kewangan negara juga telah mencapai kemajuan dengan tertubuhnya *Authority, Monetary*

Brunei Darussalam (AMBD) yang mula beroperasi pada 1 Januari 2011. *AMBD* ini adalah merupakan sebuah badan berkanun yang antara lainnya bertanggungjawab bagi merangka dan melaksanakan dasar-dasar monetari; mengeluarkan mata wang Negara Brunei Darussalam; dan melaksanakan pengawalseliaan ke atas institusi-institusi kewangan dan perbankan di negara ini secara bersepadu agar ianya akan dapat berkembang secara *sustainable* dan dinamik bagi mendukung pertumbuhan ekonomi negara.

- 14.5. Selaras dengan amalan terbaik antarabangsa pada 1 Januari 2011 juga kerajaan telah memperkenalkan dan menguatkuasakan Perintah Perlindungan Deposit 2010. Perintah ini antara lainnya memperuntukkan pelaksanaan satu skim perlindungan deposit kepada pendeposit-pendeposit sehingga maksimum BND50000 yang disimpan dengan ahli institusi-institusi yang terdiri dari semua bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan (Islam dan konvensional) yang berlesen di negara ini sekiranya institusi-institusi ini tidak berupaya memenuhi liabiliti-liabiliti deposit mereka.

- 14.6. Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan pindaan kepada Peraturan Cuti Beranak bagi rakyat dan penduduk tetap negara ini iaitu dari lapan minggu (56 hari) kepada 15 minggu (105 hari). Ianya meliputi perkhidmatan di sektor awam dan di sektor swasta. Melalui peraturan ini kaum ibu di negara ini bukan sahaja akan dapat menjalani pemulihan selepas bersalin tetapi juga akan dapat memberikan perhatian dan pemedulian yang perlu, terutamanya dalam penyusunan anak-anak damit yang baru dilahirkan.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

15. Sebagaimana yang telah kaola nyatakan tadi, perkembangan ekonomi global semasa, walaupun menunjukkan petanda-petanda positif tetapi masih terus mempunyai cabaran-cabaran dan risiko-risiko yang tinggi. Dengan hasil pendapatan negara yang masih banyak bergantung kepada sektor minyak dan gas yang seterusnya bergantung pula kepada faktor-faktor luaran seperti harga minyak global dan nilai pertukaran Dolar Amerika Syarikat yang di luar kawalan ketidaktentuan (*uncertainty*) tersebut perlu diambil kira dalam kita menganggarkan hasil pendapatan kerajaan bagi tahun-tahun yang akan datang. Mengambil kira faktor-faktor ini di samping kesan kos pengeluaran yang semakin meningkat dan tahap pengeluaran minyak negara yang rendah pendapatan kerajaan

daripada sektor minyak dan gas bagi Tahun Kewangan 2011/2012 dianggarkan sebanyak **\$5,173.50 juta sahaja**.

16. Bagi sektor bukan minyak dan gas pula berpandukan trend dan hasil kutipan sebenar pendapatan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan bagi Tahun Kewangan 2011/2012 adalah dianggarkan sebanyak \$725.1 juta sahaja. Ini membawa unjuran bagi Anggaran Hasil bagi Tahun Kewangan 2011/2012 kepada **\$5,898,600,000.00**. Jumlah ini walaupun merupakan peningkatan sebanyak \$1,268 juta daripada \$4,630 juta yang dianggarkan bagi Tahun Kewangan 2010/2011 akan tetapi ianya masih di tahap rendah berbanding dengan hasil yang diperolehi pada Tahun Kewangan 2008/2009.

Yang Di-Pertua,

17. Perbelanjaan sebenar kerajaan telah meningkat dari tahun ke setahun, manakala hasil daripada sektor bukan minyak dan gas tetap mendatar. Berasaskan rekod perbelanjaan dan hasil kerajaan bagi tempoh empat tahun kebelakangan jika pendapatan dari sektor minyak dan gas tidak diambil kira kerajaan telah mengalami **non-oil deficit** yang tinggi iaitu di antara **\$4.8 bilion ke \$5.2 bilion setahun**. Bergantungan ekonomi negara yang tinggi dan berterusan kepada minyak dan gas ini amat membimbangkan dan perlu diambil perhatian berat oleh semua pihak bagi memastikan kestabilan dan kedayatahan sumber kewangan negara.

18. Mengambil kira senario-senario di atas agensi-agensi yang telah di pertanggungjawabkan dalam melaksanakan

kutipan pendapatan kerajaan perlu mengukuhkan pentadbiran dan pengurusan kutipan hasil masing-masing. Hasil-hasil kerajaan mestilah dikutip tepat pada waktunya bagi mengelakkan tunggakan; dan dalam masa yang sama membendung jumlah tunggakan daripada terus meningkat. Sehingga 31 Mac 2010 jumlah keseluruhan tunggakan orang ramai dan sektor swasta kepada kerajaan adalah berjumlah kira-kira \$486.5 juta yang mana antara lainnya termasuk Elektrik \$163 juta; Air \$67 juta; House Assessment Bandaran \$40 juta; Telefon sebelum TelBru diperbadankan \$66 juta; Kemajuan Perumahan \$20.5 juta; Tanah \$7 juta; Badan Kemajuan Industri sebanyak \$8 juta dan lain-lain lagi. Bayangkanlah apa yang boleh di laksanakan oleh kerajaan jika tunggakan \$486.5 juta tersebut dijelaskan sepenuhnya. Jumlah ini boleh saja menampung pembinaan kira-kira 4000 buah rumah; atau 50 buah pusat-pusat kesihatan; atau 23 buah Sekolah Menengah; ataupun 100 buah Sekolah Rendah; atau 250km lebuhraya dan lain-lain lagi.

19. Oleh itu, orang ramai dan sektor swasta diseru untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dalam melunaskan apa jua bayaran termasuk tuntutan-tuntutan yang tertunggak kepada kerajaan dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Ke arah itu sebagai langkah mengukuhkan lagi akauntabiliti agensi-agensi kerajaan dalam pengurusan kutipan hasil Kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah memperkenalkan pelaksanaan peraturan baru berkaitan akaun-akaun hasil kerajaan. Mulai Tahun Kewangan 2011/2012 setiap hasil yang dikutip oleh agensi kerajaan akan diperkirakan mengikut kementerian dan

jabatan yang membuat kutipan hasil berkenaan di mana akaun hasil diselaraskan kepada 5 tajuk sahaja. Dengan perubahan tersebut kecekapan kutipan hasil setiap agensi kerajaan akan dapat diukur dengan lebih jelas agar langkah-langkah pengukuhan pengurusan kutipan hasil akan dapat dilaksanakan dengan segera dan tegas oleh ketua-ketua jabatan.

Yang Di-Pertua,

20. Dalam cadangan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2011/2012 ini kerajaan akan meneruskan matlamat-matlamat utama yang telah digariskan di dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2010/2011. Dasar belanjawan yang menekankan kepada usaha pengukuhan fiskal melalui amalan berbelanja secara berhemat dan berjimat cermat telah terus dijadikan asas dalam menimbang cadangan perbelanjaan yang dihadapkan oleh agensi-agensi kerajaan. Melalui matlamat-matlamat penting ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia insya-Allah akan dapat meneruskan usaha memantapkan lagi kewangan negara. Pengawalan tahap perbelanjaan ini adalah penting untuk diberikan perhatian yang sewajarnya bagi memastikan negara insya-Allah akan sentiasa mempunyai keupayaan dan kemampuan kewangan sendiri tanpa perlu berhutang dalam persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan dan cabaran seperti kemelut ekonomi global atau serantau, bencana alam, wabak penyakit dan perkara-perkara yang di luar dugaan dan sukar diramal.

21. Ke arah itu agensi-agensi kerajaan telah diminta kerjasama untuk meneliti setiap perbelanjaan yang bakal dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang bentuk pembaziran yang lazimnya timbul disebabkan oleh perbelanjaan yang kurang perlu tidak mendatangkan nilai tambah serta kurang berperancangan. Adalah diharapkan melalui peruntukan-peruntukan yang disediakan agensi-agensi kerajaan akan dapat memberikan lebih tumpuan kepada perbelanjaan yang dapat memberikan impak kepada usaha-usaha perkembangan ekonomi dan jua hasil negara dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- 21.1. Meneruskan inisiatif-inisiatif dan program-program yang '*pro-business*' dan '*pro-investment*' bagi pengukuhan sektor swasta sebagai usaha menggalakkan lebih banyak aktiviti pelaburan di negara ini sama ada pelaburan asing atau pelaburan tempatan;
- 21.2. Memperbanyakkan lagi inisiatif bagi membina keupayaan dan penglibatan sektor swasta dalam memperluaskan asas ekonomi negara. Ini bertujuan agar perkembangan ekonomi negara dapat mengurangkan pergantungan kepada sektor minyak dan gas di samping dapat meningkatkan lagi peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan;
- 21.3. Mempergiatkan usaha meneliti dan mengemaskinikan dasar-dasar peraturan-peraturan serta undang-

undang yang dapat memudah cara aktiviti perniagaan dan pelaburan di negara ini; dan

- 21.4. Mempercepatkan pelaksanaan projek-projek e-Kerajaan bagi meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

22. Berasaskan faktor-faktor di atas anggaran jumlah perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2011/2012 termasuk bagi peruntukan Kumpulanwang Kemajuan dicadangkan keseluruhannya **sebanyak Lima Ribu Lapan Ratus Juta Ringgit Brunei (\$5,800,000,000.00)**. Jumlah ini adalah bertambah sebanyak \$145 juta berbanding bajet bagi Tahun Kewangan 2010/2011. Pertambahan ini adalah sebagai usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui peningkatan aktiviti-aktiviti ekonomi supaya lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan dapat disediakan terutama sekali oleh sektor swasta. Di samping itu kenaikan bajet ini juga adalah bagi mengukuhkan lagi usaha-usaha pemeliharaan aset-aset kerajaan. Ini jelas dilihat kerana tumpuan pertambahan peruntukan ini banyak dijuruskan kepada peningkatan prasarana rakyat dan penduduk negara ini seperti meningkatkan tahap penyaluran bekalan tenaga elektrik; pemeliharaan dan pembelian peralatan-peralatan bagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan sekolah-sekolah, serta pembinaan

infrastruktur yang baru seperti tempat-tempat riadah dan sebagainya.

23. Ke arah itu dalam bajet 2011/2012 kerajaan akan terus mempertingkatkan lagi perancangan dan keberkesanan dalam pelaksanaan fokus-fokus perbelanjaan yang telah pun ditetapkan bagi Tahun Kewangan 2010/2011 di samping menambah satu lagi fokus baru sebagai langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini. Ini memandangkan fokus-fokus belanjawan tersebut adalah amat relevan dalam konteks keperluan masa kini dan juga objektif belanjawan negara ini. Oleh itu fokus perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2011/2012 adalah menjurus kepada perkara-perkara seperti berikut:-

- 23.1. Pertahanan dan Keselamatan Awam;
- 23.2. Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan;
- 23.3. Keselamatan Bekalan Makanan Kebangsaan (*National Food Security*);
- 23.4. Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta;
- 23.5. Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dan Peningkatan Kapasiti (Termasuk Perkembangan Belia); dan
- 23.6. Peningkatan Kemudahan-Kemudahan Riadah dan Bersukan.

1. Pertahanan dan Keselamatan Awam

24. Dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan, agar rakyat dan penduduk negara ini akan dapat terus menikmati kehidupan yang selesa keutamaan akan terus diberikan kepada aspek-aspek menjaga keselamatan, keamanan dan kestabilan negara. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, berbagai bentuk cabaran perlu ditangani oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Perkara ini meliputi isu-isu berkaitan bencana alam, wabak penyakit di samping ancaman jenayah rentas sempadan seperti "*money-laundering*" skim cepat kaya dan juga jenayah penyeludupan barang-barang kawalan kastam termasuk minyak dan dadah. Oleh itu, adalah penting agensi-agensi yang berkenaan dan juga orang ramai untuk sentiasa meningkatkan kewaspadaan, agar perkara-perkara ini dapat ditangani dengan berkesan dan secara *collective* agar kesejahteraan yang kita nikmati selama ini tidak akan terjejas. Insya Allah.

25. Oleh itu, bagi tujuan mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah kategori ini, pada Tahun Kewangan 2011/2012 ini peruntukan kira-kira \$1,135 juta (19.6%) akan disediakan bagi agensi-agensi berkenaan yang mengendalikan operasi dan perancangan yang bersesuaian selaras dengan fokus ini yang mana termasuklah:

25.1. Peruntukan bagi Pengurusan Bencana Alam di bawah kawalan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menangani Ancaman Wabak Penyakit di bawah kawalan Kementerian Kesihatan akan terus disediakan masing-masing sebanyak \$5 juta; dan

25.2. Di bawah Perkhidmatan Rampaian Kementerian Kewangan beberapa peruntukan khusus juga disediakan antaranya:-

i. Sejumlah \$5 juta bagi Menangani Bencana Alam dan Wabak Penyakit Berjangkit;

ii. \$9.3 juta bagi pembelian mesin-mesin pengimbas untuk ditempatkan di pos-pos kawalan; dan

iii. Projek perlaksanaan sistem perhubungan digital kebangsaan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan oleh agensi-agensi keselamatan dan perkhidmatan kecemasan;

26. Di samping itu kerajaan juga akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan bersesuaian di bawah Akaun Tahunan agensi-agensi berkenaan dan jua dalam Rancangan Kemajuan Negara bagi meningkatkan tahap keupayaan termasuk bagi pembelian peralatan-peralatan keselamatan dan pertahanan pembinaan infrastruktur dan sebagainya.

2. Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan

27. Sebagai langkah jangka panjang dalam meningkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi rakyat dan penduduk negara ini perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan akan terus dijuruskan kepada meningkatkan penyediaan infrastruktur-infrastruktur dan keperluan asas termasuk yang berkaitan dengan peningkatan tahap pendidikan dan kesihatan rakyat dan penduduk negara ini. Kita amat bersyukur bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terus berkemurahan untuk menyediakan keperluan-keperluan asas yang mudah diperolehi melalui penghuluran-penghuluran subsidi pengawalan harga dan sebagainya. Ini termasuk melaksanakan pengawalan harga barang-barang dan bekalan bagi keperluan-keperluan asasi seperti beras dan gula (\$6 juta ke \$8 juta) bekalan api elektrik (kira-kira \$180 juta) minyak kenderaan (\$224 juta) bekalan air (\$14 juta) perumahan di bawah Skim Perumahan sebanyak \$210 juta dan lain-lain lagi.

28. Di samping itu, pihak kerajaan juga secara berterusan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti meningkatkan tahap pendidikan termasuk melalui penubuhan beberapa institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan penyediaan biasiswa ke luar negara; penyediaan perkhidmatan perubatan dan kesihatan secara percuma dan sebagainya.

29. Usaha-usaha juga akan diteruskan bagi mempertingkatkan lagi infrastruktur-infrastruktur asas dan kemudahan-kemudahan awam di negara ini. Ini termasuk menaik taraf jalan-jalan raya, akses kepada utiliti seperti tenaga elektrik dan air,

penyediaan pusat-pusat kesihatan, langkah-langkah bagi mengawal kejadian banjir dan lain-lain. Dalam hubungan ini, peruntukan-peruntukan telah disediakan bagi melaksanakan projek-projek berikut:-

29.1. Sejumlah \$40.4 juta bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan ke atas kerosakan infrastruktur jalan raya dan harta benda kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah runtuh di mana sehingga ini, kira-kira \$30 juta telah pun dibelanjakan bagi maksud tersebut;

29.2. Peruntukan sejumlah \$45.3 juta disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara untuk menaik taraf dan melebarkan jalan termasuk bagi jalan-jalan di Daerah Belait dan Daerah Tutong; dan

29.3. Sejumlah \$43.8 juta lagi telah pun disediakan bagi mengendalikan kerja-kerja pembaikan pemeliharaan dan penggantian sistem penyaluran dan pembahagian tenaga elektrik sebagai langkah untuk memperkesakan pemberian perkhidmatan ini. Ini termasuk peruntukan sebanyak \$2 juta dengan harga rancangan \$10 juta bagi kerja-kerja pembaikan di Stesen Jana kuasa Belingos Temburong.

30. Kita juga perlu menyedari bahawa kerajaan sudah pun membelanjakan jumlah wang yang besar setiap tahun dalam bentuk

subsidi terutama dalam harga minyak kenderaan yang mana pada tahun 2010 menjangkau kira-kira \$224 juta bagi membantu meringankan beban rakyat terhadap kos pengangkutan. Dalam hubungan ini kerjasama daripada semua pihak adalah penting bukan sahaja dari segi mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaannya malahan juga membantu agensi-agensi yang berkenaan bagi membanteras gejala-gejala jenayah penyeludupan minyak. Perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini perlu dibanteras dengan tegas supaya bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan bagi membantu rakyat dan penduduk negara ini terutama golongan yang berpendapatan rendah akan menepati sasarannya.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat

31. Di bawah fokus ini juga usaha-usaha pembasmian kemiskinan akan terus jua diungkapkan. Keutamaan akan diberi kepada pensejajaran perancangan dan tindakan-tindakan di antara agensi-agensi yang terlibat bagi memastikan keberkesanannya dalam membantu golongan-golongan sasaran ini. Ini termasuk mengadakan program-program yang bukan sahaja membantu mereka yang berkenaan untuk meneruskan kehidupan melalui bantuan yang dihulurkan bahkan juga dalam membantu mereka untuk keluar dari belunggu kemiskinan dengan cara berdikari dan tidak terus bergantung semata-mata kepada bantuan kerajaan atau pihak-pihak yang berkenaan.

32. Selaras dengan usaha-usaha tersebut secara keseluruhannya sejumlah **\$1,730 juta (29.83%)** telah pun disediakan di bawah kategori ini yang antara lainnya termasuklah:

32.1. Sejumlah \$3 juta disediakan bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membiayai program bantuan kepada anak-anak dari keluarga miskin; serta peruntukan sebanyak \$13 juta bagi menampung keperluan pembayaran sewa pengangkutan di sekolah-sekolah. Di samping itu, peruntukan-peruntukan tertentu juga telah disediakan bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk meningkatkan tahap pencapaian prestasi akademik penuntut-penuntut di semua peringkat;

32.2. Dari aspek perkhidmatan kesihatan selain dari \$5 juta yang disediakan bagi menangani wabak penyakit berjangkit peruntukan-peruntukan juga disediakan bagi Pemeliharaan Aset termasuk bangunan dan peralatan-peralatan perubatan sebanyak \$12.7 juta iaitu tambahan sebanyak \$3 juta dari tahun sebelumnya; serta peruntukan-peruntukan khas sebanyak \$11.9 juta antara lainnya bagi membiayai pemeliharaan hospital dan pusat-pusat kesihatan; pembelian perkakas dan peralatan termasuk pembelian *ambulance*. Di samping itu kerajaan juga akan terus

menyediakan sebanyak purata \$50 juta ke \$60 juta setahun bagi pembelian ubat-ubatan dan kira-kira \$22 juta setahun bagi keperluan rawatan-rawatan khusus bagi pesakit-pesakit jantung. Walaupun peruntukan-peruntukan sedemikian insya-Allah akan terus disediakan bagi memastikan kesihatan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terpelihara, orang ramai adalah dipohonkan supaya akan mengamalkan cara hidup yang sihat supaya peruntukan ini akan dapat diimbangi di masa-masa yang akan datang.

32.3. Sebagai usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan tahap penyediaan perkhidmatan asas dan infra- struktur secara keseluruhannya sejumlah \$326.8 juta disediakan bagi sektor binaan dan kemudahan awam.

33. Dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan di bawah sektor ini kerajaan berharap akan mencapai objektif-objektif seperti berikut:

33.1. Memastikan agar setiap kanak-kanak di negara ini terutama dari keluarga yang kurang berkemampuan yang menerima bantuan-bantuan tertentu kerajaan untuk mengikuti persekolahan mereka dengan sepenuh masa. Dalam hal ini, kejayaan pencapaian objektif berkenaan adalah banyak

bergantung kepada ibu bapa dan penjaga anak-anak tersebut. Para ibu bapa dan penjaga yang diamanahkan adalah berperanan penting dalam memastikan anak-anak tersebut menggunakan segala kemudahan dan peluang yang disediakan oleh kerajaan bagi mencapai tahap akademik yang tinggi. Melalui pencapaian akademik tersebut sahajalah ianya akan dapat memberikan jaminan yang lebih baik pada meningkatkan taraf hidup bukan sahaja bagi dirinya tetapi juga ahli keluarganya dan seterusnya peluang untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Peluang seperti ini jarang terdapat di negara-negara lain. Oleh itu adalah perlu ianya disyukuri dan diambil manfaat sepenuhnya;

33.2. Menyediakan program atau inisiatif yang dapat mendorong sikap positif kepada penerima-penerima bantuan. Ini termasuklah menggalakkan penerima-penerima bantuan yang mempunyai keupayaan fizikal dan mental untuk berdikari atau mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan diberikan latihan-latihan yang diperlukan sebagai usaha memupuk sikap dan pemikiran yang positif dengan menghindari budaya yang sentiasa berharap kepada bantuan semata-mata;

33.3. Membina jati diri dan disiplin (*self reliance and self discipline*) agar para belia bersikap positif dan berdisiplin bagi menghindarkan mereka dari terjebak ke dalam gejala sosial yang negatif; dan

33.4. Menyediakan latihan-latihan yang bersesuaian bagi pencari-pencari pekerjaan agar lebih berdaya saing dalam pasaran buruh tempatan atau membuat perusahaan sendiri secara kecil-kecilan. Latihan-latihan semula (*re-training*) juga perlu disediakan bagi mereka yang berhasrat untuk meningkatkan pengetahuan dan keupayaan masing-masing agar peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik di pasaran pekerjaan tempatan akan terbuka luas.

3. Keselamatan Bekalan Makanan Kebangsaan (*National Food Security*)

34. Fokus perbelanjaan ini ialah untuk memberikan keutamaan yang berterusan kepada keselamatan bekalan makanan kebangsaan yang terjamin. Ini adalah selaras dengan dasar untuk mencapai sara diri pengeluaran beras negara kepada 60% pada tahun 2015. Ke arah itu peruntukan sejumlah \$15 juta akan terus disediakan di bawah kawalan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi melaksanakan Projek Penanaman Padi Negara.

35. Pada masa ini Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang giat meneruskan program sekuriti makanan “Ke Arah Mencapai Tahap Sara Diri Dalam Pengeluaran Beras Di Negara Brunei Darussalam”; dan dalam hubungan ini banyak pencapaian telah diraih dalam usaha drastik meningkatkan sektor pengeluaran padi negara sejak pertengahan tahun 2008. Ini antara lainnya termasuklah:-

- i) Pembukaan kawasan-kawasan baru;
- ii) Peningkatan infrastruktur-infrastruktur ladang termasuk sistem pengairan dan saliran serta jalan raya di ladang-ladang utama;
- iii) Penggunaan *variety* beras berhasil tinggi seperti Beras Laila yang telah membolehkan penanaman dilakukan dua kali setahun dan dijangka akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran;
- iv) Kerjasama dengan pakar-pakar dari luar negara telah berupaya membina kapasiti dan keupayaan para pengusaha padi dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sendiri terutama dengan adanya penubuhan Sekolah Perladangan Pengusaha Padi (*Rice Farmers Field School*) yang mula dilancarkan di Daerah Brunei Muara;

Meningkatkan keupayaan memproses hasil-hasil padi dan hasil lepas tuai melalui peningkatan dan pelaburan di peringkat pemerosesan iaitu melalui pembelian mesin pengisaran dan mesin pengering yang berteknologi

tinggi dan peralatan-peralatan yang berkaitan; dan

- v) Memberikan dorongan kepada anak-anak muda tempatan untuk menceburi industri pengeluaran beras melalui kerjasama dalam penyelidikan dengan institusi-institusi tempatan serta menyediakan latihan-latihan serta penempatan kerja.

36. Segala usaha dan pencapaian setakat ini adalah merupakan landasan bagi mencapai sasaran 60% tahap sara diri dalam pengeluaran beras pada tahun 2015 dan membentuk perusahaan pengeluaran beras yang mapan dan berterusan.

37. Ke arah itu peruntukan-peruntukan akan terus disediakan termasuk di bawah Rancangan Kemajuan Negara dalam usaha negara untuk meningkatkan keberkesanan program-program penggalak penanaman padi di negara ini.

4. Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta

38. Bagi mendukung usaha kerajaan ke arah mempelbagaikan ekonomi negara belanjawan Tahun Kewangan 2011/2012 masih ditumpukan kepada pembahagian peruntukan bagi mengembangkan dan mengukuhkan sektor swasta. Beberapa inisiatif dan perancangan telah pun diwujudkan dan akan terus diperkembangluaskan dalam bentuk bantuan kewangan dan juga melalui latihan dalam bidang keusahawanan (*entrepreneurship*). Sehingga ini pelbagai kemudahan dan skim telah diwujudkan bagi mendukung

perkembangan sektor ini terutama Pengusaha-Pengusaha Kecil dan Sederhana (SMEs). Di antara program dan skim tersebut termasuklah kemudahan pinjaman kewangan seperti Skim Kemudahan Keusahawanan (*Enterprise Facilitation Scheme*); Skim Kemudahan Mikro kredit; mengadakan pusat *incubator iCentre*, penyediaan tapak-tapak industri dan lain-lain. Sehingga 30 September 2010 sebanyak 158 permohonan dengan jumlah \$65.8 juta telah diluluskan bagi Skim Kemudahan Keusahawanan manakala 544 permohonan dengan nilai \$10.6 juta telah diluluskan bagi Skim Kemudahan Mikro kredit. Kemudahan tersebut dihulurkan kepada pemohon-pemohon dari pelbagai sektor seperti sektor pembuatan perikanan, pertanian, pembinaan ICT dan sebagainya. Walau bagaimanapun kemajuan sesuatu perusahaan atau perniagaan tersebut setentunya lebih banyak bergantung kepada keupayaan pengurusan kewangan dan perniagaan di samping bantuan-bantuan yang telah disediakan.

39. Sebagaimana yang diterangkan lebih awal tadi Negara Brunei Darussalam telah dapat memperbaiki kedudukannya dalam tangga "*Ease of Doing Business*". Di antara pembaikan-pembaikan utama yang dicapai termasuklah dari aspek "*Starting A Business*"; manakala dalam indeks *Global Competitiveness* pencapaian negara antara lainnya dari segi kesihatan dan pendidikan awal, *goods market efficiency*, *financial market development*, *technological readiness* dan inovasi. Oleh itu, sektor swasta terutama pengusaha-pengusaha dan juga belia-belia perlulah memperkukuhkan dan mempertingkatkan tahap kemahiran pengurusan dan kemampuan teknikal

masing-masing agar mampu untuk bersaing dan merebut peluang yang ditawarkan oleh negara ini. Ini termasuk meneroka peluang untuk mengembangkan aktiviti pasaran mereka di peringkat antarabangsa. Pihak kerajaan pula akan terus komited untuk menggiatkan dan meningkatkan lagi usaha dengan memperkenalkan langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif yang akan dapat memastikan negara terus menawarkan suasana dan iklim perniagaan (*business environment*) yang menarik dan kompetitif di samping menggalakkan pelaburan asing (*Foreign Direct Investment*) ke negara ini.

40. Penubuhan Sub-Dana Modal Pembangunan Strategik di bawah Dana Sustainability adalah juga merupakan langkah strategik yang diambil bagi mendukung pertumbuhan dan perkembangan sektor swasta di negara ini. Oleh yang demikian, SME di negara ini perlulah bersedia untuk mengambil peluang-peluang yang terbabit berikutan dengan peningkatan aktiviti pelaburan di negara ini.

41. Selaras dengan usaha-usaha tersebut peruntukan-peruntukan akan terus disediakan bagi meningkatkan lagi kemudahan untuk menjalankan dan memulakan perniagaan di negara ini agar aktiviti-aktiviti perekonomian akan dapat dipergiatkan lagi. Di antara peruntukan-peruntukan yang disediakan termasuklah sejumlah \$5 juta di bawah kawalan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan peningkatan infrastruktur tapak-tapak industri pengusaha-pengusaha terutama SME di negara ini. Sebagai tambahan, peruntukan-peruntukan

tertentu juga turut disediakan yang boleh dimanfaatkan oleh sektor swasta di negara ini. Antaranya ialah sebanyak \$236.6 juta disediakan bagi sektor perindustrian dan perdagangan; dan \$115.5 juta bagi Sektor Pengangkutan dan Perhubungan.

42. Dalam pada itu sebagai langkah bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti pelaburan di negara ini serta penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi kerajaan untuk memperkenalkan beberapa inisiatif baru di bawah Akta Cukai Pendapatan melalui pindaan terhadap perkara-perkara berikut:

42.1 Memperkenalkan insentif kepada sektor pengeksportan dengan memberikan kadar cukai sebanyak 1% ke atas pendapatan kasar yang diperolehi hasil dari pengeksportan barang-barang pengeluaran tempatan (tidak termasuk hasil pengeksportan minyak dan gas). Cukai yang dikenakan ini adalah merupakan cukai muktamad (*final*) yang akan dikenakan kepada syarikat berkenaan dan tiada cukai korporat lain akan dikenakan ke atas pendapatan yang sama. Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan aktiviti sektor pengeksportan barangan keluaran domestik yang berkeadilan sebagai langkah untuk mempertingkatkan daya saing pengusaha-pengusaha tempatan untuk memasuki dan menembusi

pasaran luar negara. Inisiatif ini antara lainnya meliputi perkara-perkara berikut:-

- i. Tatacara pengenaan cukai ini akan diberikan sebagai pilihan (*option*) kepada syarikat-syarikat berkenaan sebagai alternatif kepada pembayaran cukai korporat yang biasa dikenakan sebanyak 22% kepada syarikat-syarikat di bawah Akta Cukai Pendapatan Penggal 35. Walau bagaimanapun kebenaran bagi penggunaan tatacara cukai ini oleh syarikat-syarikat yang berkenaan adalah tertakluk kepada kebenaran Pemungut Cukai Pendapatan;
- ii. Prosedur ini akan memudahkan pihak pembayar cukai dalam membuat perkiraan cukai mereka dan juga memudahkan pentadbiran cukai dalam menaksir cukai pendapatan yang akan dikenakan;
- iii. Insentif ini diharap akan dapat menggalakkan lebih banyak aktiviti pelaburan yang berkaitan pengeksportan untuk diwujudkan dan dilaksanakan di negara ini misalnya sektor

makanan halal dan sebagainya;

- 42.2 Memperkenalkan potongan cukai (*tax rebate*) yang diberikan sebanyak 10% ke atas sumbangan tambahan dari jumlah sumbangan caruman tahun sebelumnya ke dalam caruman Tabung Amanah Pekerja. Cadangan ini bertujuan bagi menggalakkan sektor swasta mengambil lebih banyak lagi rakyat tempatan untuk bekerja di syarikat-syarikat berkenaan. Inisiatif ini merupakan sebagai tambahan kepada inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan pada tahun taksiran 2010.
- 42.3 Sebagai menyokong dasar kerajaan dalam memberikan cuti beranak tambahan kepada pekerja wanita yang baru diperkenalkan pada awal tahun ini potongan tambahan sebagai elaun cukai (*tax allowance*) akan diberikan ke atas bayaran gaji yang telah dibayar oleh majikan kepada pekerja wanita yang bercuti selepas bersalin bagi tempoh tidak melebihi 15 minggu. Pekerja yang berkelayakan ini ialah pekerja wanita yang mengikuti skim caruman Tabung Amanah Pekerja yang terdiri dari rakyat dan penduduk tetap negara ini sahaja, dan;
- 42.4 Memberikan kredit cukai sehingga tidak melebihi dari 50% cukai yang perlu dibayar (*tax payable*) bagi

syarikat yang membuat pelaburan baru bagi mengganti, menambah atau memodenisasikan jentera dan mesin di sektor pembuatan (*manufacturing*) yang berkelayakan. Cadangan ini bertujuan untuk menyokong usaha berterusan kerajaan dalam menggalakkan syarikat untuk menambahkan pelaburan dalam *capital expenditure* bagi meningkatkan keberkesanan dan efisiensi operasi syarikat untuk meningkatkan lagi daya maju dan perkembangan syarikat di sektor pembuatan.

42.5 Walau bagaimanapun, sebagai langkah bagi mengelakkan kutipan hasil cukai pendapatan korporat dari banyak terjejas dalam satu-satu tahun kewangan tersebut, secara keseluruhannya jumlah kredit cukai yang layak untuk diberikan dan dibenarkan untuk dipotong adalah dihadkan kepada tidak melebihi 50% daripada cukai yang perlu dibayar (*tax payable*) pada satu-satu tahun taksiran yang berkenaan (tidak termasuk kredit cukai di bawah Bab 42 Akta Cukai Pendapatan yang berkaitan dengan Perjanjian Pengelakan Cukai Berganda).

43. Di samping itu pada penghujung tahun 2010 kerajaan telah memperkenalkan beberapa pindaan di bawah Akta Syarikat. Pindaan tersebut bertujuan untuk memperkukuhkan lagi struktur "*governance*"

di dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan di negara ini termasuk Bab 138 Akta Syarikat iaitu mengenai komposisi keahlian di dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berdaftar di negara ini. Melalui pindaan tersebut, syarat bagi komposisi ahli di dalam Lembaga Pengarah-Pengarah Syarikat yang sebelum ini menghendaki setiap syarikat yang berdaftar mempunyai sekurang-kurangnya dua pengarah syarikat atau jika terdapat lebih dua pengarah syarikat sekurang-kurangnya setengah daripadanya memegang kerakyataan negara ini dipinda kepada "salah satu daripada dua Pengarah; atau jika keahlian Lembaga Pengarah melebihi dua orang sekurang-kurangnya dua ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri dari '*ordinarily resident*'.

44. Persyaratan "*ordinarily resident*" ini adalah merupakan keperluan agar ahli Lembaga Pengarah yang berkenaan sama ada warga tempatan atau asing menetap di negara ini bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang terutama yang berkaitan dengan tanggungjawab pengarah-pengarah akan dapat dilaksanakan. Di samping itu pindaan ini juga menetapkan syarat bagi mana-mana ahli Lembaga Pengarah perlulah berumur 18 tahun ke atas.

45. Melalui pindaan ini ianya juga akan memudahkan para pengusaha dan pelabur terutama pelabur-pelabur asing untuk menubuhkan dan mendaftarkan syarikat mereka di negara ini di samping membolehkan mereka meningkatkan kawalan dan mengurus pelaburan mereka

dengan lebih berkesan. Langkah ini diharapkan dapat menarik lebih banyak *Multinational Corporations (MNCs)* untuk bertapak di negara ini yang bukan sahaja akan membolehkan sektor pengeksporan diperkukuhkan tetapi juga akan dapat memberikan kesan limpahan (*spin-off effect*) kepada perkembangan sektor-sektor lain di negara ini. Perkara ini setentunya akan dapat memberikan peluang yang baik kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana tempatan untuk mengembangkan operasi mereka di samping menambahkan peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta bagi anak-anak tempatan.

46. Selain daripada itu, pihak kerajaan melalui beberapa agensi kerajaan yang berkenaan juga telah secara berterusan mengemukakan program-program yang dapat membantu mengembangkan budaya perusahaan di kalangan masyarakat mukim dan kampung sebagai langkah memupuk sikap berdikari tidak terkecuali bagi belia-belia. Ini termasuk mengendalikan program-program “*satu mukim satu produk*” pada mana beberapa peruntukan khusus telah pun diberikan kepada beberapa mukim dan kampung bagi mengembangkan perusahaan mereka; pengendalian “Anugerah Kampung Cemerlang” yang dapat memberikan pengiktirafan terhadap inisiatif dan usaha gigih yang dijalankan oleh penduduk mukim dan kampung berkenaan. Program “*Usahawan Kampung untuk Belia*” yang disertai oleh belia-belia bekas pelatih Pusat Pembangunan Belia dan lain-lain. Setiap tahun kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak \$220000 bagi membiayai aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan sebanyak \$200000 lagi bagi

perlaksanaan projek “*satu mukim satu produk*”. Peruntukan tambahan setentunya akan disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan jika terdapat keperluan bagi pelaksanaan program-program yang bersesuaian di bawah kategori ini.

5. Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dan Peningkatan Kapasiti (Termasuk Perkembangan Belia)

47. Sebagai ekonomi kecil yang perlu *bersaing dalam era globalisasi ini* “*model insan*” adalah merupakan salah satu aset utama negara. Dengan adanya “*model insan*” yang berkualiti dan dinamik pembangunan negara akan lebih kukuh dan berdaya tahan. Oleh yang demikian, usaha-usaha bagi membina kapasiti perlu dipertingkatkan bagi mencapai tahap pendidikan yang tinggi dengan turut menekankan kepada unsur-unsur keagamaan dan kerohanian bagi membina “*model insan*” yang berkemahiran tinggi dan bertakwa.

48. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-5 pada tahun 2010 telah menitahkan bahawa, “*beta melihat golongan belia perlu dirancang untuk menjadikan mereka berjaya besar dan bercita-cita tinggi bagi pembangunan sosial dan ekonomi yang berjaya*”. Selaras dengan hasrat ini pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai saluran bagi membolehkan belia-belia di negara ini berdaya maju. Di antaranya dengan mengadakan program-program khusus bagi para belia seperti Pusat

Pembangunan Belia, Pusat Pembangunan Keusahawanan Usahawan Kampung untuk Belia dan sebagainya. Di samping itu sebagai meningkatkan jati diri dan daya kepimpinan belia beberapa program juga telah diatur terutama oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti Program Belia Cinta Tanahair, Program Sahabat Alam, Aktiviti Belia Memancing Hujung Minggu, Perkampungan Hijrah Belia, Kem Belia Cergas dan sebagainya. Program-program ini terutamanya yang bertujuan untuk menjadikan belia berdikari termasuk yang berminat untuk menjadi pengusaha dan peniaga akan terus dilaksanakan dan dipergiatkan. Setiap tahun kerajaan memperuntukkan sebanyak \$930000.00 bagi Program Perkembangan Belia dan sejumlah \$750000 untuk mengendalikan Pusat Pembangunan Belia dan Outward Bound Brunei Darussalam. Di samping itu peruntukan-peruntukan khas juga disediakan mengikut keperluan sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan tahunan tersebut.

49. Di dalam bidang pendidikan formal pula Kementerian Pendidikan melalui SPN 21 telah mengenal pasti beberapa strategi pendidikan yang bakal dilaksanakan antaranya melabur dalam pendidikan awal kanak-kanak, menggunakan amalan terbaik antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran, memperkukuhkan kompetensi dalam teknologi infokomunikasi (ICT) termasuk integrasi ICT ke dalam kurikulum sekolah di samping mengukuhkan usaha bagi menghasilkan penuntut yang beriman dan bertakwa.

50. Bagi mendukung usaha ke arah mengukuhkan “modal insan” di negara ini peruntukan-peruntukan bersesuaian telah pun disediakan yang antara lainnya termasuklah perkara-perkara berikut:-

- a. Peruntukan sejumlah \$40 juta khusus bagi Kementerian Pendidikan meningkatkan tahap kemudahan-kemudahan di institusi-institusi pendidikan termasuk bagi melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan aset-aset, dan juga bagi pembelian peralatan-peralatan sekolah di samping menyediakan peruntukan sejumlah \$200 ribu bagi Pembekalan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran Khusus Bagi Sekolah Yang Di bawah Projek “*Inclusive Model School Of Excellent Services For Children*” di Kementerian Pendidikan;
- b. Peruntukan sebanyak \$4 juta khusus bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membiayai pembelian peralatan sekolah-sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi Ugama. Peruntukan juga disediakan bagi membiayai perbelanjaan menambah baik dan memelihara aset-aset dan infrastruktur di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Projek U.S.A.I (*Upgrading and Sustaining of Assets and Infrastructure*) dengan harga rancangan \$36.5 juta (bagi tahun 2010 hingga 2012) di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara;

- c. Peruntukan sebanyak \$1.05 juta juga dikhususkan untuk Pusat Pembangunan Belia bagi pembelian peralatan serta mengubah suai bangunan. Di samping itu sejumlah \$410 ribu juga disediakan bagi Pengambilan guru-guru professional untuk Pusat Pembangunan Belia;
- d. Setiap tahun melalui biasiswa yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan dan juga Dana Sumber Tenaga Manusia, kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$103.97 juta untuk menghantar pelajar-pelajar ke luar negara dan juga bagi penuntut-penuntut yang mengikuti pendidikan mereka di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan; dan
- e. Bagi Perkhidmatan Awam, sejumlah \$33.4 juta telah dibelanjakan pada Tahun Kewangan 2009/2010 di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi kakitangan perkhidmatan awam menaikkan lagi pencapaian akademik mereka. Ini belum termasuk peruntukan sejumlah \$17.7 juta yang telah disediakan bagi anggota Perkhidmatan Awam mengikuti kursus latihan jangka pendek.

51. Secara keseluruhannya sejumlah \$1,102.7 juta (19%) telah disediakan bagi agensi-agensi yang berperanan dalam

merancang dan melaksanakan Perkembangan Sumber Tenaga Manusia termasuk pendidikan dan hal ehwal ugama. Dengan peruntukan-peruntukan tersebut peluang untuk berjaya adalah sepenuhnya bergantung kepada kehendak dan motivasi individu tersebut. Di samping itu, sejumlah \$38.3 juta juga diperuntukkan bagi pengurusan dan pelaksanaan Teknologi Maklumat dan Info-komunikasi di negara ini; serta kira-kira \$39.2 juta disediakan bagi sektor ICT di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara.

Peningkatan Kemudahan-Kemudahan Riadah dan Bersukan

52. Selaras juga dengan usaha kerajaan untuk mempromosikan dan membudayakan cara dan gaya hidup yang sihat, peruntukan-peruntukan tertentu akan disediakan bagi menyediakan dan meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan infrastruktur-infrastruktur dan kawasan-kawasan bagi orang awam untuk mengadakan aktiviti-aktiviti riadah dan sukan. Dengan tersedianya kemudahan-kemudahan ini ianya diharap secara langsung akan dapat meningkatkan tahap kesihatan di negara ini di samping dapat membendung sikap negatif di kalangan belia-belia.

53. Sejumlah \$27.6 juta akan disediakan bagi membolehkan agensi-agensi berkenaan mendukung usaha-usaha di atas termasuk:

53.1. Sejumlah \$5 juta disediakan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyediakan kemudahan-kemudahan di peringkat daerah;

53.2. Sejumlah \$5 juta disediakan di bawah Kementerian Pembangunan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu di skim-skim Perumahan Negara;

53.3. Sejumlah \$13 juta secara keseluruhan di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan bagi meningkatkan dan membaik pulih kemudahan-kemudahan bersukan yang sedia ada serta menyediakan tempat-tempat riadah/bersukan yang bersesuaian; dan

53.4. Sebanyak \$4.6 juta disediakan di bawah Pemeliharaan Aset Jabatan Alam Sekitar dan Rekreasi (JASTRE) Kementerian Pembangunan untuk membiayai kerja-kerja pemeliharaan tempat-tempat kemudahan riadah dan awam.

54. Sebagai mendukung usaha menggalakkan aktiviti riadah dan sukan ini kerajaan juga akan menghapuskan duti import bagi basikal berkuat kuasa mulai 1 April 2011.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

55. Meskipun cadangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2011/2012 ini adalah sederhana dan berhati-hati, namun ini menunjukkan bahawa kita tidak memandang ringan ke atas perkembangan ekonomi global yang masih rapuh di mana pemulihan ketika ini masih dibayangi oleh risiko-risiko

tertentu. Apa yang jelas ialah setiap perbelanjaan kerajaan perlu dilaksanakan secara berhemah dengan menekankan kepada perbelanjaan yang akan dapat membantu pencapaian keutamaan negara (*National Priorities*) seperti yang diuraikan di dalam fokus perbelanjaan tadi. Perbelanjaan-perbelanjaan awam yang tidak menjurus kepada peningkatan efisiensi dan tidak selaras dengan fokus perbelanjaan hanya akan memperkembangkan lagi *bureaucratic inefficiencies* dalam sektor perkhidmatan awam dan menjadi bebanan kepada kewangan kerajaan dalam jangka masa panjang.

56. Oleh yang demikian, ketua-ketua jabatan selaku pegawai-pegawai pengawal yang diberikan kuasa untuk melaksanakan perbelanjaan perlulah menggandakan usaha untuk meningkatkan kecekapan agensi masing-masing di setiap peringkat agar setiap wang kerajaan yang dibelanjakan memberikan manfaat yang maksima kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Di samping itu, rakyat juga perlulah bekerja lebih keras untuk mendukung aspirasi negara seperti yang termaktub di dalam "Wawasan 2035".

57. Dengan pendapatan negara yang terus bergantung kepada hasil daripada sumber asli yang terhad ini, disiplin kewangan perlu sentiasa diperkukuhkan bagi kelangsungan sosio-ekonomi dan negara. Perkara ini pernah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-22 tahun pada tahun 2006 di

mana baginda bertitah bahawa “dalam makna dunia kita ini apabila sampai waktunya akan berhadapan dengan kekurangan sumber tenaga itu yang boleh menjadikan semua pihak terjejas atau tergugat. Tidakkah ini suatu mala petaka besar jika berlaku?”

58. Ke arah itu, bagi membolehkan program-program yang telah diaturkan dapat dilaksanakan adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari Peruntukan Kumpulan Wang yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang Tahun 2011/2012. Adalah menjadi harapan kita semua agar program-program dan projek-projek negara yang dirancang akan mendatangkan manfaat yang diharap-harapkan. Ini juga merupakan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana dalam titah sempena rombongan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan perlantikan-perlantikan baru pada tahun lepas baginda telah menekankan bahawa “...*manakala negara apabila berada dalam keadaan aman dan makmur, semua pembangunan akan berjalan lancar. Ditambah lagi dengan jentera kerajaan yang baik akan membolehkan harapan semakin tinggi untuk melihat kejayaan...*”. Dengan niat untuk merealisasikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut terutama untuk mengekalkan negara ini sebagai negara “*Baldatun tayyibatun warabbun Ghofur*” iaitu negara yang baik aman lagi makmur yang mendapatkan

keredhaan Allah Subhanahu Wata’ala yang Maha Pengampun maka kaola dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala jua memohon supaya undang-undang ini diluluskan.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamu’alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya membukakan usul ini untuk dibahaskan, saya meminta seorang Ahli Yang Berhormat untuk menyokong usul ini.

(Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan bangun tanda menyokong).

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Usul ini telah pun mendapat sokongan untuk dibahas. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara di hadapan majlis sekarang ialah Suatu Rang Undang-Undang yang bergelar “Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012. Dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu”, yang mana telah di cadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam supaya dibaca bagi kali

kedua, maka saya bukakan majlis ini untuk perbahasan.

Saya ingin mengingatkan seperti yang lazim, perbahasan itu hendaklah ditumpukan kepada kelayakan dan asas-asas rang undang-undang itu sahaja. Sekian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, walaupun usul ini telah mendapat sokongan, jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) telah pun menghuraikan secara berbutir usul ini maka saya berfikir tertakluk jua kepada persetujuan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua untuk membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan mengemukakan ulasan supaya dapat meneliti dan merenungkan hujah-hujah Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) itu tadi maka apa kiranya majlis ini ditangguhkan pada hari ini dan disambung semula pada hari esok, hari Khamis, 28 Rabiulawal 1432 Hijrah bersamaan 3 haribulan Mac 2011 Masihi, jam 9.00 pagi, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Khamis, 28 Rabiulawal 1432 / 3 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA,**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan
al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat ,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.
**(Tidak hadir sebelah pagi dan petang
kerana ada urusan tertentu)**

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara disambung semula pada hari ini dengan mendahului bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Khatib Awang Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkih).

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadirat Allah kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya jua pada pagi ini kita dapat bersama-sama meneruskan Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara bagi hari yang ketiga.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kelmarin sebelum Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan cadangan bagi bacaan kali yang kedua akan Rang Undang-Undang

Yang Bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Yang Tertentu".

Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012 yang telah dibaca dengan panjang lebar telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya bukakan majlis ini untuk perbahasan. Terima Kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima kasih Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah menyampaikan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2011/2012 dengan begitu cemerlang. Tahniah Yang Berhormat.

Satu belanjawan yang berdasarkan kepada usaha pengukuhan fiskal melalui amalan berbelanja secara berhemah dan berjimat cermat kata Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Ia merupakan satu belanjawan menyeluruh meliputi semua aspek-aspek pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara. Satu bajet yang pro-bisnes beberapa mekanisme melalui potongan cukai sebagai insentif diperkenalkan bagi menggalak aktiviti-aktiviti pelaburan dan perdagangan

juga bagi perkembangan syarikat-syarikat di sektor pembuatan termasuk eksport. Bajet bagi tahun kewangan 2011/2012 termasuk bagi peruntukan kumpulan wang kemajuan sebanyak \$5.8 bilion bertambah hanya \$1.45 juta daripada bajet bagi tahun kewangan 2010/2011. Jika diambil kira inflasi kenaikan sebanyak \$154 juta ini amatlah rendah.

Mengikut BEDB, negara akan mencapai pertumbuhan ekonomi pada kadar 1.5 % bagi tahun ini. Ini tertakluk kepada hasil minyak dan gas. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menekankan ekonomi negara sangat bergantung kepada minyak dan gas. Pendapatan kerajaan daripada sektor minyak dan gas bagi tahun kewangan 2011/2012 dianggarkan sebanyak \$5.173 juta. Jika ini tidak diambil kira, negara kita akan mencapai defisit ataupun kekurangan di antara \$4.8 hingga \$5.2 bilion setahun.

Dalam meneliti cadangan Rang Undang-Undang 2011, Perbekalan 2011/2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) semalam di dewan ini, timbul beberapa pertanyaan dan soalan-soalan, di antaranya:-

1. Bagaimana dengan prestasi pelaburan negara dan syarikat-syarikat kerajaan ataupun dipanggilkan *G.L.C.* seperti Semaun Holdings dan anak-anak syarikatnya dan juga RBA dan yang lain-lain lagi. Perkara ini tidak disentuh oleh Yang Berhormat; dan
2. Mengenai dengan tunggakan yang terus meningkat jumlahnya sehingga 31 Mac 2010 sebanyak \$486.5 juta. Apakah

tindakan-tindakan yang konkrit diambil bagi mendapatkan wang ini dan mengelakkan supaya ianya tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Akhirnya, saya menyokong supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) untuk dijadikan Satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari Peruntukan Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Maksud-Maksud Yang Tertentu sepanjang tahun 2011/2012. Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunos bin Mohd Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ada dua soalan:-

1. Syukur Alhamdulillah, mengikut penerangan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) pada petang kelmarin bahawa jumlah perbelanjaan yang akan diperuntukkan untuk tahun 2011/2012 ialah \$5,130,785.600 sedangkan hasil keseluruhan pendapatan negara ialah \$5,898,600.000 yang mana dari jumlah ini, hasil dari minyak dan gas berjumlah

\$5.173.50 juta dan hasil dari bukan minyak dan gas hanyalah sekadar \$725.1 juta.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dengan peruntukan masing-masing. Bagaimanakah pihak kementerian-kementerian termasuk Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan memastikan bahawa perbelanjaan yang dibuat adalah *value for money*, bukannya dengan harga yang telah *diinflated* seperti baru-baru ini satu kes yang terjadi di negara jiran kita.

2. Tunggakan bayaran pada tahun 2008. Jumlah tunggakan kepada kerajaan ialah \$475.8 juta dan pada tahun 2010 jumlah tunggakan ialah \$486.5 juta iaitu kenaikan sebanyak hampir \$11 juta. Apakah tindakan-tindakan yang konkrit kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan untuk menangani masalah ini? Terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana juga rakan-rakan saya tadi, saya ingin membawakan

satu aspek. Sebelum itu, saya ingin menyentuh penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dalam membuat cadangan Rang Undang-Undang semalam itu adalah begitu jelas dan informatif, bahan-bahannya begitu terang dan begitu terperinci, sangat-sangat berguna dan menggambarkan banyak membuat penyelidikan dan *research*, *reference* dan sebagainya. Saya ucapkan syabas dan tahniah di atas begitu *job well done*.

Saya hanya ingin menyentuh mengenai dengan isu tunggakan. Walaupun ini sudah dibangkitkan oleh rakan saya tadi. Sehingga 31 Mac 2010, jumlah tunggakan orang ramai dan sektor swasta kepada kerajaan ialah kira-kira \$486.5 juta, ini termasuk elektrik, air, *house assessment*, telefon, kemajuan perumahan, tanah juga badan kemajuan industri. Barangkali sudah setahun berlalu, kini mungkin lebih tinggi nilainya.

Walau bagaimanapun, saya penuh percaya yang kementerian telah membuat beberapa kajian dan juga penyelidikan untuk menyelesaikan masalah-masalah ini di mana peraturan-peraturan baru telah dibuat untuk tahun 2011/2012 akan diperkirakan mengikut kementerian dan jabatan-jabatan yang membuat kutipan hasil berkenaan.

Di masa-masa yang lalu, saya juga pernah mencadangkan mengenai dengan penggunaan teknologi ICT dalam sistem pembayaran iaitu melalui *e-Payment* ataupun *Payment Getway* ataupun pembayaran melalui bank secara *online*. Di mana teknologi yang canggih ini bolehlah

memonitor atau mengingatkan atau *reminder* kepada setiap pelanggan akan *payment due* pada setiap bulan misalnya. Kalau sekiranya tidak diendahkan, mungkin akan diteruskan dengan diberi amaran. Secara ringkasnya, kalau tidak dipatuhi, tindakan-tindakan seterusnya akan dapat dibuat, misalnya dengan memotong perkhidmatan hinggalah boleh diteruskan dengan tindakan undang-undang.

Sistem ini memerlukan kerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu seperti bank ataupun institusi-institusi kewangan. Dengan cara yang demikian, kita akan dapat mengutip hasil secara bersistem. Kalaupun tidak 100%, mungkin kalau dapat kita berhasil mengutip 50% pun dapat mengurangkan tunggakan dan ini boleh juga dikira sebagai satu hasil pendapatan negara. Dari itu, saya ucapkan usaha akan dapat diteruskan untuk memperbaiki lagi keadaan pada masa ini.

Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan itu, sukacita saya suka ingin menyokong dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, ingin bercakap.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Semalam kita telah pun bersama-sama mendengar pembentangan Belanjawan Negara 2011/2012 yang telah disampaikan

selama lebih kurang 1 ½ jam oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Alhamdulillah berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kedudukan kewangan negara dalam keadaan selesa, positif dan stabil. Di samping itu, kita juga mendengar mata wang dunia telah menampakkan, peningkatan seperti IMF 4.8% Asia Bank 5.4% dan lain-lain.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mengingatkan kita bahawa keadaan kedudukan mata wang dunia mungkin dijangka menurun disebabkan beberapa faktor seperti berikut:-

1. Bebanan hutang awam di setengah-setengah negara;
2. Cuaca yang tidak menentu, bekalan makanan terjejas; dan
3. Peningkatan harga makanan dan lain-lain.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) juga memaklumkan bahawa pada hasil pendapatan negara masih bergantung pada minyak dan gas dan metanol di samping berusaha meningkatkan hasil penanaman padi dan perusahaan-perusahaan yang lain lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, di kesempatan ini saya ingin memberi sedikit

pandangan sebagai sumbangan dan buah fikiran dalam sama-sama meningkatkan prestasi kewangan negara:-

1. Kita perlu terus berbelanja kerana itu adalah tanggungjawab kita untuk menjaga kesejahteraan rakyat dan negara tetapi berbelanja dengan berhemah dan penuh berdisiplin mengikut peraturan-peraturan yang ada dan jangan hendaknya dilanggar peraturan-peraturan yang sedia ada;
2. Cuba cari mekanisme yang lebih inovatif dan berkesan dalam mengutip hutang-hutang yang tertunggak dan jangan dibiarkan ia berlarutan; dan
3. Kakitangan kerajaan yang diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas mengutip pembayaran kepada kerajaan hendaklah taat, telus, amanah dan hindarkanlah penyalagunaan kuasa dan rasuah.

Kita semua hendaklah berkerja keras dan terus meningkatkan usaha mempelbagaikan penghasilan negara bukan sahaja untuk tujuan mencapai tempat *top ten* sebagai reformasi tetapi yang lebih penting untuk kesejahteraan, kestabilan dan keselamatan negara yang berpanjangan.

Dengan tertubuhnya "*Authority Monetary Brunei Darussalam*", saya percaya dan berkeyakinan kedudukan kewangan negara akan dapat ditadbir lebih teratur dan mantap serta dapat memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing.

Peluang-peluang pekerjaan dan bisnes hendaklah dibuka serta teruskan usaha ke

arah pembangunan negara bertenaga mahir dan bukan sahaja di sektor swasta bahkan juga sektor perkhidmatan awam. Oleh yang demikian Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis akhirnya saya menyokong akan cadangan belanjawan sebanyak \$5.8 billion itu yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) semalam.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bagi pihak rakan-rakan saya di sebelah sini saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah dikemukakan di majlis ini mengenai dengan Rang Undang Perbekalan 2011/2012. Kami mengambil perhatian juga terhadap beberapa perkara yang dikemukakan sebentar tadi dan oleh kerana ada perkara-perkara yang dikemukakan tersebut adalah spesifik maka saya memohon izin Yang Di-Pertua supaya perkara-perkara spesifik itu akan dibincangkan diberi jawapan semasa majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Saya tidak ada halangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya telah pun memberi peluang pada ahli-ahli yang belum memberikan ulasan, jika ada lagi. Silakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana tidak ada lagi di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk memberi ulasan, maka asas dan kelayakan Rang Undang-Undang ini telah pun dihuraikan dengan begitu panjang lebar, ada beberapa orang ahli juga telah memberikan pandangan atau ulasan. Maka saya ingin mengemukakan soalan. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Rang Undang-Undang ini dibaca sekarang pada kali keduanya?

Sila angkat tangan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju.

(Semua Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan).

Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya Majlis ini telah pun bersetuju terhadap Rang Undang-Undang yang dibahaskan itu. Oleh yang demikian Rang Undang-Undang tersebut diluluskan untuk dibaca bagi kali Kedua.

Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu".

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Persidangan Majlis Mesyuarat ini

dijadikan sebagai Persidangan Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bab 2, Pengeluaran dan Peruntukan. Adakah di antara ahli-ahli yang ingin akan bercakap? Silakan.

Yang demikian oleh kerana tidak ada yang ingin bercakap ada baiknya perkara ini diundi.

Ahli-ahli yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua ahli mengangkat tangan).

Nampaknya perkara ini telah dipersetujui.

Jurutulis: Bab 2, Ceraian I dan II dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi: Jabatan Perdana Menteri Tajuk SA01A.

Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan sebarang pertanyaan?

Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan bertambahnya syarikat-syarikat dari luar negeri diberi

concession untuk cari gali minyak dan gas di kawasan-kawasan daratan dan perairan negara kita ini, kita berdoa dan berharap ini akan menghasilkan tambahan hasil negara dan seterusnya akan menjadikan Negara Brunei Darussalam akan lebih makmur maju insya-Allah.

Di samping kita menaruh harapan, kita juga masih teringat apa yang terjadi di Teluk Mexico pada bulan Mei 2010, iaitu insiden letupan *Deepwater Horizon rig* yang mana telah mengakibatkan *environmental disaster* yang besar dan juga telah menjejaskan mata pencarian sebahagian penduduk setempat bagi masa yang agak lama. Kejadian ini telah terjadi di tempat yang dalam, dalamnya iaitu 1500 meter, serupa dengan Block CA1 dan CA2 di negara kita ini.

Saya ingin mengemukakan dua persoalan mengenainya. Apakah kajian yang telah dilaksanakan mengenai kemampuan operator-operator bagi kedua blok ini berkenaan dari segi kemampuan mereka melaksanakan eksplorasi di kawasan-kawasan berkenaan?

Apakah *precautionary measure* dan persediaan kita untuk menangani musibah seperti yang telah terjadi di Teluk Mexico. Saya juga difahamkan bahawa ada agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan beberapa syarikat minyak dan gas ada membuat persediaan terhadap tetapi persoalannya adakah kita mempunyai sumber-sumber tenaga manusia dan akses yang cepat kepada teknologi dan *machinery*

bagi menangani ketumpahan pada skala yang besar ini?

Saya juga ingin mencadangkan supaya satu kajian EIA yang *compulsory* dan komprehensif dibuat bagi setiap kawasan yang diterokai sama ada di daratan atau di lautan negara ini. Terima Kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar:

Terima kasih soalan Yang Berhormat tadi, sepertimana yang kita sedia maklum bahawa insiden *Macondo* di *Gulf of Mexico* telah menyebabkan 11 kehilangan jiwa serta kemusnahan alam sekitar. Apa yang difahami siasatan yang dibuat setakat ini menunjukkan dua sebab utama iaitu isu mengenai *well casing design* dan kegagalan pemantauan operasi panggilan. Siasatan menyeluruh telah dibuat oleh Kerajaan Amerika Syarikat dan industri minyak yang dianggotai oleh syarikat-syarikat minyak dunia seperti SHELL dan TOTAL yang dipanggil sebagai *Global Industry Response Group*. Tiga elemen utama yang telah dikenal pasti oleh mereka adalah keperluan *prevention, Intervention dan response*. Sepertimana yang kita maklum Kerajaan Amerika Syarikat baru-baru ini telah menarik balik larangan bagi penggalian di lautan dalam yang mereka keluarkan setelah kejadian insiden *Gulf of Mexico*.

Kita juga telah mengambil maklum bahawa syarikat-syarikat minyak terutama sekali

TOTAL yang akan membuat penggalan minyak lautan dalam di perairan negara pada tahun ini telah dan akan menyerapkan standard ke dalam operasi mereka. Langkah-langkah setakat ini kerajaan masih lagi dalam proses peringkat awal untuk mengkaji keperluan undang-undang menangani isu ini di masa depan. Ini termasuk keperluan untuk mengadakan proses pengauditan serta *certification* bagi memastikan operasi dikendalikan dengan selamat dari awal lagi semasa membuat reka bentuk hingga ke produksinya. Pada ketika ini kita banyak bergantung kepada industri standard dan *best practices* kepunyaan syarikat berkenaan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu. Kita percaya syarikat yang berkenaan akan mengambil isu ini dengan serius kerana ini akan melibatkan reputasi mereka di arena antarabangsa. Seperti yang kita maklum insiden Mexico hampir memusnahkan kewujudan Syarikat British Petroleum (BP).

Walau bagaimanapun, kerjasama dengan Syarikat Petroleum Brunei akan membuat perundingan dengan Syarikat TOTAL sebelum mereka memulakan penggalan dan jika diperlukan, kerajaan akan mengambil konsultan untuk mengkaji secara keseluruhan untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat telah membuat persiapan yang cukup di dalam semua hal supaya kejadian Mexico tidak akan berlaku di negara ini. Di samping itu juga, kita mempunyai jawatankuasa kebangsaan untuk menangani tumpahan minyak (*oil spill*) yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Laut.

Walau bagaimanapun sebahagian dari perancangan kontengensi tumpahan minyak

kita mempunyai *arrangement* dengan syarikat Oil Spill Responsibility ELF yang mempunyai keupayaan yang bertaraf antarabangsa untuk menangani musibah tumpahan minyak. Walau bagaimanapun perancangan kontengensi ini mesti diuji keberkesannya dari masa ke semasa dan kita berharap dengan perancangan yang cukup, syarikat minyak antarabangsa seperti TOTAL, kita tidak akan memerlukan kontengensi ini. Bagi menjawab tentang cadangan EIA (*Environmental Impact Assessment*). EIA memang dibuat tiap-tiap sebelum eksplorasi ataupun *drilling* minyak memang diadakan di EIA. Atu saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima Kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebenarnya kita ada apa yang dipanggil OSPAR iaitu *Oil Spill Preparation and Response* yang seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga tadi dan jawatankuasa ini sering mengadakan yang dipanggil Audit dan Latihan yang berkala untuk menangani *oil spill* bagi *scale* yang ada pada masa ini. Tapi apabila *operation* ini akan menjadi lebih besar di kawasan penggalan yang lebih besar, respons dan langkah-langkah yang selanjutnya akan terpaksa dikaji semula. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat. Sekiranya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bercakap,

maka perkara ini dibuka untuk diundi. Silakan yang bersetuju.

Jurutulis: Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat.

Yang Berhormat Pengerusi: Maka saya bukakan perkara ini jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan pertanyaan. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu bertanya maka perkara ini dibukakan untuk diundi. Sila angkat tangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju. (Semua mengangkat tangan). Perkara ini telah dipersetujui tanpa tentangan.

Jurutulis: Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SA03A - Jabatan Audit.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SA03A - Jabatan Audit. Jika ada apa-apa pertanyaan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat silakan. (Semua mengangkat tangan). Nampaknya perkara ini diterima tanpa tentangan.

Jurutulis: Tajuk SA03A - Jabatan Audit dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SA04A Biro Kawalan Narkotik. Ada apa-apa pertanyaan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Biro Kawalan Narkotik di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan syabas kerana jabatan ini telah pun banyak membuat perubahan dan banyak kemajuan-kemajuan yang telah dicapai. Jadi apa yang ingin saya sentuh di majlis ini, Biro Kawalan Narkotik dan juga jabatan-jabatan kerajaan yang bersepadu pada baru-baru ini banyak mengadakan rondaan-rondaan kepada kompleks-kompleks membeli belah dan juga tempat-tempat strategik seperti di tepi pantai. Hasil daripada rondaan-rondaan tersebut, nampaknya banyak penduduk dan rakyat di negara ini khususnya belia-belia remaja didapati melepak dan membuat perbuatan-perbuatan yang kurang menyenangkan. Jadi saya merasa bersyukur kerana perkara ini telah pun ditangani oleh pihak Biro Kawalan Narkotik.

Dalam perkara ini saya ingin mencadangkan supaya ianya akan dapat diperluaskan dan dapat dijalankan secara berterusan, kerana apa yang telah didengar perkara ini dijalankan secara berkala, kerana kalau sekarang tidak diambil serius, ianya akan

menampakkan dan menambahkan keburukan lagi kepada negara kitani dan juga akan mendatangkan impak yang tidak baik kepada belia-belia kitani di negara ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli yang lain, silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Menjawab soalan Yang Berhormat tadi, diambil maklum soalan dan saranan beliau supaya ditingkatkan lagi keberadaan rondaan oleh Biro Kawalan Narkotik di tempat-tempat strategik akan diadakan dengan lebih gigih lagi di masa akan datang, diambil maklum apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin menyuarakan tentang peluang-peluang pekerjaan kepada residen rumah Al-Islah. Kita difahamkan bahawa Biro Kawalan Narkotik telah membuat satu pendekatan baru dalam membantu residen-residen rumah Al-Islah dengan mengatur program-program kemahiran bukan saja di bidang kerjaya bahkan juga kerohanian sebagai persediaan sebelum mereka keluar dari rumah tersebut untuk kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat. BKN dalam *approachnya* juga mendekati syarikat-syarikat swasta di Negara Brunei

Darussalam meminta mereka supaya bersedia membantu dalam program ini, dengan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada residen-residen yang dibebaskan. Alhamdulillah untuk makluman, ada beberapa syarikat swasta tempatan telah berani tampil ke hadapan menyahut seruan tersebut dan kita berharap lebih ramai lagi syarikat swasta di negara ini akan tampil untuk membantu usaha sungguh murni ini.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menyuarakan di dewan yang mulia ini mencadangkan supaya satu ketetapan dapat dikeluarkan kepada semua Jabatan Perkhidmatan Awam juga sekiranya ini tidak menyalahi sebarang peraturan untuk mempertimbangkan peluang-peluang pekerjaan di sektor awam kepada residen-residen rumah Al-Islah juga. Dan saya melihat peruntukan BKN pada tahun ini sebanyak \$13 juta, diharap peruntukan ini akan dapat menangani bukan sahaja soal gaji dan yang lain-lain tetapi perbelanjaan untuk menangani residen-residen yang ada pada ketika ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain? Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Menjawab soalan Yang Berhormat tadi tentang pemberian kerja, jabatan-jabatan kerajaan itu karang biartah Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menjawab. Saya ingin saja menekankan di sini yang setiap bekas penghuni selalunya memang berada di tahap

yang sangat *vulnerable* dan kitani bernasib baik jua di Brunei ani banyak syarikat-syarikat tempatan yang mahu tampil ke depan memberi pekerjaan kepada mereka.

Di samping itu juga, sepanjang tempoh 24 bulan residen ini yang dikenali sebagai "*orang yang di bawah pengawasan*" akan berterusan menerima bantuan dari segi kerohanian, motivasi, kaunseling, latihan kemahiran dan lain-lain bantuan yang difikirkan perlu atas Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Setiap penghuni Pusat Al-Islah yang telah dibebaskan akan diberi sumbangan \$200 sebagai wang saku. Diambil maklum atas cadangan Yang Berhormat tadi dan akan saya serahkan kalau boleh rakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (kedua) untuk menjawab yang lainnya. Terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih atas saranan Yang Berhormat Awang Haji Shafiee tadi. Sebenarnya perbincangan-perbincangan sedang diadakan dalam kerajaan untuk menangani perkara-perkara ini dan mengenai dengan cadangan itu insya-Allah akan diambil maklum. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Oleh kerana tidak ada lagi di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bercakap maka perkara ini diundi bagi Ahli-Ahli Berhormat yang bersetuju silakan angkat tangan. Perkara ini dipersetujui tanpa ada tentangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Jurutulis: SA04A - Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian daripada Jadual SA05A - Biro Mencegah Rasuah.

Yang Berhormat Pengerusi: Maaf, SA04A - Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian dari jadual. Jadi sekarang kita beralih kepada SA05A - Biro Mencegah Rasuah. Saya silakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap.

Oleh kerana tidak ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bercakap maka SA05A – Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebahagian dari Jadual.

Jurutulis: SA05A - Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebahagian daripada Jadual SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin akan bercakap mengenai dengan SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri? Maka perkara ini iaitu SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian dari Jadual.

Jurutulis: SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada

Jadual SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin akan bercakap mengenai dengan perkara ini? Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Kita telah pun menghadiri Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini selama enam kali sudah dan banyak cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan telah dikemukakan disumbangkan oleh Ahli-Ahli Yang Dilantik sama-sama bermuzakarah ke arah memajukan dan membangunkan negaraku Brunei Darussalam. Sejauh ini kita jarang mendengar atau menerima maklum balas di atas cadangan-cadangan atau pandangan-pandangan yang tidak terjawab sewaktu perbincangan diadakan. Ianya berlalu begitu saja dan mungkin terus dilupakan kalau tidak dibangkitkan semula di sesi mesyuarat berikutnya.

Bukan apa Yang Berhormat Pengerusi, sekiranya ada maklum balas didengar atau diterima dari pihak-pihak yang berkenaan sekurang-kurangnya dapat juga disalurkan kepada orang ramai sebagai makluman dan pengetahuan mereka. Secara tidak langsung ini dapat menunjukkan bahawa kita mengamalkan *governance* dan pada masa yang sama falsafah Melayu Islam Beraja yang kita sama-sama sanjung tinggi akan terus mantap dan kekal buat selama-lamanya. Mohon maaf jika tidak menyalahi sebarang peraturan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini, mohon kalau dapat

diperjelaskan Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Saya ingin mengetengahkan satu perkara selaras dengan perkembangan semasa yang mana buat pertama kalinya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melantik seorang Timbalan Menteri dari kaum hawa (wanita). Dengan adanya seorang wanita berada dalam jemaah menteri walaupun sebagai Timbalan Menteri sekurang-kurangnya sebagai langkah awal untuk memenuhi aspirasi kaum wanita. Majlis telah maklum bahawa penduduk negara ini separuhnyanya daripadanya 50% adalah terdiri kaum hawa dan tidak mustahil di tahun-tahun akan datang bertambah bilangan mereka dan mengatasi kaum adam.

Untuk itu sudah tiba masanya kaum hawa akan dapat berganding bahu untuk sama-sama memikul tanggungjawab terhadap rakyat dan negara ini ke arah yang lebih mantap dan berkesan. Seringkali kita mendengar slogan "*Pemuda Harapan Bangsa Pemudi Tiang Negara*". Dengan adanya slogan sedemikian menandakan betapa pentingnya kaum hawa itu supaya akan dapat diadakan atau duduk bersama dalam Majlis Mesyuarat Negara sebagai ahli mewakili kaum hawa sepenuhnya. Maka dengan adanya wakil kaum hawa duduk dalam majlis yang mulia ini sudah tentu kita

yakin suara-suara dan masalah-masalah kaum hawa khususnya kaum ibu akan dapat di ketengahkan kepada pihak kerajaan seperti mana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sidang Mesyuarat Negara kali pertama. Dalam hubungan ini peranan kaum wanita (hawa) adalah amat penting dan perlu demi kelangsungan kehidupan berbangsa dan bernegara untuk generasi yang akan datang supaya ianya kelihatan selari dan selaras seperti kata para biduan "*Irama dan Lagu tidak dapat dipisahkan, kalau dipisahkan sumbanglah irama*". Sekian terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat mengenai dengan cadangan Yang Berhormat supaya wakil-wakil dari kaum hawa itu akan dapat ditampilkan ke hadapan dan saya percaya pihak-pihak yang berkenaan (kaum adam) akan memikirkan dan mempertimbangkan perkara ini. Mengenai dengan teguran Ahli Yang Berhormat tadi terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan dalam majlis ini yang mana belum ada jawapan sama ada katanya terlupa atau tidak, saya akan serahkan dan menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan mengenai dengan pertanyaan-pertanyaan itu supaya dengan seberapa boleh diberikan penjelasan dari semasa ke semasa dengan seberapa segera selepas ianya dikemukakan dalam majlis ini. Insyallah.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Terima kasih. Pengerusi Majlis. Saya sedikit

saja, cuma menyokong apa yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi iaitu bagi menyokong supaya diadakan dari perempuan dalam Majlis Mesyuarat Negara. Kalau melihat di negara-negara yang maju dan ke seluruh negara-negara, apa yang kita ketahui ianya memang ada wakil bagi pihak wanita. Jadi, oleh itu saya menyokong penuh usul Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman: Yang Berhormat Pengerusi. Berhubung dengan soalan-soalan yang dikemukakan dalam dewan ini yang tidak dijawab dengan diambil maklum atau *noted* dan akan difikirkan. Saya sukacita merujuk kepada soalan Yang Berhormat Pehin Goh King Chin pada tahun lepas. Berhubung dengan *stateless* yang dikenakan bayaran *re-entry permit* dan *re-entry visa*. Perkara itu telah diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun lepas dan sebagai lanjutan daripada perkembangannya adalah seperti berikut Yang Berhormat:-

"Perkara bayaran permit yang dikenakan kepada *stateless* atau Penduduk Tetap Negara ini yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan bagi *re-entry permit* sebanyak \$10.00 dan *re-entry visa* sejumlah \$50.00 telah pun dipertimbangkan dan diteliti oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dari semenjak tahun lalu dan satu sokongan telah dibuat yang mana akhirnya

telah disembahkan dan sukacita di dewan majlis ini, saya mengambil kesempatan memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan untuk *re-entry visa* dan bayaran *re-entry permit* yang dikenakan kepada penduduk tetap negara ini yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan stateless ditiadakan". Sekian Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:

Terima kasih, saya wakil warga Tionghoa mengucapkan terima kasih kepada Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengubahkan *re-entry visa* dan *re-entry permit*. Terima kasih. Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat akan bercakap. Tajuk SA07A – Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara. Adakah dipersetujui?

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat mempersetujui. Maka tajuk ini dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih

Jurutulis : Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi Majlis. RTB baru-baru ini telah mengadakan taklimat di daerah-daerah mengenai dengan peralihan sistem analog yang ada sekarang kepada sistem digital mulai tahun 2015 hingga 2020 secara berperingkat-peringkat. Ini adalah satu perkembangan yang menunjukkan kemajuan yang patut kita banggakan. Saya cuma ingin bertanya, apakah perancangan jangka panjang dan pendek pihak RTB dalam menyampaikan maklumat-maklumat pada semua peringkat orang ramai, termasuk si pembekal peralatan mahupun pengguna supaya mereka tidak terpedaya di masa peralihan sistem ini berjalan nanti dan berapakah anggaran perbelanjaan yang akan dibelanjakan dalam tempoh masa peralihan sistem tersebut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar:

Yang Berhormat Pengerusi Majlis minta tangguh kan menjawab soalan ani dalam masa akan datang. Minta tangguh dulu Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis, saya ingin mengutarakan

iaitu dalam beberapa rancangan yang dikeluarkan oleh Radio Televisyen Brunei. Baik pun rancangan itu, rancangan yang dianggap berjaya atau rancangan yang dianggap baik, sememangnya ia adalah diikuti dengan baik oleh penonton dan rakyat di negara ini dan sebaliknya jika rancangan itu kurang baik juga ianya dianggap oleh pihak penonton baik. Begitu juga andaian rancangan itu dianggap kurang memuaskan atau tidak baik ianya juga dianggap oleh pihak penonton baik kerana keseluruhan apa yang telah dikeluarkan dipaparkan dalam kaca TV itu adalah bagi pihak penonton adalah ianya benar dan baik. Terutama sekali bagi pihak belia-belia yang belum lagi dapat membezakan yang buruk dan yang baik. Jadi apa yang saya maksudkan di sini supaya apa jua rancangan yang dikeluarkan di Radio Televisyen Brunei ini haruslah berhati-hati dan jangan kitani terkeluar daripada landasan iaitu negara kitani yang berpegang teguh dengan Melayu Islam Beraja dan salah sebuah negara iaitu Negara Zikir.

Alhamdulillah, apa yang kitani lihat sejauh ani apa yang dipakai oleh juruhebah dan sebagainya seperti pemberita di Radio Televisyen Brunei mereka memakai pakaian yang berunsur keugamaan. Tetapi sebaliknya kadangkala ada di antara persembahan-persembahan itu pakaian-pakaian yang dipaparkan ianya kurang sesuai ditonton oleh masyarakat. Jadinya saya maksudkan supaya bagi pihak rancangan-rancangan ini supaya akan berhati-hati kerana ia akan menjadi ikutan kepada pihak penonton di negara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, saya percaya, perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pengerusi Majlis diambil maklum.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Berhormat Pengerusi Majlis saya mengambil kesempatan ini ialah berhubung dengan siaran radio yang dipancarkan dari Stesen Tutong. Sering sekali rancangan tersebut atau rancangan tergendala dan kurang dapat diterima terutama sekali selalu rosak. Jadi adalah diharapkan supaya keadaan tersebut akan dapat diperbaiki dan maklumat yang saya terima ialah tidak ada kakitangan juruteknik di sana. Diharapkan supaya stesen radio di Tutong itu dibekalkan tenaga teknikal. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis, soalan Yang Berhormat tadi perkara ini akan ditentukan. Tentang masalah Juruteknik di daerah masing-masing akan ditentukan pada masa akan datang. Sememangnya sekarang ini tiap-tiap daerah itu mempunyai

Jurutekniknya masing-masing dan pagi tadi jawapan yang belum terjawab lagi kaola mohon pada Yang Berhormat Pengerusi minta tangguh dulu jawapan yang tadi itu.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Jika tidak ada ahli-ahli yang lain ingin bercakap ada baiknya perkara Radio Televisyen Brunei ini diundi. Silakan.

Semua Ahli bersetuju.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli-Ahli sudah bersetuju. Maka Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: SA08A - Radio Televisyen Brunei, dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya masanya telah tiba bagi kita berehat sebentar selama lebih kurang setengah jam. Maka Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan sehingga kita memulakan lagi dalam tempoh setengah jam. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan selama 30 minit.

(Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang

majlis mesyuarat disambung untuk membahaskan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan. Sebentar tadi, Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai membincangkan dan meluluskan tajuk SA08A- Radio Televisyen Brunei. Sekarang persidangan majlis ditangguhkan dan akan bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya.

(Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang mesyuarat disambung untuk membahaskan tajuk-tajuk seterusnya iaitu Tajuk SA09A – Jabatan Penerangan.

Jurutulis: Tajuk SA09A – Jabatan Penerangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada di antara Ahli-Ahli yang akan bercakap? Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Jabatan Penerangan sebenarnya menunjukkan semakin ada peningkatan, iaitu kalau kita lihat di beberapa tempat dan perkembangan yang telah dibuat oleh jabatan ini. Walau macam mana pun saya ingin memberi teguran sedikit, iaitu yang mana kerap kali didapati pemberita ataupun media-media yang terdapat di negara kita ini seringkali membuat beberapa kesilapan dan membuat liputan yang belum lagi memuaskan. Misalnya dalam beberapa majlis-majlis yang di adakan, pernah kita membaca, orang yang

hadir pada ketika itu, orang-orang yang disebutkan seperti pangkat, gelaran-gelaran bagi seseorang adalah kadang-kadangnya tidak tepat dan tidak betul. Begitu juga kalau kita melihat dalam beberapa majlis-majlis ada di antaranya kakitangan ataupun media-media seperti jurugambar memakai pakaian yang saya anggap tidak sesuai dalam beberapa majlis kerana mereka ini biasanya tampil di hadapan-hadapan majlis, ianya ditonton oleh beberapa orang ataupun orang-orang yang hadir di dalam majlis itu.

Jadi saya berharap mudah-mudahan perkara ini akan dapat diperbaiki dan dipantau oleh pihak Jabatan Penerangan dan juga seringkali kesilapan-kesilapan berlaku contohnya pada hari ini, Borneo Bulletin keluaran hari ini, apa yang kita lihat gambar yang dikeluarkan ialah gambar Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha tetapi apa yang kita baca namanya di bawah ialah nama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman, Menteri Kewangan II (Kedua), ini satu kesilapan. Mudah-mudahan perkara sedemikian ini akan dapat diperbaiki oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih saranan Yang Berhormat tadi itu, diambil maklum dan perlu jua diingat bukan saja Jabatan Penerangan barangkali di bawah Akta Siaran

Akhbar adalah di bawah jagaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga yang mengeluarkan lesennya bagi media-media di Brunei ani.

Tapi izinkan kaola juga untuk menjawab soalan yang belum tadi berjawab iaitu soalan tentang digital RTB, yang ditanyakan tadi berapa total perbelanjaan digital RTB, semua sekali totalnya dalam \$229 juta akan disediakan untuk menukar daripada analog ke digital dan ia akan diadakan secara berperingkat dan kenapa kitani mesti menunggu sampai 2015 baru start, ani perjanjian antara Menteri-Menteri Penyiaran ASEAN yang ada bermesyuarat pada tahun lepas, membuat persetujuan supaya digital ini disalurkan di negara-negara ASEAN mulai dari tahun 2015. Itu saja yang dapat saya terangkan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya bercakap mengenai edaran Pelita Brunei. Masa ini terdapat edaran Pelita Brunei boleh dikatakan merata-rata termasuklah kedai-kedai di seluruh negara. Apa yang merungsingkan saya, di Pelita Brunei itu terdapat gambar-gambar kerabat diraja dan ayat-ayat suci Al-Quran. Kalau dapat diedarkan di masjid-masjid saja, sebabnya kitani untuk menjaga kemartabatan ayat-ayat suci Al-Quran dan gambar kerabat diraja. Kalau di kedai mana ia ambil tahu peduli, di buatnya sama macam itu saja. Jadi untuk menyelamatkan atau menjaga maruah

gambar-gambar yang ada di dalam itu patut di awasi. Sekian, Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis, oleh sebab jawapan yang di berikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, secara rasmi di dewan yang mulia ini, saya terpaksa menjawab terima kasih banyak di atas jawapan yang diberikan. Alhamdulillah, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Tidak ada? Oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat akan bercakap, maka Tajuk SA09A – Jabatan Penerangan, kecuali ada yang menentang, kalau tidak ada maka Tajuk ini dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA09A – Jabatan Penerangan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam yang ketujuh belas, pada 21 haribulan Oktober 2010, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di antara lain ada bertitah mengenai dengan usaha Jabatan Perkhidmatan Awam merancang untuk

memajukan Perkhidmatan Awam sama ada ia dalam bentuk pelan strategik ataupun pelan pembaikan berterusan. Adalah mustahak untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang asasi dan utama tidak diabaikan. Di antara perkara-perkara itu ialah seperti:-

1. Kedatangan, komitmen, dedikasi, disiplin dan integrasi. Apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh JPA untuk memastikan perkara-perkara yang tersebut tadi dipatuhi mengikut apa yang sepatutnya? dan
2. Tekad Pemeduliaan Orang Ramai. Dalam hal ini baginda di antara lain ada bertitah “...bahawa adalah mustahak dipastikan sama ada perkhidmatan TPOR berjalan dengan lancar dan memuaskan ataupun masih di tahap lemah...”. Dalam hal ini Perkhidmatan Awam mestilah terlebih dahulu mengkaji *expectation* orang ramai apabila berurusan dengan pihak Perkhidmatan Awam. Sikap pemeduliaan dan mahu menolong di samping *availability* dan kemahiran pegawai-pegawai dan kakitangan yang dijumpai adalah faktor-faktor utama apabila orang ramai berurusan dengan pihak Perkhidmatan Awam. *Feedback* yang berpatutan dari orang ramai perlulah diambil kira dan dalam menyediakan TPOR ini pihak Perkhidmatan Awam mestilah *transparent* dan seterusnya diadakan satu pusat yang benar-benar berkuasa dan bertanggungjawab untuk membuat aduan. Apakah tindakan yang telah di ambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam

terhadap perkara ini? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua atas soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh yang mana dua soalan telah diajukan;-

1. Mengenai dengan disiplin produktiviti dan sebagainya, memang mengenai dengan disiplin produktiviti dan perkara-perkara yang dinyatakan tersebut memanglah ditangani oleh kerajaan melalui kementerian-kementerian dan jua ketua-ketua jabatan dengan mengadakan misalnya dari segi kedatangan sistem-sistem melalui komputer di mana setiap kakitangan akan mendaftar melalui sistem-sistem tersebut dan dari sana kita akan dapat melihat sama ada kakitangan-kakitangan tersebut telah melaksanakan tanggungjawabnya dari segi kedatangan setiap hari. Di samping itu, beberapa kursus-kursus, motivasi dan jua yang berkaitan dengan disiplin juga diadakan dari masa ke semasa oleh jabatan-jabatan, kementerian-kementerian. Dan sebagaimana yang koala nyatakan perkara ini adalah *on going* dan di samping itu kementerian-kementerian juga telah diarah untuk mengukuhkan pemantauan dari segi disiplin dan kedatangan ini; dan

2. Mengenai dengan TPOR sebagaimana yang kita sedia maklum memang TPOR ini adalah sentiasa dipantau dari masa ke semasa diubah mengikut haluan semasa dan jua apabila menerima beberapa saranan-saranan daripada pihak-pihak orang ramai supaya ianya dapat diperbaiki dengan lebih sempurna dan teratur. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Jika tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bercakap maka tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian dari Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, saya buka untuk dibincangkan. Tidak ada yang mahu membincangkan maka Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan polis, Pasukan Polis Diraja Brunei adalah satu-satunya benteng pertahanan negara dalam mempertahankan keamanan, kedamaian dan keharmonian negara. Polis diberikan kuasa untuk menjalankan dan mengawasi undang-undang ataupun *law enforcement agent*. Keamanan itu penting bagi sesebuah negara untuk terus maju dan berjaya. Sebagaimana yang kita sama-sama fahami dewasa ini pergolakan politik dunia kian mengancam, lebih-lebih lagi di dunia sebelah Timur Tengah seperti negeri Tunisia, Egypt, Yemen, Bahrain dan Libya yang sudah menjadi huru-hara dengan suasana yang mengerikan. Peranan polis sangat-sangat diperlukan untuk menjaga keamanan negara. Yang saya ketahui buat masa ini Pasukan Polis Diraja, sedang dalam proses penyediaan kelengkapan-kelengkapan pembinaan infrastruktur dan prasarana-prasarana dan yang lain-lainnya. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan seperti pusat-pusat latihan, bangunan-bangunan pejabat, pentadbiran dan perumahan.

Justeru itu, kita penuh berharap pihak pasukan polis akan dapat meningkatkan keupayaan kapasiti ataupun *capacity building* sebagaimana yang juga telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia betapa pentingnya *capacity building* itu untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi sesebuah organisasi itu. Kita perlu *capacity building* dalam segala bidang, kapasiti dalam bidang ekonomi, kapasiti dalam bidang pelajaran, kapasiti dalam bidang ugama, kapasiti dalam bidang pertahanan dan keselamatan juga penting.

Kalau dilihat dalam belanjawan 2011/2012, keanggotaan polis tidak bertambah, malah berkurangan dari 5,182 tahun 2010/2011 kepada 5,179 untuk 2011/2012. Jumlah perbelanjaan juga hanya meningkat sedikit daripada \$122 juta kepada \$125 juta, kira-kira \$3 juta tambahan sahaja.

Jadi soalan saya, apakah pelan strategi atau perancangan Polis Diraja Brunei untuk menambahkan keanggotaan polis ataupun *new recruitment* bagi menampung perkhidmatan-perkhidmatan yang bertambah-tambah yang diperlukan oleh negara kitani yang sedang dalam pembangunan ini untuk memastikan orang ramai mengikuti peraturan-peraturan dan tidak melanggar undang-undang selaku *law enforcement agency*. Ini memerlukan *human resources* yang banyak yang berwibawa dan yang bertenaga mahir untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam dunia kita yang semakin canggih dan sofistikated ini.

Soalan saya yang kedua, untuk *clarification* di dalam Buku Belanjawan, saya ternampak gaji bagi Pesuruhjaya Polis, ada menurun dalam 2010/2011 \$216 ribu dan tahun 2011/2012 \$130 ribu, barangkali hanya untuk *clarification*, saya rasa indakan gajinya diturunkan dalam catatan-catatan Buku Belanjawan. Itu saja terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Pegawai Polis Tambahan, jumlah keseluruhan Anggota Polis Diraja Brunei ialah 5,179 orang dan dari jumlah itu seramai 1,253 orang iaitu hampir 25% ialah Pegawai Polis Tambahan.

Tugas Pegawai Polis Tambahan di antara lain ialah sebagai Polis Rusuhan, Polis Hutan dan yang lain-lain lagi. Mereka juga sama-sama bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan negara dan dalam menjalankan tugas-tugas mereka juga seringkali berhadapan dengan keadaan yang bahaya. Saya difahamkan bahawa mereka ini adalah dalam lantikan 'Open Vote' dan tidak berpuan hati dan tidak boleh menuntut elauan pelajaran bagi anak-anak mereka dan kemudahan-kemudahan yang lainnya. Memandangkan mereka ini adalah *part dua* and *parcel of the police force* adalah disarankan agar mereka ini juga diberi keistimewaan seperti anggota polis yang lainnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis, Alhamdulillah saya dimaklumkan bahawa bangunan baru Pos Polis di Teraja, Mukim Labi telah pun siap dan beroperasi. Maka dengan adanya penambahan Pos Polis di kawasan pedalaman ini sekurang-kurangnya dapat membantu mengurangkan kegiatan kecurian pokok-pokok gaharu dan lain-lain kegiatan yang negatif di kawasan tersebut.

Sementara bilangan Anggota Polis Diraja Brunei seperti apa yang telah dinyatakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat awal tadi bahawa khususnya di Daerah Belait, masih tahap bilangan yang lama belum bertambah, sedangkan keperluan-keperluan di daerah tersebut adalah amat dikehendaki. Misalnya mengawal lalu lintas di masa-masa *peak hours* di sekolah-sekolah di daerah tersebut.

Sementara pada awal tahun ini, saya difahamkan bahawa sebahagian besar hampir 3 suku daripada anggota pegawai polis kanan di Daerah Belait telah pun terbabit dalam pertukaran-pertukaran anggotanya. Ini mungkin menjejaskan keadaan di Daerah Belait terutama ketangkasan melancarkan tugas masing-masing di daerah itu kerana rata-ratanya pegawai-pegawai baru.

Walau bagaimanapun, dengan status perkembangan pihak Polis Diraja pada ketika ini kita penuh percaya bahawa mereka akan dapat menjalankan tugas-tugasnya seberapa yang baik. Di samping itu, kita pernah menyuarakan satu soalan pada tahun lepas iaitu tentang status perkembangan memindahkan rumah anggota polis APO yang letaknya di Bukit Puan ketika ini yang mana sering terjejas banjir. Saya ingin mengetahui status perkembangan rancangan tersebut? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis,

Benutan ataupun kawasan-kawasan Ulu Tutong ialah kawasan yang terpencil agak-agak jauh dan lebih-lebih menyukarkan apabila berlaku banjir. Sepertimana yang telah diterangkan Yang Berhormat kawan saya tadi, bahawa kehilangan pokok-pokok gaharu sering berlaku, jadi untuk itu saya bercadang dalam majlis ini supaya sebuah Balai Polis atau Pos Polis ditubuhkan di Kampung Benutan demi untuk menjaga keselamatan penduduk-penduduk dan negara kita kerana berhampiran dengan kawasan yang difikirkan boleh berlaku sesuatu. Tambah-tambah lagi pada masa ini perkembangan di Ulu Tutong berjalan lancar dengan terbinanya sebuah ampangan air di Kampung Belabau bernama Lubuk Ning. Majlis mengharapkan supaya pandangan dari pihak atau penduduk kampung tersebut juga patut dipertimbangkan. Sekian, Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pengerusi. Untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan tadi atau kalau boleh *in future*, kalau boleh sebuting-sebuting dulu soalan atau dengan jawapannya, kadang-kadang terlampau banyak menyulitkan jua. Walau bagaimanapun barangkali untuk menjawab tentang gaji dulu, biar tia rakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menjawab dan baru tah kaola menerangkan selanjutnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih dan kaola jua mengucapkan terima kasih di atas soalan-soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan jumlah bilangan dan gaji polis di mana didapati dalam bajet yang ada gaji-gaji tersebut adalah berkurangan. Ini sebenarnya adalah mengikut perkiraan-perkiraan sebenar dan di samping itu juga dari 5,579 itu tadi sebenarnya banyak lagi jawatan-jawatan kosong yang perlu diisi oleh Pasukan Polis.

Dalam rekod semasa Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan, terdapat 396 jawatan yang masih kosong, sebab atau lah ia in da ditambah. Dan insya-Allah kaola telah difahamkan oleh pasukan polis yang jawatan-jawatan ini adalah aktif untuk diisikan, atau saja pehin. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Kaola menambah jua apa yang diterangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) masa ani sebanyak 356 jawatan-jawatan polis masih kosong dan memang tidak dapat dinafikan terdapat cabaran-cabaran dalam pengambilan rekrut-rekrut baru. Di antara cabaran-cabaran ini ialah rekrut-rekrut yang baru ani perlu mempunyai pendidikan asas 4 'O' level yang mana telah bermula sejak tahun 2007, rekrut yang bersih, lulus tapisan keselamatan dan ujian psikologi.

Pada setiap tahun memang banyak yang telah memohon untuk berkhidmat dengan Pasukan Polis Diraja Brunei. Walau bagaimanapun setelah menjalani tapisan tersebut hanya sebilangan anggota yang lulus dan berkeelayakan. Kita mestilah ingat bahawa pasukan Polis Diraja Brunei mestilah tegas dalam hal ini kerana pembentukan anggota di peringkat awal mestilah benar-benar berkeelayakan kerana kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Polis pada masa depan itu tergantung kepada anggota-anggota di peringkat awal ini. Ini kerana anggota-anggota Polis Diraja Brunei di pertanggungjawabkan untuk menjaga keamanan, ketenteraman serta keselamatan awam. Tanpa anggota yang bersesuaian dan berkeelayakan ianya akan menjejaskan keamanan yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, usaha akan diteruskan dan inisiatif dibuat untuk meningkatkan lagi pengambilan pada masa depan, tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan Polis Diraja Brunei. Di antaranya adalah menurunkan kelayakan dari 4 'O' level kepada 2 'O' level untuk pengambilan konstabel polis, tapi masih lagi ditahankan di peringkat 'O' level sebabnya diselaraskan dengan Sistem Pendidikan Negara ke 21. Strategik pelan polis yang perlu ditekankan ialah meningkatkan *police visibility* dan memastikan peralatan yang diperolehi menambahkan keupayaan dan kebersediaan operasi dalam meningkatkan *efficiency community policing* dan pendekatan *whole of government integrity coordination* dan meningkatkan *capability* Polis Diraja Brunei terutama dari segi kemahiran.

Menjawab pasal Balai Polis yang di Bukit Puan pada masa ini cadangan bagi mengadakan perumahan bagi APO di Bukit Puan Daerah Belait masih lagi dalam perancangan, mudah-mudahan insya-Allah dalam tahun ini akan mula dibuat.

Mengenai dengan kayu gaharu tadi, Pasukan Polis Simpanan sentiasa bekerjasama dengan berbagai agensi seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Perhutanan dan agensi yang lain untuk memastikan yang permasalahan pencurian kayu gaharu ini akan berlaku di Negara Brunei Darussalam dan cadangan untuk membuat Polis Sempadan Kem di Daerah Tutong diambil maklum. Ada mempunyai base kem di sempadan-sempadan yang mana ditafsirkan sebagai tempat selalunya berlaku kecurian kayu gaharu. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Khusus bagi pos-pos polis atau pondok-pondok pos polis di mukim-mukim dan di kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara. Jadi melihat keadaan Pos Polis tersebut kebanyakan pegawai-pegawai yang ditempatkan di pos-pos polis sekarang ini hanya satu orang pegawai. Walau macam mana pun melihat dari segi tugas yang mereka buat kebanyakan pegawai-pegawai pos polis ini ditugaskan keluar

daripada kawasan pos polis di mukim-mukim dan kampung-kampung. Ianya banyak ditugaskan di kawasan bandar atau pusat, jadi apabila berlaku apa-apa jua hal di mukim dan di kampung, orang ramai tidak dapat menghubungi pihak polis kerana ianya ditugaskan keluar daripada kawasan dan kampung. Jadi, diharapkan atau dicadangkan supaya pegawai-pegawai pos polis yang ditempatkan ini ditambah kepada yang bersesuaian seperti dua orang setiap Pondok Pos Polis;

2. Di antara bangunan-bangunan yang terdapat di pos-pos polis di mukim-mukim ada di antaranya bangunan-bangunan tersebut terlalu lama dan sudah usang dan ada di antaranya dianggap kurang selamat. Jadi diharapkan supaya ianya dapat dibuat penelitian dan kalau boleh ianya akan dapat diperbaharui; dan
3. Di kawasan-kawasan perpindahan-perpindahan ada di antaranya belum terdapat pos-pos polis atau pondok-pondok pos polis. Jadi dicadangkan dan dipohonkan supaya dibangunkan Pondok Polis. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Diambil maklum saranan daripada Yang Berhormat tadi. Tentang memanggil talian kecemasan polis semestinya ada walaupun di pos itu tiada orang tapi talian kecemasan ini yang

sepertimana saya difahamkan sepatutnya dapat menjawab dan dapat menghantar apa-apa bantuan yang dikehendaki oleh di mana-mana mukim. Tiap-tiap pos-pos mukim itu ia akan berhubung terus dan dapat dihubungi terus dengan di pejabat Polis Daerah masing-masing. Yang baiknya barangkali gunakan talian kecemasan polis itu untuk meminta bantuan sebabnya di sana dapat terus Insya-Allah membagi bantuan dan terus menghantar mana-mana keperluan yang diperlukan.

Tentang pondok-pondok Balai Polis yang sudah lama dan yang sudah usang, insya-Allah akan diperbaiki secara berperingkat mengikut *capability* Pasukan Polis sebabnya bajet memang ada. Sekian Yang Di-Pertua. Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini saya ingin jua memberikan pendapat. Walaupun sebagai Speaker di negeri-negeri lain dianggap sebagai *neutral* tetapi oleh sebab sistem kitani di sini ini ada *opposition* tetapi semuanya merupakan bermuzakarah saya ingin memberikan pendapat mengenai dengan kekosongan jawatan-jawatan atau kesukaran untuk mengisi jawatan-jawatan kosong dalam Pasukan Polis Diraja Brunei. Saya percaya pihak yang bertanggungjawab telah dan sedang berusaha bukan sahaja untuk menambah bilangan (*quantity*). Anggota-anggota Polis tetapi juga meninggikan kualiti atau mutu perkhidmatan yang diberikan mereka.

Kesukaran untuk mendapatkan rekrut-rekrut yang mencukupi, pada pengalaman saya adalah disebabkan sumber tenaga muda

baik lelaki mahupun perempuan di Brunei ini sangat terhad. Sumber itu juga dituju oleh pasukan-pasukan perkhidmatan yang beruniform yang lain seperti Pasukan Angkatan Bersenjata, Pasukan Penjara, Pasukan Bomba dan Penyelamat dan seumpamanya. Jadi semua badan-badan beruniform ini menuju atau mengambil dari *pool* yang sama, yang terhad. Jadi itulah tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan banyak lagi kekosongan yang sukar atau yang belum dapat diisi kerana tidak mencukupi rekrut-rekrut yang dimaksudkan. Sekian, terima kasih.

Jika tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin berucap maka Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA12A – Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA14A – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan bercakap. Silakan.

Oleh kerana tidak ada Ahli-Ahli yang akan memberikan ucapan, Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SA14A – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA15A – Unit Petroleum.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Adalah kaola difahamkan, Daerah Temburong masih terdapat penyeludupan minyak diesel subsidi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Penyeludupan minyak diesel keluar sempadan, kes-kes seperti ini didapati berulang kali, yang mana sewenang-wenangnya diambil kesempatan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Jadi kaola ingin tahu dan bertanya, apakah cara yang lebih baik dan berkesan bagi mengatasi dan mengelakkan perkara ini berterusan berlaku. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, penyeludupan memang diakui masih lagi berlaku dan kerajaan dengan operasi bersepadu Pasukan Polis Diraja, Pasukan Kastam masih meningkatkan pemerhatian dan masih dapat mengawal keadaan ini. Walaupun tidak dapat dinafikan ianya masih berlaku, banyak perkara-perkara yang telah dibuat bagi mengelakkan supaya ianya tidak berlaku, umpamanya meningkatkan lagi pemantauan di stesen-stesen minyak yang dinyatakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunos bin Mohd Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Pembukaan Kawasan-kawasan CA1 dan CA2 bagi eksplorasi. Alhamdulillah, dan diucapkan tahniah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam penyelesaian rundingan ke atas kawasan laut dalam dan seterusnya mewujudkan kawasan eksplorasi CA1 dan CA2.

Adalah difahamkan aktiviti-aktiviti eksplorasi dan pembangunan di kawasan-kawasan ini akan menelan belanja yang banyak, hingga berbilion ringgit Brunei setahun. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan kontraktor-kontraktor tempatan akan mempunyai kapasiti dan juga mempunyai peluang untuk memberi khidmat mereka di dalam aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan nanti agar wang pelaburan tidak diberikan kepada syarikat-syarikat dari luar negara sahaja.

Dua tahun yang lalu, saya pernah membangkitkan pertanyaan mengenai kedudukan pentingnya Unit Petroleum dalam arena industri minyak dan gas negara termasuklan keperluan meneliti jalan bagi memastikan organisasi berkenaan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sebaiknya. Apakah kemajuan atau terdapat sebarang perkembangan baru di dalam perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya mempunyai satu soalan sahaja iaitu apakah perancangan pihak Unit Petroleum dalam

jangka panjang mengenai dengan rumah-rumah yang ada di kawasan Loji BLNG, BMC dan TOTAL di mana kawasan tersebut sudah pun menjadi kawasan industri pada masa ini.

Untuk makluman bahawa penduduk-penduduk di kawasan tersebut sering mengadu tentang kebisingan disebabkan *plant-plant* tersebut telah sedikit sebanyak mengganggu ketenteraman mereka. Sekian yang dapat saya sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Saya akan menjawab pertanyaan tentang Blok CA1 dan CA2 tentang kemanfaatannya kepada Negara Brunei Darussalam.

Perlu saya nyatakan di sini Blok CA1 dan CA2 adalah diwartakan ke Syarikat Petroleum Brunei. Operator Blok CA1 adalah Syarikat TOTAL Deep Water Offshore, B.V. dan penandatanganan Blok CA1 pada 23 September 2010 dan perancangan adalah untuk penggalian tiga telaga eksplorasi ini dijangka akan bermula pada pertengahan 2011 dengan anggaran kos US\$250 juta. Sementara penandatanganan Blok CA2 telah dibuat pada 13 Disember 2010. Operator bagi blok ini adalah Petronas Carigali dan penandatanganan *Production Sharing Contract* bagi Blok CA2 ialah pada 13 Disember 2010 dan bagi Blok CA1 pula ialah 23 September 2010. Pada perancangan adalah untuk penggalian satu telaga eksplorasi pada tahun ini.

Dengan Blok CA1 dan CA2 ini adalah diharapkan ia akan dapat meningkatkan lagi

produksi dan pendapatan Negara Brunei Darussalam. Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Syarikat Petroleum Brunei juga sedang mengadakan perbincangan bagi memastikan aktiviti-aktiviti dari blok ini akan dapat memberi kemanfaatan kepada negara melalui *spin off* dari aktiviti ini termasuklah pemberi pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan pembangunan syarikat-syarikat SME tempatan. Bagi soalan Yang Berhormat tadi tentang kedudukan BLNG saya minta tempoh untuk menjawabnya. Yang Berhormat Pengerusi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sesungguhnya agak terpanggil bagi membincangkan Unit Petroleum iaitu pengambilan pegawai-pegawai di syarikat-syarikat minyak dan gas. Sama-sama kita maklum bahawa beberapa pegawai dari peringkat pengurusan dari syarikat-syarikat minyak dan gas telah mengambil perkhidmatan dengan pihak kerajaan bagi mengisi jawatan-jawatan penting misalnya yang melibatkan Elektrik, Petroleum, IT dan sebagainya. Dalam masa yang sama kita juga mendengar syarikat-syarikat yang berkenaan yang mereka juga sedang menghadapi masalah *porching* dari syarikat-syarikat lain dari dalam dan luar negeri yang telah menyebabkan tekanan kepada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut. Dalam hal ini, kaola ingin bertanya, apakah

pengambilan-pengambilan ini dibuat secara pinjaman ataupun secara kekal.

Yang kedua, Saya percaya atau kaola percaya bahawa pegawai-pegawai yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengisikan jawatan-jawatan penting dalam kerajaan tidak semesti mempunyai kualiti yang sangat baik atau cemerlang. Tidakkah pengambilan ini merupakan satu beban kepada syarikat-syarikat berkenaan. Ataupun *manpower planning* syarikat dan juga kesannya kepada pegawai-pegawai kerajaan? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pengerusi, saya kurang jelas apa yang dipersoalkan. Kalau sekiranya pengambilan pekerja-pekerja minyak shell, Syarikat Minyak Shell sebelum mengambil *expertise* ke Brunei ia akan meminta dulu kepada Unit Petroleum untuk membenarkan sama ada atau inda mendatangkan setiap *expertise* ke Brunei. Orang-orang yang sudah bekerja di Minyak Shell ataupun di BLNG barangkali di BLNG yang mana di *porching* oleh syarikat-syarikat luar atau keadaan ini memanglah tenaga-tenaga yang mahir akan sentiasa di *head hunting* oleh syarikat-syarikat luar negara dan barang ini memang berlaku di industri seperti ini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Maka kecuali ada yang tidak bersetuju

Tajuk SA15A – Unit Petroleum dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA15A – Unit Petroleum dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA16A – Jabatan Mufti Kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan. Ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin untuk memberi ucapan. Silakan. Jika tidak ada, maka Tajuk SA16A – Jabatan Mufti Kerajaan dijadikan Sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA16A – Jabatan Mufti Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Yang Berhormat Pengerusi: Maka Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi saya bukakan untuk dibincang. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Sebagaimana yang juga kita fahami mengenai dengan perubahan baru iaitu BEDB telah pun ditukar ke bawah Jabatan Perdana Menteri, dari itu izinkan saya untuk mengemukakan soalan ini melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Sebenarnya projek di bawah BEDB pernah juga dibawakan pada tahun lepas iaitu projek PMB di mana ada saya pernah bertanya mengenai dengan progres ataupun status mengenai projek itu yang sama-sama difahami masa itu BEDB telah melantik

konsortium dari Singapura iaitu *Surbana* untuk menjalankan kajian bagi menyediakan pelan induk Pulau Muara Besar. Perlantikan telah dibuat bulan Oktober 2008. Barangkali ingin mengetahui di sini akan status mengenai dengan projek tersebut di mana saya difahamkan di antara teras perancangan pembangunan PMB ialah untuk memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk negara ini. Saya rasa ini mungkin juga dijadikan sebagai asas untuk meningkatkan negara kerana melalui *investment* juga akan menambah pendapatan negara kerana saya percaya kerajaan juga menggalakkan untuk mempelbagaikan ekonomi dan menarik pelabur-pelabur luar iaitu *FDI*. Projek yang sebesar ini memanglah sesuai untuk dijadikan sebagai satu perusahaan untuk membantu bagi pertumbuhan ekonomi negara ini.

Soalan kedua, sebagaimana juga yang sama-sama kita fahami BEDB telah banyak membuat projek-projek dalam perumahan di mana 2,000 buah rumah dibuat di Belait, 1,500 di Tutong dan 4,000 buah projek rumah di Brunei Muara. Saya ingin bertanya mengenai dengan *relationship with the project* ini dengan alam sekitar *environment* kerana projek yang di Daerah Brunei saya dapati tapaknya di atas bukit begitu *expose the environment* kerana kerja-kerja penyediaan tapak tanah itu besar, melibatkan kawasan hutan begitu besar. Jadi soalan saya adakah pernah diadakan *EIA* untuk projek ini kerana projek ini juga adalah projek pakej yang mana dibuat melalui *design in build* jadi, khususnya harga adalah satu perkara yang penting. Jadi,

adakah juga projek ini dipantau dengan rapi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola inda jua berapa jelas mengenai perkara ini terutamanya, kitani membincangkan JPKE ini tetapi soalan-soalan yang diajukan adalah bagi BEDB, jadi walau bagaimanapun boleh jua kaola jawab sikit mengenai perkara ini.

Mengenai dengan soalan pertama, iaitu Projek Pulau Muara Besar, Alhamdulillah memang kajian daripada konsultan yang dilantik telah pun selesai dan pada masa ini BEDB telah pun menerima beberapa cadangan projek pelaburan dari beberapa syarikat antarabangsa, dan pihak BEDB juga telah membuat penelitian dan pertimbangan untuk meneliti cadangan-cadangan ini termasuk juga untuk membuat perundingan dengan *stakeholder* yang lain.

Projek pembangunan Pulau Muara Besar ini akan menggunakan hasil daripada kajian serta *master plan* yang telah dibuat sebagai panduan untuk BEDB menangani mana-mana jua permohonan yang diajukan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Walau bagaimanapun bagi sebarang projek pembangunan dan perindustrian ianya bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:

Pertama dari segi *demand*, haluan pembangunan ini bergantung kepada

permintaan daripada pihak pengusaha dan pelabur semasa. Dan kedua jumlah dan sumber pelaburan yang mana pembangunan ini akan mengambil kira jua jumlah atau saiz harta sumber pelaburan yang akan digunakan. Oleh itu, disebabkan saiz pelaburan yang besar, pembangunan bagi Pulau Muara Besar ini mungkin akan dibuat dalam beberapa fasa.

Mengenai dengan soalan yang kedua, sama ada dibuat *environmental management plan* bagi projek-projek perumahan, jawapannya memang ada, pihak kontraktor telah pun melaksanakan *environmental management plan* bagi memastikan projek ini mempunyai impak yang minima pada alam sekitar dan kawasan sekelilingnya. Semasa pembinaan-pembinaan jua, pihak kontraktor diarah untuk mematuhi piawai antarabangsa dalam perkara-perkara seperti berikut: iaitu kadar had kebisingan, kualiti udara, habuk dan asap dan juga kualiti air di sungai yang mengalir berdekatan dengan projek-projek tersebut.

Jadi memang ada dibuat pemantauan jua daripada pihak-pihak BEDB dan juga kontraktor dan di samping itu BEDB juga melantik konsultan-konsultan yang berasingan iaitu *independent consultant* untuk mengawasi perkara-perkara ini, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam

menangani masalah orang ramai mengenai dengan kenaikan harga barang, barang keperluan harian yang terkawal. Yang masih menjadi pertanyaan dari orang ramai, seperti yang kaola dimaklumkan, masih ada jua kedai-kedai yang menjual barang-barang keperluan harian yang dikawal oleh kerajaan menaikkan harga sesuka hati. Adalah diharapkan pihak jabatan yang berkenaan dalam membuat pemantauan dipertingkatkan dengan tidak hanya menunggu laporan dan aduan daripada orang ramai. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin dan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat. Memang JPKE sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap perkara ini dari masa ke semasa memantau dan mengawal harga beberapa jenis barangan keperluan termasuklah misalnya seperti susu tepung kanak-kanak, minyak masak, kenderaan dan sebagainya. Di samping itu, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga telah mengumpulkan maklumat mengenai beberapa harga barangan asas dan maklumat ini disebarluaskan melalui media-media tempatan termasuk Pelita Brunei, Borneo Bulletin dan beberapa laman web, yang mana usaha ini adalah bertujuan:-

1. Adalah untuk memastikan harga barangan asas dijual dengan harga yang berpatutan;

2. Memastikan sebarang kenaikan harga barangan asas diselaraskan berdasarkan pasaran global;
3. Memberi panduan kepada orang ramai terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah dalam membeli barang-barang asas dengan harga yang berpatutan; dan
4. Memberi rangsangan kepada peniaga-peniaga untuk menjadi lebih kompetitif.

Jadi, bagi memastikan pemantauan dan pengawalan harga barangan yang lebih berkesan, pihak JPKE insya-Allah pada waktu ini sedang giat menjalankan kajian semula akta kawalan harga dan kajian ini insya-Allah akan menambah jenis barangan baru di dalam senarai yang akan diwartakan, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, pada Musim Permesyuaratan Keenam Tahun 2010, saya pernah menyuarakan tentang respons orang ramai terhadap *Consumer Price Watch Column* atau ringkasnya *CPWC* secara *online* terhadap harga-harga barang di Negara Brunei Darussalam. Kita tidak mendapat sebarang *feedback* mengenainya, sama ada perkara tersebut mendapat respons yang menggalakkan dari orang ramai atau sebaliknya.

Kedua, mengapa hanya barang-barang di gedung-gedung perniagaan sahaja yang dipantau, apa halnya dengan kedai-kedai runcit yang ada di seluruh pelosok negara, tidakkah mereka ini juga dipantau? Dan Ketiga, mengapa hanya 13 komoditi sahaja yang dipantau mengikut yang selalu dilihat di website JPKE, sedangkan banyak lagi komoditi harian yang diperlukan oleh orang ramai tetapi harganya tidak dipantau. Mohon penjelasan, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih jua di atas saranan daripada Yang Berhormat, kaola akan menjawab mengenai dengan yang terakhir dahulu, iaitu mengapa 13 barang sahaja dipantau. 13 barang tersebut adalah barang-barang yang benar-benar diperlukan dan kalau kita memantau semua barang-barang mungkin adalah sukar bagi *manpower* kitani kan memantau semua barang-barang di perkara ini. Dan lagipun, kita di Brunei adalah lebih cenderung kepada *market forces* di mana barang-barang yang tinggi harganya daripada satu kedai ke satu kedai, *consumer* itu akan lebih menuju kepada barang-barang yang murah di kedai-kedai lain, jadi itulah jawapan kaola pada perkara yang pertama tadi.

Kedua, mengenai dengan sama ada, ada respons atau tidak, kaola sudah mengatakan mengenai dengan di mana JPKE telah mengumpul maklumat dan maklumat ini telah pun disebarluaskan di media-media

tempat Pelita Brunei dan juga website, jadi ini adalah terpulang kepada orang ramai untuk menggunakan maklumat-maklumat tersebut supaya mereka dapat berbelanja dengan bijak .

Mengenai dengan perkara ini, JPKE insya-Allah akan membuat satu penggubalan undang-undang iaitu *Consumer Protection Act* yang mana insya-Allah kalau ada undang-undang itu nanti, mungkin perkara ini akan dapat mendapatkan lebih banyak *feedback* daripada orang ramai dalam menangani harga-harga barang ini. Yang ketiga, apa tadi tu ah?

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Mengapa 13 komoditi saja yang dipantau? gedung-gedung besar? Mengapa hanya harga-harga di gedung-gedung besar sudah dijawab kali tadi? Mengapa hanya harga-harga di gedung-gedung perniagaan besar sahaja umpamanya macam di Hua Ho, yang besar-besar maksud saya itu, sedangkan keperluan rakyat yang di kampung-kampung ini, yang pengaduan yang kedai-kedai runcit di seluruh pelosok di negara kitani ani, kebanyakannya aduan itu datangnya daripada kedai-kedai yang sedemikian? Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama tadi yang sudah dijawab dari segi *manpower* kitani, satu. Di samping itu juga, kalau kita melihat gedung-gedung besar ini di mana orang ramai adalah lebih cenderung untuk membeli belah. Jadi kalau kita melihat, *almost* dalam

50% ataupun 60% daripada orang ramai itu menuju kepada gedung-gedung perniagaan yang besar-besar.

Walau bagaimanapun, kaola juga akan menerangkan mengenai dengan mengapa ada perbezaan harga di antara satu kedai dengan kedai yang lain, dan antara satu cawangan ke cawangan *supermarket-supermarket* yang lain. Harga-harga ini sebenarnya bergantung kepada harga dari pihak pembekal serta pembelian yang dibuat secara *bulk-buying*. Jadi peruncit biasanya menjual barang-barang yang sama dengan harga yang lebih mahal disebabkan kadang-kadang stok yang terhad, permintaan yang terhad, pembelian barang yang terhad dan bekalan tergantung kepada kos yang dikenakan kepada pengimport atau *distributor*. JPKE sebenarnya memantau perkara ini dan beberapa pemantauan yang lalu telah menunjukkan bahawa harga barangan makanan di antara *outlet* kecil, sederhana dan besar, tidak jauh berbeza dengan *market cost* iaitu pada sekitar 5%. Ini disebabkan oleh persaingan harga yang senget dengan sendiri menjadikan *self regulator mechanism* di kalangan peniaga-peniaga sendiri.

Kedua, pihak peniaga nampak-nampaknya apabila dipantau tidaklah menaikkan dengan sewenang-wenangnya kerana barangan adalah dari pembekal-pembekal yang sama dan sekiranya harga itu dinaikkan terlalu tinggi maka pembeli-pembeli mungkin tidak akan membeli di kedai-kedai tersebut. Insya-Allah JPKE selaku pengawal harga akan berterusan untuk memantau perkara ini sebagai langkah untuk memastikan harga keseluruhan barang-barang yang dikawal

tidak akan dinaikkan dengan sewenang-wenangnya. Terima Kasih, Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis. Saya ingin mengajukan satu soalan sama ada sesuai untuk saya mengadakan atau menyuarakan perkara yang berhubung kait dengan BEDB seperti teman saya yang tadi atau ada hubung kait dengan BEDB bolehkah kaola/saya ajukan kepada Kementerian Kewangan? Kalau tidak.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya fikir terpujulah kepada Menteri yang berkenaan untuk menjawab kerana tadi pun ada sudah menjawab jua.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih. Pertanyaan saya ialah mengenai dengan Lebuh raya Telisai-Lumut di mana projek tersebut adalah di bawah kuasa BEDB. Saya cuma ingin mengetahui status projek berkenaan. Berapa peratuskah sudah siap? Kedua, Apakah halangan-halangan yang dihadapi sejauh ini? Dan ketiga, Adakah tarikh penyiapan lebu raya tersebut akan siap pada tarikh yang telah dinyatakan dahulu iaitu pada tahun 2013. Sekian, itu sajalah yang saya disampaikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul

Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin, terima kasih jua kepada Yang Berhormat yang mengajukan pertanyaan mengenai dengan pembinaan Lebuh Raya Telisai-Lumut. Menurut maklumat yang kaola terima, pencapaian fizikal bagi projek ini adalah dukacita ada kelambatan sedikit cuma 1% yang sepatutnya adalah dalam 15%. Walau bagaimanapun, insya-Allah pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi telah pun berunding dan mengarahkan kontraktor untuk membuat susunan semula bagi program pelaksanaan untuk mengatasi kelambatan tersebut dan kita berharap dengan penyusunan semula tersebut, ianya akan memastikan projek siap pada masa yang telah ditetapkan seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu dalam bulan Februari 2013. Insya-Allah.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis. Kembali kepada JPKE. Kaola ingin bertanya apakah sudah dapat dipastikan barang-barang yang telah dibatalkan oleh pihak yang berkenaan, iaitu barang-barang yang ditegah kerana mengandungi bahan-bahan yang berbahaya yang telah masuk ke negara ini yang telah dijual oleh gedung-gedung perniagaan dan kedai-kedai? Kerana perkara ini saya melihat adalah amat penting kalau ianya masih lagi dijual oleh kedai-kedai setentunya akan mendatangkan bahaya kepada orang ramai. Jadinya, sekali lagi, saya bertanya apakah perkara ini sudah

dapat dipastikan barang tersebut tidak lagi terdapat di kedai-kedai dan gedung-gedung tersebut? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat Pehin, kaola, untuk menjawab soalan ini kan minta tolong kepada Menteri Kesihatan. Yang ditegah-tegah ani nampak-nampaknya berkenaan dengan kesihatan orang ramai. Jadi, kaola kalau ada izin Yang Berhormat Pehin, kaola kan memohon Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawabnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Tentang soalan yang diajukan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi, memanglah Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa memastikan barang-barang yang berbahaya dari aspek kesihatan akan dipantau dari masa ke semasa. Dan juga bukan sahaja berasaskan kepada maklumat-maklumat daripada orang ramai tetapi juga maklumat-maklumat daripada negara-negara jiran dan juga daripada Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa. Jika sekiranya barang-barang itu boleh membahayakan kesihatan ataupun keselamatan dan juga akan menjejaskan kesihatan orang ramai ianya akan diumumkan melalui media masa. Dimaklumkan kepada orang ramai dan juga

pembekal-pembekal ataupun penjual-penjual supaya menarik balik barang-barang tersebut. Insya-Allah jika sekiranya barang-barang itu masih dijual adalah dipohonkan kerjasama kepada orang ramai untuk memaklumkan kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi? Kalau tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya masanya telah tiba bagi kita berehat dan mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan dijadikan semula sebagai Persidangan Mesyuarat. Maaf ani diluluskan dulu ni. Maka, Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Maka Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi, ada baiknya mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan bersidang semula sebagai Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dengan sepenuhnya nanti.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka persidangan Majlis Mesyuarat Negara saya tangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini nanti. Terima kasih.

Mesyuarat disambung pada jam 2.30 petang

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat disambung semula dan masih lagi membahaskan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan. Sebentar tadi, Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Untuk membolehkan Majlis Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dengan sepenuhnya maka Majlis Persidangan Mesyuarat Negara sekarang bersidang menjadi Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi tadi Mesyuarat Jawatankuasa telah pun meluluskan sebahagian Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi yang mana telah dijadikan sebahagian daripada Jadual. Maka kita sekarang beralih kepada Tajuk seterusnya iaitu Tajuk SA18A – Bahagian Undang-Undang dari Jabatan Perdana Menteri.

Jurutulis: Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pengerusi, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menimbulkan mengenai kesalahan yang kecil seperti *overstay*, pelacuran dan hal-hal lain yang ringan. Kaola ingin mencadangkan kesalahan seperti ini supaya janganlah dipenjarakan tetapi dihantar balik ke negara masing-masing kerana kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk menahan mereka. Ini adalah satu bebanan yang ditanggung oleh kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi, menghantar mereka balik mestilah ditanggung oleh majikan masing-masing ataupun pihak *embassy* yang berkenaan. Pesalah-pesalah ini selepas dihantar balik ke negeri mereka, mestilah di *blacklist* dan tidak dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam lagi. Seperti dalam bahasa Inggeris, *'it is cheaper to give them one way ticket home than to feed them'*.

Yang Berhormat Pengerusi, Kaola difahamkan pesalah-pesalah luar ini sangat suka tinggal dalam penjara. Ini adalah kerana mereka disediakan kemudahan seperti makanan, minuman dan tidur dengan selesa. Kaola ingin tahu berapakah kerajaan membelanjakan tiap-tiap bulan untuk pesalah dalam penjara ini. Yang Berhormat Pengerusi, kaola harap kalau boleh akta ini hendaklah di *review*. *Thank you*.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, ada Yang Berhormat Menteri-Menteri akan menjawab? Silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. Barangkali perkara yang dapat kaola jawab ialah *overstay* iaitu berkenaan dengan Akta Imigresen dan juga mungkin Buruh. Yang Berhormat yang membangkitkan perkara-perkara ini tentu sedia memahami bahawa kesalahan-kesalahan yang dibuktikan di mahkamah, kemudian dijatuhi hukuman mengikut undang-undang yang ada sehingga ke penjara itu adalah bertujuan untuk *deterrent*.

Sekiranya tujuan ini diubah, seperti apa yang diusulkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu dengan mengembalikan mereka begitu saja sekalipun pasport mereka akan ditandai ataupun nama mereka akan diletakkan dalam senarai 'A', orang-orang yang ditegah masuk semula ke dalam negeri ini tetapi perkara itu adalah sukar dan ia memberikan *signal* yang salah kepada orang-orang yang ingin melakukan kesalahan yang sama kerana mereka seolah-olah akan dilayan sebagai pelancong biasa. Ertinya cukup waktu setelah mereka menerima kesalahan itu dan didapati bersalah, selepas itu dikeluarkan seolah-olah mereka itu sebagai pelancong-pelancong biasa. Jadi sukarlah perkara ini ditimbang oleh kerajaan pada masa ini. Demikian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat dan kaola tumpang bertanya bila sudah selesai mereka menjalani hukuman penjara itu adakah

mereka dipulangkan dan dimasukkan dalam 'A' - *list/blacklist*?

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Mereka dipulangkan dan nama mereka dimasukkan dalam list 'A'.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Kalau Pehin hantar mereka balik awal, *we save a lot of money* Pehin, *because to feed them one day three meal*, itu bukannya kesalahan besar, *overstay, it is very normal* punya kesalahan bah. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Yang Berhormat Pengerusi, *overstay* tidak dapat kitani anggap sebagai kesalahan kecil kerana kalau *overstay* dianggap satu perkara kesalahan biasa akan memberikan *signal* yang melemahkan tindakan dari segi operasi penguatkuasaan undang-undang dan jua kepada orang-orang yang berkenaan sehinggakan nanti apa yang dihadapi oleh negara-negara yang lain, yang mana bilangan orang-orang asing yang berada di dalam negeri mereka, selain daripada yang *officially accounted*, ialah juga ada yang tidak diketahui *unaccounted*. Jadi yang sedemikian itulah bagi Brunei, kita haruslah berhati-hati memandangkan penduduk kita adalah penduduk kecil, jangan nanti *exodus* daripada *foreigners* mengatasi bilangan

penduduk kitani sendiri. Demikian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih mengikut Yang Berhormat Pehin Goh tadi, kebanyakan daripada mereka itu lebih suka masuk penjara Brunei daripada balik ke negerinya mungkin di penjara kitani ini sangat selesa layanannya.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Yang Berhormat Pengerusi, memang ada *input-input* atau *feedback* yang didapati bahawa sedemikian itulah, kerana *ration* (catuan makanan) dalam penjara, telur, daging dan sebagainya. Makanan yang memang bagi pesalah-pesalah yang sedemikian kalau mereka di luar pun makan nasi katok sahaja. Tapi tujuan memenjarakan mereka ialah untuk *deterrent* dan kerajaan bersedia untuk membelanjai dan layanan yang diberikan oleh kerajaan adalah layanan yang bukan istimewa tetapi adalah standard yang dikehendaki oleh *good governance* dalam perkara ini. Demikian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis. Saya ingin mengajukan soalan tentang hak cipta. Sesetengah penduduk kampung atau desa di Negara Brunei Darussalam ada yang mampu mencipta produk-produk baru yang belum ada di pasaran. Bagi melindungi hak

cipta produk-produk mereka ini supaya tidak ditiru sama ada orang di Negara Brunei Darussalam sendiri mahupun di luar negeri, ingin mengetahui atau ingin minta penjelasan, apakah peranan yang boleh dilakukan oleh pihak undang-undang dalam melindungi hak cipta yang direka oleh anak tempatan ini? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan juga terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Awang Haji Shafiee mengenai dengan hak cipta. Untuk makluman sahaja Jabatan Perdana Menteri telah pun menubuhkan baru-baru ini satu Jawatankuasa Penelitian Semula Undang-Undang. Jadi jawatankuasa ini tugas utamanya ialah untuk penelitian semula kesesuaian dan keperluan undang-undang ke atas kehidupan rakyat dan aktiviti kerajaan di negara ini. Jadi mengenai dengan hak cipta ini sudah setentunya jabatan-jabatan yang berkenaan akan meneliti secara mendalam mengenai keperluan tersebut dan jawatankuasa ini akan meneliti kesesuaian dan mudah-mudahan dalam penelitian itu nanti dapatlah kita akan menggubal satu undang-undang yang melindungi mengenai dengan hak cipta ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai dengan hukuman atau undang-undang yang baru ini iaitu bagi pesalah-pesalah orang merokok di tempat-tempat yang telah ditegah. Jadi nampaknya masih lagi kita melihat di mana-mana tempat yang ditegah orang ramai masih lagi melakukan merokok dan juga sering nampak orang-orang merokok sewaktu memandu kereta. Jadi pertanyaan saya apakah mereka yang nampak merokok dalam kereta boleh dikenakan peraturan dalam undang-undang.

Dan kedua, nampaknya semakin kuat peraturan-peraturan ini dikenakan kepada perokok-perokok ini juga semakin bertambahnya orang-orang atau pesalah-pesalah yang menyeludup rokok tersebut, kerana ianya adalah satu pendapatan mereka anggap lebih lumayan kalau mereka ini berjaya terlepas daripada penangkapan penyalahgunaan membawa rokok. Kerana harga rokok sekarang telah pun meningkat. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, berhubung dengan rokok memang sudah ada undang-undang yang dikuatkuasakan. Bagi mereka yang merokok terutama sekali

di bangunan-bangunan awam, ianya dikenakan denda seperti biskita sedia maklum Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah juga mengkompaun beberapa orang-orang yang didapati merokok sama ada di Daerah Brunei Muara dan juga di daerah-daerah yang lain. Salah satu daripada yang kitani patut disedari oleh masyarakat ialah bahaya rokok. Ini telah pun juga ditekankan dalam media masa tentang risiko-risiko merokok yang boleh mengakibatkan misalnya penyakit kanser dan sebagainya.

Walau macamapun dari masa ke semasa pihak penguatkuasaan Kementerian Kesihatan akan melipatgandakan usaha bagi mana-mana orang yang didapati merokok di tempat-tempat orang awam. Pada masa ini, mengikut undang-undang pesalah boleh dikenakan kompaun dan juga denda-denda yang tertentu.

Berhubung dengan orang yang merokok di kereta di mana ianya secara private dan bukannya di dalam kawasan bangunan-bangunan awam belum terdapat undang-undangnya khusus mengenainya. Jadi kita juga sama-sama menyedari bahawa bahaya merokok ini sangat-sangat mempunyai risiko tinggi risikonya seperti boleh mengakibatkan penyakit kanser dan penyakit-penyakit yang berhubung kait dengannya. Itu yang dapat kaola sampaikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat tadi barangkali maksud pertanyaan bahaya orang yang merokok sambil menjalankan kereta, sama juga orang menggunakan telefon bimbit sambil menjalankan kereta, boleh kena denda. Tapi

orang merokok pula berlipat ganda bahayanya. Bahayanya selain daripada bahaya kepada si perokok bahayanya jua kepada orang menggunakan jalan lalu lintas sama ada *pedestrian* ataupun orang berbasikal ataupun orang menjalankan kereta lain. Barangkali boleh jua dibawa kepada pengetahuan pihak undang-undang sama ada undang-undang yang boleh mendenda orang menggunakan telefon bimbit sambil *driving* itu boleh juga dilaratkan kepada orang perokok kerana bukan ertinya kesalahan itu disebabkan ia merokok kesalahannya ialah ia tidak mempunyai *full control* terhadap menjalankan kenderaan bermotor itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, insya-Allah perkara itu akan diambil perhatian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Setahu saya belum ada undang-undang mengenai merokok semasa *driving* ani. Setahu saya kali saya mungkin tersilap kerana berlainan dengan telefon bimbit kerana telefon bimbit ani boleh semasa *driving* boleh *divide attention* orang itu tapi bersigup, setahu kaolalah belum ada. Tapi walau macamapun kaola *will check*

perundangannya sama ada *this is prohibited* atau tidak tapi kalau pasal kesihatannya di luar daripada kuasa Jabatan Pengangkutan Darat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, yang saya maksudkan tadi ialah sambil merokok menjalankan kereta boleh jadi setampik tangan itu membahayakan. Jadi bukan sebab kalau ia didakwa, bukan disebabkan ia merokok sebab ia tidak mempunyai *full control* terhadap kenderaan mereka itu semasa memandu. Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita ada terdengar, orang-orang kitani Brunei yang membeli properti sama ada rumah kediaman kedai dan sebagainya secara *legal*, iaitu sah dengan menggunakan khidmat peguam dan urusan-urusan bayaran *deposit*, *progress payment* atau bayaran penuh menggunakan resit daripada pemaju-pemaju properti. Tetapi apabila pemaju menghadapi masalah dan tidak dapat meneruskan projeknya, pemaju berkenaan seringkali kalau ianya dari luar negeri akan cabut lari dengan bayaran-bayaran tadi dan ada juga di antaranya yang meninggalkan hutang yang banyak di bank dan terpaksa dibayar oleh *partner* tempatan.

Saya ingin bertanya adakah kita mempunyai undang-undang seperti *consumer protection* yang boleh menangani kes-kes tadi dan kalau belum ada bilakah ianya akan diadakan? Saya difahamkan, kita mempunyai peruntukan untuk *small claim*

tribunal order. Tetapi jarang sekali digunakan. Bolehkah ianya ditukar kepada *consumer tribunal*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Dato Yunos sebagai mana yang kaola telah diterangkan tadi salah satu perkara yang dilihat oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi adalah dari segi *Consumer Protection Act*. Pada waktu ini Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sedang giat untuk meneliti perkara ini. Sama ada ianya masuk juga mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan *property development* itu, kaola belum berapa pasti lagi. Insya-Allah kaola akan meneliti mungkin juga perkara-perkara ini akan barangkali dirundingkan dengan pihak-pihak yang tertentu misalnya *Ministry of Development* dan sebagainya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat di sini saya ingin juga ikut membuah pendapat. Mungkin perkara atau masalah yang diterbitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos tadi mengenai dengan berkongsi atau *partnership* dengan orang luar yang kemudian cabut boleh jadi itu adalah merupakan satu *contractual transaction*. Tentulah dikawal oleh apa jua perjanjian di antara pihak tempatan dan pihak orang luar untuk membuka bisnes di Brunei itu adalah

perkara biasa pada pendapat saya yang boleh dituntut terus ke Mahkamah. Memang merupakan satu *contractual obligation*. *Consumer protection* pula lain, boleh jadi dari segi jual beli yang mana *consumer* itu diberi perlindungan oleh undang-undang yang tertentu supaya jangan tertipu oleh penjual-penjual barang-barang ani. Terima kasih, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Izinkan saya untuk merespons sedikit soalan tadi mengenai dengan apakah *protection* yang ada kepada mereka yang membeli atau membuat rumah kemudian dengan tiba-tiba *developer* nya hilang? Sebenarnya Kementerian Pembangunan pada masa ini sudah mendraf satu *order* ataupun satu akta yang akan dipanggil *Developers Act* yang pada masa ini, masih di antara Kementerian Pembangunan dengan Pejabat Peguam Negara. Di dalam *Developer Act* itu nanti ada dinyatakan *obligation-obligation* pemaju-pemaju perumahan untuk menyimpan sebahagian daripada kewangan mereka di akaun-akaun tertentu di sini supaya apabila bisnes mereka ada bermasalah, jadi wang yang disimpan dapat digunakan mengganti rugi mereka yang telah pun membuat komitmen untuk membeli rumah ataupun membangun rumah dan sebagainya. Jadi perkara ini insya-Allah akan selesai dalam tidak berapa lama lagi semata-mata untuk memberi perlindungan kepada pembeli-pembeli ataupun mereka yang ingin membuat rumah dan sebagainya. Itu sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi barangkali saya ingat saya pernah menimbulkan perkara ini selama dua tahun berturut-turut untuk mengadakan peraturan bagi mengawal kegiatan-kegiatan *developer* yang ada di negara ini kerana daripada *track record* ataupun *record developer-developer* yang telah membuat *development* sebelumnya telah banyak yang tidak mengikuti perjanjian-perjanjiannya dengan tuan-tuan punya tanah. Seperti yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat sebelah sini tadi, saya sendiri berasa gembira yang peraturan ini akan dibuat oleh Kementerian Pembangunan. Sekian Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Jadi oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat hendak berucap maka Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang ini dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan saya bukakan untuk perbincangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Oleh kerana tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat akan bercakap maka Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA21A - Pejabat Peguam Negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara. Saya bukakan untuk perbincangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas:

Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Ahli-Ahli Berhormat. Saya akan menyentuh mengenai dengan *Arbitration Order*. Alhamdulillah *Arbitration Order* bagi 2009 bagi *Domestic International* telah pun diluluskan pada bulan Januari 2010 diucapkan berbanyak terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Di kesempatan ini juga *Arbitration Association of Brunei* ingin mengucapkan banyak terima kasih di atas penyediaan bangunan ofis yang telah diberikan *Arbitration Association of Brunei* untuk digunakan sebagai *Arbitration Center* dan diharap juga dipohonkan akan mendapat peruntukan selanjutnya untuk kos-kos penyelarasannya bagi langkah-langkah permulaan ini. Insyallah apabila berjalan nanti, ia akan dapat juga menguntungkan negara kerana *market arbitration* ini begitu luas juga sebagai penyelesaian *dispute on*

civil contract melalui *arbitration*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada bantahan mengenai Tajuk ini, maka Tajuk SA21A – Pejabat Peguam Negara, dijadikan diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA21A – Pejabat Peguam Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA22A – Jabatan Kehakiman Negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk ini Jabatan Kehakiman Negara, saya bukakan untuk perbincangan. Maka oleh kerana tidak ada ahli-ahli ingin untuk membahaskannya, Tajuk SA22A – Jabatan Kehakiman Negara diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SA22A – Jabatan Kehakiman Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK05A – Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis, kaola ingin menimbulkan mengenai dengan kejadian *blackout* yang selalu sahaja berlaku di beberapa kawasan di negara ini. Apabila *blackout* ini berlaku selalunya mengambil masa untuk dipulihkan. Biasanya keterangan yang diperolehi dari jabatan yang berkenaan melalui telefon ialah kabel rosak atau masih mencari di mana

puncanya kerosakan, sebagai misal di bahagian kawasan Jalan Tutong telah berkali-kali *blackout* pada tahun lepas yang kadang-kadang mengambil masa untuk dipulihkan sehingga pihak yang berkenaan membawa generator besar untuk memulihkan keadaan. Kaola maklum bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga sendiri semasa lawatan kerja beliau ke Daerah Tutong menyatakan akan berusaha untuk mengatasi kejadian *blackout* ini. Kaola berharap kejadian *blackout* di negara ini akan dapat dikurangkan atau dielakkan supaya tidak akan mendatangkan kerosakan dan kerugian kepada orang ramai dan ahli-ahli perniagaan.

Sehubungan dengan masalah *blackout* ini juga, pada 12 haribulan Januari 2011 di kawasan Belait telah berlaku *blackout* yang tidak dapat dipulihkan dari pagi hingga malam yang menyebabkan kawasan Imigresen Pos dan Kastam, Sungai Tujuh gelap dengan tidak ada generator ataupun generatornya tidak berfungsi untuk menerangi kawasan berkenaan. Dengan keadaan Pos Kawalan Imigresen dan Kastam ini gelap berpanjangan sudah tentu akan menjejaskan kawalan keselamatan selain daripada memberikan imej yang negatif atau kurang baik bagi pelawat-pelawat dan pelancong yang keluar masuk ke negara ini pada waktu tersebut. Bagi memastikan supaya kejadian yang sama tidak berlaku lagi di pintu keluar masuk negara ini iaitu di Pos Kawalan Sungai Tujuh dan Kuala Lurah, maka patutlah di tempatkan *stand by generator* yang dipastikan berfungsi dan boleh digunakan sekiranya *blackout* berlaku. Sekian Yang Berhormat Pengerusi Majlis.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Dato Pusa atas soalan tentang gangguan elektrik di Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Pengerusi Majlis, izinkan saya menerangkan dulu kedudukan sebenarnya tentang gangguan ini, apa puncanya berlaku dan apa inisiatif yang sedang dijalankan untuk mengatasi perkara ini. Punca-punca berlakunya ialah pembekalan tenaga elektrik di Negara Brunei Darussalam ini masih banyak mempunyai banyak cabaran dari segi penjanaan *generation* dan pembekalan iaitu *distribution electric* di Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun 2010 saja, terdapat 301 gangguan elektrik di seluruh negara, iaitu peningkatan sebanyak 11% dari tahun 2009. Masalah yang dihadapi pada masa ini bukanlah satu perkara yang baru malah ia menunjukkan beberapa kelemahan yang telah pun wujud sekian lama.

Antara faktor utama yang dapat dikenal pasti adalah organisasi yang kurang berkeupayaan, lemah dalam sistem pengurusan, mewarisi aset-aset yang telah usang dan telah mencapai ataupun melimpasi jangka hayat. Kurangnya memberi perhatian kepada pemeliharaan dan kekurangan *facility back up*. Selain dari itu perlaksanaan projek-projek pembangunan yang kurang terkawal memburukkan lagi keadaan. Beberapa tindakan telah dibuat

bagi mewujudkan perkhidmatan, penjanaan dan pembekalan elektrik yang lebih baik dan berkesan.

Antara tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil ialah dari segi organisasi sumber tenaga manusia, penelitian semula organisasi yang ada pada masa ini sedang dilaksanakan bagi memastikan Jabatan Perkhidmatan Elektrik mempunyai keupayaan dan akan sentiasa *accountable* dalam menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan termasuklah memenuhi *expectacy* orang ramai.

Pembangunan kapasiti tenaga manusia juga diberi perhatian yang serius, sebuah unit latihan telah diwujudkan dengan serta-merta dan kini telah pun berfungsi sepenuhnya dengan menjalankan beberapa kursus yang bersangkut paut dengan hal ehwal *regulatory*, piawaian dan *hard and safety at work*. Peningkatan pembangunan *capacity* bagi pekerja-pekerja Jabatan Perkhidmatan Elektrik ini akan dapat menyumbang ke arah mencapai matlamat dalam menaikkan taraf Jabatan Perkhidmatan Elektrik bukan sahaja sebuah tenaga organisasi yang dapat menjana dan membekalkan elektrik secara efisien malah menjadi satu badan *regulatory* yang mampu memenuhi piawaian-piawaian antarabangsa yang diiktiraf dan mantap.

Dari aspek pengurusan pula kita perlu menukar budaya cara bekerja dan sikap *retroactive* kepada *proactive* sebagai contoh pemeliharaan di *sub-station* yang selalunya dibuat apabila ianya gagal berfungsi mestilah dilaksanakan secara lebih bersistematik dan iaitu perubahan dari konsep *breakdown maintenance* kepada *preventive maintenance*.

Dari segi aspek aset dan infrastruktur, kerajaan telah pun melantik sebuah *international independence body* untuk melaksanakan kajian secara menyeluruh ke atas aset-aset Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang ada dan seterusnya mengenal pasti dan membuat rekomendasi bagaimana keupayaan Jabatan Perkhidmatan Elektrik sebagai sebuah organisasi dapat memenuhi piawaian antarabangsa.

Pihak berkenaan ini juga akan dijangka menyelesaikan pekerjaan mereka pada akhir bulan Mac ini, kajian secara menyeluruh ini akan memberi gambaran yang lebih tepat tentang keadaan dan keupayaan aset-aset yang ada sekarang yang terdiri daripada 29 stesen 66kv, 220 buah *main indexation* 11kv dan 2,550 buah 415 volt, yang mana kebanyakan aset-aset ini adalah dalam keadaan yang kurang memuaskan.

Setelah mengetahui keadaan sebenarnya aset ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan dapat membuat perancangan masa depan yang bersesuaian pada memastikan adanya *reliability* dan efisiensi dalam penjanaan dan pembekalan elektrik negara ini iaitu setahap dengan piawaian antarabangsa dan seterusnya juga dapat menyumbang kepada inisiatif, efisiensi dan penjimatan tenaga. Sebagai ringkasnya usaha-usaha yang telah di laksanakan dan jangka masa dua tahun boleh dianggap sebagai sangat panjang, tempoh ini adalah realistik memandangkan keadaan yang ada pada masa ini dan perlunya membuat perancangan dan pelaksanaan yang rapi dan teratur. Dalam hal ini, Bahagian Tenaga Jabatan Perdana Menteri akan terus meneliti perkembangan usaha-usaha tersebut dari

masa ke semasa dan akan berusaha untuk memendekkan tempoh ini pada sekurang-kurangnya 18 bulan.

Menjawab soalan tentang gangguan yang baru-baru ini di Belait. *In particular* di Pos Kawalan Sungai Tujuh. Sebenarnya tiap-tiap pos kawalan di negara ini mempunyai standby generatormya. Terdapat sebanyak lapan puluh pemasangan *standby* generator di kawasan-kawasan penting kritikal di seluruh negara. *Standby* generator ini adalah di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya Kementerian Pembangunan. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah membuat lawatan. Saya sendiri telah membuat lawatan ke tempat-tempat kritikal seperti pos-pos kawalan imigresen dan hospital di mana didapati sebahagian dari *standby* generator ini tidak berfungsi disebabkan oleh kekurangan pemeliharaan yang sempurna.

Tindakan segera yang telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah menempatkan *mobile generator* ke tempat-tempat tersebut sementara kerja-kerja pembaikan dan pemeliharaan *generator-generator* tersebut dijalankan. Pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga membuat perbincangan dengan Jabatan Kerja Raya bagi menyelaraskan kerja-kerja operasi dan pemeliharaan kesemua pemasangan bagi memastikan yang *standby generator* ini berfungsi sekiranya berlaku terputusnya bekalan tenaga elektrik. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebenarnya saya ingin mengungkit dan membawa perkara seperti apa yang disuarakan oleh rakan saya sebentar tadi. Iaitu mengenai dengan ketiadaan tenaga elektrik. Tapi saya tidak akan mengulanginya lagi dan Yang Berhormat Menteri pun telah menjelaskan tentang sebab-sebabnya mengapa Daerah Belait pada ketika itu tidak mempunyai tenaga hampir kira-kira barangkali 20 jam.

Walau bagaimanapun saya ingin memfokuskan, satu tragedi di mana baru-baru ini, iaitu pada 16 Februari 2011, satu tragedi yang menyanyat hati telah berlaku di mana seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 11 tahun telah menjadi mangsa dan meninggal dunia akibat tersentuh tiang elektrik yang berkarat.

Antara lain ini disebabkan kecuaiian dan kurang pemantauan pihak-pihak yang berkenaan ke atas pemasangan tenaga elektrik dari *Substation* Pasarneka Seria menuju ke Projek Perumahan Lorong 3, Seria seperti yang saya dimaklumkan. Walau bagaimanapun kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak DES iaitu Jabatan Elektrik yang telah pun mengambil beberapa tindakan segera dan wajar dengan menarik balik atau membatalkan kebenaran-kebenaran yang diberi kerja-kerja penyambungan elektrik, tenaga elektrik ke kawasan-kawasan projek dan kepada mana-mana pemborong yang tidak mematuhi mengikut peraturan-peraturan piawaian DES ketika ini.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan perkara itu dalam waktu ini pun sedang berjalan. Soalan yang ingin saya tanyakan ialah, apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang pihak DES supaya perkara-perkara yang sama yang saya sebutkan di atas tadi tidak akan berulang lagi, saya fikir soalan saya ini tidak perlu dijawab kerana sudah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Menteri.

Tapi soalan saya yang kedua ialah, siapakah yang akan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan liabiliti pada pihak-pihak yang berkenaan kerana kecuaiian dan kurang pemantauan sehingga mengakibatkan kematian seorang budak perempuan yang berumur 11 tahun baru-baru ini. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Kejadian ini adalah satu kejadian yang menyedihkan dan tragik dan tidak seharusnya berlaku. Kaola mohon Yang Berhormat Pehin Pengerusi memandangkan siasatan masih dilakukan oleh pihak Polis Diraja Brunei. *Detail* siapakah untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, in da dapat saya jawab Yang Berhormat Pehin Pengerusi memandangkan siasatan masih di dalam siasatan polis masa ani.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Tapi kalau boleh saya ingin menambah sedikit lagi Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Apa yang perlu ditekankan di sini dan pada masa akan datang perkara ini, insya-Allah tidak akan berlaku lagi. Dan pada masa yang sama, Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang mana mereka telah mengemaskinikan Peraturan Keselamatan dan *Standard Operating Procedure* supaya ia menepati kehendak dan juga memastikan ia digunakan oleh jabatan diikuti serta di kuatkuasakan oleh pegawai dan kakitangannya.

SOP yang ada pada masa ini adalah mencukupi untuk memastikan kejadian ini tidak akan berulang lagi. Susulan dari insiden ini, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah membuat pemeriksaan ke tempat kontraktor sementara yang berjumlah 43 tempat. Hasil dari pemeriksaan ini mendapati 28 penyambungan yang tidak memenuhi keperluan Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Sehingga ini, iaitu sehingga hari ini 28 pemotongan bekalan sementara telah dibuat dari 41 pemasangan yang diperiksa mengikut Akta Elektrik. Dan saya ingatkan lagi sekali, insiden ini diharapkan tidak akan berulang lagi di masa akan datang, insya-Allah.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan mengenai dengan *solar power*. Saya telah difahamkan bahawa Suria Solar Project iaitu Tenaga Suria Brunei Projek.

Photovoltaic installation telah pun siap pada bulan Julai 2010 yang baru lalu ini. Projek berkenaan mempunyai kapasiti 1.2 mw yang boleh memberi tenaga elektrik sebanyak 200 buah rumah yang mana akan menjimatkan sebanyak 340kl penggunaan minyak mentah dan mengurangkan pengeluaran karbon dioksida sebanyak 940 tan dalam setahun.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri di atas inisiatif ini. Saya juga telah dimaklumkan bahawa kos penghasilan tenaga elektrik melalui cara ini adalah tinggi. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk mengatasi permasalahan ini dan apakah rancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik berkenaan seterusnya? Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh. *Renewable Energy* ataupun sumber tenaga yang boleh diperbaharui adalah suatu agenda di dalam perancangan sumber tenaga di masa akan datang di negara ini, pada masa ini kita mempunyai Loji Solar Plan, Tenaga Suria Brunei yang mana telah beroperasi sejak tahun lepas dan membekalkan tenaga elektrik di bahagian kawasan Seria. Ini juga boleh diberikan sebagai asas melakukan

kajian-kajian yang lebih terperinci ke atas potensi Sumber Tenaga Suria di negara ini. Tenaga yang dikeluarkan oleh loji solar ini telah pun diserapkan ke *grade national* sebagai sebahagian daripada bekalan tenaga elektrik.

Dengan adanya fasiliti ini, ia akan dapat menyahut seruan kerajaan bagi menghasilkan tenaga elektrik alternatif selain daripada minyak dan gas, dan ia membolehkan para pengkaji untuk menjalankan penyelidikan, mengukur, mengkaji kesesuaian prestasi *photovoltaic* untuk menjana tenaga elektrik secara optimum mengikut keadaan cuaca di Negara Brunei Darussalam.

Seperti mana juga yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, walaupun *renewable energy* ini sangat menarik, tapi beberapa cabaran termasuklah dari kos pelaburan kapital yang tinggi. Adalah juga dihasratkan melalui Institut Kajian Tenaga yang sedang giat dalam proses penubuhannya akan memberikan satu *platform avenue* yang dapat digunakan khusus di dalam bidang kajian alternatif di samping kajian dalam tenaga konvensional seperti Minyak dan Gas.

Adalah diharapkan usaha-usaha ini akan dapat mengorakkan langkah dalam memperbaiki penggunaan tenaga solar di negara ini yang masih berada di tahap rendah yang sememangnya berpotensi tinggi untuk dimajukan. Perlu juga saya nyatakan di sini, penggunaan *renewable energy* adalah salah satu daripada strategi Bahagian Tenaga ke arah memenuhi komitmen negara kepada *APEC Leader*

Sydney Declaration 2007, yang mana pada tahun 2020 ia akan menyumbang kepada *carbon intensity* kitani kurang 20% daripada yang ada sekarang.

Penggunaan sumber tenaga *renewable* secara yang lebih menyeluruh akan dapat memperbanyakkan *energy mixed* bagi Negara Brunei Darussalam. Sekian Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih, Pertama-tama abis kaola mengucapkan ribuan terima kasih di atas jawapan bagi pihak Pehin Menteri tadi kerana abis saya bagi Daerah Brunei dan Muara adalah paling ramai ataupun paling banyak rekod menerima aduan-aduan mengenai dengan perkara yang sama. Jadi, Alhamdulillah di atas jawapan Pehin tadi ianya akan dapat menjadi ubat dan menjadikan keterangan dan kepuasan kepada pihak penduduk di Daerah Brunei dan Muara, Alhamdulillah.

Yang kedua, sekarang ini didapati di mukim-mukim, di kampung-kampung dan juga di mana-mana tempat, sebagaimana yang telah difahamkan oleh pihak yang berkenaan juga sendiri, yang mana *main switch* ataupun *main power* yang terdapat di beberapa tempat, kebanyakannya sekarang ini keadaannya sudah lama dan juga kedudukannya sudah begitu rendah dan kebanyakan apabila hujan sedikit sudah ditenggelami oleh air. Jadi barangkali perkara sedemikian sudah disedari oleh pihak yang berkenaan dan mudah-mudahan

ianya akan dapat diambil atau dibaik pulih. Kedua mengenai dengan cara pembacaan meter yang menggunakan sebutan anggaran, jadi bagi pihak orang ramai bertanya adakah cara bacaan meter anggaran ini dikekalkan selama-lamanya ataupun bila ianya akan diberhentikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih atas soalan Yang Berhormat tadi, tentang kedudukan barangkali *substation* di perkampungan masing-masing di mukim masing-masing, ani adalah termasuk di dalam *study* oleh *independent consultant*, yang mana membuat *study* yang insya-Allah akan berakhir pada hujung bulan Mac 2011 ani dan dalam *study* itu akan mengenal pasti yang mana sepatutnya *substation* yang dinaikkan, akan dibuat insya-Allah dalam masa 2 tahun akan datang ani. Insya-Allah.

Tapi kalau boleh saya menambah lagi Yang Di-Pertua, tentang membaca meter, kompelin yang paling banyak jua bukan sahaja terhadap Yang Berhormat tadi, terhadap saya sendiri ialah kompelin pembacaan meter ani, dan teman saya pun yang sebelah sana Yang Berhormat Dato Puasa pun tadi mengompelin jua pasal tempat rumahnya. Pembacaan meter ini memanglah diakui, ada kelemahannya. Sistem mengeluarkan bil ani masih di dalam usaha peningkatan dan pembaikan dan insya-Allah dalam bulan Jun 2011 ini ia akan dapat diselesaikan.

Tapi apa jua yang perlu diingatkan untuk masa akan datang ada perlunya kerajaan melihat pengubahan meter yang konvensional pada masa ini kepada *prepaid meter*. Kalau *prepaid meter* ani insya-Allah diadakan, masalah membaca anggaran apa ani inda lagi akan ada. Hanya apa yang abis kaola akan buat di masa akan datang supaya menentukan kalau terdapatnya *prepaid meter* ani akses untuk *mentop up prepaid card* ani sungguh meluas bermakna 247 bila-bila masa saja boleh mendapat akses untuk *mentop-up* itu saja yang akan difikirkan.

Di dalam pemikiran kerajaan pada masa ini ialah untuk mengubah daripada *conventional meter* yang ada pada masa ini akan diubah kepada *prepaid meter*. Ia juga akan mengurangkan masalah tunggakan, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Dato Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli Yang Berhormat. Oleh sebab terlambat untuk mengusulkan perkara ini, sebenarnya usul saya ini sudah dibawakan oleh kawan-kawan saya tadi, tapi inda apa sama jua tu, yang akan saya bawakan tadi ialah fasal Projek Tenaga Suria, tetapi ianya sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, sebagaimana juga awal-awal tadi Yang Berhormat Menteri Tenaga telah menerangkan begitu panjang lebar mengenai dengan usaha-usaha dibuat pada masa ini dalam usaha membetulkan sistem yang masih ada.

Di samping itu juga kita berusaha untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dan juga untuk mengurangkan *carbon emission* untuk memelihara *our global environment* atau alam sekitar. Agensi-agensi yang berkenaan telah membuat beberapa langkah yang berpatutan sebagaimana saya difahamkan sebuah konsultan yang mempunyai kepakaran di bidang ini dari Kanada telah pun dilantik oleh CSPS (Centre for Strategic and Policy Studies) untuk membuat kajian di bidang *alternative energy*. Saya sukacita ingin mengetahui setakat ini apakah hasil daripada kajian tersebut?

Satu lagi perkara yang saya ingin bawakan. Alhamdulillah baru-baru ini BEDB telah memulakan beberapa projek-projek RND. Adakah projek-projek ini dapat memberikan kerjasama ke arah penubuhan *Energy Research Centre* ataupun Pusat Penyelidik Energi Kebangsaan yang dicadangkan oleh Kementerian *Energy*. Kalau benar apakah peranannya nanti dalam menyediakan *energy* untuk masa depan negara dalam konsep *Energy Efficiency and Conservation* lebih-lebih lagi *Towards Going Green*, dan diharap ini akan memenuhi keperluan kitani dalam persediaan untuk mencapai wawasan 2035 Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, bagi menjawab Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris tadi tentang kajian yang dibuat CSPS bersama dengan *Mitsubishi Research Institute Jepun* bagi penyediaan *roadmap* iaitu peta jalan penjimatan dan kecekapan tenaga sehingga

tahun 2035, kini di fasa terakhir dan dijangka akan siap insya-Allah pada penghujung bulan ini.

Telah difahamkan kajian yang mengambil masa selama 10 bulan itu merangkumi aspek kewangan, teknologi serta kesan ekonomi dan alam sekitar dalam perlaksanaannya. Sementara projek CSPS bersama *Powertech Labs Inc, Canada* untuk mengenal pasti tenaga alternatif terbaik bagi Negara Brunei Darussalam dijangka siap pada pertengahan tahun ini. Berikutan dengan itu pihak kerajaan akan menilai secara teliti kajian-kajian tersebut bagi kesesuaian untuk pelaksanaan di Negara Brunei Darussalam pada masa hadapan. Perkara ini adalah sebahagian daripada *energy white paper* yang pada masa ini dikemaskinikan dengan harapan untuk membantu mencapai perkembangan ekonomi, keselamatan tenaga dan pemeliharaan alam sekitar melalui langkah-langkah mengutamakan rendah karbon dan tenaga hijau.

Berkenaan dengan Institut Tenaga yang akan dibentuk pada pertengahan tahun ini. insya-Allah ianya akan bekerjasama dengan bekerja erat dengan UBD dalam bidang-bidang *research*. *Infact most of the research work will be done with UBD as a whole* dan ianya juga akan dianggotai oleh *private sector* yang mana *stakeholder* seperti syarikat-syarikat minyak dan mana-mana badan NGO yang berkepentingan di dalam melaksanakan tenaga hijau ataupun the *next generation of energy for Brunei* dan menambah sedikit saja lagi barangkali tentang institut ini jua akan memastikan setiap perancangan masa hadapan tentang

alternative energy yang akan diserapkan di Brunei akan ditangani dengan lebih teratur dan teliti. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Usaha-usaha yang berterusan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam mengatasi masalah gangguan-gangguan elektrik di Daerah Temburong sangat-sangat diharapkan. Kaola bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam mengatasi mengurangkan gangguan masalah-masalah yang sering terjadi *blackout* lampu elektrik di Jana kuasa Kampung Belingos.

Alhamdulillah masa ani sudah ada 3 buah generator *set every core* tambahan kepada yang sedia ada dan pemasangan-pemasangan tiang-tiang lampu jalan ataupun *street lighting* bagi jalan utama dan di Ujung Jalan, Kampung Puni ke Pos Kawalan Labu sudah pun didirikan dan difahamkan ianya akan dilaratkan ke mukim-mukim. Yang Berhormat Pengerusi Majlis, kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga bilakah lampu-lampu jalan ataupun *street lighting* akan siap sepenuhnya? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, menjawab soalan Yang Berhormat dari Daerah Temburong tadi, *street lighting* ani, projek ani bermula dari bulan Oktober 2009 dan insya-Allah akan siap pada bulan April 2011. Atu Saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola agak lambat sedikit mengangkat tangan, namun demikian ada kesempatan pada petang ini. Semasa banjir di Mukim Tanjung Maya pada bulan lepas ada sebuah sub-station elektrik hampir-hampir ditenggelami air. Pada masa itu kaola sendiri ada ke sana jadi pihak yang berkenaan terpaksa memotong penjana itu supaya tidak melarat kepada yang lain. Adalah diharapkan bahawa sub-station tersebut akan dapat kedudukannya ditinggikan sebelum sesuatu perkara yang tidak diingini kerana hal banjir ini sentiasa saja ada. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kedudukan *sub-station* yang banjir bukan satu atu saja yang akan dinaikkan kedudukannya kalau inda silap saya terdapat barangkali sebanyak

11 buah *sub-station* yang ada di kawasan itu yang perlu dinaikkan kedudukannya iaitu dicari tempat tinggi ataupun ditambah lagi diubah ke tempat yang lain. Itulah jawapannya Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Maka oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan Tajuk SK05A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SK05A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya bukakan tajuk ini untuk perbincangan

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana salah satu aspirasi negara untuk masa depan juga dengan perkembangan teknologi ICT global, kita mempromosikan konsep e-Kerajaan yang pada masa ini saya rasa kurang menyenangkan kerana suasana pertumbuhan industri IT kurang berkembang, Sebagaimana yang difahami juga industri IT banyak melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan dan juga yang terdiri daripada PKS atau SME yang mana industri IT ini juga boleh diklasifikasikan sebagai salah satu industri yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Mengikut

laporan yang saya dapati tidak banyak projek-projek yang banyak dilaksanakan sejak tahun 2006 hingga 2010, tidak banyak projek yang dikeluarkan. Ini pernah saya bawakan pada mesyuarat yang lepas dengan membawa beberapa statistik-statistik projek-projek yang telah ditender, *re-tender* dan kebanyakannya ada yang langsung tidak diteruskan.

Tahun lepas ada 4 buah projek saja yang diaward dan ini menyebabkan industri IT begitu lembab dan menyebabkan *vendors* ataupun yang berkecimpung dalam industri ini mengalami beberapa kesusahan untuk meneruskan bisnes mereka. Ada setengah-setengahnya terpaksa menutup ataupun *close down the business*. Laporan-laporan itu ada juga saya dapati. Jadi di sini saya merasakan IT ini ialah satu bisnes yang *up and coming*, jadi hanya masalahnya timbul oleh sebab ia tidak dijalankan oleh sebab beberapa sebab.

Jadi soalan saya, apakah peranan yang dapat dibuat oleh EGNC dan Pusat Kebangsaan e-Kerajaan untuk meningkatkan lagi pencapaian terhadap sektor ini. Dan lagi saya suka mencadangkan, sebagaimana juga yang pernah saya syorkan dahulu dalam mengimplementasikan projek-projek IT, ada baiknya kalau dapat diimplementasikan projek-projek ini dengan melalui sistem PPP ataupun *Public Private Partnership* kerana ini akan dapat menyelesaikan sesuatu masalah yang rumit.

Tetapi alhamdulillah, kalau dilihat daripada perancangan kita pada tahun ini nampaknya begitu banyak peruntukan yang disediakan

dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara. Saya dapati lebih \$900 juta peruntukan untuk Teknologi Maklumat dan Info-komunikasi. Diharap kita akan dapat sama-sama mengusahakan projek-projek ini dan menggunakan teknologi IT, lebih-lebih lagi dalam usaha memajukan konsep e-Kerajaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris.

Kegagalan tahap pencapaian e-Kerajaan pada masa ini memang diakui adalah di tahap yang kurang memuaskan dan tidak memenuhi keperluan dari segi perkhidmatan secara *online* sepertimana yang diharapkan oleh orang ramai. Seperti jua yang diterangkan tadi oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris.

Mengapa *e-Government* lambat dan gagal? Memang diakui setengahnya ialah pelaksanaan projek e-Kerajaan gagal, antara sebabnya ialah, ini kalau boleh kaola memberi sebab-sebabnya dulu, kenapa ia gagal;-

1. Pemborong yang dipilih melaksanakan projek telah menarik diri sebelum projek siap;

2. Penambahan skop sewaktu projek sedang dilaksanakan menjejaskan pelaksanaan projek itu;
3. Kekurangan sumber tenaga manusia berkemahiran terutama sekali dalam *business process engineering* dan pengurusan projek ICT; dan
4. Kurangnya komitmen dari semua yang terbabit dalam projek berkenaan untuk menjayakan pelaksanaan projek ini dan menyerahkan pelaksanaan projek itu kepada tenaga ICT.

Jadinya apa yang dibuat oleh kerajaan, satu *review* telah pun diadakan dan hasil dari *review* itu ialah;-

1. Meningkatkan lagi *governance* di antara *e-Government Leadership (EGLF)*, *Chief Information Officer Dialogue (CIO)* dan *Project Review Committee (PRC)*;
2. Merasionalisasikan organisasi e-Kerajaan seperti menyatukan Pusat Kebangsaan e-Kerajaan dengan *e-Government Technical Authority Body* di bawah EGNC dan melapor terus kepada Timbalan Setiausaha Tetap IT dan e-Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri;
3. Melaksanakan perancangan tahunan program e-Kerajaan dan mengutamakan perkembangan Portal Kebangsaan Kerajaan untuk dilancarkan bersama dan berkhidmat *online* pada bulan April 2011;

4. Mengukuhkan infrastruktur pemberian perkhidmatan, menggalakkan penggunaan e-services, menjadikan e-Government Index sebagai tanda pencapaian pelaksanaan projek-projek e-Kerajaan; dan
5. Mengadakan perancangan pengambilan sumber tenaga yang mahir, mengadakan rangka kerja peningkatan kemahiran iaitu kemahiran bagi tenaga kerja ICT untuk jangka panjang.

Yang penting sekali juga, mengadakan pembaikan proses kerja *business process modeling* dan pengurusan perubahan (*change management*). Dan sejak daripada review, barang-barang ini telah pun dibuat iaitu penyerapan. Ina lagi ada dua *body* di agensi sekarang ini, hanya satu *body* saja.

Di samping itu, mesyuarat CEO dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap IT e-Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri, yang sekarang mempunyai kuasa untuk meluluskan projek-projek e-Kerajaan yang bukan partnership.

Dulunya terlampau banyak barangkali bertindih-tindih cara kitani mengendalikan projek ini. Walau bagaimanapun, kebenaran dari kepimpinan e-Kerajaan EGLF yang dipengerusikan oleh saya sendiri masih perlu diluluskan dalam projek *partnership* dan saya sendiri mempengerusikan tentang projek-projek *partnership* ini dan perjumpaan kerap diadakan dan saya tidak lagi ada mempunyai masalah pada masa akan datang untuk mempercepatkan lagi projek-projek yang berkenaan.

Yang Berhormat tadi ada menyebutkan tentang cadangan ke arah kejayaan e-Kerajaan melalui pendekatan *private partnership*. *I think* tiada masalah dengan *private partnership* ini terpulanglah kepada kaedahnya yang dapat diperolehi. Diambil kira cadangan Yang Berhormat itu. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lagi Ahli yang ingin mengemukakan pertanyaan maka Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SB – Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya bukannya Tajuk ini untuk perbincangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kalau diizinkan kaola ingin memberikan penerangan ringkas mengenai dengan cadangan Perbelanjaan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2011/2012 ini.

Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun Kewangan 2011/2012 adalah sebanyak \$519,327,384.00. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 1.4 % dari anggaran peruntukan yang diluluskan pada tahun kewangan 2010/2011. Bagi

Tajuk Perbelanjaan Pembayaran Gaji terdapat peningkatan peruntukan \$3.4 juta ringgit. Perkara ini berhubung kait dengan kenaikan gaji tahunan (*increment*), penambahan bilangan kakitangan tentera dan juga pengisian jawatan-jawatan kosong yang ada pada masa ini. Dalam Tajuk Perbelanjaan Lain-Lain Belanja Tahunan Yang Berulang-ulang juga terdapat peningkatan sebanyak kira-kira \$9 juta berbanding tahun lepas.

Di antara faktor-faktor penyumbang bagi peningkatan ini termasuklah keperluan untuk mengekalkan keupayaan operasi dan meneruskan pembinaan kapasiti kemahiran tenaga manusia awam dan tentera di Kementerian Pertahanan termasuklah kursus-kursus program perkembangan *eksekutif*, Kursus Maktab Turus, kursus Staff Rendah dan Kursus Pegawai Kadet yang diadakan secara tempatan. Bagi kategori lain-lain pembayaran perbelanjaan khas, ianya berkurangan sebanyak \$5.1 juta berbanding tahun lepas. Penurunan ini berhubung kait dengan usaha-usaha Kementerian Pertahanan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menseimbangkan peruntukan 2011/2012 dan menstabilkan perbelanjaan peningkatan keupayaan supaya lebih *sustainable*. insya-Allah rancangan-rancangan bersangkut paut dengan keupayaan akan dihadapkan bermula pada tahun 2012/2013.

Kaola juga ingin menerangkan secara ringkas mengenai rancangan perkembangan dan peningkatan keupayaan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei keutamaan bagi 2010-2015. Perancangan perkembangan dan

peningkatan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah satu rancangan perkembangan yang mengambil pendekatan secara menyeluruh komprehensif seimbang dan dengan tujuan untuk memastikan bahawa peningkatan pertahanan dan keselamatan dilaksanakan secara berterusan.

Rancangan peningkatan ini juga berkait rapat dengan hasrat Kementerian Pertahanan menggantikan aset-aset strategik yang dimiliki oleh ABDB terutama platform-platform strategik Tentera Udara Diraja Brunei dan juga platform-platform *operational* seperti keupayaan peninjauan dan *fire power* Tentera Darat Diraja Brunei. Rancangan perkembangan dan peningkatan ini dilahirkan dengan mempertimbangkan elemen-elemen penting termasuklah pensejajaran rancangan ini dengan kertas dasar pertahanan 2004/2007 dan juga kertas putih pertahanan 2011 yang insya-Allah dikeluarkan pada bulan Mei 2011.

Kedudukan *geo-strategic* serantau dan global, sumber-sumber tenaga manusia dan kewangan negara juga diambil kira untuk membentuk rancangan perkembangan dan peningkatan dan komprehensif. Wawasan untuk melahirkan sebuah angkatan tentera yang cekap, komprehensif dan efisien dalam penggunaan sumber dan misi untuk mempertahankan kedaulatan negara mengawal keutuhan wilayah dan menegakkan perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja terus memandu Kementerian Pertahanan dan menjadi landasan dalam rangka rancangan pembangunan dan peningkatan pertahanan negara.

Dalam perkara ini, Yang Berhormat Pehin dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan dan ABDB akan memberikan tumpuan pada perkara-perkara berikut:-

1. Diplomasi pertahanan iaitu dengan menjalin hubungan yang baik dengan negara-negara serantau dan antarabangsa termasuk dalam konteks kerjasama Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN sebagai barisan pertama pertahanan *first line of defence*;
2. Pertahanan wilayah iaitu dengan mencegah dan mempertahankan negara dari apa jua ancaman dan pencerobohan;
3. Keselamatan dalam negeri dengan membantu agensi penguatkuasaan keselamatan yang lain dalam menangani masalah keselamatan dalam negeri; dan
4. Bantuan kemanusiaan dan keamanan yang mana akan menyumbang usaha-usaha serantau dan antarabangsa dalam operasi keamanan dan kemanusiaan.

Untuk melaksanakan peranan-peranan ini keutamaan akan diberikan pada perkara-perkara berikut:-

1. Meningkatkan keupayaan melalui perolehan peralatan-peralatan baru;
2. Pengambilan pegawai-pegawai yang berkalibar tinggi dan mempersiapkan anggota tentera masa hadapan;

3. Mengembangkan sumber tenaga manusia melalui pemeduliaan kebajikan dan latihan serta penerapan nilai-nilai Islam;
4. Membangun prasarana baru dan fasilitis-fasilitis yang lebih baik; dan
5. Perubahan proses bagi mencapai tahap kecekapan dan keberkesanan sumber yang lebih tinggi.

Pada keseluruhannya rancangan perkembangan dan peningkatan Kementerian Pertahanan dan ABDB bagi tahun 2010 – 2015 ialah peningkatan keupayaan ketenteraan dan perkembangan tenaga manusia termasuklah penerapan aspek-aspek kerohanian pada warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Ke arah itu, rancangan yang dihasratkan ini akan dibuat secara seimbang dan mengikut keutamaan demi mencapai hasrat perkembangan dan peningkatan menyeluruh Kementerian Pertahanan dan ABDB dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Rancangan perkembangan dan peningkatan ini juga akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut penilaian keupayaan dan sumber-sumber ada dengan sokongan penting agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menjayakannya.

Kementerian Pertahanan turut mempertimbangkan kaedah seperti penyewaan (*leasing*) dan usahasama awam, Swasta *Public Private Partnership* bagi membiayai rancangan perkembangan ini.

Akhir sekali Yang Berhormat Pehin, insya-Allah Kementerian Pertahanan akan memastikan peruntukan disediakan akan digunakan untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan sebaiknya.

Kementerian Pertahanan juga insya-Allah akan sentiasa berjimat cermat bijak dan efisien menggunakan peruntukan disediakan ini iaitu sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-27 pada 23 Februari 2011 di mana baginda bertitah agar kita membudayakan amalan berjimat cermat berbelanja menurut kemampuan dengan tujuan yang tersirat untuk melakar perubahan sikap mentaliti menyeluruh supaya terbiasa dengan cara sederhana serta tahu pula menghargai nilai.

Jadi itulah secara ringkas Yang Berhormat Pehin Pengerusi mengenai dengan perkara-perkara yang terkandung di dalam peruntukan Kementerian Pertahanan. Kaola ingin juga memaklumkan jika ada apa-apa soalan insya-Allah kaola akan memanjangkan kepada Kementerian Pertahanan untuk kementerian tersebut memberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya hanya membangkitkan mengenai kedudukan belia-belia kita yang ingin menyertai Pasukan Pertahanan. Seringkali kita mendapat rungutan ada sesetengahnya melalui telefon mengatakan bahawa peraturan ataupun akademik yang diadakan disyaratkan oleh Pasukan Pertahanan atau memasuki askar adalah terlalu ketat dan tidak ada peluang-peluang bagi mereka yang lemah akademiknya iaitu yang tidak dapat mencapai sekurang-kurangnya 4 "O" Level. Jadi kepada mereka yang ingin menyertai dan tidak mendapat 4 "O" Level itu merasa kecewa, walaupun ada minat mereka itu untuk memasuki askar.

Jadi melalui majlis ini saya sarankan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya akan menimbang atau mengkaji semula syarat-syarat tersebut untuk membolehkan mereka itu menyertai dalam perkhidmatan Pasukan Tentera Diraja Brunei, kerana mereka itu terutama sekali ada minat, kedua mereka itu masih muda dan ketiga mungkin mereka itu cergas sebab itu mereka berminat. Berilah peluang kepada mereka kerana cawangan di askar itu bukan saja memerlukan akademik, ada pasukan-pasukan tertentu yang tidak memerlukan akademik umpamanya membuat jambatan, Tentera Darat dan sebagainya. Jadi sekali lagi saya ingin menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan akan mengkaji semula peraturan-peraturan untuk membolehkan rakyat Brunei, anak Brunei untuk mempertahankan Negara Brunei bersama-sama, sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Orang Kaya, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebagaimana yang kaola nyatakan tadi, insya-Allah kaola akan memanjangkan perkara ini kepada Kementerian Pertahanan, cuma secara *general* saja Pehin. Kaola kan menjawab secara *general* memang setiap jawatan-jawatan itu ada skim-skim tertentu. Dan skim untuk memasuki Angkatan Bersenjata ini pun memang ada skim-skim tertentu juga, misalnya kalau kaola tidak silap, mungkin ia ada memerlukan 4 "O" Level juga macam polis, sebabnya apa yang diperlukan ialah bukan saja dari segi bilangan tetapi kualitinya yang penting dalam apa-apa jua jawatan-jawatan yang akan diisi, jadi itu saja yang dapat kaola kongsiikan saja Pehin secara *general* saja.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Pehin Pengerusi, ini ada satu pertanyaan dari saya, apakah kedudukan bekas ahli Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, yang mana sewaktu ia bertugas ianya melakukan kesalahan dalam masa ianya bertugas di Angkatan Bersenjata, kemudian dalam waktu yang sama ia dikenakan hukuman dalam Angkatan Bersenjata. Dalam menerima hukuman tersebut ianya ingkar dan lari daripada menerima hukuman walaupun beberapa kali pihak Angkatan Bersenjata menyuruh atau mencari ahli ini supaya

menjalani hukuman, namun sehingga akhir-akhirnya ia tidak dapat menjalani hukuman. Kemudian askar ini atau ahli ini dibuang daripada Angkatan Bersenjata, maka dalam keadaan ia dibuang setentunya ia tidaklah menerima apa-apa daripada Angkatan Bersenjata, malah kad pengenalan bagi dirinya masih dipegang oleh Pentadbiran Angkatan Bersenjata. Jadi apakah kedudukan bagi orang yang disebutkan seperti ini? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Pehin, insya-Allah perkara ini kaola akan meminta Kementerian Pertahanan untuk memberikan jawapan secara bertulis pada soalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat ingin membincangkan, maka Tajuk SB – Kementerian Pertahanan, seperti dalam kertas ini diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: SB – Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, Permesyuaratan Jawatankuasa ini telah meluluskan banyak Tajuk-Tajuk dalam kertas di hadapan kita, saya mengucapkan syabas pada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan atau pertanyaan yang relevan dan syabas dan tahniah juga kepada yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan yang telah memberikan jawapan yang begitu

jelas dan tepat. Ada baiknya Permesyuaratan Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita beralih semula kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dengan sepenuhnya.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat Negara bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang pula sebagai Majlis Mesyuarat Negara, masanya telah tiba bagi kita menamatkan persidangan pada hari ini, dan persidangan ini ditangguhkan kepada hari Sabtu, 30 Rabiulawal 1432 Hijrah bersamaan 5 Mac 2011 jam 9.00 pagi insya-Allah, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 30 Rabiulawal 1432 / 5 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan
al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG
YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji
Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim,
DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI.,
PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-
ORANG YANG TELAH MENCAPAI
KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka
Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji
Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK.,
PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang
Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ.,
PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin
Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI
DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB.,
PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,
SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka
Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,
DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB.,
PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato
Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ.,
POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis
Mesyuarat Negara bersidang semula
pada hari yang keempat didahului dengan
bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji
Mustafa bin Haji Murad (Imam Masjid
Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).**

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir
Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat sejahtera.
Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat
Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan
limpah kurnia rahmat dan keizinan-Nya jua
kita pada pagi ini dapatlah meneruskan
Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan ketujuh bagi hari
yang keempat.

Pada persidangan hari yang ketiga iaitu
pada hari Khamis, Majlis telah bersidang
sebagai Jawatankuasa dan telah
membahaskan dan meluluskan tajuk-tajuk
Rang Undang-Undang Perbekalan
2011/2012 di bawah Jabatan Perdana
Menteri dan Kementerian Pertahanan.
Di sini, sebelum majlis bersidang sebagai

Jawatankuasa sepenuhnya, saya ingin
menarik perhatian mengenai dengan
pemberitaan yang telah dikeluarkan. Saya
telah dimaklumkan semalam dalam Berita
RTB telah menyatakan Mesyuarat Negara
telah meluluskan Peruntukan Kewangan
Bajet bagi 2011/2012 sebanyak sekian
banyak jumlah wang.

Saya memohon apa kiranya pemberita
berhati-hati kerana ada menjadi tanda tanya
kepada orang ramai, lekas jua 3 hari
sudah selesai bajet itu diluluskan.
Sebenarnya hanya Tajuk Rang Undang-
Undang Perbekalan di bawah Jabatan
Perdana Menteri dan Kementerian
Pertahanan saja yang telah diluluskan
pada hari ketiga bukan keseluruhan
bajet yang akan dibentangkan.

Begitu juga, ada salah seorang Ahli Yang
Berhormat menegur kadang-kadang adalah
dalam surat khabar, lain gambar lain nama
orangnya. Jadi saya memohon sekali lagi
kepada pemberita supaya berhati-hati kalau
kurang pasti silalah hubungi pegawai
berkenaan Jabatan Majlis Mesyuarat untuk
memastikan apakah sebenarnya secara
factual yang telah berlaku. Sekian, terima
kasih. Oleh yang demikian, majlis ini akan
bersidang semula sebagai Jawatankuasa
sepenuhnya. Dan Persidangan Majlis
Mesyuarat ini sebagai Majlis Mesyuarat
Negara saya tangguhkan. Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat ditangguhkan]

[Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa]

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir
Rahmanir Rahim. Alhamdulillah, sekarang

Mesyuarat bersidang sebagai Mesyuarat Jawatankuasa. Pada keseluruhannya telah selesai meluluskan sebanyak 22 buah tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan yang mana Tajuk-Tajuk itu telah dijadikan sebahagian daripada Jadual. Maka sekarang kita beralih kepada tajuk seterusnya, iaitu Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Jurutulis: Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris bin Haji Abas.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan di dalam mempromosikan dan membukakan peluang-peluang kerjasama di bidang ekonomi bagi negara ini dengan negara-negara luar dalam konsep ke arah globalisasi sangat-sangatlah dipuji dan diberikan setinggi-tinggi tahniah. Beberapa perjanjian FTA ataupun *Free Trade Agreement*, dua hala, berbilang hala, serantau juga telah dapat dicapai yang mana ini memberikan *benefit-benefit* seperti:-

1. Penghapusan cukai *import* pada negeri-negeri yang berkenaan dalam masa yang telah ditentukan; dan

2. Meluaskan lagi dan membukakan lagi peluang-peluang pasaran untuk eksport dan lain-lain.

Soalan saya setakat ini selain daripada bidang minyak dan gas, berapa banyakkah sudah peluang-peluang perdagangan ini telah dapat dipergunakan oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha tempatan?

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan untuk meningkatkan lagi penyertaan peniaga-peniaga tempatan agar dapat menembusi pasaran luar seperti di ASEAN, BIMP-EAGA, APEC dan sebagainya?

Seterusnya apakah penyelarasan yang sedang dibuat terutama dengan agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk memenuhi keperluan negara-negara *pengimport* luar misalnya dari segi kualiti, *standard product*, yang akan dieksport juga dalam pengubahsuaian, penggubalan undang-undang dan akta yang berkenaan?

Mengenai dengan projek-projek Brunei di luar negeri, sejauh ini saya difahamkan sudah banyak kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk kedutaan-kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negeri seperti bangunan-bangunan pejabat, *Chancery*, kediaman rasmi, perumahan yang dimiliki oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Penyediaan dan pemeliharaan projek-projek ini juga boleh melibatkan perkhidmatan *professional consultant* dan pemborong. Inilah juga satu-satunya peluang

untuk memberikan konsultan ataupun pemborong tempatan untuk *bench out* atau membuka perusahaan di luar negeri secara persendirian ataupun *joint-venture* dengan konsultan-konsultan di negara yang berkenaan. Usaha Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ke arah ini sangat-sangatlah dialu-alukan. Soalan saya setakat ini berapakah sudah konsultan-konsultan tempatan yang telah diberikan untuk membuat projek-projek di luar negeri ini? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, memandangkan hari ini merupakan kali pertama saya berucap di Majlis Mesyuarat ini, saya sukacita menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan titah semasa Majlis Pembukaan Mesyuarat Negara kali ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas lantikan Yang Berhormat sebagai Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan saya yakin di atas kebijaksanaan dan pimpinan Yang Berhormat, mesyuarat kita kali ini akan berjalan dengan lancar dan berjaya.

Berkenaan dengan pandangan-pandangan dan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin barangkali memberi jawapan dengan memberi

sedikit penjelasan latar belakang-latar belakang berkenaan dengan perdagangan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang sebenarnya setakat ini, beberapa perjanjian perdagangan bebas yang telah disertai oleh Negara Brunei Darussalam termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN, Perjanjian Perdagangan Bebas Dua Hala dengan Jepun, perjanjian perdagangan bebas berbilang hala dengan Chile, New Zealand dan Singapura dalam *transpacific partnership* iaitu P4 yang digelarnya. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN bersama rakan dialog China, Jepun, Korea, India, Australia dan New Zealand. Dan pada masa ini, Negara Brunei Darussalam sedang dalam perundingan bagi perjanjian perdagangan bebas *transpacific partnership* bersama dengan ahli P4, Amerika Syarikat, Australia, Peru, Malaysia dan Vietnam.

Soalan tadi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat apakah manfaat yang telah kita perolehi dari penyertaan di dalam perjanjian perdagangan bebas tersebut. Perjanjian perdagangan bebas membukakan laluan kepada pasaran yang lebih besar seperti ASEAN dengan keramaian pengguna lebih 500 juta orang dan jika kita lihat dengan Negara China melebihi daripada 1.8 bilion orang.

Perjanjian perdagangan bebas mengurangkan atau meniadakan cukai *import* dan hambatan-hambatan perdagangan iaitu *trade barriers*. Ini memberi kelebihan harga yang lebih kompetitif kepada produk luaran tempatan yang dieksport. Para

pengusaha tempatan telah mengeksport produk mereka ke negara-negara rakan kongsi seperti Korea, China, India dan ASEAN. Peningkatan perdagangan dapat dilihat sebelum dan selepas FTA dikuatkuasakan. Eksport termasuklah produk kayu, minuman ringan dan metanol, dan Perjanjian Perdagangan Bebas juga memudahcara proses perniagaan khususnya dari prosedur perkastaman dan piawaian.

Pengguna pula mendapat manfaat dari segi pilihan yang lebih banyak dengan harga yang lebih kompetitif. Antara barangan yang mendapat keistimewaan ialah tayar kenderaan, kabel dan elektrik, alat ganti kenderaan dan barang-barang elektrik dan elektronik. Semua ini akan menjadikan negara kita lebih berdaya saing dan menjadikan para pelabur lebih tertarik dan berkeyakinan untuk melabur di negara ini. Ini juga menyumbang kepada usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara. Program-program promosi bagi meningkatkan kesedaran *awareness* para pengusaha-pengusaha di negara ini mengenai dengan peluang-peluang perniagaan dan pelaburan akan terus dilaksanakan.

Barangkali satu soalan lagi yang berkenaan dengan kompeni-kompeni tempatan yang berkenaan dengan pembinaan-pembinaan mesin-mesin di luar negeri. Barangkali dasar pada masa ini ditawarkan atau ditenderkan secara terbuka di mana mesin itu ada berada seperti di Kuala Lumpur dan Indonesia. Perkara ini ditenderkan secara terbuka dan di *competitive price*. Tapi memanglah kita menggalakkan anak tempatan untuk *to joining* tetapi perkara ini memanglah kita

tawarkan kepada satu tender yang kompetitif bukanlah secara berunjuk saja. Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih yang Berhormat saya ingin jua menambah sepatah dua kata. Syukur, sebagaimana disebutkan Yang Berhormat tadi, Negara Brunei Darussalam telah memeterai perdagangan bukan saja *bilateral* dan juga *multilateral*. Ini satu membuka peluang bagi *bilateral dan multilateral* aktiviti-aktiviti di antara peniaga-peniaga di Negara Brunei Darussalam dan luar negeri. Cuma saya ingin menyatakan syabas di atas nasihat dan dorongan dan kata-kata perangsang yang sentiasa dari masa ke semasa dilafazkan yang menggalakkan peniaga-peniaga Brunei meneroka keluar negeri untuk bersaing dengan *entrepreneurs* di luar negeri.

Jadi di sini saya ingin jua mengetahui, adakah Kerajaan Brunei telah menubuhkan satu badan seperti mana terdapat di negara-negara lain seperti Singapura, Malaysia yang sentiasa menghulurkan pertolongan, nasihat dan ikut sama-sama keluar negeri dengan ahli-ahli peniaga untuk meneroka peluang-peluang yang dapat diambil kesempatan oleh peniaga-peniaga dari Brunei?. Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang sebenarnya, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ada menubuhkan satu pejabat yang berkenaan dengan *promotion for external trade* dengan kerjasama Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Di sini di mana kementerian juga

mempromosikan seperti ekspo-ekspo, pameran di luar negeri dan di kedutaan-kedutaan dan suruhanjaya-suruhanjaya mengadakan seminar dan bengkel. Barangkali ini satu usaha yang kita mulakan, tetapi kita akan sentiasa *to practice* lagi perkara ini dan satu barangkali program yang baru saya ingat ialah berkenaan *product development* mengembangkan mutu dan pembungkusan produk-produk tempatan.

Usaha-usaha telah dijalankan dengan negara Jepun, negara Korea. *Within the* ASEAN-Japan, ASEAN-Korea telah dianjurkan baru-baru ini. Saya mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Pengerusi itu. Kerjasama di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama senantiasanya ada. Kita akan sentiasa memberi *information* kepada peniaga-peniaga tempatan dan memberi galakan kepada mereka untuk *exporting* keluar negeri. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat. Ada lagi ahli-ahli yang lain.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad : Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang difahamkan dan kaola maklumi melalui suara orang ramai dan pengguna jalan raya penghubung di Sungai Pendaruan sempadan Daerah Temburong dengan Limbang. Bahawa keperluan pembinaan

sebuah jambatan bagi menggantikan perkhidmatan feri yang ada sekarang adalah diperlukan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di dewan yang mulia ini, beberapa kejadian telah berlaku yang melibatkan terkandasnya perjalanan pengguna-pengguna terutama apabila berlakunya banjir dan kesesakan lalu lintas, ramai kereta pengguna-pengguna berbaris panjang hingga 3 ke 4 jam. Kaola bertanya dan sukacita minta Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) akan dapat menyatakan apakah pembinaan jambatan di Sungai Pendaruan akan dilaksanakan? Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat. Barangkali pada menjawabnya dalam pertukaran surat-surat pada 16 Mac 2009, kedua pihak barangkali telah bersetuju bagi pembatasan sempadan-sempadan tanah diselesaikan berdasarkan kepada lima buah perjanjian dan juga prinsip-prinsip *water sheet*. Saya ingin menyatakan di sini Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan bagi mengemaskinikan *terms of reference* yang akan membolehkan kedua pihak untuk memulakan pengukuran dan pembatasan sempadan bersama dengan pihak Malaysia. Saya sukacita memaklumkan baru-baru ini pada 24 dan 25 Februari, Jawatankuasa Teknikal ini telah bermesyuarat di Bandar Seri Begawan dan nampaknya proses untuk

menyelesaikan perkara ini telah pun dimulakan.

Berkenaan dengan jambatan yang disoalkan oleh Yang Berhormat tadi. Perkara ini telah dibincangkan bersama dengan Malaysia dan telah dipersetujui *in principle* untuk dibina dan diusahakan oleh pihak swasta. Jadi pada dasarnya tidak ada masalah bagi perkara ini dilaksanakan tapi saya percaya perkara ini akan dirundingkan dan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkenaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad : Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Seperti yang sama-sama kita dengar sebentar tadi penerangan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) bahawa kita dalam sedikit masa lagi akan memasuki Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement*) dengan beberapa buah negeri bukan saja dengan pertubuhan negara-negara ASEAN bahkan juga di negara-negara di luar negara ASEAN. Saya ingin menambah apa yang telah diterangkan atau dicadangkan atau disuarakan awal tadi oleh Yang Berhormat Dato Haji Idris.

Ini adalah satu perkembangan pasaran bebas ASEAN yang kompetitif. Bagi kita perjanjian perdagangan bebas ini adalah suatu perkara baru dan mungkin ianya membawa impak dan hambatan kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha

kecil dan sederhana SME di Negara Brunei Darussalam kerana terpaksa bersaing dengan peniaga dari luar negeri yang lebih berpengalaman dan dengan harga kos *over head* mereka yang lebih jauh murah dari kita dan ini adalah satu cabaran bagi SME tempatan. Dalam hal ini, ingin saya mengetahui apakah tindakan pihak MOFAT (*Ministry of Foreign Affairs and Trade*) atau mana-mana kementerian yang berkenaan dalam melindungi membantu kepentingan pengusaha peniaga SME tempatan kita yang saya fikir mungkin menghadapi kesukaran atau tidak berupaya untuk bersaing di perdagangan bebas. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dato Dewa Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Terima kasih. Barangkali saya telah menyentuh serba sedikit mengenai dengan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tapi saya ingin menambah sedikit mengenai dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, kita telah mencuba untuk meningkatkan keupayaan SME untuk bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Saya telah menyentuh tadi berkenaan dengan bahagian promosi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dalam kerjasama dengan Pusat Asian Jepun dan Korea untuk membentuk program-program *product development* bagi mengembangkan

mutu dan pembungkusan produk-produk tempatan supaya perkara ini boleh dieksportkan keluar negeri dapat kompetitif dan bersaing dengan produk-produk negara lain.

Selain daripada itu bahagian promosi juga membawa produk-produk yang berpotensi kepada ekspo pameran-pameran perdagangan di luar negeri dan kerjasama dengan suruhanjaya dan kedutaan-kedutaan Negara Brunei Darussalam yang ada di luar negeri. Memanglah kita akan sentiasa mengkaji dan memberi pertolongan, dan perkara ini akan berjalan supaya peluang-peluang pasaran di luar negara itu dapat diambil oleh SME. Saya sedar di Brunei Darussalam banyak *businessman-businessman* ini 90% barangkali di Brunei ini adalah SME. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Brunei Darussalam menyertai beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas seperti yang dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), sama ada melalui ASEAN ataupun dua hala. Tujuan-tujuannya ialah ke arah pengguguran atau penghapusan cukai ke atas perdagangan import barangan-barangan. Salah satu daripada negara yang mana Brunei mempunyai FTA ialah China. Jika perjanjian ini sudah berkuat kuasa yang bererti tarif sudah dihapuskan. Saya dapati ada barang-

barang yang *country of origin* nya dari China masih lagi dikenakan *import duty* ataupun cukai. Begitu juga dengan beberapa buah negara ASEAN, seperti Thailand, Singapore, Malaysia, dan Vietnam. Adakah sebab-sebab yang tertentu bahawa cukai belum dihapuskan terutama sekali dari Negara-Negara ASEAN. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng: Terima kasih barangkali Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan soalan itu. Memanglah hasrat FTA itu selepas tarikh *implementationnya in principle*, barang-barang cukai-cukai itu diturunkan seperti apa yang dirundingkan. Tetapi apa yang Ahli Yang Berhormat timbulkan tadi barangkali kalau ada *detailnya* dapatlah berunding dengan agensi-agensi berkenaan dan memberi kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Di Majlis yang mulia ini, peramba kaola ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga kerajaan baginda khususnya Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan iaitu daripada penuntut-penuntut, keluarga dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, yang mana sangat-sangat mengambil berat tentang keselamatan dan urusan mengembalikan ke

tanah air penuntut-penuntut dan warga negara kitani yang berada di negara luar iaitu Pakistan dengan selamat. Dan juga di negara-negara yang kurang stabil tentang keselamatan. Jadinya saya menyampaikan ucapan ini daripada penduduk Negara Brunei Darussalam. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Jadi oleh kerana tidak ada lagi. Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin. Ma'af Pehin silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis. Izinkan kaola memberikan sedikit input mengenai jambatan ke Limbang. Sebenarnya satu jawatankuasa telah pun ditubuhkan di pihak kerajaan kitani untuk melihat tatacara-tatacara membuat jambatan ini secara *private public partnership* (PPP). Jadi, apabila perkara ini selesai dan isu-isunya telah diketahui kita akan membincangkan perkara ini dengan pihak yang sama di negara Malaysia. Dan setelah itu nanti, insya-Allah, diharapkan satu tawaran akan dikeluarkan yang mensyaratkan berapa lama konsesi dan perkara-perkara yang perlu untuk memastikan jambatan ini akan dapat dibuat atau dilaksanakan dengan cara yang baik dan memenuhi kehendak orang ramai. Terima kasih. Itu saja.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Jika tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bercakap maka Tajuk

SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan saya bukakan untuk diundi adakah Ahli-Ahli semua bersetuju. (Semua Ahli mengangkat tangan).

Oleh yang demikian, oleh kerana Ahli-Ahli semua bersetuju, Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Kementerian Kewangan, SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memohon izin Yang Berhormat Pehin kiranya kaola akan dapat memberikan sedikit penerangan mengenai dengan soalan-soalan yang telah diajukan semasa membahaskan Kertas Belanjawan pada 2 haribulan yang lepas, di mana ianya ada menyentuh beberapa perkara mengenai dengan Kementerian Kewangan, yang mana kaola melihat ada 5 perkara yang disentuh pada ketika itu misalnya dari segi:-

1. Tambahan belanjawan sebanyak \$145 juta adalah sedikit;
2. Mengenai dengan prestasi GLC;

3. Mengenai dengan bagaimana kerajaan memastikan dan memantau pelaksanaan projek berasaskan *value for money*;
4. Isu-isu penyeludupan minyak dan rokok; dan
5. Juga isu-isu tunggakan.

Jadi, kalau ada izin Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola akan menerangkan satu persatu.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan kaola juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang tersebut:-

1. Jadi, kaola akan menjawab mula-mula mengenai dengan tambahan belanjawan sebanyak \$145 juta. Sebagaimana yang telah kaola huraikan dalam pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2011/2012 pada 2 Mac 2011 yang lalu, dalam menimbang Belanjawan Negara, kerajaan telah mengambil kira beberapa faktor penting, ini termasuklah:-
 - i. Dari segi hasil pendapatan kerajaan yang bakal diperolehi, hasil ini termasuklah unjuran hasil kerajaan dari sektor minyak dan juga sektor bukan minyak. Dalam meneliti unjuran hasil tersebut, kerajaan perlu

mengambil kira factor-faktor yang mempengaruhi harga minyak dunia termasuk risiko-risiko yang boleh menjejaskan ekonomi dunia kerana pendapatan negara adalah banyak bergantung kepada sektor minyak dan gas; dan

- ii. Dari segi keupayaan agensi-agensi kerajaan untuk melaksanakan projek, ini memandangkan berbagai projek sedang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan melalui peruntukan-peruntukan khas dan juga peruntukan Rancangan Kemajuan Negara. Di samping itu berbanding dengan negara-negara lain, saiz-saiz perkhidmatan awam di negara ini adalah besar dan dengan belanjawan yang begitu tinggi yang mana *injection* dari kerajaan adalah sebagai penjana kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jadinya, ia dikhuatiri boleh memberikan kesan *crowding out* kepada perkembangan sektor swasta. Perkara ini perlu dielakkan ke arah pembangunan ekonomi negara yang lebih *sustainable*.

Jadi dengan sumber pendapatan kerajaan yang terhad, kita perlu sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam berbelanja yang mana perkara ini juga telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa pembukaan majlis ini agar kerajaan berbelanja mengikut kemampuan dan mengelakkan dari perlu berhutang. Dan perkara ini juga adalah selari dengan objektif belanjawan negara ke

arah pengukuhan fiskal bagi kerajaan mengurus belanjawan secara berhemah agar rizab negara akan dapat diperkukuhkan lagi bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak dijangka akan di masa-masa akan datang.

2. Mengenai dengan persoalan prestasi GLC, terutama RBA dan Semaun Holding. Pada keseluruhannya memang diakui prestasi kewangan syarikat-syarikat milik kerajaan tidaklah begitu memberangsangkan kecuali syarikat-syarikat GLC yang berkaitan dengan sektor minyak dan gas. Setakat ini syarikat-syarikat GLC yang menghulurkan pembayaran dividen kepada kerajaan adalah amat sedikit bilangannya, yang lain itu diakui masih lemah dan kebanyakannya memerlukan bantuan kewangan dari kerajaan secara berterusan. Jadi ke arah itulah, pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meningkatkan lagi pencapaian GLC ini untuk memastikan syarikat-syarikat berkenaan akan dapat mencapai objektif penubuhannya. Langkah-langkah tersebut termasuklah:-

- i. Dengan menubuhkan satu unit khas di Kementerian Kewangan untuk memantau perjalanan GLC ini dengan lebih terperinci;
- ii. Dengan memastikan akaun-akaun kewangan syarikat-syarikat ini dikemaskinikan dan diaudit. Langkah ini bertujuan untuk mendapat maklumat yang tepat mengenai

kedudukan kewangan dan prestasi GLC berkenaan; dan

- iii. Dengan meningkatkan *governance*, syarikat-syarikat dalam memastikan amalan terbaik antarabangsa di bidang korporat dapat dilaksanakan / diamalkan oleh pengurusan syarikat-syarikat GLC ini. Ini termasuklah:-
 - a. Dengan meneliti komposisi keahlian di dalam lembaga-lembaga pengarah GLC dengan turut memperkenalkan *Independent Board Member*;
 - b. Menubuhkan dan mengukuhkan fungsi Jawatankuasa Audit (Audit Committee), syarikat-syarikat berkenaan untuk memastikan syarikat-syarikat diurus mengikut peraturan, dasar yang telah ditetapkan; dan
 - c. Memastikan akaun-akaun kewangan dan laporan pengurusan, sentiasa dikemaskinikan dan dihadapkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan sebagainya.

Pihak kerajaan, insya-Allah akan berterusan memantau keupayaan pengurusan GLC ini bagi memastikan ianya dinamik dan mampu untuk berdaya saing dan berdaya maju tanpa berterusan bergantung kepada suntikan kewangan kerajaan.

Berhubung dengan RBA, memang syarikat berkenaan masih lagi terus bergantung kepada bantuan kewangan kerajaan

dalam membiayai operasinya. Ini adalah disebabkan kegagalan syarikat berkenaan untuk memperolehi pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan operasinya. Sebagaimana yang kita maklumi, industri penerbangan adalah merupakan satu sektor yang paling mencabar dan mempunyai saingan yang sengit kepada industri *playemya*, serta memerlukan perbelanjaan operasi dan pelaburan yang tinggi.

Sebagaimana juga yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkembangan industri penerbangan di negara ini adalah agak terhad, memandangkan saiz pasaran penduduk dan negara ini yang kecil. Walau bagaimanapun sektor ini adalah sebuah sektor yang strategik bagi memenuhi keperluan *connectivity* dan juga memberikan kesan limpahan kepada beberapa sektor tertentu di dalam ekonomi negara. Oleh itu, pihak kerajaan akan berterusan memantau operasi syarikat ini bagi memastikan keperluan perbelanjaan operasinya sentiasa terkawal.

Mengenai operasi Semaun Holdings dan anak-anak syarikatnya pula, pada masa ini langkah-langkah berterusan sedang diambil bagi meneliti operasi dan struktur pelaburan-pelaburannya bagi menilai keupayaan komersial dalam mendukung usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

3. Mengenai dengan bagaimana kerajaan memastikan dan memantau pelaksanaan projek berasaskan *value for money*. Usaha-usaha berterusan memang sentiasa dilaksanakan bagi memastikan perbelanjaan dilakukan

dengan mengambil kira konsep *value for money* ini. Ini termasuklah melalui penambahbaikan proses tawaran dan mengukuhkan proses audit dalaman di setiap kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Dalam hubungan ini, pemilihan tawaran tidak semestinyalah berasaskan tawaran yang murah sahaja, tetapi yang pentingnya ialah ianya akan dipilih kepada syarikat-syarikat yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi spesifikasi tawaran. Dan dalam mengeluarkan satu-satu tawaran juga, setiap kementerian adalah digalakkan untuk melaksanakan tawaran melalui tawaran terbuka memandangkan dasar kerajaan terhadap proses dan prosedur tawaran ialah keadilan, telus dan *value for money*.

Jadi dalam hal ini, apabila ianya dibukakan secara terbuka maka ianya akan dapat memberikan peluang pada semua pihak untuk ikut serta dalam tawaran-tawaran tersebut. pegawai-pegawai pengawal adalah juga dikehendaki untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah mengikut peruntukan yang diluluskan dengan mempertingkatkan lagi *financial discipline* dalam membuat perbelanjaan mereka masing-masing.

Di samping itu, memandangkan projek-projek khas adalah di bawah kawalan Setiausaha-Setiausaha Tetap kementerian masing-masing, hampir semua kementerian-kementerian pada waktu ini terutama yang mempunyai projek-projek yang banyak telah menubuhkan unit-unit khas untuk memantau perkembangan projek masing-masing agar

ianya berjalan lancar dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam tawaran. Di samping itu, JPKE selaku pihak yang bertanggungjawab dalam memantau pelaksanaan projek-projek kemajuan negara, juga berterusan melaksanakan beberapa perkara yang penting untuk memastikan perkara ini, misalnya:-

1. JPKE akan terus mengadakan perbincangan dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dalam memperkesakan lagi proses di setiap projek *cycle*;
2. Mempertingkatkan kapasiti jentera kerajaan melalui pengurusan projek dan pengurusan kontrak bagi meningkatkan penyeliaan projek supaya menjurus kepada *value for money*;
3. Meneruskan dialog dan perbincangan dengan *stakeholder* agar isu-isu pelaksanaan akan dapat ditangani secara holistik;
4. Mengenai dengan isu penyeludupan minyak dan rokok. Kegiatan penyeludupan produk-produk minyak yang bersubsidi termasuk diesel ini terutamanya menyeberang sempadan Negara Brunei Darussalam memanglah disedari. Ke arah itu banyak usaha telah dilaksanakan untuk mengatasi atau menangani kegiatan penyeludupan tersebut antaranya termasuk dengan mengambil tindakan undang-undang dan operasi bersepadu dengan agensi-

agensi keselamatan yang berkenaan. Operasi ini tidaklah semestinya terhad kepada pos-pos kawalan, tetapi juga di sungai-sungai dan jua di tempat-tempat lain seperti lorong tikus dan sebagainya.

Jadi, bagi memperkesakan lagi usaha-usaha penguatkuasaan ini pelbagai strategi baru sedang diteliti dibincangkan dan Insya-Allah dalam sedikit masa lagi akan dilaksanakan. Bagaimanapun kaola pada peringkat ini tidaklah dapat mengongsikan apa bentuk strategi dan tindakan yang diambil itu kerana ini adalah semata-mata bagi memastikan keberkesanan apabila ia dilaksanakan nanti.

Untuk makluman jua, dari tahun 2008 hingga 2010, sejumlah 241 tangkapan telah dibuat berkaitan kesalahan penyeludupan minyak. Manakala bagi kes penyeludupan rokok jumlah tangkapan telah meningkat dari purata 6 tangkapan sebulan kepada di antara 26 hingga 46 tangkapan sebulan setelah pindaan dikuatkuasakan. Langkah yang diambil setakat ini termasuklah merampas barang-barang seludupan dan mengambil tindakan melalui jabatan dengan mengenakan denda secara kompaun dan dihadapkan ke mahkamah bagi yang melimpasi had garis-pandu kompaun jabatan untuk dikenakan tindakan undang-undang yang tegas.

Di samping itu, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan sedang meneliti peruntukan-peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kegiatan penyeludupan-penyeludupan ini semata-mata bagi

meningkatkan keberkesanan langkah-langkah pencegahan jenayah penyeludupan yang merugikan negara ini; dan

5. Yang terakhir mengenai apa tindakan pihak kerajaan dalam menangani isu tunggakan hasil. Kerajaan secara berterusan memang sentiasa meneliti langkah-langkah bagi mengukuhkan pengurusan kutipan hasil kerajaan ini yang mana beberapa langkah telah dilaksanakan dan sedang diperbaiki lagi untuk menangani isu-isu ini yang mana antara lainnya termasuklah:-
 - 5.1. Di Kementerian Kewangan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menangani masalah tunggakan hasil ini yang mana dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan. Antara fungsi utama jawatankuasa ini termasuklah bagi sama-sama membincangkan cara-cara menangani isu tunggakan hasil dan berkongsi maklumat dan jua buah fikiran di antara kementerian dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain;
 - 5.2. Dengan menubuhkan Unit Kawalan kredit di Jabatan Perbendaharaan bagi melaksanakan tuntutan hasil-hasil yang tertunggak;
 - 5.3. Membuat penagihan secara bersurat atau mengadakan perbincangan bersama penghutang di premis-premis mereka;
 - 5.4. Menyediakan laporan untuk dihadapkan kepada pihak Yang Berhormat Peguam Negara bagi tindakan undang-undang;
 - 5.5. Memberikan kelonggaran untuk melaksanakan bayaran hutang secara ansuran;
 - 5.6. Membuat pemotongan gaji orang yang berhutang atau penjamin dan baksis orang yang berhutang;
 - 5.7. Memberhentikan kemudahan yang ada dan tidak menyambung apa-apa jua lesen dan permit serta menghadkan operasi penghutang;
 - 5.8. Mengemaskinikan lagi bahagian pengurusan dengan menubuhkan Unit Bahagian Kutipan Hasil dan melatih pegawai dan kakitangan di bahagian tersebut;
 - 5.9. Menyediakan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat pembayaran mereka melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak bank di negara ini termasuk bagi pembayaran secara *online* yang ditawarkan oleh pihak bank; dan
 - 5.10. Bagi meningkatkan lagi tahap perkhidmatan kerajaan terutama bagi pembayaran secara *online*, pihak Jabatan Perbendaharaan juga sedang dalam proses melaksanakan *one common e-payment gateway* yang akan membolehkan pelbagai jenis perkhidmatan pembayaran

online disediakan oleh jabatan-jabatan kerajaan.

Di sini sukacita jua kaola mengongsikan mulai 24 November 2009, pembayaran perkhidmatan utiliti kerajaan seperti bil elektrik dan air boleh dibayar melalui bank-bank BIBD, Baiduri, HSBC dan Standard Chartered. Perkhidmatan ini akan dilaratkan kepada perkhidmatan agensi-agensi kerajaan yang lain. Di antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank-bank berkenaan ialah menerima pembayaran hasil kerajaan melalui kaunter bank, mesin pengeluaran wang tunai, mesin simpanan wang tunai, mesin simpanan cek, perbankan internet di laman web bank dan perbankan telefon.

Antara penghasilan dan langkah-langkah yang diambil sejauh ini bolehlah disimpulkan seperti berikut:-

1. Dengan adanya kekerapan tuntutan hutang dibuat ianya secara tidak langsung memberikan kesan terhadap pemiutang-pemiutang untuk membayar hutang-hutang mereka dengan segera;
2. Penghutang-penghutang perlu untuk menjelaskan pembayaran mereka pada kerajaan sebelum permohonan mereka untuk mendapat perkhidmatan kerajaan dipertimbangkan; dan
3. Tindakan undang-undang juga telah dapat diambil oleh Jabatan Peguam Negara bagi mana-mana pemiutang-pemiutang yang gagal menjelaskan tunggakan mereka dalam tempoh notis yang diberikan.

Jadi yang terakhir dalam hubungan ini, kaola ingin memohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang juga selaku pemimpin akar umbi dan juga pemimpin-pemimpin perniagaan supaya akan dapat memberikan kerjasama dalam meningkatkan kesedaran anak-anak buah di daerah-daerah, mukim dan kampung, kawan-kawan dan rakan kongsi perniagaan, juga pekerja-pekerja mereka untuk menjelaskan apa juga tuntutan hasil kerajaan yang perlu dibayar seperti bayaran-bayaran bagi utiliti, cukai-cukai korporat dan lain-lain. Ini kerana dengan kutipan hasil daripada perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan ini, ianya akan dapat membantu kerajaan dalam meningkatkan tahap perkhidmatannya terutamanya bagi utiliti serta dapat memudah cara iklim perniagaan di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin menimbulkan mengenai dengan pembayaran pencen tua sama ada termasuk dalam tajuk ini. Bagaimanapun nampaknya pencen tua ini adalah di bawah Kementerian Kewangan. Kaola ingin menimbulkan mengenai keselamatan ketua-ketua kampung yang membayar elaun pencen tua di kampung masing-masing pada setiap bulan.

Perkara ini selalu ditimbulkan dalam mesyuarat-mesyuarat dan perjumpaan-

perjumpaan dengan pihak-pihak yang berkenaan semenjak bertahun-tahun, tapi hingga masa ini belum ada ketentuannya yang boleh diikuti dan pembayaran secara yang sama masih berjalan seperti biasa. Dalam menjalankan tugas-tugas pembayaran elaun ini, ketua-ketua kampung adalah sentiasa berhadapan dengan bahaya dan berbagai kemungkinan yang tidak diingini kerana mereka ini terpaksa membawa wang yang banyak setiap bulan sehingga ada yang lebih daripada \$200 ribu ringgit seorang, kerana tugas untuk menyampaikan elaun pencen tua kepada yang berhak menerimanya di kampung masing-masing.

Dengan bertambahnya kejadian-kejadian rompakan dan curi yang berlaku di negara ini, sudah tentu ketua-ketua kampung ini menghadapi risiko yang berat. Saya berharap pihak-pihak yang berkenaan akan mencari jalan yang terbaik dan praktikal sesuai dengan undang-undang dan peraturan yang ada dengan sesegeranya sebelum perkara-perkara yang tidak diingini ini berlaku.

Sehubungan dengan pembayaran pencen tua ini juga, selain daripada bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebahagian daripada penerima-penerima pencen tua ini memohon apakah kiranya elaun mereka akan dapat dibayar atau dikeluarkan sama tarikh dengan pembayaran gaji kakitangan kerajaan supaya mereka dapat bersama-sama dengan keluarga untuk keluar berbelanja

pada setiap hari pembayaran gaji orang-orang kerajaan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin, mengenai dengan pencen tua ini kaola minta tolong, rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, mungkin jua barangkali Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kalau ada apa jua isu-isu yang berkaitan dengannya.

Mengenai dengan soalan yang terakhir, cadangan yang terakhir supaya ianya disamakan dengan pembayaran gaji. Insya-Allah perkara ini diambil maklum dan akan diteliti secara saksama. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, sepertimana juga yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan pembayaran pencen tua yang dilakukan oleh ketua-ketua kampung dan sememangnya perkara ini telah pun dibahaskan ataupun dibincangkan banyak kali dalam dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Pehin Pengerusi beberapa penyelesaian telah pun dicapai dan

dipersetujui dalam mengatasi soal keselamatan yang ditimbulkan iaitu mengenai dengan pembayaran pencen tua yang di lakukan oleh ketua-ketua kampung. Antara lain ialah dicadangkan bagi ketua-ketua kampung untuk mendapatkan perkhidmatan daripada pihak polis untuk mendapatkan perkhidmatan *escort* ataupun kawalan semasa mengeluarkan wang pencen tua sama ada daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya bagi pembayaran-pembayarannya kepada penerima-penerima pencen tua tersebut. Walau bagaimanapun ianya tertakluk jua kepada keupayaan pihak Pasukan Polis Diraja Brunei untuk memberikan perkhidmatan kawalan tersebut.

Walaupun bagaimanapun antara lain penyelesaian ataupun bagi mengatasi perkara yang ditimbulkan ialah ketua-ketua kampung telah pun diberikan *safe* ataupun peti keselamatan untuk disimpan di rumah masing-masing dalam mana mereka boleh menggunakan peti-peti keselamatan tersebut untuk menyimpan wang yang mereka bawa balik setelah mengutip atau mengambilnya daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Begitulah penjelasan diberikan kepada Yang Berhormat mengenai dengan penyelesaian yang telah pun dibuat. Walau bagaimanapun dari masa ke semasa pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan juga dengan pihak-pihak yang lain akan mencari jalan cara yang terbaik bagi mengatasi soal keselamatan yang ditimbulkan oleh pihak ketua-ketua kampung. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin menambah saja iaitu pembayaran pencen tua melalui ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu jua yang terlibat yang memangku Ketua Kampung dan ketua-ketua Rumah Panjang. Perkaranya ada dua perkara:-

Pertama, yang sudah dibangkitkan ini ialah berhubung dengan keselamatan, sebagaimana yang disebutkan tadi mereka mengambil wang di bandar, kemudian membawanya pulang ke kampung, ada yang di kampung-kampung pedalaman. Jumlah yang dibawa adalah besar, satu.

Yang kedua, mereka menyimpan dalam rumah kerana tidak dapat dibayar terus pada hari yang sama ataupun hari berikutnya, memakan sehari dua. Dan untuk menyelamatkannya untuk usahanya yang sebagaimana yang telah diterangkan rakan kaola tadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mereka diberikan peti keselamatan untuk menyimpannya.

Jadi dua perkara ini ada *meritnya* untuk diatasi dan cara mengatasinya itu antaranya sepertimana yang disebutkan tadi mendapatkan *escort*. Tapi masih juga ada cara-cara lain yang pernah disuarakan oleh orang ramai bukan saja oleh ketua-ketua kampung tetapi jua orang ramai.

Umpamanya mereka menyarankan supaya dibayar melalui akaun bank sebagaimana jua penerima-penerima asnaf zakat pada masa ini, menerima bayaran-bayaran bantuan mereka melalui akaun bank. Itu suatu perkara nampaknya yang baik.

Tetapi hal ini kalau berhubung dengan ketua kampung dan anak buahnya, tidak menyampaikan hajat bahawa ketua kampung itu memedulikan anak buahnya. Dalam erti kata kalautah misalnya penerima-penerima pencen itu terus menerima pencen mereka dari akaun mereka, jadi hubungan mereka dengan ketua kampung itu agak tidak akrab, boleh jadi ketua kampung tidak mahu memberi kesempatan untuk melawat atau mengaga ke rumah orang-orang yang berkenaan. Jadi itu mengurangkan juga fungsi ketua kampung memedulikan orang-orangnya.

Tapi dalam hal ini, antara kedua ini barangkali boleh difikirkan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang dilantik mungkin mempunyai cadangan-cadangan yang lain untuk kalau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat menguasai ataupun dapat mengatasi perkara ini bersama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di samping Kementerian Kewangan. Memanglah dikhuatiri keselamatan wang itu tanggungjawab mereka dan pihak kerajaan memerhatikan Yang Berhormat Pengerusi supaya perkara ini akan dapat diatasi dengan sebaik-baiknya, sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, saya ingin berucap sedikit mengenai perkara ini. Keselamatan yang dimaksudkan itu barangkali selain daripada keselamatan

menyimpan duit itu di rumah ialah keselamatan masa berjalan atau keluar dari rumah untuk menyampaikan atau membayar pencen-pencen itu. Cadangan untuk membagi pembayaran itu melalui bank itu ada juga *meritnya*, tetapi bagi orang-orang di pedalaman barangkali akan menghadapi kesukaran kerana tiap-tiap kali mereka akan berbelanja terpaksa ke bank dulu, kalau mereka tinggal di tempat-tempat yang terpencil di pedalaman apa lagi orang-orang tua, wanita-wanita yang sudah berumur atau ada sedikit kesukarannya Pehin. Itu pendapat kaola.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Pehin, kaola di sini akan menyampaikan enam tajuk jadi walau macamapun kaola tidak akan membacakan huraian-huraian yang lebih panjang di mana tajuk-tajuk yang akan kaola sampaikan ini berlainan tajuk:-

1. Tajuk yang akan disampaikan ialah cadangan bagi keistimewaan tambahan bagi pegawai wanita dalam perkhidmatan awam yang mana suaminya bekerja di swasta mahupun bekerja sendiri, jadi yang dimaksudkan di sini ke arah menghargai dan peranan penting kaum wanita dalam pembangunan negara dan sebagai pemedulian kita terhadap kesejahteraan mereka khususnya yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam di mana suami mereka tidak berkhidmat dengan kerajaan ataupun swasta atau bekerja sendiri dicadangkan supaya kaum wanita ini diberikan hak keistimewaan yang saksama dan sama rata seperti elaun pelajaran, tambang untuk anak-

anak mereka dan sebagainya. Sebagaimana juga yang dinikmati oleh pegawai-pegawai lelaki dalam perkhidmatan awam kerajaan;

2. Cadangan menambah elaun sara hidup bagi pegawai-pegawai rendah perkhidmatan awam seperti bermula dari kerani dalam bahagian IV dan kakitangan perkhidmatan awam yang bergaji hari. Namun demikian, daripada sungutan-sungutan yang kita dapat dengar ataupun kita terima, mereka yang tergolong sebagai keluarga daif adalah juga terdiri daripada golongan yang bekerja dalam perkhidmatan awam khususnya yang berpendapatan rendah seperti pemegang jawatan kerani dan kakitangan yang bergaji hari. Jadi dicadangkan supaya kakitangan dalam perkhidmatan yang disebutkan tadi khususnya yang berpendapatan rendah, supaya pemegang jawatan kerani dan kakitangan bergaji hari kadar kenaikan gaji tahunan, dipohonkan kadar gaji tahunan dan elaun sara hidup yang mereka terima pada setiap bulan dinaikkan pada kadar yang bersesuaian;
3. Tabung Amanah Pekerja (TAP). Rakyat menerima tempoh perkhidmatan pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta yang dipanjangkan dari 55 tahun ke 60 tahun bagi mereka yang tidak berpencen. Tetapi tempoh penyimpanan bagi pegawai dan kakitangan ke dalam TAP hanya sehingga berumur 55 tahun manakala wang simpanan TAP semuanya dikeluarkan pada pekerja pada usia ini.

Ini tidak menepati hasrat bahawa simpanan tersebut adalah untuk kegunaan setelah bersara iaitu setelah berusia 60 tahun. Simpanan yang dikeluarkan kesemuanya ini pada usia 55 tahun mungkin akan habis dipakai setelah pekerja bersara pada usia 60 tahun nanti. Pekerja ini berpencen hanya akan menerima \$250.00 pencen tua sebulan dan \$150.00 dari simpanan SCP berjumlah kesemuanya \$400.00 sebulan bagi pekerja peralihan. Ini sudah tentu tidak mencukupi untuk menampung sara hidup yang mereka hadapi.

Saya mencadangkan supaya potongan simpanan TAP diteruskan sehingga ke usia 60 tahun supaya pekerja boleh menambah simpanan mereka. Simpanan boleh dikeluarkan untuk tujuan tertentu dan pada jumlah yang tertentu sahaja tetapi masih terdapat jumlah simpanan yang akan dikeluarkan keseluruhannya setelah bersara pada usia 60 tahun nanti;

4. Akhir-akhir ini sudah terdapat agensi-agensi kerajaan yang memberikan jaminan keselamatan sosial iaitu yang bertajuk Insurans Keselamatan Sosial untuk pekerja. Melalui perlindungan insurans kepada pekerja mereka yang terutama bagi sebilangan pasukan yang beruniform termasuk juga kepada semua penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang mana sentiasa terdedah dengan keselamatan untuk membawa kewangan yang begitu banyak, dan kerap kali berlaku kecurian dan juga rampasan daripada yang

berhajat untuk mendapatkan wang. Untuk melindungi mereka sekiranya terjadi kecelakaan semasa menjalankan tugas ia juga untuk menjamin kesejahteraan sosial, isteri dan anak-anak serta waris mereka apabila menghadapi sebarang kemungkinan.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya semua kakitangan kerajaan diberikan perlindungan keselamatan sosial (insurans) begitu juga majikan-majikan di sektor swasta perlu juga memberi perlindungan seperti yang dimaksudkan tadi;

5. Pekerja dibayar secara *baucer*. Kita mengetahui bahawa terdapat banyak jabatan kerajaan yang tidak mempunyai kakitangan yang cukup kerana bertambahnya tugas di jabatan-jabatan berkenaan. Ada di antara jabatan-jabatan yang mengambil pekerja secara dibayar secara *voucher* tanpa membuat simpanan dalam Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan tidak mengikut Skim Persaraan Caruman Tambahan SCP untuk menjamin masa depan mereka. Ada di antara mereka yang sudah bekerja 6 ke 7 tahun lamanya dan mungkin ada yang lebih;

Saya mencadangkan supaya golongan ini diambil pekerja tetap atau diambil sebagai pekerja bergaji hari demi masa depan mereka sekaligus mencukupi tenaga kerja di jabatan-jabatan berkenaan; dan

6. Mengenai dengan elaun pegawai-pegawai kerajaan Perkhidmatan Awam yang menjalankan tugas di luar masa bekerja seperti hari-hari kelepasan dan juga di waktu malam seperti yang dimaksudkan di antaranya ialah pegawai-pegawai penguat kuasa, (Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil), pemantau, seperti pembuangan sampah, memburu anjing-anjing liar dan juga tugas-tugas yang serupa dengan yang disebutkan tadi supaya pegawai-pegawai ini, dicadangkan ia diberikan peruntukan atau diluluskan peruntukan bagi elaun perkara-perkara yang dimaksudkan di atas. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masanya telah tiba untuk kita berehat selama setengah jam. Terima kasih.

(Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis Mesyuarat masih lagi membahaskan berkenaan dengan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011 dan 2012 bagi Tajuk SD01A – Kementerian Kewangan. Maka untuk membolehkan majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa, maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi sebelum kita berehat, Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor telah mengusulkan enam cadangan berkenaan dengan Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan. Sekarang saya bukakan perkara ini untuk perbincangan. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan kaola mengucapkan terima kasih jua ke atas cadangan Yang Berhormat Awang Haji Bakar tadi mengenai dengan enam (6) persoalan yang ditimbulkan. Kaola hanya akan menjawab secara menyeluruh dan secara spesifik kepada lima (5) soalan saja Yang Berhormat Pehin.

Bagi soalan mengenai dengan cadangan Yang Berhormat supaya caruman TAP dilanjutkan dan dikeluarkan pada usia 60 tahun atau, barangkali kaola akan memohon kerjasama daripada rakan sejawat kaola, Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi TAP untuk menjawabnya nanti.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, sebenarnya dalam menimbangkan apa jua cadangan, sebagaimana jua di masa-masa yang lepas, kerajaan akan melihat secara menyeluruh, yang bukan sahaja akan ditumpukan kepada keperluan-keperluan di pihak sektor awam tetapi juga dari segi implikasinya kepada sektor swasta. Dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang

Berhormat tadi, nampak-nampaknya ada akan memberikan dua implikasi pertama implikasi kewangan dan jua kedua dari segi implikasi terhadap dasar kerajaan untuk menarik lebih ramai pekerja-pekerja untuk bekerja di sektor swasta.

Mengenai dengan soalan pertama, iaitu elaun dan hak wanita disamakan dengan pegawai-pegawai lelaki, setakat ini pemberian elaun-elaun dan kemudahan adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan berkuat kuasa pada masa ini. Peraturan ini dibuat adalah mengambil kira bahawa kaum lelaki adalah selalunya merupakan ketua keluarga atau *bread winner* bagi sesebuah rumahtangga. Perkara ini jika dilaksanakan sudah setentunya melibatkan jumlah kewangan yang agak besar kepada kerajaan.

Kaola akan memberikan statistik mengenai dengan implikasi kewangan bagi perkara ini. Misalnya, pada waktu ini tambang yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi maksud pemberian tambang-tambang ini adalah kira-kira \$48.85 juta setahun. Manakala elaun pelajaran yang dibayar oleh kerajaan setiap tahun adalah sebanyak \$27 juta.

Kalau kita melihat pada waktu ini, kerajaan telah pun meluluskan lantikan pegawai-pegawai wanita yang telah diubah dari sebulan ke sebulan ke jawatan tetap yang mana membolehkan mereka untuk menerima kemudahan-kemudahan yang biasanya dihulurkan seperti yang kaola sebutkan tadi. Misalnya tambang, elaun pelajaran dan sebagainya. Jumlah yang *diconvert* daripada perkhidmatan sebulan ke sebulan kepada perkhidmatan tetap ialah

dalam 11,032 orang pegawai wanita yang akan terlibat dalam hal ini. Jadi bayangkanlah kalau pada waktu ini, elaun-elaun misalnya elaun pelajaran tidak diberikan kepada wanita tapi apabila sudah *diconvert* kepada jawatan tetap wanita-wanita ini berhak untuk memohon elaun-elaun tersebut. Jadi dengan sendirinya implikasi kewangan akan bertambah, mungkin akan bertambah dua kali ganda.

Mengenai dengan tambahan gaji dan elaun kepada pegawai-pegawai yang berpendapatan rendah, kaola juga akan memberikan *facts and figures* mengenai dengan Elaun Kurnia Khas dan Elaun Sara Hidup yang telah dibayar oleh kerajaan setiap tahun, di mana Kurnia Elaun Khas yang dibayar oleh kerajaan pada tahun 2009/2010 ialah \$121 juta. Manakala Elaun Sara Hidup ialah \$114.11 juta. Jadi, kalau kerajaan lagi menambah elaun-elaun ini, itu dengan sendirinya ianya akan menambah kewangan sepertimana yang kaola terangkan tadi.

Tapi dalam pada itu juga *attractiveness* bekerja di *private sector* akan menurun, jadi mungkin banyak pekerja-pekerja dari *private sector* ini akan berpindah kepada sektor perkhidmatan awam, yang mana ini sudah setentunya akan *defeating the purpose* kitani untuk menarik lebih ramai lagi pekerja-pekerja untuk bekerja di sektor swasta.

Di samping itu, kalau gaji dibandingkan di antara pegawai-pegawai rendah di sektor awam dan di sektor swasta, nampak-nampaknya di sektor swasta adalah lebih rendah. Jadi ini akan menyebabkan *attractiveness* itu, jurang-jurang perbezaan

akan lebih besar daripada yang ada sekarang.

Mengenai dengan insurans bagi semua kakitangan kerajaan. Pada waktu ini insurans yang dipertimbangkan adalah bagi pekerja-pekerja yang beruniform, misalnya Polis, Bomba dan Penyelamat dan sebagainya, yang mana mereka ini menangani dari segi *nature of* kerja-kerja mereka. Mereka ini selalunya adalah berhadapan dengan risiko-risiko yang besar. Jadi sebab itulah perkara ini dipertimbangkan dari segi *case by case basis*.

Mengenai dengan pengambilan pekerja yang dibayar melalui baucer ini, kaola inda berapa pasti ni sebenarnya. Mungkin apa yang dimaksudkan ialah pekerja-pekerja RTB yang dibayar secara baucer kerana lantikannya secara sambilan. Tapi kaola telah difahamkan bahawa perkara ini telah pun ditangani dengan saksama dan kebanyakan pekerja-pekerja ini telah pun ada yang dilantik secara lantikan-lantikan yang rasmi.

Dan yang keenam ialah mengenai Elaun Khas supaya dilaratkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Setahu kaola pembayaran-pembayaran elaun berkaitan dengan perkara ini memanglah dikhaskan kepada agensi-agensi tertentu misalnya agensi-agensi yang bertindak untuk menangani bahagian-bahagian keselamatan, misalnya operasi-operasi yang tertentu sahaja yang dapat diberikan elaun-elaun tersebut semata-mata untuk penjagaan keselamatan. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini saya ingin bercakap sedikit mengenai dengan perkara kemungkinan mengurangkan *attractiveness* peluang pekerjaan di *private sector* iaitu saya faham atas penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) tetapi saya berpendapat perkara-perkara sedemikian itu hanya berlaku tertakluk kekosongan yang ada di jabatan-jabatan kerajaan kerana bukan kesemuanya yang memohon itu akan dapat diterima. Tertakluk juga kepada kesesuaian mereka yang pertama sekali seperti saya nyatakan tadi kekosongan dengan adanya bajet bagi jawatan-jawatan tersebut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Saya ingin menambah sedikit saja Yang Berhormat Pehin. Sebenarnya daripada maklumat yang kaola terima dari SPA nampak-nampaknya apabila satu-satu jawatan itu kosong, yang banyak memohon ialah daripada sektor-sektor swasta. Ada *figures* yang kaola diberikan kadang-kadang satu, dua tiga jawatan kosong itu *private sector* tu yang banyak memohon sampai berpuluh-puluh. Ada yang sudah bekerja, sedang bekerja di dalam jawatan-jawatan tertentu tetapi disebabkan oleh keinginan untuk bekerja di *public sector* adalah lebih barangkali banyak faedah didapati dari kalangan *private sector* ini. Dan *reasons* ataupun sebab-sebab yang diberikan kadang-kadang ialah yang di samping kemudahan-kemudahan yang diberikan lebih baik dan juga gaji yang lebih tinggi daripada *private sector*.

Kadang-kadang Pehin, gaji dorang itu tinggi sudah tapi dorang masih mahukan di *public sector*, disebabkan kemudahan-kemudahan dan jua dari segi disiplin barangkali ada masa-masa berkerja yang in da berapa ketat (*strict*) barangkali berbanding dengan *private sector*. Sekian terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin faham tah kaola. Terima kasih. Antadi Yang Berhormat Pehin Goh kan bercakap. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Sedikit barangkali Pehin. Menyentuh mengenai dengan insurans tadi. Bis kaola belum begitu jelas mengenai dengan jawapan.

Insurans sebahagian daripada pasukan-pasukan beruniform dan yang penting ialah bagi keselamatan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang membawa duit sehingga beratus ribu ini, inilah keselamatan itu yang abis kaola tekankan itu. Menjunjung kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Pehin Goh silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pengerusi, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Negara Brunei Darussalam kini sudah merdeka selama 27 tahun Brunei menjadi ahli di beberapa organisasi di peringkat antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, pada 1 Januari tahun ini Kementerian Kewangan sudah menubuhkan satu badan iaitu *Authority*,

Monetary of Brunei Darussalam. Ini merupakan satu inisiatif yang baik untuk memantau Sistem Kewangan Negara.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin tahu adakah Kementerian Kewangan mengambil satu inisiatif untuk menubuh satu *Stock Exchange* di Negara Brunei Darussalam di masa akan datang?

Ini kerana kebanyakan Negara ASEAN mempunyai *Stock Exchange*. Bilakah masanya Brunei mempunyai *Stock Exchange* sendiri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan kemudahan subsidi kepada rakyat Brunei termasuk orang-orang luar melalui kementerian berkenaan. Oleh yang demikian untuk jangka masa yang panjang isu subsidi ini perlulah di *review* kerana kaola berpendapat subsidi ini lebih berhak diterima oleh orang yang lebih memerlukan.

Yang Berhormat Pengerusi, isu subsidi merupakan isu yang sensitif. Oleh itu, kaola tidak mahu memanjangkan dengan lebih lanjut dan *detail* di dalam dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, jika kiranya menteri-menteri yang ingin meminta cadangan ataupun idea atau pandangan kaola bersedia berkongsi fikiran.

Yang Berhormat Pengerusi, seperti yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) sebanyak \$486.5 juta ringgit sehingga Mac 2010 telah tertunggak oleh orang ramai dan swasta kepada kerajaan. Tentang kutipan hasil kerajaan,

apakah prosedur atau tindakan diambil jikalau orang-orang ramai ataupun swasta tidak menjejaskan hasil kerajaan? Jika pembayaran tertunggak tidak dikutip pada waktunya ia akan terkumpul menjadi besar dan susah dibayar lagi. Yang Berhormat Pengerusi, kaola mencadangkan, kalau boleh untuk melantik sebuah agensi atau swastakanlah kepada satu badan yang mahir untuk mengutip hasil kerajaan seperti berikut:-

1. Tenaga;
2. Air;
3. Telefon; dan
4. Cukai Tanah dan lain-lainnya.

Apa jua hutang yang belum dijelaskan bolehlah diselesaikan secara halus dan bijaksana seperti berikut:-

1. Jika bayaran secara tunai maka bolehlah diberikan diskaun khas; dan
2. Bayaran secara ansur-ansur dalam tempoh masa tertentu tanpa faedah yang kosong.

Saya yakin inilah cara yang baik untuk menyelesaikan masalah bayaran yang tertunggak ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, ada apa-apa, tapi kalau saya inda silap perkara cara mendapatkan atau mengutip tunggakan ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kecuali cadangan-cadangan Yang Berhormat Pehin Goh yang terakhir tadi. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan tunggakan itu kaola indalah berpanjang lebar lagi, cuma kaola mengalu-alukanlah apa-apa jua cadangan yang baik daripada Ahli Yang Berhormat untuk memperkesankan lagi langkah-langkah yang sudah kerajaan laksanakan pada peringkat ini.

Mengenai dengan subsidi tersebut tadi, ada cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat jua supaya kitani mereview subsidi dan sebagainya ini, kaola mengalu-alukan juga cadangan-cadangan, pembaikan-pembaikan ataupun cadangan-cadangan bernas daripada Yang Berhormat untuk kita sekurang-kurangnya mengimbangi ataupun mengurangkan subsidi-subsidi ini, insya-Allah.

Mengenai dengan soalan pertama, ada Yang Berhormat tadi bertanya mengenai dengan adakah sebarang rancangan kerajaan untuk menubuhkan pasaran saham ataupun *Stock Exchange* di Negara Brunei Darussalam ini. Jadi, sebenarnya pihak kerajaan memang dari masa ke semasa sentiasa menilai kesesuaian dan keperluan bagi negara menubuhkan pasaran saham sendiri. Di antara syarat-syarat yang dianggap asas iaitu *basic condition* yang perlu dipenuhi bagi memastikan kejayaan satu-satu *stock exchange* yang ingin ditubuhkan ada beberapa perkara. Pertama misalnya, terdapatnya syarikat-syarikat, terutamanya syarikat-syarikat tempatan dengan jumlah yang signifikan yang ingin menyenaraikan

sahamnya di bursa saham di negara ini, jika bursa tersebut ditubuhkan nanti.

Pada masa ini realitinya, nampak-nampaknya setakat ini tidak banyak syarikat-syarikat sedemikian yang dianggap benar-benar akan dapat memanfaatkan penyenaian, misalnya sebagai satu sumber bagi membiayai modal perniagaan syarikat-syarikat tersebut. Ini kerana kos keseluruhan bagi modal yang diperolehi melalui *public listing equity* ini adalah pada lazimnya agak tinggi. Keperluan modal bagi kebanyakan syarikat yang benar-benar berkeupayaan di negara ini nampaknya adalah lebih mudah dipenuhi melalui *equity* persendirian, pinjaman bank secara komersil atau melalui skim-skim galakan yang dibiayai oleh kerajaan seperti Skim Pinjaman SME dan Skim Pinjaman Mikro Kredit yang pada masa ini telah dikendalikan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Kedua, mana-mana syarikat-syarikat yang berhasrat untuk menyenaraikan sahamnya di bursa juga hendaklah mampu memenuhi syarat-syarat penyenaian di bursa saham yang dimaksudkan. Misalnya, syarat-syarat tersebut yang utama yang lazimnya dikenakan ialah penyenaian tersebut seperti yang terdapat di bursa saham lain ialah prestasi kewangan syarikat yang menunjukkan *track record* pendapatan yang sentiasa baik bagi tempoh beberapa tahun termasuk dari segi jumlah dan *trend* pendapatan tersebut.

Di samping itu, syarikat yang dinilai untuk disenaraikan akan melalui penelitian terperinci terhadap tahap *corporate*

governance yang terdapat pada syarikat tersebut. Oleh itu, pada masa ini kerajaan sangat menggalakkan syarikat-syarikat tempatan agar berusaha bersungguh-sungguh bagi memperkukuhkan perniagaan dari semua aspek terutama sekali dari segi tahap profesionalisme pengurusan serta aspek-aspek teknikal perniagaan. Pada peringkat ini usaha-usaha berupa *capacity building* adalah sangat utama bagi mempertingkatkan daya saing masing-masing dan bagi sama-sama menyumbang ke arah suasana perniagaan dan pelaburan yang dinamik dan mendukung usaha-usaha ke arah pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi negara, sekian. Tadi, Yang Berhormat Pehin Hazair barangkali akan menambah mengenai dengan soalan yang pertama, belum lagi dijawab.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, kaola mengucapkan terima kasih di atas saranan atau pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu mengenai dengan pengeluaran simpanan TAP supaya dianjukkan daripada yang ada sekarang ini 55 tahun kepada 60 tahun bagi menjamin masa depan ataupun memberikan jaminan sosial kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin, sememangnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

adalah mengambil perhatian yang serius ke atas kebajikan rakyat terutama sekali dalam memastikan jaminan keselamatan sosial rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini sama ada mereka terutama sekali rakyat dan penduduk tetap melalui Skim-Skim Tabung Simpanan Pekerja yang telah pun berkuat kuasa sejak tahun 1993 ianya dijalankan di negara ini, dan ke arah memperkukuhkan jaminan keselamatan sosial bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah pun memperkenalkan baru-baru ini seperti *supplemental contribution fund* ataupun *pension* dan juga mulai daripada 1 haribulan Mac tahun ini telah pun diperkenalkan satu *voluntary contribution* kepada pencarum-pencarum Tabung Amanah Pekerja bagi mereka yang ingin untuk meningkatkan tabung ataupun caruman mereka itu, mereka bolehlah secara sukarela untuk menambah tabung mereka daripada kadar \$10.00 hingga ke \$1,500.00 sebulan.

Dan mengenai dengan cadangan Yang Berhormat untuk menganjukkan ataupun meningkatkan umur pengeluaran Tabung Amanah Pekerja daripada 55 tahun ke 60 tahun sebenarnya Yang Berhormat Pehin, perkara ini telah pun dibincangkan dalam Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja iaitu bagi membolehkan pencarum-pencarum untuk pada peringkat ini untuk *menstaggered*, mengeluarkan caruman mereka apabila sampai ke 55 tahun tapi boleh menganjakkannya hingga 60 tahun dengan diberikan kadar dividen yang tinggi.

Walau bagaimanapun adalah satu cabaran kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melalui Tabung Amanah Pekerja untuk memastikan kadar caruman ataupun jumlah caruman yang dapat menjamin masa depan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dengan memastikan sumbangan dividen yang tinggi dan menjangkau satu kumpulan kewangan yang mencukupi. Perkara ini adalah satu perkara yang disedari oleh Tabung Amanah Pekerja dan ianya adalah merupakan satu cabaran kepada Tabung Amanah Pekerja untuk memastikan jaminan masa depan sosial rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui Skim Tabung Amanah Pekerja. Dan memanglah diambil perhatian mengenai dengan cadangan Yang Berhormat itu. Mengenai dengan usaha, ataupun langkah-langkah untuk mengganjakkkan umur daripada 55 tahun ke 60 tahun. Memandangkan kepada dasar kerajaan yang telah pun meningkatkan umur persaraan sebahagian daripada kakitangan di dalam kerajaan daripada umur 55 tahun ke 60 tahun, perkara ini adalah diambil perhatian dan diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan ataupun mengajukan cadangan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Haji Mohd. Shafiee, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya mempunyai tiga perkara untuk disuarakan;-

1. Sejauh ini kita melihat pencapaian prestasi kewangan dari segi hasil pendapatan dan perbelanjaan negara sahaja. Bolehkah kita juga melihat pencapaian prestasi dari segi produktiviti dan kualiti kerja atau perkhidmatan utama negara dari sektor awam dan sektor swasta? Iaitu dalam menilai, adakah peruntukan yang diperuntukkan pada sektor awam dan untuk memperkembangkan sektor swasta berbalui dan juga memenuhi kehendak orang ramai dan dibelanjakan kepada perkara-perkara utama negara. Pencapaian sedemikian akan lebih baik lagi jika perhatian diberikan sekuatnya kepada penyediaan perancangan strategik dan mengukur pencapaian produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing di kedua-dua sektor awam dan swasta;
2. Pada sesi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Tahun 2010, saya pernah menyuarakan tentang pengurangan atau meniadakan kadar subsidi, komoditi minyak diesel kepada industri-industri yang besar di negara ini. Tujuannya ialah bagi membantu tambah pendapatan negara dan keduanya mengurangkan penggunaan kadar hidrokarbon yang rendah sedikit dari Ron 97 kepada Ron 95 yang boleh digunapakai yang dianggarkan kira-kira 90% oleh kenderaan di Negara Brunei Darussalam. Ini boleh juga menjimatkan kos pengeluaran dan sekaligus menambah bantu pendapatan negara. Kedua-kedua cadangan ini dicadangkan bertujuan membantu kerajaan dalam

pengurangan defisit yang dianggarkan pada tahun lepas sebanyak \$1.2 bilion; dan

3. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya ingin menambah dan menyokong akan cadangan dan pandangan berkenaan dengan pembayaran pencen tua oleh penghulu dan ketua kampung di seluruh negara. Isu-isu yang dibangkitkan oleh teman-teman Yang Berhormat tadi, memang pada realitinya belum dapat diselesaikan keseluruhannya kerana saya sendiri mengalaminya dan ianya perlu masa untuk kitani bincangkan dan fikirkan bersama sebelum sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku, secara lebih mendalam dengan mengambil kira risiko-risiko kemungkinan-kemungkinan yang mungkin berlaku pada bila-bila masa sahaja. Dan jika boleh dikaji semula tatacara pembayaran dibuat ketika ini, untuk mengurangkan risiko-risiko yang dinyatakan disebabkan keadaan semasa bertambah mencabar. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas yang tadi telah mengangkat tangan dahulu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah di atas penerangan yang panjang lebar yang telah diberikan oleh

Yang Berhormat Pehin Menteri Kewangan II (Kedua) dalam mengusulkan Rang Undang-Undang Belanjawan 2011/2012 beberapa hari yang lalu. Bertambah-tambah lagi dengan penerangan-penerangan, jawapan-jawapan yang telah diberikan sebentar tadi, lebih menjelaskan keadaan sebenarnya. Jelasnya di sini perancangan dan peruntukan yang diberikan bagi setiap sektor-sektor yang berkenaan menggambarkan keprihatinan dan sifat pemeduliaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya ingin mengongsikan pandangan dan membuat satu soalan.

Salah satu cara untuk meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dalam perkembangan ekonomi negara ialah dengan membukakan peluang-peluang perniagaan dan penswastaan. Sebagaimana yang difahami, pihak kerajaan telah merancang satu draf *Privatisation Master Plan* yang dijangka siap pada akhir tahun lepas, 2010 yang dibuat oleh Konsultant *Pricewater house Coopers (PWC)*. Juga bertujuan untuk menyelaraskan perancangan jangka panjang menuju ke arah Wawasan 2035. Untuk meningkatkan lagi peranan sektor swasta dalam pertumbuhan ekonomi negara. Soalan saya apakah hasil kajian atau *outcome* dari *master plan* tersebut?, kerana informasi ini saya rasa berguna untuk menarik penyertaan bukan saja pelabur-pelabur domestik malah juga pelabur-pelabur dari luar negeri. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih sekarang saya silakan Yang Berhormat

Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, mungkin apa yang saya utarakan ini akan mendapat respons daripada menteri-menteri berkenaan, iaitu perubahan tanggagaji. Yang Berhormat Pehin, 27 tahun telah berlalu tanggagaji berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 14/1984 bertarikh 4 Julai 1984 dikuatkuasakan. Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang tertentu bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah diubah seperti yang dibentang dalam Surat Keliling tersebut. Ini meliputi syarat-syarat dan lantikan bagi Perkhidmatan Tetap, Open Vote, Sebulan Ke Sebulan dan Kontrak dalam tanggagaji awam, begitu juga mereka yang bergaji hari. Perubahan ini termasuk juga bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berkuat kuasa 1 Januari 1984.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola melihat bahawa pada tahun 1984, perubahan tanggagaji tersebut dianggap tinggi dan mencukupi untuk menampung

keperluan hidup. Berbanding pada masa ini terutama sekali Bahagian IV dan V contohnya, Bahagian IV D1 \$520 hingga \$630 selama 6 tahun, begitu juga Bahagian V, E1 \$515 hingga \$570 selama 4 tahun dan Bahagian F1 \$445 hingga \$475 selama 4 tahun. Ekoran dari perubahan ini, gaji ini adalah di antara pegawai-pegawai dan kakitangan sudah sampai ke tahap maksimum. Di samping itu, tidaklah dinafikan bahawa di antara yang memohon agihan wang zakat dan isu-isu sosial (meminta-minta) ialah kakitangan Kerajaan. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola berpendapat bahawa patutlah kerajaan memikirkan semula mengikut keadaan masa ini tambahan pula mereka ini dipotong pembayaran TAP dan SCP. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terlebih dahulu terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) kepada penjelasan soalan-soalan yang saya timbulkan beberapa hari yang lalu. Cukup jelas jawapan Yang Berhormat itu, diucapkan terima kasih.

Mengenai dengan pindaan komposisi Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat menyampaikan Perbelanjaan 2011/2012 di dewan ini pada minggu lepas, pindaan itu cukup jelas tetapi ada perkataan sana *Ordinary Resident*. Tidak dijelaskan, banyak orang bertanya-

tanya apakah definisi *Ordinary Resident* ini. Adakah *Ordinary Resident* ini bererti *Permanent Resident* (Penduduk Tetap) dan juga termasuk orang asing yang mempunyai Pas Kerja yang mana Kad Pengenalan mereka hijau. Jika apa yang saya fahami ini adalah betul saya rasa pindaan ini amat baik.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat apa yang terjadi sekarang ini, perkara ini pun saya kira Yang Berhormat lebih maklum, orang-orang tempatan diambil ataupun dilantik sebagai Ahli Lembaga Syarikat. Mereka ini tidak kena mengena dengan syarikat ini ataupun tidak mempunyai *interest*. Mereka dibayar dengan bayaran yang minima sahaja, akan tetapi mereka menghadapi risiko jika sekiranya syarikat ini menghadapi masalah, mereka bertanggungjawab sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat ataupun *Director* Ahli Lembaga Pengarah Syarikat. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahad dari daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola menyokong penuh usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri amat mengambil berat dalam perkara ini kepada rakyat baginda, iaitu untuk mengurangkan budaya berhutang kepada budaya menyimpan melalui Kementerian

Kewangan seperti mengetatkan syarat-syarat pinjaman peribadi dan terbaharu tahun lepas arahan kawalan kad kredit.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin bertanya adakah pihak Kementerian Kewangan memikirkan kesan dan cara pelaksanaannya seperti arahan kad kredit?, pihak Kementerian Kewangan memberikan masa enam (6) bulan kepada bank-bank sebelum arahan itu berkuat kuasa dan pihak bank juga memperkenalkan pinjaman khas untuk menyelesaikan hutang-hutang kad kredit ini sehingga tiga (3) tahun pinjaman.

Dalam jangka panjang ianya dilihat sebagai usaha yang baik, di mana hutang-hutang dapat diselesaikan tetapi kesan tiga tahun pembayaran itu amat terasa terutamanya kepada mereka yang bergaji rendah. Kaola bersetuju kesalahan awal berpunca dari peminjam itu sendiri tetapi ada setengahnya berpunca dari desakan hidup yang memaksa mereka berhutang. Perkara ini telah berlalu dan arahan ini berjaya dilaksanakan. Kaola juga bertanya apakah usaha Kementerian Kewangan untuk mengatasi beban untuk membayar hutang? Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan jua terima kasih di atas saranan-saranan dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan menjawab

beberapa persoalan sahaja manakala yang lain itu misalnya mengenai Ron 97, kaola insya-Allah akan memohon bantuan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga, dan manakala bagi soalan yang terakhir mengenai dengan kredit kad implikasi dan sebagainya, oleh kerana ianya sudah diambil alih oleh AMBD, maka kaola ingin nanti kiranya akan dapat minta bantuan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, selaku Timbalan Pengerusi AMBD.

Pertama, mengenai dengan ada tadi persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Shafiee mengenai dengan prestasi kewangan dan produktiviti di sektor kerajaan dan jua di *private sector*. Di pihak kerajaan, *public sector* barangkali susah jua akan mengassess dari segi produktiviti mereka tapi di pihak kerajaan sebagaimana yang dimaklumi bahawa pada waktu ini setiap kementerian telah pun mengadakan *strategic plan* masing-masing. Dan dalam *strategic plan* tersebut setiap kementerian akan memantau perjalanan ataupun *milestone* projek-projek ataupun program yang digubal dalam *strategic plan* tersebut dan ada kementerian sudah membuat apa yang dinamakan *Key Performance Indicators*, mengenai dengan perkara ini yang mana termasuklah jua dari segi *capacity building* dan produktiviti dan sebagainya. Jadi, ini adalah terpulang kepada setiap kementerian itu untuk meneliti secara terperinci mengenai perkara ini.

Mengenai dengan prestasi kewangan pada waktu ini Kementerian Kewangan sudah pun mendapatkan *technical assistant* daripada IMF untuk meneliti apa yang dinamakan *performance budgeting* dan insya-Allah

apabila perkara ini akan selesai nanti ianya mudah-mudahan dalam 2-3 tahun yang akan datang, kita akan dapat melihat apa yang dinamakan *performance budgeting* ini dilaksanakan di dalam kerajaan. Mengenai dengan Pencen Tua tadi, barangkali sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jua Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ada persoalan mengenai dengan perubahan tanggagaji, yang mana Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa tanggagaji ini nampak-nampaknya tidak berubah dalam 27 tahun. Sebenarnya ianya sudah berubah 2 kali. Pertama perubahan tersebut ialah di mana Kebawah Duli telah memperkenankan supaya diadakan Elaun Sara Hidup dan jua Elaun Kurnia Khas ini kalau dicampur-campurkan memang terutamanya bagi jawatan-jawatan rendah ianya memang lumayan jua. Nampak-nampaknya ia meningkatkan gaji kepada pekerja-pekerja tersebut kira-kira dalam lebih 24% 25%.

Di samping itu, pada 4-5 tahun yang lepas kita juga telah merevise gaji secara *increment*, kenaikan-kenaikan secara *increment* khas yang mana *increment* khas ini lebih dikhususkan kepada untuk membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Dan untuk makluman abiskita jua Yang Berhormat, di mana sebenarnya gaji kakitangan kerajaan ini sudah pun melimpasi \$1.8 billion setiap tahun. Dan jumlah pekerja-pekerja dalam kerajaan yang berjawatan tetap adalah 62 ribu orang, manakala jawatan-jawatan open vote ataupun bergaji hari dalam kira-kira 12 ribu orang. Jadi, bayangkanlah di Negara yang sekecil ini *public sectomya* adalah kira-

kira 74 ribu berbanding dengan *private sector*, ini terbalik dengan negara-negara di rantau ini, negara-negara jiran kitani.

Mengenai dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahai mengenai komposisi pengarah-pengarah syarikat, memang apa yang dinyatakan itu adalah sebenarnya benar, kita ingin mengelakkan mana-mana pengarah-pengarah yang dilantik untuk menjadi pengarah-pengarah syarikat-syarikat kongsi sama ada dalam ataupun daripada luar negeri, selalunya pengarah-pengarah tersebut kadang-kadang orang-orang tidak mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu. Tapi dengan keadaan ini kita berharap bahawa banyak lagi *multinational company* akan dapat menubuhkan syarikat-syarikat mereka di negara ini dan dengan sendirinya ianya akan menjadikan satu *spin off* kepada SME di negara ini daripada aktiviti-aktiviti tersebut. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, kaola ingin saja bertanya selain daripada 2 elaun khas Yang Berhormat sebutkan itu. Itu adalah tidak masuk bonus tahunan tu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Lupa tadi Yang Berhormat Pehin, benar tu. Ada satu lagi. Kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Tenaga. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Izinkan kaola menjawab Yang Berhormat Awang Haji Shafiee tadi dan juga menambah sedikit untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Pehin Goh jua. Dari Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bagi Ron 95 pihak kerajaan sedang membuat kajian *Portfolio Gasoline* di negara ini dan dari segi aspek keperluan bahan bakar bagi kenderaan terkini dan akan datang ekonomi termasuklah kos penghasilan harga *pump* dan subsidi dan alam sekitar. Kajian semula termasuk *Portfolio Gasoline* yang ada di pasaran masa ini iaitu *Gasoline Ron 97* dan *Ron 92* dan *Ron 85* yang kitani panggil *Regular 85* dan kajian ke atas cadangan bagi memperkenalkan *Gasoline Ron 95* dan *Premium Gasoline Ron 97*.

Hasil kajian ini akan dapat membantu bagi menetapkan *Portfolio Gasoline* yang terbaik dalam menepati keseluruhan aspek berkenaan. Bahan mentah bagi penghasilan *gasoline* ialah minyak mentah ini bererti kos *gasoline-gasoline* sangat dipengaruhi oleh harga pasaran minyak mentah antarabangsa. Dan untuk makluman jua total *subsidi diesel* secara kumulatif dari tahun 1978 hingga tahun 2010 berjumlah \$751 juta adalah terbanyak dibandingkan dengan produk-produk lain yang bersubsidi sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Shafiee.

Bagi jawapan untuk Yang Berhormat Pehin Goh, tadi ada menyentuh tentang kerajaan tidak ada membuat apa-apa tindakan bagi tunggakan elektrik ani, kaola akan

menambah sedikit sahaja Pehin. Sebagai mana terdapat di dalam Akta Elektrik Penggal 71 bab 4. Pemotongan bekalan dibuat ke premis-premis rumah-rumah persendirian dan komersil yang gagal membuat pembayaran. Secara purata pemotongan bekalan ini melibatkan kira-kira 300 pelanggan sebulan.

Walau bagaimanapun tindakan pemotongan bekalan ini tidaklah begitu berkesan kerana terdapat beberapa kes di mana selepas sebahagian dari pembayaran dibuat dan bekalan elektrik disambung semula. Pelanggan-pelanggan berkenaan kembali gagal untuk membuat pembayaran seterusnya. Ini disebabkan oleh tabiat sebahagian masyarakat yang tidak menghargai subsidi kerajaan. Kerajaan akan sentiasa mencari jalan bagaimana caranya untuk mengatasi masalah tunggakan ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Kaola kan bertanya saja mengenai dengan minyak petrol yang beberapa gred termasuk premium dan juga diesel, adakah sekarang semuanya dikeluarkan dalam negeri atau ada di antaranya terpaksa diimport?.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Ada di antaranya terpaksa diimport. Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nanti sekajap Pehin. Yang Berhormat Dato Haji Puasa dari tadi sudah mengangkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis. Kaola ingin menimbulkan masalah yang sedang dihadapi oleh pemborong-pemborong dan pengusaha-pengusaha tempatan;-

1. Mengenai dengan bayaran *deposit* yang perlu dibayar semasa menghantar tawaran bagi kerja-kerja yang ditawarkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Sekarang telah ditukar sebagai bayaran *service fee*. Kalau bayaran deposit ianya akan di *refund*. Jika sesuatu tawaran itu tidak berjaya. Tetapi jika bayaran itu ditukar sebagai *service fee* bayaran tidak akan dikembalikan masalah pemborong-pemborong tempatan di kelas kecil dan sederhana yang selalu menghadapi tawaran mereka tetapi tidak berjaya maka bayaran *service fee* ini tidak akan dikembalikan. Ini telah memberatkan kerana mereka ini hanyalah pemborong dan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana sahaja. Bagi pemborong dan pengusaha-pengusaha yang besar dan sudah *established* tidak menjadi masalah bagi mereka; dan
2. Mengenai pembayaran yang lambat dikeluarkan walaupun kerja-kerja yang telah selesai dilaksanakan oleh pemborong-pemborong menurut *specification* yang disahkan kesiapannya. Kelambatan pembayaran ini tentulah mendatangkan masalah bagi pengusaha-pengusaha dan pemborong-pemborong kecil dan

sederhana untuk membayar gaji pekerja dan bayaran kepada pembekal-pembekal alat perkakas binaan. Adalah diharapkan supaya bayaran-bayaran seperti ini akan dapat disegerakan. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, saya ingin menambah pertanyaan adakah kadar *deposit* ini sama dengan kadar *service fee* itu. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin dan terima kasih juga atas pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato Haji Puasa. Yang dikenakan pada waktu ini sebenarnya yuran tawaran itu. Ertinya kadar yuran tawaran ini adalah berasaskan kepada mengenakan bayaran pendaftaran bagi menyertai tawaran dan juga mengenakan yuran dokumen dan ianya tidak bermaksud untuk membebankan pihak penender. Yuran tawaran ini dikenakan dengan hasrat untuk meningkatkan rasa tanggungjawab sebenarnya di kalangan penender supaya sentiasa berhati-hati dalam menghadapi tawaran dengan memberikan harga yang berpatutan dan mengelakkan dari menghadapi harga-harga yang spekulatif dan yang setentunya menggalakkan penender yang *bonafide* saja yang akan ikut serta dalam tawaran-tawaran dan juga pada syarikat-syarikat yang kukuh dari segi kewangan masing-masing. Ini perlu juga sebagai peraturan supaya menggalakkan setiap penender itu adalah benar-benar yang *bonafide*. Mengenai dengan *ordinarily resident* ini sebenarnya

ada syarat-syarat khasnya dan ada syarat-syarat tambahan. Kalau dapat kaola membentangkan, syarat-syarat asas itu:-

1. Misalannya ia hendaklah menetap di negara ini bagi satu tempoh yang berterusan dalam satu-satu tahun yang bersesuaian untuk diperkirakan sebagai menetap di negara ini;
2. Menunjukkan hasrat untuk menetap atau bermastautin di negara ini seperti menyewa tempat tinggal secara jangka panjang; dan
3. Berhasrat membawa keluarga untuk menetap di negara ini. Walau bagaimanapun setiap warganegara Brunei Darussalam sama ada menetap di Negara Brunei Darussalam atau di luar negeri akan diperkirakan sebagai *ordinary resident*.

Kemudian syarat-syarat tambahan:-

1. Ia mempunyai latar belakang kelayakan akademik yang bersesuaian yang dapat menyumbang pada perkembangan Sektor Swasta di negara ini;
2. Mempunyai sumber kewangan yang kukuh serta pengalaman dalam pengurusan perniagaan yang bakal dijalankan; dan
3. Telah menyediakan *business plan* yang lengkap dan mempunyai sumber kewangan bagi menjalankan perniagaan tersebut. Sekian Pehin. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Orang Kaya Haji Othman.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Pehin Pengerusi. Saya ada empat perkara yang akan dikemukakan:-

1. Ialah mengenai sara hidup walaupun di sebahagiannya dijawab oleh Menteri Kewangan II (Kedua). Tanpa kita sedari harga barang-barang keperluan dari masa ke semasa telah melambung naik dengan kadar 30% sehingga 40%. Sebagai contoh makanan dulu 2009 harganya \$1.00 sekarang \$1.40. Begitu juga susu manis tin kecil 70 sen sekarang sudah \$1.00 dan ikan sardin seumpamanya dulu tin kecil \$1.80 sekarang \$2.40, itu sebahagian daripadanya. Pada umumnya semua barang-barang import turut naik dalam lingkungan 30% ke 40%. Kenaikan harga barang-barang ini amat dirasakan oleh golongan berpendapatan rendah dengan keluarga yang ramai. Lebih perit lagi ialah mereka yang telah bersara tanpa pencen seperti guru-guru perempuan, kerani-kerani dalam bahagian IV dan V, open vote dan pekerja-pekerja bergaji hari.

Bagi membantu golongan yang disebut tadi dan sebagai penghargaan sumbangan mereka itu, semasa mereka berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sehingga ke umur 55 tahun, maka majlis

mencadangkan supaya mereka ini (golongan yang tidak berpencen) seperti bekas guru-guru, bekas kerani-kerani open vote dan bergaji hari akan diberi sara hidup khas bagi mengurangkan bebanan yang mereka hadapi pada masa ini;

2. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, ialah sistem amalan bayaran pencen yang ada pada masa ini kepada mereka yang berumur 55 tahun ke 70 tahun ialah 2/3 daripada gaji terakhir dan setelah menjangkau umur 71 tahun barulah mereka menerima pencen penuh. Memandang situasi semasa, kepada pihak berkenaan dicadangkan mengkaji semula peraturan pembayaran pencen yang diguna pakai pada masa ini. Bagi pegawai-pegawai kakitangan yang di kategori mendapat pencen perkhidmatan seperti askar, polis dan mereka yang berkhidmat sebelum 1993, disyorkan bayaran pencen penuh dibayar mulai berpencen ketika berumur 55 tahun dan seterusnya 15 tahun bagi yang meninggal dunia. Tujuan majlis mengemukakan cadangan ini adalah berpandu kepada fakta-fakta seperti berikut:-

- i. Apabila seseorang itu berpencen (berumur 55 tahun) ia kehilangan 1/3 peruntukan bulanan terutama sekali bagi mereka yang bergaji cukup-cukup makan iaitu \$2,000 ke \$3,000 kebawah;
- ii. Oleh kerana mereka baru berpencen, sukar untuk menambah sumber kewangan dari yang lain

- kerana pegawai-pegawai kakitangan kerajaan terikat kepada Peraturan Akta General Order seperti untuk mendapatkan lesen perniagaan;
- iii. Di kala itu berumur 55 tahun, kebanyakan mereka mempunyai anak dan tanggungan yang masih berada di bangku sekolah termasuk sekolah rendah, menengah bawah. Oleh itu, bagi mereka yang ramai anak, adalah sukar bagi menampung keperluan anak-anak mereka seperti pakaian, alat-alat pelajaran buku-buku teks dan komputer;
 - iv. Bagi mereka yang ada pinjaman rumah kediaman, sama ada kepada kerajaan ataupun bank, baksis mereka akan dipotong dan kadangkadangkang tidak ada diterima langsung disebabkan untuk membayar hutang rumah bagi yang menyertai Skim Perumahan; dan
 - v. Terdapat pegawai kakitangan kerajaan yang menerima pencen 2/3 ketika umur 55 tahun sampai 70 tahun tidak dapat menikmati wang pencen penuh mereka kerana meninggal dunia sebelum sampai umur 70 tahun.

Oleh itu, sekali lagi majlis mengesyorkan, peraturan yang ada sekarang dikaji semula demi untuk menjaga kesejahteraan mereka yang menempuh alam persaraan yang mencabar dan dari segi kewangan.

3. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, majoriti pembeli-pembeli kereta akan membuat pinjaman dengan pihak-pihak bank tempatan dalam negara ini dan dikenakan bayaran balik dengan kadar yang tinggi. Sebagai contoh, harga sebuah kereta baru \$30 ribu tunai, oleh kerana pembeli tidak mampu membayar tunai, maka mereka terpaksa meminjam wang bank dengan cara membayar balik beransur-ansur setiap bulan. Pinjaman akan dikenakan bayaran bulanan seperti sebanyak \$500 sebulan selama 7 tahun (84 bulan). Bayaran balik ini termasuklah bayaran perkhidmatan sebanyak 33% (1/3) daripada harga tunai sebuah kereta baru.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dengan kiraan bulanan \$500 sebulan dikali dengan 84 jumlah yang dibayar balik oleh peminjam ialah \$42 ribu daripada 33% (1/3) daripada harga tunai. Dalam hubungan ini, majlis mengharapkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya akan prihatin dan peka terhadap masalah yang ditanggung oleh peminjam. Mereka membeli sebuah kereta adalah untuk keperluan keluarga mereka, meminjam bank kerana terpaksa untuk membeli sebuah kereta bagi keperluan keluarga, demi kesesuaian dan kehidupan masyarakat di negara ini pada suasana masa kini.

Bagi masyarakat di negara ini, memiliki sebuah kenderaan adalah mustahak dan boleh dikatakan wajib kerana memiliki sebuah kereta adalah umpama sepasang kaki yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada seseorang

itu. Memiliki sebuah kenderaan banyak kegunaannya bagi seseorang atau sebuah keluarga seperti untuk datang ke tempat kerja, bagi mereka yang bekerja, untuk menghantar dan mengambil anak-anak sekolah dan lain-lain keperluan, demi kelangsungan kehidupan.

Untuk membantu kepada peminjam-peminjam bank bagi membeli sebuah kereta baru bagi mereka yang belum mempunyai kereta, benar-benar tidak berkemampuan atau berpendapatan rendah, kurang daripada \$2,000 sebulan atau bagi mereka yang baru mendapat kerja dan benar-benar memerlukan sebuah kereta, majlis mencadangkan supaya mereka ini atau kereta yang mereka beli itu akan dikecualikan cukai import, sekali seumur hidup. Hanya bagi kereta-kereta biasa sahaja, yang berharga \$40 ribu ke bawah dan bukan kereta mewah dan khasnya untuk rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan

4. Kita amat berbangga dan menyayangi negara kita iaitu Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini kerana negara kita sentiasa dalam keadaan aman, damai, tenteram dan harmoni dengan keadaan alam sekitar, udaranya bersih dan suasana yang tenang, pemandangan yang indah di mana hutan belantaranya masih menghijau dan semua rakyat bebas mencari rezeki masing-masing dengan cara halal. Bagaimanapun, keadaan seperti ini tidak akan kekal selama-lamanya atau berpanjangan jika rakyat dan penduduk

dalam negara ini kurang mengambil perhatian terhadap kebersihan harian sekeliling masing-masing. Sebagai contoh, terdapat sampah sarap masih dibuang di merata-rata tempat dan begitu juga dengan puntungan rokok ialah didapati dibuang di lantai tandas di pejabat-pejabat kerajaan padahal peringatan telah diberi oleh pihak tertentu malah ada di internet telah dikompaunkan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, yang membimbangkan kita, di majlis pada masa ini terdapat bangkai-bangkai kereta lama penuh sesak terutama di bengkel-bengkel kereta di seluruh negara dan ada bangkai-bangkai kereta disorok di jalan-jalan tertentu dan terbiar begitu sahaja. Majlis lebih bimbang lagi dengan kemasukan kereta-kereta *second hand* yang diimport ke negara ini untuk dijual kepada orang ramai. Kereta-kereta *second hand* ini banyak dipamerkan di sepanjang jalan yang kita lalui setiap hari.

Berdasarkan laporan *Brunei Automobile Trade Associations (BATA)*, majlis mendapat maklum bahawa jumlah kenderaan baru yang dijual setiap bulan adalah antara 1,200 hingga 1,300 dan ini tidak termasuk kenderaan terpakai yang diimport dari luar negara. Yang menjadi persoalan majlis sekarang, adakah permit atau kebenaran kereta-kereta baru dan terpakai itu, diperseimbangkan dengan kuasa pengguna (pembeli) di negara ini? Kerana penduduk di negara ini yang memerlukan kenderaan persendirian bagi pemahaman majlis adalah kira-kira 200 ribu ke 300 ribu buah bagi satu-satu masa iaitu dalam jangka 10 ke 15 tahun ataupun ke 20 tahun, barulah membeli

kereta baru. Tidak seperti barang-barang runcit, hari ini beli, esok atau lusa beli lagi barang yang sama.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam hubungan ini memandang kepada keadaan sekarang, di mana banyak kereta-kereta terpakai sama ada yang diimport dan yang terpakai dalam negara ini sepertimana yang dipamerkan di tempat-tempat tertentu yang mendatangkan kekhuatiran majlis ialah negara ini akan menjadi lambakan kereta-kereta terpakai dari luar, sedangkan kereta-kereta terpakai dalam negara sendiri wujud sepanjang masa.

Majlis berasa khuatir untuk jangka masa panjang 15 ataupun 20 tahun akan datang dan seterusnya, jika tidak ada kawalan dari sekarang negara kita Brunei Darussalam akan menjadi tempat pembuangan besi buruk. Bila keadaan begini berlaku sudah tentu akan menjejaskan keadaan alam sekitar negara kita dan yang menerima padah ialah generasi penduduk dan rakyat negara ini (anak-anak cucu kita dan cicit kita).

Majlis mengetengahkan perkara ini bukanlah bertujuan menghalang peniaga-peniaga berkenaan tetapi biarlah ada keseimbangan dengan keadaan semasa dan keperluan setempat, supaya tidak mendatangkan masalah kepada pihak berkenaan, seperti kemerosotan perniagaan kerana lebih import daripada keperluan semasa. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, oleh kerana soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu

adalah merupakan *multiple questions* maka saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan dengan yang demikian membolehkan pihak-pihak yang berkenaan di antara kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan memberi jawapan supaya merenung-renungkan dulu perkara-perkara yang telah diutarakan itu. Terima kasih.

Maka Majlis Mesyuarat selaku Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang sebagai Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perbincangan sepanjang pagi ini belum berganjak dari Tajuk Pertama, masih lagi Tajuk Pertama di senarai jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kewangan. Sekarang jam telah pun menunjukkan limpas sedikit dari 12 tengah hari, maka Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung pada jam 2.30 petang

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula masih lagi membahaskan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Pagi tadi Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan. Untuk membolehkan majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa sekarang menyambung perbincangannya mengenai Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan. Sekarang saya bukakan mesyuarat ini untuk perbincangan silakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk bercakap.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahir Rahim. Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat lainnya. Kaola ingin

menyentuh mengenai dengan *payment* yang melebihi *budget allocation*. Kalau sekiranya sesuatu projek yang sudah dilaksanakan dan tuntutan *payment* nya melebihi *budget allocation* tahun yang berkenaan, *payment* yang selebihnya menghadapi masalah pembayaran. Lazimnya dalam keadaan begini pihak *Implementing Department* akan memohon kepada JPKE untuk mendapatkan bajet tambahan dan JPKE akan memproses permohonan tersebut mengikut jangka waktu yang telah ditetapkan. Sesudah ada kebenaran JPKE akan memberi tahu jabatan berkenaan. Proses permohonan inilah yang kadangkala memakan masa yang lama. Adalah dicadangkan supaya pihak Kementerian Kewangan mengadakan satu *revolving fund* untuk tujuan ini. Kalau sekiranya ada *over spend* itu berlaku maka bolehlah digunakan *revolving fund* ini untuk membuat pembayaran sepenuhnya sementara menunggu kebenaran dari JPKE.

Kedua, projek-projek yang di dalam kawasan *high security*. Adalah disarankan agar projek-projek di dalam kawasan *high security* akan dapat dipastikan ditawarkan kepada syarikat-syarikat benar-benar bumiputera. Yang mana pekerja-pekerjanya adalah majoriti bumiputera. Ini adalah untuk menghindari supaya maklumat ataupun sebarang *security information* di kawasan-kawasan berkenaan tidak keluar daripada negara ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan pada pagi tadi oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya dan insya-Allah kaola jua akan menjawab nanti soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos. Pada pagi tadi banyak soalan yang dikemukakan yang kaola kumpulkan di sini adalah kira-kira 5 soalan:-

1. Mengenai dengan pembayaran pencen penuh yang mana dicadangkan supaya ianya diawalkan. Kalau kaola tidak silap perkara ini telah pernah ditimbulkan dan telah pernah dijawab sepenuhnya semasa Majlis Mesyuarat yang bersidang 14 Mac 2009. Walau bagaimanapun bagi menjelaskan lagi perkara ini, sukacita saya terlebih dahulu ingin mengongsikan maklumat mengenai dengan keistimewaan pencen yang dinikmati oleh mereka (berjawatan pencen dalam pada masa ini). Apabila pegawai yang memegang jawatan yang berpencen bersara apabila mencapai usia setelah 55 tahun, perkiraan pencen akan dibuat Jabatan Perbendaharaan berdasarkan peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur perkiraan yang berkuat kuasa pada waktu ini. Pegawai atau kakitangan yang di dalam jawatan yang berpencen akan diberi dua pilihan dalam pengendalian pencen masing-masing.
 - i. lalah pesara boleh memilih untuk menerima bayaran pencen penuh tanpa sebarang potongan mulai dari awal persaraan mereka jika mereka memilih untuk tidak menerima bayaran baksis pada awal persaraan mereka tersebut; atau
 - ii. Pesara boleh memilih untuk menerima bayaran baksis pada awal persaraan mereka yang mana adalah merupakan bayaran pencen secara pendahuluan yang diperkirakan berdasarkan kepada 25% dari pencen bulanan yang bakal diterima bagi tempoh 15 tahun persaraan. Oleh itu apabila seorang penerima pencen mencapai tempoh 15 tahun setelah persaraan mereka, pada lazimnya ketika umur 70 tahun bagi mereka yang bersara apabila berusia 55 tahun, pembayaran pencen bulanan akan dihulurkan pada kadar pencen penuh seperti yang diterima oleh pesara-pesara yang memilih *option* pertama tadi. Pada kebiasaannya semua pesara berkecenderungan untuk memilih *option* kedua. Kerana ingin menikmati jumlah baksis yang banyak sebagai *reward* peribadi setelah berpuluh-puluh tahun berkhidmat. Kerana itu, jika seorang pesara mencapai umur 70 tahun ianya akan menerima pencen penuh seperti pilihan yang kedua yang telah saya sebutkan tadi. Pada masa ini majoriti pihak yang terlibat tentunya akan

memilih untuk menerima jumlah baksis yang lebih tinggi kerana ianya boleh dilaburkan untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik sebahagian juga dapat digunakan oleh pesara-pesara sebagai modal membuka perniagaan atau bagi perkara-perkara yang difikirkan perlu.

2. Soalan kedua mengenai dengan potongan baki hutang pinjaman rumah ditolak habis dari baksis. Sebenarnya senario ini lazimnya berlaku kepada pemohon yang baki perkhidmatannya kurang dari 15 tahun sebelum tarikh persaraan. Peraturan ini adalah berpandukan kepada Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan bilangan 24/1980, di mana pinjaman hendaklah dibayar balik dalam tempoh yang tidak lebih dari 15 tahun atau pada tarikh pegawai itu bersara. Kadar bayaran balik biasanya tidak lebih 1/3 dari gaji pegawai tersebut. Jika pembayaran balik pinjaman rumah tidak dapat dikutip keseluruhannya sehingga umur persaraan 55 tahun. Baki pinjaman rumahnya akan dikutip dengan cara memotong habis dari baksis perkhidmatan dan jika jumlah baksis tidak dapat menampung keseluruhan baki pinjaman rumah berkenaan, maka baki selebihnya akan dikutip dari bayaran pencen bulannya. Kutipan-kutipan ini telah pun dipersetujui dengan pemohon semasa permohonan awal dibuat dan hendaklah dibuat mengambil kira jika ianya tidak dibuat akan menambahkan lagi tunggakan-tunggakan kerajaan yang mana saya telah menerangkan tunggakan-tunggakan perumahan adalah

sebanyak \$20.5 juta dan kalau kita tidak lagi memotong mungkin ianya akan bertambah.

3. Mengenai dengan isu kawalan kemasukan kereta terpakai. Sebenarnya kerajaan memang sangat peka ke atas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi terutama kekhawatiran yang negara ini mungkin menjadi *dumping ground* bagi kereta terpakai sepertimana yang dimaklumi kerajaan sudah mengawal kemasukannya pada masa ini. Ianya adalah dikawal oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui pemberian lesen yang diberikan kepada syarikat yang dibenarkan. Sementara itu, Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, bertanggungjawab untuk mengawal kemasukan kereta terpakai menurut prosedur yang dikenakan pada masa ini yang termasuk permohonan untuk *approval permit* bagi *import* kereta terpakai. *Approval* ini hendaklah diperolehi terlebih dahulu dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan beberapa syarat dikenakan. Syarat-syarat tersebut antaranya termasuklah:-

- i. Memastikan pengimport memiliki lesen perniagaan yang sah untuk mengimport kereta terpakai;
- ii. Kereta yang diimport hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Perangkutan Darat, Kementerian Perhubungan tertakluk kepada pemeriksaan teknikal, *specification* yang diluluskan;

- iii. Untuk makluman Yang Berhormat jua, mengikut data yang terdapat ketika ini, sejumlah 3,291 buah kereta terpakai telah diimport ke negara ini pada tahun 2010 berbanding dengan 14,435 unit kereta baru pada tahun 2010. Apa yang perlu dilaksanakan ialah kita hendaklah mengambil pendekatan yang seimbang dalam menangani kemasukan kereta terpakai ini sepertimana yang diketahui bersama oleh umum, harga kereta terpakai ini sangatlah kompetitif ianya sangat popular dan ramai yang mampu untuk membelinya berbanding dengan kereta-kereta yang baru. Jadi kita perlulah memberi pilihan sedemikian kepada orang ramai mengikut peraturan yang sudah berkuat kuasa pada masa ini terutama dalam memastikan keselamatan penggunaan jalan raya; dan
- iv. Mengenai cadangan untuk mengecualikan cukai import bagi kereta yang berharga \$40,000.00. Kita memikirkan bahawa cadangan bagi pengecualian cukai import kereta di bawah \$40,000.00 ini perlulah kita teliti secara berhati-hati. Sepertimana yang dimaklumi kita perlu bersyukur, bahawa kadar cukai import bagi kereta di negara ini masih di tahap lebih rendah berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini. Ada negara yang mengenakan cukai import kereta melebihi 100% sehingga mencecah ada yang 300%. Sementara negara

lain juga meskipun mengenakan cukai import sebanyak 20% tetapi beberapa biayaan tambahan juga dikenakan seperti biaya *certificate of entitlement* dan yuran tambahan pendaftaran sehingga 130% dari harga pasaran kereta. Meskipun kadar cukai tersebut masih rendah hanya sebanyak 20% namun ianya juga menyumbang pada hasil pendapatan negara dari cukai eksais. Jika cukai import ditiadakan sudah setentunya pendapatan kerajaan akan mengalami kemerosotan yang ketara bagi pendapatan-pendapatan dari sektor bukan minyak dan gas yang mana dalam pembentangan kertas kerja sektor-sektor ini daripada cukai dan perkhidmatan kerajaan masih lagi mendatar setiap tahun dan kita masih lagi berpegang penuh kepada pendapatan dari minyak dan gas sehingga 90%.

Jadi kita sama-samalah cuba berusaha untuk mengurangkan penggantungan pada hasil yang bersumber dari sektor minyak dan gas ini. Mengenai dengan langkah-langkah kerajaan yang telah diambil untuk mempercepatkan bayaran, banyak sudah langkah-langkah yang dilaksanakan. Misalnya Jabatan Perbendaharaan berjaya memendekkan tempoh Tekad Pemeduliaan Orang Ramai dari 14 hari kepada 5 hari. Tempoh bagi menjawab *query-query Sub-Treasury Officer* telah dipercepatkan dengan cara pihak STO menghubungi secara bertelefon kepada kementerian, jabatan yang berkenaan dan STO juga telah ditekankan untuk bersikap

proaktif menangani sebarang masalah berhubung dengan proses pembayaran. Jabatan Perbendaharaan dengan kerjasama pihak *BAG Networks Sdn Bhd* akan menggunakan *invoice tracking system* melalui *system TAFIS* bagi mengesan invois-invois bayaran. Mungkin apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu ada dua *exclusive case*, oleh itu saya ingin kiranya Yang Berhormat tadi akan dapat memberikan *detail-detail* tuntutan-tuntutan yang terlibat supaya Kementerian Kewangan dan Jabatan Perbendaharaan akan dapat membuat tindakan segera untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Mengenai dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos bin Mohd. Noh mengenai dengan *revolving fund*, kita menghargai saranan-saranan ini tapi apa yang ada pada waktu ini *payment* yang melebihi *budget allocation* sebenarnya sekiranya ianya tidak melebihi daripada harga rancangan memang prosesnya tidak lama juga. Asalkan ia dipohonkan.

Dan mengenai dengan projek yang di dalam *high security*, barangkali perkara ini akan diambil maklum tapi beberapa projek-projek memang sudah diamalkan perkara-perkara ini supaya mana-mana yang berbentuk sekuriti ianya akan tangani oleh pihak jabatan-jabatan yang berkaitan dengan sekuriti dan ianya seboleh-bolehnya kita akan melantik syarikat-syarikat yang berkebolehan dari golongan-golongan yang pekerja-pekerjanya terdiri daripada bumiputera. Cuma masalahnya dari segi praktikalitinya ada syarikat-syarikat tersebut, inda banyak yang mempunyai

pekerja-pekerja bumiputera tapi perkara ini diambil maklum dan dihargai cadangan-cadangan sedemikian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, koala ingin jua menumpang bertanya:-

1. Mengenai dengan mereka yang diberi lesen membawa masuk kereta yang terpakai, adakah dihadkan bilangan kereta yang boleh diimport masuk;
2. Apa umurnya yang paling tua bagi kereta yang terpakai itu boleh dimasukkan; dan
3. Bilangan lesen-lesen yang dikeluarkan itu adakah terhad kepada mereka yang telah mendapatnya ataupun adakah statik ataupun bertambah atau berubah tahun-tahun bilangan orang yang diberikan lesen mengimport kereta yang telah dipakai? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Oleh kerana pihak berkuasa untuk membenarkan ataupun melesen syarikat-syarikat yang mengimport kereta-kereta terpakai ini adalah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Jadi kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk menjemput Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk menjawab soalan.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekiranya Yang Berhormat Pehin dapat menjawab,

silakan, kalau anda kemudian pun boleh jua menjawab.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Boleh, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kalau dapat kaola jawab dulu yang kedua itu. Lesen masa ini semenjak tahun 2005 telah dibekukan bagi *dealer*. Bagi *sub-dealer*, anda lagi dikeluarkan tahun lepas, sejauh ini cuma dalam 6 lesen dikeluarkan bagi kereta-kereta terpakai. Mengenai dengan jumlah kereta umumnya itu tidak ditetapkan. Tetapi pada masa ini, memandangkan *concern* mengenai dengan kesan-kesan kepada pencemaran alam dan sebagainya. Isu-isu umur, isu-isu harga juga akan dipantau oleh jawatankuasa yang abis koala jaga pada masa ini.

Dan juga ada satu jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk mengawal premis-premis di luar daripada yang dibenarkan lesen yang abis kaola berikan. Yang *dealer* dan *sub-dealer* itu juga masa ini telah ditubuhkan satu jawatankuasa yang mengandungi agensi-agensinya daripada kerajaan, Jabatan Tanah, Perancang Bandar dan Desa, Bandaran dan sebagainya, untuk memastikan mereka ini tidak melanggar undang-undang tanah dan undang-undang yang ada pada masa ini di Brunei. Jadi itu saja barangkali Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato

Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, kaola ingin jua memberikan pandangan sedikit dan mudah-mudahan saja penerangan yang kaola berikan ini akan dapat menolong. Dalam dasar Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat memanglah untuk menghadkan penggunaan kereta-kereta yang terpakai, kerana beberapa sebab:-

1. Kita kluatir Negara Brunei Darussalam akan menjadi *dumping ground* bagi kereta-kereta yang terpakai ini;
2. Untuk memastikan keselamatan, kereta-kereta yang ada menggunakan jalan raya Brunei, kerana kereta-kereta baru yang masuk adalah diperiksa dengan begitu rapi, ertinya mana-mana kereta yang masuk mestilah *submit* satu *sample* untuk diperiksa. Manakala kereta masuk secara terpakai ini terpaksa diperiksa *practically* tiap-tiap buah; dan
3. Untuk menjaga kepentingan orang ramai, kerana kereta-kereta yang masuk kereta terpakai ini kadang-kadang tidak dapat dipastikan *after sales servicesnya*. Jadi seperti yang diterangkan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, inilah yang dijaga atau diteliti oleh jawatankuasa ini. Dalam dasar yang ada pada masa ini ialah menghadkan kereta yang terpakai itu tidak melebihi 3 tahun. Ada kadang-kadang Jabatan Pengangkutan Darat menerima *exceptionally* kereta-kereta terpakai, tapi bukanlah sebagai satu *norm* yang sudah melebihi umur ini, tetapi penggunaan kereta ini adalah

sebagai kadang-kadang *emotional value*, kadang-kadang sebagai *special vintage car*, Jadi pertimbangan tentang perkara itu sama juga diperiksa dan dipastikan bahawa ia kalau ia menggunakan jalan raya, ia akan selamat.

Sebagai pandangan kaola saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi, *pengimportan* kereta-kereta terpakai ini yang *general*, bukan yang *special* ani, adalah sebagai respons kepada permintaan orang ramai. Jadi sebagai satu agensi kerajaan yang menjaga penggunaan ini, Jabatan Pengangkutan Darat terpaksa mengambil beberapa langkah pemantauan ini untuk memastikan pengguna-pengguna yang lain itu terjaga. Ertinya kalau sekiranya kereta yang terpakai itu tidak dapat ditentukan *road worthiness* dan sebagainya ini akan tentunya menyulitkan segala perkara-perkara mengenai keselamatan, mengenai *emission* dan perkara-perkara yang melibatkan keselesaan orang ramai.

Malah kalau kita lihat di beberapa buah negara, jangantah kaola menyebutkan negaranya, negara-negara ini menggunakan *surcharge* untuk memasukkan kereta-kereta terpakai ini kerana kesulitan yang dihadapi ini. Jadi sebagai satu pemikiran dan pertimbangan yang baik, adalah lebih baik jangantah kitani masukkan kereta-kereta terpakai ini kalau boleh.

Tetapi saya/kaola berasa hari ini gembira Yang Berhormat Pehin Pengerusi kerana rasa kaola ada *support* daripada Yang Berhormat rakan-rakan kitani yang usulnya kan *melimit* kereta terpakai ini. Kaola berasa

syabas dan gembira kerana langkah ini usulnya dapat sokongan dari rakan-rakan kitani yang selalunya kalau kitani kan melarang kereta terpakai ini banyak sungutan bahawa kerajaan ini kadang-kadang mengambil dasar yang boleh menyusahkan orang ramai. Jadi alhamdulillah sudah ada kesedaran ini dari pihak kalau kan dikira wakil rakyat, alhamdulillah. Jadi kaola berasa gembira sehari ini sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Pehin Menteri Perhubungan. Perkara kereta *secondhand* ini ialah satu masalah yang *very complicated issue*. Tapi dalam undang-undangnya dulu pada dalam tahun 70, masa itu kaola ialah seorang, *one of the imported car*. Masa tu *the government was under State Secretary* Pehin Aziz, he banned the *reconditioned secondhand car*. *Kenapa, how come the used car can come back again? this is the question.*

Yang kedua ialah yang patutnya kereta yang berumur 3 tahun, tapi kami tahu kereta itu lebih 3 tahun, ada 6 tahun, ada itu 7 tahun, kerajaan mesti tahu yang kereta ini betul-betul 3 tahun. Dan kami pun dulu-dulu ada membincangkan bersama Setiausaha Tetap MIPR, orang-orang kami berunding *initially, we were willing to* menolong *to satisfy* misalnya *Toyota*. Kami boleh beritahu sama

Toyota Factory kereta ini berapa umurnya. *For example* kereta Mitsubishi, kami pun boleh tolong MIPR menyatakan berapa umurnya. Ia tah masalahnya jangan ianya, jangan benarkan orang-orang jual *secondhand*, semuanya orang-orang luar. Jangan tah diorang-diorang tu menipu orang Brunei. Ia tah masalah ni bah. Kalau diorang beli kereta baru *it is genuine car, they got warranty card, if anything happened to the car the factory will recall back*, macam diorang in da tu. Ia tah harapkan Pehin, satu pengumuman patut dibuat dengan menyatakan *it is not very encouraging about imported used car, I also fully support him*.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Pehin, tetapi mengenai dengan penjual kereta yang menjual kereta umur 5 tahun dikatakannya 3 tahun, saya berpendapat itu dapat didakwa kerana *misrepresentation* atau *fraud*, itu terpulanglah kepada pihak undang-undang. Terima kasih. Yang Berhormat Haji Shafiee

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi saya cuma ada satu untuk menambah cadangan saya yang pagi tadi. Bahawa peraturan pada masa ini di mana kakitangan sektor awam dan swasta akan bersara apabila berusia 60 tahun dan caruman TAP dan SCP mereka akan dikeluarkan. Tetapi ada sesetengah kakitangan ini terutama yang bergaji hari akan diambil balik semula bekerja berkhidmat apabila perkhidmatan mereka masih diperlukan sehingga mereka mencapai usia 65 tahun.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan dapatkah dipertimbangkan satu *option* untuk membolehkan mereka ini meneruskan caruman-caruman SCP sehingga usia 65 tahun. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ingin jua saya memberi pendapat, sebenarnya kitani ani mempertimbangkan Kementerian Kewangan. Tetapi soalan-soalan dan pendapat-pendapat yang dinyatakan itu melarat kepada pengangkutan pada besi buruk, pada *environment* dan seumpamanya, Jadi saya memohon apa kiranya kitani tumpukan perbincangan ini kepada tajuk-tajuk di Kementerian Kewangan, yang lain itu nanti dapat ditimbulkan bila masanya dan tempatnya sesuai. Terima kasih. Silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Kaola mengucapkan terima kasih jua di atas cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu bagi memanjangkan lagi SCP daripada umur 60 tahun ke 65 tahun. Sepertimana yang kita ketahui bahawa SCP ani adalah satu peraturan yang baru saja diperkenalkan. Jadi memanglah satu yang diperkenalkan itu apabila ianya dipertimbangkan pada peringkat awal maka difikirkan 60 tahun itu adalah umur yang munasabah. Walau bagaimanapun jika sekiranya ada keperluan untuk menganjakkan itu memanjangkan umur SCP itu dari 60 tahun ke 65 tahun perkara ini akan diambil kira dan akan dibuat penelitian dan pertimbangan bagaimana cara

untuk memanjangkannya. Jadi perkara ini adalah diambil maklum Yang Berhormat Pehin dan terima kasih di atas pandangan yang diberikan itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ada beberapa soalan mengenai isu kewangan tadi pehin yang kini diambil alih oleh *Authority Monetary Brunei Darussalam* jadi izinkan kaola selaku Timbalan Pengerusi AMBD untuk menjawab soalan-soalan berkenaan:-

1. Dengan direktif mengenai pinjaman peribadi 2005 dan direktif mengenai kad kredit. Direktif tersebut adalah kalau kaola boleh ibaratkan, ibarat ubat yang pahit bah yang perlu ditelan demi kesihatan seseorang itu *is like bitter pill to swallow* lah maksudnya tu. Dan ia bukanlah bertujuan untuk menyusahkan rakyat jelata. Direktif pinjaman peribadi 2005 itu pada misalannya adalah bagi mendorong ke arah diversifikasi pinjaman kepada sektor-sektor produktif seperti perumahan dan perdagangan yang buat pada masa ini sebelum direktif itu dikeluarkan kebanyakan pinjaman-pinjaman peribadi adalah untuk membeli perabot, untuk bercuti keluar negeri dan untuk membeli barang-barang mewah jadi dengan adanya direktif itu adalah diharapkan

pinjaman-pinjaman untuk tujuan-tujuan tersebut itu berkurangan; dan

2. Adalah untuk menyemai sikap berjimat cermat dan memupuk budaya menabung di kalangan orang ramai seterusnya bagi mengelak orang ramai daripada terjebak di dalam hutang yang membebankan secara berterusan (*debt circle*) yang inda pandai selesai ini. Dan seterusnya mengelakkan bank-bank daripada menumpukan perniagaan perbankan kepada aktiviti-aktiviti *retail banking* sahaja seperti penyimpanan *deposit* dan pemberian pinjaman semata-mata untuk menggalakkan mereka menerokai urusaniaga dan *fee business* seperti *cooperate advisory, cooperate finance, investment management, investment fund* dan sebagainya. Jadi sebab itulah pengeluaran direktif itu dikeluarkan.

Pembiayaan peribadi adalah dikawal seperti yang telah pun dilaksanakan iaitu bank-bank termasuk Perbadanan TAIB perlu mengurangkan jumlah hala tuju pinjaman peribadi kepada 30% daripada keseluruhan pinjaman dalam tempoh 5 tahun dan kemudian kelayakan pembiayaan dihadkan kepada 12 kali sebelum itu 35 kali ataupun 35 hingga 55 kali gaji bersih seseorang itu boleh berhutang kemudian tempoh maksima pembayaran balik ialah 6 tahun dan *topping up* hanya dibolehkan kepada peminjam yang telah melunaskan sebanyak 75% daripada jumlah pinjamannya. Hasilnya daripada direktif berkenaan kalau Mac 2005 pinjaman

peribadi berjumlah \$3.7 billion 3740.00 dan peratus pendedahan ertinya orang yang berhutang adalah 64% kemudian pada tahun 2010 ini, Disember 2010 pinjaman peribadi hanyalah \$2,448.000.000 sementara peratus pendedahan ialah 43%. Jadi ini nampak satu kebaikan kepada negara, ertinya orang yang berhutang itu makin berkurangan.

Mengenai dengan peraturan perbankan mengenai pengeluaran kad kredit dikeluarkan ini tujuannya ialah untuk meningkatkan pengawalan terhadap bank-bank yang mengeluarkan kad kredit di negara ini. Mengawal penggunaan kad kredit oleh orang ramai yang berpendapatan rendah bagi mengelakkan beban hutang piutang yang tinggi di negara ini kerana trend bagi penggunaan kad kredit ini yang digunakan adalah seperti berikut bayaran minima bulanan yang rendah iaitu antara 22 hingga 5% daripada baki bulanan hutang kad kredit melibatkan caj faedah yang tinggi kepada pemegang kad kredit dan mengambil masa yang panjang untuk menjelaskan baki hutang kad kredit sepenuhnya. Kemudian ada juga terdapat fenomena yang orang itu memiliki *multiple credit cards* jadi dengan adanya peraturan ini akan mengurangkan seseorang itu daripada memiliki terlalu banyak kredit kad. Seterusnya kemudahan kad kredit juga boleh dengan adanya kemudahan kad kredit

seseorang itu boleh mengeluarkan *cash advance* melalui atm mesin dan dengan

adanya kemudahan ini maka orang yang ingin beusin pun boleh mengeluarkan wangnya daripada atm dan akibatnya lebih banyak lagi ia berhutang dalam kad kredit kad itu. Jadi itulah antara langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk mengawal orang ramai daripada berhutang daripada menggunakan kad kredit selarah-larahnya. Hasil daripada kesan direktif kad kredit ini, kalau dulu Disember 2009 *roll over balance* daripada kad kredit ini adalah \$335,865,000.00. Pada Disember 2010 ini ia hanya sejumlah \$199,904,000.00 ertinya ada perubahan \$165,000,000.00 (49.4%) kurang daripada setahun sebelumnya.

Begitu juga *non performing credit card*, kalau dulu jumlahnya \$10 juta kini hanya \$4 juta dan *number credit card* yang di *issue*, kalau dulu 172,102 ribu kad sekarang ini yang dikeluarkan hanyalah 89,025 ribu kad saja yang dikeluarkan kredit kad jadi dengan langkah-langkah ini, alhamdulillah walaupun dari awal memanglah sebagai satu ubat yang pahit ditelan tetapi akhirnya kebaikan yang diterima adalah untuk rakyat jelata jua. Sekian, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, tadi Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini walaupun

telah dijawab oleh Menteri Kewangan sebagai wakil dari daerah terpaksa jua kaola suarakan dalam Dewan Majlis yang mulia ini iaitu mengenai dengan sara hidup. Sepertimana yang kita maklum bahawa dalam syarikat swasta terdapat pekerja-pekerja dan kakitangan terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memperolehi gaji \$500.00 sebulan dan ada pula yang memperolehi \$250.00 sebulan ini bahagian rendah. Kalau kaola melihat bahawa mereka ini adalah juga penyumbang membangun negara ini. Kaola berpendapat bahawa keperluan hidup masa ini sesungguhnya tinggi berbanding pada tahun 70an.

Yang Berhormat Pehin, kaola berharap bahawa kerajaan akan memikirkan semula supaya mereka ini diberi juga elaun sara hidup sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingin bercakap. Silakan Pehin Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Kaola mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih di atas saranan Yang Berhormat tadi dan perkara ini perlulah kitani teliti secara mendalam dan berhati-hati sebagaimana yang kaola sudah terangkan tadi, komitmen-komitmen dan

sustainability yang perlu kita fikirkan dari masa ke semasa. Kerana apa yang kita lihat di sini, jumlah yang bertugas di sektor swasta ialah kira-kira 65,950 orang. Jadi kalau kita bandingkan dengan kerajaan pun nampak-nampaknya sama.

Kalau sudah tadi kaola telah memberikan jumlah-jumlah berapa yang perlu kerajaan tampung untuk membiayai elaun-elaun tersebut, nampak-nampaknya kalau kedua-dua elaun tersebut di tempatkan ialah sebanyak \$240 juta setahun. Jadi bagaimana yang kaola nyatakan tadi, insya-Allah perkara ini kita akan teliti secara menyeluruh mengikut kemampuan dan keutamaannya. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Pehin. Minta maaf sekali lagi *to take the floor*. Ada soalan tadi mengenai dengan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan, maksudnya *Authority Monetary Brunei Darussalam* barangkali dalam hal ini?

Bagi mengatasi pemegang-pemegang kad kredit yang tidak berkeupayaan untuk menjelaskan bayaran bulanan pinjaman khas bagi menyelesaikan hutang kad kredit dalam tempoh 36 bulan. Jadi sebelum kitani berpindah tajuk barangkali, elok jua kaola menjawab.

Sememangnya kesemua bank yang mengeluarkan kad kredit hendaklah mematuhi direktif kad kredit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Antara lainnya termasuk menyelesaikan hutang kad kredit dalam tempoh 36 bulan. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa telah difahami, ada sebilangan bank yang mengambil inisiatif mereka sendiri untuk membenarkan pemegang-pemegang kad kredit yang tidak berkemampuan untuk membuat jumlah bayaran bulanan mengikut kemampuan masing-masing.

Jadi mulai bulan Februari 2011 ini, pihak Jabatan Regulatory AMBD telah memulakan pemeriksaan *on-site*. Kesemua bank berlesen yang mengeluarkan kad kredit untuk meneliti dengan lebih terperinci kesan-kesan direktif kad kredit terhadap pemegang-pemegang kad kredit seperti ketidakmampuan mereka untuk menyelesaikan bayaran bulanan masing-masing. Dan pihak AMBD akan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh pemegang-pemegang kad kredit tersebut. Jadi perkara ini dalam pemerhatian AMBD dan apa-apa langkah yang bersesuaian mungkin akan diambil bagi membantu meringankan orang yang tidak dapat membayar hutang dalam 36 bulan itu Yang Berhormat Pehin. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar soalan-soalan dan saranan-saranan dari Yang Berhormat Ahli-Ahli sebelah sini dan kita juga telah mendengar jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan. Jadi saya

fikir bagi perkara Tajuk pertama ini puas sudah dibahaskan sampai melarat ke perkara-perkara lain, ada baiknya diundi sama ada dipersetujui atau tidak Tajuk SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan. Semua bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju).

Maka Tajuk SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja saya bukakan untuk perbincangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola cuma ada satu soalan saja. Iaitu, alhamdulillah bangunan lama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Kuala Belait telah pun diroboh dan kini kawasan tersebut kosong.

Untuk memanfaatkan kawasan tersebut ke arah menjana ekonomi negara. Saya ingin bertanya, apakah perancangan Jabatan Kastam untuk tapak tersebut. Jika tidak ada perancangan, saya sukacita mencadangkan supaya kawasan tapak tersebut diserahkan kepada Jabatan

Bandaran Kuala Belait dan Seria untuk dimajukan bagi membisakan lagi kawasan Pekan Kuala Belait. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin dan terima kasih jua Yang Berhormat mengenai dengan cadangan tersebut.

Sebenarnya memang ada sudah perancangan yang dibuat untuk kegunaan Bahagian Pencegahan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Daerah Belait. Pada waktu ini perancangan-perancangan awal telah pun dibuat dan insya-Allah apabila sudah *design* dan spesifikasi bangunan tersebut dapat *didetermine* maka insya-Allah pembinaan-pembinaan ataupun tawaran-tawaran akan dibuat pada tahun 2012, insya-Allah. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Walaupun kita sedari bahawa pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dibantu oleh agensi-agensi kerajaan yang lainnya. Nampaknya *availability* minuman keras masih lagi berleluasa.

Walaupun pihak-pihak yang berwajib untuk mencegah kemasukan minuman tersebut secara haram telah berusaha dengan susah payah untuk mencegahnya. Risiko-risiko minuman keras kepada *society* kita di antara lain ialah seperti berikut:-

1. Kadar penderaan isteri dan anak-anak adalah meningkat;
2. Gangguan kepada orang ramai dan pergaduhan di antara belia-belia disebabkan dipengaruhi minuman keras; dan
3. Kemalangan jalan raya disebabkan mabuk meminum minuman keras semasa memandu semakin bertambah dan ada di antaranya juga telah mengakibatkan kematian kepada orang-orang yang tidak berdosa.

Saya berharap pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mencegah kemasukan minuman keras secara haram akan dapat memperlipatgandakan lagi usaha mereka untuk menghalang penyeludupan ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Terima kasih jua di atas cadangan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos.

Memang usaha-usaha giat dibuat untuk mengetatkan lagi kawalan-kawalan. Dan untuk makluman, jua pada tahun 2010, tangkapan yang dibuat bagi minuman keras adalah sebanyak 326 kes. Dan insya-Allah, sebagaimana yang saya maklumkan tadi, pada waktu ini Kementerian Kewangan dan jua Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah pun membuat dan membincangkan strategi-strategi tertentu untuk memperkesakan lagi kawalan-kawalan ke atas barang-barang kawalan yang dimaksudkan di sempadan-sempadan dan jua di mana-mana tempat. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Mengenai dengan kemalangan-kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu-pemandu yang mabuk, mungkin juga *interesting* kalau ada statistik menunjukkan dari jumlah kemalangan jalan raya, tahun-tahun berapa *proportionnya* yang disebabkan pemandu-pemandu yang mabuk kerana meminum minuman keras.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Abis kaola ingin bertanya sedikit, di Pos Kawalan Kuala Lurah abis kaola jarang melihat kenderaan pengesan iaitu kenderaan pengesan barang-barang berbahaya dan barang-barang yang dilarang. Jadi apakah sebab-sebab kenderaan tersebut jarang digunakan atau jarang dilihat di pos-pos kawalan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Memang kenderaan-kenderaan itu ada juga tapi waktu ini dalam bajet yang kita bincangkan ini, satu daripadanya ialah untuk membeli kereta-kereta pengimbas kawalan tersebut, kaola meminta kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyokong sepenuhnya cadangan-cadangan tersebut dan mengangkat tangan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Maksud Yang Berhormat Pehin ada di dalam ani, jadi Pehin meminta sokong. Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka Tajuk SDO3A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, kalau tidak ada tentangan ada baiknya diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SDO3A – Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD05A – Jabatan Perbendaharaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan saya bukakan untuk perbahasan.

Yang Berhormat Pengerusi: Oleh kerana tidak ada Ahli-Ahli yang ingin mahu bercakap mengenai Tajuk ini dan oleh kerana nampaknya tidak ada tentangan Tajuk SD05A – Jabatan Perbendaharaan diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan dijadikan sebahagian

daripada Jadual. Tajuk SD05A – Perkhidmatan Rampaian.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SD05A – Perkhidmatan Rampaian saya buka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Pengerusi: Oleh kerana tidak ada Ahli-Ahli ingin membahaskannya maka saya fikir baiklah Tajuk ini diluluskan SD05A – Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SD05A – Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD06A – Jabatan Perbekalan dan Stor Negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SDO6A – Jabatan Perbekalan dan Stor Negara dibuka untuk perbahasan. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebagai langkah berjaga-jaga dalam menjamin keselamatan makanan utama *food security* cukup rakyat di negara ini, saya pada Permesyuaratan Keenam tahun 2010 pernah menyuarakan tentang kerjasama dengan negara ASEAN yang lain selain dari Negara Thailand bagi membekalkan keperluan beras.

Kalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menyatakan bahawa usaha-usaha ke arah itu sedang difikirkan dan dirancang kesesuaiannya. Saya ingin mengetahui akan status usaha

dan perancangan kerajaan mengenai perkara tersebut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan jua terima kasih di atas soalan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya perkara ini telah pun dilaksanakan dan alhamdulillah kita telah pun menjalin kerjasama dengan Vietnam dan Cambodia dan kita telah pun mengimport beras-beras dari Vietnam dan setakat ini beras-beras tersebut dijual di gedung-gedung perniagaan. Di samping itu Cambodia, kita masih berunding disebabkan fasilitis pengimportan di Cambodia masih lagi belum selesai pada tahun lepas insya-Allah pada tahun ini ianya akan dapat diselesaikan. Itu saja Pehin. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Abis kaola ingin menambah sedikit apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat di sebelah tadi. Ingin mengetahui berapa lama kah rakyat di seluruh Negara Brunei Darussalam ini boleh menampung perbekalan seperti beras yang ada sekarang ini, jika terjadi apa-apa hal berlaku di negara-negara yang mendatangkan seperti bekalan beras dan lain-lain di negara kita ini, kerana pergolakan negara di akhir-akhir ini memanglah apa saja boleh

terjadi seperti bencana alam dan sebagai. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin, insya-Allah stok-stok kita insya-Allah memang mencukupi Yang Berhormat Pehin dan ditambah lagi dengan stok-stok yang ada daripada penanaman padi negara walaupun ia sedikit tapi sekurang-kurangnya dapat menampung keperluan-keperluan kita. Insya-Allah kalau mahu *detailnya* saya akan nanti karang berjumpa dengan Yang Berhormat supaya perkara ini dapat diterangkan secara *detail*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Maka Tajuk SD06A – Jabatan Perbekalan dan Stor Negara jika tidak ada tentangan diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SD06A – Jabatan Perbekalan dan Stor Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD08A – Perkhidmatan Rampaian HMSF.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SD08A – Perkhidmatan Rampaian HMSF saya bukakan untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu mengemukakan pandangan mengenai dengan Tajuk ini dan saya anggap tidak ada bantahan maka Tajuk SD08A – Perkhidmatan Rampaian HMSF diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SDO8A – Perkhidmatan Rampaian HMSF dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat Alhamdulillah kita telah selesai membincangkan Kementerian Kewangan. Sekarang kita berpindah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri saya bukakan untuk dibahaskan. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan pemasaran produk satu kampung satu produk. Konsep satu kampung satu produk yang berjalan pada masa ini melalui Majlis Perundingan kampung seluruh negara telah memberikan kesan yang positif terhadap perekonomian perusahaan sesebuah kampung. Kaola ingin bertanya apakah sudah ada di dalam perancangan dan cadangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk lebih memajukan satu kampung satu produk dengan satu agensi pemasaran atau *marketing agency* yang bertanggungjawab dalam hal ehwal promosi dan pemasaran produk-produk tempatan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, kaola sukacita dan terima kasih kepada Yang

Berhormat wakil Daerah Temburong. Mengenai Projek Satu Kampung Satu Produk adalah satu inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri beberapa tahun yang lalu yang bercorak ekonomi kampung, ekonomi kemasyarakatan yang sangat baik dan pada masa ini sedang rancak diteruskan, dan memanglah menjadi niat hasrat kementerian untuk memajukannya.

Pada peringkat ini, keutamaan untuk memajukannya itu bukanlah dari segi mengadakan satu agensi pemasaran Yang Berhormat Pehin Pengerusi tetapi keutamaan ialah memandangkan projek ini pada masa ini masih berskala kecil. Dan yang kedua, mutunya juga belumlah dapat di ketengahkan sepenuhnya. Sambutan di peringkat kampung-kampung seluruh negeri sangat mengalakkan, boleh dikatakan sangat menggalakkan dan kementerian sudah mengenal pasti 38 buah kampung yang mempunyai potensi untuk terus mengembangkan projek ini, 38 itu 6 buah kampung berada di Daerah Brunei Muara, 10 di Daerah Belait, 6 di Tutong dan 16 di Temburong. Syabas kepada Temburong kerana mengatasi daerah-daerah yang lain walaupun kampung-kampung di sana dengan penduduknya yang kecil.

Dari pengamatan yang dibuat Yang Berhormat Pehin Pengerusi, pemasaran tidaklah begitu menjadi satu masalah besar, kerana produk ini boleh dipasarkan langsung di kampung ataupun di tempat-tempat yang disediakan oleh Jabatan Daerah ataupun mereka ini memasarkannya apabila ada menyertai ekspo-ekspo perdagangan di bandar umpamanya. Jadi bukan itu

yang menjadi keutamaan, keutamaan sekarang ialah untuk membanyakkan produk ini, membanyakkan penghasilan dan yang kedua menambahkan mutunya. Membanyakkan penghasilan Yang Berhormat Pehin salah satu misal perusahaan membuat telur masin, ia satu perusahaan yang baik yang di buat di Temburong tetapi sangat berskala kecil. Umpamanya kementerian diberitahu mereka mahu menghasilkan 400 biji telur dalam sehari tetapi bahan telur ini didapatkan daripada itik yang bertelur, jadi di pusat itu didapati tidak ada itik sebanyak 400 ekor.

Jadi kementerian menasihatkan supaya kalau di tempat projek itu tidak dapat menghasilkan 400 ekor, maka cubalah tawarkan kepada anak-anak kampung yang lain malah seluruh di Temburong itu ditawarkan supaya memelihara itik dan membekalkan telur kepada perusahaan ini, ini satu aspek.

Yang kedua lagi, keutamaan untuk membanyakkan, salah satu contohnya, malah kerana *demand* yang tinggi mengenai telur masin, malah mengenai kulat ataupun cendawan, mereka inda dapat memenuhi *demand* yang tinggi itu. Jadi bukan saja di Temburong malah di Belait yang ada perusahaan sedemikian. Jadi dari segi keutamaan Yang Berhormat Pehin Pengerusi kementerian adalah melihat kepada keutamaan untuk meningkatkan penghasilan, di samping itu ialah meningkatkan mutu. Kerana itu kementerian baru-baru ini telah mendatangkan seorang pakar dari Jepun untuk memberikan khidmat nasihat kepada projek-projek ini. Pakar itu telah dibawa melihat dan

memberikan taklimat, menerima taklimat sambil memberikan nasihat-nasihat dan pada umumnya ia mendapati hasil kita dalam projek ini masih di peringkat rendah. Jadi tanggungjawabnya belumlah menjadi keutamaan untuk kitani terdapat satu *marketing agency* bagi pemasaran “Satu Produk Satu Kampung” yang ada di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya menerima beberapa sungutan daripada orang ramai iaitu mengenai dengan kesesakan dan kelambatan di tempat membuat dan membaharui kad pengenalan di Jabatan Imigresen yang mana telah dimaklumkan orang-orang atau rakyat yang berurusan sehingga memakan masa 3 ke 4 jam malah ada juga yang berurusan sebelah pagi tidak sempat dan disambung pula sebelah petang.

Yang Berhormat Pengerusi: Maafkan saya Yang Berhormat, tajuk Pejabat Imigresen karang ada kitani bincangkan tu di bawah sedikit ani, baik jua mengenai dengan Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, bila sampai kepada Tajuk Jabatan Imigresen nanti Yang Berhormat dipersilakan untuk mengemukakan pertanyaan ini.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang

Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya ingin bertanya bahawa peruntukan bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung pada tahun ini sepertimana yang saya ketahui telah diperuntukan sebanyak \$200,000.00 dan untuk *update* sebagai tambahan juga ditambah lagi \$250.00 kalau saya tidak silap.

Saya ingin mengetahui bagaimanakan pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya dalam pembahagian peruntukan ini, adakah ianya mengikut projek-projek yang telah dibuat oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang ada pada masa ini?. Adakah ia juga akan termasuk dalam projek-projek yang sedang dirancang, belum dibuat tetapi sedang dirancang untuk diperbuatkan.

Kerana pengalaman ada sesetengahnya apabila kelambatan menghadapi permohonan dan pada masa yang sama peruntukan kehabisan disebabkan sesetengah daerah itu lebih banyak daripada daerah yang lain, maka daerah yang terakhir itu tidak dapat mendapat peruntukan sepertimana yang dikehendaki. Jadi saya ingin mengetahui macam manakah pembahagian peruntukan tersebut pada tahun ini? Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Haji Awang Othman: Terima Kasih Yang Berhormat dan terima kasih juga Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kedua-kedua iaitu sama ada projek yang sudah berjalan, sedang berjalan dan projek baharu yang dinilai *survival* akan mendapat bantuan. Cuma kadarnya itu Yang Berhormat Pehin Pengerusi, agak sulit untuk menjadikannya sama rata, katalah pada misalnya pada masa ini 38 kampung yang sudah menyertai dan ditambah lagi katalah misalnya ada 10 lagi dan ianya 48 dengan \$200 ribu lebih kalau dibahagi 10 inda cukup, dibahagi \$5,000.00 kali barulah cukup, \$5,000.00 apa yang dapat dibuat \$5,000.00 kalau untuk sama rata. Jadi kerana itu kementerian melihat kepada projek itu. Umpamanya Yang Berhormat Pehin Pengerusi, bagi maklumat bersama dalam dewan ini, ada projek di Mukim Tanjung Maya yang menghasilkan kelapa dara *demandnya* cukup tinggi sehingga pengeluaran yang sedikit tidak mencukupi.

Jadi mereka bercadang untuk mendapatkan mesin. Mesin pengering. Jadi mesin pengering itu belanjanya hampir \$80,000.00. Jadi permohonan mereka itu setakat ini belumlah dapat dipenuhi. Bagaimanapun, kerana projek ini projek kemasyarakatan projek ekonomi sekalipun berorientasikan kemasyarakatan kampung, ekonomi dari segi perkembangannya dan industri ada pertaliannya, maka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ingin menyelaraskan projek-projek yang seumpama ini dengan kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (MIPR).

Bukan ini saja Yang Berhormat Pengerusi malah dalam peningkatan mutu atau kualiti produk dan peningkatan hasil produk, selain menasihatkan peserta-peserta untuk mendapatkan khidmat nasihat dengan Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan bahkan juga berorientasikan pelancongan dengan Jabatan Pelancongan. Kementerian sendiri mengambil inisiatif bersama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan itu untuk duduk bersama melihat *viability* satu projek untuk dikembangkan. Demikian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana nampaknya tidak ada lagi ahli yang ingin berucap dan jika tidak ada bantahan maka Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SEO2A – Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan saya bukakan untuk perbahasan. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Bandaran adalah satu-satu jabatan yang diamanatkan untuk mentadbir pembangunan dan kemajuan

Bandar Seri Begawan. Baru-baru ini kerja-kerja bagi penyediaan pelan induk atau *master plan* untuk Bandar Seri Begawan telah pun disiapkan oleh *International Consultant* yang dilantik. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan yang telah dicapai.

Cadangan-cadangan yang dibuat dalam masa setahun itu bolehlah dikatakan telah mencapai matlamatnya dan memenuhi kehendak-kehendak, tujuan dan objektif-objektif untuk memperkembangkan dan memajukan Bandar Seri Begawan akan menjadi insya-Allah sebagai sebuah bandaraya yang selamat, mesra, *friendly*, selesa dan *livable city*, juga sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran negara, dan berbagai-bagai lagi kualiti yang dihasratkan.

Apa yang menjadi satu cabaran buat masa ini pada jabatan ialah macam mana langkah-langkah yang akan diambil untuk *mentranslate* ataupun *transform* dari idea-idea yang dicadangkan itu kepada realiti. Proses mengimplementasi ini memang akan memakan masa yang panjang dan perlaksanaannya juga akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Secara tidak langsung saya juga terlibat dalam proses ini selaku Ahli Jawatankuasa Perancangan Kemajuan dan Pembangunan Bandar Seri Begawan.

Sukacita dipohonkan kalau dapat kita kongsi bersama di sini akan perancangan-perancangan jabatan buat masa pendek, rancangan masa sederhana dan masa panjang. Sementara itu, apakah langkah-langkah awal yang dibuat untuk mempromosikan dan menjadikan suasana

Bandar Seri Begawan supaya menjadi riang gembira, dinamik dan *vibrant*?

Keupayaan kakitangan jabatan adalah penting dalam proses pelaksanaan ini. Jadi adakah Peruntukan 2011/2012 mencukupi dalam penyediaan kakitangan-kakitangan mahir yang akan diperlukan untuk tujuan ini? Saya ingin juga mengetahui bilakah Projek *Waterfront* yang sedang dibina di Dermaga pada masa ini akan beroperasi? Dan mungkin juga orang ramai ingin mengetahui bilakah kira-kiranya Bandar Seri Begawan akan dinaikkan statusnya sebagai bandaraya atau *city status*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman:Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana pertanyaan-pertanyaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kalau 4 soalan kali tadi tu ah. Payah jua bertubi-tubi Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Soalan yang bertubi-tubi ani payah mencatat pun inda sempat. Barangkali dapat mana yang sempat dulu ni.

Mengenai *Waterfront* bila akan beroperasi, insya-Allah tidak berapa lama lagi *Waterfront* akan dilancarkan penggunaannya. Persiapan-persiapan pada masa ini di peringkat terakhir. Berhubung dengan Perancangan Bandar Seri Begawan untuk menjadi apa namanya tu satu *city*, ini tergantunglah kepada perkembangan dalam *master plan* yang disebutkan tadi.

Satu perkembangannya yang untuk menepati erti sebuah bandaraya itu, ada sukat-sukatnya, kriteria-kriteria yang kitani akan penuh dan menurut perancangan dari segi *master plan* itu, kita boleh mencapainya dalam jangka yang bukan dalam jangka pendek tapi dalam jangka panjang. Kemudian, pelaksanaan perancangan *master plan* yang sudah siap, izinkan saya Yang Berhormat Pehin Pengerusi, untuk bercakap sedikit mengenai *master plan* ini, kerana pertanyaan tadi bagaimanakah cara pelaksanaannya dan peringkat-peringkatnya? Dan adakah mempunyai pegawai atau kakitangan yang berkemahiran untuk melaksanakannya?

Secara ringkas boleh disebutkan, boleh dijelaskan bahawa, perancangannya itu sepertimana yang diketahui pelaksanaannya itu mempunyai jangka pendek, jangka sederhana, jangka panjang untuk mencapai matlamat *target* Wawasan 2035. Jadi, memanglah kita melihat perkara ini memerlukan kemahiran-kemahiran. Jadi perkara ini tentulah diambil perhatian dan apabila diperlukan, memang diperlukan apabila sampai masanya, kita akan memaklumkan keperluan-keperluan itu sudah dipenuhi misalnya atau belum.

Berhubung dengan plan yang sudah disiapkan ini, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, ia pada peringkat ini masih berada di peringkat Jawatankuasa Perancangan. Selepas itu nanti di peringkat Jawatankuasa Teknikal untuk meneliti satu persatu bagi menentukan sokongan-sokongan pelaksanaannya, pelaksanaan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang dan ia akan

diangkat kepada Jawatankuasa Perancangan yang mana Yang Berhormat itu sendiri adalah anggotanya yang diperkenankan dilantik menduduki Jawatankuasa Perancangan itu. Dan pada peringkat ini *master plan* atau pelan induk yang sudah siap itu adalah dihasratkan untuk menjadi *road map* kepada pembangunan Bandar Seri Begawan menjelang 2035. Ia bukanlah suatu yang muktamad pada peringkat ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita menyatakan bahawa pembuatan *master plan* Bandar Seri Begawan boleh dikatakan satu-satunya perancangan bagi Bandar Seri Begawan yang melibatkan pembabitian semua agensi dalam kerajaan, pertama kali ia melibatkan dalam memformulate dasar dan hala tujunya yang melibatkan Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, SUT, Timbalan SUT, Pegawai-Pegawai yang berkenaan di kementerian-kementerian untuk didapatkan *input* oleh konsultan yang berkenaan. Kemudian kementerian-kementerian yang selain daripada yang menduduki dalam Jawatankuasa Perancangan, setelah konsultan menghadapkan *final draft*nya kepada Jawatankuasa Perancangan, Jawatankuasa Perancangan telah mengedarkan draf itu kepada semua kementerian untuk melihat, menelitinya dan meminta komen awal. Sehingga ada komen itulah barulah Jawatankuasa Perancangan memperakukan bahawa plan itu diterima sebagai satu plan mengikut spesifikasi yang ia diminta dirancangkan.

Jadi pada masa ini sebagaimana, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, yang saya jelaskan tadi ia adalah di peringkat untuk penelitian bagi perlaksanaannya dan ia adalah berstatus dihasratkan sebagai *roadmap* kepada pembangunan Bandar Seri Begawan jangka panjang. Pembangunan Bandar Seri Begawan jangka panjang menurut *master plan* ini telah melibatkan orang ramai dan ini juga buat pertama kalinya perancangan kerajaan secara telus melibatkan orang ramai melalui forum-forum, melalui bengkel-bengkel, forum bersemuka malah juga forum melalui media-media. Dan alhamdulillah, sambutan yang sangat baik dan kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, ingin mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang menyambutnya dan mudah-mudahan hasrat untuk menjadikannya sebagai *roadmap* kepada pembangunan Bandar Seri Begawan akan tercapai. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan keadaan Tamu Kianggeh yang ada sekarang. Kedudukan bangku-bangku dan meja-meja yang beratap di kawasan tamu yang mana telah pun dibaik pulih dan dimajukan oleh jabatan ini beberapa kali. Walau macamanapun, sebahagiannya meja-meja tersebut tidak digunakan oleh penyewa ketika hari-hari tamu diadakan iaitu seperti hari Juma'at dan hari Ahad, dan juga hari-hari biasa. Jadi dipohonkan supaya dibuat

penyiasatan dan kajian semula kenapa perkara ini berlaku dan kalau penyewa tidak memerlukan lagi, bolehlah diberikan kepada orang lain. Jadinya sedikit sebanyak akan mengurangkan kesesakan yang bertambah-tambah di kawasan Pasar Tamu Kianggeh.

Kedua, sunggutan daripada pekerja-pekerja buruh iaitu di Jabatan Bandaran, yang mana mereka mengatakan bahawasanya mereka setakat ini ada lagi yang belum dibayar *overtime* mereka iaitu bayaran lebih masa. Ada di antara mereka ini bertanya, misalnya selepas hari-hari kebesaran negara, kerana walaupun perkara ini bagi kitani adalah sedikit tetapi bagi mereka yang bergaji rendah adalah sangat besar bagi harapan mereka. Jadi melalui majlis ini supaya perkara ini akan dapat dibuat pengkajian dan penelitian, apakah sebab-sebabnya perkara ini tidak dapat dijelaskan? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya dan Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai *overtime* ini barangkali bisaitah saya memohon supaya Yang Berhormat yang menimbulkan ini, dapat memberikan *detail-detailnya* kepada Jabatan Bandaran dan juga apa salahnya jua kalau langsung kepada saya untuk disiasat lebih lanjut. Mengenai dengan Tamu Kianggeh, insya-Allah apa yang dibangkitkan itu diambil perhatian dan kedudukannya memanglah dari semasa ke semasa kita ingin melihat apa jua yang disediakan kemudahan kepada

orang-orang kita untuk berniaga digunakan dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah kita telah pun mula membincangkan Tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi sehingga sekarang dekat pukul 4.00 hanya baru satu Tajuk saja telah diluluskan. Dari isi kandungan pertanyaan dan soalan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sungguh tertarik kerana telah membuktikan yang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan itu telah bekerja keras, membaca dan meneliti isi kandungan kertas-kertas Anggaran Belanjawan yang telah dibagikan dan begitu juga jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet sangat tepat dan *relevan*. Jadi buat hari ini saya fikir ada baiknya permesyuaratan majlis selaku Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita beralih kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sepenuhnya.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya ingin menarik perhatian apakah Tajuk SE02A – Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan diluluskan?

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Ahli-Ahli yang akan bertanya, kalau kan bertanya baiktah disambung nanti hari Isnin. Yang Berhormat Dato Haji Yunus? Adakah Yang Berhormat akan bertanya sekarang ataupun ditangguhkan sehingga hari Isnin?

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Soalannya ringkas sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Ringkas, mungkin jawapannya panjang karang tu. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Kalau dibenarkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan. Oleh sebab Dato Yang Berhormat telah menyatakan ianya ringkas.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada menyatakan bahawa pembuatan *master plan* Bandar Seri Begawan adakah dengan dirujuk kepada Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri kementerian-kementerian. Dan hasilnya adalah adanya *master plan* bagi Bandar Seri Begawan. Saya ingin bertanya adakah *master plan* ini sebagai *statutory document* ataupun adakah ianya hanya sekadar dokumen pentadbiran biasa sahaja?. Saya ingin mencadangkan supaya ianya dianggap sebagai *statutory document*, disebabkan segala permohonan-permohonan untuk tukar syarat tanah dan permohonan-permohonan kemajuan tanah akan hanya dirujuk kepada *master plan* tadi tanpa merujuk kembali kepada kementerian-kementerian yang berkenaan untuk kebenaran. Dengan adanya proses ini maka permohonan-permohonan kemajuan dan permohonan-permohonan tukar syarat akan lebih cepat. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mahu menjawab sekarang ataupun ditangguhkan hari Isnin?

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Ringkas Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Bah jawapan ringkas silakan.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Cadangan untuk menjadikannya sebagai *statutory document* adalah sebahagian daripada cadangan-cadangan yang berada di hadapan Jawatankuasa Perancangannya nanti. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak ada lagi pertanyaan atau soalan, apa kiranya Tajuk ini diundi dan diluluskan?.

(Semua ahli mengangkat tangan)

Tajuk SE02A – Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah Tajuk yang

kedua itu telah pun diluluskan dan oleh yang demikian ada baiknya perbincangan majlis ini sebagai Jawatankuasa sepenuhnya ditangguhkan dan kita beralih semula pada persidangan Majlis Mesyuarat Negara sepenuhnya.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah sehingga ke hari ini persidangan hari keempat, Majlis Mesyuarat Jawatankuasa telah meluluskan 22 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, keseluruhan Kementerian Pertahanan, keseluruhan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan, dan dua Tajuk di bawah jabatan daripada beberapa buah jabatan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Oleh yang demikian, Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada hari Isnin, 2 Rabiulakhir 1432 Hijrah bersamaan 7 Mac 2011 Masihi jam 9.00 pagi. Sekian terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Isnin, 2 Rabiulakhir 1432 / 7 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking,
SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula pada hari ini, iaitu hari yang kelima disambung didahului dengan bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama lagi hari yang kelima pagi ini untuk meneruskan perbincangan Majlis Mesyuarat Negara (Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh).

Sebelum majlis ini bersidang selaku Mesyuarat Jawatankuasa, saya sukacita menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Keenam Majlis Mesyuarat Negara ini pada tahun lepas (2010) yang mana saya ingin memetik sebahagian dari titah baginda itu yang berbunyi "*Persidangan ini seperti lazimnya akan dijadikan saluran bagi menyampai dan membahaskan pandangan-pandangan Ahli yang dilihat sebagai cara menjana untuk perkembangan dan kemajuan. Dari sinilah suara-suara akan didengar dan sampai kepada pihak-pihak dalam kerajaan. Semuanya itu akan dinilai dan diteliti jika didapati bersesuaian ia akan menjadi asas kepada perancangan-perancangan negara*". Sekian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu.

Maka dengan merenungkan dan mengamat-amati titah baginda itu, apa saja perkara-perkara yang dibincangkan di dewan yang mulia ini, hendaklah benar-benar mengambil kira permasalahan rakyat dan negara. Sebarang pandangan perlulah disokong atau diikuti dengan kajian supaya perbincangan akan lebih mantap dan menuju kepada sasaran.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan supaya setiap soalan yang dikemukakan itu sebaik-baiknyalah dengan ringkas sahaja. Jika disertai dengan pandangan atau maklumat yang berkaitan dengan perkara itu, biarlah maklumat dan penerangan itu relevan kepada Tajuk atau perkara yang disoalkan. Ini bukanlah saya hendak memendekkan dan mengagagagaskan percakapan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menimbulkan perkara ini kerana Pehin Jurutulis telah mendapat nasihat dari segi undang-undang bahawa

persidangan ini hendaklah berakhir pada **14hb Mac 2011**.

Jadi saya memohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya kita dapat melaksanakan, menyelesaikan perkara-perkara yang dibincangkan itu seakhir-akhirnya pada 14 Mac insya-Allah. Maka untuk membolehkan majlis ini bersidang sebagai Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara saya tangguhkan. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Majlis ini bersidang sebagai Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya. Pada persidangan Majlis Mesyuarat Jawatankuasa hari Sabtu lalu kita masih lagi membincangkan Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa ini telah meluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual beberapa kementerian iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan dan 2 buah Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang kita beralih kepada Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Jurutulis: Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Alhamdulillah, landskap Kuala Belait telah sedikit sebanyak telah menampakkan perubahannya di mana beberapa bangunan kerajaan dan swasta dibina di pekan tersebut. Rakyat penduduk di daerah tersebut harus bersyukur dan berterima kasih di atas perkembangan ini. Apa yang saya ingin utarakan ialah tentang kawasan Bandaran di Pekan Seria. Saya ingin mencadangkan supaya bengkel-bengkel kereta yang ada di Pekan Seria ketika ini supaya akan dapat dipindahkan ke suatu tapak industri yang difikirkan lebih sesuai bagi memberi laluan kepada pembesaran dan pembisaian Pekan Seria yang agak kurang kemajuannya itu.

Kedua, saya difahamkan bahawa Rumah Persinggahan Kerajaan di Kuala Belait itu akan di *out source* pengurusannya. Bilakah agaknya? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih yang Berhormat wakil Daerah Belait dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai bengkel kereta itu, kementerian mengambil maklum dan langkah-langkah yang bersesuaian sebagaimana yang dicadangkan itu akan difikirkan insya-Allah. Mengenai Rumah Persinggahan untuk di *out*

source, perkara ini masih dalam pertimbangan dan belumlah ada ketetapan yang dapat diberikan di dalam dewan ini pada masa ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi soalan-soalan dari Ahli-Ahli Berhormat. Oleh kerana tidak ada lagi soalan dan jika tidak ada bantahan maka saya cadangkan Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong saya bukakan untuk dibincangkan. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Berhormat Pehin Menteri dan Pehin Pengerusi. Pasar tamu di Daerah Tutong telah mendapat sambutan dari petani-petani tempatan. Masalah yang timbul apabila setiap hari tamu itu hari Khamis. Pada hari tersebut, keadaan jalan keluar masuk ke Pasar Tamu Tutong menghadapi kesesakan dan kadangkala mengambil masa 1 jam, dalam jauh jaraknya kira-kira 1 kilometre, baru dapat tiba di Bangunan Pasar Tamu. Pada mesyuarat 2010, perkara ini telah ditimbulkan supaya satu jalan lain perlu dibuat di sebelah timur bangunan Pasar Tamu tersebut bagi tujuan mengatasi

kesesakan terhadap jalan yang berkenaan. Dalam hubungan ini majlis ingin tahu adakah peruntukan untuk membuat jalan berkenaan, jika ada bilakah jalan tersebut akan dibina? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat kalangan perkhidmatan yang cemerlang. Mengenai perkara yang dibangkitkan itu memang benar bahawa pada persidangan yang lalu ada juga dibangkitkan dan semenjak itu Alhamdulillah, Jabatan Daerah telah mengadakan perundingan-perundingan dengan beberapa pihak yang berkenaan di daerah, terutama sekali pembangunan dan untuk maklumat dalam dewan ini dapat dinyatakan bahawa perkembangan terkini projek tersebut iaitu untuk mengadakan jalan bagi mengelakkan kesesakan telah pun ditawarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya kepada pemborong yang berjaya untuk melaksanakan pembinaan jalan tersebut iaitu dari bangunan Pasar Aneka dan Tamu Tutong menuju ke Bangunan Hasbollah di Pekan Tutong. Pemborong yang berkenaan telah pun diberikan kontraknya dan akan melaksanakan pembinaan jalan tersebut pada pertengahan bulan Mei tahun ini insya-Allah. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Oleh kerana tidak ada lagi soalan mengenai dengan tajuk ini maka Tajuk SE04A -

Lembaga Bandaran Tutong diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual. SE05A - Jabatan Buruh.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SE05A - Jabatan Buruh saya bukakan untuk perbahasan. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi kaola ingin menyampaikan 2 perkara di dewan ini iaitu:-

1. Ingin menyampaikan sungutan daripada syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha di negara ini yang mengatakan bahawasanya kelambatan proses permohonan untuk mengambil pekerja-pekerja yang mana mengikut pandangan setengah mereka untuk mendapatkan kelulusan mendapatkan buruh ini terlalu banyak syarat-syarat yang dikenakan, walau macamanapun dipohonkan supaya dapat perkara ini dicepatkan dan;
2. Untuk memantau bahawasanya agen-agen bagi mendatangkan amah atau pembantu rumah di sini terdapat beberapa perkara yang diterima atau dialami oleh pemohon-pemohon yang mana ada di antara pemohon-pemohon ini tertipu oleh agen-agen amah ini dan ada juga perbezaan bayaran-bayaran yang diminta oleh agen ini untuk mendatangkan amah-amah ke negara

ini tidak berpatutan dan kadangkala duit dibayar tetapi amah yang dipohonkan tidak sampai ke negara ini. Jadi dipohonkan perkara ini dipantau dan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat wakil Daerah Brunei dan Muara. Mengenai proses untuk meluluskan satu-satu permohonan pengambilan pekerja asing memang dari semasa ke semasa diambil kira untuk dipercepatkan terutama sekali dalam rangka untuk mempermudah membuat bisnes di Brunei ini sebagaimana yang kitani ketahui Jawatankuasa Petugasnya sudah ada dan perkara ini, insya-Allah dalam perhatian.

Kedua, mengenai dengan agen amah, kementerian sedang merancang dan insya-Allah akan melaksanakan kehendak-kehendak dalam Perintah Agensi Pekerjaan 2004. Berhubung dengan perkara ini iaitu dengan mendaftarkan agensi-agensi pengambilan pekerja, ini termasuklah amah-amah ini. Ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi, ini sangat penting kerana sudah menjadi satu isu yang bukan saja melibatkan kerajaan kita tetapi kerajaan-kerajaan yang berkenaan yang melindungi rakyat mereka dan kedutaan-kedutaan mereka di dalam

negeri ini yang melindungi rakyat mereka, menimbulkan isu-isu sedemikian itu.

Ertinya adanya orang-orang yang datangkan tetapi tidak ada pekerjaan, terpedaya ataupun ada majikan-majikan yang berharap kepada agen-agen ini tetapi harapan mereka tidak dapat dipenuhi. Umpamanya setelah itu pula, setelah sempurna semua sekali pengambilan orang bekerja tiba-tiba ada lagi aduan-aduan yang melibatkan sama ada syarikat ataupun amah, iaitu antaranya tidak dibayar gaji atau waktu bekerja yang berlebih-lebihan dan sebagainya.

Kalau mengikut kes-kes yang ada pada masa ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi, nampaknya adalah meningkat, sangat meningkat iaitu hampir kalau dalam 3 tahun dahulu umpamanya, kes amah saja, yang melibatkan amah, yang ada aduan-aduan, cuma 24 tetapi dalam tahun lepas adalah sebanyak 68, meningkat 3 kali ganda. Begitu juga yang melibatkan syarikat, daripada 91 menjadi 339, 3 kali ganda. Jadi keperluan untuk menguatkuasakan Perintah Agensi Pekerjaan 2004 dalam bidang mendaftarkan menghendaki agen-agen pengambilan pekerja supaya berdaftar dan dikenakan sebarang bayaran-bayaran tertentu untuk menjamin perkara-perkara yang tidak diinginkan terjadi demikian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, tadi Yang Berhormat wakil dari Daerah Temburong ada mengangkat tangan, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di dewan yang mulia ini, kaola dalam menyuarakan isu pengangguran bagi anak-anak tempatan di Daerah Temburong, mungkin juga dengan daerah-daerah yang lain dalam mengalami masalah pengangguran yang tidak boleh dielakkan di negara mana sekalipun. Dari data yang diperolehi di Pejabat Buruh Temburong, ada terdapat 327 pencari pekerjaan di Daerah Temburong bagi statistik sehingga bulan Februari 2011. Peluang-peluang pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta sangat sedikit di Daerah Temburong dan peluang latihan yang terhad.

Apakah langkah atau usaha-usaha berkesan yang perlu boleh diambil daripada pihak-pihak yang berkenaan dalam menangani dan mengurangkan masalah pengangguran yang sentiasa bertambah dari setahun ke setahun? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat wakil Daerah Temburong. Isu pengangguran kalau angka tadi disebutkan bagi Daerah Temburong sedemikian, maka ia adalah sebahagian

daripada sejumlah 3,773 pencari kerja yang ada pada masa ini yang berdaftar di Agensi Pekerjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Isu pengangguran ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi adalah isu yang ditangani oleh kerajaan melalui peringkat tertinggi iaitu ada sebuah jawatankuasanya. Jawatankuasa Mengatasi Kemiskinan, sama juga isu-isu sosial dan sebagainya, termasuklah isu mengenai pengangguran. Dan setakat yang berhubung dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, perkara ini ditangani dengan usaha melalui penubuhan sebuah agensi pekerjaan yang pada masa ini sangat aktif melakukan usaha-usaha, bukan saja menerima pendaftaran tetapi juga ialah memberikan latihan-latihan.

Dan Alhamdulillah, latihan-latihan kepada mereka yang ingin untuk mendapatkan pekerjaan dan mendapatkan bimbingan daripada agensi ini bukan saja dilakukan oleh agensi ini bersendirian tetapi juga dilakukan bersama malah dengan syarikat-syarikat swasta, di samping juga bersama dengan agensi-agensi lain kerajaan.

Dan Alhamdulillah, kalau dilihat kepada hasilnya setakat ini, kalau sehingga September 2010 tahun lepas, sejumlah 1,230 orang telah mendapat pekerjaan melalui agensi ini iaitu 650 orang di sektor swasta dan 580 orang di sektor kerajaan. Itulah salah satu daripada usaha-usaha untuk mengatasi pengangguran dan diperhatikan daripada angka ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kita dapat melihat bahawa sektor swasta adalah mengatasi sektor awam.

Berhubung dengan orang di Temburong, peluang-peluang untuk bekerja dari jumlah tersebut, sama juga dengan anak-anak tempatan di daerah-daerah lain di seluruh negeri yang menghadapi dilema tidak mendapat pekerjaan dan sebagainya. Kalau kita melihat kepada senario pengangguran ini, pengangguran bermakna tidak ada peluang pekerjaan, itulah selalu disebutkan. Tetapi di Brunei Yang Berhormat Pehin Pengerusi, peluang-peluang pekerjaan itu ada tetapi tidak dapat dimasuki atau disertai oleh pencari-pencari kerja ini oleh kerana beberapa sebab. Kalaulah diambil saja jumlah yang terbesar pencari kerja itu ialah orang yang mempunyai kelulusan rendah di bawah 2 'O'Level ke bawah. Jadi jumlah ini adalah besar hampir 80% ke 90%.

Jadi kalaulah mereka ini dapat menampung bidang-bidang pekerjaan di bidang *services* perkhidmatan yang pada masa ini pada umumnya, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya sukacita menyebutkan statistik perniagaan-perniagaan yang berlesen pada masa ini. Di seluruh negeri, ada sejumlah 8,453 perniagaan yang berlesen. Jadi kalau pencari kerja dalam jumlah 3,700 tadi, 90% daripadanya orang yang boleh melakukan kerja-kerja di peringkat *services*. Maka soal pengangguran ini tidak berbangkit Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Setakat itu sahaja, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Tadi, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh : Assalamu'alaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lainnya. Kaola ingin juga menyentuh mengenai dengan pengangguran. Menambah apa yang disuarakan tadi oleh Yang Berhormat dari Temburong. Kalau kita buka *website* sekarang, apa yang akan kita dapati ialah banyak isu-isu pengangguran. Seperti yang Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tadi bahawa pengangguran pada ketika ini adalah dalam anggaran 3,000 lebih. Yang menganggur adalah termasuk pemegang-pemegang ijazah, HND, diploma-diploma biasa dan di samping negara masih lagi *dependant on* pekerja-pekerja asing dalam anggaran 28,000 lebih di bahagian swasta. Saranan sering dibuat supaya penganggur-penganggur mencari kerja di bahagian swasta.

Saya berpendapat satu daripada cara untuk mengurangkan kadar pengangguran ini adalah dengan adanya strategi kerajaan yang realistik, jelas, dipatuhi dan di *monitor* perkembangannya. Orang kitani Brunei bukannya semua memilih kerja, yang sedihnya mereka memohon kerja secara bersurat, e-mel, telefon dan ada yang datang sendiri ke syarikat-syarikat. Yang memohon tadi terdiri daripada berbilang peringkat seperti saya nyatakan tadi, terkandunglah, *school drop-out*, dan ada juga orang-orang yang sudah bersara. Ada yang mengatakan mereka sudah lama mencari kerja dan mempunyai isteri dan anak-anak dan sanggup membuat apa saja jenis kerja walaupun sebagai pembersih.

Saya berpendapat sebab-sebab orang kitani tidak tahan bekerja lama dengan bahagian-bahagian swasta ialah kerana gajinya yang rendah. Tiada kesinambungan atau *job security*. Sedangkan syarikat-syarikat tempatan juga menghadapi dilema. Syarikat hanya mampu mengambil mereka bekerja untuk masa panjang jika syarikat ada kerja berterusan. Syarikat-syarikat tempatan juga perlu bersaing untuk mendapatkan kerja dengan syarikat-syarikat asing di Negara Brunei Darussalam ini yang kebanyakannya *overhead* mereka lebih rendah dan mereka lebih suka mengambil pekerja-pekerja asing daripada orang-orang Brunei. Definisi syarikat tempatan di sini secara amnya ada dua kategori:-

1. Syarikat tempatan pada namanya sahaja, tetapi majoriti pekerja-pekerjanya adalah orang-orang asing dan ada juga di antaranya menggunakan *outstation office*; dan
2. Ada juga syarikat-syarikat tempatan yang benar-benar mahu mengambil pekerja-pekerja tempatan dan akan cuma mengambil pekerja-pekerja asing kalau orang tempatan tidak dapat mengisi jawatan berkenaan. Dan majoriti pekerja-pekerja tersebut ialah terdiri daripada pekerja tempatan.

Bagi pihak syarikat tempatan yang benar-benar *genuine* pula bila kerja sudah berkurangan dan kalau peruntukan kewangan sudah jauh berkurangan, pekerja-pekerja tempatan tadi termasuk yang baik berkerja terpaksa diberhentikan disebabkan syarikat tidak lagi mampu untuk membayar gaji mereka. Pekerja-pekerja ini mempunyai

keluarga, jadi mereka terpaksa mencari dan menunggu kerja yang lebih berbaloi dan *secure*. Syarikat-syarikat tempatan tidak akan ragu-ragu mengambil pekerja-pekerja tempatan dengan dibayar gaji yang berpatutan jika sekiranya syarikat-syarikat tempatan boleh *secure* untuk mendapatkan kerja berpanjangan.

Juga dijelaskan bahawa syarikat-syarikat tempatan *join* bukannya meminta *hand-out*, cuma minta diberi peluang. Penyelesaian isu kerja adalah *inter-ministry*. Seperti yang saya katakan tadi, pihak kerajaan perlulah ada *road-map* yang jelas mengambil kira *work-allocation* seperti syarikat-syarikat tempatan yang mengambil pekerja-pekerja tempatan dengan strategi yang dipatuhi. Insya-Allah masalah pengangguran dan cara tidak langsung *crime rate* masalah penyalahgunaan dadah dan minuman keras di kalangan orang-orang kitani akan berkurangan. *The bottom line is*, dengan *system work distribution* yang ada sekarang, kitani menghadapi pengangguran lebih kurang 3,000 lebih.

Kita sering kali berkata bahawa *Brunei Economy Is Government Driven*. Sudah tentu kita tidak boleh menghapuskan pengangguran 100%. Kita hanya boleh mengurangkannya kepada suatu level yang berpatutan untuk membolehkan kita berbuat demikian, kita terpaksa, *we have to change*.

Perkara yang kedua ingin saya sampaikan di sini Yang Berhormat Pehin Pengerusi ialah perkara yang pernah saya suarakan pada tahun lepas iaitu;

Gaji minima di bahagian swasta. Perkara ini seperti saya nyatakan tadi saya suarakan dan sentimen yang sama juga disuarakan oleh CSPS. Salah satu Wawasan Brunei 2035 ialah "*Our Quality of Life*". Saya ingin *quote* dari *vision* berkenaan. "*We will seek to provide our people with high standard of living*". Dan dalam paragraf seterusnya, "*We will measure our quality of life by reference to the United Nations Human Development Index, and aim to be the top ten nation in the world*". Saya berpendapat salah satu elemen untuk mencapai taraf hidup yang tinggi ialah dengan berpendapatan yang bersesuaian. Sebagai contoh, *sale assistant* di kedai-kedai atau gedung-gedung perniagaan cuma mendapat gaji bulanan dalam lingkungan \$400.00 lebih sahaja. Pada hari kelmarin Yang Berhormat wakil dari Tutong ada mengatakan ada juga mendapat gaji sampai \$250.00 sahaja. Belum lagi tolak TAP dan TCP. Dengan gaji yang ada dan kalau seorang itu mempunyai keluarga yang ramai adalah satu *struggle* untuk menyara hidup diri dan ahli-ahli keluarga dari bulan ke sebulan.

Di samping itu, jika kita perhatikan ada di antara gedung-gedung perniagaan tadi terus maju dan membuka cawangan baru di sana sini. Saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mengeluarkan peraturan-peraturan yang menetapkan gaji minimum sehari atau bulanan bagi rakyat dan penduduk tetap yang berkhidmat di bahagian swasta, agar salah satu hasrat negara yang tercatat dalam Wawasan 2035, insya-Allah akan tercapai. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ringkas sahaja soalan kaola ini iaitu mengenai dengan pas kerja orang-orang asing yang bekerja di negara ini. Pas Kerja yang dikeluarkan pada pekerja-pekerja asing ialah sehingga pekerja-pekerja itu mencapai umur 55 tahun. Ini disebabkan umur pencen ataupun persaraan ialah juga 55 tahun. Akan tetapi sekarang umur pencen telah dilanjutkan hingga ke 60 tahun. Adakah ini bererti pas kerja dilanjutkan sehingga 60 tahun. Mereka boleh bekerja sehingga umur mereka mencapai 60 tahun. Sekian, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih jua kepada wakil-wakil Yang Berhormat, wakil-wakil yang tadi menimbulkan masalah pengangguran. Yang pertama tadi iaitu masalah pengangguran, sebagaimana yang dinyatakan isu pengangguran adalah isu yang bertalian pada keseluruhannya, melibatkan kerajaan dan sektor swasta yang memberikan pekerjaan sebagai majikan-majikan dan juga kepada orang awam kepada orang ramai dalam erti kata orang yang mencari pekerjaan keluarganya dan sebagainya. Yang mana

perkara-perkara seumpama ini saya percaya rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan di sini akan mana-mana yang berkenaan mungkin akan dapat mengulasnya.

Setakat yang berhubung mengenai dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Yang Berhormat Pehin Pengerusi, pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah pun memutuskan dan akan memulakan rundingan-rundingan dengan majikan-majikan yang terpilih bagi menentukan penyambungan pas-pas kerja dan pengambilan baharu pekerja-pekerja yang mereka kehendaki dan pohonkan, akan dihubungkan dengan peluang-peluang pekerjaan anak-anak tempatan.

Misalnya kalau mereka memerlukan 5 orang *foreigners*, pekerja asing dalam sektor perkhidmatan, yang mana kalau didapati memang ada calon-calon yang bersedia untuk memasuki bidang itu, maka akan dirundingkan dengan mereka supaya tidak semua 5 orang ini akan diluluskan, ada mungkin 2 orang atau 3 orang pekerja tempatan. Ini akan menimbulkan reaksi yang biasa Yang Berhormat Pehin Pengerusi, iaitu dengan alasan pekerja tempatan bermasalah.

Memanglah hal inilah sebenarnya yang mahu dirundingkan dengan majikan-majikan Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kementerian atau Jabatan Buruh boleh saja menggunakan kuasa-kuasa yang ada, sama ada meluluskan atau tidak meluluskan, tetapi perkara ini berhubung dengan keadaan ekonomi. Kitani menolong SME dan sebagainya, di samping menolong mengatasi

masalah pengangguran yang akibatnya sangat besar pengangguran ini. Jadi majikan-majikan ini akan diajak berunding untuk menimbang dan melihat senario apa sebenarnya yang diperlukan, kerana kalaulah dengan alasan anak-anak tempatan tidak sama dengan pekerja-pekerja dari luar negeri, memang sukar untuk menyamakan mereka.

Anak-anak tempatan mempunyai komitmen-komitmen tempatan, sama ada bagi dirinya ataupun bagi keluarganya. Sementara pekerja-pekerja dari luar sepenuhnya akan menggunakan masa bekerja dan digunakan oleh majikan masa bekerja itu untuk pekerjaan. Jadi hal inilah yang patut kitani timbangkan. Di mana-mana negara jua mendapati isu pekerja tempatan dengan *foreigners* ini hampir sama seperti kita. Tetapi mereka sudah berpengalaman dan prosesnya sudah panjang, memakan masa yang panjang. Akan sampai sesuatu peringkat kalau kita memulakan pada masa ini.

Ertinya majikan-majikan, syarikat-syarikat tempatan khususnya memulakan sikap untuk membukakan peluang sebagaimana juga setengah-setengah syarikat pada masa ini sudah memulakannya. Maka insya-Allah proses membudayakan anak-anak tempatan dalam sektor swasta yang difikirkan *performance* mereka kurang daripada pekerja-pekerja asing itu akan kita dapat atasi, ini adalah proses budaya.

Satu contoh Yang Berhormat Pehin Pengerusi, pada suatu masa dahulu, 10/15 tahun dahulu atau 20 tahun dahulu, tidak ada anak-anak tempatan terutama sekali

perempuan yang mahu bekerja menjadi pelayan ataupun bekerja menjadi pembantu kedai, pembantu kedai restoran, kerana pada waktu itu 20 ataupun sebelumnya lagi, kalau perempuan bekerja di kedai makan namanya pelayan. Jadi konotasi bagi pelayan itu dalam budaya Melayu termasuklah kita di Brunei tidak baik. Tapi keadaan masyarakat berubah, perkhidmatan restoran itu tidak seperti Pelayan Bar, dan memang di Brunei tidak ada. Jadi pada masa itu perlahan-lahan anak-anak kita memasuki bidang tersebut.

Begitu juga dengan bidang perkhidmatan di hotel, beberapa perkhidmatan di hotel ada ibu bapa yang meminta bantuan untuk didapatkan anaknya bekerja, apabila sudah dapat bantuan ertinya diuruskan bantuan untuk mendapatkan pekerjaan, dan pekerjaan itu di hotel dan diketahuinya di hotel ia menarik diri kerana anaknya anak perempuan. Tetapi pada masa ini, alhamdulillah tidak sedemikian itu halnya. Proses membudayakan pekerjaan ini memakan waktu dan mesti kita mulakan kalau kita tidak memulakannya selamalamanya kita akan bergantung kepada orang luar.

Berhubung dengan pas kerja, sehingga 55 tahun Jabatan Buruh dan Kementerian menyedari hal ini perubahannya setakat 60, pada masa ini 60 tahun tapi sebenarnya bukan kita menghubungkan dengan umur bersara itu. Tetapi kita lebih banyak menghubungkan keupayaan mereka untuk bekerja, kesesuaian mereka untuk bekerja di negeri ini dalam umur yang macammana. Jadi menimbulkan masalah

kesihatan, menimbulkan masalah dan sebagainya.

Macamanapun dengan perkembangan adanya pembaharuan dalam had umur berkerja 55 ke 60 tahun, hal ini sedang diperhatikan. Satu perkara yang saya ingin sebutkan Yang Berhormat Pehin Pengerusi, ialah mengenai 55 tahun ini ditimbangan *case by case*. Ada permohonan daripada syarikat-syarikat yang mempunyai pekerja *expertise*, yang mahir, apabila berumur 55 tahun mereka ini dikeluarkan. Tetapi dalam kes-kes tertentu syarikat berkenaan mempunyai kontrak satu ke satu kontrak umpamanya dengan kerajaan dan kontrak itu memerlukan tenaga mahir.

Jadi kalaulah orang yang sedia ada ini dikeluarkan kerana mengikut peraturan dikeluarkan, maka syarikat berkenaan akan mengambil dan mendatangkan pula pekerja mahir, *expertise* yang berumur di bawah 55 tahun. Jadi tentulah pertimbangan yang wajar dibuat, daripada mendatangkan yang baru, baiklah apa yang ada sekarang ini kebetulan pula kesihatannya masih baik dan sebagainya maka dalam kes tersebut adalah dibenarkan Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, saya di sini ingin ikut bertanya jua, tadi Yang Berhormat ada menyatakan pekerja-pekerja yang mahir yang mana majikan mereka itu ada kontrak pekerjaan dengan kerajaan, jadi oleh sebab dari segi umur walaupun mereka masih sihat kalau ditamatkan tempoh mereka bekerja di Brunei boleh jadi menjejaskan projek

kerajaan. Ada jua Yang Berhormat pekerja-pekerja yang mahir tetapi majikannya indakaitan, indakaitan pekerjaan dengan kerajaan, seperti Tukang Gunting. Adakah setiap pekerja yang mempunyai kemahiran seperti Tukang Gunting. Tukang Jahit itu walaupun mereka sihat tetapi umurnya sudah sampai kepada yang dihadkan dengan sendirinya pas pekerja mereka mesti ditamatkan atau dipertimbangkan *case by case* dipandang dari segi kesihatannya dan seumpamanya boleh diberikan pas walaupun sekiranya belum dapat dibuat keputusan muktamad. Dapatkah diberikan *provisional extension* dari setahun ke setahun supaya dapat perkara itu dikaji.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan ulasan Pengerusi diambil perhatian tetapi satu perkara yang mahu dinyatakan di sini ialah 2 perkara iaitu:-

1. Sama ada untuk memanjangkan umur dari 55 ke 60 tahun belum ada ketetapan pada masa ini sebagaimana yang Yang Berhormat Pengerusi nyatakan; dan
2. Jenis pekerjaan mahir memang Tukang Gunting mahir, Tukang Jahit mahir tapi kemahiran itu tidak sama misalnya dengan kemahiran di peringkat ICT. Di peringkat apa namanya tu, di bidang-bidang perhubungan yang lain misalnya yang elektronik. Jadi perkara itu adalah pertimbangannya *case by case* sama ada bersesuaian atau tidak. Samalah jua dengan permohonan-

permohonan pemandu umpamanya pemandu keluarga-keluarga yang tertentu demikianlah Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dulu kerana dia di belakang mengangkat tangan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Jabatan Buruh adalah satu agensi kerajaan yang dapat memainkan peranan bukan saja mengeluarkan *labour quota* bahkan dapat membantu dalam mengurangkan bilangan rumah-rumah setinggan di Negara Brunei Darussalam. Umpamanya jika majikan yang memohon *labour quota* untuk membawa masuk pekerja dari luar negeri bekerja di Negara Brunei Darussalam hendaklah dimestikan menyediakan tempat-tempat tinggal untuk pekerja mereka. Jika tidak, *labour quota* jangan dikeluarkan kerana banyak pekerja-pekerja ini tinggal di negara kitani in da menentu, tinggal di mana-mana di seluruh negara. Contoh yang paling baik saya bawa di sini seperti apa yang berlaku di Daerah Belait di mana pekerja-pekerja ani tinggal di rumah-rumah setinggan, umpamanya di Sungai Bera akhirnya ia menjadi masalah kepada negara untuk menanganinya. Walau bagaimanapun alhamdulillah dengan ada inisiatif bersepadu dari beberapa buah agensi kerajaan swasta rumah-rumah setinggan ini akhirnya dapat

dimusnahkan, diroboh yang tanpa kebenaran.

1. Saya ingin bertanya apakah tindakan atau perancangan Jabatan Buruh terhadap majikan yang lari dari tanggungjawab untuk menyediakan tempat kediaman pekerja-pekerjanya?
2. Apakah tindakan Jabatan Buruh pada majikan yang enggan memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan alasan mereka memilih-memilih kerja seperti apa yang dicakapkan oleh salah seorang Yang Berhormat sebentar tadi? dan
3. Apakah tindakan Jabatan Buruh kepada pengusaha-pengusaha yang meminjamkan lesen perniagaan mereka kepada peniaga-peniaga asing? Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, tadi Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman. Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya menimbulkan mengenai pas pekerja. Pada kebiasaannya amalan pada masa ini, bila kita mengambil amah diberi tiga tahun pas kerja tetapi bagi pekerja-pekerja seperti Tukang kebun sayur atau pemandu dan pekerja-pekerja binaan hanya dua tahun. Melalui majlis ini ingin saya mencadangkan supaya diseragamkan tiga tahun. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola cuma bertanya saja perkara ini ada sesetengah majikan mempunyai pekerja asing tetapi pekerja ini mencari kerjanya sendiri. Apakah Jabatan Buruh menyedari hal ini atau sebaliknya.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mungkin ingin menjawab.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Pengerusi kerana soalan dari beberapa ahli itu pada umumnya adalah perkara-perkara yang boleh dikatakan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Buruh. Umpamanya menyalahgunakan pas kerja, tidak memberikan perlindungan ertinya tempat tinggal yang sewajarnya bagi pekerja-pekerja asing yang didatangkan dan hal-hal yang berhubung dengan Akta Buruh pada umumnya. Maka tindakan-tindakan di bawah akta tersebut yang diperuntukkan di bawah undang-undang adalah dibuat dari semasa ke semasa. Sepertimana yang diketahui beberapa aduan-aduan telah

diterima meningkat sebagai yang disebutkan tadi dan penyiasatan dibuat dan ada sebahagiannya dibawa ke mahkamah untuk tindakan. Mengenai perkara penempatan pekerja ini tindakan dari semasa ke semasa melalui operasi mendapati memang ada setengah bukan lagi dinamakan setingan, rumah yang disewa didapati atau didiami berlebihan, secara berlebihan dari segi kesihatannya, bahkan dari segi keselamatan, peralatan-peralatan elektriknya dan sebagainya tidak mengizinkan.

Jadi dalam hal itu majikan telah pertama sekali dinasihatkan, kemudian diberi amaran apabila tidak mengambil tindakan yang bersesuaian dan sebagai tindakan yang *deterrent* apabila mereka mahu membaharui lesen atau permit pekerjaan mereka pada waktu itulah tindakan-tindakan yang berkesan dapat dibuat. Ada juga pertimbangan diberikan. Ini kitani melihat kadang-kadang syarikat yang berkenaan itu adalah syarikat baru memulakan perniagaan dengan modal sedikit dengan pengalaman yang juga kurang. Jadi kalau hal-hal kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang memang ternyata menyalahi undang-undang itu terus diambil tindakan-tindakan yang sama ke atas orang-orang yang mempunyai syarikat yang sudah kukuh dengan modal yang besar tentulah tidak seimbang Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Untuk mengadakan *labour line*, rumah buruh mereka tidak mampu, paling mampu mereka menyewa, jadi berbanding dengan syarikat-syarikat yang besar di situ ada pertimbangan dan kebijaksanaan-kebijaksanaan dibuat di samping memikirkan tindakan undang-undang yang betul. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, minta maaf.

Soalan yang saya timbulkan tadi mengenai dengan gaji minima pekerja-pekerja orang kitani Brunei di bahagian swasta. Yang mana sentimen yang sama telah juga disuarakan oleh CSPA, belum berjawab lagi Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Mengenai gaji minima, minta maaf Yang Berhormat yang bertanya tadi. Perkara ini juga telah pernah dibangkitkan di dewan ini sebelumnya dan saya percaya jawapan yang diberikan sudah memadai dan jawapan-jawapan itu saya kira masih relevan dapat kita pakai pada masa ini.

Gaji minima dikaitkan dengan gaji minima di sektor swasta ini dikaitkan dengan pertimbangan-pertimbangan yang banyak, Yang Berhormat itu sendiri mengetahui dan memahaminya. Jadi saya rasa, sehingga kita di negeri ini merasakan sebagaimana apa yang dirasakan oleh Yang Berhormat itu, sudah benar-benar keadaannya memerlukan untuk kita menentukan gaji minima di sektor swasta, maka pada ketika itulah mungkin kitani fikirkan sesuai.

Adapun yang dikaitkan dengan CSPA itu, barangkali rakan saya yang lain dapat menjelaskan. Tetapi yang akan dikaitkan dengan taraf hidup yang akan dicapai bagi rakyat dalam Wawasan 2035 itu, memanglah suatu yang ideal, yang akan kitani mahu capai dan mudah-mudahan kitani akan tercapai. Taraf hidup itu bukan sahaja dengan mempunyai pekerjaan yang baik, dengan pendapatan yang baik, tetapi dengan pendidikan yang baik juga. Dan hal-hal sedemikian itulah, mudah-mudahan kitani akan dapat berfikir sama-sama, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingin bertanya? Oleh kerana nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengemukakan soalan, maka Tajuk SE05A - Jabatan Buruh diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SE05A - Jabatan Buruh dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya fikir baiklah kitani berehat sementara, maka Persidangan Jawatankuasa ini ditangguhkan selama setengah jam.

(Mesyuarat berehat sebentar)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa tadi kita tangguhkan selama setengah jam. Maka sekarang kita bersidang sebagai Majlis

Mesyuarat Negara. Terima kasih, yang mana jua saya tangguhkan. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah, Masa Persidangan Jawatankuasa tadi kita telah meluluskan Tajuk SE05A - Jabatan Buruh untuk menyambung semula membincangkan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Maka persidangan ini selaku Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana kita telah meluluskan Tajuk SE05A - Jabatan Buruh dan yang telah dijadikan sebahagian daripada Jadual. Maka sekarang kita beralih kepada Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Jurutulis: Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk ini saya bukakan untuk perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Di sini saya akan menyampaikan satu perkara walaupun perkara ini ianya berkisar di Jabatan Daerah Brunei dan Muara kerana ianya berhubung kait dengan peruntukan dan kewangan. Jadi melihat dari segi keramaian dan bertambahnya Penghulu dan Ketua Kampung di Daerah Brunei dan Muara setentunya ia berkehendakkan satu perubahan yang lebih besar. Melihat

keadaan bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, saya mencadangkan supaya rancangan untuk membesarkan bagi tambahan Jabatan Daerah Brunei dan Muara ini ianya akan dapat dipercepatkan. Begitu juga mengubahsuai Dewan Muhibah Jabatan Daerah yang mana melihat sekarang ini ianya perlu dibuat perubahan kerana di jabatan-jabatan yang lain ianya lengkap dengan peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sana seperti ia membolehkan untuk mengadakan perlawanan futsal. Oleh yang demikian apa yang disebutkan tadi supaya ianya akan dipercepatkan untuk pembinaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat wakil daerah, kedua-dua perkara itu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita mengambil catatan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi ahli-ahli lain. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola jika dibenarkan ingin merujuk balik kepada soalan yang awal tadi, Yang Berhormat

Pehin sebelum dewan berehat iaitu mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Daerah Temburong mengenai dengan isu pengangguran di kalangan belia-belia Daerah Temburong. Jadi jika kaola dibenarkan kaola akan meneruskan hujah kaola Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menarik perhatian mengenai dengan perkara yang ditimbulkan mengenai dengan masalah pengangguran di kalangan belia-belia di Temburong dan secara umumnya kepada belia-belia di seluruh negara iaitu belia-belia yang dikatakan tercicir iaitu mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang rendah yang tidak dapat meneruskan pelajaran ataupun mengikuti kursus peringkat tinggi yang diadakan di sekolah-sekolah vokasional.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah mengambil perhatian mengenai dengan pengangguran di kalangan belia-belia yang tercicir yang sepertimana yang kaola nyatakan tadi.

Dalam mana sejak 1996 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun menubuhkan Pusat Pembangunan Belia. Jadi melalui Pusat Pembangunan Belia ini beberapa kursus telah pun ditawarkan bagi belia-belia yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di peringkat tinggi seperti kursus-kursus *welding*

fabrication, catering, aircondition, refrigerator, computer, cake dan pastry, jahitan dan sulaman, hair saloon, vehicle body repair, plumbing dan bangunan dan mencat.

Sejak Pusat Pembangunan Belia ini dilancarkan lebih kurang iaitu daripada tahun 1996 hingga 2010, 1,707 orang belia yang tercicir telah pun mengikuti kursus di pusat berkenaan dan telah pun mendapat kemahiran-kemahiran dalam bidang-bidang yang kaola nyatakan. Daripada jumlah berkenaan 5%, saya ulangi 5% adalah daripada peserta-peserta atau pelatih-pelatih daripada Daerah Temburong. Jadi di sini menunjukkan bahawa memang ada usaha-usaha di pihak kerajaan untuk menangani masalah pengangguran ataupun membantu belia-belia yang mencari pekerjaan, dan di Daerah Temburong tidak terkecuali.

Dan bukan setakat Pusat Pembangunan Belia itu memberikan kursus-kursus latihan selama 18 bulan iaitu dalam bentuk latihan kemahiran dan pembangunan diri yang dicantumkan dua-duanya selama 9 bulan dan latihan penempatan kerja selama 9 bulan malahan Pusat Pembangunan Belia juga membantu kepada lepasan-lepasan ataupun pelatih-pelatih di pusat berkenaan untuk mendapatkan pekerjaan di pihak swasta. Dan Alhamdulillah daripada peratus yang terdapat di dalam statistik Pusat Pembangunan Belia 71% daripada lepasan Pusat Pembangunan Belia telah pun berjaya mendapatkan pekerjaan di pihak Swasta, manakala lebih kurang 2% daripada pelatih-pelatih itu berjaya untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Dan dalam waktu yang sama juga Pusat Pembangunan Belia membantu lepasan-lepasan tersebut untuk menjalani penempatan-penempatan di pihak-pihak swasta malahan juga melalui kerjasama dengan *Brunei Economic Development Board* dan sebuah Syarikat Aluminium yang terdapat di Brunei Darussalam ini memberikan bantuan-bantuan kewangan bagi membolehkan pelatih-pelatih daripada Pusat Pembangunan Belia berkenaan itu memulakan perniagaan ataupun perusahaan mereka.

Dan insya-Allah Pusat Pembangunan Belia akan sentiasa mengkaji dan meneliti dari segi kursus-kursus yang ditawarkan malahan akan memperbanyakkan lagi kursus-kursus singkat iaitu lebih kurang 2 ke 3 bulan yang dapat merespons atau memenuhi kepada keperluan-keperluan *market demand* seperti kursus-kursus pelayanan, kursus-kursus fotografi dan kursus seperti pemandu trak yang mana kitani di Brunei masih banyak bergantung pemandu-pemandu trak luar negara. Jadi setakat itu sahaja dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, kalau tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bercakap, Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei Muara diluluskan sebagai sebahagian daripada Jadual, terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SE07A – Pejabat Daerah Belait.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Daerah Belait saya bukakan untuk perbahasan, Yang Berhormat Haji Mohd. Shafiee, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Jabatan Daerah Belait diberi peruntukan sebanyak \$4.9 juta iaitu \$2.7 juta untuk gaji pegawai dan kakitangan dan \$2.2 juta untuk perbelanjaan berulang-ulang. Di samping itu, peruntukan juga sejumlah \$500 ribu bagi mengganti, mengubahsuai kemudahan-kemudahan awam yang di bawah kawasan jabatan tersebut. Ini sepertimana yang tersebut di dalam anggaran perbelanjaan pada tahun ini. Dengan peruntukan ini kita menaruh harapan dan keyakinan bahawa Jabatan Daerah Belait akan mampu menyiapkan segala projek yang telah dirancang untuk tahun 2011.

Untuk makluman, Daerah Belait adalah daerah kawasan yang terbesar dengan keramaian kira-kira 80 ribu orang dan dengan bilangan penghulu-penghulu mukim dan ketua kampung seramai 17 orang sahaja, kalau dibandingkan dengan Daerah Tutong dan Temburong yang saiz kawasannya sedikit kecil dan ramai penduduk pun kurang dari Daerah Belait, tetapi mempunyai bilangan pemimpin akar umbi yang lebih besar.

Saya ingin bertanya bilakah agaknya perancangan untuk memecahkan kampung-kampung yang besar di daerah tersebut kepada beberapa buah kampung? supaya pemedulian terhadap kampung dan anak buah kampung akan lebih teratur.

Dan demikian juga perancangan untuk mencantum-cantumkan beberapa kampung yang kecil yang tidak ramai supaya nampak pengurusan lebih ekonomikal dan dapat dilaksanakan pengurusan dengan sempurna. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih kepada wakil Daerah Belait. Sesungguhnya diketahuilah Daerah Belait, daerah yang mempunyai penduduk yang ramai dengan bilangan penghulu dan ketua kampung juga ramai.

Isu yang dibangkitkan dan ditanyakan tadi ialah bilakah pemecahan kampung-kampung besar untuk disesuaikan dengan tugas-tugas penghulu dan ketua kampung dan kampung-kampung yang kecil dicantumkan. Perkara ini bukan saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi, bukan saja akan dibuat di Daerah Belait, malah di seluruh negeri ertinya Kementerian pada masa ini sedang meneliti untuk mengatasi masalah di mana penghulu-penghulu atau ketua-ketua kampung yang mempunyai kawasan yang besar dengan penduduk yang besar, penduduk yang ramai, kemudian ada ketua kampung yang kawasannya dan penduduknya tidak ramai tapi tanggungjawab itu sebagai ketua kampung adalah sama dan dengan imbuhan yang sama.

Jadi perkara ini melibatkan satu dasar yang difikirkan yang sedang di *formulate* oleh kementerian. Yang Berhormat Pehin Pengerusi untuk makluman majlis ini, kementerian sedang memikirkan untuk *rezoning* semula kampung-kampung seluruh negeri. *rezoning* ini termasuklah pemecahan sebagaimana yang disebutkan dan pencantuman.

Jadi peringkat orang ramai, terutama sekali di peringkat Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan diajak berunding untuk mendapatkan *input-input* yang bersesuaian. Dan termasuklah dalam hal ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi yang akan membabitkan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang pada masa ini masih lagi ditunduki di peringkat kementerian. Kalau *rezoning* ini dapat dilakukan, maka skim perkhidmatan itu juga akan dapat disesuaikan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengemukakan soalan, maka Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong saya bukakan untuk perbahasan. Yang Berhormat Orang Kaya silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kaola dalam membahaskan peruntukan Pejabat Daerah Tutong ini terlebih dahulu mengucapkan terima kasih yang mana peruntukan 2011/2012 berjumlah \$5,480,800.00 berbanding pada tahun 2010/2011 berjumlah \$5,417,840.00, ini bertambah sebanyak \$62,960.00. Jadi diucapkan terima kasih atas perkara ini semoga *estimate* ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya.

Yang Kedua, di Daerah Tutong terdapat beberapa buah restoran dan kedai runcit yang dipunyai nama satu syarikat yang mana perkara ini ada kaitannya pengeluaran lesen. Contohnya, bahawa sebelum perkara ini terjadi kedai koperasi dengan namanya sendiri, tetapi sekarang terpampang nama syarikat yang berkenaan. Di samping itu pekerjaanya juga daripada orang luar ataupun orang asing. Pelanggan-pelanggannya pula terdiri daripada orang kitani sendiri. Nampaknya kedai runcit ini sudah dimonopoli oleh orang asing. Adalah diharapkan bahawa perkara ini akan dapat dikaji balik, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman: Terima kasih,

berhubung dengan peruntukan yang bertambah walaupun sedikit, insya-Allah akan dipergunakan sebaik-baiknya.

Dan mengenai yang kedua itu, kalau dapatlah Yang Berhormat lebih spesifik mengenai perkara ini. Adakah asalnya restoran atau kedai runcit itu merupakan koperasi bertukar kepada perniagaan lain dan sebagainya? yang mana kalau ada maklumat yang lebih jelas bolehlah Jabatan Daerah di Tutong untuk mengambil tindakan yang bersesuaian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya menyentuh mengenai peralihan penghulu-penghulu yang seringkali memakan masa yang panjang kerana tidak ada orang berkecukupan. Melalui majlis ini saya cadangkan jawatan penghulu-penghulu ini dibuka kepada umum di mana ada barangkali pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan akan yang cenderung untuk memimpin rakyat akan mengambil bahagian. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan perkara ini juga masih yang sedang giat diteliti dan akan dirumuskan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana memang mendapati

sejak 3 tahun terakhir didapati lantikan-lantikan itu, penghulu-penghulu terutama sekali termasuk juga ketua kampung adalah prosesnya lama baharu selesai. Tetapi calon-calon yang bersesuaian tidak ada yang tampil ataupun ada yang tampil tetapi setelah diteliti lagi tidak juga bersesuaian. Jadi hal-hal seperti ini menimbulkan semacam pemikiran yang akan dijadikan asas untuk membuat satu dasar baharu berhubung dengan lantikan-lantikan ini termasuklah pilihan-pilihan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana tidak ada lagi yang ingin mengemukakan soalan, maka Tajuk SE08A – Pejabat Daerah Tutong diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong saya bukakan untuk perbahasan. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah jumlah peruntukan bagi Daerah Temburong pada tahun ini yang jumlah \$5.3 juta meningkat daripada tahun lepas dengan

lebih sebanyak \$92,990.00. Adalah diharapkan supaya peruntukan bagi Daerah Temburong yang bernilai \$5.3 juta itu akan dapat digunakan sebaik-baiknya. Terutama sekali bagi mengambil pekerja-pekerja untuk mengisikan jawatan-jawatan yang sudah lama belum lagi diisikan.

Di Jabatan Daerah Temburong, apa yang kaola difahamkan beberapa jawatan-jawatan kosong yang ada untuk diisikan. Adalah juga diharapkan peluang ini diberikan juga kepada penduduk Daerah Temburong. Sebagai contoh, ada kes berlaku di mana pemohon bekerja dari luar daerah yang berjaya untuk mengisikan jawatan kosong disalah sebuah Jabatan di Daerah Temburong, akan tetapi akhirnya calon yang berjaya tersebut tidak berkesanggupan untuk bertugas di Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam kesempatan di dewan yang mulia ini, kaola mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Daerah Temburong yang telah dapat menangani dalam membantu pembaikan rumah-rumah orang-orang daif dan balu-balu di Daerah Temburong yang memerlukan bantuan melalui wang peruntukan pada tahun lepas. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga Ahli Yang Berhormat wakil Daerah

Temburong. Pertama sekali sukacita juga diucapkan terima kasih di atas penghargaan Yang Berhormat itu ke atas usaha Jabatan Daerah Temburong untuk mengelingi hal ehwal penduduk yang memerlukan bantuan seperti yang disebutkan tadi melalui Tabung Kebajikan, Jabatan Daerah Temburong. Dan ini diketahui Yang Berhormat adalah satu projek kemasyarakatan di mana diselaraskan oleh jabatan-jabatan daerah sebenarnya di seluruh negeri.

Projek ini melibatkan jua sukarelawan-sukarelawan dan juga melibatkan juga beberapa pihak tertentu untuk sama-sama turun. Terutama sekali orang ramai di peringkat perundingan Mukim dan Peringkat perundingan kampung. Dan inilah sebahagian daripada satu cara untuk kita mengukuhkan perpaduan di kalangan peringkat akar umbi di seluruh negara, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Mengenai jawatan-jawatan kosong, pada masa ini memang terdapat ada 16 jawatan kosong di Pejabat Daerah Temburong dan sebahagiannya sudah dalam proses pengiklanan untuk diisikan. Jawatan-jawatan di Pejabat Daerah Temburong, selain daripada jawatan Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah di mana syaratnya adalah mereka itu hendaklah lulus dalam peperiksaan Perkhidmatan Brunei (BAS) sementara jawatan-jawatan lain yang kosong itu yang di bawah daripada jawatan tersebut adalah terbuka, tergantung kepada kelayakan-kelayakan.

Memang kementerian bersetuju dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kesesuaian pengambilan berkhidmat

di Temburong mestilah juga mengambil kira ke tempatan orang iaitu dengan sendirinya anak tempatan. Kerana perkara ini misalnya kalaulah jawatan Kerani Sulit yang kosong, walaupun jawatan itu terbuka, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan JPA diiklankan secara terbuka tetapi itulah dalam masa pengambilannya dengan mengambil kira orang yang akan memegang jawatan sedemikian itu seboleh-bolehnya orang yang bermastautin, bukan lagi seboleh-bolehnya, orang yang diutamakan orang yang bermastautin di daerah itu. Atu jawatan di bahagian pejabat, di bahagian *operational* di bawah lagi Yang Berhormat Pehin Pengerusi seperti Tukang Kebun, Tukang Kayu, Driver semuanya itu adalah sesuai untuk diisikan oleh orang-orang tempatan. Jadi insya-Allah keutamaan dalam pengisian jawatan yang bersesuaian di Jabatan Daerah Temburong yang kosong itu akan mengambil kira keutamaan kepada anak-anak tempatan, insya-Allah. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana tidak ada lagi ahli lain yang ingin mengemukakan soalan maka Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual. Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih kepada dewan yang telah meluluskan peruntukan-peruntukan bagi semua Jabatan Daerah. Kerana Jabatan Daerah ini boleh

dikatakan ialah jabatan yang mengelilingi luar bandar. Maka dalam kesempatan ini Yang Berhormat Pengerusi Majlis, saya ingin mengumumkan bahawa bagi menangani pembangunan luar bandar sebuah Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar telah diperkenalkan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

Jawatankuasa ini bertugas ataupun mempunyai fungsi yang utamanya ialah membuat penilaian terhadap keadaan dan persekitaran kawasan luar bandar dari segi keperluan kepada pelbagai bentuk pembangunan yang diperlukan bagi kesejahteraan hidup serta pembangunan sosial ekonomi masyarakat luar bandar. Membuat perancangan pembangunan yang diperlukan oleh kawasan-kawasan luar bandar berkenaan sama ada dalam bentuk jangka pendek, sederhana atau jangka panjang. Dan pada umumnya, fungsi jawatankuasa ini ialah menyelaras pembangunan di peringkat luar bandar. Pembangunan menentukan pembangunannya dan memelihara juga pembangunannya. Jadi jawatankuasa ini dianggotai oleh hampir semua kementerian dan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Timbalan Pengerusinya adalah Timbalan Menteri Kewangan, ahli-ahlinya yang lain adalah Setiausaha-Setiausaha Tetap dari kementerian-kementerian lain.

Maka dengan penubuhan jawatankuasa ini, akan diharapkan pembangunan luar bandar akan kitani lihat sebagai satu fokus. Walaupun pada masa ini pembangunan di luar bandar adalah dilakukan masing-

masing melalui kementerian iaitu Kementerian Pendidikan misalnya kerana keperluan persekolahan, Kementerian Pembangunan kerana keperluan prasarana infrastruktur dan Kementerian Kesihatan dengan keperluan dari segi kesihatannya, dan berbagai-bagai lagi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan keperluan dari segi kesukanan dan olahraga. Jadi jawatankuasa ini akan melihat secara keseluruhan dan akan menimbangkan sokongan-sokongan tertentu supaya pembangunan itu dilihat pembangunan luar bandar, tidak semata-mata pembangunan di luar bandar, ada dengan falsafah-falsafah tertentunya, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SE09A – Pejabat Daerah Temburong dijadikan sebahagian daripada Jadual Tajuk SE10A – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SE10A – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, saya bukakan untuk perbincangan. Terima kasih, silakan Pehin Goh.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terdapat satu laporan media pada 4 Mac 2011, Penduduk Tetap berasa gembira selepas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memaklumkan di dalam Dewan Majlis tentang menghapuskan bayaran *re-entry* visa untuk semua Penduduk Tetap. Ini merupakan keprihatinan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mengambil berat tentang hal ehwal Penduduk Tetap.

Dalam laporan media itu juga, penduduk telah menimbulkan isu mengambil visa sekiranya mereka melawat ke Semenanjung Malaysia, akan tetapi jika mereka melawat ke Sabah, Sarawak dan Singapura, visa tidak diperlukan oleh Penduduk Tetap ini. Kaola berharap kementerian yang bertanggungjawab bolehlah berunding dengan negara yang berkenaan tentang penduduk tetap melawat ke Semenanjung Malaysia tanpa menggunakan visa. Ini merupakan satu kemudahan kepada pengusaha untuk menjalankan perniagaan mereka dengan cepat.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu penduduk tetap ini kaola telah pun membincangkan pada mesyuarat yang lalu. Kaola mengharapkan Menteri yang baru ini akan mempertimbangkan cadangan-cadangan ini kerana isu ini sangat penting dan kaola tidak perlu menghuraikan satu persatu. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini saya ingin minta sedikit penjelasan mengenai dengan istilah atau tafsiran Penduduk Tetap itu adakah termasuk mereka yang mempunyai pasport negara lain atau mereka itu memang hanya bermastautin di Brunei tidak ada mempunyai pasport di negara-negara lain?

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Awang Haji Othman: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya sendiri juga kurang jelas dengan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pehin Goh, sama ada Penduduk Tetap itu penduduk tetap yang mempunyai kewarganegaraan asing sebagaimana Yang Berhormat Pehin Pengerusi sebutkan ataupun Penduduk Tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan atau *stateless*.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Soalnya Yang Berhormat Pehin, perkara ini sudah jelas bah, mestilah orang Penduduk Tetap Brunei, kalau macam orang-orang Malaysia *they no need to apply visa*, minta maaf.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Mengenai perkara yang pertama Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini pihak Jabatan Imigresen dengan *counterpart* mereka Jabatan Imigresen Malaysia sudah pun sama-sama menunduki isu keperluan visa bagi Penduduk Tetap Brunei yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan untuk memasuki Semenanjung. Dalam mesyuarat mereka yang terakhir, baru-baru ini di Bandar Seri Begawan iaitu Mesyuarat Kumpulan Teknikal berhubung dengan lalu lintas kekerapan melintasi pos kawalan. Dalam minitnya setakat menyatakan bahawa perkara Penduduk Tetap Brunei yang tidak mempunyai taraf warganegara memasuki Semenanjung yang memerlukan visa itu

adalah diambil perhatian. Demikian untuk maklumat setakat ini.

Berhubung dengan PR yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pehin tadi, perkara-perkara yang berkaitan dengan PR yang *stateless* ini yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan ini, sebagaimana yang diumumkan belum lama ini bahawa kementerian adalah memberi keutamaan untuk menyegerakan proses-proses permohonan mereka untuk menjadi rakyat, iaitu menimbangankan permohonan mereka untuk menjadi rakyat. Antaranya ialah dengan mengkerapkan lagi peperiksaan bahasa. Kalau pada masa yang lalu, dua (2) kali setahun, mungkin akan diperbanyakkan. Kerana ini keperluan undang-undang untuk mereka lulus bahasa.

Selain daripada itu, bagi membantu mereka dalam menghadapi peperiksaan bahasa, sama ada bertulis ataupun yang secara lisan akan dibuat semacam satu kursus induksi dengan menggunakan *syllabus* yang tertentu bagi bahasa itu. Jadi ini antaranya proses untuk mempercepatkan mereka untuk menjadi rakyat. Untuk maklumat dewan ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi, setakat ini bilangan pemohon-pemohon yang memohon kerakyatan dari Penduduk Tetap yang *stateless* yang tidak mempunyai kewarganegaraan adalah seramai 997 orang iaitu sehingga kepada bulan Februari yang lalu. 997 orang ini merupakan 71% daripada sejumlah daripada permohonan-permohonan yang lain, iaitu seramai 402 permohonan daripada warganegara asing untuk menjadi rakyat. Jadi hal ini, sudah tentulah untuk memprosesnya, menggunakan kaedah-kaedah yang baru bagi mempercepatkannya

sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Demikianlah Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, di sini saya akan menyampaikan isu saya yang tersilap menyampaikan iaitu mengenai dengan sungutan orang ramai mengenai dengan kesesakan tempat membuat kad pengenalan dan pembaharuan kad pengenalan di Jabatan Imigresen. Kelambatan memproses juga berlaku yang mana orang ramai membuat urusan tersebut memakan masa yang panjang sehingga 2 ke 3 jam, dan ada pula yang tidak sempat waktu pagi dan bersambung pada waktu petang. Jadi orang ramai telah mencadangkan supaya kaunter-kaunter yang ada sekarang ini yang bercampur dengan pengurusan bagi pemohon rakyat tempatan dengan pemohon daripada rakyat dari warga asing. Dicadangkan supaya kaunter ini diasingkan.

Kedua, mengenai dengan kelambatan pemeriksaan cop pasport keluar dan masuk di Pos Kawalan Kuala Lurah yang mana pos kawalan tersebut mempunyai tiga kaunter. Tiga kaunter keluar dan masuk dan sama juga melihat keadaan kaunter yang telah dibuat oleh kaunter di negara jiran kitani. Jadi melihat keadaan tersebut apabila *queue* kereta ini dari Negara Brunei Darussalam keluar ke negara jiran, begitu juga *queue yang* kereta dari negara luar yang akan masuk ke negara kita sangat panjang, tetapi apabila kita melihat deretan *queue* kereta

dari negara kita, kemudian selepas itu masuk ke dalam *queue* kawasan Imigresen negara jiran nampaknya agak lengang dan jarang-jarang. Bukanlah saya mengatakan Pekerja Imigresen dan Kastam negara ini tidak cekap malah di dewan ini, saya merasa kagum dan mengucapkan tahniah di atas kegigihan pekerja-pekerja Imigresen dan Pegawai Kastam negara kitani yang menjalankan tugas begitu aktif sekali dan bersabar pula menerima sungutan-sungutan dan karenah-karenah daripada orang ramai. Dan pekerja kitani Negara Brunei Darussalam sanggup pula bekerja melimpasi masa. Apatah lagi di waktu masa-masa cuti sekolah malah mereka ditugaskan atau bekerja melebihi daripada jam 10.00 ada di antaranya bekerja sehingga jam 12.00 malam.

Jadi di sini saya menimbulkan perkara ini untuk berkongsi pendapat untuk mencari bagaimana cara untuk mengatasi perkara ini supaya kelicinan pemeriksaan di pos kawalan ini selaras dengan kelicinan pos kawalan negara jiran. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi Majlis dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat wakil Daerah Brunei Muara. Mengenai kesesakan di Ibu Pejabat di Kaunter Pengeluaran Kad Pengenalan. Memanglah diakui kesesakan itu berlaku, faktor-faktor utamanya ialah kerana tempat kaunter itu tidak berubah keluasannya daripada beberapa tahun yang lalu berbanding dengan perubahan dari segi

kehadiran ataupun kedatangan pelanggan-pelanggan ataupun orang ramai yang memohon kad pengenalan berurusan untuk membuat kad pengenalan atau sebagainya di tempat yang sama, dilihatlah kesesakan.

Dari segi waktu pelayanan yang dikatakan melebihi 2 jam bergantunglah kepada misalnya kalau yang datang itu awal mendapat nombor 1 sampai 10, maka diperkirakan orang yang nombor 10 itu akan dapat dilayan permohonannya sekitar dalam satu jam, kerana setiap seorang itu diperkirakan boleh diselesaikan dalam keadaan biasa, tidak bermasalah, sekitar 7 ke 10 minit. Itulah perkiraan Bahagian Kad Pengenalan, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kesesakan ini juga disebabkan faktor bilangan pemohon-pemohon berikutan daripada keperluan membaharui kad pengenalan yang diperuntukkan setelah 10 tahun yang lalu, maka bermula daripada 1 Ogos tahun lepas permohonan-permohonan untuk membaharui kepada kad pengenalan pintar yang baru sampailah sekarang ini.

Jadi bilangan itu makin bertambah. Kalau sebelum 1 Ogos tahun yang lalu, bilangan di kaunter sama ada bahagian hijau rakyat asing, ataupun Penduduk Tetap Ungu, penduduk tetap yang kuning, masing-masing itu bahagian hijau 5 kaunter bahagian Ungu dan yang kuning 5 kaunter, kalau pada keseluruhannya sebelum Ogos tahun lepas sekitar 280 orang atau 300 orang. Tapi dengan adanya keperluan membaharui kad pengenalan di bawah kehendak akta yang ada itu mulai daripada 1 Ogos tahun lalu sampai sekarang ini, maka orang yang berurusan untuk memohon membaharui kad

pengenalan adalah mencapai angka 600 orang. Jadi pertambahan itulah.

Bagaimanapun apa inisiatif Kementerian dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk mengatasi selain daripada untuk mendapatkan tambahan bilangan pekerja, bilangan pegawai dan kakitangan ialah sementara itu belum dapat dilakukan meneruskan waktu pelayanan dari 7.45 pagi sampai kepada 3.45 petang. Jadi dengan adanya waktu penerusan ini memungkinkan waktu berehat 12.30 kaunter masih lagi dibuka, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Itu ada antara-antaranya.

Kedua, menimbangkan tidak ada ruang lagi di bangunan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran untuk mengadakan kaunter-kaunter tambahan, tapi dengan memerlukan membuka kaunter-kaunter di kawasan-kawasan begitu ramai umpamanya di kawasan seperti di kawasan Sengkurong.

Ini kalau difikirkan bersesuaian dengan kos perbelanjaan yang tidak tinggi yang bersesuaian juga, insya-Allah perkara-perkara seumpamanya ini akan dapat diatasi. Itu berhubung dengan kesesakan di Ibu Pejabat.

Ketiga, kesesakan di Pos Kuala Lurah. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Untuk makluman dewan ini memanglah Pos Kuala Lurah berbanding dengan pos-pos kawalan yang lain, di Kuala Lurahlah yang paling tinggi menerima keluar masuk untuk diproses orang-orang yang masuk. Pada tahun lepas iaitu tahun 2010 perangkaan ada diberikan kepada saya, di Kuala Lurah sebanyak 3.1 juta. Dari sejumlah 7.9 juta

orang yang keluar masuk di seluruh pos kawalan.

Jadi rakyat Warganegara Brunei daripada jumlah 3.1 juta itu Warganegara Brunei adalah 1.4 juta berbanding dengan warga negara asing, bermakna orang asing yang masuk ataupun orang yang sini dari Brunei yang keluar adalah 2.5 juta. Jadi dari jumlah ini tentulah menunjukkan ada kesesakan terjadi, usaha-usaha untuk mengatasi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat wakil dari Daerah Brunei dan Muara tadi ingin mengongsikan di sini supaya difikirkan, usaha-usaha dari semasa ke semasa termasuklah umpamanya dengan memastikan sistem-sistem kita akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Mengikut pemerhatian orang ramai yang membuat pemerhatian secara objektif berlakunya kesesakan itu ada juga pengaruhnya antara jenis orang yang keluar masuk antara *passport holder*. Kerana *passport holder* itu kalau misalnya orang Brunei dengan sendirinya senang diproses kalau *passport holder* itu, pasport asing ada sedikit kelambatan. Itu mengikut pemerhatian orang ramai bukan daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran ataupun Kementerian, jadi kalau dilihat sini bilangan orang asing bertambah 2.5 juta, maka itu menimbulkan dan menyebabkan kesesakan berbanding dengan 1.4 juta rakyat. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat wakil dari Daerah Brunei dan Muara supaya perkara ini menjadi perhatian kita bersama dan difikirkan dari masa ke semasa untuk melicinkan perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam perkara ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat di sini saya ingin menambah ikut mengemukakan pandangan dengan diketahuinya bilangan orang keluar masuk di tempat-tempat yang berkenaan itu dari setahun ke setahun. Jadi saya berharap pihak yang berkenaan akan dapat membuat *projection* bagi tambahan pegawai-pegawai bukan sahaja pegawai-pegawai, tempat-tempat mereka bekerja supaya dapat menemui kenaikan bilangan yang menggunakan pos-pos kawalan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya kan bercakap masalah yang sama tetapi lokasi berlainan. Di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran di Daerah Belait di tempatkan di dua buah bangunan yang berasingan di pejabat-pejabat kerajaan. Bahagian Pendaftaran Kebangsaannya berada di tingkat atas di bangunan Jabatan Daerah Belait. Keadaan ruang menunggu giliran untuk dilayan terutama bagi membaharui kad pengenalan diperhatikan berkeadaan sesak terutama pada hari-hari Sabtu. Kurang selesa berurusan bagi orang-orang yang kurang upaya terutama orang-orang yang berkerusi roda warga tua. Bayangkan jika berlaku sebarang perkara

yang tidak diingini mungkin ada yang terperangkap kerana tidak sempat dapat keluar cepat disebabkan akses untuk keluar dan masuk di bangunan tersebut agak sempit.

Manakala Jabatan Imigresen dan Pendaftaran di tempatkan di bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan juga di tingkat II atas walaupun mempunyai lif tetapi kadangkang lif tersebut tidak berfungsi dan ini menjadikan kesulitan kepada yang kurang upaya warga tua. Dan di daerah-daerah lain keadaan tidak sedemikian kerana pejabat-pejabatnya di tempatkan semuanya di tempatkan di bahagian bawah. Perkara ini pernah saya utarakan beberapa tahun dalam Majlis Mesyuarat di dewan yang mulia ini juga. Jadi, soalan saya pada hari ini ialah adakah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan mempunyai perancangan untuk menempatkan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di daerah Belait khususnya ke tempat yang lebih selesa dan mesra pelanggan?. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Adakah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mempunyai perancangan untuk menempatkan pejabatnya di Belait ke bangunan yang lain perkara itu kementerian saya ingin mencatitkannya sebagai satu cadangan daripada Yang Berhormat itu. Berhubung dengan keadaan pada masa ini memanglah diakui terutama sekali

menyulitkan kerana di tingkat atas bukan di tingkat bawah dan juga keadaannya juga dapat difikirkan dari segi keselamatan terjadi bahaya api dan sebagainya. Maka satu peringkat dahulu tahun lepas dalam lawatan kami ke pejabat-pejabat yang berkenaan itu perkara keselamatan ini telah diambil kira dan pihak-pihak berkenaan jabatan supaya mengambil kira mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini jika terjadi kebakaran dan sebagainya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak ada lagi ahli lain yang ingin membahaskan perkara ini. Dengan yang demikian Tajuk SE10A – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE11A – Jabatan Penjara.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SE11A - Jabatan Penjara saya bukannya untuk perbahasan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi sepertimana juga dalam khutbah Juma'at di masjid-masjid utama di seluruh negara pada hari Juma'at yang lepas antara lain dalam isi kandungan khutbah Juma'at tersebut bagi mereka yang menjalani hukuman dalam penjara telah disediakan pelbagai program dari segi pemulihan dan memperbaiki diri mereka agar

berjaya menjalani kehidupan yang lebih baik apabila dibebaskan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi kaola yang sememangnya menyuarakan di dewan yang mulia ini, bahawa banduan-banduan yang telah dibebaskan setelah menjalani hukuman penjara seperti yang telah terlibat dalam apa juga kesalahan jenayah dan kembali ke pangkuan masyarakat, mereka telah diberikan pendidikan dari segi kerohanian dan kemahiran setelah keluar dari penjara. Masalahnya apabila mereka memohon sebarang pekerjaan sama ada dengan sektor awam atau dengan sektor swasta mereka kurang mendapat sokongan, seolah-olah mereka dipinggirkan dan di *blacklist*. Kaola bertanya apakah mereka ini diberi peluang yang sama seperti pemohon yang lain untuk meneruskan kehidupan harian mereka yang lebih baik dan sempurna kerana mereka sudah insaf setelah menjalani hukuman?. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi saya seperti juga Yang Berhormat wakil Daerah Temburong tadi sama-sama mengalu-alukan dan menyanjung tinggi kandungan khutbah Juma'at yang lalu berhubung dengan bekas-bekas banduan. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sama juga dengan sentimen yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tadi iaitu ingin melihat bekas-bekas banduan ini mendapat layanan dan juga diberi

peluang kali kedua. Dalam erti kata mereka ini sudah orang yang bersalah dan setelah menjalani hukumannya mereka keluar dari penjara dan mereka perlu diberikan peluang untuk kembali ke masyarakat dengan mempunyai pekerjaan bagi kehidupan dirinya bagi menyara hidup dirinya dan mungkin jua bagi menyara hidup keluarganya. Jadi sentimen yang sama itu adalah sama dirasakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kerana itulah dari segi penjara, sebagaimana juga yang disebutkan dalam khutbah itu, banduan-banduan yang dalam tahanan adalah diberikan latihan-latihan yang bersesuaian yang memungkinkan mereka untuk mendapat pekerjaan mengikut kemahiran mereka, pengalaman mereka dalam masa tahanan itu. Di samping itu, jangan dilupakan juga bahawa mereka juga telah diberikan pemulihan dari segi didikan moral dan ugama, ini adalah sangat penting, kerana itulah mereka yang keluar daripada penjara, iaitu bekas-bekas banduan ini adalah boleh dikatakan orang yang sudah pertama sekali mungkin mereka bertaubat dan kedua, mereka adalah mempunyai cukup untuk menghadapi kehidupan biasa di luar penjara seperti biasa.

Jadi mudah-mudahan kalau ada rakan lain yang berkenaan di sini, Ahli-Ahli Rasmi yang berkenaan di sini ataupun respons, adakah mereka ini dari segi peluang pekerjaan dalam erti kata sebenar-benarnya, sama dengan orang-orang lain, saya memohon izin daripada Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kalau ada.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih juga saranan Yang Berhormat tadi, memang diambil maklum. Sebenarnya menurut Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, Para 6, ada menyatakan seseorang pegawai yang telah dibuang kerja atau perkhidmatan-perkhidmatannya telah ditamatkan oleh sebab-sebab pekerjaan atau kelakuannya tidak memuaskan, boleh diambil semula bekerja hanya dalam keadaan-keadaan khas dan berkecualian sahaja. Namun demikian pihak SPA, tidaklah ada halangan sebenarnya bagi pegawai-pegawai yang telah dibuang kerja untuk diambil semula bekerja secara bergaji hari, di mana jabatan-jabatan yang memerlukan perkhidmatannya tersebut adalah diperlukan tetapi ianya terpaksa juga *compete* dengan orang-orang yang lain itu dari segi syarat-syarat kelayakan. Itu saja.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, di sini saya ingin jua turut membuahakan fikiran, saya percaya pihak yang berkenaan dalam mempertimbangkan soal memberi peluang pekerjaan kepada banduan yang telah pun selesai menjalankan hukumannya tentulah dipertimbangkan jua apa jenis kesalahannya. Sama ada kesalahannya itu melibatkan *dishonesty* atau tidak amanah atau menggunakan kekerasan dan jua adakah ia banduan *first offender* atau sudah mempunyai pengalaman tinggal di penjara. Ini sebagai buah fikiran saya saja. Terima kasih.

Silakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola hanya ingin untuk menambah maklumat dari segi usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberikan peluang pekerjaan kepada lepasan-lepasan banduan ataupun pesalah-pesalah sama ada melalui kesalahan-kesalahan jenayah atau kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan dadah Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Dan sememangnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berperanan dari segi untuk memberikan peluang kepada lepasan-lepasan pesalah yang kaola nyatakan tadi itu untuk mendapatkan pekerjaan. Dalam mana kementerian kaola melalui Pusat Pembangunan Belia telah pun membukakan satu kursus atau program yang digelar As-Syifa, yang mana kumpulan sasarannya ialah bekas-bekas penagih dadah yang di bawah pengawasan Biro Kawalan Narkotik. Dan sejak ianya bermula pada tahun 2005, lebih kurang 98 orang telah pun diterima untuk menjalani latihan di pusat berkenaan bagi mengikuti kursus-kursus tertentu dan alhamdulillah dengan penyertaan mereka mengikuti kursus-kursus di Pusat Pembangunan Belia itu, mereka ada yang telah pun dapat diterima untuk bekerja semula di pihak swasta dan kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, lagi satu perkara Ahli-Ahli Yang Berhormat ialah sambil memikirkan untuk memberi peluang kepada bekas banduan, kita tentulah juga memikirkan hak bakal majikan untuk memilih siapa yang difikirkannya sesuai. Kalau ada dua orang yang memohon, seorang bekas banduan, tertakluk kepada apa jua kesalahannya dan seorang yang tidak ada mempunyai rekod kesalahan di masa-masa yang sudah, saya pun sukar memikirkan kalau bakal majikan itu memilih memberikan keutamaan kepada bekas banduan itu. Itu kita mestilah juga menghormati hak bakal majikan untuk menggunakan kebijaksanaannya pada memilih orang yang akan diberikannya pekerjaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika tidak ada lagi ahli-ahli lain yang akan memberikan pandangan, maka Tajuk SE11A – Jabatan Penjara, diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SE11A – Jabatan Penjara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat dibukakan untuk perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya hanya ingin menyampaikan pesanan daripada pihak-pihak yang berkenaan iaitu pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Yang Berhormat Pehin

Pengerusi, dengan nama sahaja, iaitu semua peringkat memahami dan kagum akan tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Majlis difahamkan tugas bomba pada masa dahulu ialah untuk memadam api apabila berlakunya kebakaran dari merebak atau melarat. Tidak kira apa jenis kebakaran seperti kebakaran rumah, bangunan, kemalangan kenderaan, kebakaran hutan belukar dan sebagainya. Dalam masa yang sama, tugas utama mereka ialah menyelamatkan nyawa insan yang terlibat dalam kebakaran tersebut.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, jadi di sini ternyata tanggungjawab kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat adalah sangat besar dan sangat penting, kerana apabila berlakunya sesuatu, Pasukan Bomba yang lebih awal akan berada di tempat kejadian untuk mengawal kejadian termasuklah menyelamatkan orang-orang yang terlibat dalam kebakaran dan kemalangan tersebut.

Selain itu Yang Berhormat Pehin Pengerusi, majlis ini telah dimaklumkan bahawa pada masa kini tanggungjawab mereka telah diperluaskan termasuklah membantu menyelamatkan mangsa-mangsa banjir, menyelamatkan orang-orang hilang dan lemas, membuang kayu yang rebah di jalan yang menghalang lalu lintas, menangkap binatang-binatang buas yang masuk di dalam rumah kediaman, menyelamatkan binatang-binatang peliharaan seperti kucing yang tidak dapat turun dari tempat yang tinggi dan berbagai-bagai jenis kemalangan yang melibatkan nyawa manusia. Semua ini pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat yang

akan dipanggil bagi menyelesaikan masalah-masalah yang tersebut.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, memandangkan tugas dan tanggungjawab serta peranan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat begitu luas dan mencabar, kadangkala mendatangkan risiko yang amat tinggi kepada diri mereka. Maka majlis memohonkan kepada pihak-pihak yang berkenaan akan dapat mengkaji *scale* gaji mereka dan pencen perkhidmatan mereka selaras dengan jabatan-jabatan yang ada berpcen seperti Pasukan Polis, Askar dan Jabatan Penjara.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, berpendapat apabila mereka telah bersara 55 tahun, pengalaman dan tugas mereka boleh dijadikan, digunakan pada bila-bila masa apabila musibah berlaku di kalangan di mana mereka, di tempat mereka berada. Rayuan ini khas bagi mereka yang berkhidmat sebelum 1993. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan jua kepada Yang Berhormat yang menimbulkan perkara sukatan gaji dan syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan bomba. Dewan ini juga sebagaimana juga Yang Berhormat itu tadi tentulah akan sama-sama sependapat bahawa tugas-tugas yang dijalankan oleh kakitangan dan pegawai-

pegawai bomba adalah penting. Dan tugas mereka itu sebagaimana yang dinyatakan tadi pada mulanya bomba ini adalah untuk memadam api, tapi sekarang ini sudah melarat. Memangpun tugas itu sesuai dengan nama Jabatannya sekarang ini bukan lagi Jabatan Bomba sahaja tetapi Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Adapun mengenai syarat perkhidmatan, orang yang berkhidmat sebelum 1993, mohon saya dibetulkan, seingat saya isu ini sudah berbangkit lama, bahkan sebelum merdeka lagi, isu ini. Dan pertimbangan-pertimbangan yang dibuat pun ini memanglah sampai ke tahun lepas mengatakan tidak dapat dipertimbangkan untuk menukar syarat perkhidmatan orang yang berkhidmat sebelum 1993 itu kepada syarat berpencen.

Jadi dalam hubungan ini, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya ingin menekankan lagi bahawa setakat itulah yang dapat saya ketahui dalam majlis ini dan sebagai tambahannya ialah mereka yang berkhidmat setelah 1993 di mana dalam perkhidmatan kerajaan tidak ada lagi jawatan berpencen semuanya perkhidmatan TAP, maka dengan sedemikianya itu, isu berhubung dengan perkhidmatan berpencen bagi orang yang belum berkhidmat sebelum 1993 itu akan nya orang perlahan-lahan ketinggalan atau perlahan-lahan akan habis apabila proses pengambilan atau perkerjaan perkhidmatan pada masa ini tertumpu kepada orang-orang yang berkhidmat pada selepas tahun 1993.

Jadi, kita menghargakan khidmat mereka sebagaimana yang dinyatakan tadi dan kementerian menyedari hal itu dan

Alhamdulillah Jabatan Bomba dan Penyelamat ini juga pada masa ini adalah dikaitkan dengan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. Jadi kesemuanya ini menampakkan bahawa perkhidmatan dalam Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat adalah suatu perkhidmatan yang strategik. Demikian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih. Di sini saya cuma menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi kerana saya bagi Daerah Brunei dan Muara juga ada sudah bersedia untuk menyampaikan perkara yang sama. Tetapi setelah disampaikan oleh Yang Berhormat dahulu tadi. Perkara ini telah pun saya bawakan dua tahun berturut-turut di dewan yang sama, jadi pada tahun ini ditimbulkan semula, jadi saya menyokonglah apa yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya faham apa yang dimaksudkan dengan Yang Berhormat itu bukanlah usul ertinya, cadangan dan kenyataan. Saya percaya keseluruhan ahli dalam majlis ini sama-sama turut menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya pada ahli-ahli Jabatan Bomba dan Penyelamat atas kerja-kerja mereka yang begitu gigih, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lagi Ahli yang lain untuk bercakap maka eloklah Tajuk SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat ini diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih.

Jurutulis: Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berpendapat Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju, masanya telah tiba bagi kita menangguhkan Persidangan Jawatankuasa ini dan beralih balik kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, terima kasih.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah kita telah selesai membincangkan Tajuk Besar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mengandungi 12 Tajuk Kecil daripada Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kitani akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

Mesyuarat disambung pada jam 2.30 petang

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan masih lagi membahaskan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Pagi tadi Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai membincangkan Tajuk Besar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Maka bagi membolehkan Majlis Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dengan sepenuhnya, maka Majlis Persidangan Mesyuarat Negara ini ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa sekarang berpindah kepada Tajuk Kementerian Pendidikan.

Jurutulis: Kementerian Pendidikan. Tajuk SF - Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya bukakan Tajuk ini, Kementerian Pendidikan dibuka untuk perbahasan, silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola memohon

izin Yang Berhormat Pehin Pengerusi untuk memberikan sedikit penerangan sebelum dibukakan kepada perbahasan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis. Kementerian Pendidikan berterima kasih di atas sokongan Peruntukan Perbelanjaan 2011/2012 yang berjumlah sebanyak lebih daripada \$673 juta.

Kaola menghargai sokongan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dan Jawatankuasa Belanjawan mengenai dengan tambahan peruntukan kepada Kementerian Pendidikan, iaitu \$3 juta di bawah Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan, di bawah Tajuk Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dan Peningkatan Kapasiti, \$20 juta Pemeliharaan Aset, \$20 juta Pembelian Peralatan dan Tambahan \$3 juta menjadikan \$13 juta bagi Sewa Bas. Demikian juga tambahan \$200 ribu ringgit bagi *Inclusive Model School of Excellence Services for Children*. Insya-Allah Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Kementerian Pendidikan akan dapat berusaha ke arah melaksanakan rancangan-rancangannya.

Pada masa ini terdapat 73 ribu pelajar di institusi pendidikan kerajaan daripada peringkat pra-sekolah sehingga peringkat universiti, dengan keramaian lebih 7,351

tenaga pengajar. Di samping jumlah ini lebih 22 ribu atau 23% pelajar mengikuti pengajian mereka di institusi pendidikan swasta dengan keramaian 1,549 tenaga pengajar.

Alhamdulillah, Sistem Pendidikan Negara Abad Ke 21 (SPN 21) telah memasuki tahun ketiga perlaksanaannya. Sejauh ini kita dapat melihat beberapa perkembangan terbaru dan awal dalam pencapaian pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah. Pada keseluruhannya, murid-murid didapati lebih aktif dengan adanya kaedah pembelajaran seperti *Project Base Learning* dan *Student Centered Learning*. Kaedah ini dilengkapi lagi dengan kaedah penilaian yang menjurus kepada konsep *Assessment for Learning* iaitu kaedah yang lebih mengutamakan penilaian sebagai satu alat atau proses untuk membantu pembelajaran dan bukannya *Assessment of Learning* iaitu hanya untuk menilai pencapaian pelajar sahaja.

Mulai tahun 2011 ini, Program *EDEXCEL BTEC Introductory Certificate* khusus untuk bidang vokasional di sekolah umum dimulakan bagi pelajar tahun 9 hingga tahun 11, iaitu bagi pelajar yang menunjukkan kemampuan, minat dan kecenderungan dalam mata pelajaran yang berorientasikan teknologi dan perdagangan dengan memberi tumpuan pada aspek praktikal.

Menerusi SPN 21, kita juga telah memperkenalkan kaedah phonics dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di peringkat rendah, yang ternyata dapat meningkatkan tahap bacaan murid-murid. Pada ketika ini Kementerian Pendidikan sedang giat membuat perancangan sistem pendidikan

teknikal dan vokasional baru yang akan dikenali sebagai *three-tier qualifications system*. Sistem ini nanti diharap akan dapat menyiapkan kelayakan-kelayakan tertentu bagi menghasilkan tiga peringkat tenaga kerja iaitu:-

- Pekerja berkemahiran,
- Teknologi; dan
- Profesional.

Selaras dengan pengenalan sistem baru ini, Kementerian Pendidikan merancang untuk menubuhkan pusat-pusat kecemerlangan (*Centers of Excellence*), pendidikan teknik dan vokasional menjelang tahun 2012 dalam bidang-bidang seperti teknologi maklumat, layanan dan pelancongan, kejuruteraan pesawat terbang, kejuruteraan automobil, kejuruteraan laut dan perkilangan serta perniagaan dan pertanian. Di samping penubuhan pusat-pusat kecemerlangan ini, Kementerian Pendidikan pada masa ini juga sedang membuat persediaan untuk menubuhkan dua (2) buah sekolah vokasional dan sebuah politeknik bagi menampung penambahan pelajar dan sekaligus menyediakan tenaga-tenaga mahir dalam bidang-bidang berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis, pada masa ini kita mempunyai 7 buah Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional yang menawarkan sebanyak 93 kursus kepada sekitar 2,900 orang pelajar dengan lebih kurang 500 orang tenaga pengajar.

Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti Program Kepimpinan Sekolah yang melibatkan seramai 483 orang pemimpin-pemimpin sekolah; 750 orang guru juga telah mengikuti Bengkel Penilaian Kendiri Sekolah atau *school based assessment*; *Programme IC3 Internet and Computing Core Certification* yang melibatkan seramai 1,600 orang guru; dan kita juga menyediakan peluang berterusan kepada pegawai-pegawai, tenaga pengajar dan kakitangan untuk meningkatkan tahap akademik kemahiran mereka.

Dengan peningkatan terhadap pertumbuhan penduduk pada masa ini, Alhamdulillah, Skim Perkhidmatan Perguruan atau SPG diharap dapat menarik minat graduan untuk menjadi guru. Ia juga diharap memberi peluang pada guru-guru yang berkaliber untuk mencapai pangkat yang lebih tinggi, walaupun terus kekal bertugas di sekolah.

Pada tahun ini saja, kementerian ini telah mengambil berkhidmat tenaga pengajar berjumlah 328 orang bagi memenuhi keperluan guru dari pelbagai peringkat kelulusan. Di samping itu, kementerian ini juga membaharui kontrak pembekalan guru-guru *Center for British Teachers* atau *CfBT* seramai 262 orang bagi mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Mengenai dengan projek pembinaan; 5 projek pembinaan sekolah baru telah selesai dilaksanakan dan telah beroperasi pada tahun lepas. Manakala pada masa ini 6 masih lagi dalam proses pembinaan.

Selain daripada projek-projek ini, kita juga sedang menantikan hasil dari 12 projek yang sedang melalui beberapa peringkat dari proses mendapatkan kebenaran hinggalah proses penawaran. Walaupun pada dasarnya kebanyakan projek-projek ini telah dilaksanakan, namun terdapat juga beberapa projek yang terbengkalai disebabkan oleh perkara-perkara di luar kawalan kementerian, seperti mencari tapak yang bersesuaian, keadaan tapak pembinaan yang memerlukan kerja tambahan, kenaikan harga pembinaan yang melimpasi peruntukan, masalah kewangan kontraktor dan lain-lain.

Menyentuh mengenai pelaksanaan Projek e-Education Kementerian Pendidikan telah mengemukakan satu pelan induk strategik ICT dalam pendidikan yang dikenali sebagai e-Hijrah. e-Hijrah merupakan satu inisiatif untuk menyatupadukan dan mensejajarkan pelaksanaan projek-projek ICT kementerian demi menepati kehendak masa yang selari dengan Pelan Strategik Kementerian, SPN 21, Pelan Strategik e-kerajaan dan Wawasan Negara 2035. e-Hijrah diharapkan akan mendatangkan perubahan transformasi secara bersepadu terhadap penggunaan ICT dalam sistem pendidikan, jentera pentadbiran dan juga perhubungan awam.

Salah satu kemajuan yang dicapai di dalam bidang kajian dan penyelidikan ialah pembentukan satu konsortium penyelidik yang dikenali sebagai *i-CUBE* yang bermaksud *International Consortium of Universities for the Study of Biodiversity and the Environment*. Konsortium ini menyatukan UBD dengan 7 buah universiti

luar negara dengan biayai penyelidikan berjumlah \$27 juta. Selain daripada projek *i-CUBE*, UBD telah menjalin kerjasama dengan IBM untuk menjayakan penyelidikan *Climate Modelling* yang menumpukan kajian terhadap impak perubahan iklim ke atas ramalan banjir, hasil tanaman, tenaga yang boleh diperbaharui dan keafiatan hutan hijau rantau ini.

Yang Berhormat Pengerusi, begitulah serba sedikit yang dapat disampaikan sebagai mukadimah kaola dalam perbincangan mengenai dengan perbelanjaan Kementerian Pendidikan 2011/2012. Jika Pengerusi mengizinkan kaola juga mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan yang dikemukakan pada hari kedua Majlis Mesyuarat Negara dari Ahli Yang Berhormat di sebelah sana mengenai dengan kedudukan bahasa Arab di dalam kurikulum. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking telah pun menyuarakan supaya bahasa lain akan dapat diserapkan selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu ke dalam Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan atau Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Bahasa Arab.

Yang Berhormat Pengerusi, mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah dalam kurikulum bukannya dalam Ko-kurikulum. Sejauh yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan mata pelajaran Bahasa Arab pada masa ini cuma ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan atau *optional subject* mulai tahun 7 atau biasa kitani kenali dulu sebagai Tingkatan 1 dan boleh memilih untuk menduduki

sehingga peperiksaan GCE 'O' Level. Kedudukan Bahasa Arab ini adalah sama dengan kedudukan mata pelajaran pilihan bahasa-bahasa lain iaitu seperti Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. Demikian saja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan menyentuh sedikit mengenai dengan penggunaan ICT. Alhamdulillah ICT telah dapat disalurkan dalam kurikulum pelajaran di sekolah-sekolah dan dengan adanya lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur yang telah disediakan melalui projek-projek SNI (*School Network Infrastructure*) di mana lebih 200 buah sekolah-sekolah telah dapat dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan IT ini di seluruh negeri. Ini juga bererti penggunaan komputer-komputer di semua sekolah-sekolah di negeri ini akan diperlukan dengan begitu banyak. Soalan saya adakah peruntukan 2011/2012 bagi menyediakan komputer-komputer dan komputer *network* mencukupi.

Pendedahan dan penggunaan ICT di sekolah-sekolah juga akan dapat meningkatkan lagi pembelajaran murid-murid dengan lebih baik. Ini akan dapat diselaraskan dengan konsep sistem SPN21 dalam penggunaan teknologi dan IT dalam kurikulum pelajaran juga sebagai

partners in learning program selaku inisiatif global untuk meningkatkan penyelarasan dengan teknologi dan juga meningkatkan penggunaannya dalam pendidikan dan pelajaran *teaching and learning*.

Baru-baru ini saya difahamkan Kementerian Pendidikan telah pun mengaward satu projek e-Hijrah sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi yang mana ini akan memudahkan lagi untuk merancang macam mana ICT akan dapat di korporat atau diselaraskan penggunaannya di dalam berbagai bidang, e-hijrah juga akan boleh memberikan *contribution* kepada e-Kerajaan *strategic plan*.

Di sini ingin saya bertanya apakah *strategic plan* Kementerian Pendidikan dalam mempromosikan penggunaan ICT dalam kurikulum pelajaran yang selari dengan sistem SPN21. Diharap juga dengan pertambahan penggunaan sistem pelajaran akan boleh meningkatkan lagi perkembangan industri-industri ICT yang mana akan juga memberikan peluang-peluang bisnes dan pekerjaan bagi syarikat-syarikat ICT tempatan. Justeru itu juga, insya-Allah kita berharap Kementerian Pendidikan akan dapat menghasilkan pengeluaran penuntut-penuntut yang berkelayakan sebagai generasi-generasi baru yang mempunyai skill dan *innovative entrepreneur role* yang akan mengambil tempat mereka dalam dunia *knowledge base economy* untuk mencapai hasrat negara dan Wawasan 2035. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna (Dr.) Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Yang Berhormat Pehin Pengerusi terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris. Mengenai dengan komputer-komputer di sekolah, sebenarnya melalui peruntukan di bawah RKN 2007/2012 sejumlah lebih \$10 juta telah diperuntukkan bagi projek yang dinamakan sebagai *Refresh Technology for Schools* iaitu menggantikan komputer-komputer yang lama di sekolah-sekolah di seluruh negara yang akan dibuat melalui *IT Central Procurement* iaitu sebanyak 7,000 unit komputer.

Mengenai dengan peningkatan, pembelajaran melalui ICT sebagaimana yang kaola nyatakan tadi bahawa Kementerian Pendidikan baru sahaja melancarkan e-Hijrah. e-Hijrah sebenarnya adalah merupakan strategi, *blue print* dan pelaksanaan ICT. Kalau dulunya kitani melaksanakan ICT secara *silow* ertinya seorang-seorang, atau satu department - satu department dalam Kementerian Pendidikan tapi Alhamdulillah dengan adanya ICT e-Hijrah *strategy blue print implementation* ini, ia menyatukan ke semua inisiatif di dalam Kementerian Pendidikan dengan tujuan bahawa ini adalah merupakan satu infrastruktur yang akan dapat membantu pelaksanaan SPN21 dan seterusnya untuk mencapai hasrat negara melalui wawasan 2035. Jadi dalam e-Hijrah ini ia mempunyai 3 *strategic pathways* iaitu melibatkan:-

1. *Whole school development* iaitu kapasiti yang akan membantu guru, murid di sekolah-sekolah dalam *classroom*;
2. *i-services* iaitu perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat membantu Kementerian Pendidikan; dan
3. *Offsite innovation*

Jadi inisiatif-inisiatif ini adalah diharap akan dapat men *transform* Kementerian Pendidikan dari segi kapabiliti guru, kapabiliti kurikulum dan juga penyelidikan dan *professional development*.

Kita mengambil perhatian penting kepada bidang ketiga iaitu *Offsite innovation* kerana kitani juga akan berhasrat melalui pelaksanaan ICT ini, akan dapat meningkatkan inovasi di kalangan pelajar-pelajar kitani. Jadi insya-Allah, apabila e-Hijrah ini nanti akan kitani laksanakan, ia akan melibatkan juga kepada sektor-sektor swasta untuk dapat menyokong pelaksanaannya. Sebab itu melalui dewan ini, kaola ingin memaklumkan bahawa e-Hijrah ini akan dimaklumkan kepada semua *stakeholders* termasuk orang ramai mulai bulan hadapan.

Jadi segala *leaflets*nya dan maklumat-maklumat mengenainya akan kitani kongsikan dengan semua *stakeholders*. Jadi sebagaimana harapan Yang Berhormat tadi, begitulah harapan Kementerian Pendidikan bahawa semua kita akan bersama-sama untuk menyokong dan melaksanakan e-Hijrah ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kita mengucapkan terima kasih di atas penerangan awal yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai dengan perancangannya yang akan datang, dan apa juga yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan sepanjang tiga tahun yang lalu.

Saya berpuas hati, walaupun kepimpinan Kementerian Pendidikan sudah berubah, namun dasar dan perancangannya tetap diteruskan malah terus dikemaskinikan dan dipertingkatkan.

Tidak semua pelajar mendapat peluang mengikuti pengajian di institusi-institusi tinggi kerajaan di negara ini disebabkan tiada kekosongan tempat. Maka penuntut-penuntut ini terpaksa meneruskan pengajian mereka di institusi-institusi swasta tempatan seperti di Jerudong International School dan mereka menerima elaun pelajaran sebanyak \$800.00 sebulan bagi membiayai yuran persekolahan.

Saya ingin bertanya, adakah pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Pendidikan melarutkan pembayaran elaun sedemikian kepada penuntut-penuntut tempatan yang belajar di institusi-institusi tempatan, yang mengadakan kursus-kursus dari peringkat National Diploma sehingga ke ijazah, yang mana institusi-institusi berkenaan telah pun mendapat kelulusan Majlis

Pengiktirafan, Kementerian Pendidikan untuk beroperasi. Misalnya seperti *Cosmopolitan Business Studies*, *Laksamana Business School*, *International Graduate College* dan ada beberapa lagi. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna (Dr.) Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee.

Barangkali perbandingan yang dibuat oleh Yang Berhormat, JIS itu barangkali berbeza sedikit, sebab JIS itu adalah sekolah yang hanya sampai ke peringkat Pra-Universiti tertinya Form 6.

Jadi elaun pelajaran yang diberikan ke sana pada awalnya adalah untuk menggalakkan pegawai-pegawai kontrak kitani untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini, supaya mereka dapat menikmati pelajaran yang sama sebagaimana mereka itu menghantar jua anak-anak mereka di luar negeri. Tetapi barangkali perbandingan yang dinyatakan itu ialah peluang-peluang pelajaran selepas "A Level" di sekolah swasta di institusi-institusi pengajian swasta di negara ini. Perkara itu sebenarnya ada dalam pemikiran Kementerian Pendidikan pada masa ini dan sedang diteliti dengan sebaik-baiknya sebelum sesuatu dasar dapat dilaksanakan untuk menimbangankan kebaikan dan keburukannya. Jadi itu adalah dalam

penelitian Kementerian Pendidikan pada peringkat ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa tadi ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas mukadimah awal di majlis ini.

Kaola ingin merujuk mengenai dengan pemberian biasiswa kepada penuntut-penuntut untuk melanjutkan pelajaran akademik ke luar negeri. Merujuk Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam Bilangan 2/2011 mengenai dengan biasiswa-biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad ke luar negeri bagi Sidang Akademik 2011-2012. Syarat-syarat utama dan syarat-syarat tambahan bagi mendapatkan biasiswa kerajaan adalah difahami, sebagaimana dalam surat pemberitahuan berkenaan.

Mengenai dengan Syarat Utama Perenggan 2.1 adalah jelas biasiswa ini terbuka kepada sesiapa sahaja rakyat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sama ada yang berdaftar dan rakyat jati yang terdiri daripada tujuh puak rumpun Melayu seperti dimaksudkan dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Selain daripada itu, Syarat 2.5.2 bagi Ijazah Pertama, tariff *points* minimum telah dinaikkan kepada 260 *points* berbanding dengan tahun lepas, tariff *points* minimumnya ialah 240 *points*. Kaola menimbulkan perkara ini adalah memandangkan masa depan negara ini, di mana penerima-penerima biasiswa yang berkelayakan kurang mengarah kepada konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Kerana jika apa yang kaola difahamkan ini betul, bahawa penuntut-penuntut dari kalangan rakyat jati dari tujuh puak Melayu kurang sedikit harapan untuk memenuhi syarat-syarat biasiswa yang ditetapkan berbanding dengan rakyat yang lainnya.

Oleh yang demikian, bagi maksud untuk memastikan dan menjamin konsep MIB terus terpelihara dan diamalkan di masa akan datang, pertimbangan khas haruslah diberi kepada bangsa Melayu dari tujuh puak ini dalam menimbangkan biasiswa kerajaan kerana mereka inilah yang diharapkan untuk menerajui bagi jawatan penting di negara ini pada masa yang akan datang.

Antara pertimbangan yang boleh difikirkan ialah memberikan kuota dengan ratio yang sesuai dengan memberi lebih *percentage* kepada puak rumpun Melayu yang disebutkan berbanding dengan yang lainnya. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor tadi ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih diucapkan

kepada Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan, yang mana telah memberikan mukadimah perkembangan Kementerian Pendidikan. Di sini abis kaola ingin menyampaikan beberapa perkara iaitu:-

1. Mengenai dengan pengangguran. Graduan yang diambil bekerja di syarikat-syarikat perniagaan mahupun perkhidmatan di bawah Agensi Pelaburan Brunei (BIA) di luar negara. Untuk mengurangkan pengangguran di kalangan graduan, baik dari segi lepasan institusi pengajian tinggi dalam negara mahupun di luar negara kita belum membuka lebih banyak peluang pekerjaan baik pun di sektor awam lebih-lebih di sektor swasta. Jadinya saya mencadangkan supaya graduan-graduan tersebut juga diberikan peluang bekerja di syarikat-syarikat perniagaan atau perkhidmatan dan hotel-hotel milik Agensi Pelaburan Brunei (BIA) yang terdapat di luar negara;
2. Jawatan-jawatan tertentu mengikut kelayakan masing-masing kerana kebanyakan yang ada sekarang dipenuhi oleh pekerja-pekerja luar negeri, jadi saya percaya ini akan memberikan pendedahan yang baik kepada mereka sekaligus dapat mempelajari amalan-amalan pengurusan terbaik, dari luar negara yang akan dapat membantu pembangunan negara ini;
3. Graduan yang pernah berkursus di bidang perguruan sehingga sekarang ini belum bekerja, saya telah membaca artikel dalam ruang pendapat pembaca

dalam sebuah akbar tempatan terbitan hari Sabtu, 5 Mac 2011 mengenai harapan seorang graduan dan teman-temannya yang menamatkan pengajian kursus dibidang perguruan pada tahun lepas dan sehingga kini masih menunggu jawatan sebagai guru.

Jadi pada masa yang sama kita melihat semakin bertambahnya sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah yang baru, begitu juga pertambahan murid-murid dan bilik-bilik darjah setentunya memerlukan guru yang ramai. Soalan saya kenapakah graduan-graduan yang mengikuti kursus latihan kursus perguruan ini belum mendapat pekerjaan di Kementerian Pendidikan. Adakah disebabkan tidak ada jawatan tambahan atau adakah jawatan-jawatan kosong dari guru yang bersara belum diisikan;

4. Kenapa latihan perguruan seperti lazimnya dibuat di universiti ditiadakan kalau tidak silap saya latihan guru bagi peringkat ijazah dan diploma selama 4 tahun di Universiti Brunei Darussalam yang diadakan seperti lazimnya sejak kebelakangan pada masa ini sudah tidak lagi diadakan. Jadi sebahagian ingin mengetahui apakah rasionalnya baik untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang kursus tersebut diadakan. Adakah jika seorang graduan biasanya dalam subjek-subjek umum yang kemudiannya memohon untuk mengikuti latihan perguruan dalam tempoh yang singkat akan dapat menjamin mereka menjadi guru yang baik dan berkualiti, saya berpendapat

kerjaya guru memerlukan latihan khusus dan agak lama untuk memahirkan diri dengan keadaan teknik pengajaran dan pembelajaran;

5. Sebagaimana yang telah disuarakan pada tahun yang lalu iaitu mengenai dengan padang-padang permainan sekolah-sekolah menengah hingga sekarang ini pengetua-pengetua sekolah ada bercakap dan masih lagi dalam perancangan dan belum lagi kita melihat perkembangan yang sebenarnya; dan
6. Elaun Penuntut Sekolah yang sejak dulu diperkenalkan iaitu sebanyak \$45.00 sebulan, jadi bagi perkiraan saya nilai \$45.00 sebulan ini perlulah ia dinaikkan kerana memandangkan keperluan-keperluan yang ada pada masa ini patut elaun ini dinaikkan kerana ianya sejak diperkenalkan belum pernah dinaikkan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Goh tadi mengangkat tangan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyediakan peruntukan sebanyak \$632 juta ringgit untuk pendidikan pada tahun ini. Pendidikan adalah sangat penting. Rakyat mestilah mempunyai pendidikan yang baik terutamanya dalam zaman yang sangat kompetitif ini. Ibu bapa juga sanggup

membelanjakan lebih untuk mendapatkan pendidikan terbaik bagi anak-anak mereka.

Yang Berhormat Pengerusi, Sekolah Chung Hwa sebuah institusi pendidikan yang menyokong masyarakat Tionghoa sudah wujud selama 100 tahun. Sekolah ini memberikan pelajaran dalam 3 bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris.

Pendapatan kewangan sekolah ini ialah dari yuran yang rendah. Selain yuran, sekolah ini juga mendapat sumbangan dari ahli-ahli perniagaan Tionghoa. Peruntukan sekolah ini sangat terhad, sebab itu sekolah ini tidak dapat mengambil guru-guru berkelulusan yang lebih dan tidak dapat meningkatkan kemudahan-kemudahannya. Untuk membantu masyarakat Tionghua yang kurang mampu, sekolah ini tidak mahu menaikkan yuran jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah misi yang ada. Sekolah ini jua ketinggalan dari segi kemudahan kerana sekolah-sekolah misi lain mengutip yuran yang lebih tinggi dibandingkan sekolah-sekolah Tionghoa.

Yang Berhormat Pengerusi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat menyokong terhadap perkembangan pendidikan. Mungkinkah dapat diadakan satu peruntukan khas untuk semua Sekolah Tionghoa di negara ini. Misalannya kalau ada bajet sebanyak \$1 juta ringgit tiap-tiap tahun yang mana bolehlah digunakan mengambil guru-guru berkelulusan dan juga meningkatkan kemudahan-kemudahan pelajaran yang moden yang perlu. Ini tentu akan dapat meningkatkan lagi kualiti pelajar di Sekolah Tionghoa.

Untuk makluman dewan, kira-kira 40% di Chung Hwa School adalah penuntut-penuntut yang bukan bangsa Tionghoa. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum itu kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang mana mukadimah yang telah diutarakan tadi.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola di sini ialah mengenai dengan sekolah vokasional. Sepertimana yang pernah kaola suarakan pada tahun lepas bahawa penubuhan sekolah vokasional supaya dibina dan dibangunkan di Daerah Tutong yang mana menurut jawapan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada masa itu, di Mesyuarat Pertama Di Musim Permesyuaratan Yang Keenam bahawa untuk mencari lokasi atau tapak agak begitu mudah tetapi yang lebih sukar mendapat kewangan. Itu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dulu.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi kaola masih tidak jemu-jemu menimbulkan sekolah vokasional ini yang mana sesuai sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa Mesyuarat SEAMEO, bahawa Pendidikan Vokasional dan Teknikal bermanfaat bagi perkembangan tenaga manusia. Selain itu, dalam titah intisari Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada menyambut Hari Kebangsaan yang ke-27 menyatakan kerajaan menitikberatkan kemajuan pendidikan bagi tenaga-tenaga muda. Begitu juga dalam titah baginda semasa merasmikan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bahawa baginda juga menekankan pendidikan sekolah vokasional dan teknikal, maka berdasarkan inilah perlunya sekolah vokasional di Daerah Tutong akan dibina.

Yang Kedua, pada masa ini cuti bersalin telah diperkenalkan, apakah tenaga dari guru perempuan dapat diatasi?

Yang akhirnya, kaola difahamkan bahawa ada rayuan daripada beberapa orang guru yang gaji mereka apabila mencapai ke tahap kecekapan telah ditahan kenaikan tahunannya selama tiga tahun. Walaupun guru-guru tadi mengajar dengan baiknya dan kadangkala terlibat dalam kerja-kerja ekstra kurikulum seperti sukan dan sebagainya. Keadaan telah mengakibatkan gaji mereka tidak mencapai gaji maksimum sebelum bersara.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, mereka merayu apakah jua kiranya gaji mereka tidak ditahan apabila mencapai sekatan kecekapan dan dengan ini bolehlah mereka menikmati gaji maksimum sebelum bersara, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, barangkali Yang Berhormat Menteri Pendidikan dapat mengulas, menjawab, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dan kaola ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa pertanyaan, pandangan di majlis ini.

Mengenai dengan perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Haji Puasa, kaola kira syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam dermasiswa, iaitu surat keliling mengenai dengan penawaran dermasiswa adalah suatu perkara yang mesti dijadikan sebagai satu *guideline*.

Walaupun bagaimanapun, tentulah ada juga cara-cara bagaimana pihak sekolah akan dapat menolong orang-orang yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu dengan harapan supaya mereka itu akan dapat meningkatkan tahap kecemerlangan mereka menandingi juga orang-orang yang lain, calon-calon yang lain supaya mereka dapat bersaing apabila memohon dermasiswa. Perkara itu dapat dilihat daripada aspek tersebut.

Mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor soalnya yang pertama itu melibatkan Agensi Pelaburan Brunei, jadi kaola in da dapat menjawabnya di sini. Tapi walau bagaimanapun kaola difahamkan bahawa Agensi Pelaburan Brunei pada setiap tahun juga mengambil berkhidmat ramai graduan-graduan, malah kaola difahamkan bahawa bilangan orang yang diambil itu berkurangan pula daripada apa yang sepatutnya. Ertinya

mereka berhasrat mengambil lebih ramai tetapi calon itu berkurangan. Dalam hubungan ini tentulah ada penilaian-penilaian yang tertentu yang dibuat oleh agensi berkenaan ertinya tidak semua orang dapat diambil tetapi hanya mereka yang memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu dan penilaian-penilaian yang tertentu.

Mengenai dengan graduan-graduan yang telah lulus tetapi belum mendapat pekerjaan di dalam Kementerian Pendidikan. Kekosongan jawatan memang ada, tetapi kekosongan itu adalah bergantung kepada bidang mata pelajaran yang diperolehi oleh graduan-graduan berkenaan. Walau bagaimanapun sebilangan daripada graduan-graduan ini diambil berkhidmat pada masa ini sebagai guru bergaji hari bagi mengisikan jawatan-jawatan tertentu bagi tempoh yang tertentu.

Mengenai dengan Latihan Perguruan di Universiti Brunei Darussalam sejak pengenalan *GENNEXT* iaitu program yang lebih meluas bagi pelajar-pelajar iaitu mereka mengambil *general education* dan hanya pengkhususan di tahun ketiga dan keempat. Maka bukannya universiti tidak lagi mengendalikan Program Perguruan tetapi meningkatkan kepada *Masters of Teaching (M-Teach)*. Jadi selepas mereka lulus dengan ijazah pertama, graduan yang berkelayakan akan dapat meneruskan pengajian mereka ke Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah untuk mengikuti program satu tahun *Master of Teaching (M-Teach)*. Jadi dengan *Masters of Teaching* ini mereka akan menjadi tenaga pengajar yang berkelayakan untuk mengajar di sekolah-sekolah.

Berkaitan dengan setengah pelajar atau graduan dari seberang laut yang tidak mempunyai kelulusan atau belum mempunyai kelulusan ikhtisas *professional qualification* yang dulu Diploma Pendidikan atau *Certificate of Education*, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah akan mengendalikan program ini untuk graduan-graduan berkenaan kerana ia adalah merupakan satu syarat bagi mereka itu dapat dilantik sebagai Pegawai Pelajaran.

Mengenai dengan padang permainan. Ini kaola kurang faham apa yang dimaksudkannya dengan padang permainan ini. Pada masa ini melalui Rancangan Kemajuan Negara, kerajaan telah pun dapat mengadakan kompleks sukan padang permainan yang lebih baik di 43 buah sekolah, sekolah menengah dan juga sekolah rendah. Jadi adalah manjadi hasrat Kementerian Pendidikan supaya kemudahan-kemudahan prasarana permainan, *track*, padang bola, padang futsal dan sebagainya itu akan dapat dikongsi bersama dengan penduduk-penduduk kampung. Pertama ialah untuk masyarakat ataupun para pelajar di sekolah berkenaan dan juga dibukakan kepada penduduk kampung, para belia di kawasan-kawasan berkenaan.

Cuma apa yang dipersyaratkan di dalam peminjaman kemudahan-kemudahan itu ialah bagi semua yang menggunakannya untuk memelihara akan keselamatan infrastruktur itu dan juga kebersihan di tempat itu. Kerana pernah didapati juga di sesetengah sekolah, bila prasarana ini dibukakan kepada penduduk di kawasan berkenaan, adalah didapati peminjam tidak

memedulikan sampah-sampah dan sebagainya kerana barangkali kurang peduli nya kitani, tinggallah bekas botol-botol minuman, sampah sarap tidak dimasukkan ke dalam tong sampah dan ianya akan menjadi bebanan kepada pihak sekolah pula untuk membersihkan kawasan berkenaan. Jadi harapan kaola ialah apabila kemudahan-kemudahan yang diberikan untuk dikongsi bersama oleh penduduk kampung, para pengguna di kawasan-kawasan sekolah-sekolah berkenaan supaya bersama-sama bertanggungjawab dalam memelihara keselamatan infrastruktur ini dan juga kebersihan tempat berkenaan.

Mengenai dengan elaun sekolah, barangkali kitani di negara ini patut bersyukur kerana diberi insentif bagi penuntut-penuntut itu dengan elaun sedemikian. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya nyatakan di mukadimah tadi, sekiranya ada penuntut dari keluarga-keluarga yang kurang mampu, maka peruntukan sebanyak \$3 juta disediakan untuk membantu penuntut-penuntut dari keluarga yang kurang berkemampuan dari segi untuk membeli pakaian sekolah, buku teks, buku tulis dan sebagainya.

Pada masa ini statistik daripada Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa daripada peringkat sekolah rendah membawalah kepada Pra-U, terdapat sejumlah 2,477 orang pelajar di seluruh negara yang telah diberikan bantuan. Ini adalah di samping bantuan-bantuan yang diberikan oleh agensi-agensi lain dalam kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Majlis Ugama Islam.

Mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Pehin Goh, kita menyedari bahawa terdapat di negara ini sebanyak 83 buah sekolah swasta dan yang merupakan 23% dari jumlah semua pelajar-pelajar di seluruh negara. Dan dari bilangan ini hanya 8 buah Sekolah Cina yang mempunyai 5,992 orang sahaja. Kita memahami akan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah swasta yang kebanyakannya adalah bergantung kepada yuran persekolahan untuk membiayai pengurusan atau perjalanan sekolah masing-masing.

Dalam pada itu, kaola, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, ingin menyatakan bahawa kerajaan sebenarnya telah pun memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah swasta dalam bentuk guru iaitu guru Bahasa Melayu dan guru MIB. Pada masa ini ada 43 orang guru berkhidmat di sekolah-sekolah swasta. Dan kaola juga difahamkan guru-guru agama daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama juga memberikan perkhidmatan mereka di sekolah-sekolah swasta. Jadi, mengenai cadangan sekiranya kerajaan akan dapat memberikan *financial assistance* kepada sekolah cina berkenaan barangkali ianya satu perkara yang perlu diteliti dalam konteks bukan saja sekolah cina tetapi juga sekolah-sekolah swasta yang lain. Jadi perkara ini perlu penelitian yang seteliti-telitinya. Demikian, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat lagi satu soalan tadi mengenai dengan gaji yang dibekukan selama 3 tahun itu, bagaimana gaji guru?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna (Dr.) Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Minta maaf Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola terlupa kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Haji Taha:-

1. Mengenai dengan sekolah vokasional. Sebagaimana yang kaola nyatakan tadi peruntukan untuk membina 2 buah sekolah vokasional pada masa ini sudah pun ada. Sama ada ia akan diadakan di Tutong atau di tempat lain ini bergantunglah kepada pemilihan tapak nanti. Tidaklah menjadi satu masalah di mana saja sekolah vokasional itu akan ditempatkan, kerana difahami ada sekolah vokasional ini mempunyai kemudahan asrama. Jadi dari manapun pelajar-pelajar itu datang, ianya tidak akan menjadikan satu masalah; dan
2. Mengenai dengan adanya cuti bersalin selama 105 hari. Jadi adakah ini akan menjejaskan tenaga guru? Memang lebih separuh daripada guru-guru kita ini kaum wanita. Walau bagaimanapun, melalui guru sandaran ataupun *relief teacher*, insya-Allah kita akan dapat mengatasi masalah-masalah sedemikian.

Dan kemudian mengenai dengan kes di mana ada guru yang tidak dinaikkan gajinya bila sampai ke tahap kecekapan barangkali kalau Yang Berhormat dapat memaklumkan kepada kaola nanti dengan lebih spesifik adalah lebih baik.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sukacita kaola akan dapat membentangkan dua perkara di dewan yang mulia ini. Perkara pertama, seperti yang telah juga dimaklumi di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Keenam Majlis Mesyuarat Negara di dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian Pendidikan telah bercadang dan berusaha untuk membina 2 buah sekolah rendah baharu di Mukim Labu dan di Mukim Bukok di Daerah Temburong dan sebuah sekolah menengah di kawasan Kampung Rataie, Mukim Bukok, Temburong. Kaola ingin tahu bilakah ia akan dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang akan dibina. Adalah disedari, bahawa perkara ini tidaklah dapat semudahnya dilaksanakan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, perkara kedua, kaola difahami sudah ada suara ramai khususnya di kalangan ibu bapa di Temburong mengatakan bahawa perkembangan kemajuan dan peningkatan pendidikan di Daerah Temburong kurang meningkat. Jika benar apa yang disuarakan, apakah langkah-langkah yang akan perlu diambil oleh Kementerian Pendidikan dalam mengatasi masalah ini?

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam kesempatan di dewan yang mulia ini, kaola

mewakili rakyat dan penduduk di Daerah Temburong mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan yang berkenaan kerana tindakan Kementerian Pendidikan membangunkan beberapa buah *protocabin* secara sementara supaya persekolahan penuntut-penuntut tidak terjejas dalam menangani masalah yang dihadapi oleh Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar sebelum ini iaitu menghadapi masalah teknikal 3 buah blok. Sekian, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Salam sejahtera. Pada masa ini, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi sekolah-sekolah swasta menampung 30% daripada jumlah pelajar yang belajar dari peringkat kindergarden, sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi di negara ini.

Untuk memberikan keselesaan dan memastikan keselamatan pelajar beberapa buah sekolah swasta berusaha meningkatkan kualiti *environment* belajar dan kemudahan yang ada dengan memohon tapak sekolah di atas tanah-tanah kerajaan. Walau bagaimanapun, permohonan tanah ini memakan masa dan proses yang agak panjang, sedangkan sekolah swasta berlumba dengan masa untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada pelajar

tempatan dan luar negeri. Saya ingin mencadangkan supaya permohonan tapak akan dapat dipercepatkan dan apakah lagi bantuan yang boleh diberikan kepada sekolah-sekolah diperuntukkan mengajar Bahasa Melayu, Ugama dan Melayu Islam Beraja. Apakah ada projek kerajaan bagi *Public Private Partnership* yang akan dilaksanakan bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam? Dan yang akhir sekali seperti yang kita sudah maklumi, SPN21 sudah berjalan selama beberapa tahun lamanya. Saya ingin tahu apakah kesannya yang ketara pada masa ini? Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna (Dr.) Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahad. Mengenai dengan Sekolah Bokok, sebenarnya cadangan untuk mencantumkan Sekolah Rendah Bokok, Sekolah Rendah Kenua dan Sekolah Rendah Semabat dan projek ini dihasratkan akan dapat menggantikan bangunan sementara sekolah-sekolah berkenaan iaitu pada masa ini struktur kayu dan projek ini adalah terkandung dalam RKN, Rancangan Kemajuan Negara pada masa ini. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kebenaran telah pun diterima daripada Lembaga Tawaran Negara pada 11 Februari 2011 dan seterusnya penandatanganan

kontrak akan dilaksanakan selepas urusan-urusan teknikal bagi kontraktor itu dapat dilaksanakan, termasuklah nanti penandatanganan kontrak.

Insyallah jika berjalan dengan lancar, projek yang berjumlah \$7.2 juta ini dijangka akan bermula pada bulan Mei tahun ini dan insyallah akan siap dalam bulan November 2012 yang mengandungi kerja-kerja penyediaan tanah, penyediaan infrastruktur, blok pentadbiran, bilik-bilik darjah, dewan serbaguna dan sebagainya. Manakala mengenai percantuman Sekolah Rendah Senukoh, Sekolah Rendah Labu Estet dan Sekolah Rendah Piasau-Piasau ianya akan dibina di kawasan dekat simpang Senukoh dengan tanah berkeluasan 8 ekar.

Tawaran bagi projek ini telah pun dibukakan dua kali sejak tahun 2008, akan tetapi atas sebab-sebab bahawa harga tawaran melebihi daripada *scheme value* maka projek ini tergendala sedikit. Walau bagaimanapun pihak Kementerian Pendidikan sedang berunding dengan Kementerian Pembangunan untuk menyelaraskan bagaimana cara kitani akan dapat meneruskan pembinaan sekolah ini nanti.

Mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Haji Yunos, pihak Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan telah pun berusaha meneliti akan cadangan dari kalau tidak silap lapan buah sekolah yang memohon tanah kerajaan untuk membangunkan sekolah masing-masing. Jadi perkara ini sedang diteliti bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan dan insyallah mudahan-mudahanlah kitani akan dapat

mempercepatkannya. Dari segi PPP (*Private Public Partnership*) di dalam usaha menyediakan prasarana pendidikan ataupun peluang-peluang pendidikan, perkara itu memanglah dapat diteliti sekiranya ada pihak-pihak yang berminat didalam bidang ini.

Mengenai dengan kesan SPN21 sebagaimana yang kaola nyatakan tadi, mungkin terlalu awal untuk kitani menilai akan kesan sesuatu perubahan sistem pendidikan yang baru berjalan tiga (3) tahun. Walau bagaimanapun daripada pengamatan pihak-pihak yang berkenaan melihat atau meninjau ke sekolah-sekolah adalah didapati bahawa terdapatnya perubahan dari segi pembelajaran di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah. Sebabnya kalau dulu, kalau kitani perhatikan dari dulu sebelum kita melaksanakan SPN21 ini, tiap-tiap bulan kanak-kanak kitani di sekolah kena *drill* oleh gurunya kerana akan menghadapi *monthly test*, kerana *monthly test* itu dilihat sebagai perkara penting, ibu bapa pun akan menanyakan apa pencapaian *monthly test* ani? Selepas *monthly test*, *half year exam* - peperiksaan setengah tahun dan atupun *bedrill* jua tu..

Jadi sehinggalah kepada peperiksaan penghujung tahun. Jadi tumpuan-tumpuan kepada para guru pada masa itu ialah menghabiskan *syllabus*, mendrill kanak-kanak supaya *performancenya* yang disukat melalui peperiksaan itu dapat mencapai tahap yang tinggi dengan tidak begitu memedulikan akan adanya murid-murid yang kurang berkemampuan mengikuti pengajian itu. Tetapi pada masa ini bila kitani sudah menukar kepada *Children Centered*

Learning, guru-guru akan dapat memberikan perhatian kepada mengembangkan potensi kanak-kanak itu. Jadi pembelajarannya itu yang dipentingkan. Dan dalam masa yang sama bagi kanak-kanak yang kurang berkemampuan kita akan dapat membuat *intervention* iaitu diambil kanak-kanak itu dialih dan diberikan bimbingan supaya ia dapat meningkatkan kemahirannya dalam bidang-bidang tertentu itu.

Jadi ini terlalu awal untuk kitani menilai, barangkali selepas *one cycle* nanti barulah kita akan dapat menilai hasilnya. Sebagaimana juga kitani menilai hasil apabila kitani melaksanakan sistem dwibahasa dalam tahun 1984 dulu. *One cycle* itu akan mengambil masa sekurang-kurangnya 12 tahun campur lagi 2 tahun 14, kalau ia ke universiti 3 tahun lagi barulah kitani melihat apa hasilnya. Dan hasilnya pada masa ini, dengan sistem *bilingual* di mana kitani menerapkan pembelajaran Bahasa Inggeris awal darjah 3 iaitu 75% daripada kurikulum dalam Bahasa Inggeris telah meningkatkan *performance* kanak-kanak kitani di peringkat menengah dan ini diakui oleh orang-orang lain yang melihat akan sistem kitani dan akan menjadi ikutan juga kepada negara-negara lain. Jadi pencapaian macam itu akan mengambil masa untuk kitani membuat penilaiannya. Tapi sebagaimana yang kaola nyatakan tadi pada peringkat ini adalah terlalu awal untuk kitani membuat penilaian yang lebih konkrit.

Kaola lupa tadi Yang Berhormat Pehin Pengerusi, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad mengenai dengan adanya ibu bapa di Temburong yang

merasakan bahawa pencapaian pelajar-pelajar di sana adalah berkurangan. Alhamdulillah pendidikan di Daerah Temburong dapat dibanggakan. Dalam peperiksaan PSR 2010 peratus lulus mereka ialah 73.33% dibanding dengan peratus kelulusannya 2009, 66.43 % ini menunjukkan hampir 6.9 %.

Di dalam peperiksaan 'O' level penurunan memang dari segi mereka yang mencapai 5 hingga 9 'O' level iaitu 14.15% saja iaitu berkurangan sebanyak 0.34 %. Sementara pelajar yang memperolehi 3 kredit di peringkat 'O' level, ini meningkat sebanyak 3.41% iaitu 36.59 %. Mengenai dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dalam berusaha untuk mengatasi kelemahan-kelemahan atau meningkatkan prestasi pelajar ini. Di peringkat menengah nanti, kita akan mengadakan program '*Brunei Technical Education Certificate (BTEC) level one and Introductory Certificate*' iaitu di tahun 10 selama 1½ tahun dan pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan *BTEC level one* itu akan dapat mengikuti *BTEC 'First Certificate'* selama 1 tahun.

Apa yang kaola nyatakan ini ialah program yang akan ditawarkan kepada mereka yang lebih cenderung di dalam bidang bukan akademik tetapi lebih kepada vokasional dan teknikal tetapi di dalam sistem persekolahan biasa. Di peringkat rendah kita sedang mengadakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan pencapaian murid-murid seperti yang berjalan pada masa ini ialah untuk meningkatkan *numeracy* dan *literacy skills* mereka.

Kedua, kita juga telah mengadakan apa yang disebutkan *School Leadership Program* di mana Guru Besar, Pengetua bersama dua orang lagi guru dari sebuah sekolah akan mengikuti kepimpinan sekolah dan mereka ini dikehendaki membuat projek yang dapat meningkatkan prestasi sekolah masing-masing. Projek-projek itu akan dipilih oleh Pengetua atau Guru Besar sekolah berkenaan. Kebanyakan daripada projek-projek itu, iaitu apa yang kaola Yang Berhormat Pehin Pengerusi dapati daripada perbincangan kaola dengan kohort yang menghadiri program ini iaitu setiap kali program ada satu sesi yang dikhususkan bersama-sama dengan kaola.

Jadi kaola akan mendapat *feedback* daripada semua pemimpin-pemimpin sekolah-sekolah yang mengikuti program ini ialah meningkatkan *literacy numeracy skills* pelajar-pelajar di sekolah masing-masing. Dan mereka itu mesti membuat suatu yang *tangible* bukan saja meningkatkan *literacy numeracy* macam itu saja, tetapi berkait langsung dengan di mana status mereka pada masa ini. Misalnya *target* 50% akan dinaikkan kepada beberapa persen yang munasabah seperti 70% jadinya ia boleh diukur. Jadi daripada program-program seperti ini adalah diharap kita akan dapat meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar. Memanglah, ini menghendaki sokongan dan bantuan dari para ibu bapa dan masyarakat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih. Yang Berhormat

Pehin Pengerusi, abis kaola ingin membuat pembetulan atas pertanyaan kaola tadi.

Pertama, apa yang kaola maksudkan ialah padang permainan bagi sekolah menengah. Jadi ada sebahagian sekolah menengah yang tidak mempunyai padang permainan. Terima kasih juga kerana membagikan penerangan mengenai dengan padang permainan sekolah-sekolah rendah kerana banyak jua lagi sekolah-sekolah rendah yang tidak memiliki padang permainan.

Kedua, mengenai dengan peluang yang akan diberi bekerja di hotel-hotel milik pelaburan BIA di luar negara. Jadi itu yang abis kaola maksudkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang mengangkat tangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola cuma ingin menyampuk sedikit mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos. Mengenai dengan tapak-tapak sekolah. Sebenarnya perkara ini adalah dalam *final stage* pertimbangan Kementerian Pembangunan dan tapak-tapak ini akan diberikan dalam sedikit masa lagi. Beberapa formula telah pun sedang difikirkan dan beberapa penelitian akan dibincangkan lagi dengan Kementerian Pendidikan isu-isunya seperti sama ada tanah ini akan diberi secara pajakan ataupun diberi terus. Kalau

secara pajakan berapa kadar bayaran premiumnya, berapa lama tempohnya tanah pajakan itu, berapa keluasan tanah yang akan diberikan bagi setiap sekolah itu. Mengikut kebesaran sekolah itulah, kalau sekolah itu banyak penuntutnya mungkin besar kawasannya akan diberi. Jadi, sekolah-sekolah ini ada lapan sementara ini, kalau selesai perundingan dengan pihak kementerian karang, insya-Allah tapak-tapak itu akan dapat diberikan setelah jua isu-isu yang berkaitan itu dapat diselesaikan. Itu sebagai penerangan saja. Iaitu soalan tapak sekolah ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan padang permainan sekolah-sekolah menengah, perkara itu akan kita teliti. Mengenai dengan padang permainan sekolah-sekolah rendah, oleh kerana kaola Yang Berhormat Pehin Pengerusi tadi menyatakan bahawa sehingga pada masa ini sudah ada 43 buah sekolah yang diberikan kemudahan. Pada peringkat ini abis kaola sedang meneliti tahap penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut, dan kemungkinan akan menilai semula barangkali pada masa akan datang adakah lebih bermanfaat jika ada *cluster of schools* mempunyai kemudahan-kemudahan tersebut daripada sebuah sekolah saja iaitu tiap-tiap sekolah mempunyai kemudahan berkenaan. Kerana satu pertimbangan ialah dari segi bajet yang diperlukan untuk mengadakan perkara ini. Jadi perkara ini sedang diteliti dan dinilai

oleh Kementerian Pendidikan supaya apa pun kemudahan itu inda *under-utilise*, kerana kitani mahu menggunakannya secara optimum.

Mengenai dengan peluang pekerjaan tadi adalah diambil maklum dan insya-Allah akan dimaklumkan kepada pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya tidak ada lagi Ahli yang mahu bercakap dan kecuali ada bantahan, saya fikir Tajuk SF - Kementerian Pendidikan ini bolehlah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Terima kasih

Jurutulis: Tajuk SF - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apa pendapat Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya di sini telah ditarik perhatian saya, masanya dekat pukul 4.00 sudah, nampaknya mungkin Tajuk yang akan dibincangkan itu akan melibatkan banyak persoalan dan pertanyaan dan juga jawapan dan penjelasan dari pihak-pihak Menteri-Menteri Kabinet. Jadi oleh yang demikian saya berpendapat eloklah permesyuaratan majlis ini sebagai Jawatankuasa sepenuhnya ditangguhkan dan akan disambung esok.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah kita telah selesai dalam Mesyuarat Jawatankuasa meluluskan beberapa buah tajuk jabatan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan. Maka Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan akan disambung semula pada esok hari Selasa, 3 Rabiulakhir 1432 Hijrah bersamaan 8 Mac 2011 masihi jam 9.00 pagi. Terima Kasih.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Selasa, 3 Rabiulakhir 1432 / 8 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan.
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula pada hari ini, hari yang keenam didahului dengan bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua maka pada pagi ini Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat bersidang lagi bagi hari yang keenam pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara. Pada sidang Majlis Mesyuarat Jawatankuasa telah membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Alhamdulillah telah selesai meluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual bagi Tajuk-Tajuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri, dan Kementerian Pendidikan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat ada terdapat 7 Tajuk besar lagi yang masih perlu dibincangkan dengan yang demikian untuk membolehkan Majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya maka persidangan Majlis Mesyuarat Negara saya tangguhkan. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bermesyuarat sebagai Majlis dalam Jawatankuasa sepenuhnya. Kelmarin iaitu hari Isnin, Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai membincangkan Tajuk Kementerian Pendidikan, sebelum meneruskan Permesyuaratan Jawatankuasa ini saya ingin mengimbas kembali perbincangan kelmarin mengenai dengan Kementerian Pendidikan.

Perkara yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunus dan juga Yang Berhormat Pehin Goh. Bukanlah saya mahu membuka semula tajuk ini kerana sudah selesai diluluskan tapi ingin saya memberikan sedikit pandangan atau menzahirkan harapan mengenai dengan sekolah-sekolah swasta yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu.

Sekolah swasta iaitu Sekolah Al-Falah pernah juga dilawati dalam keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai

dengan permohonan sekolah itu untuk mendapatkan tapak tanah yang telah disembahkan oleh Kebawah Duli sudah mengambil masa belum ada tindakan diambil. Begitu juga permohonan bagi tapak sekolah-sekolah swasta yang lain sepertimana Yang Berhormat Menteri Pembangunan ada menyatakan dalam majlis ini beberapa permohonan sedang dibincangkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyatakan bahawa sekolah-sekolah swasta ini berharap bayaran yuran persekolahan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan mereka. Saya harap pihak-pihak yang berkenaan yang mempertimbangkan permohonan-permohonan sekolah-sekolah swasta untuk mendapatkan tapak-tapak tanah baik sekolah swasta dari peringkat rendah (*Primary*) sehingga peringkat secondary. Bahawa pihak-pihak yang berkuasa akan mengambil kira yang sekolah-sekolah swasta ini adalah memberikan khidmat yang besar kepada negara dan kerajaan dengan mereka menyediakan tempat-tempat persekolahan dan kemudahan-kemudahan dan pendidikan ertinya mereka meringankan bebanan kerajaan dan mengurangkan *pressure* terhadap kerajaan untuk menampung keperluan tempat-tempat bersekolah sekiranya sekolah-sekolah swasta ini tidak ada berfungsi.

Maka saya berharap pihak-pihak yang berkuasa itu apabila mempertimbangkan permohonan-permohonan itu akan mengambil kira sumbangan sekolah-sekolah swasta itu terhadap pendidikan anak-anak

kita walaupun banyak juga daripada penuntut-penuntut pelajar-pelajar mereka terdiri daripada pegawai, anak-anak pegawai dari luar yang mana dengan adanya sekolah-sekolah swasta itu menggalakkan pegawai-pegawai luar datang untuk berkhidmat di Negara Brunei Darussalam.

Jadi begitulah harapan saya supaya syarat-syarat yang akan dikenakan itu adalah merupakan syarat-syarat yang saksama untuk membolehkan sekolah-sekolah swasta itu terus menjalankan program-program mereka yang mana saya ketahui banyak daripada sekolah swasta yang mengadakan pengajian peringkat 'A', 'O' level atau IB (*International Baccalaureate*), penuntut-penuntut mereka telah berjaya mendapatkan di universiti-universiti yang terkemuka di luar negeri dan banyak dari mereka itu telah pun lulus. Sekian, terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Mesyuarat Jawatankuasa ini beralih kepada tajuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Jurutulis: Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, saya bukakan untuk diperbahaskan. Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Bismillahir

Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyentuh mengenai dengan mempelbagaikan ekonomi negara. Alhamdulillah, negara kita Brunei Darussalam masih lagi dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala dengan pengeluaran hasil minyak dan gas sebagai sumber hasil negara kita. Sebagaimana yang sering dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita digalakkan dan dititahkan untuk mempelbagaikan ekonomi negara selain daripada hasil minyak dan gas. Maka itulah juga tertubuhnya Kementerian Peindustrian dan Sumber-Sumber Utama, beberapa tahun yang lalu. Dengan hormat dan sukacita dipohonkan, apalah kiranya Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan dapat mengongsikan dengan kita akan projek-projek utama yang sedang dijalankan bagi mencapai matlamat tersebut.

Kedua, jenama Brunei Halal adalah satu inisiatif yang unik dan salah satu produk yang berpotensi untuk diperkembangkan oleh Negara Brunei Darussalam. Bolehkah Yang Berhormat Pehin Menteri menerangkan akan status perkembangan yang dibuat pada masa ini? Apakah juga peluang-peluang yang dapat diterokai oleh pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SME) dalam program ini? dan

Ketiga, seterusnya mengenai dengan Taman Agro Teknologi yang mana ini merupakan

projek *flagship* Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, barangkali tidak banyak rakyat dan penduduk di negara ini yang tahu dan memahami akan projek ini. Bolehkah Yang Berhormat Pehin Menteri menerangkan serba sedikit mengenai dengan projek ini?, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan penarikan pelaburan asing dan tempatan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kaola/saya menerangkan mengenai dengan 3 soalan-soalan itu. Sebagai senario, kedudukan ekonomi negara, dipandang dari segi keupayaan untuk mengeksport. Kedudukan *eksport* negara, 97% itu adalah berdasarkan kepada minyak dan gas, cuma 3% saja yang berdasarkan kepada yang bukan minyak dan gas. Jadi usaha untuk mempelbagaikan ekonomi itu adalah satu usaha yang memerlukan usaha jitu untuk memindah daripada minyak dan gas kepada bukan minyak dan gas. Jadi yang 3% itu saja yang dapat diolahkan oleh Kementerian Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama pada masa ini, dan 97% itu akan diusahakan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang lain seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan juga lain-lain kementerian.

Jadi mengenai dengan usaha-usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara, Kementerian Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama seperti yang kaola/saya terangkan tadi, menumpukan kepada *non-oil and gas sector* (sektor yang bukan minyak dan gas) ialah:-

1. Mengembangkan jenama Brunei Halal, iaitu satu prasarana atau *platform* untuk melancarkan produk-produk tempatan ke antarabangsa dengan menggunakan jenama Brunei Halal; dan
2. Seperti yang disebutkan tadi satu projek yang melibatkan infrastruktur dan juga keupayaan untuk membuat *research and development* (perkembangan dan penyelidikan) iaitu di satu taman, yang digelar, Taman Agro Teknologi Brunei yang bertempat di Kampung Tungku.

Ini akan kaola/saya terangkan nanti bagi menjawab soalan ketiga.

Dan sektor lain yang juga ditumpukan ialah sektor-sektor seperti pelancongan, di mana usaha-usaha ditumpukan kepada meningkatkan keupayaan-keupayaan negara untuk menarik pelancong-pelancong untuk menikmati suasana alam (*eco-tourism*); *niche* produk-produk pelancongan seperti *sport tourism*; keupayaan kitani untuk mengadakan *experiential tourism*, iaitu pelancong-pelancong akan dapat menikmati kehidupan orang-orang Brunei yang Islam dan juga kehidupan orang-orang Melayu. Ini dipanggil *experiential tourism, niche tourism* yang memang bukan bertumpu kepada *mass tourism*. Jadi itu usaha-usaha di kementerian untuk mempelbagaikan ekonomi sebagai

launching pad ataupun sebagai prasarana untuk memajukan perusahaan-perusahaan di samping seperti yang kaola/saya selain di luar daripada perusahaan-perusahaan minyak dan gas.

Mengenai dengan jenama Brunei Halal, Projek Jenama Brunei Halal ini telah pun dilancarkan baru-baru ini pada Ogos, 2008. Sejauh ini kita telah dapat memasarkan produk-produk Brunei Halal ini sebanyak 31 produk, kebanyakannya produk-produk yang dibuat di luar negara. Ini bukanlah disengajakan tetapi ini sebagai satu formula untuk memperkenalkan jenama Brunei Halal. Tujuan asalnya memang untuk produk-produk tempatan sebagai prasarana untuk memasarkannya di luar negara.

Sejauh ini pasaran yang dapat ditembusi ialah di Singapura melalui satu outlet, NTUC iaitu *Fair Price Supermarket*, di mana syarikat yang telah ditubuhkan di kementerian telah mengadakan perundingan dengan NTUC untuk memasarkan produk-produk jenama Brunei Halal termasuk beberapa produk tempatan. Dan kementerian juga akan meneroka peluang-peluang perdagangan dan penjualan di pasaran-pasaran Eropah dan juga di Timur Tengah.

Mengenai dengan Taman Argo Technology ini seperti yang disebutkan tadi, ianya terletak di kawasan Kampung Tungku iaitu bekas kawasan yang digunakan oleh *McFarm*. Kawasan ini seluas 500 hektar, sejauh ini separuh iaitu 265 hektar telah pun direka bentuk dengan membahagikan kepada 3 *cluster* yang boleh menampung penyelidikan dan pembangunan (*research*

and development), pembuatan dan juga logistik. Jadi dalam *research and development cluster* ini adalah merupakan satu tarikan kepada pelabur asing digandungi dengan wujudnya *bio-diversity* hutan negara sebagai bahan kepada penyelidikan dan pembangunan. Jadi semua aktiviti-aktiviti yang akan diadakan di Taman Argo Technology ini akan bersandarkan kepada jenama Brunei Halal sebagai landasan kepada pasaran serantau dan antarabangsa. Itu saja yang dapat kaola terangkan dan kongsi dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan usaha-usaha kementerian untuk mempelbagaikan ekonomi khususnya dalam memperkenalkan produk-produk jenama Brunei Halal dan *Argo Technology Park*. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, ada lagi ahli-ahli lain? Yang Berhormat Dato Haji Puasa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan mengenai dengan tanaman-tanaman padi. Sasaran yang telah dirancang bagi pengeluaran hasil penanaman padi di negara ini iaitu sebanyak 20% sara diri pada tahun 2010 nampaknya belum tercapai. Adalah diharapkan sasaran 60% sara diri pada tahun 2015 akan dapat dicapai. Dalam hubungan ini kaola ingin tahu, sejauh ini berapa luas sudah kawasan telah diusahakan dengan tanaman padi dan berapa luaskah tanah yang lagi sesuai untuk tanaman padi yang belum diusahakan? Sekiranya keseluruhan

kawasan yang sesuai untuk tanaman padi ini diusahakan keseluruhannya berapa persen (%) kah ianya boleh memberikan sara diri bagi negara ini?

Sejauh ini nampaknya beberapa buah negara sahabat telah menunjukkan keinginan untuk membantu dalam penanaman padi ini dengan kaedah-kaedah penanaman yang boleh memberikan penghasilan yang terbaik. Saya ingin tahu kaedah penanaman padi yang manakah yang paling sesuai untuk negara ini dan seterusnya akan diusahakan di negara ini secara meluas.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, menurut laporan konsultan, *Hydric Brew Construction*, ada tiga kawasan di negara ini jika diusahakan dengan teratur akan boleh menghasilkan padi cukup untuk kegunaan seluruh penduduk negara ini. Kawasan-kawasan yang dimaksudkan itu ialah, Supon Kecil di Daerah Tutong, seluas 955 hektar dan kawasan Kandol di Daerah Belait seluas 622 hektar. Selain daripada itu kawasan Bauu di Daerah Belait jua dikatakan boleh menghasilkan 40% sara diri bagi negara ini. Konsultan berkenaan menyokong supaya kawasan Bauu dimajukan kerana ia mempunyai kawasan yang paling luas.

Setentunya kerajaan telah menggunakan perbelanjaan yang banyak untuk mengupah konsultan yang berkenaan bagi menjalankan penyelidikan ini. Saya ingin tahu apakah ketetapan kerajaan terhadap sokongan dan laporan konsultan yang berkenaan. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan-soalan tersebut, pertama barangkali seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa tadi, pencapaian pengeluaran beras bagi tahun 2010 memanglah kurang dari apa yang diharapkan. Negara mengharap kepada 20%, tetapi pencapaian adalah kurang daripada 20%. Di antara sebab-sebab pencapaian itu kurang daripada apa yang diharapkan, dua faktor utama:-

1. Kementerian mengharap pada tahun 2010 itu akan membuka tanah seluas 2,360 hektar untuk mencapai 20%. Tetapi apa yang berlaku dalam 2010 itu pada setakat ini, kita cuma dapat membuka dalam 1,355 hektar sahaja. Ertinya kita kurang kawasan untuk dibuka dalam usaha untuk mencapai 20% itu; dan
2. Pencapaian hasil para peladang yang kita harapkan dapat menghasilkan dalam 3 metrik tan 1 hektar tetapi apa yang berlaku pada peringkat awal ani peladang-peladang di negara ini cuma dapat menghasilkan dalam purata $\frac{1}{4}$ metrik tan 1 hektar. Ertinya separuh daripada apa yang disasarkan oleh kementerian bagi hasil bagi setiap ladang.

Jadi disebabkan oleh 2 faktor ini negara tidak dapat mencapai apa yang dihasratkan untuk mencapai 20% pada 2010 itu. Walau bagaimanapun, kementerian berusaha untuk mencapai 60% bagi jangka panjang bagi tahun 2015 melalui usaha berikut:-

- 2.1 Pembukaan ladang-ladang baru, kawasan-kawasan baru di seluruh negara. Dan ini pun terhad kepada kawasan-kawasan yang ada pada negara. Kawasan-kawasan tanah adalah memang terhad. Kementerian cuma akan mengkhaskan bagi ladang padi ini 1% dari kawasan negara sahaja. Ertinya dalam 6,000 hektar sahaja, tidak lebih dan tidak kurang. Kalau lebih kita mungkin *encroaching into* atau mengambil kawasan-kawasan yang diperlukan untuk kemudahan-kemudahan sosial, kemudahan-kemudahan rakyat dan sebagainya. Jadi kita memerlukan dalam 6,000 hektar sahaja bagi pengeluaran beras untuk mencapai 60% sara diri;
- 2.2 Meningkatkan usaha-usaha yang berterusan yang seperti kaola terangkan tadi itu ialah berusaha untuk meningkatkan kadar pengeluaran para peladang negara dengan mempersyaratkan supaya mereka ini menghadiri sekolah-sekolah yang dipanggil *Farmer's Field School* (Sekolah Ladang Padi) yang diungkayahkan oleh kementerian secara percuma kepada peladang-peladang. Adalah diharapkan dengan menghadiri Sekolah Ladang Padi (*Farmer's Field School*) ini mereka akan

dapat mengetahui masalah-masalah bertanam padi, masalah-masalah untuk meningkatkan keupayaan mereka. Jadi ini adalah dipersyaratkan kepada semua peladang-peladang yang ingin berkecimpung dalam bertanam padi ini, dan untuk mencapai hasrat kementerian dan juga negara mengeluarkan padi pada taraf 60% sara diri, mereka perlulah menghadiri *Farmer's Field School*, yang diberikan oleh kementerian secara percuma kepada peladang-peladang;

2.3 Kementerian juga berusaha meningkatkan kaedah pengurusan air. Ertinya air adalah mustahak terutamanya dalam pengeluaran beras yang didukung iaitu Beras Laila. Beras Laila satu jenis beras hybrid yang memerlukan air yang banyak dan kawasan-kawasan padi yang teratur pengaliran, saluran masuk dan saluran air keluar. Di samping menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut, kementerian juga berusaha untuk meningkatkan keupayaan peladang-peladang dalam pengurusan air; dan

2.4 Bagi menangani masalah sarangan musuh dan penyakit tanaman yang serius, kementerian dengan berterusan memberikan kemudahan-kemudahan subsidi untuk mendapatkan baja dan juga racun-racun penyakit. Di samping itu juga kementerian akan berusaha untuk meningkatkan keupayaan peladang dalam pengeluaran padi ini, akan menyediakan *certified seeds*, *seed* yang diluluskan oleh kementerian untuk

ditanam sebagai *Foundation Seeds*. Jadi dengan usaha itu insya-Allah akan dapat mencapai apa yang dihasratkan untuk mengeluarkan sara diri 60% pada tahun 2015.

Seperti yang kaola/saya sebutkan tadi pencapaian 20% tahun 2010 adalah kurang daripada apa yang diharapkan. Walau macamanapun itu memang dari awal sudah disangkakan. Sebab, pada peringkat awal pengeluaran padi secara deras memang banyak masalah-masalah awal.

Soalan kedua, mengenai beberapa buah negara yang telah terlibat dalam perusahaan padi ini, pertama-tama iaitu:-

- i. Republik Filipina;
- ii. Republik Rakyat China;
- iii. Republik Korea,

dan baru-baru ini kita telah menandatangani memorandum dengan;

- iv. Republik Indonesia.

Di kalangan negara-negara ini, masing-masing dengan kekuatan mereka. Bagi Republik Rakyat China, kekuatan mereka adalah dalam kerja-kerja penyelidikan dan perkembangan dan juga pengeluaran. Manakala Republik Filipina adalah dalam *land preparation*, penyediaan ladang dan sebagainya.

Manakala Republik Indonesia dikenal pasti sebagai negara yang kuat dalam menangani isu-isu penyakit tanaman ataupun *pests*. Jadi

kementerian ingin Pengurusan Pengawalan Musuh-Musuh Tanaman Secara Bersepadu ataupun *Integrated Pest Management* dari Indonesia. Ertinya mereka kurang menggunakan bahan-bahan kimia, tetapi mereka lebih mesepadukan usaha-usaha mengawal musuh-musuh tanaman dengan memasukkan usaha-usaha itu sebagai salah satu daripada usaha-usaha keladangan. Ertinya dengan menggunakan alam semula jadi (nature) dan juga dengan usaha tidak memakai kimia.

Sementara itu, Korea dengan *water engineeringnya*. Kementerian menggunakan pengusaha-pengusaha dari Korea untuk mempelajari cara pengaliran air yang bersesuaian dan yang lebih efisien. Korea memang ditekankan dalam usaha itu. Jadi semua yang kita gunakan ini adalah mengikut keupayaan negara masing-masing untuk digunakan di negara tersebut.

Ketiga, mengenai dengan laporan daripada konsultan tersebut, memang dikenal pasti 3 kawasan tersebut; Supon di Tutong, Kandul dan Buau di Kuala Belait. Jadi yang telah di kenal pasti oleh kementerian ialah Kandul dan Buau untuk dikembangmajukan sebab keadaan tanah dan juga keadaan pengairan yang memang didatangkan dengan air yang ada pada masa ini, iaitu sungai di sana.

Supon Kecil berkeluasan dalam kira-kira 955 hektar. Tetapi dalam usaha kementerian supaya pihak swasta terlibat dalam pembangunan di Supon Kecil ini, tidak ada seorang pun pihak swasta yang sanggup untuk mengerjakan di Supon ini.

Dan kementerian juga telah mengadakan *environmental impact assessment* di sana dan memang diakui tidak ada kesan-kesan negatif kepada *environment* di Supon ini. Tetapi apa yang dikenal pasti di kawasan ini, ia tidak berupaya untuk mendapatkan sumber air yang mencukupi untuk penanaman padi yang berskala besar dan ketiadaan bekalan elektrik bagi pemakaian pam air. Oleh yang demikian setelah dinilai balik dan kementerian berkeputusan untuk tidak membuka tawaran semula bagi kawasan tersebut. Sebab tidak mencukupi kemudahan-kemudahan air dan kemudahan-kemudahan elektrik di kawasan tersebut.

Jadi, kalau sekiranya ada usaha untuk mengadakan penanaman padi di Supon bagi bukan berskala besar dan bukan beras hybrid tetapi beras tradisional itu digalakkan sebab beras-beras tradisional seperti Pusu, Adan dan Bukit itu kurang memerlukan air dan mereka memerlukan kawasan-kawasan yang kering. Jadi itu sebagai penerangan kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, ada lagi, Yang Berhormat Haji Mohd. Shafiee tadi yang mengangkat tangan dahulu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya akan bercakap masalah yang sama tetapi dengan

fakta-fakta yang berlainan. Terlebih dahulu saya ingin berucap secara pendahuluan bahawa gambaran aktiviti penanaman padi Daerah Brunei dan Muara melalui media masa dan kaca TV sungguh menggalakkan, kita tumpang gembira dan berharap akan menjadi kenyataan dan dapat mencapai target 60% hasil sara diri sepertimana yang telah diperkatakan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebentar tadi.

Saya ada beberapa soalan, ada 3 soalan, khusus pada penanaman padi jua, fokus kepada aktiviti penanam padi yang ketika ini sedang diusahakan oleh penduduk-penduduk kampung:-

1. Apakah kemudahan - kemudahan prasarana seperti parit, tali air dan jalan masuk menuju masuk ke kawasan-kawasan penanaman padi khususnya di Lot Sengkuang sudah dibantu ditingkatkan, dan apakah rintangan-rintangan yang dihadapi oleh MIPR sejauh ini?
2. Selain dari pusat sumber yang ada di Sinaut di Daerah Tutong MIPR mempunyai sebuah intitusi pengajaran di bidang pertanian juga iaitu sebuah Sekolah Vokasional Wasan. Sejauh ini berapakah sudah lepasan dari sekolah tersebut dan kemanakah mereka ini diserapkan setelah menamatkan kursus; dan
3. Barang-barang seperti buah-buahan segar kebanyakannya diimport dari negara luar seperti dari Thailand, India

dan Malaysia dan lain-lain. Kebanyakan buah-buahan segar ini mahal harganya berbanding dengan makanan cepat siap yang kurang sihat tetapi murah harganya. Pertanyaan saya apa tidak memungkinkankah buah-buahan segar yang di import dari negeri luar ke negeri ini dijual dengan harga yang murah?

Memandangkan kos buah-buahan tersebut yang diusahakan di negeri asal mereka adalah rendah. Tetapi ini tidak berlaku, sebaliknya harga tetap mahal. Mungkin juga disebabkan kos pengangkutan terlalu mahal. Soalan saya apakah usaha MIPR dalam menangani hal ini?. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhomat. Mengenai dengan usaha-usaha kementerian untuk membuka kawasan-kawasan baru memang ini usaha berterusan. Jadi dalam peruntukan tahun 2011/2012 ini, kementerian telah disediakan dalam \$15 juta peruntukan tambahan baru untuk usaha-usaha meningkatkan ladang, membina infrastruktur baru seperti jalan raya dan saluran-saluran air. Khususnya dalam Lot Sengkuang ini, memang diteruskan usaha-usaha untuk memberi kemudahan dan meningkatkan taraf infrastruktur yang ada pada masa ini, terutamanya jalan raya dan juga longkang-longkang saluran-saluran air.

Jadi bila ia siap, ini memang disasarkan untuk mencapai sasaran 60% bagi tahun 2015. Mengenai dengan kawasan Pusat Sumber dan juga Sekolah Vokasional Wasan ini, yang sebenarnya ini bukan sekolah yang dikawal ataupun yang diselaraskan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, ini adalah sekolah yang sememangnya di bawah pengawalan Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun, abis kaola di kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam mengolah kurikulumnya, terutamanya dalam pengajaran bukan saja padi, pertanian dan juga dalam perikanan dan juga memproses makanan.

Sejauh ini belum banyak lulusan dari sekolah ini diserapkan ke kementerian disebabkan kelulusan yang mereka keluarkan adalah peringkat certificate dan rendah sahaja. Walau macamapun mereka kebanyakannya digunakan membuatkan ujian dan juga untuk membantu dalam usaha-usaha ladang. Apabila mereka lulus kadang-kadang ada yang meneruskan untuk melanjutkan pada peringkat diploma dan sebagainya. Jadi itu lah apa yang berlaku di Sekolah Vokasional Wasan pada setakat ini. Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan boleh menerangkan lebih lanjut kedudukannya sama ada di dewan ini ataupun secara di luar.

Mengenai dengan buah-buah segar itu, kementerian memang susah untuk menurunkan harganya sebab bercanggah dengan usaha kementerian untuk menggalakkan pengeluaran buah-buah

tempatan. Jadi kaola dalam menjawab soalan mengenai buah segar ini terpaksa berawas sikit sebab kalau sekiranya direndahkan harganya itu, ia akan bersaing dengan pengeluaran buah-buah tempatan. Jadi kaola dalam perkara ini ada dua fikiran:-

1. Dari segi mempertahankan petani tempatan harga buah segar dari luar negara perlu dikawal.
2. Dari segi keperluan-keperluan pengguna harganya hendaklah berpatutan.

Jadi soalan itu barangkali kalau dapat dijawab secara umum bahawa usaha-usaha kementerian memang ada untuk memajukan pengeluaran buah-buahan tempatan, buah-buah segar. Jadi barangkali kalau diturunkan harga buah segar yang diimport mungkin bercanggah dengan usaha-usaha kementerian. Kementerian tidak bercadang untuk meninggikan import tarif bagi buah-buah segar sebab akan menjejaskan keperluan pengguna-pengguna. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Kaola ingin bertanya saja Yang Berhormat Pehin mengenai dengan dinyatakan harga buah-buahan import lebih tinggi daripada buah-buah tempatan. Jadi kalau orang ramai membeli buah-buah yang diimport itu dengan harga yang lebih daripada harga buah tempatan, siapa yang mendapat keuntungannya? Sebab Yang Berhormat Pehin tadi ada menyatakan tidak ada rancangan untuk menaikkan cukai. Jadi apakah perbezaan harga di antara buah

tempatan dengan buah import itu adalah tidak sama ada lebih harganya? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Alhamdulillah usaha mempertingkatkan hasil pengeluaran padi di negara ini semakin rancak dan menampakan hasil yang memuaskan mudah-mudahan matlamat itu mencapai penghasilan sara diri perlahan-perlahan akan dapat dicapai suatu hari nanti, insya-Allah. Dengan kaedah dan teknologi baru tanaman padi serta benih yang bermutu tinggi di samping tuaian yang baik selain tanaman 2 atau 3 kali setahun ini menarik minat rakyat negara ini untuk mengusahakan ladang padi.

Saya berpendapat jika peladang mendapat penghasilan atau pendapatan yang baik untuk menyara kehidupan lebih banyak lagi masyarakat termasuk belia yang menganggur akan meneroka bidang tersebut. Jadi saya mencadangkan supaya diadakan *pilot scheme* atau skim ladang contoh yang terdiri dari masyarakat terutama belia-belia yang menganggur ketika ini dengan menyediakan kadar keluasan tanah yang tertentu dan anggaran hasil tuaiannya nanti dapat memberikan pulangan pendapatan yang setara atau lebih baik daripada makan gaji.

Insya-Allah, jika ini dapat menyara kehidupan masyarakat lebih ramai lagi yang akan menjadikan usaha tanaman padi

sebagai pekerjaan sepenuh masa, sekaligus akan mencapai atau mendapatkan usaha bagi meningkatkan penghasilan beras yang terutama. Kerana saya tertarik untuk meng*highlight* penghasilan beras ini ketika ini jika kita melihat di majlis-majlis perkahwinan dan majlis-majlis yang diadakan, ramai di antara penduduk kitani memilih beras sebagai satu cenderamata atau buah tangan yang dibungkus dengan berbagai-bagai jenis bungkusan yang menarik. Ini sebagai satu petanda bahawasanya rakyat dan penduduk ini menyokong penuh usaha penghasilan beras ini adalah diutamakan di negara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Pehin Pengerusi, saya hanya ingin bertanya secara pendek dan ringkas. Majlis ingin bertanya berkenaan ada cadangan pihak-pihak berkenaan untuk menambahkan e-terms ke dalam senarai kawalan harga JPKE (*Department of Planning and Economic Development*) seperti ayam, daging dan telur akan dimasukkan dalam kawalan harga. Majlis ingin tahu adakah peraturan ini akan melibatkan semua penternak dalam negara ini seperti pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, soalan pertama dulu daripada Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar mengenai dengan *Pilot Scheme* untuk penanaman padi. Pada masa ini, di kementerian telah pun mengenal pasti di kawasan Wasan dalam 10 hektar dikhaskan kepada penuntut-penuntut Sekolah Vokasional Wasan, yang terlibat dan berminat untuk berkecimpung dalam penanaman padi dikhaskan kawasan untuk mereka berusaha.

Syaratnya mereka itu mestilah melalui latihan dengan mengadakan permuzakarahannya dengan kementerian tentang pencapaian, usaha-usaha untuk meningkatkan dan usaha-usaha penanaman serentak yang kementerian galakkan supaya mengelakkan serangan-serangan musuh. Jadi dengan keadaan itu mereka mestilah berunding dengan kementerian supaya mereka ini menjalani kursus di *Farmers Field School* ataupun mereka sendiri dalam penuntut-penuntut yang terlibat dalam pertanian.

Penanaman serentak atau *synchronise planting* itu akan mengurangkan serangan. Di samping itu, kementerian juga mengadakan penanaman secara berskala besar di mana kawasan-kawasan kecil bagi mereka yang ingin melibatkan diri dalam usaha menanam padi akan disediakan. Tapi dengan syarat kawasan itu tidak boleh dibiarkan. Kementerian mensyaratkan mereka mestilah mengikuti kursus *Farmers Field School*.

Kedua, mereka mestilah menghasilkan padi dua musim ataupun lebih. Jika tidak diusahakan, tanah itu akan diambil balik. Ini memang kementerian awasi, sebab keadaan tanah di negara ini amat terhad.

Kawasan-kawasan yang dibukakan itu memang kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk dijadikan tempat bertanam, dengan diberi kemudahan-kemudahan air, kemudahan-kemudahan parit, jalan raya dan sebagainya.

Mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai dengan ayam dan juga telur, memang seluruh pengusaha-pengusaha dimasukkan dalam kawalan itu. Bukan sahaja kawalan harga, tetapi juga kawalan pengeluaran dalam waktu-waktu yang tertentu terutamanya dalam waktu-waktu musim perayaan. Kementerian memastikan supaya bekalan mencukupi dan juga dengan harga yang berpatutan. Jadi itu dikawal bagi semua pengusaha-pengusaha itu tidak dikecualikan yang kecil ataupun yang besar.

Jika sekiranya keperluan-keperluan untuk mendatangkan daripada luar negeri, sekiranya kekurangan bekalan-bekalan daripada pengusaha-pengusaha tempatan, itupun akan didatangkan keperluan itu. Tetapi bukanlah sebagai satu kebiasaan di kementerian untuk mendatangkan import itu, cuma jika ada keperluan untuk mendatangkan, kementerian akan menimbangkannya. Tetapi memang usaha ini berterusan supaya negara mengeluarkan ayam, telur 100%. Pada masa ini negara

telah mencapai 100% pengeluaran ayam dan telur sara diri. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha akan bercakap.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Kaola bercakap ini ada berlainan dengan yang lain, namun demikian ada kaitannya. Dalam mengembangluaskan rancangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sesuai dengan kehendak negara bahawa untuk mengurangkan pengimportan pembelian baja, apa jua kiranya kalau negara ini atau syarikat swasta sama ada dalam ataupun luar negeri, membina kilang untuk memproses baja walaupun harganya mahal dan pengajiannya mengambil masa.

Namun demikian bahawa dengan terbinanya kilang ini, kaola penuh yakin akan memberi faedah kepada negara terutama memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang menganggur. Dan ini selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara pada 25 Rabiulakhir 1431 bersamaan 11 Mac 2010, dengan

mempelbagaikan ekonomi serta tidak lagi terlalu bergantung kepada minyak dan gas dan sesuai pula dengan keadaan masa ini, membuat perubahan dan pembaharuan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Kaola akan membentangkan untuk menyuarakan dua perkara di dewan yang mulia ini:-

1. Kaola difahamkan dalam perjumpaan dan taklimat-taklimat Pengarah Pertanian bersama ketua-ketua ladang bagi keempat-empat daerah pada penghujung tahun 2009, yang menyatakan bahawa Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian bagi kemudahan infrastruktur pengurusan dan pentadbiran penanaman padi bagi mencapai rancangan kerajaan. Di mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sejumlah besar wang yang diluluskan untuk peladang-peladang padi disemua daerah termasuklah di Daerah Temburong. Dari makluman yang kaola

terima dari ketua-ketua ladang di Temburong, mereka ingin tahu akan perkembangan infrastruktur dan pengurusan bagi ladang-ladang di Daerah Temburong sepertimana peruntukan yang telah diluluskan; dan

2. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, di dewan yang mulia ini kaola ingin bertanya, apakah pihak kerajaan telah membuat kajian bahawa syarikat-syarikat komersil dari luar negara mengadakan projek tanaman padi secara besar-besaran di negara kitani akan menguntungkan negara bagi jangka masa panjang?. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Soalan pertama daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha tadi. Memang saranan cadangan untuk mengadakan kilang baja itu satu saranan yang baik dan mungkin akan dipertimbangkan bukan sahaja di kementerian ini barangkali juga pihak-pihak lain di Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan juga pihak swasta ataupun mungkin diadakan *triple PPP (public, private partnership)* projek. Jadi ini satu usaha yang memanglah digalakkan untuk diadakan di negara ini bagi memastikan bekalan baja itu tidak terjejas.

Jadi kalau bekalan baja terjejas, ini akan menjejaskan keselamatan makanan negara. Dalam *food security* itu mempunyai rangkaian bukan saja pengeluaran tetapi juga rangkaian penyediaan khidmat-khidmat seperti menyediakan baja dan juga selepas tuai. Jadi kalau salah satu rangkaian itu terjejas, maka terjejaslah juga keselamatan makanan atau *food security* itu. Jadi kalau penyediaan khidmat, penyediaan baja, makanan ternakan dan sebagainya, itu dapat diselamatkan, satu dari tiga daripada rangkaian itu dapat diselamatkan. Ini adalah usaha berterusan untuk memastikan keselamatan dalam bekalan makanan. Itu memang dialu-alukan.

Jika ada sektor swasta (*private sector*) berminat untuk menubuhkan atau membangun kilang baja itu, kementerian memang mengalu-alukan usaha itu. Begitu juga sekiranya Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei hendak memajukannya. Kementerian sendiri memang tidak ada keupayaan kewangan untuk menubuhkan kilang baja tetapi dalam usaha itu, kementerian menggalakkan dan akan menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu untuk diadakan kilang baja itu.

Mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad tentang di Temburong ini, usaha-usaha memang diteruskan untuk meningkatkan ladang-ladang di Temburong. Setakat ini barangkali, projek-projek yang dijalankan di Temburong saja pada masa ini adalah berjumlah dalam \$4.8 juta iaitu usaha-usaha untuk meningkatkan ladang, membuka kawasan-kawasan baru dan sebagainya.

Itu salah satu daripada yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dalam peruntukan yang telah disediakan dua tahun lalu, \$10 juta dalam tahun 2009, \$20 juta dalam tahun 2010 dan dalam 2011-2012 ini kita diberikan minimum \$15 juta. Jika sekiranya tidak mencukupi akan dipohonkan lagi daripada Kementerian Kewangan.

Mengenai dengan soalan apakah pengusaha-pengusaha yang berskala besar itu akan menguntungkan negara? Memang ini kalau dikaji secara menyeluruh dan jangka panjang memang menguntungkan negara.

Pertama dari segi FDI atau aliran pelaburan asing yang datang ke negara ini Projek besar-besaran ini memerlukan kewangan yang besar. Jadi kalau orang tempatan tidak mencukupi kewangannya itu memerlukan suntikan pelaburan daripada pelabur-pelabur asing yang sanggup untuk melabur dalam jumlah yang besar. Jadi itu memang dialu-alukan. Pelaburan asing akan membawa kewangan yang besar, teknologi dan pengalaman daripada luar negara. Jadi dalam mengerjakan ladang-ladang secara komersil kita belum ada pengalaman. Orang-orang tempatan untuk berskala besar dalam pengeluaran beras belum ada. Jadi ini memerlukan pelabur-pelabur asing yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai dengan penanaman padi skala besar. Jadi secara ringkas memang ada keuntungan negara untuk mendatangkan pelabur-pelabur asing untuk mengerjakan ladang-ladang secara komersil dan skala besar.

Yang Berhormt Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ini bukannya merupakan soalan hanyalah pandangan kaola mengenai dengan pembelian beras dari luar. Baru-baru ini Brunei membeli ataupun mengimport beras dari Vietnam. Ini pendapat kaola adalah langkah yang baik, satu polisi yang baik, dan patut diteruskan.

Dari segi keselamatan, kita tidak bergantung kepada satu pembekal sahaja jika apa-apa masalah dengan satu pembekal kita ada *option* lagi dan dengan adanya persaingan di antara pembekal-pembekal kita mungkin mendapat layanan yang baik dan juga harga yang baik. Jadi kaola berpendapat pembelian beras dari sumber pembekal selain daripada negara Thailand akan diteruskan. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Memang bekalan beras daripada Thailand itu akan diteruskan dan juga daripada pembekal-pembekal baru seperti Vietnam dan Cambodia. Apa yang diusahakan di kementerian cuma mendapatkan 60% dan selebihnya 40% didatangkan daripada Thailand, Vietnam dan Cambodia dan juga barangkali selebihnya

mungkin didapatkan di luar negara dengan membuka ladang melalui *join venture* atau kerjasama dengan negara ketiga untuk mengadakan satu kawasan, di kawasan-kawasan negara lain jika bersesuaian untuk mengeluarkan beras bagi keperluan negara.

Jadi tiga (3) cara untuk menyediakan bekalan makanan dalam negara 60% asas, 40% itu mendatangkan daripada negara-negara Thailand dan sebagainya dan selebihnya mungkin kita datangkan daripada mendapatkan ladang-ladang kita sendiri yang mungkin bertempat di luar negara, jadi kita sendiri akan mempelbagaikan sumber beras bukan sahaja dalam negara, bahkan daripada Thailand juga daripada negara yang kita pasti boleh menampung keperluan kitani itu.

Jadi keperluan itu bukan sahaja 100% mungkin kalau sekiranya diperlukan lebih daripada 100% sebab beras ini bukan sahaja untuk dimakan juga untuk diproses dan dikisar untuk sebagai *produk* beras dan juga dalam usaha jenama Brunei Halal itu salah satu daripada produk-produk yang dikenalpasti akan dipasarkan ialah beras Laila. Beras yang ada daripada Thailand adalah beras yang lain daripada Beras Laila dan beras dari Kambodia mungkin sama dengan beras daripada Thailand. Jadi memang diakui bekalan beras dari Thailand, Kambodia akan diteruskan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam

sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah berjaya bukan barangkali dalam penanaman padi, tetapi telah lama berjaya dalam sektor perikanan, sayuran, ayam dan telur.

Mengikut perangkaan *long term planning* Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama *Projected Agriculture Halal Food Product* seperti *crop process product*, *live stock*, *process product*, *crop* dan *live stock* pada tahun 2009 bernilai lebih kurang \$358 million kepada \$2,737 million pada tahun 2023. Saya ingin tahu apakah strategik Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk mencapai hasrat ini dan kalau ada pengusaha-pengusaha yang ingin menyumbang dalam usaha ini apakah insentif-insentif kerajaan sebagai tarikan kepada pengusaha-pengusaha. Terima kasih Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Menteri Pendidikan tadi ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola mengambil kesempatan ini untuk menerangkan sahaja mengenai dengan kedudukan Sekolah Vokasional Wasan yang pada masa ini menawarkan Kursus *National Diploma* dan juga Nasional Teknikal (*certificate*) iaitu Sijil Kemahiran III, dalam bidang sains, *agricultural science*, perikanan,

Bio-Technology, Fish Husbandry, Basic Food Processing dan Crops Production.

Sebagaimana juga dengan kursus-kursus vokasional dan teknikal yang ditawarkan di institusi teknikal di negara ini setiap program itu mempunyai jawatankuasa penasihat yang bukan sahaja dianggotai oleh guru-guru atau pengajar dalam bidang masing-masing tetapi juga melibatkan *stakeholder* yang lain dari industri dan dalam hubungan ini, yang berkaitan dengan *agriculture*, dan *fisheries studies* ini melibatkan mereka di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Jadi dari segi kurikulum, *syllabus* dan sebagainya itu ianya direka bentuk dan diteliti oleh jawatankuasa yang mempunyai kepakaran-kepakaran dari sektor-sektor yang berkenaan. Sekian saja yang dapat kaola maklumkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini saya tangguhkan selama setengah jam.

(Majlis berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyambung semula perbincangan tajuk-tajuk di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan itu, maka Persidangan Majlis Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang sebagai jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis Mesyuarat ini bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya. Sebentar tadi jawatankuasa masih lagi membincangkan SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Maka saya bukakan mesyuarat ini untuk membincangkan tajuk berkenaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk bercakap, maka Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan.

Yang Berhormat Pengerusi: SH02A - Jabatan Perhutanan saya bukakan untuk perbincangan, silakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin menimbulkan mengenai dengan kawalan hutan di negara ini, di mana sekali sekala kita telah mendengar berita mengenai dengan

kecurian kayu balak dan gaharu di kawasan perhutanan negara ini.

Kaola memahami bahawa hutan negara ini adalah luas sehingga ke sempadan negara jiran. Dengan menyedari keluasan hutan negara ini sudah tentu pihak yang berkenaan mempunyai perancangan yang teratur untuk mengawalinya, tetapi sejauh ini nampaknya kawalan terhadap keselamatan perhutanan negara ini masih belum memuaskan atau efektif. Kerana masih berlaku kecurian dan pencerobohan berlaku.

Adakah pihak yang berkenaan sudah mempunyai perancangan untuk mengesankan lagi kawalan ke atas perhutanan negara ini? Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar: Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebelum kaola menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa, izinkan kaola/saya untuk menjawab, soalan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos mengenai dengan strategi kementerian dalam usaha untuk mencapai *target production* pertanian.

Jadi dalam hal ini, untuk meningkatkan pencapaian dalam pengeluaran pertanian, kementerian menyediakan beberapa

prasarana yang abis kaola panggil *hardware* dan *software*. *Hardware* seperti menyediakan seperti *Agri-Park* dan juga prasarana untuk memasarkan produk-produk pertanian melalui jenama Brunei Halal. Dan yang abis kaola panggilkan *software* seperti menyediakan subsidi, memberi bimbingan dan memberi dukungan dan juga mengadakan dan menghadiri ekspo-ekspo di luar dan di dalam negara dan juga mengadakan perundingan dengan rakan-rakan lain serta menyokong usaha Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dalam mendapatkan pasaran di luar negara. Itu yang dapat kaola terangkan dan kongsikan mengenai dengan strategi kementerian dalam menangani untuk meningkatkan penghasilan di bidang pertanian.

Mengenai soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa, mengenai kawalan hutan, memang keupayaan untuk mengawal kawasan yang begitu besar adalah di luar daripada keupayaan Jabatan Perhutanan. Walau bagaimanapun Jabatan Perhutanan memang bekerjasama dengan pihak-pihak penguasa lain seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Jabatan Kastam dan Eksais dalam usaha untuk mengawal pengeluaran balak, pengeluaran hidupan-hidupan liar daripada negara.

Walaupun di Jabatan Perhutanan sahaja pada tahun ini ada satu peruntukan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk menambah *Forest Ranger* dalam buku peruntukan itu dalam muka surat satu, *Forest Ranger* telah dinaikkan daripada 13

orang kepada 20 orang pada tahun 2011/2012 ini. Jadi itu satu usaha jabatan untuk meningkatkan keupayaan dalam pengawalan hutan, pembalakan dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengenai dengan perhutanan, dalam kita menangani isu-isu global mengenai dengan alam sekitar (*environment*) dan perubahan iklim (*climate change*) satu inisiatif kerjasama serantau yang kita ikuti pada masa ini dengan negara-negara seperti Malaysia dan Indonesia ialah projek *Heart of Borneo*, saya percaya ramai yang mengetahui akan projek ini, kerana kita sering mendengar melalui media massa.

Di sini bolehkah Yang Berhormat Pehin Menteri menerangkan faedah yang akan dapat diperolehi daripada inisiatif ini. Dan apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk memastikan matlamat *Heart of Borneo* ini akan tercapai.

Yang kedua, saya difahamkan juga Negara Brunei Darussalam mempunyai komitmen kepada *Heart of Borneo* ini, iaitu sebanyak 58% daripada keluasan negara ini. Apakah rasional komitmen ini dan bagaimanakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan boleh memastikan

komitmen ini tidak akan terjejas oleh pembangunan-pembangunan sektor lain yang mungkin sama atau lebih kepentingannya kepada kita?

Seterusnya soalan saya yang ketiga, memandangkan kepada *complexity* dan pemeliharaan Projek *Heart of Borneo* ini, yang mana akan melibatkan *flora* dan *fauna*, dan hidupan-hidupan liar, sepatutnyalah ia mesti diberi pengawasan dan pemantauan yang rapi oleh badan-badan yang tertentu. Saya ingin mencadangkan satu *department* iaitu *Department of Wildlife* patutlah ditubuhkan di masa akan datang, akan dapat memantau perkara ini. Mungkin juga buat masa ini peruntukannya akan dapat dirancang dengan lebih awal. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Pertama, mengenai dengan *Heart of Borneo*. Yang sebenarnya komitmen negara adalah 58% seperti yang disebutkan iaitu dalam 1.6% daripada jumlah keseluruhan *Heart of Borneo*. Walaupun besar dari segi komitmen negara tetapi dari segi *Heart of Borneo* keseluruhannya cuma kurang daripada 2% sahaja .

Dan kedua, yang ingin kaola terangkan, *Heart of Borneo* itu tujuannya bukan untuk mengecualikan pembangunan dan perkembangan di kawasan itu. Ertinya kemajuan perkembangan dibolehkan juga

dalam kawasan itu, cuma mesti dikawal dan dilakukan dengan teratur. Jadi ia bukan untuk mengecualikan, *not to lock out development from the Heart of Borneo area*. Itu yang menjadi barangkali keliru seolah-olah Heart of Borneo itu akan *melock out* mengecualikan kawasan itu daripada pembangunan. Pembangunan dibolehkan di kawasan tersebut, cuma mesti dilakukan dengan lebih teratur dan lebih mapan. Itu disarankan dalam konsep *Heart of Borneo* dan juga konsepnya ialah supaya ia dalam satu kawasan yang *contiguous* iaitu satu kawasan yang bersambung bukannya yang berpetak-petak.

Jadi sebab itulah komitmen negara 58% memandangkan bahawa hutan-hutan yang ada yang *contagious* atau bersambung-sambung itu adalah melebihi daripada 58%. Negara boleh mencapai 70% atau lebih tetapi negara cuma menguntukkan dalam 58% saja. Dan sejauh ini kementerian telah dapatewartakan dalam 55% jumlah itu sebagai hutan-hutan. Jadi asasnya komitmen negara adalah *contagious* iaitu bersambung dengan lain-lain hutan. Itu yang dimaksudkan dengan *Heart of Borneo* dan 58% itu adalah komitmen negara kepada *Heart of Borneo*.

Mengenai dengan satu jabatan yang khusus untuk *wildlife*. Memang cadangan ini telah pun beberapa kali disuarakan terutamanya dalam satu *master plan studies* yang dilakukan dalam tahun 1986 oleh Syarikat *Huszar Brammah and Associates*. Mereka mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan ataupun satu jabatan untuk hidupan liar dan taman negara.

Dan kali kedua disebutkan dalam *Heart of Borneo, Project Implementation Framework* disebutkan juga supaya diadakan satu jabatan untuk mengawal hidupan liar ini. Jadi, dalam keadaan di negara kitani pada masa ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun ada satu perundangan dipanggilkan '*Wildlife Protection Act*' Chapter 102 berkuat kuasa dalam tahun 1981. Tetapi dalam *Wildlife Protection Act*, itu tidak disebutkan ataupun dikenal pasti jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi kerajaan untuk melaksanakan undang-undang itu. Jadi pada masa ini, kalau kehidupan tanaman liar, (*flora*) pengawalannya dikawal oleh Jabatan Perhutanan. Hidupan binatang atau haiwan liar dikawal dan diurus oleh Jabatan Muzium-Muzium. Jadi dua agensi kerajaan berjalan pada masa ini dalam pengawalan hidupan liar Jabatan Muzium-Muzium dan Jabatan Perhutanan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Setakat ini, cara ini dikira berkesan juga. Walaupun sekiranya diperlukan satu jabatan ataupun satu kuasa untuk menjaga perkara ini, mungkin kalau tidak ada keupayaan ataupun tidak ada kepimpinan, mungkin tidak akan berkesan. Jadi dalam menimbangkan untuk menubuhkan satu jabatan ini, usaha-usaha yang ditekankan ialah kementerian ialah untuk meningkatkan keupayaan dan pengawalan hidupan liar itu yang diutamakan pada masa ini supaya pengawalan itu lebih berkesan dan supaya '*Wildlife Protection Act*' itu dapat dilaksanakan.

Dalam '*Wildlife Protection Act*' itu disebutkan penubuhan jawatan-jawatan seperti *Game Warden, Chief Game Warden* yang mana

pada masa ini belum dapat diadakan. Jadi dalam peruntukkan undang-undang telah pun ada diperuntukkan untuk mengurus dan memelihara hidupan-hidupan liar itu dalam satu perundangan.

Yang perlu kita lakukan pada masa ini ialah untuk menguatkan keupayaan kementerian untuk mengawal dan mengurus kehidupan liar ini. Itu yang perlu ditekankan. Kalau sekiranya perlu, kita akan menubuhkan jabatan itu. Memang itu hasrat kementerian untuk mengadakan satu jabatan mengenai dengan hidupan liar. Walau macamapun dan di samping itu pada masa ini kementerian juga mendapat bantuan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Kastam dan Eksais dalam pengawalan dan pengeksportan hidupan liar. Memang cadangan untuk menubuhkan *wildlife* itu dialu-alukan dan akan ditimbang kesesuaiannya pada masa yang sesuai.

Kaola mengucapkan terima kasih kerana menimbulkan cadangan mengenai dengan penubuhan jabatan itu. Ini abis kaola akan menyuntik semangat untuk menghadapkan kepada Kementerian Kewangan bagi memohon peruntukan baru untuk menubuhkan satu jabatan tahun depan nanti. Pada tahun ini kementerian cuma diberikan satu peruntukan tambahan untuk menambah *Forest Ranger* daripada 13 orang ke 20 orang seperti yang kaola sebutkan tadi. Itu saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat. Saya ingin turut bertanya mengenai dengan *Heart of Borneo* ani.

Adakah sudah dikenal pasti atau dimasukkan dalam peta kawasan yang dimaksudkan sebagai kawasan yang akan diberikan *Protection Wildlife* dan adakah dalam perancangan atau projek *Heart of Borneo* ani selain daripada *Protection of Wildlife* juga *protection of* kehutanan, pohon-pohon kayu yang *rare* atau yang susah mahu didapatkan, supaya juga mendapat *protection*.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kawasan *Heart of Borneo* ini memang sudah dikenal pasti oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (TCP), petanya dan kawasan-kawasan itu pun memang telah dikenal pasti sebagai Hutan Simpanan Negara yang telah diwartakan sebagai Hutan-Hutan Simpanan Negara. Dan sebahagian lagi yang belum lagi diwartakan itu, akan diwartakan sebagai hutan simpanan nanti.

Jadi dalam usaha untuk mengawal kehidupan liar haiwan dan juga tanaman kementerian dikenal pasti sebagai ada sebagai autoriti pengurusan ataupun *management authority* dalam undang-undang *Wild Fauna and Flora Order 2007, Wildlife* bagi memenuhi kehendak-kehendak *Convention on International Trade in Endangered Species (CITES)*, dengan dibantu oleh *Scientific Authority* yang terdiri daripada Jabatan Perhutanan dan juga Jabatan Muzium-Muzium.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Orang Kaya Haji Othman Uking tadi ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Majlis difahamkan bahawa sebuah kilang kayu di Daerah Belait berfungsi membentuk semula kayu-kayu lais (serpihan kayu-kayu yang dibuang) dan tidak boleh digunakan menjadi sebatang kayu asal dengan mengikut *standard* perniagaan. Oleh sebab itu, kilang ini mengambil atau membeli dari pemilik-pemilik kilang lain yang berdekatan, kayu-kayu serpihan ini atau lais papan yang mana pada masa dahulu kayu-kayu serpihan ini akan dibuang dan dibakar begitu saja.. Alhamdulillah dan syabas serta tahniah saya ucapkan kepada pemilik pengusaha kilang papan berkenaan atas daya usaha ini dengan kerjasama pihak Jabatan Perhutanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam sekali lagi tahniah.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya difahamkan kayu-kayu papan ini akan diolah dan diproses menggunakan mesin khas dan didapati kayu yang ada pada asalnya tidak digunakan, boleh dibentuk mengikut pelbagai ukuran (*size*) yang dikehendaki, yang kecil boleh dibesarkan atau yang pendek boleh dipanjangkan. Menurut penerangan pengurus kilang tersebut kayu-kayu yang telah diproses mengikut *standard* perniagaan adalah dieksport ke luar negeri dan sebahagian daripadanya untuk kegunaan

dalam negeri. Ini adalah satu usaha yang murni dan secara tidak langsung telah membantu menyelamatkan sebahagian harta (aset negara) yang terdahulu dibuang dan dibakar begitu saja. Oleh kerana memandangi situasi semasa, saya syorkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya membuat peraturan khas atau diwajibkan bagi kilang-kilang papan lain memberi kerjasama untuk membantu menghantar lais-lais kayu yang tidak diperlukan oleh kilang-kilang tersebut ke kilang yang mempunyai mesin khas tadi.

Dan disyorkan juga sebuah kilang yang serupa akan dapat diusahakan untuk Daerah Temburong. Saya difahamkan bahawa terdapat beberapa kilang kayu yang beroperasi sejak sekian lama, saya percaya tentu banyak sisa-sisa papan yang tidak digunakan dan dibuang begitu saja. Dengan adanya kilang-kilang seperti ini, ia akan memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Memang dimaklumi satu kilang papan itu telah dapat memproses *waste wood* dijadikan *processed wood* dengan menggunakan *finger-joint* yang berbentuk *finger/jari* dan juga diproses selanjutnya. Jadi di Jabatan Perhutanan mempersyaratkan supaya pemberian lesen untuk pengilangan kilang ini hendaklah ada kegiatan hiliran atau *downstream activity*.

Semua kegiatan di atas dikategorikan sebagai *downstream activity*. Jadi seperti yang disyorkan, kementerian menggalakkan supaya kilang-kilang lain dapat menjual dan menghantar kayu-kayu yang tidak digunakan itu untuk diproses.

Memandangkan pelaburan yang dibuat oleh kilang ini memerlukan satu pelaburan yang tinggi untuk memproses dan untuk mengadakan mesin yang boleh membuat *finger-joint* tersebut. Ia memerlukan mesin dan juga memerlukan tenaga kerja. Jadi sejauh ini tenaga kerja itu adalah kebanyakannya dari luar negara. Seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya ini akan memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang tempatan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin mencadangkan satu cadangan iaitu melihat keseluruhan di negara kita ini bukan sahaja di Bandar Seri Begawan, malah di Temburong, Tutong dan Belait, hutan-hutan yang kita lihat sekarang adalah ditumbuhi oleh kayu-kayu jati yang subur. Kayu jati ini tumbuh liar di sana sini, nampaknya apatah lagi kalau ditanam, ianya akan lebih cepat membiak dan subur di negara ini. Jadi saya mencadangkan apa kiranya jenis kayu jati ini kalau kita buat satu kilang perabot, untuk membuat alat-alat perabot dan juga membuat apa-apa jua produk yang boleh dibuat menggunakan kayu-kayu yang saya

sebutkan tadi kerana dengan adanya kilang-kilang ini akan menambahkan pekerjaan bagi penganggur-penganggur yang ada di negara kita ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sini ingin mahu bertanya?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kalau dapat kaola menerangkan mengenai dengan kayu yang dikenali dengan nama Acacia. Acacia ini bukannya kayu tempatan. Ia mendatang dari luar negara. Jadi apabila ia tumbuh di kawasan-kawasan negara banyak menjejaskan pokok-pokok tempatan, kehidupannya lebih canggih dan lebih kuat daripada pokok-pokok tempatan atau *indigenous trees*. Jadi sebab itu kalau dilihat di sepanjang jalan raya atau di kawasan-kawasan yang terbuka banyak kayu ini sebab habitatnya ia boleh bertahan, lebih tahan daripada pokok *indigenous trees*. Jadi salah satu daripada masalah di Jabatan Perhutanan, ia yang banyak menjejaskan *indigenous tree* disebabkan kehidupan kayu-kayu ini lebih tahan lebih baik daripada kehidupan pokok-pokok yang asal atau tempatan negara.

Dan kedua, seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat memang satu saranan yang baik untuk dimajukan. Tetapi mesti diadakan dalam satu kawasan yang tertentu, bukan dengan membiarkannya hidup liar dan mempertahankan *bio-diversity* kehidupan hutan negara. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, cuma kaola meluruskan membetulkan pasal kayu jati yang telah dikemukakan tadi. Sebetulnya itu bukan kayu jati, ialah kayu 'kesha' yang didatangi dari Australia kalau saya tidak silap. Kayu jati sebenarnya yang ini sini, kayu yang dipakai inilah kayu jati datangnya dari Thailand, Indonesia dan Burma. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Pehin. Faham tah kitani sudah tu yang mana kayu jati.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Lurus tu Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kayu jati adalah *teak*, tapi kayu acacia itu Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor maksudkan bukan kayu jati kali acacia yang mana gelaran kitani kayu jati.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi seperti Yang Berhormat Pehin nyatakan tadi seperti di negara-negara lain kayu acacia ini dibuatkan kertas dan seumpamanya. Jadi adakah ia merupakan *soft wood* atau kayu jati *hard wood*.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: *Soft wood* Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi ahli-ahli yang lain. Jika tidak ada ahli-ahli lain untuk bercakap. Maka Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan diluluskan sebagai sebahagian dari Jadual.

Jurutulis: Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan dijadikan sebahagian daripada Jadual Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Saya bukakan untuk perbahasan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad dahulu.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan Jabatan Perikanan. Kaola ingin membentangkan dan menyuarakan di dewan yang mulia ini, bahawa kaola telah dimaklumkan di mana nelayan di Daerah Temburong yang memohon lesen perikanan hanya diberi lesen untuk menangkap di zon dua iaitu lima kilometer lepas pantai. Bagi nelayan yang kurang pendapatan dan hanya mampu membeli motor sangkut 15 kuasa kuda dan perahu 12 kaki panjang, nelayan seperti ini sudah setentunya mereka tidak berani ke laut dalam. Kerana itu adalah dipohonkan satu kawasan baru zon (zon baru) sungai bagi nelayan yang kurang pendapatan untuk mereka tidak jauh menangkap ikan, dan hanya di kawasan sungai-sungai di Daerah Temburong dan kawasan Teluk Brunei.

Kedua, kaola juga dalam menyuarakan bagi membantu nelayan tempatan adalah dipohonkan supaya Jabatan Perikanan akan dapat meningkatkan penetasan anak-anak ikan dan udang galah untuk ternakan dan dilepaskan di sungai-sungai terutamanya di Sungai Temburong. Tindakan ini bukan saja menambahkan hasil para nelayan apabila mereka mencari sungai-sungai malah juga menambahkan hasil pendapatan hasil mereka dengan menternak ikan dalam sangkar dan kolam.

Untuk menjayakan hasrat ini satu skim latihan yang berkesan perlu juga diadakan dan jika dapat dipertimbangkan skim bantuan atau pinjaman kewangan untuk keperluan benih, makanan ternakan, pengurusan serta tunjuk ajar daripada pihak-pihak jabatan-jabatan yang berkenaan. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Haji Idris ada mengangakat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan Perikanan. Industri perikanan ini adalah salah satu perusahaan yang banyak *dimonopoli* oleh pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana SME di negara ini. Ianya juga adalah sebagai sumber pencarian rezeki atau pendapatan tambahan bagi sesetengah orang yang mempunyai kegemaran *fishing* dan sebagainya. Perusahaan ini juga memerlukan bantuan-bantuan seperti benih-benih ikan, makanan ikan dan kelengkapan-kelengkapan yang

lain. Saya ada menerima risikan-risikan mengenai dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha SME seperti kekurangan dan kesusahan untuk mendapatkan benih-benih ikan dan juga skim kewangan yang tidak mencukupi dan tidak dapat diperolehi. Soalan saya, adakah perancangan kementerian dalam memajukan perusahaan penternakan ikan ini untuk membantu perkembangan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana ini?

Dari segi pemasaran, kebanyakan pengusaha-pengusaha SME tidak berkeupayaan untuk mengeksport hasil-hasil tangkapan mereka secara bersendirian dan mungkin juga kuantitinya tidak begitu besar dan mencukupi. Adakah perancangan kementerian untuk menubuhkan satu agensi pemasaran ataupun *cooperative* yang boleh membantu atau meyatukan hasil-hasil produk-produk daripada pengusaha-pengusaha kecil untuk dieksport bersama. Misalnya kalau (*government link company*) seperti Semaun Holding mungkin boleh memainkan peranan ini, membantu pengusaha-pengusaha kecil SME untuk mereka memasarkan produk-produk mereka melalui Semaun Holding misalnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahad mengenai dengan

pembekuan di Zon 1 ini. Sebenarnya *moratorium* atau pembekuan Zon 1 ini masih lagi berjalan. Tujuannya ialah supaya meningkatkan stok-stok ikan dan anak-anak ikan di Zon 1 itu. Yang menjadi kekhawatiran di kementerian terutamanya di Jabatan Perikanan, ialah stok ikan atau *fish stock* negara telah menurun kepada 26% sahaja tinggalnya daripada dulu. Jadi ini mencemaskan kementerian terutamanya di Jabatan Perikanan kalau sudah stok ini berkurangan. Jadi sebab itu pembekuan itu dikuatkuasakan untuk mengawal di Zon 1.

Jadi bagi pengusaha-pengusaha yang masa ini berusaha di Zon 1 (di kawasan pantai hingga 3 kilometer) itu mereka disarankan supaya berpindah kepada Zon 2 iaitu 3 ke 5 kilometer luar pantai. Jadi ini barangkali memberikan masalah bagi nelayan-nelayan yang tidak berupaya untuk ke Zon 2. Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman itu barangkali kementerian terutamanya Jabatan Perikanan akan mencari cara-cara supaya mereka ini dapat meneruskan kerja-kerja nelayan. Salah satu daripada caranya ialah barangkali bukan mengadakan satu zon di sungai tetapi mungkin membolehkan mereka berusaha menternak dalam sangkar-sangkar di kawasan sungai dan juga di kawasan-kawasan *inland fish pond* dan juga sangkar.

Untuk meniadakan *moratorium* itu mungkin amat sulit bagi Jabatan Perikanan, sebab kalau dibuka kepada satu pengusaha banyak lagi pengusaha-pengusaha yang lain akan memohon. Di kementerian amat prihatin terutamanya di Zon 1 itu merupakan kawasan pembiakan dan penetasan anak-anak ikan, jadi kalau anak-anak ikan itu

sudah diambil dan ditangkap ia akan mengurangkan pembiakan dan penetasan ikan itu. Jadi itu yang menjadi alasan kementerian untuk membekuan Zon 1 itu. Walau bagaimanapun cadangan daripada Yang Berhormat itu diambil maklum dan akan diadakan secara khusus kepada Daerah Temburong barangkali dan dicarikan penyelesaian yang lebih teratur.

Mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris tadi. Apakah usaha-usaha Jabatan Perikanan untuk meningkatkan hasil ikan? Kalau dapat kaola terangkan satu persatu usaha itu:-

1. ialah dengan meningkatkan produktiviti perusahaan yang ada. Ertinya orang-orang yang ada pada masa ini ditingkatkan produktiviti mereka terutamanya mengurangkan kesusutan ataupun *wastage* dan memberikan keupayaan mereka untuk menangkap lagi; dan
2. ialah membuka kawasan-kawasan baru di dalam pantai dan juga luar pantai. Jadi dalam keadaan ini memandangkan stok-stok ikan negara sudah berkurangan, usaha kementerian pada masa ini menumpukan kepada *aquaculture* kurang kepada *captured fishing*, atau penangkapan ikan-ikan liar atau ikan-ikan yang bebas. Di kementerian menggalakkan supaya lebih kepada *aquaculture* dan seterusnya membukakan zon-zon di luar lagi, iaitu Zon 4. Ini memerlukan pelaburan yang tinggi daripada pengusaha-pengusaha. Jadi ini barangkali terpaksa memerlukan

pelaburan dari luar negara untuk keluar ke Zon 4. Zon 4 itu adalah jauh daripada pantai dan memerlukan perahu-perahu yang berkuasa tinggi. Itulah usaha-usaha jabatan untuk meningkatkan pengeluaran ikan seperti yang kaola terangkan.

Mengenai dengan satu agensi pemasaran ini adalah satu cadangan yang baik dan kementerian pun memang menggalakkan penubuhan koperasi-koperasi yang boleh menjadi agensi pemasaran bagi produk-produk daripada nelayan-nelayan. Di samping itu juga Jabatan Perikanan memang berusaha untuk menubuhkan, bukannya *marketing agency* tetapi *collection point* bagi mengambil hasil-hasil daripada pengusaha-pengusaha ini dan ini dilakukan dengan perancangan melalui *buy bulk program* untuk yang akan dipasarkan di luar negara .

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Dato Haji Puasa mengangkat tangan kan bercakap.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi kaola ingin menimbulkan mengenai dengan pengawalan kawasan perairan laut Brunei terutama sekali kawasan perikanan luar pantai yang mana ada kemungkinan dicerobohi oleh penangkap-penangkap ikan dari negara asing. Kaola ingin bertanya adakah Jabatan Perikanan yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal kawasan perikanan laut Brunei daripada dicerobohi ataupun di bawah tanggungjawab jabatan-jabatan lain

kerana kaola menimbulkan perkara ini, di negara jiran kita terdengar sekali sekala berita bahawa kawasan perairan mereka dicerobohi oleh penangkap-penangkap ikan dari negara asing.

Seterusnya kaola ingin tahu adakah ikan-ikan yang dijual di negara ini terutama sekali di pasar-pasar ikan dan supermarket hasil tangkapan di dalam negeri atau didatangkan dari luar negeri. Jika ada dari luar negeri adakah ikan-ikan tersebut telah dipastikan selamat untuk dimakan iaitu tidak tercemar dengan ubat-ubatan pengawet supaya ia nampak segar dan tahan lama seperti pernah disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Haji Bakar Mansor tadi ada kan bercakap.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Di Daerah Brunei Muara juga memang sering didengar sungutan-sungutan yang tadi diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin yang mana ketika ini nelayan-nelayan di daerah ini jauh penurunan pendapatan mereka, jawapannya telah pun dijelaskan oleh pihak Yang Berhormat Pehin tadi. Tapi walau macamanapun kaola ingin menyentuh satu perkara iaitu:-

1. Mengenai dengan pukut cara mengambil ikan dengan pukut tunda ini menyebabkan pukut tunda ini semua

ikan-ikan yang terkandung di dalamnya akan dapat dihakis oleh pukut tunda. Jadi sebahagiannya ikan-ikan kecil ini banyak yang terlibat. Jadi mungkin ikan-ikan kecil ini sebab ia berkurangan ialah disebabkan oleh penangkapan ikan-ikan kecil ini;

2. Di dewan yang mulia ini sebahagian daripada rakyat dan penduduk mukim-mukim mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang berkenaan kerana memberikan beberapa penurunan-penurunan perahu di mukim-mukim yang mana telah disampaikan atau dipohonkan pada tahun yang lepas, jadi diucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang berkenaan. Di samping itu juga penduduk-penduduk di kawasan-kawasan perpindahan perumahan dan juga sebahagian dari penduduk di kawasan Kota Batu memohonkan supaya membuat penyelidikan dan akan dapat membuat satu dua tempat-tempat penurunan yang difikirkan perlu untuk penduduk yang kaola yang sebutkan di atas tadi; dan
3. Mengenai dengan kawasan-kawasan pantai di Daerah Brunei dan Muara dicadangkan supaya kawasan pantai ini pada waktu malam ditutup kecuali diberikan kelonggaran kepada nelayan-nelayan yang akan turun ke laut kerana sejauh ini banyak sungutan-sungutan ataupun perbuatan-perbuatan di pantai-pantai ini didapati mendatangkan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Menjawab soalan Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa tadi. Yang sebenarnya mengenai dengan rondaan di luar pantai ada satu Pusat Penyelaras Maritime Kebangsaan yang mana dianggotai oleh Angkatan Tentera Laut, Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Jabatan Perikanan. Memang ada satu badan untuk mengawal aktiviti-aktiviti rondaan dan aktiviti kegiatan di luar pantai ini. Dan beberapa operasi telah pun dilakukan yang dipanggilkan Operasi Menangin di kawasan-kawasan pelantar minyak dan sebagainya memang ada dilakukan. Dan mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Bakar Mansor berhubung dengan pukut tunda.

Penggunaan pukut-pukut yang matanya kecil secara tidak langsung akan menangkap anak-anak ikan yang mana anak-anak ikan itu perlu untuk membiak dan hidup terus. Jabatan Perikanan membekukan kegiatan-kegiatan seperti itu di Zon 1.

Jadi penggunaan alat-alat perikanan yang menjejaskan stok memang dikawal dan dilarang. Pegawai-pegawai Penguatkuasaan, Jabatan Perikanan akan mengadakan rondaan di luar pantai untuk memastikan penangkap-penangkap ikan itu tidak menggunakan pukut-pukut yang dilarang. Mengenai dengan kemudahan-kemudahan penurunan tempat ikan yang dipohonkan

di Kota Batu, ini bolehlah dikaji oleh jabatan untuk memastikan kesesuaian dan juga keperluan di Kota Batu itu. Jadi itu boleh akan berunding dengan Jabatan Perikanan.

Mengenai dengan kawasan-kawasan pantai ini, di bawah kawalan kuasa-kuasa yang tertentu dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Jadi barangkali ini boleh diambil kira oleh Jabatan Daerah, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya untuk memastikan kawasan-kawasan pantai itu dikawal dan penggunaannya adalah untuk penggunaan-penggunaan tertentu. Itu akan abis kaola timbulkan barangkali dalam satu perundingan dengan jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dalam kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pehin Menteri Tenaga silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, menjawab jua soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa tadi, memang pihak Pasukan Polis pun sendiri ada menjalankan operasi rondaan di kawasan 12 batu dari pantai iaitu *Brunei Territorial Water* dan kaola akan *share* saja statistik yang terdapat pada tahun 2009, sebanyak 2,000 penahanan dan pemeriksaan perahu dan pada tahun 2010 sebanyak 5,950 perahu telah pun ditahan dan diperiksa.

Ini kalau dilihat menunjukkan dua kali ganda daripada tahun sebelumnya dan juga Pasukan Polis membuat persejajaran operasi bersama Angkatan Bersenjata Di-Raja Brunei secara berterusan melalui prosedur tetap 'Sembilang'. Dan seperti mana juanya Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tadi, pensejajaran koordinasi agensi-agensi mengenai isu-isu strategik berkaitan keselamatan *Maritime* di bawah penyelarasan *Maritime* Kebangsaan, Jabatan Perdana Menteri. Dan insya-Allah pada tahun yang akan datang, akan ditingkatkan lagi operasi rondaan dan pemantauan di perairan di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya hanya menambah dan menyokong cadangan rakan saya Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris sebentar tadi mengenai dengan benih-benih ikan. Saya ingin menambah, diharap pihak Jabatan Perikanan akan dapat berusaha membantu dalam membekalkan benih-benih anak-anak ikan terutama kepada pengusaha-pengusaha khususnya yang terlibat dalam satu produk satu kampung, yang mana diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampung, di kampung-kampung, kerana pengalaman kita untuk mendapat benih-benih ikan mendapat sedikit kesukaran. Walau macamanapun kita mengucapkan berbilang terima kasih juga

kepada Jabatan Perikanan, sedikit sebanyak dapat membekalkan tapi tidak mencukupi. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Jabatan Perikanan kerana telah membantu dengan memberi kemudahan seperti mana rakan saya di Bandar Seri Begawan tadi, penurunan perahu di Kampung Lumut, bagi pihak nelayan-nelayan di kampung tersebut mengucapkan berbilang terima kasih. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada Yang Berhormat akan menjawab?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya silap tadi ada Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad tadi menimbulkan mengenai dengan meningkatkan penetasan anak-anak benih ikan itu, memang itu usaha berterusan untuk membekalkan anak-anak ikan, anak-anak udang galah dan sebagainya kepada nelayan-nelayan sebab di Jabatan Perikanan ada satu pusat penetasan, *Meragang Hatchery* untuk membekalkan benih-benih ikan itu, tetapi masih berkurangan. Jadi ini berterusan untuk ditingkatkan, satu keupayaannya dan kedua barangkali fasilitinya mungkin akan ditingkatkan keupayaannya. *Meragang Hatchery* itu adalah pusat untuk penetasan anak-anak ikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk Perikanan ini nampaknya telah pun kita atau Jawatankuasa bincangkan dengan begitu

panjang lebar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dari pihak Menteri-Menteri Kabinet telah pun memberikan jawapan dan penjelasan dengan begitu tetap. Maka kecuali ada lagi ahli-ahli yang ingin menambah soalan atau pertanyaan, ada baiknya Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan diluluskan menjadi sebahagian dari Jadual.

Jurutulis: Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan, dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, pada pendengaran saya tadi masa membincangkan tajuk pertama (Jabatan Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama) telah banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan Pertanian dan Agrimakanan telah pun ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadi kecuali ada pertanyaan sebagai tambahan atau penjelasan, saya berpendapat ada ahli-ahli akan bercakap? Silakan Ahli Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, cuma satu saja yang ingin disampaikan dalam Tajuk ini, iaitu melihat beberapa ekspo yang diadakan beberapa bulan yang lalu, melihat sambutan daripada pengusaha-pengusaha di negara ini amat menggalakkan, yang mana *booth-booth* yang telah disediakan, telah pun dipenuhi oleh hasil-hasil permakanan yang diusahakan

oleh pengusaha-pengusaha di negara ini sungguh menggalakkan.

Jadi sehubungan dengan itu, pengusaha-pengusaha di negara ini ingin memohon kepada pihak yang berkenaan supaya bantuan dan subsidi membuat bungkusan-bungkusan dan kotak-kotak makanan yang mereka usahakan itu akan dapat diteruskan dan diperbanyakkan lagi diberikan kepada pengusaha-pengusaha tempatan di negara ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dua perkara yang akan kaola suarakan:-

1. Pada masa ini peladang-peladang tanaman padi di Kampung Selapun di kawasan ladang padi yang mereka sudah usahakan bertahun-tahun telah tidak dapat diusahakan oleh mereka, ini disebabkan longgokan tanah dan kayu yang ditinggalkan begitu sahaja oleh kontraktor projek Padi Selapon. Adalah diharapkan supaya pihak jabatan berkenaan akan dapat mengambil perhatian dalam mengatasi akan perkara ini. Kaola ingin bertanya mengenai dengan Projek Padi Selapon, sepertimana yang kaola difahami iaitu seluas 80 hektar di Kampung Selapun yang diusahakan sama oleh Jabatan Pertanian Daerah Temburong bersama dengan salah sebuah syarikat daripada

negara luar, iaitu Filipina. Pada tahun 2010 yang lalu yang sepatutnya sudah berjalan, masih lagi belum dilaksanakan seperti yang dirancang. Apakah yang menyebabkan ianya tergendala dan masih belum dapat dibuat? dan

2. Mengenai dengan projek padi Daerah Temburong yang sejauh ini alhamdulillah, telah dapat mengeluarkan hasil padi yang boleh dibanggakan di negara ini. Kaola diberi maklum, peladang-peladang yang menjual hasil padi mereka melalui Jabatan Pertanian pembayarannya terlalu lama sehingga menunggu 3 bulan baharu mereka dibayar, adalah diharapkan dicepatkan pembayarannya. Ini memandangkan bagi peladang-peladang yang hanya bergantung harap dari hasil padi sebagai sumber rezeki mereka. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris tadi.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya ingin menimbulkan isu sekuriti makanan (*food security*). Kebetulan kita membincangkan Jadual Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Walaupun isu penanaman padi telah ditimbulkan, dibincangkan awal-awal tadi, jawapan-jawapan juga telah diberikan. Di sini ingin saya mengongsikan pandangan dari perspektif-perspektif sekuriti makanan.

Dalam suasana dunia tidak menentu ini, di mana pergolakan politik dan kemelesetan

ekonomi dunia sering saja berlaku. Ditambah dengan fenomena alam seperti gempa bumi, tsunami, banjir, ribut taufan, *cyclone* dan sebagainya yang boleh menyebabkan kekurangan bahan-bahan makanan di dunia ini.

Jadinya, selain dari memastikan makanan seperti beras, sayur, telur dan sebagainya yang boleh didapati di negara ini. Apakah isu-isu lain yang berkaitan dengan sekuriti makanan yang perlu ditangani oleh pihak-pihak yang berkenaan. Ya, memang sekuriti makanan ini masih merupakan agenda utama di dunia bagi negara-negara serantau seperti BIMP-EAGA dan ASEAN, mahupun di antarabangsa seperti Asia-Pacific, O.I.C malah di Eropah. Usaha gigih Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ke arah ini sangat-sangatlah dipuji dan diberikan tahniah kerana telah mengorak langkah untuk memulakan usaha mengeluarkan padi tempatan.

Mengenai dengan status perkembangan projek ini juga telah diterangkan. Mungkin Yang Berhormat Menteri ingin juga mengongsikan akan cabaran-cabaran dan rintangan-rintangan yang dihadapi oleh kementerian di dalam merealisasikan agenda sekuriti makanan ini. Lebih-lebih lagi dalam konsep mempelbagaikan sumber-sumber pengeluaran dari luar negeri seperti *joint-venture* dan sebagainya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji

Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor menyebut pasal penggunaan bahan-bahan kimia. Kalau dapat kaola terangkan di dalam dewan yang mulia ini, mengenai dengan bahan-bahan kimia dalam ikan-ikan yang didatangkan dari luar negara. Jabatan Perikanan mengenal pasti dan mengambil perhatian benar tentang bahan penggunaan pengawet atau *formaldehyde* ataupun *formalin*.

Formaldehyde ini adalah mengawet mayat dan sebagainya. Jadi kadang-kadang digunakan untuk mengawet ikan-ikan itu supaya lebih bersih dan lebih segar. Jadi memang di Jabatan Perikanan mengawasi penggunaan-penggunaan bahan-bahan kimia terutamanya seperti yang kaola sebutkan *Formaldehyde* dan pengawetan ini. Sebagai satu strategi memang sebelum orang-orang itu mendatangkan ikan-ikan ke negara ini, dipastikan ia mempunyai sijil-sijil dan dokumen-dokumen yang tertentu sebelum dimasukkan ke negara ini. Itu yang dapat dikawal yang masuk melalui pos-pos kawalan.

Yang di luar daripada pos-pos kawalan itu seperti yang terus ke pasaran datang daripada luar melalui penangkapan-penangkapan diluar pantai dan sebagainya itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama terutamanya Jabatan Perikanan juga mengadakan pengawalan dan pemeriksaan secara *random* dan secara tidak diberitahu lebih awal kepada penjual-penjual itu, dan memastikan tidak ada ikan-ikan yang diawet dijual dan dipasarkan.

Kementerian bukan saja prihatin tentang penjualan ikan-ikan yang diawet tetapi juga penjualan udang-udang yang berpenyakit seperti penyakit *white-spot*. Jadi penyakit-penyakit *white-spot* ini kalau merebak akan menjejaskan keupayaan ladang-ladang untuk mengeluarkan udang. Sebab *white-spot* ini akan membantut, akan mengurangkan penghasilan *survival rate* nya akan turun dan mungkin tidak akan menghasilkan udang yang dihasratkan. Lagi pun kalau sudah melarat kepada satu ladang melalui pengimportan, ditakuti akan melarat kepada ladang-ladang yang ada pada masa ini di negara ini.

Kementerian telah melabur sejumlah harga yang tinggi untuk mengadakan prasarana infrastruktur bagi udang, penyemaian udang dan sebagainya. Jadi ini yang patut abis kaola ambil kira. Kadang-kadang Jabatan Perikanan akan mengadakan serbuan dan mengadakan penangkapan dan mengadakan pemeriksaan kepada penjual-penjual udang. Jadi udang-udang itu didapati datangnya daripada luar negara yang mana udang itu telah pun dijangkiti oleh penyakit *white-spot* ini pada suatu masa dulu telah menjadi suatu berita hangat mengenai dengan serbuan yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan. Serbuan itu adalah berpatutan sebab udang-udang yang dijual itu telah dijangkiti penyakit *white-spot* itu. Dan abis kaola tidak mahu penyakit *white-spot* ini melarat kepada ladang-ladang lain.

Jadi itulah tindakan-tindakan jabatan, bukan saja memastikan bahawa ikan-ikan yang diproses itu selamat untuk dimakan; tetapi juga memastikan bahawa pengusaha-pengusaha ikan terutamanya pengusaha

pengusaha udang adalah terkawal memandangkan mereka memerlukan pelaburan yang tinggi untuk mengadakan perusahaan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat, adakah pemeriksaan oleh Jabatan Perikanan terhadap penggunaan kimia-kimia yang mungkin membahayakan kesihatan itu juga dapat kerjasama dari pihak Jabatan Kesihatan dari Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Memang ada kerjasama Kementerian Kesihatan terutamanya menghulurkan kemudahan-kemudahan saintifik untuk mengesan kimia dan lain-lain. Di Jabatan Perikanan sendiri pun ada kemudahan-kemudahan dan fasiliti untuk mengadakan pemeriksaan. Lab-lab yang ada di jabatan-jabatan yang di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pun ada seperti Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Haji Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang penjualan baja-baja dan produk racun-racun serangga. Di mana sebilangan kecil syarikat swasta di Negara Brunei Darussalam yang diberikan kuasa untuk menjual barang-barang tersebut. Petani-petani merasakan harga-harga yang

dikenakan kepada mereka untuk mendapatkan produk-produk tersebut di atas terasa agak mahal. Hal ini mungkin disebabkan pembekal baja-baja dan racun serangga ini tidak banyak bilangannya di Negara Brunei Darussalam.

Apakah pandangan dan perancangan pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengenai hal ini supaya harga itu lebih kompetitif dan terkawal? Berapakah bilangan pembekal-pembekal produk-produk seumpama ini yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ketika ini? Sekian, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, mengenai dengan Projek Padi di Selapon. Yang sebenarnya longgokan tanah itu berlaku di luar daripada kawasan orang-orang Selapon itu. Kawasan Selapon diuntukkan 40 hektar dijadikan untuk mengeluarkan benih dan selebihnya 160 hektar untuk berskala besar dan selebihnya akan diperuntukkan kepada orang-orang yang masa ini berusaha.

Memang ada rancangan untuk memberi orang-orang yang masa ini bergiat dalam bertanam padi satu kawasan berdekatan dengan kawasan Selapun itu. Barangkali tersalah tempat longgokan itu, walau macamapun perkara itu memang bukan disengajakan untuk dilonggokkan.

Barangkali kawasan itu memang kawasan untuk melonggokkan pokok demi untuk membersihkan kawasan tersebut. Walau macamapun keluhan itu diambil maklum dan akan dibetulkanlah sekiranya tersilap.

Projek-projek 200 hektar di Daerah Temburong itu telah bermula, tapi lambat disebabkan banyak perkara-perkara yang hendak ditangani di Daerah Temburong terutamanya kawasan itu terpencil daripada kawasan Daerah Brunei dan Muara dan terpencil juga daripada Bangar. Sebab itulah ia terlambat, walau macamapun memang disasarkan untuk mencapai sasaran 2015.

Mengenai pembayaran hasil itu memang pada awal-awal program pengeluaran beras demi untuk sara diri itu. Disebabkan pengeluaran beras itu terlampau deras, jadi pembayaran itu memang lambat. Ada yang sampai seperti yang disebutkan 3 bulan tidak berbayar. Tapi setelah program itu berjalan, masalah-masalah itu tidak lagi berapa timbul. Mungkin adalah disebabkan untuk memastikan jumlah beras yang dihantar ke daerah. Pada keseluruhannya pembayaran itu memang akan dicepatkan untuk dibayar. Jabatan juga memahami bahawa setengah pengusaha-pengusaha itu memang itulah saja pendapatan mereka.

Mengenai dengan soalan dari Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris tadi, menyebut mengenai sekuriti makanan apakah isu dan cabaran, memang cabaran banyak terutama *manpower*, menyediakan *infrastructure*, menyediakan benih-benih yang baik, meningkatkan hasil dan yang penting ialah *mind-set* orang-orang kitani terutamanya peladang-peladang dan

pengusaha-pengusaha ini. Sebab itu sekuriti makanan memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh. Ertinya bukan saja dari segi pengeluaran beras tetapi juga peningkatan usaha-usaha pertanian itu dilaratkan kepada semua masyarakat.

Kementerian berusaha supaya kegiatan bertani itu dimasyarakatkan dan diluaskan kegiatan-kegiatan itu, supaya orang lebih ingin untuk bertani dan ini dapat akan menambah *pool of farmers*. Pada masa ini orang agak ganjil untuk bertanam, sebab ianya adalah satu usaha yang payah dan tidak menggalakkan.

Dan yang ketiga Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee menimbulkan mengenai dengan penjualan bahan-bahan yang diberi oleh kerajaan. Yang sebenarnya tidak ada berlaku penjualan kepada *private sector*, apa yang dijual oleh *private sector* itu adalah baja-baja dan juga racun-racun yang mereka sendiri mendatangkan dan dijual kepada orang ramai. Apa yang diberi oleh kementerian, disalurkan melalui saluran-saluran yang tertentu. Ertinya orang itu berdaftar di kementerian dan pengambilan barang-barang itu akan diambil daripada pusat-pusat *extension office* di daerah-daerah. Dan apa yang dijual daripada pasaran itu adalah *private sector initiative* mendatangkan barang-barang itu untuk dijual secara komersil, dan di luar kawalan kementerian, yang di dalam kawalan kementerian adalah barang-barang subsidi dengan harga yang rendah, itu saja kali Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat kecuali ada lagi

ingin bercakap maka Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana masa telah sampai pada jam 12.00 tengah hari dan untuk mengelakkan dari kesesakan lalu lintas (*traffic jam*) ada baiknya perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita sebentar lagi bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sekarang disambung semula dan masih lagi kita membahaskan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Pagi tadi Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai meluluskan 4 buah tajuk di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dengan sepenuhnya maka majlis Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan. Sekian

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih lagi membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa ini berpindah kepada Tajuk seterusnya iaitu Tajuk Kecil SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Jurutulis: Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya bukakan Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) untuk diperbahaskan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi rakyat dan penduduk Daerah Temburong terutamanya bagi peladang-peladang atau petani-petani dan pengusaha-pengusaha lainnya, tidaklah keterlaluan abis kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih di atas usaha-usaha yang sedang dan telah dibuat oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam memperkembangmajukan apa-apa jua projek di Daerah Temburong sama ada di bidang pertanian, perikanan dan perusahaan dan dalam mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Perkara yang akan kaola suarakan di dewan yang mulia ini mengenai dengan tapak Industri Batu Apoi, Temburong. Oleh kerana pengusaha bumiputera di Daerah Temburong ini kurang berkemampuan dari segi membangunkan perusahaan dan industri yang kecil dan sederhana di Tapak Industri Batu Apoi yang ada pada masa ini, walaupun bayaran sewa dikenakan pihak kerajaan adalah murah, namun jika diambil kira pandangan daripada penduduk atau pengusaha di daerah ini telah menjelaskan bahawa mereka kurang berkemampuan mengusahakan perusahaan di tapak tersebut, memandangkan kos pembinaan dari segi bangunan yang tidak termasuk dengan kos yang lain yang ditanggung oleh

pengusaha. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dari itu dicadangkan akan mendapat pertimbangan daripada pihak kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan dapat mengkaji semula penyewaan tapak berkenaan. Cadangan ialah di Tapak Industri Batu Apoi yang ada pada masa ini yang masih lagi belum dibangunkan hendaklah dibangunkan dengan bangunan yang baru.

Bangunan itu disewakan kepada pengusaha adalah sama seperti penyewaan bangunan di tapak industri di daerah yang lain, yang mana bangunan telah di buat oleh kerajaan dan disewa oleh pengusaha. Kaola juga ingin bertanya bilakah Tapak Industri Batu Apoi yang ada pada masa ini dapat dibangunkan? Sekian, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang ingin bercakap. Silakan Yang Berhormat Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Saya ingin menyentuh satu perkara iaitu bahawa selain dari memberi perkhidmatan kemahiran dan mengadakan kursus-kursus keusahawan dan bantuan pinjaman mikro kepada pengusaha-pengusaha tempatan, dicadangkan BINA harus juga memikirkan supaya mengintegrasikan semua SME yang ada di Negara Brunei Darussalam supaya mereka lebih bersatu dan kuat dalam menyumbang khidmat kepada negara tanpa

bersaing sesama sendiri terutama sekali dalam menembusi pasaran antarabangsa.

Jadi integrasi ini adalah sebagai satu langkah usaha ke arah membantu pengusaha-pengusaha kecil di seluruh negara memandangkan saiz penduduk negara kita yang kecil ini.

Soalan saya apakah perancangan strategik MIPR khususnya BINA ke arah membantu SME meningkatkan prestasi penerokaan pasaran antarabangsa. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Abis kaola bercakap mengenai dengan koperasi-koperasi yang ada di Negara Brunei Darussalam, khususnya di Daerah Brunei dan Muara. Melihat situasi koperasi-koperasi yang ada sekarang nampaknya ada di antara koperasi-koperasi yang sudah lama ianya hanya kalau dikatakan hanya mendarat sahaja kemajuannya dan ada pula koperasi-koperasi yang belum lama ditubuhkan kemajuannya adalah melonjak daripada koperasi-koperasi yang sudah lama. Walau bagaimanapun mengikut pandangan saya, melihat dari segi kemajuan koperasi-koperasi yang ada ini besar kemungkinan ianya akan lebih menurun dan dikhuatiri ianya akan lebih tidak maju. Dipohonkan dan disarankan kepada pihak yang berkenaan supaya koperasi-koperasi yang ada di Daerah Brunei dan Muara ini supaya ianya dapat

dipantau dan dibantu dalam beberapa segi supaya koperasi-koperasi yang ada ini tidak akan lebih mendapat kerugian dan lebih teruk di masa yang akan datang. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Kalau begitu saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Mengenai dengan Tapak Industri Batu Apoi yang di sebelahnya telah pun dibina satu bangunan dan sebelahnya itu masih kosong. Ini akan dibangunkan secepat mungkin dalam tahun ini juga, Kawasan itu memanglah sudah lapang untuk disiapkan tetapi memandangkan keperluan di Temburong seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu keupayaan untuk membayar mungkin kurang daripada koperasi-koperasi lain barangkali terpaksa kementerian menilai konsep yang sesuai untuk membina bangunan yang sesuai di sana supaya mereka boleh bertapak di sana dengan sewa dan harga kos pembangunan yang rendah. Jadi barangkali itu dapat disesuaikan. Di samping itu barangkali dalam keadaan menimbangkan sewa-sewa yang sesuai itu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Daerah Temburong merupakan daerah yang dikenakan sewa

yang paling rendah bagi bangunan tapak-tapak industri yang dikawal oleh BINA. Ini adalah disebabkan memandangkan keperluan *demand* di Temburong tidak begitu banyak. Jadi yang paling rendah adalah di Daerah Temburong. Walau macamanapun, memandangkan seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat itu, akan diteltii keperluan itu secara *case-by-case*. Tetapi untuk menyeluruh diturunkan, mungkin payah bagi kementerian untuk melakukannya.

Dan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee mengenai dengan perancangan strategik BINA ataupun kementerian ini untuk mengintegrasikan koperasi. Ia berhubung kait dengan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor. Jadi kalau dapat saya jawab dua soalan ini.

Pertama, keupayaan SME masa ini ditingkatkan terutama segi *manpower capacity*. BINA mengadakan program-program pembangunan kapasiti sumber manusia bagi SME. Di kementerian ada menggalakkan beberapa banyak program, dan beberapa banyak bantuan kewangan dan sebagainya untuk memudahkan mereka menembusi pasaran-pasaran luar negara.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor menimbulkan soalan mengenai dengan koperasi. BINA ialah dipanggilkan 3P(PPP) iaitu Pendidikan, Perpaduan dan Perekonomian. Jadi digalakkan mereka ini mengetahui tentang kaedah-kaedah membuat bisnes dan sebagainya, pendidikan dan perekonomian mereka dikuatkan. BINA sedang berusaha untuk menubuhkan satu

indung kepada badan-badan koperasi yang dipanggilkan koperasi menengah ataupun *apex body of the cooperative* supaya mereka ini dapat bersatu berpadu. Jadi inilah strategi yang pada masa ini berjalan, 3P(PPP) untuk menyatukan koperasi-koperasi ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin untuk berucap maka Tajuk SH05A – Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SH05A – Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan, saya bukakan untuk perbahasan. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris silakan dulu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan pelancongan. Baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melancarkan Pelancongan Islam ataupun *Islamic Tourism*. Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang menjadikan Islam sebagai ugama rasmi

negara dan mempunyai falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), sememangnyaalah mempunyai banyak ciri-ciri keislaman.

Jadi soalan saya, apakah *strength* atau kelebihan Negara Brunei Darussalam jika dibandingkan dengan negara-negara lain untuk membangun sektor pelancongan Islam ini? dan seterusnya apakah program-program yang telah dan akan dibuat oleh kementerian dan Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk melaksanakan projek ini?

Dan yang kedua, khazanah Hutan Hijau Tropika yang '*first ten*' di negara ini, telah membolehkan kita memajukan Belalong National Park dan Selirong Recreational Park untuk ekopelancongan di negara ini. Apakah kementerian ada mempunyai perancangan-perancangan masa depan untuk membuka lagi atau membangun lagi produk-produk baru sebagai destinasi ekopelancongan di negara ini.

Seterusnya yang ketiga, saya juga difahamkan yang Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang mengusahakan satu projek untuk menyediakan *master plan* pelancongan. Dengan secara ringkas sahaja, apakah status pencapaian *study* ini, dan apakah kandungan objektif-objektif yang akan dicapai untuk meningkatkan industri pelancongan di negara ini sebagai satu industri yang boleh berdaya saing dan *sustainable*. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tahun lalu ada satu laporan media, yang menyatakan sebanyak antara 190,000 atau 200,000 pelancong melawat ke Brunei Darussalam.

Saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, berapa peratuskah daripada mereka ini ialah penumpang transit di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei? Kita tidak mahu Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menjadi satu *transit hub* apabila kita memberikan tiket istimewa kepada penumpang-penumpang. Kalau boleh kaola cadangkan pelancong-pelancong ini yang diberikan tiket istimewa ini supaya dimestikan tinggal di Brunei sekurang-kurangnya dua malam. Dengan ini wajiblah *spent of business* mereka berikan bisnes kepada hotel, *sight-seeing* dan lain-lainnya.

Pada masa ini juga RBA ada mempunyai *co-sharing* dengan anak Syarikat China Airlines iaitu Dragon Air. Ini adalah peluang yang baik untuk menarik pelancong dari China, Hong Kong, Taipei, Jepun dan Korea. Dengan ini industri pelancong Brunei mempunyai *potential* yang baik.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola difahamkan BEDB akan mengubahsuai Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan kos \$150 juta, menggunakan sebuah konsultan dari Singapore. Ini adalah satu

inisiatif yang baik bagi meningkatkan standardnya ke taraf antarabangsa.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, oleh kerana dasar kita pada masa ini tidak begitu menggalakkan pelancong-pelancong datang ke Negara Brunei ini, saya fikir peruntukan ini adalah terlalu besar. Kita tidak mahu lapangan terbang kita menjadi satu *transit hub* sahaja bagi penumpang-penumpang luar negeri ataupun menjadi satu *white elephant*.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia pernah bertitah supaya peruntukan digunakan secara jimat cermat, serta jujur dan amanah untuk kepentingan rakyat dan tidak disalahgunakan.

Kaola harap projek mengubahsuai lapangan terbang ini akan di review. Adalah diharapkan agar konsultan dari Singapura ini dapat bekerjasama dengan konsultan Brunei. Seperti kata satu perkataan "kalau mau sembelih ayam, janganlah pakai parang, pakai pisau sudah cukuplah". Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain. Yang Berhormat Awang Sulaiman Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sepertimana jua kaola pernah menyuarakan di dewan yang mulia dan dalam menyokong apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris, bahawa Daerah Temburong salah satu destinasi

pelancongan yang unik dan tarikan kepada pelancong-pelancong dalam dan luar negara yang digelar juga sebagai “permata hijau” bagi Negara Brunei Darussalam dengan keindahan flora dan faunanya. Kedatangan pelancong-pelancong ke Daerah Temburong setentunya akan dapat memberikan peluang kepada rakyat dan penduduk untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang bersesuaian dengan menghasilkan produk-produk pelancongan yang dapat menambah pendapatan rakyat dan penduduk di Daerah Temburong dan seterusnya membawa peluang-peluang pekerjaan kepada mereka. Soalan kaola juga apakah usaha-usaha Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi menarik dengan lebih ramai lagi pelancong-pelancong untuk datang ke Daerah Temburong. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Haji Bakar Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Abis kaola cuma ingin merista kembali dan kaola tidak berasa jemu-jemu bahawasanya permohonan yang diajukan pada tahun lepas iaitu mengenai dengan permohonan untuk memajukan Bukit Saeh iaitu bukit yang tertinggi di Daerah Brunei Muara. Apakah perkembangan permohonan yang dibuat pada tahun lepas kerana beberapa minggu yang lepas masih terdapat pengunjung-pengunjung yang gemar menaiki Bukit Saeh sama ada daripada institusi tinggi atau daripada rombongan pelancong-pelancong dari luar

negeri. Jadinya abis kaola ingin mendengarlh apa juga perkembangan permohonan yang dibuat pada tahun lepas. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Pehin. Nanti seorang lagi Pehin. Silakan Yang Berhormat Haji Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya cuma ada satu perkara saja. Kita difahamkan bahawa Jabatan Kemajuan Pelancongan telah membuat usahasama dengan beberapa buah agensi kerajaan dan swasta di Daerah Belait dan saya pernah menyuarakan beberapa tahun yang lepas di mana satu *feasibility study* mengenai dengan usaha untuk memajukan Mukim Kuala Balai, sebuah mukim yang mempunyai legendanya tersendiri sebagai salah satu destinasi pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Pertanyaan saya adakah perkara ini benar? jika benar berapakah anggaran agaknya perbelanjaan dan bilakah agaknya akan dimulakan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Siapa lagi antadi. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha. Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola sesungguhnya tertarik hal pelancongan ini. Kalau tidak silap pada tahun lepas Yang Berhormat Menteri Perindustrian ada

mengatakan di Kuala Tutong ada satu lokasi yang akan diusahakan. Jadi sejauh ini apakah yang sudah terjadi sama ada perkembangannya ataupun di sebaliknya?. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama barangkali masanya tiba bagi Yang Berhormat cuba menjawab mengenai pertanyaan itu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, mengenai dengan beberapa soalan, pertama mengenai Kemajuan Pelancongan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris, beberapa perkara mengenai dengan *Islamic Tourism*, apakah kekuatan negara. Yang sebenarnya *Islamic Tourism* belum lagi dilancarkan secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia tetapi telah disebut oleh beberapa pihak bahawa ini salah satu daripada produk-produk yang akan kitani majukan. Ini mengambil kira, seperti yang disebutkan kekuatan-kekuatan seperti yang ada pada negara sebagai negara Islam, pemerintahan Islam dan negara indah sebagai negara aman dan selamat dan juga adat resam kitani, itu adalah kira kekuatan negara.

Di samping itu juga, ada beberapa artifak-artifak dalam kumpulan-kumpulan di balai-balai pameran Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menerangkan keislaman itu, di samping mengadakan rujukan kajian dan

sebagainya. Negara juga boleh menawarkan *experiential tourism*.

Itulah cara untuk menarik pelancongan bukan lagi untuk melihat saja tapi merasa atau *experiential tourism*. Jadi sementara pasal *experiential tourism* tadi ada Yang Berhormat Pehin Goh menyatakan satu perkataan yang negara tidak menggalakkan, pelancongan. Itu dapat kaola betulkan. Kerajaan bukan tidak menggalakkan pelancongan. Kerajaan menggalakkan pelancongan cuma barangkali apa yang ditekankan ialah pelancong-pelancong yang tertentu bukan secara *mass-tourism*. Kementerian tidak *mentarget* kepada *mass-tourism* yang besar-besaran tetapi adalah kepada *tourism* yang fokus dan pelancongan yang menjurus kepada jenis-jenis produk seperti *Islamic tourism*, *eco-tourism*, *experiential tourism*, *research*, dan sebagainya. Jadi itu kalau dapat dibetulkan. Kita mengalu-alukan pelancong sebab sektor pelancongan ini adalah satu sektor yang boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan sebagainya.

Dan barangkali jua mengenai dengan *eco-tourism* ini juga salah satu daripada kekayaan negara ialah hutan dan sebagainya. Ini dijadikan sebagai tarikan untuk orang-orang melihat dan merasakan suasana hutan dan juga menikmati dan menilai hutan-hutan itu. Ini sebagai seperti yang disebutkan tadi *experiential tourism*, Jadi banyak yang kitani telah bukakan seperti di Daerah Temburong dan Berakas *Forest Reserve* dan sebagainya itu dan ada lagi beberapa kawasan di Kuala Belait yang telah pun diteroka tetapi belum

dikembangkan lagi di Sungai Ingai dan sebagainya.

Jadi ini memang digalakkan *tourism* yang berdasarkan kepada ekopelancongan ataupun *environment* dan perhutanan. Dalam beberapa usaha *Heart of Borneo*, ada jua mengenal pasti beberapa projek yang boleh dimajukan untuk memajukan *eco-tourism*.

Dan mengenai *master plan* itu, *master plan* itu berdasarkan kepada *swat analysis* negara "*strength, weakness, opportunity and threat*" negara, ertinya kita mesti menilai dengan keadaan-keadaan negara dengan *limitation-limitation* yang ada pada negara seperti keperluan-keperluan untuk tidak menggalakkan minuman keras dan sebagainya. Jadi berdasarkan kepada *limitation* itu akan dirancang, akan dibuat satu *master plan*. Jadi *master plan* itu daripada *bottom up* tetapi memang *approach* itu ialah daripada *top down*.

Mengenai dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Goh tadi, berapakah jumlah *transits* yang datang? Itu barangkali dapat diterangkan kemudian. Pada masa ini, kaola belum ada maklumat tersebut. Apa yang memang dikenal pasti pelancong-pelancong (*tourism-tourism*) yang berupa *transit* ini tidak banyak perbelanjaan mereka untuk singgah. Tetapi walaupun ia dalam sejam, tetapi dari segi perbelanjaan mereka memanglah kurang. Jadi ini memanglah diawasi dan kadang-kadang bagi *transit passengers* daripada Australia akan diberi kemudahan ataupun diberi peluang untuk dibawa keluar daripada kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa

Brunei untuk ke bandar, dibawa melawat kawasan-kawasan yang menarik. Mudah-mudahan dengan usaha itu mereka akan tertarik untuk datang sekali lagi.

Mengenai dengan lapangan terbang itu, lapangan terbang itu bukan saja untuk keperluan-keperluan pelancongan, ia memang untuk keperluan-keperluan lain. Jadi tidak semestinya kita sesuaikan lapangan terbang itu dengan keperluan pelancongan sahaja.

Kaola alu-alukan pandangan Yang Berhormat Pehin Goh mengenai dengan *transits passengers* dan usaha-usaha untuk mendatangkan pelancong-pelancong dari China. Memang sekarang ini China adalah *target* untuk mendapatkan pelancongan. Sama ada datang daripada udara ataupun pakai *cruise ship*, jadi memang ada, walau macamanapun dimaklumkan bahawa peningkatan *tourism* pada tahun lepas, tahun 2010 ini adalah dalam 20%. Tahun-tahun ada peruntukan, yang tidak berkurangan di mana *operational budget* sahaja dalam \$1.5 juta dan dalam RKN \$40 juta, yang dikawal oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama saja.

Lain lagi apa yang telah dan akan dibelanjakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, seperti membangun bandar dan sebagainya dan Kementerian Pembangunan dengan kemudahan-kemudahan awam, itu tidak termasuk.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad menimbulkan mengenai dengan Temburong Permata Hijau bagi flora dan fauna ini, seperti yang disebutkan tadi

Temburong National Park, Belalong dan sebagainya memang digalakkan dan dimajukan dan dibawa ke mana-mana untuk diterangkan. Kadang-kadang mesyuarat pun diadakan di sana juga supaya orang itu lebih tahu tentang kemudahan-kemudahan itu.

Yang Berhormat Haji Bakar bin Mansor menimbulkan pasal Bukit Saeh, barangkali kalau diizinkan nanti boleh kaola meminta supaya Yang Berhormat Pehin Menteri Pembangunan untuk menerangkan kedudukan mengenai dengan Bukit Saeh ini. Abis kaola di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama cuma menerima apa-apa yang ada diberi kemudahan untuk digunakan sepenuhnya oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Mengenai Kuala Balai, mesyuarat telah diadakan baru-baru ini bagi membincangkan pembangunan semula Kuala Balai ini dan mesyuarat itu bersetuju untuk membangunkan semula kawasan Kuala Balai ini dengan menggunakan konsep 3P(PPP) *Public, Private and Partnership*.

Jadi dalam mesyuarat itu telah bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa Pembangunan Kuala Balai yang mana ahli-ahlinya daripada Jabatan Daerah Belait, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah, Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Jadi untuk Kuala Balai ini, dicadangkan seperti Taman Agro, Pusat Penyelidikan, Warisan Budaya Etnik Belait dan program dan aktiviti yang berbentuk pelancongan, dan banyak rancangan itu sudah disusun untuk dikembangkan di sana.

Mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha itu barangkali mengenai dengan Ulu Tutong ini kalau dapat kaola minta tangguh dulu, yang kaola pasti hari itu Tasek Merimbun, tapi kalau dapat kaola siasat dulu mengenai dengan kedudukan di Ulu Tutong ini, minta tangguh jika ada maklumat mengenainya akan saya sampaikan nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, di sini baik juga saya terangkan sedikit mengapa saya membenarkan ahli-ahli di sebelah sini sampai tiga orang berturut-turut mengemukakan soalan, tujuan saya ialah membolehkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan merenungkan soalan itu dan supaya membolehkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyusun jawapannya, tapi nampaknya tiap-tiap ahli itu mengemukakan lebih daripada satu, dua soalan, jadi saya faham menteri yang berkenaan terpaksa mengambil *note* mengenai dengan soalan-soalan ini.

Dan satu perkara yang saya kurang faham, cadangan Yang Berhormat Pehin Goh supaya *passenger-passenger* yang singgah di Brunei itu katanya dikehendaki tinggal dua hari sekurang-kurangnya dua hari. Adakah ini boleh dikehendaki sedemikian? Adakah syarikat-syarikat penerbangan lain, negara-negara lain boleh menghendaki *passenger-passenger* yang singgah sebagai *transit passengers* mesti tinggal dua hari dulu, siapakan membayar perbelanjaan mereka?

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola mahu

jawabkan, pasal *to give idea*, mereka ada macam *special package*, *special fare* iatah haruskah kalau boleh kitani kalau kita mahu *special fare* “*you must stay at least two nights in Brunei*”.

Yang Berhormat Pengerusi: Ia, adakah *special fare* itu termasuk bayaran hotel juga?

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: No..no..no..

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah ahli-ahli lain? Kali ani saya benarkan dua orang saja mengemukakan soalan secara berturut-turut. Selepas itu saya akan meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Sebenarnya kaola ani Pehin kan memberi *input* sedikit mengenai Bukit Saeh. Kaola mendapati semasa kaola dulu di Kementerian Pembangunan bahawa Bukit Saeh ani sudah digunakan sebagai satu *installation* bagi satu perkhidmatan kerajaan yang penting iaitu “*Geology Detector*”, satu alat untuk mengesan gempa bumi. Jadi, oleh kerana itu abis kaola berusaha untuk melihat keadaan itu di sana.

Apa yang kaola dapati, sebagai bekas Menteri Pembangunan dan masa itu Menteri Pembangunan, bahawa *route* atau laluan lama selalu dipakai itu sudah tertutup, jadi

abis kaola naiklah ke sana melihat. Bukit Saeh ani kalau kitani hendak memajukannya mestilah dimajukan dengan cara yang terkawal, Yang Berhormat Pehin, kerana satu strategik *locationnya* dan kedua, kegunaannya. Jadi yang kaola berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan belum ada lagi rancangan sebenarnya untuk memajukan.

Jadi, alhamdulillah, terima kasih jua kepada Yang Berhormat Tuan Haji Bakar Mansor kerana menimbulkan perkara ani dan kaola yakin kedua-kedua Kementerian Pembangunan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tentulah akan melihat semula Bukit Saeh ani. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Kaola hanya ingin menambah maklumat mengenai dengan pembesaran lapangan terbang Yang Berhormat Pehin. Sebagaimana yang Ahli-Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa kerja-kerja meluaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ini adalah di bawah kelolaan BEDB. Yang mana dalam kerja-kerja ini, lapangan terbang ini, insya-Allah akan diluaskan ataupun dibesarkan sebanyak 50% daripada yang ada pada waktu ini.

Sebagaimana jua yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan

Sumber-Sumber Utama tadi, ianya bukan saja menampung *number of tourist* yang akan datang ke Brunei, tetapi jua untuk menampung aktiviti-aktiviti lain misalnya, kalau kitani lihat aktiviti itu termasuklah jua misalnya orang naik haji dan sebagainya. Kalau kita melihat sekarang ini *airport* yang ada pada masa ini memang sesak, inda dapat menampung aktiviti-aktiviti yang lebih luas daripada yang ada sekarang.

Jadi keseluruhan rupa dan suasana lapangan terbang yang baru ini nanti akan dimodenkan dengan menggunakan konsep terbuka dan siling yang lebih tinggi di mana sebagaimana yang kita sedia maklum jua lapangan terbang ini adalah sebagai *Iconic Visual Image* bagi Negara Brunei Darussalam.

Jadi kerja-kerja yang akan termasuk dalam projek ini termasuklah antara lainnya balai ketibaan dan balai kelepasan akan dibesarkan. Penghawa dingin yang baru akan dipasang di balai ketibaan. Pemeriksaan keselamatan juga akan dipusatkan. Sistem pengurusan *baggage* juga akan diperbaiki dan dipertingkatkan, ruang bagi kedai-kedai jualan akan ditambah, ruang tempat letak kereta akan ditambah juga dan reka bentuk lapangan terbang ini juga akan menggunakan konsep hijau.

Dan insya-Allah pembinaan lapangan terbang ini, tendernya akan dikeluarkan pada bulan Mac tahun ini dan apabila sokongan-sokongan tawaran telah selesai nanti insya-Allah dalam kira-kira suku terakhir tahun ini, ianya akan dilaksanakan dan tempoh kontrak

ialah kira-kira 36 bulan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan soalan? Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana tidak ada lagi ahli lain yang ingin untuk bercakap maka Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan diluluskan sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama saya bukakan untuk perbahasan. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama silakan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terlebih dahulu kaola memohon izin untuk membuat sedikit kata pendahuluan bagi memberi penerangan ringkas mengenai peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama di negara ini, jika diizinkan Yang Berhormat Pehin. Terima kasih, Yang Berhormat Pehin.

Sesuai dengan namanya Kementerian Hal Ehwal Ugama, ia adalah sebuah kementerian yang diamanahkan dan memainkan peranan utama untuk mendukung kerasmian ugama di negara ini

sesuai jua dengan negara kita sebuah negara Islam di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai ketua negara dan ketua ugama. Kementerian Hal Ehwal Ugama ditubuhkan sejak tahun 1986 dikira dari rombakan kabinet pada tahun tersebut. Malah lebih awal lagi dalam kedudukannya sebagai sebuah jabatan yang ditubuhkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien pada tahun 1954.

Kementerian ini bergerak dalam bidang dakwah, pendidikan ugama, perundangan Islam, pemeliharaan akidah, zakat, baitul mal, hal ehwal masjid, urusan haji dan sebagainya. Kalau sebelum ini kita banyak bercakap mengenai dengan pembangunan fizikal yang dikendalikan oleh kementerian yang ada di negara kita tetapi Kementerian Hal Ehwal Ugama pada kali ini memfokuskan kepada pembangunan kerohanian. Ini selari dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dewan ini pada Majlis Perasmian Pembukaan Permesyuaratan Keenam, Majlis Mesyuarat Negara pada 26 Rabiulawal 1431 bersamaan 11 Mac 2010 tahun lalu.

Titah baginda:-

“ Namun dalam perkara pembangunan ini, kita perlu memahami bahawa pembangunan yang lengkap itu bukanlah semata-mata difokus kepada infrastruktur fizikal tetapi juga mesti memberikan penekanannya kepada bidang rohani. Kedua-dua fizikal dan rohani mestilah seimbang dibangun. Sudah

tidak rahsia lagi semua negara di dunia ini rata-rata membangun tetapi pembangunan itu kelihatannya melebihi fizikal, betul mereka itu mungkin maju tetapi dalam maju itu ada yang tidak senang duduk, tidak merasa nikmat tidur kerana negeri asyik bergelut dengan huru hara dan peperangan, dengan pergaduhan-pergaduhan sesama sendiri, dengan jenayah, dengan dadah, dengan rasuah dan lain-lain. Ini semua boleh membuat kemajuan yang dicapai tidak bermakna kerana itu, beta tidak bosan-bosan menyebut mengenai Pendidikan. Pendidikan adalah pelaburan sepanjang hayat, yang tidak boleh diabai-abaikan, dasarnya mesti sihat dan sistemnya mesti betul. Dasar yang baik adalah dasar dan sistem yang mampu untuk membangunkan rohani, bukan yang melemahkannya.”

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa yang menarik perhatian kaola dalam persidangan ini adalah pada hari kedua persidangan isu yang mula-mula ditimbulkan ialah pembelajaran Bahasa Arab. Yang menarik lagi isu ini diutarakan oleh Yang Berhormat wakil dari Tutong yang mana asalnya dulu Yang Berhormat itu adalah seorang saudara baru. Saya kira kalau orang seperti beliau berminat untuk melihat kemajuan Bahasa Arab di negara ini. Setentunya Yang Berhormat - Yang Berhormat yang lain juga mempunyai kehairahan sedemikian. Timbulnya perkara ini dalam dewan yang mulia ini saya kira satu petanda yang baik dan satu sokongan yang kuat untuk kita sama-sama mengembangkan bahasa Arab di negara ini. Perkara ini telah disentuh oleh Yang

Berhormat Menteri Pendidikan dalam persidangan petang semalam, setakat apa yang berjalan di Kementerian Pendidikan, pada kali ini kaola juga ingin menyentuh sedikit mengenainya di kementerian kaola.

Memang Islam menganjurkan orang-orang Islam untuk mempelajari apa sahaja bahasa di dunia ini. Lagi banyak bahasa kita pandai lagi baik. Memandangkan negara kita kecil, penduduk sedikit, sumber tenaga manusia terhad, maka kebolehan anak-anak kita menguasai pelbagai bahasa seperti Perancis, Mandarin, Jepun setentunya akan membantu untuk memudahkan generasi kita bersaing di pelbagai arena. Bagaimanapun bagi kaola, kalau masa terhad memadailah kalau anak-anak kita pandai dalam tiga bahasa sahaja iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa nasional, bahasa Inggeris sebagai bahasa dunia dan bahasa Arab sebagai bahasa agama dan bahasa akhirat, tetapi juga ia menjadi bahasa dunia kerana bahasa Arab terpakai di PBB sebagai salah satu bahasa di persidangannya.

Memandangkan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran dan As-sunnah bahasa kita dalam bersholat, beribadat dan berdoa juga bahasa untuk kita mendalami pelbagai ilmu agama dan ilmu turath islami, maka sudah tentulah mempelajarinya mendatangkan pahala. Itulah kelebihan berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain. Dan sudah tentu akan lebih mendatangkan khusyuk, dan lebih dapat dihayati ajaran-ajaran agama yang tulen sesuai dengan pegangan kita ialah akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Shafiee.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan bahawa dalam SPN21 bahasa Arab diajarkan pada tahun 7 dan tahun 8 sebagai pilihan, sebagaimana juga bahasa-bahasa lain. Di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, persekolahan Arab menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya. Di samping adanya bahasa Melayu dan Inggeris. Di persekolahan agama pula, mulai tahun 2011 ini, alhamdulillah bahasa Arab akan dapat diajarkan semula di semua sekolah agama di seluruh negara yang jumlahnya lebih 140 buah sekolah agama di peringkat pra dan darjah 1. Mereka akan belajar sehingga Darjah 6. Dulunya dalam tahun 1960an, 1980an bahasa ini pernah diajarkan di sekolah-sekolah agama. Atas-atas sebab kekurangan guru maka ianya terhenti. Memandangkan pada masa ini kita telah memiliki guru-guru yang berkemampuan dan mencukupi, maka kita menghidupkannya semula dengan harapan insya-Allah akan berterusan.

Saya percaya dengan adanya kerjasama erat antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama di masa-masa mendatang pelajar-pelajar yang lulus Darjah 6 agama itu nanti yang mana pelajar yang sama juga akan menduduki tahun 7 dan 8 akan boleh meneruskan pembelajaran bahasa Arab sehingga 'O' level. Jadi harapan untuk melihat mata pelajaran bahasa Arab sebagai bahasa pilihan utama atau bahasa teras seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman Uking itu, bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai kerana kita telah menyediakan laluan pada masa ini. Jika ini dapat kita usahakan kita akan dapat melihat suatu

hari nanti anak-anak Brunei sebagai anak dari Negara Zikir, Negara MIB, hidup dalam dunia globalisasi yang dinamik tetapi selamat rohani dan jasmaninya. Apa yang penting ialah sokongan masyarakat dan sokongan ibu bapa juga sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih di atas huraian Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai dengan kepentingannya Bahasa Arab antara lain dan saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat juga menghargai syarahan itu. Tapi sekarang baiklah kita menumpukan perhatian kepada peruntukan yang dicadangkan atau yang dipohonkan itu supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat bertanya mengenai dengan peruntukan dalam bajet yang dimaksudkan itu. Yang Berhormat Dato Haji Yunos, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh dua perkara:-

1. Menetapkan awal bulan Hijrah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan adalah di antara agensi-agensi kerajaan yang di pertanggungjawabkan untuk menentukan awal bulan-bulan dalam tahun Hijrah. Kaedah untuk menentukan awal bulan dalam tahun Hijrah ada dua. Pertama dengan menggunakan ilmu falaq dan kedua kaedah rukyah.

Kita di Negara Brunei Darussalam adalah mengikut fatwa Allahyarham bekas mufti Negara Brunei Darussalam yang berpandukan kepada hadis Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassalam, menggunakan kaedah Rukyah. Di negara-negara jiran kita mereka juga menggunakan kaedah Rukyah dan ilmu Falaq tetapi kalau terdapat permasalahan cuaca pada waktu berkenaan mereka akan menggunakan kaedah ilmu Falaq.

Saya juga difahamkan kita di Brunei untuk menentukan sesuatu awal bulan Hijrah itu kita mengambil kira awal bulan-bulan sebelumnya. Ilmu Falaq dalam era teknologi ini telah pun jauh lebih maju. Dalam aspek ilmu saintifiknya perkembangan teknologi dan peralatannya, ianya adalah lebih tepat dalam keputusan-keputusannya dari masa-masa yang lalu. Kita pada ketika ini dengan peralatan yang bersesuaian bukan sahaja boleh melihat anak bulan, kita juga boleh *tracking pace* atau perjalanan anak bulan. Saya ingin bertanya pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dapat mempertimbangkan semula dasar ketetapan menentukan awal bulan-bulan dalam tahun Hijrah dengan berpandukan kepada hadis Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassalam dan fatwa yang ada agar negara kitani Brunei Darussalam seragam dengan negara-negara jiran; dan

2. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam pada masa ini banyak menghantar penuntut-penuntut belajar di Mesir dalam berbagai bidang. Memandangkan pergolakan yang terjadi di Mesir dan negara-negara sekitarnya saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama memantau kemajuan pelajaran, aktiviti-aktiviti dan kesejahteraan mereka? Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih tadi Yang Berhormat Dato Haji Puasa ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di atas penerangannya mengenai dengan kementerian berkenaan di awal tajuk ini. Kaola ingin menimbulkan mengenai barang-barang makanan yang dalam tin dan paket yang dijual di kedai-kedai runcit dan supermarket di negara ini. Barang-barang makanan dalam tin dan paket ini diimport dari luar negeri dan di antaranya bertulis halal dan ada yang tidak bertulis halal di kotak atau labelnya seperti *corn beef*, *sardine*, roti-roti, biskut *cookies* dan lain-lain. Barang-barang makanan ini dipamerkan dan dijual kepada orang ramai. Saya pernah menimbulkan perkara ini pada musim permesyuaratan yang terdahulu tapi nampaknya barang-barang makanan yang diragukan kehalalannya oleh sebahagian orang yang beragama Islam di negara ini

masih ada bahkan semakin bertambah jenisnya.

Dalam hal ini, kaola ingin tahu adakah pihak yang berkenaan telah menyiasat kehalalan barang-barang makanan yang berkenaan? jika sudah siasat apakah ketentuannya, jika belum disiasat atau siasatan belum selesai patutlah barang-barang makanan yang diragukan itu dasingkan tempat penjualannya.

Seterusnya kaola ingin menimbulkan tanah-tanah perkuburan di negara ini. Adalah diperhatikan ada di antara tanah-tanah perkuburan di kampung-kampung telah digunakan sama oleh orang-orang asing yang tidak diketahui asal usulnya. Bagi menjaga keselamatan dan kehormatan tanah-tanah Perkuburan di negara ini, terutama sekali kampung-kampung patutlah diadakan satu peraturan yang sesuai mengenainya, kalau belum ada peraturan sedemikian tanah berkuburan untuk orang-orang Islam, orang-orang asing yang Islam. Patutlah disediakan kawasan khas di tempat lain yang bersesuaian. Sekian Yang Berhormat, Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, sekarang saya persilakan Yang Berhormat, Menteri Hal Ehwal Ugama untuk menjawab soalan-soalan itu.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Pehin Pengerusi:-

1. Mengenai dengan menetapkan awal bulan hijrah secara ilmu falak ataupun rukyah. Inilah kita Brunei barangkali, kitani orang Brunei banyak berpegang kepada tradisi dan kita konsisten pada tradisi itu, memang ilmu falak pun betul, rukyah pun betul. Sejauh pengetahuan kaola dalam dalil-dalil banyak cenderung kepada rukyah untuk menentukan awal bulan hijrah. Memandangkan lebih banyak dalil-dalil itu kepada rukyah kitani pegang kepada rukyah itu. Walau bagaimanapun perkara ini insya-Allah akan kaola bawa kepada pihak kementerian untuk perbincangan dan penelitian;
2. Mengenai dengan pelajar di Mesir, alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan juga dengan limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia kita telah dapat bertindak dengan cepat untuk mengangkat balik anak-anak kitani daripada Mesir ke Brunei dalam masa kekacauan yang berlaku di Mesir dalam beberapa minggu yang lalu itu. Memang ada usaha-usaha pihak kementerian bahkan sebelum lagi mereka tiba pun telah difikir-fikirkan, jika datang anak-anak kitani daripada Mesir ini, apa kan dibuat. Perancangan-perancangan memang telah disediakan untuk memberikan mereka pelajaran supaya jangan putus, jangan lupa, jangan ketinggalan khasnya mata-mata pelajaran yang dipanggil pelajaran utama seperti Bahasa Arab, Tauhid, Fiqeh. Jadi dalam masa mereka berada di Brunei ini diadakan program-program untuk memperkukuhkan akademik mereka itu. Sehingga nanti mereka akan dipulangkan ke Mesir untuk meneruskan pelajaran apabila keadaan telah semakin stabil; dan
3. Mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Dato Haji Puasa mengenai barang-barang makanan dalam tin yang diragukan kehalalannya, kaola telah diberikan laporan oleh pegawai-pegawai kaola, bahawa mereka telah bekerja keras untuk memantau dan melihat barang-barang makanan yang halal dan yang tidak halal tersebut. Kaola difahamkan yang tidak halal itu diasingkan, ditandakan tempatnya, jadi maknanya yang lain itu halal. Jika sekiranya ada anggota-anggota masyarakat yang mendapati perkara ini khasnya Yang Berhormat sendiri, bolehlah menemui pegawai-pegawai kami yang berkenaan hatta kepada diri kaola sendiri pun kerana kaola juga merasa terpenggil untuk sama-sama menyelamatkan masyarakat Islam kitani supaya dapat makanan yang halal. Jadi sama-sama kitani bekerja bagaimana untuk mengatasinya, kerana barang yang diimport ini bukannya sedikit, tapi banyak yang mungkin barangkali kita terlepas pandang dan sebagainya.
4. Mengenai dengan tanah perkuburan yang digunakan oleh orang asing beragama Islam yang turut berkubur di negara kitani. Pada hemat kaola perkara ini tidak perlulah ditimbulkan, memandangkan mereka adalah orang

Islam yang meninggal di negara kitani, dan negara kitani pula adalah sebuah Negara Islam yang mengamalkan ajaran Islam. Jadi pada pandangan saya eloklah mereka tidak dibezakan. Kecuali ada nanti perkara-perkara negatif yang menjejaskan imej kitani, maka mungkin pada masa ini kita akan membuat tindakan yang bersesuaian tapi pada masa ini belum Nampak lagi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih mengenai dengan perkuburan itu, kalau saya tidak silap ada sudah dulu pun diadakan apa yang digelar Kubur Dagang di Jalan Subok. Tapi kalau diteruskan jua dasar itu pada pendapat saya sendiri seolah-olah kitani mengadakan *segregation* bukan saja masa orang hidup masa orang mati pun *disegregate*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Mula-mula kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mana baru-baru ini telah mengadakan majlis taklimat dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, di mana di sana banyak menerangkan usaha-usaha dan rancangan-rancangan yang telah dirancang oleh kementerian ini terutama yang mereka sebut program bisai yang mana program tersebut telah pun merancang rancangan dalam jangka pendek mahupun jangka panjang. Jadi di sini kaola ingin menyampaikan dua pertanyaan:-

1. Mengenai dengan graduan kelulusan ugama, graduan kelulusan ugama semakin meningkat jumlahnya sekarang di antaranya masih banyak yang belum mempunyai pekerjaan. Adakah pihak berkenaan sudah memikirkan bagaimana menampung pekerjaan mereka ini. Saya mencadangkan supaya setiap kementerian boleh ditempatkan seorang pegawai lelaki dan seorang pegawai perempuan khususnya terdiri daripada golongan graduan dalam jurusan ugama. Cadangan ini datangnya daripada beberapa orang pegawai-pegawai beberapa kementerian dan insya-Allah dapat meningkatkan kegiatan yang berunsur ugama di kementerian-kementerian sekaligus dapat membimbing pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain serta masyarakat dalam kementerian khusus dalam bidang ugama. Ini juga sebagai satu cara membuka peluang pekerjaan kepada ratusan graduan ugama yang lulus daripada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Ugama setiap tahun; dan
2. Melihat kesesakan di beberapa buah masjid di daerah ini di mana jemaah-jemaah sewaktu sembahyang Juma'at ada yang sampai sembahyang ke beranda masjid. Nampaknya melimpah-limpah. Saya percaya bagi pihak kementerian memang sudah maklum bahawasanya sudah ada perancangan-perancangan dalam jangka masa pendek dan jangka masa yang panjang, Walau bagaimanapun diharapkan supaya

masjid-masjid yang nampaknya begitu melimpah-limpah supaya ianya dapat dilaksanakan lebih cepat memandangkan pertambahan penduduk di mana-mana tempat ini adalah semakin cepat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Orang Kaya Othman Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi sebelum itu saya memohon izin untuk mengucapkan terima kasih kepada Menteri Hal Ehwal Ugama yang telah membuka mukadimahya tadi dan di samping itu saya mengambil kesempatan mengenai mukadimah Menteri Hal Ehwal Ugama sebabnya Bahasa Arab hendaklah diajar di kesemua sekolah swasta sebagai satu dakwah. Dengan adanya rakyat memahami Bahasa Arab bererti rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dengan mudah memahami apa yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran dan Al-Sunnah. Maka dengan sendirinya dakwah Islam akan sentiasa berkembang dalam negeri ini. Selain itu Yang Berhormat Pehin Pengerusi ada beberapa masalah akan saya kemukakan:-

1. Keselamatan bangunan masjid. Masjid dalam negara ini kebanyakannya dibina oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pada masa dahulu pintu-pintu masjid di kampung-kampung biasanya dikunci, untuk mengelak dimasuki oleh orang-orang yang tidak

bertanggungjawab dan ada masjid yang mana kunci pintunya telah diambil, dipecah dan rosak dimasuki oleh orang-orang mengambil peti tabung masjid, ayat-ayat suci Al-Quran yang berbingkai dan berframe dan alat pembesar suara. Kejadian ini berulang-ulang kali terjadi dan berulang-ulang kali pula pintu diperbaiki kerana rosak.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi berpandu kepada pengalaman, ada setengah masjid tidak mengunci pintu utamanya ini bertujuan bagi membolehkan orang-orang yang ingin mengerjakan, menggunakan masjid pada bila-bila masa, bagi melaksanakan tuntutan ugama iaitu ibadat sembahyang. Alhamdulillah sejak itu pintu masjid tidak lagi rosak dan didapati tidak ada barang-barang dalam masjid hilang, bagaimanapun kita seharusnya sentiasa berwaspada tentang keselamatan masjid. Yang Berhormat Pehin Pengerusi oleh itu majlis menyarankan kepada pihak-pihak berkenaan Kementerian Hal Ehwal Ugama khasnya Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengambil langkah-langkah sewajarnya sebelum sesuatu perkara yang tidak diinginkan berlaku;

2. Satu kejadian beg tangan telah hilang kepunyaan seorang jemaah perempuan di sebuah masjid utama dalam waktu sembahyang, menyebabkan mangsa mengalami kerugian kira-kira \$4 ribu lebih dan lain-lain barang serta dokumen yang penting manakala si pelaku tidak dapat dikesan. Dari itu, dicadangkan supaya semua masjid

dipasang dengan Kamera CCTV dan satu langkah lagi dengan mengadakan pegawai keselamatan secara berjadual atau berkala terutama sekali di waktu malam. Tujuan majlis mengusulkan supaya si pelaku dapat dikesan dengan segera dan jika kejadian ini berlaku kepada pelancong asing sudah tentu akan menyusahkan mangsa dan ini akan menjejaskan imej negara serta memalukan atau mengaibkan imej negara, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam; dan

3. Yang Berhormat Pehin Pengerusi majlis ingin tahu mengenai pembinaan Masjid Kampung Sengkarai Tutong dan juga bagaimanakah perkembangan cadangan masjid bagi Kampung Ukung Tutong? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, nampaknya Yang Berhormat ini tadi telah mengemukakan *multiple question*, jadi baik tah saya meminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman: Minta maaf Yang Berhormat Pehin Pengerusi mengenai dengan beberapa soalan tadi. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor, terima kasih atas penghargaan yang kami mengadakan permuzakarah dengan sebahagian Ahli Majlis Mesyuarat dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk dari hati ke hati dan dapat membuka jalan ke arah mengurangkan kemuskilan-kemuskilan dan dapat mencari jalan membina perkara-

perkara dan idea-idea yang baik untuk dilaksanakan bagi kemajuan-kemajuan ugama dan negara kita.

Mengenai dengan graduan kelulusan ugama sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi supaya tiap-tiap Jabatan mengambil pegawai-pegawai yang berkelulusan ugama. Ani bagi kaola satu pandangan yang baiklah dan pandangan ini belum pernah dikeluarkan dalam mana-mana majlis dan ini pertama kali dikeluarkan di majlis ini. Kaola rasa ini satu usahalah untuk mendukung ugama dan mendukung MIB kita. Dengan adanya pegawai-pegawai di tiap-tiap kementerian dan jabatan kaola rasa akan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang berkait dengan keugamaan.

Sebagai contoh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah pun mempunyai pegawai ugamanya tersendiri dan apa salahnya kalau sekiranya kementerian mempunyai pegawai ugama itu tetapi bagi fikiran kaola biarlah dipilih yang *versatile* ataupun yang serba boleh, jadi maksud kaola kerana ia akan menghadapi cabaran bukan sahaja untuk menghadapi orang-orang dalam hal keugamaan tapi hal-hal masyarakat antarabangsa dan perlunya ianya mempunyai bahasa Inggeris, perlunya mempunyai ICT yang baik, mempunyai komunikasi yang baik, jadi dengan orang yang seperti ini ada di kementerian-kementerian berkenaan insya-Allah akan menambahkan imej kementerian itu dan akan menyerlahkan lagi falsafah MIB di negara kitani.

Soalan berikutnya iaitu kesesakan masjid, kesesakan masjid ini insya-Allah akan kaola menyuruh meneliti mana-mana masjid yang menghadapi masalah seperti ini sehingga kan sukar untuk bersembahyang berjemaah insya-Allah akan dibuat penyiataan-penyiasatan yang rapi dan insya-Allah kitani mempunyai peruntukan di bawah namanya Tajuk Usai. Di bawah Tajuk Usai ini *upgrading sustainability* untuk meningkatkan kualiti bangunan-bangunan sama ada masjid ataupun sekolah-sekolah diperbaiki dan ditambah dan sebagainya mungkin insya-Allah akan dapat diusahakan.

Kemudian lagi soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, mengenai dengan keselamatan bangunan masjid supaya dicadangkannya dipasangkan CCTV ataupun diadakan Pegawai Keselamatan. Bagi kaola secara peribadi memang satu perkara yang baik tapi mungkin ini akan difikirkan secara lebih halus lagi menerusi pentadbiran dan menerusi peruntukan-peruntukan kewangan. Kalau kita pasang satu masjid dengan ada CCTV, kita ada 110 buah masjid dalam Brunei, mesti fikirkan dulu, yang lain akan mengadu, kenapa kami dianak tirikan, inda dapat ani jua, jadi semua kena fikirkan secara mendalam dan secara lebih hati-hati.

Kemudian Masjid Sengkarai, masalah Masjid Sengkarai ini ada catitan kaola di sini, isu Masjid Kampung Sengkarai, ini di bawah Asnaf Al-Gharimin, akan diletakkan batu asas, insya-Allah pada awal April akan datang ini. Kalau inda silap catatan ini dilaporkan kepada kaola oleh pegawai kaola.

Masjid Ukong ini ada catatan kaola, ia asalnya tanah pemberian seorang yang belum Islam tapi yang kaola difahamkan, orang itu sekarang sudah Islam, alhamdulillah, barangkali. Kemudian tapaknya sudah diwartakan dan masjid ini termasuk di bawah perancangan 2012/2017, maknanya rancangan akan datang Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Insya-Allah, Kampung Ukong akan mempunyai sebuah masjid dalam Rancangan RKN akan datang ini, insya-Allah, itu saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Alhamdulillah, subjek Ugama Islam telah pun dinaikkan tarafnya sebagai subjek wajib di SPN21. Dengan adanya peningkatan subjek ini, ianya menguatkan lagi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir dengan mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja. Apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tentang terdapat perbezaan ejaan jawi yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. Contohnya, kalau di Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaedah za'aba digunakan manakala di Kementerian Pendidikan kaedah baru Dewan Bahasa dan Pustaka. Contoh yang mudah yang boleh saya utarakan ialah

umpamanya ejaan 'oleh', dalam kaedah dewan bahasa ialah alif wau lam ha, sedangkan kaedah di za'aba alif wau lam Ya ha, ada perbezaan.

Tidakkah ada usaha untuk menyelaraskan perbezaan ejaan jawi ini agar lebih mencerminkan yang kita menuju hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir dengan falsafah MIBnya. Perkara itu saya cadangkan supaya perbezaan ejaan ini ditunduki bersama agar dapat diselaraskan. Kalau tidak, impaknya akan terasa oleh penuntut-penuntut yang belajar di kedua buah institusi dalam waktu yang sama. Saya minta penjelasan.

Kedua, cuma ingin tahu, saya telah pun dimaklumkan akan kedudukan cadangan yang dihadapkan kepada Jabatan Kemajuan Perekonomian sewaktu abis kaola menghadiri taklimat dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk sokongan membina masjid di dua buah kampung di Daerah Belait, iaitu Kampung Mumong dan Kampung Lumut.

Ketiga, ialah kita maklum bahawa di Daerah Belait pembangunan perumahan telah rancak, pertama di Kampung Mumong dan yang kedua di Kampung Lumut. Saya berharap kita tidak akan terlepas pandang untuk mendirikan masjid-masjid di kawasan tersebut. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih juga di atas penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pengiran Menteri Hal Ehwal Ugama sebentar tadi. Saya ingin mengongsikan satu pandangan. Dalam konteks ASEAN, selain dari dikenali sebagai negara pengeluar minyak, Negara Brunei Darussalam juga dikenali juga sebagai negara Islam, yang diperintah oleh seorang raja, yang mempunyai kekukuhan politik dan ekonomi dan mempunyai GDP yang tinggi di rantau ini. Simbol keislaman Negara Brunei Darussalam ini dikenali juga oleh dunia antarabangsa.

Dari itu, jenama halal dari Brunei, mempunyai *potential* dan pengiktirafan yang tinggi di dunia antarabangsa. Inilah satu-satunya kelebihan dan keutamaan yang patut kita jadikan sebagai peluang ataupun *opportunit*i untuk dijadikan sebagai *niche market* bagi produk penghasilan Negara Brunei Darussalam. Di sebelah pagi tadi, saya telah menimbulkan isu jenama halal ini kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, agar kita dapat memajukannya sebagai *niche market*.

Di sini saya ingin menimbulkan isu institusi kewangan Islam, yang mana Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah memainkan peranan yang penting di dalam penubuhan institusi seperti Bank Islam Brunei Darussalam dan TAIB (Tabung Amanah Islam Brunei). Alhamdulillah, kita sudah dapat menunaikan keperluan fardhu kifayah dengan tertubuhnya bank Islam dan Institut Kewangan Islam bagi negara ini.

Di samping itu juga, *demand* atau kehendak untuk syariah *compliance banking, finance* perdagangan dan *business*, kini meningkat tinggi di negara ini dan dalam dunia Islam secara global. Saya percaya dengan tertubuhnya institusi-institusi pendidikan Islam di negara ini seperti UNNISA dengan kursus ijazah dan *post graduate* dalam *Islamic law* dan *practice*, UBD dengan *Centre Of Islamic Banking, Finance* dan *Management*, KUPUSB, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dengan pengurusan guru-guru Islam yang terlatih. Insya-Allah, kita mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan, menghasilkan pakar-pakar syariah, Syariah *Scholars*, pakar-pakar Perundangan Islam.

Saya ingin mencadangkan di sini agar Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pihak-pihak yang berkenaan, akan melihat peluang ini sebagai satu peluang *niche market* untuk kita menghasilkan HRD (Human Resources Development) bagi pakar-pakar Syariah. Dalam sektor sistem kewangan Islam yang mana kita perlukan untuk negara kitani dan satu masa nanti kita akan dapat mengeksport pakar-pakar Syariah ini keluar negeri, ini juga akan mengatasi masalah pengangguran yang dibangkitkan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha tadi mengangkat tangan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. Yang

Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ada satu saja perkara iaitu Masjid Pusat Ilmu. Kita sama-sama maklum bahawa peranan masjid sangat penting, ianya bukan sahaja tempat beribadat sembahyang, juga berkait rapat dalam kedudukan seharian masyarakat Islam dalam menuntut ilmu, berbincang tentang keagamaan, kemasyarakatan dan lainnya.

Perkara ini telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Baru Masjid Kampung Bunut pada 16hb Julai 1993. Sepertimana titah baginda "*bahawa masjid akan menjadi pusat pemikiran, pusat perkembangan ilmu atau dengan kata lain pusat tercetusnya budaya dan tamadun ummah*".

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, perkara ini ditimbulkan kerana kita melihat bahawa hasrat di atas belum dapat dipenuhi di masjid-masjid seluruh negara. Walaupun pada masa ini, kita mempunyai imam-imam di kalangan guru-guru agama yang mempunyai pegawai-pegawai masjid lulus ijazah, tetapi kita masih mendapati sebahagian masjid sepi dengan majlis kursus ilmu, seperti kuliah Maghrib, Subuh dan lain-lain aktiviti ke arah memakmurkan masjid.

Kaola bertanya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian yang berkenaan selain yang sudah ada demi meningkatkan peranan imam yang ada pada masa ini. Bukan sahaja sebagai imam sembahyang 5 waktu, tetapi sebagai

mualim, iaitu mengajar, mendidik dan membimbing dalam hal ehwal agama Islam. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk menjawab soalan-soalan itu.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana juga pendapat Yang Berhormat Haji Shafiee bahawa IRK telah menjadi subjek wajib. Ini satu kesyukuran yang besar bagi kita. Kerana yang demikian akan menjadikan semua warganegara Brunei Darussalam pada masa hadapan berpengetahuan agama yang baik.

Mengenai dengan masalah ejaan jawi yang berbeza-beza antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Dewan Bahasa dan Pustaka, patut diselaraskan. Sebenarnya kaola sendiri pun sudah bercakap beberapa kali perkara ini, pentingnya diberi perhatian ke arah penyelarasan. Setahu kaola, beberapa tahun yang lalu memang ada satu jawatankuasa yang memikirkan perkara ini. Tetapi kerana tidak menemui satu persefahaman, barangkali menyebabkan jawatankuasa tersebut tidak dapat bergerak dengan lancarnya. Kerana masing-masing dengan pendiriannya. Yang 'A' dengan pendirian 'A', yang 'B' dengan pendirian 'B'.

Tetapi satu perkara yang kaola tertarik dalam keputusan jawatankuasa tersebut yang mana kaola adalah salah seorang dari anggotanya pada masa itu. Iaitu perkara-perkara yang berkait dengan akidah, yang berkait dengan syariah, yang berkait dengan adat isitadat mestilah dikembalikan kepada asalnya. Ejaan yang berasal dari Arab perlulah mengikut kaedah Arab agar tidak mengubah maknanya. Ejaan jawi lama yang sudah lama terpakai perlulah diteruskan sahaja. Yang lain-lain itu bolehlah ditolak ansur.

Kaola pun sudah bercakap beberapa kali sepanjang kaola memegang jawatan ini, supaya perkara ini diselesaikan untuk kepentingan anak-anak kitani. Jangan terkeliru. Jangan menjadi satu macam perasaan yang mengganggu pemikiran mereka itu.

Insya-Allah usaha-usaha akan dibuat untuk menyelesaikannya nanti. Tetapi satu yang kaola berpegang, dalam hal jawi ini iaitu apapun ejaannya tetap jua jawi. Barukah ya, lamakah ya tetap jua jawi. Itu yang kaola inda risau tentang soal jawi ini. Jawi itu berasal dari huruf-huruf Arab. Walau macamapun, elok kitani jangan membiarkan generasi kitani dalam kebingungan. Perkara ini mesti diselesaikan, mesti diselaraskan dan mesti dicari persefahaman antara kedua belah pihak atau berbagai-bagai pihak dalam menentukan mana yang sesuai, insya-Allah.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Shafiee tentang membina dua buah masjid di Kampung Mumong dan Lumut. Isu Masjid Kampung Mumong, ini

memang sudah dipercakapkan. Semasa pertemuan antara abis pihak kaola, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan mereka baru-baru ini. Tetapi untuk kepentingan orang ramai memang ada usaha untuk membangunkan masjid di Kampung Mumong ini, iaitu di bawah projek RKN 2012/2017.

Jadi, kaola harap bersabar sahaja dan kalau boleh perkara ini akan dipercepatkan sebelum lagi RKN 2012. Kalau boleh dalam tahun ini diusahakan. Jadi mengapa lambat ini, kaola inda tahu. Sekarang kaola baru menghadapi, melihat isu ini. Kalau boleh tahun ini diselesaikan. Kalau inda ia akan masuk dalam RKN 2012/2017.

Mengenai dengan pandangan Yang Berhormat Dato Haji Idris, berkenaan jenama Halal Brunei. Memanglah harapan kitani untuk menjulang nama Brunei dengan jenama halalnya di peringkat serantau dan antarabangsa. Dan untuk ini, kita ada mempunyai hubungan ataupun berpartner dengan salah satu syarikat yang dipanggil Ghanim. Jadi Syarikat Ghanim ini berpusat di Timur Tengah. Jadi syarikat inilah yang akan mengusahakan barang-barang dan produk-produk kitani untuk peringkat antarabangsa sesuai dengan kepakaran dan kemahiran mereka.

Mengenai dengan penubuhan Bank Islam dan TAIB, memang ada Kementerian Hal Ehwal Ugama turut berperanan sama ada dalam bentuk menyediakan perundangan-perundangannya yang mana diluluskan oleh Majlis Ugama Islam. Dan jua menghantarkan, meminjamkan pegawai-

pegawai kita untuk berperanan sama ada di TAIB ataupun bank Islam ini.

Dan untuk *support*, memajukan kegiatan dan usaha-usah keislaman ini seperti perbankan dan perundangan Islam ini, Kita telah mengasaskan UNISSA dan telah mewujudkan di UNISSA program-program untuk *support* pada masa hadapan kewangan Islam. Bahasa penghantarnya Bahasa Inggeris tetapi juga perlu belajar Bahasa Arab.

Kita juga mengadakan program perundangan iaitu kombinasi antara Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil, di UNISSA ini, kita bukan pakar tetapi pergi ke luar negeri cari pakar. Kita pergi ke Malaysia berunding dengan UIA yang mana mereka mempunyai pakar-pakar di samping itu kita juga berunding dengan universiti-universiti lain. Jadi dapat kita membina program-program ini. Kita berdoa mudah-mudahan akan berjaya.

Dengan niat kita pada mengasaskan itu untuk membantu Perundangan Islam yang telah begitu lama kita asaskan dan telah lama dicita-citakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, supaya Perundangan di Brunei selari ataupun sesuai dengan kehendak-kehendak Islam, tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Inilah yang kita bantu, begitu juga dari segi perbankan Islam.

Mengenai dengan pandangan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha tentang masjid sebagai pusat ilmu memanglah kita sokong. Masjid sebagai pusat pemikiran dan tercetusnya budaya

Islam memang betul, tapi masjid sepi daripada ilmu tidak semua betul. Kerana ada masjid yang aktif dengan kegiatan-kegiatan dengan ceramah-ceramahnya, dengan forum-forumnya dan dengan Syarafil Annamnya. Imam hanya duduk di masjid menyepi, saya rasa tidak betul, tidak semua imam begitu.

Kita mesti juga melihat peranan imam ini, imam ini bertugas tidak mengira waktu. Dia bukan macam kitani, kitani bekerja pukul 7.45 pagi, ia sebelum subuh mesti sudah berada di masjid untuk mengimamkan sembahyang. Kita balik 4.30 petang, ia mesti Maghrib mesti ada di masjid, Isyak mesti ada di masjid. Jadi masa waktunya bekerja inda berkira masa. Tugasnya tidak mengira masa. Imam jua menjadi Amil apabila tiba bulan Ramadan dan Imam jua dijemput masyarakat untuk melayani suka duka masyarakat, doa selamat, majlis perkahwinan, pernikahan, orang kan pergi haji dan sebagainya.

Jadi kita patut menghargai imam-imam ini, yang selama ini kita terlepas pandang. Mereka mempunyai peranan. Mungkin ada sesetengah imam seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Yang penting bagi kita sekarang ini ialah meningkatkan kualiti imam, maka kerana itu kita mengadakan Anugerah Imam Cemerlang dan Anugerah Bilal Cemerlang dengan melihat beberapa aspek supaya mereka tergolong orang yang cemerlang. Inilah usaha kita, usaha kita untuk meningkatkan kualiti imam supaya menjadi cemerlang. Dan kita memang mengharapkanlah imam-imam akan datang supaya dapat berpada lebih ke hadapan lagi

mendampingi masyarakat seperti memberikan kuliah-kuliah, ceramah dan sebagainya. Barangkali Yang Berhormat Pehin Pengerusi itu saja dahulu jawapan kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, saya cuma satu perkara saja saya ingin menyentuh mengenai dengan perkataan yang ada dua ejaannya seperti dinyatakan tadi oleh '*alif wau lam ha*' dengan '*alif wau lam ya ha*' pengalaman saya sendiri masa naik haji dan umrah di Saudi Arabia, di Mekah dan di Jeddah bila ia menulis dalam kad pengenalan itu, ia inda memakai ejaan kitani '*ba ra wau nun ya*' bila dinyatakan dipadahkan, indanya itu "*Bruni*". Jadi ia mengeja '*ba ra wau nun alif ya*' begitulah pengalaman saya sendiri. Walaupun huruf-huruf yang digunakan itu, sememangnya huruf jawi yang berasal dari Arab tapi ia inda menerima. Tidaknya itu '*Ba Ra Wau Nun Ya*' tu "*Bruni*".

Ahli-Ahli yang Berhormat waktu telah menjangkau 4.15 petang, barangkali baik jua Permesyuaratan Jawatankuasa ini ditangguhkan dan disambung semula esok dan kita akan balik bersidang sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah selesai berbincang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya. Maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan

sehingga esok hari Rabu, 9 Mac 2011 pada jam 9.00 pagi. Sekian, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Rabu, 4 Rabiulakhir 1432 / 9 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula pada hari ini iaitu hari yang ketujuh didahului dengan bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Awang Haji Mustapa bin Haji Murad. (Imam Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah).

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua maka pada pagi ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat bersidang lagi pada hari ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara. Saya tidak akan berpanjangan lebar kerana masa sangat terhad pada sidang Majlis Jawatankuasa Ahli-Ahli Yang Berhormat masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Dengan demikian untuk membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang sebagai Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya. Kelmarin iaitu hari Selasa, Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama dan belum lagi diluluskan sebagai menjadi sebahagian daripada Jadual maka sekarang saya bukakan mesyuarat ini untuk perbahasan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. Silakan

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, jika diizinkan kaola ingin menyambung sedikit lagi jawapan terhadap soalan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa petang semalam berkaitan dengan daging-daging dalam tin yang dipasarkan di negara ini iaitu seperti berikut:-

1. Dalam Akta Daging Halal, Penggal 183 dan aturan-aturannya hanyalah mengawal kemasukan, pengedaran dan penjualan daging mentah di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah sesuai dengan nasihat yang pernah diberikan oleh Peguam Negara pada Tahun 2001, yang antara lain

menyatakan peruntukan-peruntukan Akta tersebut (Akta Daging Halal, penggal 183) kurang sesuai untuk dikenakan kepada barang-barang makanan selain dari daging mentah;

2. Daging proses khususnya daging-daging yang telah ditinkan, kemasukannya ke negara ini adalah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan berdasarkan Akta Kesihatan Awam (Makanan penggal 182) yang mana permohonan bagi memasukkan barang makanan termasuk daging proses dalam tin akan dipohonkan terlebih dahulu kepada Bahagian Kawalan dan Mutu Makanan, Kementerian Kesihatan; dan
3. Sebagaimana kaola difahamkan dalam menimbangkan satu-satu permohonan yang berkaitan dengan daging dalam tin, Kementerian Kesihatan akan membuat penelitian dan penilaian terlebih dahulu terhadap kandungan bahan ramuan makanan tersebut. Jika makanan tersebut tidak mengandungi sebarang bahan ramuan yang boleh membahayakan kesihatan orang ramai dan mematuhi segala kehendak-kehendak yang terkandung dalam Akta Kesihatan tersebut, maka makanan tersebut akan dibenarkan dipasarkan di negara ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kemasukan seperti daging-daging berproses atau sebarang makanan yang didatangkan dari luar negeri yang diragui kehalalannya, kita tidaklah dapat menegah atau menahan kemasukan

barang-barang tersebut kerana negara kita adalah terikat dengan perdagangan antarabangsa seperti WTO atau seumpamanya. Maka untuk memastikan supaya barang-barang yang sedemikian itu tidak jatuh ke tangan orang-orang Islam beberapa langkah setakat ini yang dapat dibuat adalah seperti berikut:-

1. Menasihatkan tuan-tuan punya kedai seperti supermarket-supermarket dan seumpamanya, meletakkan barang-barang tersebut di tempat-tempat khas dan melabelkan sebagai bukan makanan orang Islam; dan
2. Menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati dalam membeli barang-barang makanan yang diragui kehalalannya itu yang disampaikan sama ada melalui ceramah-ceramah, penerangan-penerangan dan khutbah-khutbah di masjid-masjid.

Mengenai dengan penyembelihan-penyembelihan binatang halal sama ada yang dilakukan di dalam negeri dan di luar negeri iaitu di Australia, Malaysia, India, China dan Arab Saudi yang menggunakan tanda halal atau label halal Majlis Ugama Islam Brunei adalah mendapat pengiktirafan oleh pihak antarabangsa disebabkan kita telah menjalankan kaedah penyembelihan yang benar-benar mengikut kehendak hukum syarak yang memastikan bahawa penyembelihan yang dilakukan tidak meragukan kesahihannya ditambah lagi dengan kehadiran dua orang pegawai pemerhati yang dilantik oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa proses penyembelihan,

pelapahan, pemprosesan, penyimpanan ke dalam kotak dan kedua-dua pegawai itu juga akan menurunkan cop dan menandatangani setiap kotak tersebut sebelum disimpan ke dalam kontainer bagi penghantaran ke Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini, beberapa buah negeri Timur Tengah telah mengikut kaedah yang diamalkan oleh Negara Brunei Darussalam ini dengan menghantar juga dua orang pegawai pemerhati iaitu seperti Negara Iran, Iraq dan Mesir. Yang mana pegawai-pegawai pemerhati kita pernah terjumpa dengan mereka, sama ada semasa bertugas di India dan di China. Bahkan pegawai yang mereka hantar sampai kepada empat orang iaitu di antaranya doktor dari Jabatan Haiwan.

Di Malaysia sendiri pada masa ini, ada syarikat penyembelihan yang telah mengikut kaedah negara kitani, inda menggunakan *stunning* terhadap sembelihan ayam iaitu Pusat Penyembelihan Ayam di Johor, Malaysia. Berdasarkan faktor-faktor ini, nyatalah cara dan kaedah pengiktirafan halal negara kita ini mendapat perhatian dan ikutan di peringkat antarabangsa. Demikian tambahan kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingin untuk bertanya atau mengemukakan soalan? Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang

Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola akan menyuarakan dua perkara di dewan yang mulia ini, iaitu:-

1. Pada masa ini, penuntut-penuntut Sekolah Arab Temburong hanya Menengah 1 hingga Menengah 3 sahaja. Kaola ingin bertanya kenapakah tidak dapat diadakan penuntut Menengah 4 dan 5 di Daerah Temburong? Yang mana sepatutnya dengan adanya Sistem Pendidikan Abad Ke-21 ini, sepatutnya penuntut Menengah 4 dan 5 sudah ada di Daerah Temburong; dan
2. Di Daerah Temburong, bagi pemohon-pemohon yang memohon asnaf dan fakir miskin melalui bantuan Majlis Ugama Islam Brunei, pemprosesan borang jawapan pemberitahuan kepada pemohon yang berkenaan adalah terlalu lama. Ada yang beberapa kali mereka yang berkenaan berjumpa ketua-ketua kampung, bagaimanakah permohonan mereka itu? Ada yang sampai menunggu enam bulan ke satu tahun, baru ada jawapan. Apa yang diharapkan supaya pihak-pihak jabatan yang berkenaan akan dapat menilai dan menangani dan mengatasi dalam perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang lain yang ingin mahu bercakap?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama barangkali ingin mahu menjawab.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan pertanyaan tentang penuntut Sekolah Arab di Temburong hanya Menengah 1 hingga 3 sahaja, kenapa anda Menengah 4 dan 5.

Barangkali perkara ini perlu kepada penelitian lanjut, perlu kepada penyelidikan. Kadang-kadang pertimbangan itu dilihat juga daripada segi *cost-effectiveness*, daripada segi kemampuan guru-guru, boleh mengadakan guru-guru tetapi anda dari segi kemampuan prasarananya. Jadi insya-Allah, kalaulah sekiranya benar-benar Daerah Temburong sudah mempunyai cukup pelajar-pelajar untuk mengisi Tingkatan Menengah 4 dan 5 itu, apa yang menghalang untuk kitani mengadakan di Daerah Temburong juga. Jadi kaola rasa anda ada masalah, sekiranya pelajar-pelajar memang ramai di sana. Tetapi yang kaola faham, pelajar-pelajar di Daerah Temburong itu anda berapa keramaiannya, jadi untuk lebih bermunasabah ialah mereka belajar di Brunei. Insya-Allah akan difikirkan lebih lanjut.

Yang keduanya, mengenai dengan pemohon asnaf dan fakir miskin di Temburong lambat menerima jawapan sampai kepada enam bulan hingga ke setahun itu, anda juga akan diberi perhatian, mengapa. Dan sekarang

anda mempunyai TPOR, jadi kenapa orang-orang saya anda boleh memenuhi TPOR? Jadi insya-Allah, kaola akan berjanji dan akan memberi keutamaan kepada TPOR supaya dipenuhi. Tetapi kalau sekiranya kelambatan itu disebabkan perkara-perkara tertentu, teknikal dan sebagainya, bukannya lambat tetapi maknanya dilaksanakan tetapi maknanya teknikalnya adalah halangan itu, halangan ini. Kadang-kadang orang yang akan *diinterview* itu anda ada misalnya, terpaksa lagi datang kali kedua, kali ketiga. Jadi ini semuanya perkara melambatkan untuk memastikan mereka itu benar-benar fakir dan miskin. Kadang-kadang ada jua yang fakir dan miskin anda *genuine*, itu masalahnya.

Perkara-perkara fakir dan miskin anda, anda perkara zakat, zakat anda hak Allah Ta'ala ni. Jadi kitani terpaksa berhati-hati dalam menjalankan tugas seperti anda. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berpendapat permohonan-permohonan sedemikian itu patut juga mendapat jawapan sekurang-kurangnya dinyatakan kepada pemohon, permohonannya telah diterima dan sedang dalam pertimbangan. Jangan sampai orang tertunggu-tunggu berbulan-bulan, mengikut Yang Berhormat dari Temburong tadi, sampai setahun.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman: Kaola setuju Yang Berhormat Pehin Pengerusi, insya-Allah akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Pengerusi: Oleh kerana nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan soalan, maka Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A - Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, kita telah selesai membincangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sekarang kita beralih kepada Kementerian Pembangunan. Tajuk SK01A – Kementerian Pembangunan, saya bukakan untuk perbincangan. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya tidak akan memberi mukadimah, memandangkan untuk menjimatkan waktu. Saya cuma terus kepada soalan dan pertanyaan.

Pertanyaan saya yang pertama, apakah perancangan Kementerian Pembangunan dalam menangani masalah banjir yang sering berlaku di antara Jalan Bukit Puan di mana saya difahamkan, lawatan-lawatan telah pun dibuat.

1. Apakah perancangan Kementerian Pembangunan untuk mengurangkan banjir?

2. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Pembangunan kerana telah, sedang dan pada ketika ini membesarkan dan melebarkan Jalan Telisai-Lumut. Cuma saya ingin bertanya, mengapakah masih ada tiang-tiang elektrik yang masih terpacak di jalan-jalan, di antara Balai Polis Sungai Liang hingga ke lampu isyarat Lumut masih belum dipindah ke posisi yang lebih selamat, kerana ia mengundang bahaya dan kemalangan sering berlaku;

3. Apakah perancangan Kementerian Pembangunan mengenai dengan pesisir pantai Daerah Belait? Perkara ini pernah saya utarakan beberapa tahun yang lalu, kerana saya mendapat aduan-aduan daripada penghuni-penghuni yang tinggal di pesisiran pantai tersebut bahawa kadang-kadang ada di antaranya, umpamanya daripada Batu 1, Batu 3, sesetengah kawasannya apabila air pasang, hujan akan masuk ke kawasan mereka. Jadi saya ingin mengetahui apakah perancangan, walaupun tidak jangka pendek, jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut; dan

4. Adakah Kementerian Pembangunan mempunyai perancangan untuk membina parit-parit konkrit di kawasan kampung luar bandar kerana ia sedikit sebanyak dapat mengurangkan banjir di kawasan-kawasan tersebut. Pada ketika ini khusus kalau di Mukim Liang kita mempunyai

masalah tentang perparitan di kawasan tersebut.

Saya rasa itu saja yang dapat saya sampaikan Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor tadi ada mengangkat tangan. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi kaola juga tidak akan membacakan huraian-huraian, cuma terus saja maksud yang akan dimaksudkan dan kaola akan menyampaikan beberapa perkara yang menyentuh dengan perkara-perkara yang lain seperti jalan raya. Di sini kaola akan menyentuh sekaligus.

Sebagaimana dimaklumi pada masa ini masalah-masalah yang dialami oleh orang ramai tidak lain tidak bukan ialah kesesakan jalan raya. Kesesakan jalan raya seperti Jalan Gadong ke Bandar Seri Begawan, Jalan Kilanas, Jalan Bengkurong-Masin, Jalan Burong Lepas hingga ke Jalan Bunut, Telanai dan ke Bandar Seri Begawan.

Perkara ini telah pun ditangani oleh pihak berkenaan itu Kementerian Pembangunan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Pengangkutan Darat dan di kesempatan ini juga mengucapkan ribuan terima kasih setinggi-tingginya kerana setiap hari membantu orang ramai bagi usaha melancarkan perjalanan. Walau bagaimanapun, masalah ini tetap juga dihadapi setiap hari oleh orang ramai memandangkan penambahan kenderaan

setiap masa dengan menggunakan jalan raya yang sama.

Tambahan pula rancangan perpindahan yang diperkenalkan iaitu sepertimana yang telah diperkenalkan rumah masa depan untuk rakyat yang akan dibina nanti yang menggunakan jarak jalan dari tempat pembinaan ialah sekira-kira 25 kilometer ke Bandar Seri Begawan dan mempunyai racangan-rancangan 48 buah flat yang akan menampung 2,500 unit dengan tema "*Bandaraya Teratur Kehidupan Selesa*". Situasi ini akan datang setentunya akan menambahkan lagi kesesakan jalan raya sejajar bertambahnya kenderaan dan juga rancangan pembangunan yang kaola sebutkan tadi. Oleh yang demikian, kaola bertanya:-

1. Apakah rancangan kerajaan dalam jangka masa yang akan datang adakah akan membuat jalan raya yang baharu sebagai pilihan, selain daripada satu jalan yang akan menuju ke Bandar Seri Begawan atau akan melebarkan lagi jalan yang ada sekarang begitu juga jalan-jalan utama yang disebutkan di atas tadi;
2. Adakah rancangan pihak kementerian ini akan membina sebuah jambatan yang menyeberang ke Sungai Brunei iaitu dari Jalan Residency ke tanah seberang Sungai Kebun, Lupak Luas iaitu sebagai salah satu mengelakkan atau mengurangkan kesesakan jalan raya dalam jangka masa yang panjang sebagaimana yang telah disebutkan tadi iaitu di masa yang akan datang;

3. Memohon penjelasan dan jawapan daripada pihak kementerian ini mengenai permohonan penduduk-penduduk di Kampung Menunggol dan Kampung Bolkiah "B" iaitu bagi permohonan pembinaan jalan penghubung dan jambatan dari pengkalan Kampung Menunggol melalui persisiran Kampung Bolkiah "B" ke Jalan Buang Sakar, Jalan Kasat sebagaimana yang telah dipohonkan oleh penduduk-penduduk di Kampung Menunggol dan Bolkiah "B" beberapa bulan yang lalu. Kerana apa yang telah diketahui hanya kampung yang tersebut di atas ini yang termasuk di Daerah Brunei Muara yang tidak ada jalan penghubung sekarang ini. Jalan penghubung ini sejauh lebih kurang 3 kilometer sahaja. Walaupun kedudukan kampung ini dekat tetapi pada pandangan mata, tetapi ianya jauh pada perhubungan; dan
4. Membina tempat perhentian bas dan kenderaan di antara Lebuhraya Tutong dan Tutong ke Bandar Seri Begawan iaitu berdekatan dengan Pondok Polis Diraja Brunei supaya membina kawasan parking bas, kereta dan bangunan kedai makan dan minum, tandas awam dan bilik sembahyang, supaya orang ramai dan pengguna-pengguna jalan raya dapat berehat dan menunaikan waktu dan menghilangkan rasa mengantuk serta untuk tempat mereka berehat. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat sekarang saya silakan

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjawab.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat sejahtera.

Lebih dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengajukan beberapa persoalan.

Pertama barangkali Yang Berhormat Haji Shafiee mengenai dengan perancangan kementerian menangani isu banjir.

Biarlah barangkali saya menerangkan secara menyeluruh mangkali apa tindakan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan mengenai isu banjir ini, jadi walaupun ada Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang bertanya mungkin jawapan telah diberikan dalam satu jawapan ini.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, masalah banjir ini bukanlah satu yang dipandang ringan malah sangat serius oleh Kementerian Pembangunan. Kerana banjir bukan sahaja membinasakan harta benda rumah dan sebagainya tetapi juga menjejaskan kehidupan seseorang itu dan boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

Tetapi seperti yang kita diketahui, banjir bukan sahaja berlaku di negara kita fenomena banjir ini yang lebih dahsyat berlaku di merata dunia sejak tahun 2000 hingga 2011 ini sahaja kalau kan dilihat lebih

29 kes banjir yang besar yang telah dicatat di Eropah, Canada, Korea, Amerika, di Afrika dan baru-baru ini di Australia dan di Malaysia juga. Di Malaysia sebagai contoh saja pada awal bulan Februari ini seramai 47 ribu penduduk telah pun dipindah dari kawasan-kawasan terkena banjir. Sementara di Queensland Australia banjir juga berlaku melibatkan penuntut kitani. Maka negara kitani tidaklah terkecuali daripada menerima bencana banjir ini.

Saya tidaklah mahu membandingkan banjir di negara-negara yang lain itu dengan negara kitani tetapi apa yang saya ingin katakan, Yang Berhormat Pehin Pengerusi ialah dengan usaha bersepadu agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi keselamatan dan juga pihak NGO jikalau dapat mengurangkan penderitaan-penderitaan ditimpa banjir ini.

Bagi Kementerian Pembangunan dan saya pasti begitu juga dengan agensi-agensi kerajaan yang lain isu banjir merupakan satu cabaran bukan sahaja merupakan satu *natural disaster* yang sukar diramal. Semalam pun hujan turun dengan lebatnya jua, jadi anda kitani tau di beberapa kawasan mungkin banjir jua.

Tetapi ia juga berlaku disebabkan kecuaiannya tu, salah laku kita sebagai penduduk sesuatu tempat itu termasuklah juga salah laku di pihak pemborong, *developers* yang membuat kerja tanpa menghirau kesan kepada kawasan sekeliling seperti longkang tersumbat, timbunan tanah yang menyebabkan perjalanan air tidak deras, rumput panjang yang dipotong dibuang ke longkang, pembinaan rumah dengan tidak

menyediakan saliran-saliran air yang cukup dan juga pembangunan rumah dua tingkat di kawasan-kawasan yang memang diketahui di kawasan yang rendah dan mudah banjir.

Seperti di tahun-tahun yang lalu, dan insya-Allah di tahun-tahun yang akan datang Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Saliran dan Pembentungan akan terus memantau dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurangkan kejadian banjir dari berlaku.

Langkah-langkah yang sedang dan telah diambil adalah seperti berikut:-

1. Di Daerah Brunei Muara, kerja-kerja pengaliran Sungai Menglait fasa dua sudah pun dimulakan dan dijangka siap tahun 2012.
2. Kampung Ban, Mulaut, *flood evaluation project* fasa dua, sudah dilakukan dan dijangka siap pertengahan 2013.
3. Pembinaan longkang konkrit dan kolam penahanan iaitu *new retention pond* di Damuan masa ini akan *ditender* dalam tahun ini jua.
4. Kemudian ada aktiviti menaikkan taraf sistem peparitan pusat bandar akan dikeluarkan *tender* hujung Mac, April ini.
5. Skim penjagaan banjir bagi tadahan Subok, Belimbing fasa ketiga dijangka siap hujung tahun 2011 dan insya-Allah akan dipohonkan peruntukan bagi fasa empat.

6. Kerja-Kerja Pengaliran Sungai Selayun, Kampung Selayun dan Sengkurong sudah dalam proses *tender*.
7. Pembaikan pengaliran Sungai Damuan di kawasan Perumahan Kampung Lugu juga sudah sedia untuk *ditender*.
8. Menaikkan taraf sistem saliran Sungai Bebuhun Jangsak, kontrak sudah siap untuk ditandatangani.
9. Membina longkang konkrit di kawasan Kampung Tanjung Bunut, kontrak sudah siap untuk ditandatangani.
10. Pembaikan pengaliran Sungai Belaban Kampung Tungku, Kampung Jangsak, Kampung Lumapas, Sungai Mentiri juga sedang diusahakan.
11. Membina longkang konkrit di kawasan Kampung Sungai Tilong dan Sungai Salambigar, Jalan Muara dijangka siap awal tahun 2012.
12. Sungai-sungai kita juga mengandungi banyak lumpuran tanah maka kajian ke atas sungai-sungai utama, mengapa ini berlaku? dan bagaimana mengurangkannya sedang dalam pelaksanaan.

Sementara itu, di Daerah Tutong beberapa projek juga sedang dan akan dilaksanakan seperti Projek Pembaikan Saliran di Pekan Tutong. Skim pengurusan banjir di dataran Sungai Tutong *Flood Management Project*

termasuk rancangan pengaliran air sungai, pendalaman sungai *draging* dan *retention pond* juga akan dibina di kawasan Tutong. Menaikkan taraf dan saliran di beberapa kampung dan kawasan, dan membina longkang konkrit juga di beberapa kawasan di Daerah Tutong.

Sementara itu, di Daerah Belait beberapa projek telah siap seperti mendalami dan melebar Sungai Seria, memperbaiki Sungai Ukong dan Sungai Bakong. Projek-projek pencegahan banjir Pekan Seria telah pun siap, tetapi projek-projek yang akan dilaksanakan termasuklah projek-projek pencegahan banjir di Seria fasa kedua, pembaikan struktur saliran menghala ke laut Sungai Belait dan kerja-kerja menaikkan taraf saliran, memperbaiki sistem longkang di Daerah Belait.

Dan akhir sekali di Daerah Temburong, dua projek besar iaitu Skim Pencegahan Banjir fasa dua, dan rancangan membersihkan dan mendalami Sungai Temburong, juga skim menaikkan taraf sistem saliran Kampung Rataie fasa satu dan menaikkan taraf sistem saliran Kampung Bokok fasa satu.

Selain dari itu melalui *term contract* yang ada setiap kali hujan lebat atau adanya kejadian tanah runtuh, pemborong-pemborong yang ada juga *on standby* dan akan dikerah untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian jika perlu.

Pendek kata Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Dewan usaha pihak kerajaan dalam menangani masalah banjir dan mengurangkan risiko banjir dari berlaku

adalah banyak. Kita cuma berharap di bawah RKN 2007/2012 misalnya kita ada 30 projek yang berjumlah \$172,350,000.00, 21 projek *flood evaluation*, 2 projek *hydro matrix database*, 3 *coastal protection* yang saya harap ini akan menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee mengenai dengan langkah-langkah untuk memelihara persisiran pantai di Daerah Belait. Dan 4 *feasibility studies* di bawah RKN 9 iaitu di bawah 2007/2012 ini.

Di samping itu kita juga menggunakan pakar dari luar negeri untuk membantu kita termasuk dari Australia dan mungkin juga, jika ini jua tidak berhasil mungkin kita akan menggunakan pakar dari negeri lain seperti Netherland dan Canada untuk kitani mengatasi masalah banjir ini. Kita cuma berharap Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan ahli-ahli dewan, semua usaha kitani itu berhasil mengawal keadaan banjir apabila air yang turun itu terlalu banyak. Wallahuaklam.

Mengenai dengan soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor mengenai dengan isu kesesakan jalan raya ini, secara individu barangkali saya percaya setiap kitani di dewan ini mengetahui dan mengalami sendiri kesesakan jalan raya ini, dan dalam masa yang sama kita juga sebagai pengguna jalan raya menyumbang kepada kesesakan ini. Dan dalam pada masa yang sama itu juga saya berpendapat kitalah juga yang dapat mengurangkannya.

Di peringkat kementerian perkara ini dimaklumi dan seperti di tahun-tahun yang lalu projek pembinaan jalan raya memang

sentiasa ada. Sama ada dalam Rancangan Kemajuan Negara mahupun dalam peruntukan kementerian sendiri. Melalui RKN 9 sejumlah \$472 juta telah pun diperuntukkan bagi program pembangunan prasarana jalan raya yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Mana-mana yang tidak dapat dilaksanakan dalam RKN 9, insya-Allah akan dibawa ke RKN seterusnya. Pada tahun 2010 lepas Kementerian Pembangunan telah melaksanakan beberapa projek bertujuan untuk mengurangkan kesesakan jalan raya. Antaranya ialah 3 projek bagi pembinaan jalan raya baru, 25 projek bagi menaik taraf jalan raya yang sedia ada, 12 projek bagi pemeliharaan jalan raya dan 4 projek kajian kemungkinan.

Sementara itu sejumlah 4 projek bagi pembinaan jejambat juga akan dibina pada tahun 2011, yang mana satu projek telah pun ditawarkan dan 2 projek masih dalam proses reka bentuk dan *design* dan akan ditawarkan pada awal tahun ini, insya-Allah.

Satu projek kajian bagi pembinaan jejambat dijangka pada penghujung tahun 2011 dan pembinaan akan dilaksanakan dalam RKN yang ke-10. Kita juga telah mengenal pasti beberapa jejantas dan jambatan lagi yang perlu dibina dalam penyediaan RKN 10, terutama di kawasan sepanjang lebuh raya dan juga persimpangan utama di negara ini. Kawasan-kawasan yang sudah dikenal pasti adalah Jalan Tutong di antara persimpangan Bengkurong Masin dan Telanai, Jalan Gadong di antara Jangsak dan Telanai, Jalan Muara dari

Salambigar ke pusing keliling Jalan Muara, jalan penghubung Tungku, Lebuh raya Sultan Haji Hassanal Bolkiah di kawasan Kompleks Bangunan Kerajaan, kawasan Hospital RIPAS, sepertimana kita ketahui di sana terlalu sesak jua, Jalan Tutong menuju ke Katimahar, sekitar Bandar Seri Begawan dan persimpangan *flyover* menuju ke UBD dan Jerudong International School seperti yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi.

Satu projek bagi Daerah Belait iaitu pembinaan kedua Lorong Seria *Bypass* telah pun bermula bagi menambah kapasiti Jalan Raya Seria *Bypass*. Projek-projek yang akan dan sedang dilaksanakan oleh JKR ialah pembinaan bahu jalan di Jalan Telisai – Lumut sepanjang 16 kilometer. Pembinaan bahu jalan, Jalan Seria *Bypass*, Jalan Anduki 10 kilometer. Pembesaran Jalan Singamanteri, kerja-kerja pemulihan hakisan di Jalan Labi dan menaikkan taraf Jalan Sungai Mau, Merangking, Buau. Itu rancangan menaikkan taraf Jalan Labi kawasan Bukit Puan seperti telah ditimbulkan tadi.

Sekarang ini projek menaikkan taraf Lebuh raya Brunei-Muara ke Daerah Belait untuk menjadi 4 *lane*, 2 *carriageway* sudah pun bermula. Di samping itu dengan siapnya nanti Projek Lebuh Raya Telisai-Lumut sepanjang 16 kilometer di bawah BEBD akan dapat memberi jalan alternatif bagi yang *communicating* antara Kuala Belait dan Bandar Seri Begawan.

Bagi Projek Peningkatan taraf jalan daerah dan simpang-simpang di seluruh negara sejumlah 265 simpang telah dinaik taraf,

Manakala 140 lagi akan dilaksanakan sehingga 2012. Sejumlah 250 simpang lagi akan dimasukkan dalam RKN Ke-10.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, di sebalik projek-projek yang saya sebutkan tadi, saya berpendapat kesesakan jalan raya hanya akan dapat diatasi atau dikurangkan melalui *holistic approach* melibatkan berbagai agensi kerajaan dan sektor *private* bukan saja dengan pembinaan jalan raya dan jambatan-jambatan. Selain dari itu, isu kesan pembinaan jalan raya kepada penggunaan tanah, penebangan pokok-pokok, impak kepada *environment* seperti pencemaran udara. Jalan raya yang bertambah akan juga menyebabkan kenderaan menjadi bertambah jika tidak disertai dengan adanya langkah-langkah lain untuk mengurangkan bilangan kereta di jalan raya. Sekian saja penerangan saya Yang Berhormat Pehin Pengerusi mengenai dengan soalan yang ditimbulkan.

Mengenai dengan permohonan membina jambatan seperti yang diterangkan memang ada perancangan kitani untuk membina jambatan menghubungkan dari kawasan Lumapas ataupun seberang sana dengan bandar *across* Sungai Brunei. Perkara itu dalam rancangan kitani dan *detailnya* belumlah dapat kitani keluarkan kerana beberapa kajian perlu dibuat. Tetapi insya-Allah perkara itu sudah pun difikirkan di Kementerian Pembangunan dan insya-Allah akan dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-10.

Mengenai dengan permohonan penduduk Kampung Menunggol dan Bolkiah 'B' untuk

mengadakan satu jambatan yang boleh menyambung ke Kampung Menunggol dan Bolkih. Perkara itu juga sedang dalam pertimbangan Kementerian Pembangunan dan sudah ada dibuatlah kajian secara lebih terperinci sedikit. Dan insya-Allah perkara itu akan diusahakan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-10 ini.

Jadi, Yang Berhormat Pehin Pengerusi pendek kata, isu-isu yang ditimbulkan itu sudah memang dalam perhatian pihak Kementerian Pembangunan, cuma untuk mengusahakannya lagi mungkin memakan masa sedikit. Itu saja dulu jawapan saya, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan perhentian bas, parking dan sebagainya itu akan diambil maklum dan jika bersesuaian akan diusahakan seberapa yang boleh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyentuh mengenai dengan perintah ataupun *order*. Perintah Arkitek, Jurutera, Juruukur atau *Architect, Engineer, Surveyor Orders* adalah sangat-sangat diperlukan untuk profesion ini di dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan profesionalnya.

Isu ini juga pernah saya timbulkan dalam permesyuaratan yang lalu. Saya difahamkan bahawa *order* ini sudah dalam proses penyiapannya yang terakhir untuk diluluskan. Bagi mewakili ahli-ahli profesional di bidang arkitek, jurutera, juruukur, yang mana saya selaku presiden persatuan ini sukacita memohonkan agar *order* ini dapat diluluskan dengan secepat mungkin. Ini juga diperlukan bagi kita untuk menyertai perjanjian-perjanjian *MRA (Mutual Recognition Agreement)* dengan negara-negara luar seperti ASEAN, APEC dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, juga penubuhan *Board Administration* juga diperlukan yang mana setiap profesional mestilah berdaftar atau mendaftar dengan *board* ini. Ini akan membantu dalam memantau perkhidmatan-perkhidmatan *professional Consultant* dalam memberikan perkhidmatan profesional masing-masing. Kebaikannya juga adalah memberikan *protection* kepada pihak-pihak klien di mana konsultan akan lebih bertanggungjawab *accountable* dan *liable* atas perkhidmatan-perkhidmatan majikan yang mereka berikan.

Projek-projek juga akan dijalankan dengan baik dan teratur dengan adanya peraturan-peraturan yang tertentu. Hal-hal alam sekitar juga dapat diambil kira supaya tidak terjejas dan sebagainya. Sekali lagi saya mewakili Persatuan Profesional ini memohonkan agar penubuhan *Board Administration* ini akan dapat dicepatkan dengan secepat mungkin.

Satu lagi isu mengenai dengan projek-projek yang dalam *implementation (implementasi)* seperti projek-projek kerja-kerja infrastruktur seperti penanaman kabel, kabel elektrik,

telefon, *fibre optic*, paip air dan lain-lain. Kita sering mendengar masalah-masalah kerosakan-kerosakan kabel yang putus ataupun paip yang pecah kerana rosak mungkin dengan tidak disengaja oleh pemborong-pemborong sewaktu mengorek tanah yang tidak mengetahui akan kedudukan atau lokasi kabel-kabel ataupun paip-paip yang sedia ada.

Ini akan menjejaskan perkhidmatan-perkhidmatan seperti elektrik, telefon atau air yang mana ini sangatlah merugikan perbelanjaan dan membuat impak yang buruk kepada perjalanan bisnes lebih-lebih lagi yang bergantung kepada pembekalan kuasa elektrik ataupun air yang diperlukan. Untuk mengelakkan kejadian ini supaya tidak berlaku adalah diperlukan pemborong-pemborong itu untuk merujuk kepada *as built plan drawing* untuk mengetahui kedudukan yang sebenarnya.

Oleh yang demikian, sukacita saya ingin mencadangkan kepada pihak yang berkenaan akan dapat menyediakan satu *National Utility Lay-Out Plan* yang lengkap untuk semua perkhidmatan-perkhidmatan utiliti yang berkenaan untuk digunakan sebagai rujukan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa mahu bercakap.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Pada Majlis

Permesyuaratan yang lalu kaola pernah menimbulkan mengenai dengan kesesakan Jalan Jerudong bermula dari persimpangannya dengan Jalan Tutong hingga ke Simpang 250, Jalan Jerudong. Projek ini tidak termasuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi. Sebab-sebab kesesakan ini ialah kerana jalan ini masih belum dibina secara berkembar atau *dual-carriage way*, selepas Simpang 250 barulah dibina *dual-carriage way* hingga ke Jerudong Highway.

Oleh kerana kaola tidak mengetahui statusnya masa ini maka kaola ingin menimbulkan perkara ini sekali lagi kerana disebabkan ketiadaan *dual-carriage way* ini kereta-kereta yang menggunakan Jalan Jerudong dari Jalan Tutong bertambah sesak. Keadaan jalan ini akan bertambah sesak lagi apabila Jalan Jerudong menuju ke Kampung Katok dan Tungku sudah tembus kerana pemandu-pemandu dijangka akan banyak menggunakan jalan pintas yang baru ini.

Selain daripada itu, jalan penghubung atau *link-road* dari Tutong ke Jalan Gadong iaitu dari persimpangan *traffic light* di Bukit Telanai menuju ke *traffic light* simpang empat Jalan Gadong adalah juga terlalu sesak kerana jalan ini mempunyai dua lane sahaja dan terdapat dua buah sekolah di sepanjang jalan ini. Projek ini mungkin sudah disentuh dalam penerangan awal Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi. Jika belum maka inilah saya timbulkan perkara ini sekali lagi.

Seterusnya kaola ingin menimbulkan mengenai dengan longkang besar di sepanjang Jalan Sungai Tampoi, Jalan Mulaut hingga ke Kampung Bebatik yang sudah siap pembinaannya pada musim hujan lebat yang berpanjangan pada bulan Disember 2010 hingga Januari 2011. Alhamdulillah, kawasan kampung-kampung yang berkenaan tidak mengalami banjir seperti sebelumnya kerana adanya longkang besar yang telah siap dibina itu. Di atas usaha kerajaan ini, penduduk-penduduk berkenaan bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, sebagaimana pernah kaola timbulkan di Majlis Mesyuarat yang lalu, jambatan-jambatan yang menghubungkan Jalan Sungai Tampoi, Jalan Ban 3, Ban 4 dan 5 dengan Jalan Mulaut belum lagi dibina untuk membolehkan digunakan oleh 2 buah kenderaan dalam satu masa. Jambatan yang ada hanya boleh digunakan oleh sebuah kereta sahaja dalam satu masa. Ini telah menyebabkan kesesakan semenjak dari dahulu hingga sekarang. Saya berharap jambatan-jambatan tersebut akan dapat dibesarkan dengan secepat mungkin. Itulah sahaja Yang Berhormat Pehin Pengerusi, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Goh.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi,

masalah sesak jalan raya ini pun sudah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Tapi kaola punya pertanyaan ringkas sajalah. Masa ini di Brunei kita punya jalan ialah satu *one-way*, iatah masalahnya ani *one-way*. Kalau boleh buat *one-way* dengan segera membuat *diversion*. Kalau orang itu mahu Jalan Tutong ia mahu pergi Gadong ada satu *road diversion* untuk diorang punya destinasi yang ingin mereka pergi. Dan dua ini ialah kalau terdapat *fly-over*, ini akan belanja yang besar sikit, saya fikir bolehlah selesaikan ini.

Kaola mahu macam ada empat perkara yang saya ingat sangat mustahak. Masa ini kereta lama pemilik-pemilik kereta lima belas tahun ke atas, jika boleh dipantau untuk orang menggunakan dari masa sibuk, kawasan sibuk dengan hadkan untuk orang masuk pada kalau boleh pada jam 6.00 pagi sampai jam 6.00 petang. Nombor dua ini, begitu juga kalau ada kemalangan di jalan raya, kereta yang terbabit perlulah diselesaikan dengan cepat..

Yang Berhormat Pengerusi: Maaf Yang Berhormat, kalau mengenai dengan kereta atau kenderaan, barangkali ada tempatnya karang di Jabatan Pengangkutan Darat.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Pehin, *this one I want to tell how to settle the.*

Yang Berhormat Pengerusi: Inda Yang Berhormat maksudkan tadi umur 15 tahun atu apa kereta apa?

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:

Kereta lama bah, kalau boleh kitani hadkan diorang masuk di bandar dari jam 6.00 pagi sampai 6.00 malam.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali saya cadangkan baik jua perkara ini kalau Yang Berhormat Pehin mahu meneruskan ditimbulkan bila kitani membincangkan Jabatan Kenderaan Darat nanti.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola minta diizinkan ini sudah *halfway* ni, inda jua bisai kalau barang *halfway* inda itu.

Yang Berhormat Pengerusi: Tapi kalau inda relevan kepada perkara yang dibincangkan Pehin, inda jua nyaman orang mendengar.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, *this one relevan* ni Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kemalangan kereta di jalan raya, kereta yang tersebut ini perlulah diselesaikan dengan cepat untuk mengelakkan kesesakan jalan raya ini. Kalau boleh polis mesti ada satu *special equipment* untuk ambil gambar diorang, kalau diorang tunggu polis *that is the cause of the jammed*.

Yang ketiga Yang Berhormat Pehin Pengerusi, masalah kontraktor membaiki jalan raya hendaklah bekerja di waktu malam. Ini tentulah boleh mengelakkan kesesakan.

Yang keempat, perlulah ambil itu perhatian pada masalah ibu bapa yang mengambil

hantar anak-anak mereka ke sekolah. Kaola percaya menteri yang berkenaan ini lebih mahir tentang hal ini. Adalah diharap menteri yang berkenaan ini mencari inisiatif yang baik untuk menyelesaikan hal ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dari Daerah Tutong.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola sedikit saja ni, inda berapa banyak. Kaola menyambut baik apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi ada melibatkan sungai di Daerah Tutong. Agak lapang jua telinga mendengarnya. Apa yang kaola harapkan bahawa supaya rancangan ini siap dilaksanakan pada masa-masa yang tertentu. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Haji Ahad, Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Alhamdulillah sebagaimana jua yang dimaklumi oleh seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui media massa dan Radio Televisyen Brunei, sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Pembangunan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Belanjawan RKN 2009-2012 telah menyediakan peruntukan sejumlah \$2.8 juta bagi projek kajian kemungkinan pembinaan jalan jambatan penghubung dari Daerah Brunei Muara dan ke Daerah Temburong untuk dilaksanakan. Kaola sukacita ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pehin Menteri Pembangunan akan dapat menjelaskan setakat ini sejauh manakah penilaian projek kajian itu sudah dibuat? Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pembangunan barangkali ingin menjawab.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persoalan yang pertama daripada Yang Berhormat Dato Haji Idris, mengenai dengan perintah *Professional Order* insya-Allah perkara ini seperti yang telah pun, yang kitani buat masa inilah, perkara ini sudah pun menyampai ke penghujung jalan, *not that end, but almost conclusion* lah maksudnya. Jadi insya-Allah perkara ini akan dapat diluluskan secepat mungkin dan akan berkuat kuasa dalam tahun inilah insya-Allah.

Termasuk juga penubuhan *Board of Registrar* seperti yang dimaksudkan, perkara ini ada terkandung di dalam perintah tersebut. Dan saya rasa setelah kitani sekian lama menangani perkara ini akhirnya perkara ini akan selesai dan mudah-mudahan perkara ini akan melegakan ahli-

ahli profesional di negara ini. *It should be coming within this year, if not within couple of week* ini.

Mengenai dengan projek-projek dan *implementation* mengenai *infrastructure cable* dan sebagainya, perkara ini sebenarnya in da seharusnya berlaku di mana kontraktor-kontraktor merosakkan *cable* ataupun *wiring-wiring* yang sudah ada yang ditanam di tanah. Jadi perkara ini, dari masa ke semasa masih berlaku, maka pihak Kementerian Pembangunan akan mengambil beberapa langkah lagi yang bersesuaian supaya perkara ini in da berlaku. Dan cadangan Yang Berhormat tadi supaya mengadakan satu *national utility outlet plan* itu mungkin akan dilihat dari segi kemungkinan untuk mengambil langkah tersebut itu seperti yang dicadangkan insya-Allah.

Beralih kepada soalan Yang Berhormat Dato Haji Puasa mengenai dengan kesesakan di simpang ataupun di Jalan Jerudong, Jalan Tutong itu bermula dari Simpang 250, perkara ini kalau in da termasuk dalam perancangan Kementerian Pembangunan pada masa ini akan diteliti dari segi apakah ada keperluan untuk pembesaran jalan itu ataupun menambah *carriage waynya* seperti yang dimaksudkan. Perkara ini akan dikaji insya-Allah dan hasilnya akan dikongsi nanti dengan pihak-pihak yang berkenaan. Kita juga melihat sendiri bagaimana keadaan kesesakan itu berlaku di setiap waktu. Jadi mungkin perkara ini patut jua kitani ambil tindakan kalau ia masih belum ada dalam perancangan Kementerian Pembangunan.

Alhamdulillah longkang Jalan Tampoi dan jua Mulaut, Bebatik yang sudah siap, tidak lagi menimbulkan banjir dan *feedback* yang macam ani lah yang kitani perlukan supaya kitani tahu bahawa usaha-usaha kitani itu untuk menangani banjir tu, masalah air naik dan sebagainya itu dapat diatasi dengan apa yang sudah kitani projek-projek sudah kitani dilakukan. Jadi diharap *feedback* seperti ini akan terus diberi kepada kita, jika masih ada masalah, kita akan mengambil tindakan yang bersesuaian, jika sudah selesai, Alhamdulillah kita akan berpindah kepada kawasan-kawasan lain lagi.

Mengenai jambatan-jambatan di Sungai Tampoi, Jalan Mulaut untuk dijadikan 2 lane, jika perkara ini belum ada dipertimbangkan. insya-Allah kita akan meneliti dan jika bersesuaian akan menaikkan tarafnya kepada 2 lane lah seperti yang dikehendaki oleh pihak yang berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Pehin Goh mengenai dengan mengapa sebahagian itu in da dijadikan *one way* untuk melicinkan perjalanan supaya tidak menimbulkan kesesakan. Perkara ini mungkin dapat dibincangkan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain supaya Majlis Keselamatan dengan pihak *Communication*, Pasukan Polis dan sebagainya. Jadi perkara ini akan dibincangkan. Mengenai dengan kereta lama ani mungkin bukan di bawah Kementerian Pembangunan. Jadi biar tia agensi yang berkenaan karang dapat menjawab.

Mengenai kontraktor yang membaiki jalan supaya dapat membuat pada waktu malam yang sebenarnya kontraktor-kontraktor, memang bekerja waktu malam jua seperti yang kitani ketahui jika pun ada di waktu itu siang mungkin diambil waktu *Sunday* dan sebagainya kadang-kadang kitani membuat kerja itu ada *date linenya*. Kadang-kadang ada agensi-agensi yang terpaksa dilakukan di masa-masa yang *inconvenient* kepada pengguna-pengguna jalan yang lain. Tetapi seberapa yang boleh kita membuat kerja itu ataupun kontrak itu pada waktu malam seperti yang ada berlaku pada masa ini.

Masalah ibu bapa mengambil anak-anak sekolah adalah rancangan masa ani untuk memindah sekolah-sekolah yang ada di tepi-tepi jalan itu ke kawasan-kawasan yang lebih teratur supaya tidak timbul kesesakan di jalan raya apabila waktu sekolah. Jadi perkara ini dalam perancangan pihak Kementerian Pembangunan dan juga saya percaya dengan Kementerian Pendidikan.

Mengenai seruan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera supaya apa jua rancangan akan siap pada masa-masa yang tertentu. Insya-Allah perkara ini memanglah dalam kontrak kitani dengan pihak-pihak pemborong, mana-mana projek itu seharusnya siap dalam tempoh telah pun dipersetujui. Tetapi mungkin ada beberapa perkara yang menyebabkan kelambatan sesuatu projek itu. Jadi in da perlulah saya huraikan di sini kerana memang ada masalah seperti cuaca tia misalnya, bahan-bahanpun in da tia ada datang *on time* masalah pekerja dan sebagainya. Kadang-kadang masalah kewangan daripada pihak pemborong pun menyebabkan projek-projek

yang telah dirancang itu lambat siap dan sebagainya. Jadi perkara ini walau macamapun akan diambil tindakan dan akan diatasi dengan sebaik yang mungkin.

Persoalan yang seterusnya daripada wakil daripada Daerah Temburong mengenai jambatan penghubung antara Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong. Sebagaimana yang kitani ketahui, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, bahawa satu Syarikat Konsultant Antarabangsa telah pun dilantik untuk membuat kajian kemungkinan *feasibilities study* mengenai dengan projek jambatan penghubung diantara Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong. Kajian masih dilakukan dan dijangka siap pada hujung tahun ini. Skop kerja kajian kemungkinan ini termasuklah cadangan-cadangan laluan dari mana jambatan itu akan bermula dan di mana ia akan berakhir. Jadi terdapat 3 ataupun 4 cadangan yang telah pun dikenal pasti *convert* yang masih dalam perundingan sama ada kitani bersetuju kah anda.

Satu daripadanya cadangan mereka sama ada dari Serasa Industrial Estate menuju ke Kampung Piasau-Piasau ataupun Labu Estate atau daripada Pantai Mentiri *Golf Course* ke Piasau-Piasau ataupun Labu Estate dan yang ketiganya dari jalan penghujung Mentiri ke Bangar, Labu Estate ataupun daripada Pantai Mentiri *Golf* kawasan sana hingga ke Bangar.

Dan semua cadangan-cadangan laluan ini harus jua dikaji dengan lebih teliti dari segi impaknya kepada persekitaran seperti *mangrove swamp* yang ada di Temburong

atau, impak kepada pemilikan tanah mungkin perlu jua proses pengambilan tanah *acquisition of land* di Temburong so impaknya kepada pemilik-pemilik tanah yang *private*. Impak kepada penduduk Daerah Temburong itu sendiri di mana laluan yang bersesuaian untuk perkembangan Bandar Bangar dan juga kampung-kampung yang berhampiran. Impak ke atas Bangar ada di khuatiri hari itu, kalau Bangar jambatan ini tidak ada *ending* di Bangar mungkin Bangar *will become ghost town* ada jua di khuatiri jadi perkara ini diambil maklum jua dan dalam perbincangan masih.

Impak keatas sosial dan ekonomi bukan saja di Bangar, malah kepada seluruh negara. Impak kepada keselamatan laluan bagi kapal dan *boat* sebagainya. Semua ini diambil perkiraanlah dalam kajian kemungkinan ini. Di samping itu, jika kos pembinaan jambatan itu tinggi seperti yang kita jangkakan lebih tinggi maka perlu juga kita meneliti beberapa modal *public private partnership* yang boleh diguna pakai untuk mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai projek ini.

Ini pun masih dalam pemikiran dalam perbincangan dengan konsultant yang telah pun membuat kerja ini dan kesemua ini akan diambil kira dalam *consultation feasibility study* yang dijangka siap insya-Allah pada penghujung tahun 2011 ini.

Walau macamapun, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam hal jambatan ini tidaklah bermakna bahawa jambatan ini akan tersergam dalam setahun dua ini. Sebabnya banyak lagi *study-study* yang harus dibuat seperti *engineeringnya*, dari segi *designnya*, dari segi lebarnya kah misalnya perlu

jua dibincangkan dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, saya rasa perkara ini sudah berjalan, kajian sudah bermula dan *all the pointers* dengan perundingan dengan pihak yang lain *stakeholders* yang lain banyak berpendapat bahawa jambatan ini mungkin harus dibangunkan dan mendatangkan banyak faedah kepada bukan sahaja di Daerah Temburong malah kepada seluruh negara.

Jadi, dari segi kemungkinan, saya tidaklah dapat berjanji di sini, sejauh mana kemungkinan itu menjadi kenyataan tetapi *study* yang telah dibuat perbincangan-perbincangan dengan para *stakeholder* menunjukkan satu arah yang positiflah mengenai dengan ini. Hanya bila, akan ditentukan setelah kajian ini selesai dibuat itu. Itu saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi soalan yang dapat saya jawab.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat. Barangkali masanya sudah sampai bagi perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan selama 30 minit. Terima kasih.

(Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis besidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, untuk menyambung semula membincangkan Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012 maka Majlis

Mesyuarat Negara ini ditangguhkan. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Majlis Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya, kita masih lagi membincangkan Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan. Maka saya bukanlah perkara ini untuk perbincangan. Terima kasih Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya hanya melibatkan Kementerian Pembangunan. Ringkas merujuk saranan yang dikemukakan oleh wakil Daerah Brunei Muara tadi mengenai masalah kesesakan jalan raya seperti mana yang ditimbulkan oleh beliau dan beliau menyarankan supaya sebuah jambatan akan dibina melalui daripada Sungai Kebun ke Kampung Subok dan selaras dengan kenyataan Menteri Pembangunan pada beberapa bulan yang lalu menghendaki orang ramai menyumbang buah fikiran untuk mengatasi kesesakan jalan lalu lintas di Daerah Brunei Muara.

Alhamdulillah, sepertimana yang diterangkan oleh Menteri Pembangunan bahawa jambatan itu akan dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Kali Ke 10. Dan mengenai jambatan ini, Pelita Brunei telah pernah menyiarkan, pada 1993 menggambarkan sebuah jambatan akan

diwujudkan antara Sungai Kebun dan Subok. Kemudian tujuannya ialah untuk memudahkan penduduk-penduduk sekitar. Tetapi keadaan pada masa itu tidak diperlukan kerana tidak mendesak, belum relevan. Alhamdulillah, sesuai dengan masanya pada masa ini dan untuk jangka panjang jambatan itu diwujudkan dan majlis percaya tentulah pihak-pihak tertentu akan memikirkan, jangan hanya mengharapkan pada pihak kerajaan sahaja dan dibuka kepada swasta dan sama ada pelabur-pelabur tempatan ataupun pelabur-pelabur dari luar negara. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain. Yang Berhormat Dato Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin menimbulkan dua perkara:-

1. Dalam permesyuaratan kitani pada tahun 2009 dan 2010 saya ada mencadangkan agar satu Skim Perkhidmatan untuk pegawai-pegawai profesional teknikal Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diadakan supaya ianya sebanding dengan jawatan-jawatan pegawai kerajaan yang lainnya, saya ingin tahu apakah kemajuannya sehingga ini; dan

2. Yang saya ingin timbulkan di sini ialah pengiktirafan institusi-institusi profesional tempatan seperti Puja iaitu Persatuan Ukur Jurutera dan Arkitek yang berusia lebih kurang 20 tahun dan persatuan *BIG* iaitu *Brunei Institution of Geometric* yang berusia lebih kurang dalam 8 tahun. Pada ketika ini pihak kerajaan hanya mengiktiraf institusi-institusi luar negara seperti *MICE*, *RICS* dan *IRBA*. Saya ingin mencadangkan institusi-institusi tempatan ini juga diiktiraf kerana ianya bukan sahaja sebagai *reflection* kehendak institusi-institusi luar negara tadi juga ditambah dengan keadaan dan kehendak Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat. Ada lagi. Yang Berhormat Pehin Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Dewan. Saranan ataupun apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman diambil maklum. Insya-Allah jambatan seperti yang telah ditimbulkan tahun 1993 dan kitani timbulkan lagi pada masa ini, insya-Allah akan dapat dilaksanakan sebabnya ada keperluan-keperluan terdesak yang memerlukan jambatan itu untuk dibina, insya-Allah perkara itu akan dilaksanakan.

Mengenai dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji

Yunos mengenai dengan Skim Teknikal yang sebenarnya Kementerian Pembangunan telah menyediakan satu cadangan Skim Perkhidmatan Teknikal yang pada mulanya dikhususkan kepada Arkitek Jurutera dan Jurukur bahan 1987 dan ianya telah pun melalui beberapa proses syarat-syarat yang dipinda berubah-ubah.

Jadi adalah masalah-masalah pentadbiran, masalah-masalah dalaman, dan juga masalah-masalah dari segi syarat-syarat yang dipinda atau berubah-ubah. Walau bagaimanapun didapati sekarang oleh kerana jumlah anak-anak tempatan yang berminat untuk memasuki perkhidmatan teknikal dan sebagainya sekarang berkurangan dan ini akan menjejaskan perancangan, pelaksanaan operasi dan pemeliharaan *infrastructure* ataupun prasarana yang telah dirancang atau pun yang sedang dibina ataupun yang dalam operation.

Dan perlunya untuk kitani menarik minat anak-anak tempatan untuk menceburi bahagian perkhidmatan teknikal ini. Maka langkah-langkah seterusnya adalah diambil untuk mempercepatkan lagi supaya Skim Perkhidmatan Teknikal, Kementerian Pembangunan ini adalah dapat diusahakan segera. Jadi untuk mempertahankan kapasiti dan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan tersebut maka tenaga mahir diperlukan dalam masa yang terdekat ini apabila generasi yang telah lalu, yang telah melalui proses pembinaan yang pesat ini mula bersara keluar dari perkhidmatan awam.

Dan ini bermakna sama ada anak-anak tempatan bangkit untuk meneruskan

perkhidmatan dalam bidang ini atau pun kita kembali ke zaman yang dulu yang mana kitani terpaksa menggunakan tenaga luar di dalam perkhidmatan teknikal ini, jadi pada pandangan Kementerian Pembangunan sebagaimana juga yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos ini eloklah jika Skim Perkhidmatan Teknikal Kementerian Pembangunan ini disediakan dan dibuat skim yang menarik supaya anak-anak tempatan akan dapat menceburi bidang teknikal, jadi perkara yang disentuh itu insha-Allah diambil, bukan sahaja diambil maklum telah pun diambil tindakan dan bersama-samalah kita berharap akan hasilnya nanti.

Mengenai dengan pengiktirafan institusi-institusi teknikal tempatan ini seperti yang diperuntukkan dalam Akta Profesional, Akta Arkitek, *Professional Engineer* dan juga *Survey Akta*. Dalam akta ini institusi-institusi lokal ataupun institusi teknikal PUJA dan sebagainya akan dibagi pengiktirafan yang sepatutnyalah seperti yang diberi pengiktirafan pada institusi luar negeri, insya-Allah.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya oleh kerana tidak ada lagi ahli-ahli yang akan mengemukakan persoalan maka Tajuk SK01A saya silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, minta maaf Yang Berhormat Pehin Pengerusi sebelum kitani berpindah pada tajuk-tajuk yang lain ada

beberapa persoalan tadi yang belum dijawab dengan sepenuhnya:-

1. Soalan dari Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa mengenai dengan jalan *dual carriage way* di Jalan Jerudong, sebenarnya perkara ini telah pun di *awarded* dan sebanyak \$14 juta telah pun diperuntukkan, jadi kerja-kerjanya ani insya-Allah akan bermula dalam sedikit masa lagi setelah ia ditapis karang dari segi tawarannya ani; dan
2. Soalan Yang Berhormat Awang Haji Shafiee mengenai dengan perancangan paip *concrete* di Sungai Liang Belait telah pun diperuntukkan dan insya-Allah perkara ini akan dapat dilaksanakan begitu juga dengan soalan mengenai dengan tiang-tiang letrik di Jalan Sungai Liang yang mana masa ani masih berada di tengah jalan raya sebenarnya perkara itu akan dipindah ke tengah jalan raya ada *dividing between* jalan baru dengan jalan lama. Jadi perkara itu akan diusahakan insya-Allah dalam tahun ini sudah ada usaha-usaha untuk mengambilnya untuk melaksanakan.

Mengenai dengan *utility mapping* perkara itu sudah ada pada masa ani dibuat diguna pakai secara peringkat-peringkat jadi masalah di mana kontraktar menggali lubang kemudian merosakkan aset yang sudah ada itu mungkin tak kan timbul lagi di masa akan datang, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Habis sudah jawabannya tu Yang Berhormat, Terima kasih. Maka Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan saya bukakan untuk perbahasan. Yang Berhormat silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Tajuknya ialah Tabung Perumahan. Dalam ucapan saya pada sidang penangguhan pada Mesyuarat Yang Keenam pada tahun lepas. Saya telah menyentuh mengenai ramainya permohonannya untuk mendapatkan rumah melalui Projek Perumahan Negara. Iaitu lebih kurang 15,976 permohonan pada tahun 1993 hingga 2001 dan saya difahamkan bahawa angka tersebut telah bertambah dan terus bertambah. Saya telah dimaklumkan oleh pemohon bahawa proses untuk dapat menduduki (memiliki) sebuah rumah melalui skim ini akan mengambil masa ada kalanya, ada di antaranya sampai 16 tahun daripada tarikh permohonan dihadapkan kepada pihak berkenaan. Oleh kerana pentingnya untuk memiliki sebuah rumah bagi seseorang yang sudah mempunyai keluarga, kerana dengan adanya rumah sendiri, kehidupan seseorang itu atau satu-satu

keluarga itu akan lebih mantap dan sempurna.

Dalam hubungan ini, ada di antara pemohon sudah lewat umur dan hampir bersara, baru mendapat jawapan untuk memiliki rumah. Persoalannya, bagaimana mereka hendak membayar harga rumah tersebut kerana mereka sudah hampir bersara? Mahu tidak mahu pemohon ini terpaksa membayar dengan wang baksis, itupun jika ada dan boleh melunaskan baki pinjaman tersebut, kalau tidak cukup untuk melunaskan pinjaman berkenaan, pemohon tersebut terpaksa berhutang. Dan bagi yang ada pencen mungkin boleh membayar secara bulanan dan bagi yang tidak berpencen, sudah tentu tidak dapat menjelaskan hutang berkenaan.

Alhamdulillah, pada tahun lalu 1431 Hijrah bersamaan 2010 Masihi, Majlis Ugama Islam telah mengambil langkah-langkah yang wajar kerana telah membantu mereka yang menanggung hutang, melunaskan hutang masing-masing melalui Asnaf Al-Gharimin. Terima kasih kepada Majlis Ugama Islam kerana telah mengambil langkah-langkah yang terpuji dengan menggunakan wang zakat pada tempatnya. Persoalannya bagaimanakah mereka yang bukan beragama Islam? Saya selalu dihubungi melalui telefon mengenai perkara ini dari kakitangan/pegawai yang telah bersara yang bukan beragama Islam untuk mendapatkan bantuan-bantuan melunasi hutang perumahan.

Saya telah menerangkan bahawa wang zakat hanya berhak diberikan kepada orang-orang yang beragama Islam. Dalam saya

bercakap bersama pemohon tersebut, saya telah menyarankan kepadanya, jika ingin mendapatkan wang zakat, saudara hendaklah memeluk ugama Islam. Apabila sudah memeluk ugama Islam, saudara akan berhak mendapatkan zakat iaitu Asnaf Saudara Baru, mualaf dan orang-orang yang menanggung hutang (Al-Gharimin). Oleh kerana ada pemiutang ini ada terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak beragama Islam, maka melalui majlis ini saya mencadang supaya kerajaan menubuhkan tabung perumahan. Tabung perumahan ini diwujudkan supaya:-

1. Dapat mengurangkan hutang kepada kerajaan bagi peserta Projek Perumahan Negara;
2. Tidak membebankan hutang kepada peserta dan keluarganya;
3. Mengurangkan penglibatan wang zakat bagi membayar pinjaman; dan
4. Inilah satu cara bagi meringankan beban hutang bagi kakitangan pegawai kerajaan yang bukan beragama Islam.

Syaratnya ialah bakal pegawai kerajaan atau swasta hendaklah menabung sekurang-kurangnya \$50 sebulan atau bagi mereka yang berpendapatan tinggi 5% daripada gaji bulanan, dihari pertama mereka berkhidmat. Ini bermaksud mereka sudah mempunyai simpanan untuk skim perumahan sekurang-kurangnya \$10 ribu dalam masa 16 tahun, tatkala itu mereka sudah pun memiliki rumah seperti mana kenyataan awal tadi. Anggaran

ini hanya perangkaan kasar dan sekiranya pandangan saya ini akan menjadi sebagai landasan, mungkin akan dapat diperbaiki dan diubah suai demi kebaikan, kebajikan mereka yang menghadapi hari persaraan nanti. Sekian, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, menyentuh perkara yang sama sebagaimana yang ditimbulkan oleh rakan saya sebelah sana tadi. Buat masa ini dianggarkan kira-kira 30 ribu pemohon perumahan yang masih dalam pendaftaran yang sedang menunggu ataupun *waiting list*. Sebanyak 17,500 buah perumahan dan lot-lot tanah akan diungkayahkan menjelang tahun 2014 di keempat-empat daerah di negara ini. Sekira-kira 10 ribu buah akan diusahakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan dan 7,500 buah akan dikelolakan oleh *BEDB (Brunei Economic Development Board)*. Diharap dengan pelaksanaan projek-projek yang sebanyak ini akan memendekkan tempoh masa menunggu bagi pemohon-pemohon dari kira-kira 17 hingga 20 tahun kepada 5 hingga 12 tahun.

Sukacita dipohonkan laporan terkini secara ringkas mengenai dengan projek-projek ini dan apakah perancangan Jabatan Kemajuan Perumahan seterusnya untuk menyelesaikan masalah-masalah penyediaan perumahan bagi baki pemohon-pemohon perumahan tersebut?

Juga baru-baru ini, satu pengisytiharan telah dibuat oleh kementerian berkenaan pada akhir tahun lepas. Mengenai dengan perancangan-perancangan bagi perumahan di masa depan yang menekankan kepada *vertical housing*. Soalan saya, adakah sudah kajian ataupun study yang dibuat bagi memastikan perumahan secara *vertical housing* ini ataupun rumah pangsa ini akan boleh dipersesuaikan untuk menjadi Skim Perumahan Negara. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, mengenai dengan isu rumah ini, terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan isu perumahan ini. Saya yakin isu ini adalah satu isu yang hangat terutama bagi mereka yang belum mempunyai rumah dan sudah menunggu sekian lama untuk diperuntukkan rumah. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat akan perkara ini dan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, berusaha pada membina seberapa banyak unit rumah yang boleh untuk menampung jurang di antara *demand* dengan *supply*, maka hingga terjadilah *waiting list* yang terlalu lama hingga ada yang harus menunggu 20 tahun sebelum mendapat rumah.

Berikutan dengan langkah-langkah yang telah diambil sejak dahulu hingga sekarang dan dengan adanya penglibatan *BEDB* dalam beberapa projek perumahan, insya-Allah masalah menunggu yang begitu lama akan menjadi *history*, jika semua berjalan seperti yang dirancang, kita akan mampu memendekkan kelamaan menunggu rumah kepada 5 hingga ke 12 tahun berbanding sebelumnya 17 hingga 20 tahun.

Pada masa ini jumlah rumah-rumah yang telah siap dan yang masih dalam pembinaan dan proses tawaran di semua daerah adalah seperti berikut, Daerah Brunei Muara, rumah-rumah yang telah siap di Kampung Rimba, rumah di bawah Skim RPN (Rancangan Perumahan Negara) sebanyak 399 unit di Kampung Rimba, di Kampung Lumapas 'A' di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, 238 unit, di Kampung Sungai Buluh *under* Skim STKRJ, 82 unit, di Kampung Katok 'B' dibawah Skim STKRJ juga 15 unit.

Jadi jumlah rumah yang siap di Daerah Brunei Muara, 734 unit yang telah pun diserahkan. Jumlah rumah ataupun lot dalam pembinaan di Kampung Rimba sebanyak 140 unit dalam proses penyiapan, di Kampung Meragang dalam pembinaan masa ini 1,583 unit, di Kampung Tanah Jambu 2,136 unit di bawah Skim RPN, di Kampung Tanah Jambu di bawah Skim STKRJ 356 unit, di Kampung Sungai Buluh di bawah Skim STKRJ 181 unit, Kampung Lugu yang baru pun dilancarkan di bawah Skim STKRJ 520 unit, di Kampung Katok 'B', skim STKRJ 990 unit. Sementara itu Kampung Mengkabau yang dikendalikan oleh *BEDB* 4,000 unit. Jadi jumlah rumah

ataupun lot dalam pembinaan 9,906 unit kesemuanya. Sementara itu jumlah rumah ataupun lot dalam proses tawaran pada masa ini di Kampung Lambak Kanan, di bawah skim RPN, rumah RPN dalam 420 unit dalam Rancangan Perumahan Negara. Maksudnya 420 unit di Kampung Meragang di bawah Rancangan Perumahan Negara, 350 unit, jadi jumlah 770 unit.

Maka keseluruhan rumah di Daerah Brunei Muara yang sudah siap ataupun dalam proses pembinaan dan yang telah pun siap untuk diserahkan ialah 11,410 unit. Sementara itu di Daerah Belait rumah-rumah yang telah siap, Kampung Lumut Sungai Liang di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara 177 unit. Jumlah rumah lot dalam pembinaan di Kampung Lorong Tengah di bawah Rancangan Perumahan Negara 334 unit. Di Kampung Lumut Sungai Liang juga di bawah Rancangan Perumahan Negara 1,494 unit. Kampung Mumong di bawah skim STKRJ 142 unit dan Kampung Pandan yang diselenggarakan oleh *BEDB* 2,000 unit. Jumlah semua rumah 3,970 unit. Jadi kesemua keseluruhannya ialah 4,147 unit di Daerah Belait.

Sementara di Daerah Tutong pula jumlah rumah lot dalam pembinaan di Kampung Bukit Beruang di bawah projek *BEDB* 1,500 unit. Dan di Kampung Bukit Beruang juga di tempat yang sama di bawah Rancangan Perumahan Negara, 758 unit. Jumlah keseluruhan di Daerah Tutong ialah 2,258 unit.

Sementara itu di Daerah Temburong jumlah rumah lot dalam pembinaan di Kampung Rataie, Skim Rancangan Perumahan

Negara, 176 unit, dan jumlah rumah ataupun lot dalam proses tawaran di Kampung Rataie juga 230 unit. Jumlah keseluruhan rumah di Daerah Temburong yang akan siap ialah 408 unit.

Sementara itu, jumlah yang masih menunggu yang permohonan mereka telah diperkenankan ialah 16,292, iaitu permohonan sehingga 2003 bagi Rancangan Perumahan Negara dan 1994 bagi Skim Kurnia Tanah Rakyat Jati.

Daerah Brunei dan Muara senarai yang menunggu ialah 12,263. Di Daerah Tutong 1,111, di Daerah Belait 2,620 dan di Daerah Temburong 298. Tetapi menjelang 2014, dijangka permohonan akan menjangkau 32,000 semua sekali. Ini bermakna masih ada *gap* sejumlah 15,000 unit lebih yang perlu dibina dan insya-Allah Kementerian Pembangunan akan berusaha pada mengatasi ataupun mengurangkan *gap* ini.

Cuma ingin saya mengongsi masalah yang kita hadapi Yang Berhormat Pehin Pengerusi dalam pembinaan perumahan ini. Selain dari masalah bahan bangunan yang kadangkalanya *supply*nya kurang daripada *demand* kitani. Kewangan pemborong yang kadangkala bermasalah. Masalah tapak dan sebagainya yang boleh menjejaskan pembinaan perumahan tersebut. Saya juga ingin mengatakan bahawa isu tunggakan juga mempunyai banyak impak ke projek-projek Skim Perumahan yang akan datang.

Maka, saya menyerulah setiap pemilik rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara ataupun di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, sama-sama bertanggungjawab

memastikan kesinambungan skim perumahan ini ataupun *sustainability* skim perumahan ini bagi generasi yang akan datang dengan membayar balik bayaran-bayaran rumah seperti yang telah ditetapkan.

Soalan seterusnya, mengenai dengan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman tadi mengenai dengan cadangan tabung perumahan. Perkara ini juga telah pun di cadangkan dalam perbincangan dalaman Kementerian Pembangunan. Jadi pemikiran itu selari jua dengan cadangan yang dibuat oleh cadangan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman.

Jadi perkara ini akan dibincangkan lebih mendalam lagi jika perkara ini *workable*, jadi perkara ini seharusnya boleh dijadikan salah satu usaha supaya penghuni rumah itu, orang mendapat rumah itu dapat membayar rumahnya melalui tabung perumahannya itu. Kerana disedari bahawa di masa-masa yang dulu ada yang sudah dapat rumah itu, apabila mereka sudah hampir berpencen. Jadi kemampuan untuk membayar itu tidak dapat disambung mereka. Dan dalam kebanyakan kes, mereka ini menyerahkan pembayar rumah itu kepada anak-anak mereka ataupun waris mereka. Perkara itu dibenarkan tu. Jadi walau macamanapun memang ada kebimbangan pemilik-pemilik rumah yang mereka sendiri ingin membayar jika ada peluang. Jadi perkara ini akan difikirkanlah dalam cadangan mengenai dengan tabung ini.

Mengenai dengan perancangan perumahan *vertical development* ini, sebenarnya

perkara ini akan kita usahakan dan masa ini, kitani *socialise* dulu isu itu, untuk mendapat reaksi orang ramai. Dan pernah perkara ini kitani sebarkan kepada orang ramai dan nampaknya maklumat dari orang ramai adalah sangat *receptive* kepada idea *vertical development* ani. Kerana selain daripada ia dapat menyelesaikan masalah kekurangan tapak di masa-masa akan datang. Kita ketahui tapak-tapak ini akan berkurangan.

Dengan ada perancangan pihak Kementerian Pembangunan untuk projek-projek perumahan dengan *vertical development* ini bukan saja rumah disediakan tetapi malah fasiliti-fasiliti lain yang dirancang untuk disediakan. Seperti tempat penggunaan *multi-purpose* kawasan dan sebagainya, kawasan riadah dan sebagainya itu mungkin menarik pemilik-pemilik rumah untuk tinggal di rumah yang di bawah skim *vertical development* ani.

Walau macamapun perkara ini masih dalam peringkat kajian dan insya-Allah jika respons daripada orang ramai begitu baik, perkara ini mungkin kita akan laksanakan secepat mungkin. Banyak perkara-perkara yang harus kita mesti selesaikan dulu seperti siapakah *target-target* kitani untuk *vertical development* ini. Seperti ada yang disuarakan oleh orang ramai jua bagi mereka yang mempunyai keluarga yang tua, yang sudah uzur, yang tinggal bersama mereka. Mungkin the *idea of vertical development* ani kurang menarik. Kerana terpaksa naik tangga dan sebagainya itu. Takut kalau-kalau lif rosak salah satu dari usaha kitani ialah *to make sure the lift*

will not be rosak di bangunan-bangunan yang tinggi macam ani.

Jadi perkara ini semua diambil kira dan insya-Allah kalau semuanya dapat diatur dengan baik, insya-Allah perkara ini akan dapat kita dilaksanakan di masa akan datang mengenai dengan *vertical development* ani. Yang lain-lain itu, saya rasa Yang Berhormat Pehin Pengerusi sudah terjawab barangkali, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya ingin menyentuh tajuk yang sama iaitu *vertical development, vertical housing*. Orang ramai sekarang bukan sahaja memerlukan tempat untuk kediaman tetapi juga berkehendak keselesaan, kekeluargaan, *extended family*, kejiranan, *environment* sekeliling seperti keselamatan harta benda dan kebersihan kebudayaan, suka-duka, majlis perkahwinan, kematian, seperti urusan mayat dan sebagainya. Dengan ini, saya ingin memberi sedikit *input* mengenai dengan *vertical development* ini. Dalam kita memikirkan isu perumahan, ia ada hubungkaitnya dengan perancangan *land use, land distribution, land availability dan social economy*. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara:-

Satu kajian SIA yang komprehensif dibuat untuk meneliti aspek-aspek yang lain seperti kekeluargaan, kebudayaan, cara-cara kitani hidup. Seperti tempat-tempat kitani berkebun iaitu untuk *supplement* pendapatan. Tempat letak kereta, trailer perahu, kem dan

sebagainya. Kekurangan tanah untuk perumahan pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah pun selesai membuat kajian *land use* dan *land availabilities* tadi. Dengan menggunakan maklumat ini, *costing* untuk *housing development* pada tempat-tempat yang difikirkan bersesuaian termasuk *cost benefit analysis* akan dapat dibuat agar kitani benar-benar pasti murah atau mahalnya memajukan sesuatu kawasan.

Tanah persendirian di Brunei ini cuma dalam anggaran 5% sahaja dan dari itu cuma 35% yang sudah dimajukan. Yang patut kita selidiki sekarang ialah kenapakah yang 65% belum dimajukan? Kita perlu mengambil kira tanah-tanah persendirian yang mana pemiliknya sudah berhijrah ke luar negeri, dengan meninggalkan tanah-tanah mereka tidak dimajukan dan tidak dipelihara. Terdapat juga tanah-tanah yang besar keluasannya yang dulunya ladang getah terbiar dan sekarang dipenuhi hutan-hutan. Tanah-tanah yang saya sebutkan tadi bolehlah diambil balik oleh pihak kerajaan bagi kegunaan orang ramai. Stok tanah boleh juga ditambah dengan membuat *land reclamation*, seperti di tepi-tepi sungai, kawasan-kawasan *shallow area* dalam kawasan Teluk Brunei yang anggarannya besar dalam 360 *km/square*, bukan saja untuk perumahan tetapi juga untuk perniagaan dan perindustrian.

Proses permohonan tukar syarat tanah dari pertanian ke perumahan akan dapat dipercepatkan. Sekatan terhadap *density* atau banyaknya pemecahan tanah yang bersyaratkan perumahan akan dapat ditiadakan terutama sekali bagi kawasan-kawasan yang berpotensi tinggi. Perumahan

pengurusan dan pentadbiran tanah juga akan dapat lebih efisien dan berkesan mengikut kehendak semasa.

Sebagai permulaan bolehlah dicuba 3 atau 4 tingkat sahaja, iaitu *walk up flat*. Satu *Management Cooperation* bagi setiap bangunan dan yang ahli-ahlinya terdiri dari penghuni-penghuni sendiri, perlu ditubuhkan yang akan bertanggungjawab di atas kerja-kerja *management maintenance* dan pembersihan kawasan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin menambah saja satu saranan, iaitu mengenai dengan Perancangan Perumahan Negara yang baru saja dikenalkan ani, walau macamapun sebahagian rakyat kebanyakannya memanglah menyokong penuh rancangan kerajaan ini, kerana perkara ini perkara baru memanglah sebahagian daripada rakyat ani masih meragui. Jadi apabila sudah perkara ini biasa setentunya tidaklah mendatangkan keraguan.

Walau macamapun saranan daripada kaola yang mana sungutan daripada orang-orang ramai, rancangan perumahan ini seharusnya mengambil kira tatasusila dan ciri-ciri keislaman. Sepertimana meluaskan kamar mandi, sebagaimana yang telah disuarakan tahun-tahun yang lalu tapi masih ada sungutan orang ramai. Rumah tersebut ada ruangan untuk membesarkan kamar

mandi ini, bagi kegunaan masa-masa tertentu seperti penghuninya meninggal dunia. Jadi itu lah harapan supaya diambil kira kamar mandi itu supaya diperbesarkan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya cuma ingin menambah sahaja mengenai dengan Jabatan Kemajuan Perumahan. Setiap rakyat yang ingin mengikuti Skim RKN biasanya dikehendaki mendapat 2 orang penjamin rakyat Negara Brunei Darussalam sebagai penjamin, sebagai syarat untuk dipertimbangkan. Yang pada ketika ini bukan senang, dan bukan semua orang menjadi penjamin kecuali keluarga terdekat kerana takut menjadi bebanan kepada penjamin itu sendiri di kemudian hari.

Saya sukacita mencadangkan supaya setiap pemohon yang masih bekerja di sektor awam atau juga sektor swasta, jika difikirkan bersesuaian tidaklah perlu ada penjamin. Simpanan TAP dan SCP mereka sudah barangkali memadai sebagai penjamin. Jenis rumah yang mereka boleh dipertimbangkan tertaklukkan kepada jumlah TAP dan SCP mereka masing-masing.

Peduduk-penduduk di Mukim Labi dan Mukim Bukit Sawat, meminta saya menyuarakan di dewan yang mulia ini, sama ada pihak Jabatan Kemajuan Perumahan mempunyai rancangan untuk menimbang

bagi mengadakan Rancangan Perumahan di Mukim Labi atau Mukim Bukit Sawat, bagi mengimbangi untuk mengurangkan penghijrahan penduduk di kawasan tersebut ke bandar. Kerana pada masa ini kebanyakan penduduk di mukim-mukim tersebut telah pun berhijrah ada di antaranya ke Seria dan ke Lumut. Dan sekiranya difikirkan logik mohon dipertimbangkan. Sekian, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Dalam rancangan masa pendek dan panjang, dalam Wawasan 2035, bahawa rancangan perumahan akan diadakan di Mukim Keriam. Sejauh ini apakah sudah perkembangannya? Kerana sudah lama yang kaola sentiasa mengikuti perkara ini hanya Rancangan Perumahan Negara di Bukit Beruang, ini satu pertanyaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan *Vertical Development* ini seperti

yang dinyatakan oleh Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, memanglah banyak isu-isu yang harus kitani tunduki seperti keperluan keselesaan keselamatan, suka duka dan sebagainya. Jadi memang perkara ini dalam kajian kitani perkara-perkara seperti ini akan diambil ingatan akan dimasukkan dalam pertimbangan-pertimbangan sama ada *Vertical Development Project* ini seperti kitani rancangan boleh berjalan ataupun tidak. Sebabnya walaupun kitani meneruskan *Vertical Development* ani *we will only do it* setelah kitani memastikan bahawa orang ramai ataupun orang yang bakal menduduki bangunan-bangunan tinggi ini akan mahu tinggal di sana bah. Kalau kitani inda membuat perkiraan-perkiraan yang tertentu yang mendalam kitani bangun saja mungkin projek kitani itu inda sampai hajatnya. *So we will not build something if we know* orang ramai inda kan suka. Ataupun tanpa kitani menyediakan kemudahan-kemudahan bagi orang ramai untuk tinggal di situ.

Jadi perkara ini memanglah kitani ambil maklum, walau bagaimanapun kitani mengucapkan terima kasih pada pandangan-pandangan yang telah pun diberikan dan *actually* pandangan-pandangan seperti ini diperlukan dari masa ke semasa, *up to the time when we finally decide* untuk membangun *vertical* rumah-rumah ataupun bangunan-bangunan di bawah projek *Vertical Development* ini. Jadi kitani mengalu-alukan pandangan-pandangan seperti itu, mana-mana isu-isu yang kadang-kadang inda kitani terfikir di Jabatan Perumahan Negara. Dengan adanya *feedback* daripada orang ramai, Ahli-Ahli Yang Berhormat apa perkara itu dapatlah

jadi menguatkan lagi ataupun memantapkan lagi rancangan mengenai *Vertical Development* ani.

Mengenai dengan *land use* ataupun *land availability* ani memang kita sudah ada *master plan*nya dan *master plan* itu telah pun diperkenankan untuk diedarkan ataupun untuk diguna pakai. Tetapi *master plan* ini ia mungkin boleh diubah ataupun disesuaikan dari masa ke semasa. Jadi *master plan is there*, sudah pun diperkenankan dan seboleh-bolehnya kita akan merancang pembangunan ataupun merancang penggunaan tanah dan sebagainya mengikut *master plan* yang telah pun dipersetujui itu. Jadi mana-mana isu yang berkaitan dengan penggunaan tanah, pemberian tanah ataupun perancangan mengenai dengan pembangunan, *zoning* dan sebagainya itu akan seboleh-bolehnya mengikut perancangan yang telah disediakan itu. Begitu juga isu-isu mengenai dengan *land recommendation* itu akan diusahakan mengikut perancangan itu.

Mengenai dengan mengapa 65% itu tanah yang ada di Brunei ani inda dimajukan, perkara ani bukannya inda dimajukan tetapi ada keperluan-keperluan lain untuk kitani mengekalkan 65% itu, tapi kalau keperluan yang lain itu lebih mendesak mungkin dapat kitani lihat lagi penggunaan tanah yang 65% itu. Jadi perkara itu sentiasa dalam pemerhatian pihak Kementerian Pembangunan.

Mengenai dengan beberapa persoalan daripada Yang Berhormat Haji Abu Bakar Mansor mengenai dengan saranan supaya dalam membina perumahan, isu-isu

tatasusila orang Melayu, ciri-ciri keislaman dan sebagainya itu diambil kira. Perkara ini memanglah sudah diambil kira. Beberapa buah rumah yang dibina baru ini atas pandangan daripada orang ramai jua maka bilik airnya telah diluaskan sedikit daripada yang biasanya untuk memudahkan pemandian jenazah dan sebagainya. Jadi perkara itu memang telah diambil maklum dan di masa-masa akan datang pun dalam design perumahan negara, Perumahan Skim Rakyat Jati mana-mana pandangan yang lebih baik itu akan diambil dan dimasukkan untuk dijadikan satu perubahan kepada perumahan-perumahan yang ada jadi kita berharap *feedback-feedback* musim ini akan sentiasa disampaikan kepada pihak perumahan.

Mengenai dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Shafiee tentang 2 orang penjamin sebagai syarat, perkara ini masih berjalan dan walau macamapun kita jua memikirkan di Kementerian Pembangunan sendiri sama ada menggunakan 2 penjamin ini berkesan ataupun tidak, apa tujuan asalnya dan sebagainya.

Jika perlu akan kita kaji dan jika tidak perlu misalnya akan kita tiadakan. Cadangan menggunakan simpanan TAP itu satu cadangan yang baik kerana kita masa ini menghadapi masalah pembayaran tunggakan. Jadi dengan adanya simpanan TAP boleh digunakan untuk membayar rumah ini mungkin perkara itu tidak akan timbul di masa akan datang.

Mengenai dengan cadangan sama ada kita ada perancangan untuk membina

perumahan di kawasan Mukim Labi dan Bukit Sawat, perkara ini pernah dibincangkan sebagai satu tajuk saja di Kementerian Pembangunan dalam usaha kita mencari tapak-tapak yang lebih bersesuaian. Insya-Allah kalau ada diperlukan di masa akan datang, mungkin tidak kita dapat menentukan pada hari ini mungkin di kawasan Labi dan Bukit Sawat dapat diadakan Skim Perumahan di sana jua.

Mengenai dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha dalam Wawasan 2035, kita berterima kasih dengan pandangan itu dan pertanyaan sama ada di Mukim Keriam ada projek perumahan. Ingin saya nyatakan memang ada, mungkin tidak tersebut kali ini tapi memang ada di Mukim Keriam. Insya-Allah akan dilaksanakan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Pembangunan. Terima kasih Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lagi ahli yang ingin mahu bercakap maka Tajuk SK02A - Kemajuan Perumahan diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SK02 - Jabatan Kemajuan Perumahan dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya saya bukakan untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji

Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang terhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan masalah-masalah kebanjiran telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi. Di sini saya ingin menyentuh mengenai dengan projek pembangunan dam air atau empangan air. Bercakap tentang *food security*, keperluan air juga tidak kurang mustahaknya bagi kita untuk boleh bertahan ataupun *sustainable* di masa yang akan datang. Selain daripada projek-projek penyediaan air bersih di Tasek Dam, di Mangkabau Dam, di Benutan Dam, di Kargu Dam yang di Labi, satu projek pembinaan dam ataupun empangan air yang sedang diusahakan di Ulu Tutong yang telah ditandatangani pada bulan Januari 2010. Projek yang memakan belanja sebanyak \$120 juta ini mempunyai *catchment area* sebesar 108 sq km dan kapasiti 100 cu metre dan yang begitu besar. Sukacita ingin saya mengetahui apakah status *progress* projek terkini dan apakah ada kerja-kerja EIA ataupun *Environmental Inspection Assesment* dilakukan sebelum kerja-kerja dimulakan.

Saya juga difahamkan yang projek ini mempunyai *potential* untuk di *develop* sebagai satu projek *hydroelektric*. Sebagai satu inisiatif untuk penyediaan perbekalan elektrik di negara ini, adakah sudah dibuat satu *facilities study* bagi membina *hydro electric plant* di tempat ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri

Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, kaola ingin menimbulkan pertanyaan yang pernah kaola timbulkan di mesyuarat yang lalu iaitu mengenai dengan ganti rugi tanah-tanah persendirian yang terlibat dengan pembinaan jalan raya di negara ini terutama sekali di kampung-kampung luar bandar. Menurut penerangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada waktu itu ialah kelambatan pembayaran ganti rugi ini disebabkan perkara ini masih lagi dalam proses pengukuran. Tetapi oleh kerana perkara ini sudah mengambil masa yang lama semenjak ianya mula ditimbulkan, kaola ingin tahu apakah penyukat jalan-jalan ini sudah selesai? Jika belum kenapa ia mengambil masa terlalu lama jika penyukatannya sudah selesai, bilakah ganti rugi tanah-tanah yang terlibat itu akan dapat dilaksanakan?

Mengenai dengan rancangan Sengkurong By-Pass yang mana hingga masa ini belum diketahui kedudukannya sama ada masih diteruskan ataupun tidak. Kaola menimbulkan perkara ini kerana tanah-tanah persendirian yang terlibat masih lagi dilarang untuk memajukannya kerana dikhuatirkan apabila Sengkurong By-Pass ini di jalankan tanah-tanah yang telah dimajukan itu akan terpaksa diganti rugi ke atas kemajuan-kemajuan yang terdapat di atas tanah tersebut. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola akan membentangkan dua perkara di dewan yang mulia ini:-

1. Pada masa ini di Kampung Senukoh, Mukim Labu, Temburong ada terdapat lima buah jambatan besi bagi kemudahan kepada penduduk-penduduk kampung tersebut sebagai penghubung dalam urusan harian. Adalah dipohonkan agar jambatan besi ini akan dapat dibuat kajian dinaik taraf untuk diganti dengan menggunakan jambatan simen. Perkara ini dipohonkan adalah disebabkan kerana kereta bomba yang besar pernah tidak dapat masuk melalui salah satu jambatan besi ini semasa pihak bomba dalam usaha untuk memadam api semasa kebakaran sebuah rumah penduduk berkenaan. Pada masa ini sudah lebih 40 buah rumah di Kampung Senukoh; dan
2. Ingin jua kaola maklumkan di dewan yang mulia ini, bahawa jambatan utama di Pekan Bangar iaitu Sungai Temburong dibina sudah lebih 40 tahun, dan jalan laluan tiga wilayah dengan kenderaan-kenderaan yang berat pada masa ini. Oleh kerana usia jambatan pada masa ini agak lama dari segi kekukuhan dan ketahanan dan keselamatan jambatan tersebut, maka kaola bertanya apakah ada dalam kajian pihak Kementerian Pembangunan, mengenai dengan kekukuhan jambatan yang ada pada masa ini. Dan adakah jua dalam perancangan Kementerian

Pembangunan untuk membina jambatan kedua yang lebih kukuh dan selamat untuk pengguna dalam masa jangka yang panjang? Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Bercakap mengenai Jabatan Kerja Raya ini, kaola sesungguhnya mengalu-alukan dan menyambut baik atas usaha Kementerian Pembangunan, menubuhkan satu badan atau sekumpulan pegawai akan dilantik sebagai peneliti penyampaian satu-satu objektif strategi yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kalau kita mengikuti perkembangan ini, maka ianya satu perubahan dan pembaharuan demi mempercepatkan pelaksanaan satu-satu projek siap pada masa yang ditetapkan.

1. Di sini kaola mengambil kesempatan bahawa Jalan Tutong supaya dapat dinaikkan tarafnya iaitu dari Mukim Sengkurong hingga ke Pekan Tutong, yang mana jalan ini sudah lama, ertinya tanpa yang lama tidak wujud yang baru; dan

2. Jalan Tanjong Maya dari Simpang 4 Lamunin hingga ke Lebuhraya Jalan Tutong dan ke Telisai. Ada beberapa tempat dinaiki air semasa banjir, kaola percaya bahawa Kementerian Pembangunan sudah maklum perkara ini. Apa yang kaola harapkan supaya ianya juga dinaikkan taraf; dan
3. Kaola sebagai wakil Daerah Tutong mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, yang mana Jalan Kuala Abang hingga ke Lamunin pada masa ini sedang dipersiapkan. Jadi supaya perkara ini akan dapat diteruskan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Soalan pertama daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris mengenai dengan status Projek Pembinaan Ulu Tutong Dam. Projek ini masih berjalan dan insya-Allah akan siap pada penghujung tahun 2013, *if everything* berjalan dengan baik.

Memanglah tujuannya untuk menambah keselamatan air ataupun *availability water* di Daerah Tutong, Brunei Muara District. Itulah sebabnya tujuannya Ulu Tutong Dam itu. Sama ada ia berpotensi untuk hidroelektrik, perkara ini telah pun dikaji dan hasilnya kerana jumlah air itu tidak mencukupi dan tadahan tidak cukup besar maka mungkin ia tidak cukup untuk tidak bertenaga untuk

dijadikan sebagai hidroelektrik itu. Jadi walau bagaimanapun, perkara ini akan dilihat lagi kalau ada kemungkinan-kemungkinannya. Pada masa ini kajian yang awal ini memang tidak ada kemampuan Ulu Tutong Dam itu untuk dijadikan sebagai satu sumber *hydroelectric power*.

Mengenai dengan projek-projek ini sama ada ia *EIA (Environment Inspection Assessment)* sememangnya memang ada *EIA (Environment Inspection Assessment)* itu dilakukan. Jadi perkara ini memang sudah dalam kontrak yang telah pun diberi mesti ada *EIA* termasuk dalam perkara itu.

Mengenai dengan isu penggantian tanah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa tadi. Gantian tanah di jalan-jalan kecil di semua daerah sudah pun dilakukan kecuali di Daerah Brunei dan Muara lagi. Jadi perkara ini akan kitani lihat apa lagi masalahnya untuk kitani mengatasi isu gantian tanah yang sudah lama ditunggu ini. Perkara ini memang perkara yang benar, tidak dapat kita *deny*, dan saya sendiri pun Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kalau ke masjid kalau ada berjumpa orangnya, memang orang itu menimbulkan masalah tanahnya belum berganti ini. Jadi perkara itu kitani maklumi dan kadang-kadang saya sendiri pun tidak dapat menjawab jua. Insya-Allah perkara ini akan diambil maklum dan akan kitani usahakan supaya lebih cepat pembayaran-pembayarannya itu.

Soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad tadi mengenai dengan jambatan di Daerah Temburong. Ingin saya menerangkan di sini Yang

Berhormat Pehin Pengerusi. Bahawa Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah pun menjalankan pemeriksaan ke atas jambatan utama Pekan Bangar yang menyeberangi Sungai Temburong pada tahun 2009, dan mendapatinya masih utuh dan kukuh untuk penggunaan lalu lintas yang lazim di jambatan tersebut, cuma memerlukan sedikit kerja-kerja pemeliharaan saja seperti mengurangkan hakisan di *bitumen* jambatan dan pengecatan semula cat-cat anti-karat terhadap kasau besinya.

Yang sebenarnya jua, memang ada rancangan yang telah pun diberi peruntukan bagi memeriksa jambatan-jambatan di seluruh negara. Dan perkara ini adalah aktiviti yang berterusan dan diperlukan untuk memastikan sistem perhubungan jalan darat sentiasa terpelihara.

Sebagai satu langkah kitani untuk bersedia sebarang kemungkinan yang akan terjadi ke atas jambatan utama Sungai Temburong. Kementerian Pembangunan akan memohon peruntukan bagi membuat kajian kemungkinan ataupun *feasibility study* untuk pembinaan jambatan kedua untuk menyeberangi Sungai Temburong dalam Peruntukan RKN Ke-10 ini. Insyallah jika ini terjadi nanti, ada kemungkinan jambatan tersebut dapat dibina dalam sesi RKN yang akan datang.

Mengenai penggantian jambatan besi atau *belly bridge* di daerah tersebut, seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Ianya adalah sebahagian daripada perancangan yang dijalankan oleh kementerian ini melalui

Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengganti semua jambatan besi di seluruh negara secara berperingkat. Dalam RKN Ke-9 ini, ada sembilan jambatan yang telah pun diluluskan peruntukannya untuk diganti. Tujuh buah di Daerah Brunei dan Muara, satu di Daerah Tutong dan satu di Daerah Temburong.

Projek di Daerah Temburong adalah Bokok, Belais siap 75% masa ini. Jambatan-jambatan yang selebihnya telah dipohonkan untuk diganti dalam RKN yang ke-10 ini. Saya sekarang Pehin Pengerusi beralih kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera mengenai dengan jambatan jalan raya yang dibuat memanglah dari masa ke semasa diteliti kesesuaian jalan raya baru ataupun jalan raya itu untuk diperbaiki dan sebagainya. Jalan Tutong sepertimana yang dicadangkan untuk dinaikkan taraf. Sudah ada dalam *discussion* atau dalam perbincangan dalaman Kementerian Pembangunan untuk membesarkan Jalan Tutong daripada Sengkurong hinggalah ke Jalan Tutong yang lama ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Jadi sudah ada perancangan dan belumlah sampai ada satu keputusan, tapi insyallah perkara itu dalam pemerhatian pihak Kementerian Pembangunan.

Begitu juga dengan jalan di Tanjung Maya, semua ini sudah ada dalam perbincangan dalaman di Kementerian Pembangunan Yang Berhormat Pehin. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Bakar Mansor, kalau boleh ringkas saja.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar

Mansor: Yang Berhormat Pehin, kaola menyampaikan 3 perkara:-

1. Mengenai dengan permohonan kaola yang lepas iaitu mengenai dengan pembinaan jejantas di Sekolah Sengkurong dan juga di kawasan menyeberang jalan Sekolah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dan juga jambatan besi di Sengkurong yang tadi telah pun dijawab. Jadi mudahan-mudahan jejantas-jejantas tersebut akan dilaksanakan;
2. Mengenai dengan menaik taraf jalan-jalan kecil di daerah-daerah di mukim-mukim Bandar Seri Begawan, kebanyakan jalan-jalan tersebut telah pun diluluskan untuk dinaik taraf oleh Kementerian Pembangunan yang mana jalan-jalan tersebut telah pun diluluskan dalam tahun 2009 dan juga tahun 2010 yang mana jalan tersebut belum dilaksanakan keadaan jalan-jalan semakin rosak. Jadi dipohonkanlah supaya jalan-jalan tersebut untuk dicepatkan, dinaik taraf; dan
3. Sebahagian longkang-longkang jalan di daerah ini kebanyakannya pembersihan jalan-jalan tersebut sekarang banyak menggunakan mesin untuk membersihkan, setentu keadaan longkang-longkang tersebut semakin luas dan dalam jadi dalam keadaan tersebut setentulah mendatangkan bahaya pengguna-pengguna jalan kerana longkang tersebut sebahagiannya dipenuhi oleh air. Jadi kalau berlaku kemalangan setentunya

perkara ini akan lebih membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan. Jadi dipohonkan dan dicadangan supaya jalan-jalan yang difikirkan perlu dipasang pagar dipohonkan untuk dipasang pada jalan-jalan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Haji Puasa ada pertanyaan ringkas.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Ada soalan kaola tadi belum berjawab mengenai dengan Sengkurong *By-Pass*. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Pehin Pengerusi. Mengenai *Sengkurong By-Pass* ini yang sebenar memang ada, *still going on*, memang ada dalam perancangan kitani dan akan dilaksanakan dalam masa tempoh akan datang. So inda hilang, atu masih ada.

Beberapa persoalan daripada Yang Berhormat Haji Bakar Mansor mengenai dengan pembinaan jejantas di Sekolah Chung Hwa dan di Sekolah Rendah Sengkurong memang ada peruntukannya sudah. Jadi akan dilaksanakan. Begitu juga pembinaan jejantas di Sekolah Rendah Sengkurong ani pun ada di dalam perancangan kitani dan insya-Allah akan dapat dilaksanakan secepat yang mungkin.

Penaikan taraf jalan-jalan kecil, perkara ini sudah pun dilaksanakan dan akan dilaratkan mana-mana kawasan yang belum ada dan dikira perlu. Mengenai dengan pembersihan banyak menggunakan mesin ini memanglah bahaya-bahaya yang ditimbulkan itu akan diambil perhatian supaya anda berlaku, supaya kebimbangan orang ramai akan dapat diambil maklum. Sekian saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Persidangan Jawatankuasa ini saya tangguhkan dan kita bersidang balik sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan akan bersidang lagi pada 2.30 petang. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung pada jam 2.30 petang

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula untuk terus membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012.

Maka bagi membolehkan majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa Penuh, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa masih lagi mengenai dengan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan. Pagi tadi jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya, yang mana belum lagi diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual. Sekarang saya bukakan pada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskannya.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

1. Keadaan trafik di Jalan Singamanteri, Kuala Belait sentiasa sesak di waktu-

waktu ibu bapa menghantar dan mengambil anak-anak mereka pergi dan balik dari Sekolah Ugama Sultan Omar 'Ali Saifuddin Kuala Belait. Kadang-kadang murid-murid menyeberang jalan tanpa memikirkan keselamatan mereka.

Saya ingin mencadangkan supaya sebuah jejantas dapat dibina bagi menyenangkan murid-murid menyeberang jalan dengan selamat dan mengelak sebarang perkara yang tidak diinginkan;

2. Saya ingin mengetahui sama ada perancangan untuk meneruskan cadangan membina sebatang jalan menyambung jalan ke Kuala Balai sehingga ke Mukim Labi, sebagai satu jalan alternatif berulang-alik dari Pekan Kuala Belait ke Labi. Saya pernah menyuarakan, mengutarakan perkara ini dalam mesyuarat-mesyuarat yang lepas, adakah masih dalam perancangan?
3. Ingin mengetahui juga tentang projek membisai Kuala Sungai Teraban di mana perkara ini saya pernah dimaklumkan di dewan yang mulia ini akan diusahakan. Apakah status mengenai projek tersebut? dan
4. Di ucapan penangguhan saya dalam permesyuaratan dalam tahun 2010, saya pernah menyuarakan tentang membaik-pulih, memperbisaikan tembok sungai dari Kampung Melayu Asli hingga ke Menara Cendera Kenangan (MCK) di Jalan Sungai, Kuala

Belait, untuk keselamatan dan eko-pelancongan. Juga disuarakan tentang pemeliharaan tanah gambut (*peat land*) yang ada di sepanjang Jalan Lumut Bypass dan Mumong. Adakah perkara yang saya bangkitkan ini masih dalam senarai tindakan, *action plan* Jabatan Kerja Raya untuk diambil tindakan susulan, sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Terima kasih, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk mahu bercakap. Maka sekarang saya silakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebentar tadi kaola ada menerima panggilan telefon daripada penduduk Kampung Sengkarai, mengenai keadaan simpang empat di Kampung Sengkarai yang didapati kadangkala merungsingkan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Jadi mereka mencadangkan dan meminta supaya diadakan jambatan atas ataupun *flyover* di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Terima kasih, sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menjawab.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, sekali lagi saya mengucapkan

terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun menghadapkan beberapa soalan.

Daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee mengenai dengan cadangan sebuah jejantas dibina di Jalan Singamanteri Kuala Belait, insya-Allah perkara ini kalau belum ada di dalam rancangan akan difikirkan, dikaji kesesuaiannya. Tetapi memandangkan kesesakan jalan itu insya-Allah perkara ini akan ditunduki dengan sehalus-halusnya.

Mengenai perancangan meneruskan jalan raya besar menghubungkan Kuala Balai dengan Labi, perkara ini seperti yang pernah dibincangkan, dan perkara ini sudah pun difikirkan di dalam Kementerian Pembangunan dan memanglah ada keperluannya perkara ini dibina. Tetapi memandangkan jua ada satu projek jua yang berdekatan iaitu Lumut – Telisai *Highway* yang mungkin akan merantas jalan ke Labi. Mungkin ini akan memendekkan masa perjalanan daripada Bandar Seri Begawan menuju ke Labi. Jadi dalam perkara itu perancangan itu walaupun masih *valid* sebagai satu perancangan tapi dari segi keutamaannya mungkin akan difikirkan sekali lagi, kerana ada satu projek yang lain berdekatan dengan kawasan ini.

Mengenai dengan pembisaian Kuala Sungai Teraban, perkara ini masih dalam perancangan dan dalam perancangan yang akan datang ini beberapa kawasan telah pun dikenal pasti, dan salah satu daripadanya ialah Kuala Sungai Teraban. Jadi di situ pun ada juga plan, ataupun *local plan* yang akan dibuat dalam tempoh yang singkat ini.

Mengenai dengan penggunaan tanah gambut perkara ini masih ada, masih dalam pertimbangan Kementerian Pembangunan dan kitani akan berusaha untuk mendapatkan pakar-pakar yang boleh membantu kitani dalam memelihara tanah gambut ini, *peat land* ini.

Soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman mengenai dengan simpang empat Kampung Sengkarai, insya-Allah perkara ini juga akan dilihat. Jika diperlukan, insya-Allah akan diusahakan tapi Kementerian Pembangunan sendiri berpendapat bahawa di simpang itu sangat berbahaya pada masa ini apabila trafik banyak. Insya-Allah perkara itu akan ditunduki, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim, kaola menimbulkan satu simpang menuju ke Perkhemahan ABDB di Penanjong. Semasa mereka keluar dari lebuhraya ianya terpaksa kalau untuk ke Tutong terpaksa beberapa meter berpusing balik untuk mengarah ke Tutong, jadi apakah perkara ini tidak boleh difikirkan supaya tempat ia berpusing itu didekatkan lagi di Simpang Bukit Panggal. Kaola rasa perkara ini patut diambil perhatian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan kepada Ahli Yang Berhormat. Perkara ini akan diambil perhatian dan akan diberikan pertimbangan yang sebaik-baiknya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mahu bertanya. Maka Tajuk SKO3A – Jabatan Kerja Raya diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SKO3A – Jabatan Kerja Raya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SKO4A – Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SKO4A – Jabatan Perancang Bandar dan Desa saya bukakan untuk perbincangan. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya akan menimbulkan mengenai dengan *Land Code Strata Act*. Sebenarnya *Land Code Strata Act* ini telah pun diluluskan pada tahun 2009,

yang mana ini akan membolehkan orang luar bukan rakyat Brunei boleh membeli dan memiliki properti-properti ataupun unit dari bangunan bertingkat di Brunei ini hingga ke 99 tahun. Tujuan *Land Code Strata Act* ini ialah untuk menarik pelaburan dari luar dan memberikan pertumbuhan dan memajukan sektor *real estate* di negara ini seterusnya ekonomi dari keseluruhannya.

Saya difahamkan proses-proses untuk meluluskan permohonan memakan masa yang begitu panjang. Saya ingin tahu sejauh ini berapakah sudah banyaknya permohonan-permohonan yang diluluskan dan berapa buahkah projek-projek di bawah akta atau pun akta ini sudah disiapkan buat masa ini?. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya ingin bertanya mencadangkan bahawa Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah pun selesai pembuatan *master plan*nya bagi seluruh negara sedangkan pembuatan *local plan* bagi kawasan-kawasan yang tertentu ada yang sudah siap, ada yang sedang dibuat dan ada yang akan dibuat.

Master plan adalah cadangan perancangan *land use* untuk seluruh negara secara *general*, sedangkan *Local Plan* adalah perancangan *land use* secara lebih *detail* bagi kawasan-kawasan tertentu.

Dalam proses *finalizing* setiap *master plan* atau *local plan input* atau pandangan daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang ada *interest* dalam hal-hal *land use* mestilah diperolehi. Dalam proses permohonan tukar syarat dan kemajuan tanah *local plan* adalah menjadi rujukan utama untuk membenarkan permohonan tadi.

Pada masa ini, semua permohonan-permohonan yang saya sebutkan tadi sebelum dimesyuaratkan akan terlebih dahulu diedarkan ke jabatan-jabatan untuk mendapat ulasan-ulasan yang kesesuaian permohonan. Proses ini bukan sahaja *duplicating* apa yang sudah diperlakukan terdahulu tetapi ianya juga akan memakan masa yang lama.

Saya ingin mencadangkan supaya *local plan*, *local plan* sahaja dijadikan *statutory document* dan disediakan *readily available* untuk rujukan orang ramai. Semua permohonan tukar syarat tanah akan hanya dirujuk kepada *local plan* yang berkenaan dan sokongan bersesuaian akan dibuat tanpa dimesyuaratkan dan semua permohonan untuk kemajuan tanah juga akan dirujuk kepada *local plan* yang berkenaan. Dan jika didapati bersesuaian permohonan tadi akan dibenarkan. Apabila kemajuan tanah sudah selesai, syarat tanah di dalam geran tanah di *adjust accordingly*. Proses ini bukan sahaja akan menjimatkan masa untuk mendapatkan kebenaran memajukan tanah, ianya juga boleh menjimatkan kos pentadbiran jabatan.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan *Land Code Strata Act* ini seperti yang telah dimaklumi telah pun diluluskan tahun 2009. Setakat ini kita hanya menerima 3 permohonan untuk dipertimbangkan. Jadi masalahnya, bukanlah inada ada perkembangannya tetapi masalahnya tidak banyak permohonan untuk menjadikan harta benda mereka ataupun bangunan mereka itu sebagai *strata title* untuk dibagi *strata title*. Kerana *strata title* ini bukanlah dibuat secara mandatori. Ia secara *voluntary* saja mana-mana pemilik bangunan yang akan menukar syarat bangunan mereka ke *strata title* mereka berhak memohon, jadi nampaknya belum banyak yang memohon. Bukan sebabnya *strata title* ini tidak berjalan tetapi belum banyak yang memohon.

Mengenai persoalan seterusnya daripada Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos mengenai dengan *master plan* dan *local plan* ini. Sebenarnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti yang dimaklumkan siang tadi, awal tadi telah pun meluluskan penyediaan satu plan pengguna tanah untuk tempoh 2006 hingga 2035 dan sekarang telah siap untuk dijadikan asas dan hala tuju pembangunan negara dari sudut kemajuan

fizikal untuk mendukung dan memangkinkan ekonomi yang berdaya tahan.

Plan-plan perancangan daerah bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong, insya-Allah akan siap tidak lama lagi, sementara untuk Daerah Brunei dan Muara akan dimulakan dalam tahun ini. Plan-plan ini telah meliputi 75% dari kawasan Negara Brunei Darussalam. Penyediaan plan-plan setempat ataupun *local plan* yang lebih terperinci di peringkat mukim dan kampung akan diteruskan di mana plan-plan ini akan digunakan sebagai panduan yang penting untuk membantu Kementerian Pembangunan memproses permohonan kemajuan bagi kawasan-kawasan tersebut.

Buat pada masa ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa mempunyai sasaran untuk menyediakan plan-plan setempat dalam tempoh 25 tahun untuk semua 33 buah mukim bagi mencapai Wawasan 2035. Plan-plan setempat yang sedang dalam peringkat penyediaan pada masa ini meliputi sebagaimana yang saya sentuh tadi Sungai Teraban, Sungai Liang, Lumapas dan Kasat, Bukit Panggal, Keriam, Bukit Beruang, Bukit Ambuk, Labu, Bangar dan Pendaruan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, plan induk atau *master plan* ini dan plan-plan kemajuan yang disediakan, bukan sahaja digunakan sebagai asas utama pertimbangan perancangan dalam pengendalian permohonan tapak, permohonan kemajuan tanah dan bangunan, malah ia telah digunakan oleh agensi-agensinya untuk melaksanakan

projek terutamanya bagi penyediaan infrastruktur. Ianya juga digunakan sebagai asas dalam penggubalan dasar kemajuan dan pentadbiran tanah di negara ini.

Adalah satu perancangan Kementerian ini untuk menjadikan plan perancangan dokumen berkanun ataupun *statutory* seperti yang dicadangkan supaya ia menjadi satu panduan mengarah hala tuju satu bentuk kemajuan di sesuatu kawasan. Ianya juga akan menjadi asas yang kukuh bagi mempertimbangkan permohonan-permohonan seperti penukaran syarat tanah dan permohonan-permohonan kemajuan mengikut zon yang telah ditetapkan.

Perintah Perancang Bandar dan Desa 1972 yang telah digubal semula untuk mengambil kira semua perubahan dan perkembangan yang terkini dan akan datang dan sedang dalam peringkat terakhir sebelum dihantar ke Pejabat Peguam Negara. Itu saja penerangan daripada kaola Yang Berhormat Pehin. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain mahu membahaskan perkara ini. Maka Tajuk SK04A – Jabatan Perancang Bandar dan Desa diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SK04A – Jabatan Perancang Bandar dan Desa dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK06A – Jabatan Tanah.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK06A – Jabatan Tanah, saya bukakan

untuk dibahaskan. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Yang Berhormat Pehin Pengerusi:-

1. Dalam ucapan menjunjung kasih pada hari pertama saya telah ada menyentuh mengenai tanah untuk membina rumah bagi orang-orang yang berkehendakkan rumah. Jadi ada penduduk-penduduk khususnya di kawasan Daerah Tutong, datang ke Jabatan Tanah untuk memohon mendapatkan tanah bagi mendirikan rumah iaitu mereka itu kebanyakan terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang berumur melebihi 40 tahun hampir akan bersara. Jadi jawapan yang diterima oleh mereka daripada Jabatan Tanah, “sekarang tanah untuk membuat rumah ataupun TOL ditutup belum lagi dibuka”. Jadi dalam hubungan ini, ingin majlis menerangkan kebanyakan yang akan memohon TOL ini terdiri daripada kakitangan kerajaan yang sudah berumur bagaimana yang saya terangkan tadi.

Untuk menyertai skim perumahan adalah satu masalah, membebankan bagi mereka kerana menyedari akan kemampuannya membayar balik. Jadi jika mereka ini diberi tanah secara TOL, mereka akan berusaha untuk membuat secara sendiri kerana mereka mempunyai pengalaman sesuai dengan kemampuan kewangan yang ada pada diri mereka. Majlis mengharapkan

kepada pihak-pihak berkenaan supaya prihatin dan peka kepada mereka yang berhajat hendak membuat rumah. Jadi untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi untuk memiliki rumah sendiri di atas tanah namanya sendiri;

2. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, mengenai kedudukan tanah *lease* iaitu tanah pajakan. Majlis difahamkan bahawa tanah-tanah geran yang cukup tempoh pajakannya biasanya tidak disambung secara asal (geran). Dan akan dibenarkan mengguna tanah tersebut secara TOL, walaupun tanah tersebut masih sebagai penjamin kepada Jabatan Perbendaharaan kerana meminjam wang untuk membina sebuah rumah di atas tanah berkenaan daripada pihak kerajaan. Soalan kaola, bagaimanakah hak pemilik terhadap tanah berkenaan, adakah selama-lamanya dalam bentuk TOL?. Bolehkah tanah berkenaan diberi geran semula setelah lima tahun kemudian seperti mana yang diamal pada masa ini oleh jabatan berkenaan?. Dicadangkan tanah berkenaan diberi secara kekal bagi mereka yang tidak mempunyai tanah, kerana dengan kekal tanah tersebut atau rumah tersebut akan menjadi waris kepada anak-anaknya; dan
3. Barangkali kaola terlupa tadi sepatutnya perkara ini dalam jalan, tetapi oleh kerana ia di bawah pembangunan biartah kalau Yang Berhormat Pehin Pengerusi membenarkan kaola akan bercakap.

Yang Berhormat Pengerusi: Ringkas saja kalau boleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih. Masalah banjir juga, tetapi terima kasih kepada Menteri Pembangunan telah menerangkan masalah banjir. Yang kaola terangkan ini ialah jalan untuk mereka keluar ataupun orang-orang kampung yang terlibat dalam banjir akan keluar ke bandar di Daerah Belait, Daerah Tutong dan Bandar Seri Begawan yang bekerja dengan kerajaan atau bekerja dengan swasta. Mereka ialah penduduk-penduduk Kampung Ukong, Bukit Rambai dan Kampung Merimbun, dicadangkan mereka menggunakan jalan Kampung Rambai Rampoi, Kampung Rambai Merimbun, Bukit Tulun ke Ukong kemudian melalui Bukit Udal kerana jalan ini adalah jauh dari tebing sungai.

Jadi untuk menggunakan jalan ini pihak kerajaan disyorkan menimbuk hanya di tempat-tempat tertentu, menaikkan dan meninggikan taraf jalan tersebut kerana jalan ini adalah jauh daripada sungai. Jadi dengan adanya jalan ini menjadi pilihan mereka bila berlaku banjir maka tidak ada masalah bagi mereka dan bagi pegawai-pegawai yang berkenaan untuk membantu mereka insya-Allah. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor tadi ada mengangkat tangan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin menimbulkan:-

1. Seperti kita sedia maklum bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara ketika ini sedang giat melaksanakan projek amal melalui Tabung Amal Jabatan Daerah. Alhamdulillah melalui kerjasama padu daripada pihak-pihak yang lain seperti Yayasan Haji Hassanah Bolkiah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Ugama Islam, syarikat-syarikat swasta dan Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Pembinaan rumah-rumah kediaman dan kerja-kerja baik pulih rumah-rumah kediaman bagi keluarga daif atau yang kurang berkemampuan di Daerah Brunei dan Muara telah dapat dilaksanakan.

Dalam melaksanakan projek amal tersebut, Jabatan Daerah Brunei dan Muara juga berhadapan dengan masalah-masalah bagi membantu golongan tersebut yang tidak mempunyai tanah sendiri. Dan pada masa yang sama, keluarga yang daif berkenaan tidak berkelayakan untuk memohon perumahan di bawah Skim Perumahan Negara atas berbagai sebab.

Seperti yang dimaklumi bahawa pada masa ini permohonan bagi mendapatkan tanah tumpang sementara masih lagi dibekukan. Isunya atau permohonannya dalam kita sama-sama memedulikan akan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, apakah pihak Jabatan Tanah tidak boleh memberikan pertimbangan khas kepada keluarga daif yang tertentu khususnya bagi keluarga yang dikenal pasti oleh

pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara yang benar-benar memerlukan rumah kediaman. Jadi mudah-mudahan perkara ini akan dapat difikirkan oleh pihak jabatan berkenaan; dan

2. Mengikuti suara-suara daripada orang ramai, mengenai dengan proses pemecahan tanah di negara ini, nampaknya masih lagi dikatakan terlalu lama untuk mencapai penyelesaian. Jadi mudah-mudahan pihak yang berkenaan akan dapat menerangkan lebih lanjut tentang kecepatan atau proses yang diamalkan ketika ini.
3. Mengenai dengan kedudukan tanah tempoh 50 tahun yang ditamatkan sebagaimana yang telah ditimbulkan pada tahun lepas, perkara ini masih lagi ditimbulkan oleh orang ramai iaitu mengenai dengan permohonan pertimbangan yang dipohonkan pada tahun lepas supaya pembayarannya diringankan kepada pemilik-pemilik tanah persendirian. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Haji Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Ahli Yang Berhormat. Dalam menyokong apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kaola menyentuh sedikit bagi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memohon Tanah Tumpang Sementara untuk perusahaan pertanian, orang ramai masih ada jua bertanya-tanya mengapa permohonan Tanah Tumpang Sementara (TOL) yang telah dibekukan permohonannya belum lagi dapat dibukakan kepada orang ramai. Khasnya kepada yang ingin berusaha Sama ada kecil-kecilan seperti tanaman pokok buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Saya ada dua perkara untuk diutarakan:-

1. Kampung Kuala Balai adalah satu kampung yang tua dan yang tidak lagi aktif pada masa ini kerana semua penduduknya telah berhijrah ke mukim atau Pekan Kuala Belait atas sebab-sebab berikut:-
 - i. Kerana mencari penghidupan baru; dan
 - ii. Sebahagian tanah yang bergeran yang bertempat di seberang Sungai Belait sekitar kawasan Sungai Damit dan Pengelayan tidak dapat dimajukan kerana tiada ada jambatan yang boleh menghubungi ke kawasan tersebut dan tiada kemudahan-kemudahan

asas selain dari menggunakan motor sangkut. Penduduk-penduduk yang mempunyai tanah bergeran di seberang Sungai Belait di sekitar kawasan yang saya sebutkan tadi, memohon supaya tanah-tanah mereka yang bergeran itu akan dapat ditukar ganti ke kawasan tanah yang lain, yang boleh dimajukan umpamanya di kawasan-kawasan di sepanjang jalan menuju ke Kuala Balai. Ini akan membolehkan mereka memajukan tanah masing-masing dan sekaligus Kampung Kuala Balai dapat dihidupkan kembali dan menjadi salah satu destinasi pelancong di negara ini. Mohon pandangan dan penjelasan; dan

2. Saya ingin mengetahui mengapakah ada sesetengah geran *title* tanah di antara satu pemilik tanah dengan yang lain statusnya tidak sama. Ada pemilik geran tanahnya bertaraf kekal dan ada yang diberikan *lease* 50 tahun sahaja. Pada hal, ada sesetengah tanah itu adalah dalam satu kawasan satu kampung yang sama. Diharap dapat penjelasan mengenainya. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan, mungkin ingin akan membalas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji

Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman. Mengenai dengan tanah TOL dan saya harap jawapan ini juga akan dapat menjawab pertanyaan daripada lain-lain Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana isunya sama jua mengenai dengan tanah TOL ini mengapa ia dibekukan.

Sebenarnya perkara itu dibekukan sementara kitani menunggu ataupun sementara kitani dapat menyediakan garis panduan mengenai penggunaan tanah ini, tanah-tanah TOL, tanah-tanah pajakan dan sebagainya.

Jadi, Alhamdulillah kajian ataupun garis panduan mengenai tanah ini telah pun selesai dan insya-Allah kalau sudah dapat diguna pakai maka ia akan digunakan sebagai garis panduan kepada pemberian-pemberian tanah termasuklah tanah-tanah TOL, tanah pajakan, tanah kegunaan untuk perusahaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya. Itulah jadi mengapa ia dibekukan kerana garis panduan itu belum selesai tapi Alhamdulillah perkara ini sudah hampir selesai. Jadi insya-Allah kalau sudah ada karang maka dapatlah kitani gunakan garis panduan itu sebagai dasar-dasar kitani untuk membenarkan penggunaan tanah atau pemberian tanah.

Mengenai dengan tanah pajakan ini cadangan supaya tanah TOL itu diberi tanah geran secara kekal. Perkara ini juga sedang dalam kajian yang juga bergantung kepada garis panduan yang akan disediakan. Kalau tanah itu digunakan untuk membina rumah seperti cadangan daripada

Ahli Yang Berhormat tadi, kita merasakan bahawa dengan adanya projek perumahan kita yang insya-Allah, jika semuanya berjalan dengan baik akan dapat kitani percepatkan maka dengan sendirinya permohonan-permohonan tanah TOL untuk membangun rumah mungkin tidak perlu lagi sebabnya rumah perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara dan juga di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati akan berjalan dengan lancar. Jadinya ertinya *waiting list* yang dulu itu mungkin sudah berkurangan, jadi dengan cara ini keperluan untuk mendapatkan rumah ataupun membangun rumah di tanah-tanah TOL tidak lagi diperlukan.

Walau macamapun perkara itu masih dalam kajian kitani. Jadi kita berharaplah keperluan-keperluan itu mungkin tidak perlu sebabnya kita juga ingin mengawal tanah-tanah TOL daripada diberi macam atau saja tanpa melihat cara menyeluruh kesan-kesan pemberian tanah TOL ini, kerana seperti yang sudah terdapat bukannya kesemua kes, terdapat jua kes-kes di mana tanah-tanah TOL ini yang diberikan disalahgunakan. Jadi untuk membisakan lagi penggunaan tanah TOL ini untuk membuat ia lebih sempurna, maka kita sediakan satu garis panduan, Apa dia jenis tanah TOL dan untuk tujuan apa ia boleh diberikan dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada usaha kitani untuk penggunaan tanah ini.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya jua tadi mengenai dengan masalah banjir dan dicadangkan jalan keluar di kawasan-kawasan yang berkenaan itu. Memang sudah ada *study* mengenai perkara ini, dan insya-Allah jika menurut daripada *study* itu

nanti diperlukan jalan-jalan keluar itu dibangun dibina maka kita akan membuat jalan-jalan keluar itu. Sebenarnya pihak kita sentiasa meneliti sesuatu keadaan itu sentiasa mengawas keadaan itu jika ada banjir, kalau dulunya kita rasa cukup dengan kita meninggikan dan menaikkan taraf jalan itu supaya tinggi dan akses jalan ke rumah dan keluar daripada rumah tidak terganggu. Nampaknya dengan berlakunya insiden-insiden baru ini, jalan raya-jalan raya yang ditinggikan itu pun nampaknya tenggelam jua. Jadi usaha kitani itu bukanlah setakat itu saja kita mencari usaha yang lebih berbeza lagi supaya kitani dapat mengatasi masalah kedalaman di kawasan-kawasan yang berkenaan itu. Jadi pihak kitani di Kementerian Pembangunan sentiasa meneliti dan mengawasi keadaan itu dan sentiasa akan memperbaikinya jika perlu. Jadi mana-mana cadangan daripada orang kampung juga dialu-alukanlah mana-mana yang dapat dipraktikkan dan dapat dilaksanakan akan dibuat. Mana-mana yang tidak dapat dibuat akan dimaklumkan, tapi walau macamapun kita akan mencari usaha yang lain.

Mengenai dengan rumah bagi orang-orang yang daif, tanah TOL ini sama jawapan yang telah saya berikan mengikutlah garis panduan yang telah pun diungkapkan dan mungkin garis pandu itu akan dapat diguna pakai untuk sebarang pemberian tanah sama ada untuk orang daif, sama ada untuk membangun rumah dan sebagainya.

Mengenai dengan pemindahan pemecahan tanah lambat. Perkara ini diakui ada setengah-setengahnya lambat dan insya-Allah dengan adanya garis panduan ini nanti

dapatlah kitani mempercepatkan proses pemecahan tanah ini. Sebenarnya isu tanah ini banyaklah yang akan kitani usai jua. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahad mengenai dengan tanah untuk pertanian, sebenarnya dalam garis panduan yang sudah kitani usahakan itu. Tanah-tanah pertanian akan kitani serahkan kepada kementerian berkenaan untuk menentukan pembahagian-pembahagiannya. Jadi kita akan membagi tanah itu bukannya secara *individual* tapi secara menyeluruh dan menyerahkannya kepada satu kementerian yang lain yang mengendalikan pertanian. Jadi mana-mana permohonan akan dapat disalurkan kepada kementerian berkenaan. Itu dalam perancangan kitani supaya akan kitani *allocate* di Daerah Temburong misalnya di mana kawasan yang perlu dibuat sebagai kawasan pertanian, di Tutong dan di Belait begitulah maksudnya.

Soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Shafiee mengenai dengan Kuala Balai kurang aktif dan oleh kerana orangnya akan berpindah sama ada bolehkah mereka diganti tanah. Mengikut peraturan yang ada, tanah gantian ini bukan satu perkara yang diamalkan. Tidak ada peraturan yang membolehkan kitani mengganti tanah seseorang itu jika tanah itu tidak dapat di *develop*nya. Kecuali barangkali kalau untuk perumahan, untuk satu perumahan sahaja kalau ia tidak ada tempat tinggal lain ataupun ianya sekeping tanahnya itu sahaja mungkin dapat dipertimbangkan tetapi kalau ia mempunyai banyak tanah lain seperti yang ada berlaku jadi tanah gantian seperti ini dalam peraturan memang tidak ada.

Jadi untuk menjawab soalan ini tertaklukkan kepada kes-kes tertentu kalau misalnya si pemohon itu in da ada tanah lain, ganya tanahnya, jadi in da dapat dibangunkannya oleh sebab-sebab tertentu maka mungkin dapat dipertimbangkan tapi kalau ada tanah-tanah yang lain jadi ertinya tidaklah dapat. Jadi atulah sahaja peraturan yang berjalan pada masa ini.

Tentang mengapa geran tanah tidak sama, perkara ini akan saya tanyakan kepada pihak berkuasa tanah untuk jawapan yang lebih jelas. Saya kurang faham tentang perkara ini, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Dalam permesyuaratan kitani pada tahun-tahun yang lalu saya ada menyentuh perihal *land reform* iaitu *land reformatting* seperti bentuk tanah iaitu tanah yang tidak boleh dimajukan, *land relocation* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Haji Shafiee tadi iaitu tanah-tanah yang terpencil yang tidak bersaiz, *land reversion* seperti tanah kecil yang diwarisi oleh ramai pemilik, masalahnya tanah-tanah sebegini ianya adalah tidak *economically viable* apa yang dikehendakkan supaya tanah-tanah ini akan dapat di *relocate* atau pun *direformat* supaya ianya dapat dimajukan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada penjelasan tambahannya Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin memberikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya rasa perkara ini telah pun dijawab, walau macamanapun *relocation* tanah ini ataupun diganti ke tanah, ke tapak yang lain supaya boleh *didevelop* dan sebagainya itu masa ini boleh dikatakan tidak ada, jadi walau macamanapun perkara itu diambil maklum dan akan dibincang nanti dengan pihak-pihak yang berkenaan, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Tadi ada salah seorang ahli dari salah sini menimbulkan mengenai dengan tanah *lease* supaya premium yang dikenakan untuk menyambung *lease* membaharui *lease* ini akan dapat diturunkan, sebenarnya kaola ingin juga mendengar penerangan dari pihak yang berkenaan mengenainya kerana perkara ini pernah kaola bawa di majlis seperti ini selama 3 tahun berturut-turut sebelum ini tetapi masih belum ada ketetapan yang membanggakan mengenai dengan bayaran *lease* tanah ini, untuk menyambung *lease* tanah ini. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Mungkin Yang Berhormat Menteri Pembangunan boleh memberikan jawapan yang membanggakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Saya akan mencuba Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sepertimana yang dinyatakan sebentar tadi perkara telah pun ditimbulkan tahun lepas dan jawapan yang diberikan ialah bayaran premium bagi tanah-tanah pajakan ini merupakan satu kutipan hasil kepada kerajaan. Begitu juga nanti kalau tanah-tanah di kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dan Rancangan Perumahan Negara ini yang ada tempohnya bersifat pajakan 99 tahun apabila rumah ini tempoh pajakannya mansuh, pemilik rumah STKRJ dan RPN juga akan dikenakan bayaran premium untuk menyambung selepas 99 tahun seperti peraturan yang ada pada masa ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Maka mengenai dengan bayaran premium ini saya harap jawapan sudah jelas kerana tidak ada dasar baru, bermakna ia akan diteruskan dan bayaran akan dikenakan. Walau bagaimanapun pihak Kementerian Pembangunan mengambil maklum akan beberapa permohonan yang diterima bagi premium diturunkan. Perkara ini selalu ditimbulkan dan kita di kementerian pun sering menerima jua permohonan daripada orang ramai supaya perkara ini ditiadakan.

Jadi untuk kita mengubah satu dasar itu bukanlah dapat dibuat dalam setahun ini barangkali, banyak implikasi-implikasi yang harus kitani fikirkan. Jadi walau bagaimanapun kita akan meneliti semua permohonan-permohonan itu semua sebelum kitani membuat perubahan ke atasnya, terutamanya mungkin kitani pertimbangkan sebagai satu pemikiran awal

daripada pihak Kementerian Pembangunan sahaja. Mungkin bagi mereka yang memiliki satu bidang tanah sahaja, jadinya kalau ia memiliki satu bidang tanah sahaja untuk rumah mungkin dapat kitani mempertimbangkan untuk premium itu ditiadakan. Ini tertakluk beberapa faktor lain dan mungkin jua mengikut keluasan yang tertentu, mungkin kitani akan meniadakan premium bagi suku ekar saja misalnya untuk membolehkan ia membuat rumah di sana.

Tetapi bagi mereka yang banyak memiliki tanah dan kita mungkin akan menimbangankan jika sebahagian sahaja tanahnya itu dikecualikan daripada premium tetapi *the rest of the land* itu ataupun ada *pieces of the land* diharuskan untuk membayar premium. Itu sahaja satu caranya barangkali untuk kitani memikirkan, ertinya bukanlah tujuan kitani untuk *penalized* siapa yang banyak tanah tetapi kalau tanahnya itu jenis bentuk *lease* maka dengan sendirinya dengan peraturan yang ada pada masa ini terpaksa ia membayar *premium* itu. Walau macamanapun di samping cara-cara itu kita juga mungkin dapat mengkaji dari segi *premium* yang dikenakan itu. Ada jua suara-suara yang mengatakan bahawa *premium* yang akan dibayarnya atunya 'mana ku terbayarnya \$35 ribu, \$45 ribu'. Jadi perkara-perkara ini akan diambil dalam pertimbangan kitani Yang Berhormat Pehin dalam mengkaji semula dasar pembayaran *premium* ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat saya harap jawapan Yang Berhormat itu akan membanggakan sekurang-kurangnya Pegawai Pemungut Hasil Tanah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Maka oleh kerana tiada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mahu mengemukakan soalan. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah diluluskan menjadi sebahagian dari Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SK06A - Jabatan Tanah dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK07A – Jabatan Ukur.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK07A - Jabatan Ukur dibuka untuk perbincangan. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu bertanya apa-apa mengenai dengan Jabatan Ukur ini, jadi oleh yang demikian, Tajuk SK07A - Jabatan Ukur, diluluskan menjadi sebahagian dari Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SK07A – Jabatan Ukur, dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, dibukakan untuk perbincangan. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Ringkas sahaja kaola kemukakan soalan ini. Strategi Alam Sekitar mengikut perencanaan kemajuan jangka panjang negara, iaitu Wawasan Brunei 2035 saya baca, ialah untuk memastikan alam sekitar dan persekitaran budaya dilindungi

dan dipelihara dengan sempurna. Dan di antara dasar-dasar yang dilaksanakan ialah menguatkuasakan peraturan-peraturan yang bersesuaian untuk memelihara alam sekitar yang boleh mempengaruhi kesihatan dan keselamatan. Soalan kaola, adakah peraturan-peraturan untuk memelihara alam sekitar sudah mencukupi dan juga adakah kementerian mempunyai kebolehan ataupun keupayaan untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan ini?

Saya timbulkan isu ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi oleh kerana pencemaran alam sekitar masih berlaku, tidaklah perlu saya sebut satu persatu pencemaran-pencemaran itu. Sebagai contoh, ada satu longkang besar di padang golf dekat dengan Lapangan Terbang, di sana didapati airnya berminyak-minyak hitam, saya percaya sisa-sisa minyak dibuang di sebelah ulu longkang ini. Ini bukannya perkara baru, sudah bertahun-tahun kaola nampak sisa-sisa minyak didapati di longkang ini, beberapa tahun yang lalu. Sekian, terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam Musim Pemesyuaratan Kelima di dewan yang mulia ini, kaola ada pernah bertanya di dewan ini. Apakah pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi atau JASTRE membuat kajian mengenai dengan kesan-kesan yang berpunca daripada kegiatan pengorekan batu kelikir terhadap alam sekitar di Temburong terutamanya di persekitaran

sungai di kawasan-kawasan yang terjejas. Ini adalah dalam memastikan alam sekitar di Daerah Temburong dapat dijaga di tahap yang optimum bagi generasi sekarang dan akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, isu yang akan saya bawakan ini juga sama dengan apa yang telah dibawakan oleh rakan saya tapi saya hanya ingin memberikan sokongan dan menerangkan serba sedikit mengenai dengan isu-isu *environment* yang sama-sama kita fahami adalah satu isu yang serius yang dialami di dunia keseluruhannya. Yang bererti kita tidak terkecuali juga dalam menghadapi masalah-masalah yang disebabkan oleh fenomena *environment* ini, lebih-lebih lagi yang disebabkan oleh perubahan iklim ataupun *climate change*.

Sebagaimana juga yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi, risiko-risikonya banyak lebih-lebih lagi kalau ianya tidak ditangani dengan baik. Alhamdulillah, Kementerian Pembangunan telah juga membuat berbagai-bagai usaha untuk mengatasi masalah-masalah ini, di atas usaha yang gigih itu, sangat-sangatlah dialu-alukan dan diucapkan setinggi-tinggi tahniah.

Di dalam kita menghadapi ataupun mengatasi masalah ini, adalah mustahak kita mempunyai satu *guideline* ataupun garis

pandu, peraturan-peraturan dan perundangan-perundangan yang patut diikuti dan dipatuhi, sebagaimana juga yang dibawakan oleh rakan saya tadi.

Dari itu sebagaimana yang telah saya timbulkan perkara ini, kebetulan juga saya timbulkan di mesyuarat-mesyuarat yang lepas, mengenai dengan *enforcement* ataupun mengenai dengan *Environmental Act*, yang saya difahamkan sekarang sudah dalam proses yang terakhir untuk diluluskan. Ingin saya juga bertanya di sini, bilakah kira-kiranya *Environmental Act* ini akan dapat diluluskan dan dikuatkuasakan?. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai iaitu mengenai dengan longkang yang diisi oleh minyak, sebenarnya itu kumbahan di airport, bukannya minyak itu sebenarnya. Jadi kekhawatiran itu tidaklah perlulah dikhuatiri, ianya bukan minyak bukan sebagai *waste*.

Mengenai dengan langkah-langkah mengawal alam sekitar secara perundangan ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi, pada masa ini ada 3 rangka peraturan yang bertujuan untuk mengawal dan memelihara alam sekitar, iaitu seperti berikut:-

1. Rangka peraturan kawalan pencemaran alam sekitar, yang mengandungi peruntukan mengawal pencemaran udara, air, tanah dan pengurusan bahan berbahaya, *hazardous material*;
2. Rangka peraturan penilaian kesan alam sekitar ataupun *Environmental Impact Assessment (EIA)* yang mengandungi peruntukan yang memerlukan projek-projek yang boleh menimbulkan kesan pencemaran terhadap sekitar untuk menghadapkan laporan kesan dan pengawalan pencemaran alam sekitar untuk diluluskan, sebelum cadangan itu diluluskan oleh *paper* yang lain. Jadi sebelum projek-projek itu diluluskan, mestilah dihadapkan laporan kesan dan pengawalan pencemaran; dan
3. Rangka peraturan pengurusan sisa buangan berbahaya yang mengandungi peruntukan yang memerlukan pihak-pihak yang berkenaan, mengurus penyimpanan, penghantaran, pengendalian, rawatan dan pelupusan sisa berbahaya dengan teratur dan sempurna.

Ketiga-tiga rangka peraturan ini adalah hasil daripada penelitian semula rangkaian peraturan pengawalan dan pemulihan alam sekitar yang telah siap pada tahun 2009 dan yang telah pun dilaporkan di dewan yang mulia ini. Jadinya ketiga-tiga rangkaian peraturan ini dikaji semula dan akan dihadapkan kepada pihak yang berkenaan untuk dipertimbangkan dan diluluskan sebelum dapat dikuatkuasakan.

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi akan mengadakan jerayawara untuk menerangkan kepada orang ramai mengenai rangka-rangka peraturan ini. Pada masa ini Kementerian Pembangunan mengawal dan menguruskan pemeliharaan pencemaran alam sekitar secara pentadbiran sahaja. Jadinya, saya selaku Menteri Pembangunan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun menimbulkan isu pengawalan alam sekitar ini. Ertinya inda kitani melepas pandang mengenai perlunya kitani memelihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

Dengan adanya bantuan dan sokongan daripada semua pihak barangkali terutama orang ramai untuk menghormati ataupun mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian seperti yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan pengawalan alam sekitar ini, insya-Allah kita akan menjadikan Negara Brunei Darussalam kitani ani sebagai bersih udaranya, bersih airnya dan bersih alam sekitar sekelilingnya. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Kalau diizinkan mengenai dengan batu kelilkir ani, masa ini pun perkara sudah jua dalam pemerhatian abis kaola. Kementerian Pembangunan dan kita pun mengambil kebimbangan jua mengenai dengan hakisan batu kelilkir ani. Jadi langkah-langkah seterusnya akan diambil oleh pihak yang berkenaan dalam mengatasi masalah ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Tempat pembuangan sampah di Sungai Akar masih lagi digunakan walaupun sudah mencapai lebih dari maksimum kapasitinya. Adakah dikhuatiri penggunaan berterusan akan mengakibatkan *environmental pollution*. Bilakah ianya akan ditutup? Dan pembuangan sampah dipindah ke tempat lain yang bersesuaian. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Orang Kaya Awang Haji Othman Uking dulu.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola mesti cakap mengenai tanah susur. Kejadian tanah susur telah berlaku di Kampung Penanjong pada awal 2009. Dan di tanah perkuburan Islam di Pekan Tutong iaitu Kampung Sugan, kerana pokok-pokoknya telah ditebang habis. Ini adalah disebabkan hujan lebat selama 6 ke 8 jam tak henti-henti pada 1 Syawal tahun lepas, September 2010, mulai 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam. Tanah susur ini, ia dapat atau boleh dielakkan jika semua pihak atau mereka yang berkenaan diamanahkan dan prihatin akan keadaan alam sekitar.

Sebagai contoh, pada tahun 1963, banjir besar telah melanda di seluruh Negara Brunei Darussalam. Di mana hujan turun secara berterusan dalam jangka hingga 3 minggu. Semua kawasan di sepanjang tebing Sungai Tutong telah ditenggelami air. Di setengah tempat tenggelam, tempat ketinggian banjir menjangkau 6-8 kaki seperti di kawasan Sekolah Melayu Layong, Penapar, Tanjong Maya dan Lubok Pulau, Kampong Ukong dan hulu-hulu Tutong, Pancong dan lain-lain kampung di hulu-hulu Tutong. Pada ketika itu tiada kejadian tanah runtuh (susur) seperti yang berlaku pada kawasan-kawasan yang dinyatakan tadi. Kerana di ketika itu tanah perkuburan orang-orang di Pekan Tutong, pokok-pokok kayunya masih banyak dan tidak ditebang. Benarlah apa yang terkandung dalam Kitab Suci Al-Quran yang menyatakan bahawa "*tangan-tangan manusia itulah sendiri yang merosakkan bumi Allah*". Dalam hubungan ini, majlis mengharapkan kepada pihak yang berkenaan, supaya akan mengambil perhatian terhadap tanggungjawab masing-masing demi mengelak kejadian yang tidak diingini dan boleh menimbulkan pergeseran dengan orang lain.

Majlis juga ingin mengingatkan kepada pemaju-pemaju tanah. Mereka mestilah sensitif dan memahami masalah orang-orang di sekeliling di mana mereka bekerja memajukan kemajuan tanah. Seperti membuat jalan dan lain-lain. Sebagai contoh, sebuah syarikat pemaju telah membuka jalan di Kampung Telisai berhampiran dengan sebuah tanah rumah kediaman. Keadaan tanah di kawasan berkenaan ialah tanah pasir dan mudah runtuh.

Keadaan ini harus difahami atau dikaji oleh pihak yang bertanggungjawab dan pemaju sebelum mereka dibenarkan membuat kerjanya. Begitu juga dengan pemaju, supaya jangan memikirkan keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira masalah orang lain. Kesannya seperti apa yang berlaku sehingga menimbulkan kekecewaan. Melibatkan jabatan-jabatan lain untuk menyelesaikannya. Jika ada perundingan awal dengan pihak yang terlibat, seperti tuan tanah, rumah dan Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi, perkara itu tidak akan berlaku. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Shafiee tadi ada kan bercakap.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya ingin mengutarakan satu saja iaitu mengenai dengan taman rekreasi. Khusus fokus di Daerah Belait. Di Daerah Belait terdapat beberapa taman rekreasi, seperti Taman Persiaran di Jalan Kuala Belait, Peranginan Lumut dan sebagainya termasuklah Taman Jubli di Anduki. Taman-taman ini dikuasai oleh beberapa agensi kerajaan yang berkenaan seperti JASTRE, Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah dan juga Jabatan Perhutanan.

Ada di antara taman-taman ini sudah tidak lagi kelihatan sebagai taman kerana kurang pemeliharaan. Contoh seperti Taman Jubli Anduki yang letaknya di Mukim Seria. Taman ini kalau dulu sering dikunjungi orang ramai terutama di hujung-hujung minggu.

Tetapi sekarang sebaliknya kerana keadaan landskapnya, kemudahan-kemudahannya sudah tidak menarik dan ada yang rosak dan kurang selamat untuk mengadakan aktiviti riadah di taman tersebut.

Pada tahun 2011 ini, JASTRE, telah mendapat anggaran sejumlah \$14 juta, termasuklah bajet bagi Pemeliharaan Aset \$4.6 juta. Saya percaya peruntukan yang sebanyak ini, JASTRE mungkin tidak mampu untuk memelihara atau mengusai taman-taman yang ada bukan sahaja di Daerah Belait bahkan di seluruh negara sepenuhnya. Termasuklah Taman Jubli Anduki itu. Saya suka mencadangkan supaya pengendalian Taman Jubli di Anduki khususnya, di *outsourcean* sahaja bagi meringankan tanggungjawab JASTRE dan lain-lain taman rekreasi yang ada di Daerah Belait yang di bawah kuasa Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi itu secara berperingkat-peringkat jika difikirkan perlu dan sesuai. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Abis kaola dikesempatan yang mulia ini, ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada jabatan ini kerana banyak membantu dan memberi kemudahan-kemudahan bagi membina taman-taman, bukit-bukit, wasai yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara ini. Yang mana taman-taman berikut telah dapat dilaksanakan dengan baik dan

digunakan untuk kepentingan orang ramai. Ini termasuk juga sebuah Taman Herba yang dibuat dan dilaksanakan di Kampung Putat. Tidak lebih dari itu, sekali lagi saya mengucapkan tahniah yang mana jabatan ini ada peningkatan kemajuan yang baik dan sangat-sangat menggalakkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohammad Taha.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola agak tertarik mengenai perkara ini, yang mana pusat pembuangan sampah mengikut perancangan akan di tempatkan di Daerah Tutong. Jadi kalau boleh perkara ini difikirkan semula, kerana di Daerah Tutong, Penjara sudah ada, Al-Islah sudah, begitu juga Pusat Pengawalan Penyakit. Jadi janganlah di Daerah Tutong sahaja ditumpukan perkara ini, kalau boleh biarlah ke daerah-daerah lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Kem Askar pun di sana jua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mula-mula mengenai dengan pertanyaan pembuangan sampah di Sungai Akar, kalau mengikut perancangan projek ini sebenarnya dikendalikan oleh BEDB bukan lagi Kementerian Pembangunan. Walau macamapun barangkali untuk

menjelaskan saja sedikit menerangkan sedikit kedudukannya. Kalau mengikut jadual projek yang bermula Disember 2008 sepatutnya akan selesai 2011. Artinya *by the time* penutupan dan pemulihan sebahagian tapak, semua tapak itu akan berlaku. Buat pada masa ini hanya sebahagian tapak sudah selesai sebahagian lagi tapak yang masih digunakan bagi pelupusan sisa buangan dan insya-Allah kalau perancangan itu mengikut jadualnya akan tutup pada Jun 2011.

Mengenai dengan Projek Pembinaan *Transfer Station* Sungai Akar perlaksanaannya bermula September 2010 dan *contract periodnya* 4 tahun setengah. Jadi perkara ini telah pun dibuat dengan pihak-pihak tertentu, pihak konsultan sudah pun membuat *finalizing* reka bentuk dan sebagainya. Sementara Projek Pembinaan *Engineered Landfill* di Sungai Paku itu, prasarana projek bermula 2010 dan *contract period* ialah 5 ke 4 bulan, jadi kerja ini kalau dibuat mengikut perancangan pada masa ini belum dapat ditetapkan. Tapi pada masa ini *site investigation* dan EIA ataupun *Environmental Impact Assessment* sedang dijalankan dan konsultan mengikut maklumat sedang *finalizing* reka bentuk *engineered landfill* seperti yang dirancang.

Nampaknya pihak konsultan membuat beberapa pindaan dan perubahan kepada reka bentuk asal projek berkenaan. Jadi kerja-kerja perlaksanaannya akan bermula pada 2011 dan tempoh siapnya masih belum dapat dipastikan dalam kontrak mereka. Cuma maklumat yang ada tempat Kementerian Pembangunan sebabnya projek ini dilaksanakan oleh BEDB.

Mengenai dengan persoalan seterusnya kejadian tanah susur, banjir di Sungai Tutong dan sebagainya dan menyebabkan beberapa sekolah ditutup, perkara ini diambil maklum dan memanglah kita ingin memperketatkan lagi aktiviti-aktiviti pemaju-pemaju tanah ini kerana kadang-kadang dalam keadaan-keadaan macam ini mereka juga sebagai penyumbang kepada mengapa berlakunya kedalaman di sesuatu kawasan itu. Jadi dengan pembangunan-pembangunan yang kurang terkawal sebagainya. Jadi kita mengambil maklum akan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking itu akan kita ambil tindakan yang bersesuaian. Masa ini pun mendraf satu undang-undang supaya memperketatkan lagi tatakerja ataupun tatacara pelaksanaan kerja yang dibuat oleh *developer* dan sebagainya ini supaya apa yang dibuat mereka itu tidak akan menyebabkan kawasan di sekeliling projek-projek di mana kemajuan itu diadakan tenggelam oleh air dan sebagainya. Jadi perkara ini sedang dalam pemerhatian pihak Kementerian Pembangunan.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, mengenai dengan Taman Rekreasi Sungai Anduki perkara ini diambil maklum dan akan diusahakan.

Sebagaimana cadangan dan kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor kerana telah pun memberi penghargaan kepada pihak JASTRE kerana telah mengadakan Taman Rekreasi Herba, Taman Herba di Kampung Putat. Saya rasa penghargaan seperti ini akan memberi

suntikan yang lebih bersemangat lagi untuk kita membuat kerja dengan baik dan sempurna.

Saya ingin sedikit menerangkan mengenai dengan projek-projek yang telah pun dilaksanakan ataupun sedang dalam pelaksanaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi bagi tahun 2009/2010.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, sepertimana yang dinyatakan, Taman Mini Kampung Parit telah pun selesai dan masih dalam penyediaan tambahan untuk ditambah dengan kemudahan futsal, kelengkapan permainan dan landskap, tapi sudah siap dibuat. Taman Herba Kampung Putat, penyediaan pondok rehat, letak kereta, *barbeque pits* pun sudah siap diadakan. Landskap menuju pusing keliling Lapangan Terbang Antarabangsa fasa I sudah siap Februari 2011 dan fasa II akan dibuat pusing keliling Jalan Berakas. Jadi fasa ke-2 akan dilaksanakan dalam Mei 2011 hingga Januari 2012.

Taman Ekologi di Jalan Menteri Besar, Brunei Muara fasa 1 telah pun siap iaitu tempat letak kereta, *radio control car track* dan pondok kawalan sedang diusahakan pada masa ini fasa ke-2 ialah trek basikal, tandas awam, fasiliti rekreasi bertemakan air '*water theme recreational facilities*' dan Taman *Horticulture*. Projek ini akan bermula April 2011 ini dan dijangka akan siap Mac 2013.

Pembersihan Sungai Brunei, masa ini sudah beroperasi di stesen pindah sisa buangan Kampung Ayer '*Kampung Ayer Transfer*

Station' dan Kampung Ayer Berkunci telah pun beroperasi. Pembersihan sisa buangan permukaan dan tebing Sungai Brunei yang berjalan sejak 2009 akan tamat kontraknya pada 2012, diharap selesai tamat kontrak ini kebersihan di Sungai Brunei akan dapat *dimaintain*, ertinya indada lagi orang kan membuang sampah sarap di Sungai Brunei. Pembersihan sisa buangan di bawah rumah di Kampung Ayer juga termasuk di dalam projek yang saya sebutkan tadi, kontraknya akan siap 2012 ini, di mana pihak pemborong berusaha membersihkan sisa-sisa buangan di bawah rumah Kampung Ayer. Banyak yang dapat dijumpai di *our treasure* di Kampung Ayer di bawah, di dalam air itu yang digali.

Program meningkatkan kesedaran di sekolah-sekolah Kampung Ayer, perkara ini telah dijalankan di 5 buah sekolah rendah. Untuk menanamkan semangat supaya dapat menjaga kebersihan di Kampung Ayer. Di samping itu terdapat juga fasiliti rawatan pelupusan sisa berbahaya, yang berjalan pada masa ini. Sistem pemantauan kualiti air Sungai Brunei, Sungai Tutong, Sungai Belait dan Sungai Temburong dengan menyediakan tiga stesen penyukat tahap pencemaran bagi setiap sungai. Projek ini sedang berjalan dan dijangka siap Februari 2013.

Sistem pemantauan kualiti udara di empat daerah. Sistem yang ada hanya terhad kepada pencemaran jerebu sahaja, Maka kita juga akan memasang ataupun *still on going* untuk menyukat tahap pencemaran udara di semua daerah di negara ini. Penyukat pencemaran dari kenderaan *is on going* dan dijangka siap 5 Januari 2013.

Pantai Seri Kenangan, kita telah pun siap menyediakan tempat letak kereta, tempat berjaja dan kemudahan riadah di kawasan Rekreasi Pengkalan Pinang, Penanjong Tutong, rekreasi taman kawasan rekreasi baru, pondok dan kemudahan rekreasi telah pun siap, Taman Persiaran Sungai Tutong dan Penghijauan Pekan Tutong, Sungai Tutong *Riverfront and Cleaning of Tutong Town*. Perkara ini dijangka siap hujung Mac 2011, sementara landskap yang sepenuhnya akan dijangka siap pada 20 Jun 2011 ini.

Proses bahan yang boleh diguna semula tayar terpakai, operasi mengasingkan atau *recovery* bahan yang boleh dipakai dan dikitar semula dari terpakai, operasi sedang dijalankan dan ditempatkan di Bukit Udal, itu kali maksudnya Yang Berhormat supaya jangan ditempatkan di sana. Di sana ada jua pelupusan sampah. Pelupusan Mesra Alam skala kecil (*mini sanitary land fill*) di Bukit Udal. Tapak pelupusan dilengkapi dengan sistem rawatan dan pencemaran. Jadi kalau ada kebimbangan daripada Ahli Yang Berhormat tadi mudah-mudahanlah dengan adanya langkah merawat pencemaran supaya anda melarat ke mana-mana akan dapat memuaskan hati Yang Berhormat tadi. Jadi perlaksanaannya akan bermula April 2011 dan berakhir 2012.

Di Daerah Belait, Wasai Wang Kadir akan dibuat *concrete, walkway, drainage system* dan pondok dijangka siap April 2011, Pantai Lumut, Kuala Belait penyediaan dan meningkatkan tahap kemudahan awam sudah siap Februari 2011. Sementara di kawasan rekreasi Anduki seperti yang ditimbulkan penyediaan kemudahan rekreasi

baru (*playground*) jambatan, pondok dan sebagainya masa ini sedang diusahakan dan akan siap Mac 2012.

Begitu juga di Daerah Temburong, pelupusan mesra alam skala kecil Ulu Temada di Daerah Temburong masa ini dalam dan telah pun beroperasi dan digunakan 30 Ogos yang lalu telah siap. Sementara Taman Batang Duri, Daerah Temburong akan dipertingkatkan tahap kemudahan rekreasi. Tender akan dikeluarkan pada 2011 Mac ini, dan akan dikeluarkan sudah dan dijangka siap dalam Mac 2012.

Itulah sebahagian daripada projek-projek JASTRE di bawah Kementerian Pembangunan dan mana-mana yang anda termasuk dalam projek-projek ini insya-Allah akan diusahakan di tahun-tahun akan datang.

Tapi di samping itu ingin juga saya Yang Berhormat Pehin Pengerusi untuk menambah jua kali dalam kitani menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ini ataupun kemudahan-kemudahan ini, kerjasama orang ramai untuk menjaga kemudahan yang telah pun disediakan oleh pihak kerajaan itu adalah perlu. Jadi saya berharap ketua kampung dan penghulu dapat menasihati orang-orang ramai kitani menggunakan fasilitas-fasilitas tersebut untuk menjaga kemudahan-kemudahan yang telah pun disediakan oleh pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin jua memberi sedikit pandangan dengan adanya beberapa projek penting yang akan diadakan di Daerah Tutong, nyatalah Daerah Tutong ini sangat banyak dan kuat tarikannya. Saya jua ada pernah mendengarnya orang baik pulang Lapangan Terbang Antarabangsa baru yang lebih besar dari Berakas ani di bina di Daerah Tutong mungkin Yang Berhormat wakil Daerah Tutong akan mengalu-alukan projek yang sedemikian itu.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pehin Yang Berhormat kan bercakap.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Mengenai dengan ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi, mengenai dengan airport ani di Daerah Tutong ada pulang rancangan tapi terpulang kepada pihak-pihak yang berkenaan sama ada akan meneruskan cadangan itu tapi memang disediakan kalau diperlukan memang ada tempat untuk membina airport ani. Jadi perancangan itu sudah jauh ke depan Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terpulanglah kepada agensi-agensi kerajaan untuk melaksanakan sama ada mahu atau tidak kawasan-kawasan tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul

Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola hanya ingin menambah sedikit maklumat mengenai dengan pembuangan sampah di Sungai Paku Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi beberapa langkah telah pun dilaksanakan oleh *BEDB* untuk membina tempat pembuangan sampah di Sungai Paku. Memanglah *concern* ataupun keprihatinan ataupun kekhuatiran Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera tadi ialah lebih mirip kepada bau sampah Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebabnya sampah sebagai sampah memanglah tidak hilang secara teknikalnya baunya memang busuk.

Tapi apa yang kaola difahamkan oleh *BEDB* insya-Allah bagi tapak sampah Sungai Paku ini tahap bau ini akan dapat dikawal dan bau tersebut hanya berlaku di dalam parameter kawasan pembuangan sampah tersebut. Sebab itulah keluasan itu tempat kemudahan membuang sampah ini adalah seluas 110 hektar yang mana dari jumlah tersebut 16 hektar saja yang akan digunakan untuk pembuangan sampah dan yang selebihnya digunakan untuk kemudahan loji rawatan, *buffer zone*, bangunan, jalan raya dan sebagainya.

Dan insya-Allah juga tempat pembuangan sampah Sungai Paku ini akan direka bentuk untuk mengelakkan dari sebarang pencemaran air, udara dan tanah dari berlaku dan juga menghalang sebarang kesan dan kejadian buruk dari hasil sampah

yang *dicomposing*. Jadi pada waktu ini pihak kontraktor akan bertanggungjawab bagi segala urusan dan pengendalian tempat pembuangan sampah tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi iaitu selama 84 bulan termasuk menjaga dari aspek keselamatan dan sekuritanya. Dan insya-Allah apabila perkara ini dilaksanakan Negara Brunei Darussalam akan mempunyai tempat pembuangan sampah yang lebih selamat dan memenuhi kehendak dan peraturan penjagaan alam sekitar dan kita memohon jugalah kepada Yang Berhormat wakil dari Daerah Tutong apa pun ini adalah *national project* dan mudah-mudahan diterima dengan hati yang terbuka. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat maka kalau tidak ada lagi, maka Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Yang Berhormat Pehin kan menambah

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Jadi dengan persoalan yang awal tadi Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kalau diizinkan, ada tadi soalan mengenai kenapa proses pemecahan tanah itu memakan masa yang panjang. Jadi saya rasa soalan ini adalah soalan yang penting untuk dijawab jadi kalau diizinkan saya ingin menjawab.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Sepertimana yang

kita maklumi bahawa proses pemecahan tanah melibatkan beberapa agensi yang berkaitan dan sudah tentunya ada proses tersebut yang memakan masa yang lama dan ianya disebabkan beberapa perkara seperti berikut:-

1. Ulasan dari agensi yang berkaitan memakan masa yang lama terutama jika tanah tersebut terlibat dengan projek-projek kerajaan yang mana sudah setentunya taksiran untuk gantian bagi pengambilan balik tanah tersebut dibuat atau mesti dibuat dengan teliti oleh jabatan-jabatan berkenaan;
2. Kelambatan ini juga disebabkan oleh pembangunan tanah berkenaan tidak mematuhi syarat-syarat khas pembangunan tanah berkenaan seperti membina bangunan tanpa kebenaran dan lain-lain perkara yang menyalahi peraturan pihak berkuasa yang layak kawalan pemecahan tanah. Walau bagaimanapun mengikut statistik pada tahun 2009 sebanyak 223 permohonan telah pun dihadapkan dan daripada 223, 168 permohonan iaitu sebanyak 75% mendapati TPOR iaitu 21 hari dan yang tidak menepati TPOR ialah 55 permohonan, ertinya dijawab lambat daripada 21 hari; dan
3. Pada tahun 2010, jumlah permohonan ialah sebanyak 252. Yang tidak menepati TPOR ataupun yang kurang daripada 21 hari jawapannya ialah sebanyak 166

iaitu 65% dan tidak menepati TPOR 21 hari sebanyak 86 permohonan iaitu 34%. Jadinya dalam perkara ini kalau dibagi grading kalau inada pun B, C + + ertinya dari segi TPOR nya. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat maka Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masanya telah sampai bagi Persidangan Jawatankuasa ini ditangguhkan maka kita akan beralih kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sepenuhnya. Terima kasih.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada esok hari, hari Khamis, 5 Rabiulakhir 1432 bersamaan 10 Mac 2011 bermula pada pukul 9.00 pagi. Saya telah dimaklumkan oleh Jurutulis Mesyuarat Negara bahawa ada permintaan bagi persidangan esok itu ditamatkan pada pukul 11.30 pagi kerana ada jemputan yang penuh beristiadat yang telah ditujukan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka persidangan itu akan bermula seperti kata

saya tadi pada pukul 9.00 pagi dan akan ditangguhkan pada pukul 11.30 pagi. Sekian.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Khamis, 5 Rabiulakhir 1432 / 10 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.
**(Tidak hadir sebelah pagi kerana ada
urusan tertentu)**

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr .Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas,
DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin,
DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini iaitu hari yang Kelapan, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Awang Haji Mustapa bin Haji Murad. (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, pagi ini dapatlah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersidang lagi bagi hari yang kelapan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hari kelmarin Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Peringkat Jawatankuasa, masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011 dan 2012. Dengan yang demikian, untuk membolehkan Majlis Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula, maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, majlis ini sekarang bersidang sebagai mesyuarat Jawatankuasa.

Kelmarin tajuk besar, Kementerian Pembangunan telah pun selesai dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Sekarang, kita beralih kepada Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jurutulis: Tajuk SL01A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan ucapan pembukaan, saya meminta perhatian dan kerjasama dari Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini tentu banyak mereka akan mengemukakan soalan-soalan mengenai dengan kementerian ini. Jika maksud soalan-soalan yang akan dikemukakan itu sudah diliputi dalam ucapan atau mukadimah Yang Berhormat Menteri maka saya berpendapat tidaklah perlu soalan itu ditanya dengan panjang lebar, memadai dinyatakan saja soalan itu, secara ringkas dan diakui telah diliputi dalam ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Sekian saya minta kerjasama dan perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, jika ingin memberikan penjelasan mengenai dengan Tajuk ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk memberikan ucapan mukadimah sebelum perbahasan mengenai dengan peruntukan Kebudayaan, Belia dan Sukan dimulakan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Behormat, sepertimana yang telah dijelaskan pada permulaan permesyuaratan mengenai pembentangan peruntukan bagi tahun 2011/2012. Yang mana peruntukan yang diberikan kepada kementerian-kementerian itu adalah mengikut kepada sumber pendapatan negara dan kemampuan bagi negara, khususnya kementerian-kementerian untuk membelanjakan peruntukan-peruntukan yang diberikan itu.

Dalam waktu yang sama, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah pun memberikan *assurance*, dalam mana walaupun peruntukan yang diberikan itu tidak memenuhi akan keperluan-keperluan ataupun peruntukan yang diperlukan tetapi jaminan diberikan apabila diperlukan, ianya akan memberikan tambahan-tambahan, jika difikirkan perlu kepada kementerian-kementerian yang memerlukannya.

Maka sehubungan dengan itu, peruntukan perbelanjaan yang diberikan kepada

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah difikirkan munasabah dan mencukupi, kerana kita juga beringat iaitu berhemat dalam membelanjakan peruntukan-peruntukan kerajaan, seperti perumpamaan Melayu, "Bila kita mahu berpakaian itu biarlah diukur di badan kita sendiri".

Jadi dengan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, maka ianya akan dapat membolehkan untuk kementerian ini melaksanakan kerja-kerja ataupun program-program yang berhubung dengan kebudayaan, kesukanan, kebajikan dan kesejahteraan di Negara Brunei Darussalam ini.

Dan insya-Allah melalui peruntukan yang diberikan ini, maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat mengungkayahkan berbagai-bagai projek, yang akan dapat meningkatkan lagi kesejahteraan dan kebajikan rakyat di negara ini khususnya ke arah membangun *capacity building* di kalangan golongan belia di negara ini. Yang mana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah menjurus kepada pembangunan belia-belia di negara ini, dengan menumpukan kepada belia-belia yang tidak dapat melanjutkan peringkat akademik mereka di peringkat yang tinggi. Kerana kementerian ini berpendapat bahawa untuk mengangkat belia-belia di negara ini sebagai belia yang mandiri dan belia yang akan dapat terkeluar daripada kepompong kemiskinan, mereka itu perlu diberikan latihan-latihan dan diberikan kemahiran-kemahiran, yang akan dapat memberikan jaminan mereka untuk

mendapat kehidupan yang selesa dan terjamin.

Dan begitu juga mengenai dengan peranan kementerian ini, ke arah untuk mempertahankan dan mempreserve warisan dan kebudayaan bangsa. Maka dengan peruntukan yang ada ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat dan mampu untuk mengungkayahkan program-program yang akan dapat membangun, yang akan dapat memelihara dan yang akan dapat memperluaskan dan menyebarkan warisan dan kebudayaan bangsa kepada generasi muda di negara ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Maka Tajuk Pertama SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan saya bukakan untuk perbahasaan. Yang Berhormat Dato Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahmanir, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengatur berbagai-bagai skim dan program bagi membina masyarakat belia seperti Belia Cinta Tanah Air, Belia Bertuah, Belia Aktif, Program Kemas, Program Khidmat Bakti Negara dan lain-lain. Setakat ini apakah pencapaian belia-belie dalam mengikuti program-program seperti itu sebagaimana persediaan diri mereka untuk menjadi sebagaimana sering kita dengar

ungkapan kata seperti “Pemuda Harapan Bangsa dan Pemuda Tiang Negara”.

Seterusnya salah satu pergerakan belia yang saya kira aktif di mana saya sendiri terlibat dalam kepimpinannya iaitu Persatuan Pengakap. Persatuan ini mempunyai lebih 2,000 orang ahli yang terdiri daripada berbagai peringkat umur yang terdiri dari Persatuan TUNAS, Pengakap Muda, Pengakap Remaja, Pengakap Kelana bagi lelaki dan perempuan.

Kebanyakannya yang melibatkan diri ialah anak-anak sekolah dan generasi baru yang bakal jadi pemimpin kita di masa depan. Sebagaimana yang pernah saya syorkan di tahun lalu, dan mencadangkan kalau boleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kiranya akan dapat menyediakan peruntukan untuk satu tapak untuk memudahkan latihan aktiviti-aktiviti rekreasi dan perkhemahan sebagaimana juga yang telah pernah kita bincangkan bersama tempat tapak itu telah dikenal pasti iaitu di Ikas Bandong di Daerah Tutong.

Kita memerlukan tapak seperti ini untuk menyediakan tempat perkhemahan ataupun jambori untuk kira-kira 5,000 orang bagi acara-acara jambori antarabangsa yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian. Tapak ini juga boleh digunakan dibukakan untuk kegunaan bersama oleh setiap-tiap persatuan belia yang aktif bagi apa-apa jua program pembinaan belia. Dari itu diharap dan dipohonkan akan mendapat bantuan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan pihak-pihak berkenaan untuk mendapatkan tapak tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Haji Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ada 2 persoalan untuk dikemukakan:-

1. Apa yang dimaklumi bahawa bantuan-bantuan membina rumah pada orang-orang yang daif di Negara Brunei Darussalam yang tidak mampu membina rumah sendiri adalah ehsan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan diselenggarakan oleh beberapa agensi kerajaan, seperti Jabatan Perdana Menteri, Majlis Ugama Islam, JAPEM, Yayasan dan juga keempat-empat dari Jabatan Daerah di Negara Brunei Darussalam.

Pada pandangan saya, format bantuan membina rumah orang-orang daif ketika ini perlu dikaji semula mengikut merit dan permasalahannya. Seperti kita mungkin tidak perlu membina rumah seseorang pemohon daif jika permohonan itu sudah berusia lanjut dan hidup sebatang kara atau mempunyai keluarga saudara tetapi tidak ada pemedulia daripada mereka.

Pemohon sebegini saya rasa kita hanya perlu menempatkannya

suatu ketempatan, misalnya satu berek khas kerajaan disediakan oleh pihak yang berkenaan sahaja. Membina sebuah rumah menelan belanja yang besar dan kita harus maklum bahawa apabila si penerima sudah tiada lagi kembali ke alam baqa maksud saya, rumah tersebut akan menjadi isu rebutan kalangan keluarga kecuali jika orang daif itu mempunyai keluarga dan tanggungan. Itu pandangan dan cadangan saya; dan

2. Pada tahun lepas, awal tahun lepas Jabatan Belia dan Sukan ada mengadakan satu kaji selidik tentang kemiskinan. Adakah sudah diketahui keputusan kaji selidik mengenai dengan kemiskinan atau *poverty line* di Negara Brunei Darussalam yang mana dibantu oleh konsultan tempatan setahun yang lalu, jika sudah apa *poverty line* yang sudah dikenal pasti. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain. Yang Berhormat Dato Haji Puasa. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan satu perkara saja yang berkaitan dengan belia-belia di negara ini. Kaola difahamkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk menjalankan kajian pemahaman belia-belia mengenai kebudayaan dan kesenian dan kajian

masalah sosial di kalangan belia. Kaola ingin tahu adakah kajian-kajian ini sudah dijalankan dan apakah hasil kajian tersebut.

Kaola mengambil maklum bahawa jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menjalankan projek "Belia Cinta Tanah Air" dan berbagai projek belia untuk mengarah kepada belia yang bertanggungjawab dan tidak bermasalah. Projek-projek ini nampaknya berjaya menarik ramai belia untuk menyertainya. Ini menunjukkan projek ini telah berjaya dan mendapatkan sambutan yang baik. Kaola mengucapkan tahniah di atas kejayaan kementerian yang berkenaan dalam mengendalikan projek-projek ini dan berharap ianya akan terus berjaya.

Sehubungan dengan ini, kaola mengesyorkan kalau sekiranya belia-belia yang ikut serta itu dimasukkan sebahagiannya belia-belia yang bermasalah supaya mereka itu akan turut berubah dengan pengaruh daripada belia tidak bermasalah untuk menjadi belia-belia yang bertanggungjawab setelah mengikuti projek-projek ini. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan ulasan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam memberikan jawapan kaola akan menjawab

soalan-soalan yang difikirkan mudah dulu Yang Berhormat Pehin. Sebelum kaola menjawab kepada persoalan-persoalan yang agak kompleks atau perlu memberikan jawapan-jawapan yang terbutir. Jadi kaola akan memulakan dengan memberikan jawapan kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Haji Puasa mengenai dengan kajian-kajian iaitu kajian pemahaman belia-belia mengenai kebudayaan, kesenian dan kajian masalah sosial di kalangan belia-belia.

Yang sebenarnya kajian-kajian tersebut telah pun bermula pada tahun lepas iaitu bagi kajian pemahaman belia-belia mengenai kebudayaan dan kesenian pada bulan Ogos 2010 dan kajian masalah sosial di kalangan belia-belia pada bulan Oktober 2010 dan kajian-kajian tersebut telah pun diserahkan ataupun diberikan kepada pihak Universiti Brunei Darussalam dan kajian-kajian tersebut masih lagi dalam pelaksanaan dan yang mana bagi kajian pemahaman belia-belia mengenai kebudayaan dan kesenian akan berakhir pada bulan Januari tahun hadapan iaitu Januari 2012 dan manakala mengenai dengan kajian masalah sosial di kalangan belia-belia akan berakhir pada bulan Oktober 2011. Maka hingga setakat ini belumlah lagi dapat saya untuk memberikan butiran ataupun dapatan-dapatan daripada yang berkenaan sehinggalah ianya selesai dilaksanakan nanti. Insya-Allah.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat tadi supaya belia-belia yang bermasalah dapat diserapkan ke dalam program-program belia, seperti Belia Cinta Tanah Air, dan seumpamanya itu, itu adalah satu cadangan

yang dialu-alukan dan diberikan sambutan dan insya-Allah perkara ini akan diungkayahkan ianya akan dibincangkan dengan agensi-agensi yang berkenaan termasuk belia-belia yang dikenal pasti yang mempunyai permasalahan. Insya-Allah terima kasih.

Mengenai dengan soalan ataupun pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, iaitu mengenai dengan bantuan membina rumah-rumah orang daif yang khususnya bagi orang-orang tua yang tidak mempunyai keluarga, supaya ianya dapat di tempatkan di satu tempat selain daripada untuk membuatkan rumah khas kepada orang-orang berkenaan.

Yang sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang ada perancangan ataupun pelaksanaan, dalam mana orang-orang tua daif yang tidak dapat ditempatkan dengan ahli keluarganya ataupun akan menghadapi permasalahan jika ianya diberikan perumahannya sendiri untuk tinggal tanpa ada orang yang menemaninya, maka orang seperti ini akan ditempatkan di tempat-tempat yang difikirkan sesuai untuk orang-orang berkenaan itu.

Tapi walaupun penempatan orang seperti ini tidaklah dilaksanakan secara meluas, kerana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan masih memikirkan ataupun berpegang kepada prinsip *filial piety* dalam mana ahli-ahli keluarga itu hendaklah bertanggungjawab kepada ahli keluarga masing-masing terutama sekali mereka yang tergolong sebagai golongan tua dan daif, dan belumlah lagi sampai masanya bagi untuk

membuat satu tempat atau bangunan yang khusus bagi menempatkan orang-orang tua dan orang-orang daif ini, kecuali ianya difikirkan terdesak dan tidak terdapat ahli-ahli keluarga yang menjaga dan menyara orang-orang daif berkenaan.

Dan mengenai dengan isu kaji selidik kemiskinan seperti yang ditimbulkan ataupun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, Alhamdulillah, kajian atau kaji selidik mengenai dengan kemiskinan di Negara Brunei Darussalam yang telah pun diungkayahkan oleh sebuah syarikat ataupun konsultan di negara ini telah pun selesai pada bulan Januari 2011. Dan dapatan-dapatan atau hasil daripada kajian tersebut telah pun ditaklimatkan kepada Majlis Kebangsaan Isu Sosial di Negara Brunei Darussalam.

Dan daripada kajian-kajian tersebut apa yang telah pun diperolehi ataupun dihasilkan ialah ianya telah pun memberikan akan definasi kemiskinan, iaitu definasi yang mengambil kira yang digunakan oleh Majlis Ugama Islam mengikut statistik syariah iaitu mengenai dengan fakir dan miskin. Dan kaji selidik tersebut juga telah pun menubuhkan satu pengkalan data (*database*) bagi warga miskin di negara ini. Dengan adanya pengkalan data berkenaan maka maklumat-maklumat berhubung dengan orang-orang miskin di negara ini akan mudah diperolehi dan dikemaskini dari masa ke semasa. Dan daripada pengkalan data yang telah pun diserahkan kepada kementerian ada terdapat 5,472 keluarga miskin ataupun mereka yang ditakrifkan sebagai fakir dan miskin di Negara Brunei Darussalam ini.

Dan kaji selidik tersebut juga telah pun menyediakan plan tindakan mengenai masalah-masalah kemiskinan di Negara Brunei Darussalam, yang mana antara lain, kaji selidik tersebut telah pun mengenal pasti mengenai dengan punca-punca kemiskinan di Negara Brunei Darussalam, yang mana ada terdapat 7 punca dan punca-punca ini saling berkait di antara satu dengan yang lain. Ertinya seorang yang miskin itu bukan hanya berpunca daripada satu sebab tetapi mempunyai sebab-sebab yang lain yang menjadikan ianya miskin. Sebagai contoh ialah iaitu miskin pekerjaan, miskin pendapatan, miskin keusahawanan, miskin pendidikan, miskin kesihatan, miskin harta dan miskin prasarana.

Dan punca-punca berkenaan secara persendirian atau secara kombinasi boleh menjerumuskan seseorang itu kepada kemiskinan. Dan hasil daripada dapatan-dapatan kaji selidik berkenaan tiga isu utama yang telah dapat dirumuskan untuk diberikan perhatian yang serius dalam menangani masalah kemiskinan di negara ini ataupun untuk mengangkat seseorang itu daripada kepompong kemiskinan:-

1. Pemberian dalam bentuk kewangan mengikut kadar yang sama rata tanpa menilai daya upaya seseorang itu untuk keluar dari kemiskinan, tidak dapat bertahan (*not sustainable*) bagi jangka masa panjang. Statistik penerima bantuan kebajikan dari JAPEM dan juga menerima agihan zakat dari Majlis Ugama Islam atau MUIB adalah semakin meningkat dari tahun ke setahun. Ini jelas menunjukkan bahawa bantuan sedemikian tidak dapat

mengeluarkan seseorang itu daripada kemiskinan;

2. Tindakan intervensi yang paling berkesan ialah tindakan yang dibentuk khusus bagi individu berkenaan dengan berpandukan, penilaian, daya upayanya untuk keluar dari kemiskinan. Dari pengkalan data yang telah ditubuhkan butiran yang meluas dan terperinci mengenai peribadi warga miskin termasuk maklumat kritikal seperti struktur keluarga, kesihatan, pendidikan dan ekonomi mereka sudah terkumpul dan ini akan membolehkan pihak berkenaan melaksanakan strategi membasmi kemiskinan dengan serta merta; dan
3. Untuk melaksanakan plan tindakan yang komprehensif bagi pembasmian kemiskinan, sebuah agensi telah pun disarankan daripada kaji selidik berkenaan untuk ditubuhkan bagi menangani isu-isu kemiskinan di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, pada masa ini dapatan-dapatan dari kaji selidik berkenaan sedang diteliti lebih lanjut oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Manakala mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris tadi, iaitu pertama, ialah mengenai dengan tapak perkhemahan *scout*. Perkara ini kalau saya tidak silap telah pun pernah ditimbulkan dalam persidangan dewan di tahun yang lepas, dan perkara itu telah pun diambil perhatian oleh pihak kementerian, dalam mana kementerian

dalam menyambut pada cadangan itu telah pun mengenal pasti kawasan yang difikirkan sesuai untuk dijadikan sebagai satu tapak perkhemahan *scout* bagi membolehkan pergerakan-pergerakan pengakap di negara ini dapat mengadakan kegiatan-kegiatan mereka seperti jambori dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun pihak kementerian telah mengkaji semula mengenai dengan *practicalitynya* ataupun rasional untuk mendapatkan satu tapak yang di bawah kawalan kementerian bagi kemudahan *scout*. Pihak kementerian memikirkan adalah lebih bersesuaian sekiranya tapak yang dikenal pasti oleh kementerian iaitu satu kawasan di Ikas berdekatan dengan Lebuhraya Bandar Seri Begawan dan Tutong, untuk diserahkan ataupun dikendalikan oleh satu agensi yang benar-benar bertanggungjawab mengenai pengendalian taman dan rekreasi di Negara Brunei Darussalam ini, kerana untuk mengendalikan ataupun mengusahakan tapak yang begitu besar memerlukan peruntukan-peruntukan dan tenaga-tenaga yang diperlukan bagi memelihara dan menyelenggaraannya.

Jadi dalam hal ini pihak kementerian telah pun membuat keputusan untuk merundingkan dengan agensi-agensinya yang berkenaan dalam kerajaan khususnya Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, di Kementerian Pembangunan untuk bagaimana cara yang lebih praktikal dan lebih rasional ke arah mengendalikan kawasan ataupun *park* yang dimaksudkan itu nanti. Insya-Allah apabila satu keputusan telah pun dibuat, ianya akan disampaikan kepada pihak Pengakap ataupun Persatuan Pengakap Negara Brunei Darussalam. Dan

sehubungan itu juga kementerian adalah sangat-sangat mengalu-alukan bagi pihak Persatuan Pengakap Negara Brunei Darussalam untuk memberikan input kepada kementerian mengenai dengan perkara-perkara ataupun kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk diadakan ataupun disediakan di taman ataupun park berkenaan itu nanti.

Mengenai dengan pertanyaan apakah pencapaian dan hasil yang telah pun dibuktikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke arah pembangunan belia-belia Negara Brunei Darussalam melalui projek-projek seperti yang ada di negara kitani seperti Program Belia Cinta Tanah Air.

Alhamdulillah, perkara tersebut telah pun secara langsung ataupun tidak langsung telah pun diberikan penjelasan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa yang mana Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa telah pun memberi pujian ataupun satu *commendation* kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai dengan program-program yang diselenggarakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke arah membangun dan mengasuh tenaga-tenaga belia yang merupakan sebagai aset yang berharga di Negara Brunei Darussalam ini untuk menjadi warga yang benar-benar akan dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Dan mereka itu juga nanti, adalah juga merupakan sebagai pemimpin negara di masa akan datang. Dan untuk mengasuh tenaga yang begitu berharga kepada negara

ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan berterusan melaksanakan program-program pembangunan belia di negara ini. Malahan ke arah untuk menggerakkan program-program yang lebih berkesan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah pun berusaha untuk mengambil kira ataupun melibatkan kaum belia di negara ini untuk memberikan *inputs* ataupun pemikiran-pemikiran mengenai dengan program-program yang mereka perlukan ataupun yang mereka harapkan untuk dapat diungkayahkan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi memenuhi aspirasi dan keperluan mereka.

Sebab kementerian ini berpendapat ke arah mengasuh dan membimbing para belia kita, kita perlu memahami aspirasi dan keperluan mereka, jangan sampai program-program yang kita aturkan dan rancangkan itu adalah sesuatu yang tidak mendapat sambutan daripada mereka. Ini dapatlah kitani istilahkan kitani orang Brunei, kitani orang tua-tua sukakan belutak tapi kan diberikan kepada orang muda, orang muda kurang berminat sebab mereka berminat kepada *beef burger* ataupun *frankfurter*. Jadi dengan sendirinya usaha-usaha kita itu tidak akan terbaloi dan tidak akan dapat membuahkan hasil seperti yang dihasratkan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli Berhormat yang lain? Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang

Berhormat Pehin Pengerusi. Abis kaola menyokong apa yang disentuh oleh rakan sejawat tadi iaitu mengenai dengan masalah membantu orang-orang daif dan orang kurang upaya. Sebagaimana yang diselenggarakan oleh 4 agensi kerajaan iaitu seperti yang disebutkan tadi Jabatan Daerah, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Majlis Ugama Islam dan syarikat-syarikat swasta.

Masalah ini ditimbulkan untuk memohon kebenaran khas untuk mendapatkan tanah TOL tidak juga berjaya kerana sesuatu sebab yang tidak membolehkan. Jadi, dalam perkara ini adalah satu isu yang berterusan yang akan difikirkan oleh Jabatan Daerah khususnya dan golongan-golongan yang lain telah pun memberikan kerjasama untuk membina, membuat dan memperbaiki kediaman orang-orang ini. Tetapi ianya tidak membolehkan dengan sebab-sebab dan syarat-syarat yang ianya tidak mempunyai tanah dan beberapa perkara yang tidak mengizinkan untuk membuat dan memperbaiki rumah tersebut.

Jadi apakah langkah-langkah yang harus diambil atau perkara yang harus disalurkan kepada golongan ini dalam jangka masa yang panjang kerana ianya akan menjadi isu yang sukar untuk dilaksanakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Kaola hanya ingin menyampaikan sedikit secara ringkas iaitu keperluan Kompleks Sukan di Tutong. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kompleks Sukan Daerah Tutong telah pun siap dibina dan sebahagiannya telah boleh diguna pakai. Terima kasih kepada pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Memandang sambutan orang ramai iaitu belia-belie begitu rancak dan menggalakkan jadi keperluan lain adalah diperlukan seperti lampu untuk padang bola iaitu untuk kemudahan bermain di waktu malam, kerusi-kerusi penonton (*grandstand*) berserta atapnya, asrama (*hostel*) dan lain-lain kemudahan yang bersangkutan.

Pada majlis ini sangatlah mustahak dan sangat-sangat diperlukan supaya ia sejajar dengan perkembangan Daerah Tutong membangun dan berkembang mengikut peredaran masa kini. Selain itu, dengan adanya kemudahan yang lengkap, tempat ini iaitu Kompleks Sukan Tutong boleh juga diguna pakai apabila ada temasya sukan dari peringkat kebangsaan dan serantau. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola menyokong beberapa perkara yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang

Berhormat mengenai dengan bantuan perumahan bagi orang miskin dan daif. Dalam mengongsikan pengalaman kaola dalam perkara ini, ketua-ketua kampung telah melaporkan kepada pihak-pihak yang berwajib akan rumah kediaman orang-orang daif dan susah di kampung masing-masing dengan borang yang lengkap diisi bersama dengan dokumen yang diperlukan.

Sehubungan dengan itu, Alhamdulillah Yang Berhormat Pehin Pengerusi, pemeriksaan lawatan dari pegawai-pegawai pihak yang terlibat telah dibuat dan berjanji bantuan akan dibuat kurang dari satu tahun. Kaola mengambil contoh kalau di Temburong ialah bulan Mac 2009 dan sehingga kini belum juga dapat dilaksanakan. Adakah kita tidak boleh melaksanakannya seperti yang dijanjikan di dalam TPOR? Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli yang lain? Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dari Daerah Tutong.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola sesungguhnya menyokong apa yang dimukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di sini kaola ada dua perkara yang akan dikemukakan:-

1. lalah supaya dibina satu Pusat Pembangunan Belia di Daerah Tutong. Yang mana perkara ini kalau kita melihat di daerah-daerah lain sudah ada terutama sekali di Daerah Brunei dan Muara. Jadi kaola berfikir bahawa Daerah Tutong memang sudah banyak projek, namun demikian, Daerah Tutong juga memohon supaya dibina satu bahagian pembinaan Kompleks Pembangunan Belia; dan
2. Kalau kita melihat bahawa hal kebudayaan ini sesungguhnya skopnya cukup luas. Jadi kaola bertanya sejauh ini, apakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai rancangan supaya mengembanguaskan hal kebudayaan ini. Sepertimana peribahasa Melayu, *“mengenal pokok daripada daunnya, mengenal bangsa daripada budayanya”*. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Menteri, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Nampaknya bertubi-tubi soalan yang diterima, insya-Allah akan cuba dijawab setiap soalan yang dikemukakan. Berbalik kepada isu rumah orang-orang daif untuk penjelasan lebih lanjut, walaupun pada masa ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai projek ataupun skim yang khas atau khusus mengenai penempatan orang-

orang daif seperti yang dibincangkan dalam dewan ini sebentar tadi. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang dari masa ke semasa mempunyai tempat ataupun perumahan bagi menempatkan mereka yang memerlukan penempatan rumah termasuk daripada golongan daif seperti yang dibincangkan pada masa ini.

Dan dewasa ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat, mempunyai beberapa blok flat di Kampung Belimbing dekat Subok sana, yang mana ia digunakan bagi penempatan-penempatan sementara bagi mereka yang ataupun orang-orang yang memerlukan penempatan perumahan sama ada mereka itu adalah mangsa kebakaran ataupun mangsa bencana alam dan juga bagi penempatan-penempatan disebabkan mereka memerlukan tempat rumah. Maka ini adalah juga dibukakan ataupun diberikan kepada golongan-golongan seperti yang dibincangkan itu.

Mengenai dengan perkara yang dibincangkan iaitu sejak beberapa tahun ada pernah ditimbulkan ataupun dibincangkan mengenai dengan untuk mengadakan satu projek bagi rumah untuk orang-orang daif ini. Sebenarnya perkara tersebut adalah diambil perhatian yang serius oleh pihak kerajaan dan memang ada satu jawatankuasa yang telah pun ditubuhkan mengenai perkara tersebut. Insya-Allah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menimbulkan atau membangkitkan semula perkara-perkara yang ditimbulkan itu bagi langkah-langkah ataupun penyelesaian-penyelesaian yang awal dapat dilaksanakan, insya-Allah.

Mengenai dengan persoalan ataupun cadangan bagi mengadakan satu Pusat Perkembangan Belia di Daerah Tutong seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera sebentar tadi, yang sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk membangun sebuah lagi Pusat Pembangunan Belia di luar daripada Daerah Brunei dan Muara iaitu ianya telah pun dikenal pasti di Daerah Tutong. Malahan tapak untuk Pusat Pembangunan Belia tersebut telah pun dikenal pasti kalau tidak silap ialah di kawasan yang digelar Bukit Pasir, iaitu berdekatan dengan Telisai dan bagi tujuan tersebut, pihak kementerian telah pun mengambil langkah-langkah, pertama ialah untuk mendapatkan tapak dengan pihak Perancang Bandar dan Desa dan juga bagi untuk mendapatkan peruntukan bagi pelaksanaan Pusat Pembangunan Belia tersebut.

Dan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah memberikan satu perhatian yang berat mengenai dengan perkembangan ataupun pembangunan belia-belia di negara ini, iaitu melalui pemberian kemahiran-kemahiran melalui latihan-latihan dan kursus-kursus seperti yang diberikan oleh Pusat Pembangunan Belia yang ada pada masa ini. Dan ianya adalah bertujuan bagi membantu seperti yang saya katakan tadi, kepada belia-belia yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di peringkat akademik yang tinggi. Kerana mereka ini perlu juga diberikan kemahiran-kemahiran untuk membolehkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan sama ada bekerja dengan pihak-pihak swasta ataupun untuk membuat perniagaan mereka sendiri.

Dan kita mempunyai bukti yang kukuh kerana dengan cara memberikan kemahiran-kemahiran kepada golongan belia-belia berkenaan, mereka berjaya untuk keluar daripada masalah pengangguran dan juga daripada masalah kemiskinan sepertimana yang saya nyatakan seperti pengalaman di Pusat Pembangunan Belia yang ada di Daerah Brunei dan Muara sejak ianya ditubuhkan tahun 1996 hingga sekarang, ianya telah pun menghasilkan 1,700 lebih kaum belia yang diberikan latihan dengan berbagai-bagai latihan dan kemahiran.

Dan daripada jumlah tersebut, 71% daripada mereka telah pun dapat bekerja dengan pihak swasta ataupun bekerja dengan mengadakan perniagaan sendiri dan lebih kurang dari 2% daripada mereka dapat melanjutkan pelajaran mereka. Maka dari sana adalah terbukti bahawa belia-belia ini jika mereka diberikan kemahiran dan kepandaian, akan dapat menjamin masa depan mereka dan akan dapat membantu mereka keluar daripada masalah pengangguran dan juga daripada belenggu kemiskinan. Sebab kita berpegang kepada pepatah melayu, "*jika seseorang itu diberikan makanan, ianya akan dapat makan sehari ini sahaja, tetapi kalau seseorang itu diberikan pancing, ia akan dapat memancing ikan dan akan dapat memakannya pada setiap masa diperlukannya*".

Dan insya-Allah, Pusat Pembangunan Belia yang dicadangkan di Daerah Tutong itu akan disegerakan pelaksanaannya dan kursus-kursus yang akan diberikan di Pusat berkenaan bukan sahaja mengenai dengan kursus-kursus yang sedang berjalan pada masa ini, tapi juga mengambilkira mengenai

dengan keperluan kepada industri-industri minyak dan gas termasuk *methanol* yang ada di Daerah Tutong dan di Daerah Belait. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini saya ingin sedikit memberikan pandangan sebagai *thinking aloud* mengenai dengan khemah pengakap itu. Jadi saya berpendapat apa kiranya setelah tapaknya dikenal pasti dan difikirkan dinilai sebagai sesuai, apa kiranya kalau Ahli-Ahli Persatuan Pengakap dilibatkan dari awal-awal lagi untuk sebagai misalan membersihkan atau mendirikan struktur-struktur dari bahan-bahan tempatan yang diramu dari hutan-hutan di sekelilingnya. Kerana kita sering kali melihat dalam program-program televisyen bila diadakan perkhemahan atau jambori secara rasmi, ahli-ahli pengakap sungguh giat membina bermacam-macam *structures* yang menggunakan bahan-bahan tempatan.

Jadi kalaulah sesuai difikirkan, diadakan satu *on-going work program* bagi Persatuan Pengakap untuk mengusahakan tempat itu sambil juga mendapat pertolongan dari seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, agensi-agensi yang berkemampuan dan mempunyai pegawai dan kakitangan untuk menyelenggarakannya. Jadi ini merupakan satu usaha yang akan meninggikan lagi mutu ketrampilan atau *skills* ahli-ahli pengakap secara berterusan bukan sekali-sekala sahaja bila ada *formal camp* atau jambori barutah ternampak Ahli-Ahli Pengakap giat bekerja di khemah-khemah itu. Sekian, ini sebagai pendapat saya sahaja. Silakan Yang Berhormat Dato Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih di atas komen yang diberikan *if I can comment to response to that one*, sebenarnya bagi pihak Persatuan Pengakap sangat-sangatlah mengalu-alukan kalau dapat Pasukan Pengakap mengambil bahagian dalam proses pembinaannya. Memang dari dulu-dulu pun sudah abis kaola mencadangkan sedemikian supaya pihak Persatuan Ahli-Ahli Pengakap diberikan *opportunity* untuk sama-sama membina dan merancang untuk persediaan-persediaan tersebut. Malah abis kaola juga bersedia untuk menyediakan pekerja-pekerja untuk *what do you call*, untuk jadi *caretaker* sebenarnya tempat demikian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Goh.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola cuma ada satu soalan sahaja. Jika terdapat bencana alam yang berlaku di luar negara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan mengambil berat dengan menubuhkan satu badan untuk membantu bangsa berkenaan. Orang ramai dengan ikhlas menghulurkan derma melalui badan ini. Untuk itu kaola fikir orang-orang ramai perlulah tahu bagaimana derma yang dikutip itu disalurkan? Adakah dalam bentuk barang-barang keperluan makanan atau ubat-ubatan dan lain-lain. Jikalau boleh Menteri yang berkenaan perlulah melaporkan kepada orang-orang yang menderma. Tujuannya

untuk mengelakkan wang derma tersebut disalahgunakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih mungkin Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin mahu memberikan pandangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Pertama, kaola akan merespons mengenai dengan bantuan bencana alam yang diberikan kepada mangsa-mangsa di luar negara. Apa yang diamalkan pada ketika ini ialah bantuan-bantuan yang diberikan kepada mangsa-mangsa bencana alam di luar negara adalah dalam bentuk kewangan ataupun dalam bentuk *cash* kerana kita memikirkan adalah lebih baik bagi bantuan-bantuan itu disalurkan dalam bentuk kewangan melalui kedutaan-kedutaan kita di luar negara untuk disampaikan kepada badan-badan yang bertanggungjawab pada menyelenggarakan ataupun menangani masalah bencana alam di negara yang terjejas.

Sebab melalui dengan kewangan itu, maka kita mengkhususkan ataupun mematlamatkan bantuan-bantuan itu untuk digunakan bagi kerja-kerja pembangunan semula kawasan-kawasan yang terjejas di negara-negara yang menghadapi bencana alam tersebut. Dan dengan cara menyalurkan bantuan kewangan itu juga akan mengurangkan dari segi permasalahan kita untuk menghantar *in big consignment* ataupun dalam bentuk barangan yang

begitu banyak dan yang akan memakan belanja kepada negara-negara yang terjejas.

Dan kaola ingin menjawab kepada perkara-perkara yang ditimbulkan tadi mengenai dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Kompleks Sukan di Daerah Tutong. Yang sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah memberikan perhatian ke arah untuk melengkapkan ataupun *upgrade* kemudahan-kemudahan sukan yang terdapat di kompleks-kompleks Sukan di bawah kawalan kementerian ini seperti Kompleks Sukan Tutong dan termasuk juga di Kompleks Sukan Daerah Temburong dan juga Kompleks Sukan Mumong yang terdapat di Daerah Belait. Dan insya-Allah dengan peruntukan yang diberikan kepada kementerian bagi tahun 2011/2012 iaitu lebih kurang berjumlah \$8 juta bagi *upgrade* ataupun meningkat taraf kemudahan-kemudahan sukan di negara ini, maka kerja-kerja menaik taraf ataupun menambah kemudahan-kemudahan seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu tadi akan dapat dilaksanakan, insya-Allah.

Dan kaola juga ingin membuat respons mengenai dengan kompleks ataupun tempat perkhemahan pengakap seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas tadi yang mana kementerian sangat mengalu-alukan bagi penglibatan dan kerjasama bagi Persatuan Pengakap untuk mereka *input* ke arah memastikan taman ataupun *park* yang dihasratkan untuk kegiatan-kegiatan pengakap itu akan dapat memenuhi aspirasi ataupun kehendak-kehendak Persatuan Pengakap dan ianya menjadikan sebagai

satu taman yang sempurna yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti yang diperlukan untuk kegiatan-kegiatan pengakap dan juga bagi orang ramai di negara ini. Dan saranan Yang Berhormat Pehin bagi melibatkan bagi Ahli-Ahli Persatuan Pengakap untuk mengerjakan dari segi pemeliharaan kebersihannya dan seumpamanya kepada *park* ataupun taman itu nanti adalah satu cadangan yang dialu-alukan. Dengan cara yang demikian akan menjadikan ahli-ahli pengakap di negara ini akan menjadikan warga yang lebih bertanggungjawab yang mempunyai *sense of belonging and sense of pride* kepada pergerakan mereka. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih oleh kerana nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu bercakap, maka Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diluluskan menjadi sebahagian dari Jadual.

Jurutulis: Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana kita akan menghabiskan perbincangan hari ini awal daripada biasa kelmarin saya ada menyatakan pukul 11.30 pagi. Pada waktu itu saya berfikir jemputan yang beristiadat itu ialah untuk pukul 2.30 petang rupanya untuk pukul 2.00. Jadi sekarang baiklah kita berehat sebentar dalam setengah jam dan menyambung semula kemudian.

(Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

((Majlis bersidang semula))

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa tadi sudah kita tangguhkan. Sekarang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara juga ditangguhkan untuk berehat selama lebih kurang 30 minit. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang majlis mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya. Sebentar tadi Tajuk SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah selesai dibincangkan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Sekarang kita beralih pada Tajuk SL02A – Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jurutulis: Tajuk SL02A – Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SL02A – Dewan Bahasa dan Pustaka saya bukannya untuk perbahasan. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya cuma ada satu cadangan untuk dikemukakan bahawa di Mukim Liang terdapat pada masa ini sebanyak 6 buah sekolah dan Alhamdulillah sedikit masa lagi sebuah sekolah menengah

akan wujud di kampung tersebut, sebagai sumber pembelajaran anak bangsa di kawasan tersebut dan kawasan pendalaman di Daerah Belait. Di samping itu pertumbuhan bilangan penduduk di mukim dan kampung juga mendorong ke arah cadangan yang saya akan utarakan ini. Saya sukacita mencadangkan supaya sebuah khutub khanah akan dapat diadakan bagi menampung keperluan pembacaan masyarakat umum di kawasan Mukim Liang dan juga kawasan-kawasan di sekitarnya selain daripada kutubkhanah yang ada bergerak ke sekolah-sekolah. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli lain. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ada 2 perkara:-

1. Dalam keluaran Pelita Brunei pada 16 Oktober 2010, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah melancarkan Bulan Bahasa. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB), kaola sesungguhnya tertarik atas saranan Yang Berhormat Pehin yang mana menekankan penggunaan Bahasa Melayu di semua peringkat seperti pihak kerajaan, swasta, Institusi Pengajian Tinggi, pertubuhan,

Persatuan Rakyat serta penduduk di negara ini pada mendaulatkan Bahasa Melayu ibundanya sendiri. Yang Berhormat Pehin, apa yang kaola timbulkan di sini bahawa sejauh mana penggunaan Bahasa Melayu ini di kalangan yang terlibat sama mendaulatkannya terutama sekali warga perkhidmatan awam yang sentiasa berdepan dengan orang ramai;

2. Apakah Jabatan Dewan Bahasa ada mempunyai penilaian atau rujukan sepanjang Bulan Bahasa ini sama ada berkesan atau sebaliknya?; dan
3. Selain Bulan Bahasa ini apakah langkah atau rancangan pada memperkasakan Bahasa Melayu ini selaras seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang kedua Yang Berhormat Pehin kalau melihat mengenai dengan gaji Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka nampaknya \$40,800.00 pada tahun 2011/2012, tetapi timbalan pengarahnya \$59,520.00, apakah timbalannya pulang tinggi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Menteri silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Itu mengenai dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee, untuk mengadakan perpustakaan di Mukim Liang, perkara ini adalah diambil perhatian, sememangnya adalah menjadi matlamat

Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memperbanyakkan bagi mengadakan perpustakaan-perpustakaan di tempat-tempat awam khususnya di kawasan-kawasan perumahan awam dan dari masa ke semasa Dewan Bahasa dan Pustaka adalah membuat penelitian akan keperluannya untuk mengadakan perpustakaan-perpustakaan yang dimaksudkan itu, sebab kementerian adalah sedar bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka berperanan ke arah menjana masyarakat yang berilmu, menjana masyarakat yang berpengetahuan dan menjana masyarakat yang mempunyai budaya membaca, kerana dalam pembangunan negara pembacaan, pengetahuan dan ilmu itu adalah sangat diperlukan di kalangan rakyat dan penduduk untuk dapat membangun bangsa dan negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka dapat berperanan ke arah itu.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat ataupun soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Jaya Putera iaitu mengenai dengan sejauh mana penggunaan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam. Sememangnya Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam seperti yang kita sedia maklum sudah termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan sebagai Bahasa Rasmi Negara. Malahan di dalam perlembagaan juga mengangkat mertabat Bahasa Melayu itu dengan mengadakan peruntukan itu dalam mana jika terdapat percanggahan ataupun sebarang pertelingkahan mengenai dengan teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris perlembagaan itu maka teks Bahasa Melayu

itulah yang akan dipakai, maka di sini menunjukkan kepada kita akan kedudukan kedaulatan dan martabat Bahasa Melayu itu di Negara Brunei Darussalam.

Dan sememangnya penggunaan Bahasa Melayu bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam bahkan juga di negara-negara ataupun gagasan negeri-negeri Melayu di rantau ini menghadapi cabaran. Cabaran yang dihadapi ialah melalui globalisasi dan melalui ICT dan juga kita melihat bahawa Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam juga menghadapi hambatan-hambatan dan cabaran terutama sekali disebabkan meluasnya penggunaan SMS ataupun pesanan ringkas dalam mana bahasa-bahasa sudah tidak memakai Bahasa Melayu standard tetapi menggunakan bahasa ringkas ataupun bahasa rojak dan ini serba sedikit dapat menjejaskan penggunaan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Maka atas kesedaran itulah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka menghidupkan kembali Bulan Bahasa dengan harapan Bulan Bahasa itu akan dapat mengangkat semula akan martabat dan seterusnya penggunaan Bahasa Melayu secara meluas di Negara Brunei Darussalam dan dapat mengimbangi dengan kemasukan-kemasukan cabaran seperti yang dinyatakan tertutama sekali dalam penggunaan SMS di negara ini.

Sebab seperti yang kita sedia maklum bahasa menunjukkan bangsa dan ianya juga merupakan jiwa bangsa dan hilang bahasa, hilang bangsa maka kita tidak mahu Bahasa

Melayu di Negara Brunei Darussalam ini adalah terhakis ataupun menurun disebabkan oleh cabaran-cabaran globalisasi dan disebabkan oleh kurang pekanya generasi muda dalam penggunaan Bahasa Melayu secara meluas dan penggunaan Bahasa Melayu yang betul di negara ini.

Jadi walaupun pada peringkat ini belum ada kajian-kajian dibuat dari segi mutu ataupun pencapaian penggunaan bahasa di kalangan rakyat dan penduduk. Tapi apa yang dapat kita perhatikan terdapat penurunan. Sebab melalui kegiatan-kegiatan peraduan menulis surat, menulis memo, maka didapati kekurangan kemahiran di kalangan pegawai ataupun kakitangan kerajaan dalam menggunakan bahasa yang betul dalam menulis surat dan membuat memo dan ini menunjukkan bahawa kita perlu meningkatkan mutu dan kualiti penggunaan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Untuk mengangkat bahasa itu, bukan hanya setakat dari segi saranan-saranan tetapi ianya perlu didukung dan disokong dengan kegiatan-kegiatan, perancangan-perancangan dan projek-projek yang dapat melibatkan penyertaan orang ramai di negara ini. Jadi ke arah itu, Dewan Bahasa dan Pustaka mengunggukahkan berbagai-bagai projek bahasa, bukan hanya dihaskan sewaktu bulan bahasa tetapi juga di sepanjang tahun dan setiap masa bagi menggalakkan orang ramai di negara ini menggunakan Bahasa Melayu secara meluas dan secara teratur. Dan insya-Allah, dengan adanya projek-projek yang berterusan ia akan dapat memberikan galakan kepada orang ramai, khususnya

generasi muda di Negara Brunei Darussalam ini ke arah mencintai bahasa dan menggunakan bahasa secara meluas dan betul.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola meminta izin untuk menjawab soalan yang awal yang diajukan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha, iaitu mengenai dengan budaya. Iaitu apakah perancangan-perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke arah mengangkat budaya di Negara Brunei Darussalam ini? Sepertimana juga yang kita maklum, budaya memainkan dan memberikan sumbangan yang sangat penting dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Ianya memberikan warna dan keindahan, kemurnian dan kesopanan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Budaya juga menyumbang kepada perpaduan dan kesatuan berbangsa. Tanpa budaya, sesuatu bangsa tidak kenali asal usulnya dan menjadikan bangsa dan negara tidak mempunyai identiti yang unggul dan tersendiri. Ini akan menjadikan bangsa itu bangsa pelarian dan *confuse* yang sentiasa mencari identitinya.

Jadi dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kita mempunyai dasar budaya, yang mana dasar budaya berkenaan, menekankan pada mengukuhkan semangat cinta dan taat setia rakyat kepada bangsa dan negara dan juga kepada konsep Melayu Islam Beraja. Memelihara dan mengembangkan kebudayaan negara sebagai amalan hidup bernegara. Melahirkan dan mengekalkan bangsa Brunei yang berbudaya dan memupuk dan meningkatkan

semangat perpaduan demi ketenteraman, keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan rakyat.

Dan ke arah pengembangan budaya di negara ini, berbagai kegiatan telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Kebudayaan iaitu melalui kegiatan-kegiatan promosi kebudayaan, mengadakan pertandingan lagu-lagu asli, perkembangan seni muzik dan tarian dan lagu tradisional, mengadakan persembahan tradisi kesenian dan kebudayaan di dalam dan di luar negara. Mengadakan penerbitan-penerbitan *fillers* dengan kerjasama RTB dan menerbitkan buku-buku rencana risalah yang berkaitan sejarah, tradisi, budaya dan bahasa bangsa Brunei dan mengadakan kempen-kempen kebudayaan. Dan semua ini adalah akan diadakan secara berterusan. Dalam waktu yang sama, kementerian juga merancang bagi pembinaan sebuah balai budaya yang akan menjadi mercu tanda kegemilangan budaya bangsa Brunei, insya-Allah.

Mengenai dengan gaji di antara Penolong ataupun Timbalan Pengarah atau Pengarah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha tadi, perkara ini akan diteliti di mana kalau betul ada terdapat kesilapannya akan diperbetulkan nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli lain? Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan kaola mengucapkan terima kasih di atas ketajaman Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha mengenai dengan gaji Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebenarnya Yang Berhormat Pehin Pengerusi, sebagaimana jua yang berlaku kepada jawatan-jawatan yang kosong, kerajaan telah memutuskan mana-mana jawatan yang kosong, kita hanya akan memberikan gaji kira-kira 6 bulan, mengambil kira proses-proses lantikan dan sebagainya. Tapi apabila ianya diisi secara tetap.

Insya-Allah perkara itu akan dibayar secara sepenuhnya. Itu saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi yang mengapa ia \$40 ribu itu, yang kaola difahamkan semasa membuat bajet ini, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka adalah masih dipangku. Jadi sebab itulah ianya diberikan hanya separuh 6 bulan gaji daripada yang sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lagi ahli-ahli yang lain mahu bercakap, maka Tajuk SL02A – Dewan Bahasa dan Pustaka, diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SL02A – Dewan Bahasa dan Pustaka, dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL03A – Jabatan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SL03A – Jabatan Belia dan Sukan, saya bukakan untuk dibahaskan. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, di sini kaola akan menimbulkan dua perkara di Jabatan Belia dan Sukan. Di mana di negara kita Brunei Darussalam khususnya dalam bidang sukan memanglah amat-amat digemari oleh belia-belia di negara ini. Jadi melihat keadaan ini, yang mana ketika ini belia-belia masih menghargai dan menghendaki gelanggang-gelanggang dan tempat-tempat permainan.

Jadi apa yang ingin kaola timbulkan supaya penduduk-penduduk di kawasan Kampung Ayer khususnya yang mana dapat difikirkan supaya penduduk-penduduk di Kampung Ayer ini akan dapat dibuat gelanggang permainan, misalnya gelanggang permainan futsal dan juga gelanggang permainan sepak takraw. Begitu juga terdapat kampung-kampung di Daerah Brunei Muara ini ada kampung-kampung yang tidak mempunyai sebuah sekolah. Jadi belia-belia di kampung itu tidaklah mempunyai tempat yang khusus untuk mengadakan permainan. Jadi begitu juga saya cadangkan supaya kampung-kampung yang tidak mempunyai sebuah sekolah ini, supaya dibuat gelanggang permainan iaitu seperti gelanggang futsal dan gelanggang sepak takraw.

Yang kedua, mengenai dengan kejayaan Jabatan Belia dan Sukan, baru-baru ini telah pun berjaya, mengenai dengan penempatan "Belia Cinta Tanah Air" yang telah di

tempatkan di mukim-mukim yang terpilih di daerah-daerah negara ini, yang mana melihat daripada sambutan dan minat daripada belia-belia yang di tempatkan di mukim-mukim, nampaknya amat menggalakkan sekali, yang mana belia-belia dapat menimba ilmu, pengetahuan serta pengalaman yang terdapat di luar daerah-daerah masing-masing. Khususnya bagi mengetahui sendiri sikap-sikap, budaya, pembuatan kraf tangan, masakan tradisi-tradisi, mengetahui permainan tradisi dan juga memahami cara hormat menghormati dalam keluarga. Dan juga belia-belia merasa sendiri dan membuat sendiri, melakukan sendiri aktiviti-aktiviti yang dibuat sepanjang aktiviti yang ditempatkan di mukim-mukim. Jadi abis kaola mencadangkan supaya penempatan belia ini, program ini dipanjangkan atau dilanjutkan kepada belia-belia sewaktu cuti sekolah khususnya. Jadi untuk diberi peluang kepada penuntut-penuntut dan anak-anak sekolah. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahad dari Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola akan menimbulkan dua perkara di dalam dewan yang mulia ini:-

1. Adalah dipohonkan dan akan dapat pertimbangan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya beberapa buah gelanggang terbuka bagi sukan yang popular di Daerah Temburong iaitu futsal, takraw, bola jaring dan bola tampar di kawasan

Kompleks Sukan Daerah Temburong yang kaola maklumi mempunyai kawasan 30 hektar. Maka keperluan gelanggang terbuka bagi sukan-sukan tersebut adalah diperlukan. Pada masa ini beberapa buah gelanggang terbuka yang terdapat di beberapa buah kampung di Temburong adalah di atas bantuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan mengharapkan supaya ianya dapat diperbesarkan dan dipelihara dari masa ke semasa; dan

2. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam merujuk di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam, di dewan yang mulia ini, kaola ada menyuarakan mengenai dengan lampu-limpah dapat diadakan di Padang Kompleks Sukan Batu Apoi. Yang mana perkara ini sudah diambil maklum oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang kaola tanyakan, apakah kedudukannya mengenai perkara ini. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola akan menjawab pertanyaan ataupun soalan daripada Yang Mulia Awang Haji Sulaiman Ahad dahulu.

Mengenai dengan lampu-limpah di Kompleks Sukan Temburong. Sememangnya isu lampu-limpah ini telah pun pernah ditimbulkan di dalam dewan yang mulia dan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah pun mengambil langkah-langkah ke arah untuk mengatasi ataupun menyelesaikan masalah yang ditimbulkan. Dan Alhamdulillah, satu kajian sebut-harga telah pun dibuat untuk bagi anggaran untuk melaksanakan kerja-kerja bagi mengadakan lampu limpah di Kompleks Sukan Temburong yang mana akan lebih kurang dianggarkan \$700,000.00. Dan perkara ini, insya-Allah akan dapat dilaksanakan dengan adanya peruntukan yang akan diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah jua ke arah menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan yang terdapat di beberapa buah kampung di Daerah Temburong, seperti Kampung Parit, Kampung Piasau-Piasau, Kampung Senukoh, Kampung Negalang, Kampung Puni, Kampung Selangan, Kampung Semabat, Kampung Rataie, Kampung Belais dan Kampung Menengah.

Dan bolehlah kaola menyibat jua pada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor iaitu bagi mengadakan kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan Kampung Ayer. Yang sebenarnya, adalah menjadi matlamat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memperbanyakkan kemudahan-kemudahan sukan di kawasan-kawasan perumahan di Negara Brunei Darussalam ini. Kerana dengan cara demikian dapat memberikan

lebih banyak peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan bagi kaum belia kita untuk bergiat dalam sukan dan riadah untuk kesihatan dan juga untuk mencapai taraf sukan yang tinggi.

Dan bukan setakat itu sahaja, sebagai matlamat kementerian untuk mempertingkatkan pencapaian sukan di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun mengungkayahkan bagi menyediakan satu kalendar tahunan sukan supaya sukan-sukan itu akan disediakan, akan diadakan sepanjang tahun di seluruh negara. Bukan hanya berpusat di Brunei dan Muara tetapi juga di daerah-daerah yang lain seperti di Belait, Tutong dan Temburong. Dengan demikian akan dapat melibatkan banyak lagi kaum belia di negara ini untuk bergiat di dalam sukan.

Dan begitu juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengambil langkah-langkah dalam usahanya untuk memperbanyakkan penyediaan tempat-tempat riadah dan sukan di Negara Brunei Darussalam ini dengan mengadakan rundingan-rundingan dengan agensi-agensi yang lain seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan. Dalam mana kita akan berkongsi sumber ke arah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan ini. Jadi dengan cara yang demikian akan dapat memaksimumkan peruntukan-peruntukan yang ada itu dalam memberikan kemudahan-kemudahan sukan kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam.

Dan pada ketika ini sebagai langkah untuk mempergiatkan lagi penglibatan orang ramai untuk bersukan dan beriadah bagi kesihatan. Maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah pun menggunakan kawasan-kawasan yang terdapat di kawasan Stadium Negara Brunei Darussalam ini dengan mengadakan gelanggang-gelanggang sukan seperti netball, futsal, football dan seumpamanya itu. Dan kita dapat melihat sambutan yang begitu menggalakkan diberikan kepada orang ramai kepada penggunaan gelanggang-gelanggang yang disediakan di kawasan stadium iaitu di kawasan letak kereta.

Maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan melaratkan kemudahan-kemudahan ini akan menggunakan peruntukan-peruntukan yang akan diberikan nanti untuk memperbanyakkan kemudahan-kemudahan berkenaan. Dan juga mengadakan rundingan-rundingan dengan agensi-agensi berkenaan ke arah untuk menggunakan sumber-sumber yang terdapat bagi memberikan kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan.

Mengenai dengan saranan untuk mengadakan "Program Cinta Belia Tanah Air", bukan sahaja waktu sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Cadangan yang dikemukakan itu adalah satu cadangan sangat dialu-alukan dan pihak kementerian akan mengambil langkah-langkah seterusnya untuk memastikan Program Belia Cinta Tanah Air ini bukan hanya berkisar pada musim Hari Kebangsaan tetapi di sepanjang tahun ke arah melibatkan belia-belie di negara ini untuk mempunyai semangat jati diri, cinta

kepada negara, cinta kepada raja, cinta pada ugama dan pada waktu yang sama juga akan menyatupadukan kaum belia di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya cuma ada satu perkara untuk diutarakan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas usaha KKBS meningkatkan dan membaik pulih Kompleks Sukan Mumong yang sudah berusia itu. Memandangkan perkembangan dan peningkatan aktiviti-aktiviti sukan di semua peringkat umur di mukim dan kampung di Daerah Belait, yang mana sangat menggalakkan. Saya mencadangkan supaya Jabatan Belia dan Sukan dapat membuat satu penelitian atau tinjauan mengenainya. Dan sekiranya ternyata apa yang saya sebutkan tadi itu positif, maka saya ingin mencadangkan sebuah lagi kompleks sukan yang bersesuaian dan di tempat yang sesuai bagi menampung kehendak para atlet-atlet yang saya sebutkan di atas tadi di daerah tersebut. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Dan saya

juga mengucapkan terima kasih di atas saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee tadi. Dan sememangnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan, telah pun memberikan perhatian untuk kemungkinan bagi mengadakan lagi satu kemudahan ataupun kompleks sukan di Daerah Belait di samping kompleks sukan yang ada ini. Dan kawasan ataupun lokasi yang di dalam pemerhatian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah Arena Sukan Seria. Yang mana arena tersebut adalah merupakan sebagai salah satu ikon dalam perkembangan sejarah sukan di Negara Brunei Darussalam. Dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berpendapat bahawa adalah bersesuaian jika arena sukan Seria itu dapat dikembangkan semula ataupun dibaik pulih dan untuk digunakan bagi kemudahan-kemudahan sukan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana tidak ada lagi ahli yang mahu bercakap. Maka Tajuk SL03A – Jabatan Belia dan Sukan diluluskan menjadi sebahagian dari Jadual.

Jurutulis: Tajuk SL03A – Jabatan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana sudah hampir jam 11.00 pagi. Maka oleh kerana kita semua akan menghadiri majlis yang beristiadat, Persidangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula

sebentar lagi sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada hari Sabtu, 7 Rabiulakhir 1432 bersamaan 12 Mac 2011 jam 9.00 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Jumaat, 6 Rabiulakhir 1432 / 11 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

**(Tidak hadir sebelah petang atas urusan
tertentu)**

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pukul 2.30 petang**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis
Mesyuarat Negara bersidang semula pada
hari ini iaitu hari kesembilan didahului
dengan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib
Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin
Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji
Awang Abdul Hamid (Imam Masjid Omar
'Ali Saifuddin)**

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat petang.
Alhamdulillah dapatlah kita bersama-sama
lagi untuk mengadakan untuk meneruskan
persidangan majlis ini. Saya ingin
mengucapkan penghargaan dan terima kasih
kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana
bersetuju untuk hadir pada menyambung
permesyuaratan majlis ini. Hari ini ialah hari
kesembilan kita bermesyuarat dalam Musim
Permesyuaratan Ketujuh ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat kelmarin
Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari
Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis
Mesyuarat Negara di peringkat

Jawatankuasa masih lagi membincangkan
Rang Undang-Undang Perbekalan
2011/2012, ada terdapat beberapa tajuk
besar yang perlu dibincangkan seterusnya.
Dengan demikian untuk membolehkan majlis
ini bersidang sebagai Jawatankuasa
sepenuhnya maka Persidangan Majlis
Mesyuarat Negara saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir
Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat,
kelmarin kita telah membincangkan Tajuk
Besar Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan dan Jawatankuasa telah meluluskan
beberapa Tajuk Kecil di bawah Kementerian
tersebut. Pada petang ini, memandangkan
Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia
dan Sukan tidak dapat hadir oleh kerana ada
urusan lain yang juga penting maka tajuk-
tajuk di bawah kementerian itu yang
belum diluluskan akan dibincangkan
kemudian nanti apabila Yang Berhormat itu
dapat hadir. Sekarang kita beralih
kepada tajuk seterusnya iaitu Kementerian
Kesihatan.

Jurutulis: Tajuk SM - Kementerian
Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang
Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang
Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja
Khatib Dato Seri Setia Awang Haji
Mohd. Yusof:** Bismillahir Rahmanir

Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana mengizinkan kaola untuk memberikan mukadimah awal tentang senario dan rancangan Kementerian Kesihatan. Adalah memang kita tidak dapat nafikan Negara Brunei Darussalam sedang menghadapi pelbagai cabaran dari segi aspek kesihatan yang datangnya bukan saja dari dalam malah dari luar negara. Isu-isu yang juga melanda negara-negara lain di seluruh dunia dikhuatiri boleh menjejaskan pencapaian status kesihatan negara. Cabaran-cabaran yang saya maksudkan antara lainnya seperti berikut:

- (a) Perubahan demografi penduduk (*ageing population*) bukan sahaja di Brunei malahan juga negara-negara di dunia ini;
- (b) Kemunculan baru atau semula penyakit-penyakit berjangkit iaitu "*the emergence and re-emergence of certain infectious diseases*" NCDs seperti SARS dan influenza H1N1;
- (c) Peningkatan penyakit-penyakit kronik atau *non-communicable diseases* seperti kanser, penyakit jantung, kencing manis penyakit-penyakit *cardiovascular* dan tekanan darah tinggi di mana penyakit-penyakit seperti ini adalah penyebab-penyebab utama kematian di Negara Brunei Darussalam; dan

(d) Masalah dan juga cabaran yang kita hadapi pada masa ini juga ialah kegemukan atau obesiti juga satu cabaran yang perlu kita tangani.

(e) Peningkatan perbelanjaan bagi teknologi perubatan.

Cabaran-cabaran tersebut yang saya nyatakan tadi menyebabkan Negara Brunei Darussalam menghadapi bertambahnya kos pembiayaan bagi rawatan perubatan dan pencegahan kesihatan termasuklah peningkatan perbelanjaan pembelian ubat-ubatan di negara ini dari semasa ke semasa. Menyedari akan hakikat ini Kementerian Kesihatan sedang dan akan terus menerus berusaha mengurangkan peningkatan kos perbelanjaan dengan memfokuskan aspek mempromosi kesihatan, pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit khususnya yang berbentuk kronik.

Di antara langkah-langkah strategik yang dikenal pasti berkesan dalam usaha untuk mengurangkan menghidap penyakit kronik ialah melalui usaha-usaha mempromosikan cara hidup sihat (*health promotion*) dan juga pendidikan serta kesedaran mengenai kesihatan.

Kementerian Kesihatan menekankan pendekatan, pencegahan dan pengawalan penyakit melalui amalan hidup sihat dan kesedaran masyarakat melalui berbagai-bagai program yang kita maklumi bersama seperti Mukim Sihat, Jerayawara, pameran, forum, simposium, pemeriksaan kesihatan (*health screening*), bukan sahaja di mukim-mukim malahan juga di kalangan pegawai-

pegawai kerajaan. Kita juga mengujudkan klinik cara hidup sihat dan sebagainya. Ini meliputi bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai kerajaan tetapi juga institusi-institusi pendidikan dan masyarakat umum di negara ini.

Bagi memantap dan memperkesakan lagi mempromosi kesihatan maka Kementerian Kesihatan akan melancarkan "*Health Promotion Blueprint*" pada tahun ini insya-Allah. *Blueprint* ini mengandungi pelan tindakan untuk dilaksanakan secara bersepadu oleh berbagai pihak di Kementerian Kesihatan sebagai *leading agency* dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, pihak NGO dan juga masyarakat di negara ini dalam kita bersama-sama mendokong visi Kementerian Kesihatan "Ke Arah Warga Sihat" dan Wawasan Brunei 2035. *Blueprint* itu antara lainnya akan memfokus mengukuhkan infrastruktur sumber-sumber serta mekanisme mempromosi kesihatan bagi memastikan keberkesanan dan kedayatahanan langkah-langkah dan program-program yang akan dirancang. Menubuhkan dan memantapkan program-program promosi kesihatan yang menjurus kepada mempromosi permakanan sihat dan kegiatan fizikal serta mengurang badan berat di kalangan mereka mengalami obesiti dan mengurangkan bagi mereka yang merokok.

Salah satu strategi utama Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan status kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini ialah dengan memberikan fokus penyediaan sistem penjagaan kesihatan dengan memberikan fokus penyediaan sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif dan

menekankan kecemerlangan perkhidmatan Pendekatan holistik dengan secara *universal health coverage* yang dimaksudkan meliputi aspek-aspek promosi, pencegahan, rawatan dan pemulihan.

Dalam pemberian perkhidmatan perubatan dan kesihatan, Kementerian Kesihatan akan terus memberikan keutamaan kepada penjagaan kesihatan asasi (*primary health care*) di samping terus meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan pada peringkat *secondary* dan *tertiary* iaitu bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan di ke semua peringkat tersebut. Perkhidmatan Kesihatan Asasi yang diberikan melalui pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan di seluruh negara ini adalah berperanan penting sebagai "*gate keeper*" bagi mengesan dan merawat penyakit-penyakit sebelum penyakit-penyakit itu menjadi kronik dan susah hendak dirawat.

Penyediaan perkhidmatan kesihatan yang saksama mudah diperolehi dan diberikan melalui rangkaian kemudahan infrastruktur seperti hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kesihatan serta pelbagai kemudahan kesihatan lainnya yang universal secara berterusan telah dapat meningkatkan status kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini. Salah satu *indicator* yang dijadikan sebagai sukat-sukat kepada prestasi sistem kesihatan ialah jangka hayat penduduk dalam negara yang mana ketara meningkat di negara ini. Jangka hayat bagi lelaki di negara ini meningkat daripada 74 tahun dalam 2001 kepada 76.6 tahun pada tahun 2008. Manakala bagi wanita peningkatan daripada 77.1 tahun pada tahun 2001 kepada 79.8 tahun pada tahun 2008.

Jangka hayat ini adalah setanding dan tidak banyak perbezaannya dengan negara-negara maju. Misalnya saya membawakan di sini ialah negara-negara yang saya maksudkan. Bagi lelaki di Singapura, Australia, Canada, Italy dan Jepun ialah 79 tahun. Manakala jangka hayat bagi perempuan negara lain seperti Australia, Italy, Spain, Switzerland 84 tahun manakala Singapura dan Sweden 83 tahun.

Dalam pada itu, kejayaan program imunisasi kebangsaan lebih 20 tahun khusus di kalangan kanak-kanak secara percuma di mana pada tahun 2009 telah mencapai di antara 99.4% hingga 100%. Ini melebihi daripada sasaran yang ditentukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu menghendaki 95% dan dasar kerajaan dalam penjagaan kesihatan secara komprehensif yang diamalkan di negara ini menyumbang kepada pencapaian negara memenuhi Matlamat Pembangunan Melenium (*Millennium Development Goals 2015*) dalam hal ehwal kesihatan yang khususnya menekankan untuk mengurangkan kadar kematian di kalangan anak-anak damit dan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah.

Misalnya sahaja tahun 2009 kadar kematian anak-anak damit (setahun ke bawah) di negara ini telah dapat dikurangkan dengan drastiknya 7.4 pada setiap 1,000 kelahiran kita banding pada tahun 1967 sebanyak 36.7. Manakala di kalangan kanak-kanak 5 tahun ke bawah pada tahun 2009 telah juga dapat dikurangkan pada kadar 82 pada setiap 1,000 kelahiran berbanding dengan kadar 20 kematian pada setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1980.

Pencapaian kita juga telah pun kita dapat rasai iaitu berhubung dengan pembebasan penyakit-penyakit berjangkit seperti kolera, malaria yang sehingga pada masa ini dapat kita capai di mana ianya adalah termasuk juga salah satu *Millennium Development Goals*. Ini adalah satu pencapaian yang sangat-sangat membanggakan. Namun demikian, usaha sepadu diperlukan untuk meningkatkan lagi status dan kualiti kesihatan di negara ini supaya diperbaiki selaras dengan pencapaian negara-negara maju.

Berhubung dengan pencapaian status kesihatan golongan wanita juga termasuk (*Millennium Development Goals*) bahawa kita lihat statistik nisbah kematian ibu bersalin yang mana Negara Brunei Darussalam mencatat *maternal mortality ratio* yang sangat rendah pada purata 1 hingga 2 kematian dilaporkan semenjak beberapa tahun yang lalu. Ini adalah dengan wujudnya Perkhidmatan Ibu dan Kanak-Kanak dan (*A Maternal and Child Health Services*) disediakan perkhidmatan seperti *antenatal care*, *postnatal care*, (penjagaan kesihatan sebelum dan selepas beranak), klinik kesejahteraan kesihatan wanita dan pendidikan kesihatan dan *home nursing*.

Kalau kita lihat nisbah penduduk kepada doktor di negara ini ialah seorang doktor 913 penduduk dibandingkan dengan negara-negara lain seperti France, Italy, negeri-negeri maju 270 orang seorang doktor, Singapura 620 orang dan juga negara-negara maju memanglah berkurangan.

Berhubung dengan nisbah penduduk kepada doktor gigi pula ialah seorang doktor gigi

adalah 5,642 orang dibandingkan dengan negara-negara lain, setiap seorang doktor gigi seperti Singapura 3,420, manakala negara-negara maju seperti USA, Australia, Canada dan Iceland kebanyakannya ialah kurang daripada itu, ada 625 dan seumpamanya.

Nisbah di antara farmasi lebih tinggi lagi di negara ini. Bagi seseorang farmasi iaitu 9,671 orang dibandingkan dengan Singapura, seorang farmasi ialah 3,130, manakala di negara-negara maju seperti UK 769 dan Australia 909 orang. Walaupun dibandingkan, seperti nisbah doktor pergigian di negara ini seperti yang saya nyatakan tadi tinggi, alhamdulillah kita juga berasa bangga, perkhidmatan pergigian di negara ini mencapai kejayaan. Ini adalah kerana seperti kita ketahui bersama, pesakit-pesakit yang mengalami rawatan gigi tidak perlu dihantar ke luar negeri, walaupun nisbah setiap seorang doktor gigi itu adalah tinggi di negara kita ini. Satu pencapaian ini adalah sekurang-kurangnya dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan menghantar pesakit-pesakit.

Dalam pada itu juga, ini adalah kerana Jabatan Perkhidmatan Pergigian mempunyai 73 doktor pergigian, yang mana 43 daripadanya adalah anak-anak tempatan, dan 8 orang anak tempatan kita ialah *specialist*. Dibandingkan dengan doktor-doktor perubatan kesihatan, doktor-doktor pergigian adalah yang lebih ramai di kalangan anak tempatan dibandingkan dengan doktor-doktor perubatan dan kesihatan. Di negara ini, kita mempunyai doktor-doktor termasuk di kalangan dalam kategori pakar perubatan, kesihatan dan

pergigian sebanyak 558 orang. Daripada 558 orang ini termasuk pakar-pakar, hanya 39% di kalangan anak-anak tempatan yang selebihnya ialah doktor-doktor daripada luar negara. Manakala kalau kita melihat di kalangan pakar-pakar sama ada dalam kategori pakar perubatan, pergigian dan kesihatan kita hanya mempunyai 30 orang pakar-pakar tempatan, 54 orang pakar-pakar dari luar negeri iaitu 36% daripada pakar perubatan adalah di kalangan anak-anak tempatan dan 64% orang pakar-pakar dari luar negara.

Walaupun bagaimanapun, kita juga menggalakkan anak-anak tempatan kita termasuk doktor-doktor untuk melanjutkan pelajaran pelbagai bidang kepakaran di luar negeri. Sehingga pada masa ini kita juga telah menggalakkan lebih banyak pakar-pakar bukan sahaja pakar-pakar perubatan, malahan juga kemahiran-kemahiran dalam *allied professional* dan juga jururawat-jururawat. Kerana walaupun ada pakar-pakar perubatan, kita juga menghendaki satu team yang berkemahiran yang boleh membantu dan menolong pakar-pakar perubatan, doktor-doktor dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Jadinya itulah kita menggalakkan lebih ramai lagi di antara jururawat dan *allied professional* mengambil bidang kepakaran dan kemahiran khusus untuk memberikan kualiti perkhidmatan kesihatan yang lebih baik di masa-masa akan datang, insya-Allah.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita juga menyedari bahawa walaupun terdapat banyak kemudahan-kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan di Negara Brunei

Darussalam, adalah disedari banyak juga kekurangan-kekurangan, misalnya dari isu-isu kesesakan di RIPAS dan ketidakselesaian dalam perkhidmatan dan kemudahan kesihatan.

Walau macamapun, langkah-langkah dan usaha-usaha akan terus diambil untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu kesihatan khususnya dalam memberikan kemudahan-kemudahan yang sangat-sangat diperlukan. Saya ingin menggariskan di sini beberapa projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan:-

1. Insyah-Allah memandangkan kepada kesesakan pesakit-pesakit khususnya di kalangan wanita dan kanak-kanak. Satu projek iaitu Pembinaan Blok Baru Bagi Perempuan dan Kanak-Kanak di kawasan Hospital RIPAS yang mana ianya telah pun ditawarkan kepada kontrak yang berjaya menelan belanja \$57,359,000.00. Projek ini insyah-Allah akan bermula sedikit masa lagi dan akan memakan masa dalam 30 bulan;
2. Projek Bangunan Makmal Saintifik dan Makmal Kesihatan Awam berjumlah \$7.5 juta, di mana kerja-kerja mengenainya telah dimulakan pada awal bulan Mac 2011 dan dijangka akan dapat disiapkan pada Oktober 2012;
3. Pusat Pengasingan dan Kurantin Kebangsaan di Pekan Tutong yang berjumlah \$8.4 juta. Bangunan ini sudah siap dan hanya menunggu kabel dipasang dan menghendaki alat perkakas, *equipment* untuk dibekalkan di pusat tersebut;
4. Pusat Dialisis Tutong, insyah-Allah ia akan memudahkan kepada mereka yang memerlukan dialisis berjumlah \$3.89 juta dalam proses pembinaan, dan insyah-Allah ia akan dapat disiapkan pada hujung tahun ini;
5. Manakala Pusat Kesihatan Lamunin berjumlah \$2.241 juta, dalam proses pembinaan dan dijangka akan siap pada hujung tahun ini juga;
6. Manakala Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, berjumlah \$4.199 juta dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun ini;
7. Manakala Bangunan Perkhidmatan Farmasi berjumlah \$6.8 juta bertempat di Kampung Madaras iaitu berdekatan di *highway* dekat kawasan yang tidak jauh daripada kawasan Rancangan Perumahan Rimba. Di mana kerja-kerja tanah telah dimulakan dan dijangka akan siap pada bulan Mac 2012;
8. Bangunan Stor dan Perubatan Kesihatan Negara yang pada masa ini telah dihadapkan kepada Lembaga Tawaran Negara untuk dipertimbangkan;
9. Pusat Kesihatan Rimba, Gadong, harga rancangan \$9.14 juta, reka bentuknya dalam *finalization* pada masa ini dan akan ditenderkan;
10. Manakala Pusat Kesihatan Berakas "B" akan dibina. Insyah-Allah akan dapat diselesaikan kerana tapak pada

awalnya di kawasan atas bukit telah dinilai dan saya sendiri melihat keadaan di sana adalah tidak bersesuaian mungkin akan menghadapi masalah-masalah *parking*. Maka perundingan telah pun diadakan di antara Kementerian Kesihatan dengan Jabatan Perumahan Negara dan juga di antara Yang Berhormat Menteri Pembangunan di sini bahawa satu kawasan akan dikenal pasti kemungkinannya akan diletakkan berhadapan dengan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

11. Penambahbaikan dan pengubahsuaian wad-wad kemudahan- kemudahan dan bilik-bilik seperti Bilik Operasi di Hospital RIPAS yang kita lihat pada masa ini, beberapa wad-wad dan klinik-klinik dalam proses pengubahsuaian untuk dinaik taraf.
12. Pengubahsuaian dan pembaikan wad-wad di Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait di mana ianya hampir selesai pada masa ini. Ini termasuklah juga menambah kemudahan-kemudahan parking dan memperbaiki tempat-tempat laluan di kawasan tersebut.
13. Pembekalan MRI yang mana pada masa ini dalam penelitian Lembaga Tawaran Negara.
14. Pembelian "*machine extra shock wave lithrotripter*" adalah khusus bagi rawatan kes-kes pemecahan batu karang di dalam buah pinggang dan saluran *ureter*.

15. Pembelian 7 buah kereta ambulans baru akan dibekalkan insya-Allah pada bulan Jun 2011.

Seperti kita maklumi bahawa masalah kesesakan-kesesakan trafik di kawasan Hospital RIPAS, dan juga masalah parking maka Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan *Traffic Flowing* dan juga letak kereta. Jawatankuasa ini dipengerusikan Timbalan Setiausaha Tetap Pentadbiran Kewangan dan mengandungi keahlian dari pihak polis, pihak bomba, pihak JKR dan juga pihak-pihak berkenaan dalam usaha mengatasi dan juga serba sedikit untuk memberikan keselesaan bukan saja di kalangan pesakit-pesakit ataupun pengunjung-pengunjung ke RIPAS tetapi juga bagi kemudahan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di RIPAS.

Kita juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana telah menyediakan kewangan yang banyak iaitu sebanyak \$5 juta bagi menangani masalah-masalah penyakit berjangkit iaitu dikhususkan membiayai perkara-perkara yang berhubung kait dengan penyakit penyakit berjangkit yang merebak.

Dalam pada itu, seperti yang kita maklumi, Kementerian Kesihatan sedang mengungayahkan projek ICT yang diberi nama *Brunei Darussalam Health Care Information Management System* nama singkatnya BRU-HIMS, yang mana bukan sahaja menggantikan sistem-sistem yang ada pada masa ini tetapi juga ia akan menjadikan sistem BRU-HIMS ini sebagai

sistem yang berintegrasikan pengurusan maklumat pesakit-pesakit di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan. Sistem ini akan mengandungi sistem perjanjian, sistem pengurusan pesakit luar, sistem penjagaan klinikal, sistem makmal, sistem farmasi, sistem radiologi, sistem kejururawatan, sistem bilik bedah, sistem harta benda dan seumpamanya.

Insya-Allah kumpulan data-data yang dikendalikan melalui sistem-sistem tersebut menjadikan kepada *record electronic* pesakit. Kaedah *record electronic* pesakit ini akan diperkenalkan di mana setiap individu itu nanti di negara ini akan mempunyai satu *record electronic* pesakit yang mengandungi sejarah-sejarah perubatan komprehensif pesakit-pesakit, Kod bagi pesakit ini insya-Allah akan diintegrasikan dengan menggunakan sistem Pendaftaran Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menggunakan kad pengenalan dan juga bagi kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah akan digunakan kod-kod pengenalan bagi ibu-ibu mereka.

Apa yang kita harapkan seperti sungutan-sungutan mencari rekod-rekod yang sumpama itu apatah lagi kelambatan-kelambatan dalam pemberian ubat dan seumpamanya, insya-Allah secara berperingkat-peringkat akan dapat menyelesaikan masalah dan mempertingkatkan lagi efisiensi perkhidmatan bukan saja di kementerian malahan memberikan perkhidmatan kepada pesakit yang lagi efisiensi dan mudah mendapatkan akses bagi urusan-urusan rawatan.

Insya-Allah juga, di peringkat-peringkat seterusnya kitani akan memperkenalkan *tele-medicine* iaitu akan dapat berinteraksi, insya-Allah semestinya lagi pakar-pakar perubatan di Hospital RIPAS itu akan datang ke hospital-hospital atau *Health Centre* di negara ini.

Projek BRU-HIMS telah pun ditawarkan dan telah pun ditutup pada Januari 2011 dan ketika ini dalam proses penilaian dan akan dihadapkan kepada pihak yang berkenaan.

Sejajar dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mementingkan *Human Capital Investment* di mana ianya adalah salah satu faktor kejayaan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan serta yang berkualiti tinggi dan berkesan serta dapat memperbanyakkan pakar-pakar tempatan yang berkemahiran. Kementerian Kesihatan menggalakkan lebih ramai doktor-doktor, jururawat-jururawat dan ahli profesional-profesional tempatan untuk menjadi pakar dan berkemahiran tinggi di bidang masing-masing.

Seperti yang kita sedia maklum, bahawa dengan adanya kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Skim Perkhidmatan Perdoktoran adalah sebagai satu insentif atau pendorong yang lebih menggalakkan ramai doktor-doktor untuk mendapatkan kepakaran dan kemahiran-kemahiran di luar negeri.

Di samping itu juga, Kementerian Kesihatan juga berusaha untuk membanyakkan lagi minat di kalangan penuntut-penuntut mengambil bidang-bidang perubatan dan kesihatan. Jerayawara akan terus dilibatkan lagi di kalangan penuntut-penuntut di institusi-institusi pendidikan untuk mereka ini digalakkan untuk mengambil di bidang-bidang perubatan dan kesihatan.

Di samping itu usaha-usaha juga telah ditubuhkan iaitu dengan kerjasama Institute Science Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD bagi meningkatkan *capacity building* di mana pada masa ini mengadakan *program post-graduate MSc Primary Health Care, Bachelor Health Science and Diploma* dalam bidang-bidang perubatan dan kesihatan. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah membuat *collaboration* dan MOU dengan institusi-institusi perubatan luar negeri seperti University of Queensland, Australia, University of Otago, King's College dan juga akan dilaksanakan membuat MOU dan *collaboration* dengan institusi tersohor di luar negara.

Apa yang juga saya difahamkan oleh rakan sejawat sini Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa pada masa ini dalam 2005 hingga 2010, seramai 102 orang mahasiswa telah mengikuti *Bachelor of Health Science Medical* di Institut Science Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam dan 44 orang daripada mereka ini sedang meneruskan program pengajian mereka di *Partner of Medical Schools* di luar negeri seperti St's George University of London, University of Southampton, Nottingham

University UK, University of Queensland, University of Melbourne, University of Glasgow, University of Glory, Canada.

Di masa yang sama, pegawai-pegawai dalam bidang profesion masing-masing adalah digalakkan supaya menjalani *life-long training*, menghadiri mesyuarat, kursus, simposium, seminar bukan sahaja di luar negeri malah di dalam negeri didatangkan pakar-pakar dihasratkan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kepakaran di kalangan anak-anak tempatan di negara ini.

Penguatkuasaan undang-undang terus dilaksanakan yang mana antara lainnya menyumbang kepada pencegahan dan pengawalan penyakit seperti Perintah Penyakit berjangkit dan Perintah Tembakau dan peraturan-peraturannya. Undang-undang lain seperti Perintah Ubat-Ubatan dan Perintah Peraturan mengenai Kawalan Produk Kosmetik serta Akta Permakanan adalah bagi melindungi keselamatan awam dari bahaya produk makanan serta ubat-ubatan yang tidak memenuhi piawaian antarabangsa di aspek keselamatan, kualiti dan keberkesanannya.

Sebagaimana kita sedia maklum jua, seringkali Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil perhatian berat dan sangat mengambil pemedulian tentang hal ehwal kualiti kesihatan di negara ini. Di mana ini terbukti dengan keberangkatan baginda secara tidak berjadual pada tahun lepas dua kali, iaitu di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait pada 6 Julai 2010 dan juga

di Hopital RIPAS dan Kementerian Kesihatan pada 20 Oktober 2010.

Semasa keberangkatan baginda di Kementerian Kesihatan, baginda juga telah menitahkan "*bahawa adalah mustahak supaya para doktor bersifat telus dalam perkhidmatan mereka, tidak boleh mengambil ringan terhadap pesakit, mereka perlu mengenali pesakit mereka, apa jenis penyakit, apa rawatan yang sesuai dan risiko kesihatan mereka*" Juga baginda telah menitahkan "*negara memerlukan lebih banyak doktor tempatan yang mempunyai kelulusan kepakaran dan perancangannya perlu dipertingkatkan*".

Saya juga ingin mengimbas kembali tentang titah baginda sempena awal tahun baru Masehi 2011, di mana baginda menitahkan "skim baru untuk doktor bertujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan doktor berkualiti tinggi dari dalam dan luar negeri. Bagi anak-anak tempatan pula, skim baru ini diharap mampu untuk menyuntik semangat, mereka menceburi pelbagai bidang perubatan sehingga ke peringkat kepakaran". Keprihatinan hal ehwal kesihatan juga di kalangan ibu-ibu di mana baginda memperkenankan Peraturan Cuti Beranak yang baru dengan menaikkan cuti beranak bagi ke semua pegawai-pegawai kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam dari 66 hari kepada 105 hari. Ini adalah semata-mata bagi meningkatkan kualiti kesihatan di kalangan ibu-ibu dan anak-anak.

Berhubung dengan keprihatinan dan titah-titah baginda tersebut, Kementerian

Kesihatan sangat menjunjung tinggi dan juga menjunjung setinggi-tingginya insya-Allah akan menanai dan mengambil perhatian dalam usaha mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempertingkatkan kualiti kesihatan di negara ini.

Akhir sekali, Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengongsikan maklumat di sini dan saya menganggap perkara ini adalah juga penting untuk makluman bersama di mana baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan tiga projek besar bagi Kementerian Kesihatan:-

1. Menyediakan pelan induk (*masterplan*) Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam;
2. Menyediakan pelan induk (*masterplan*) Pembinaan Hospital Baru bagi Negara Brunei Darussalam;

Kedua-dua projek ini adalah bagi persediaan untuk membuat perancangan yang lebih terperinci dan juga sekaligus bagi pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik kesihatan serta fasiliti kesihatan bagi pembangunan di masa akan datang. Ini adalah menepati kehendak negara dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan secara menyeluruh dan holistik kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini. Pelaksanaan perancangan dan pembangunan infrastruktur hospital dan rangkaian kemudahan sistem kesihatan negara ini adalah sangat-sangat penting untuk jangka masa panjang, bukan

sahaja untuk pembangunan sosial ekonomi negara tetapi juga untuk lebih berdaya tahan dan mendukung Wawasan Negara Brunei 2035; dan

3. Menyediakan pelan induk Menaik Taraf dan Pembaikan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Seperti kita sedia maklum, hospital tersebut telah mulai beroperasi tahun 1984, iaitu 26 tahun yang lalu dan pada masa ini telah diubah suai dan juga *facilities-facilities* yang sangat-sangat mendadak diperlukan telah dilaksanakan tetapi ianya memerlukan jangka masa panjang untuk dinaik taraf bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan juga adalah dikhususkan untuk menaikkan lagi imej Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ini setanding dengan hospital-hospital antarabangsa. Dan kita juga hendak memastikan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ini akan dapat memenuhi piawaian atau *standard-standard* kesihatan dan amalan-amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

Saya menganggap ketiga-tiga projek ini adalah sangat penting, projek-projek ini akan dibukakan melalui *expression of interests* kepada konsultan-konsultan yang berkemahiran dan berpengalaman khususnya dalam bidang *planning* kesihatan. Pada masa ini *term of reference* dan spesifikasi bagi tiga projek ini adalah sedang dalam proses penilaian dan penyediaan. Insya-Allah, nanti ketiga-tiga projek ini nanti akan dapat meningkatkan dan memantapkan lagi sistem dan kualiti

kesihatan semata-mata untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Sekian saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana berkesudian mendengar mukadimah awal kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat banyak mahu mengemukakan soalan dengan adanya mukadimah atau apa yang disebut oleh RTB sebagai Yang Berhormat Menteri membuka tirai untuk perbahasan. Mungkin ada di antara soalan-soalan yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sini bercadang untuk mengemukakan sudah pun dicover atau pun diliputi oleh ucapan Yang Berhormat Menteri yang berdetail itu. Jadi mungkin Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin untuk menyesuaikan soalan itu, soalan-soalan yang mereka cadang untuk mengemukakan. Silakan Yang Berhormat Haji Bakar Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, abis kaola ingin menyampaikan beberapa tajuk di dewan yang mulia ini yang mana ada di antaranya perkara-perkara ini adalah satu perkara yang penting bagi masyarakat dan penduduk di daerah ini:-

1. Iaitu mengenai dengan keadaan Hospital RIPAS sekarang ini yang menjadi sungutan orang ramai, iaitu mengenai dengan *air-condition* di

Hospital RIPAS ini terlalu sejuk. *Complain* daripada orang ramai ia inda tahan ditahan di wad-wad ani kerana terlalu sejuk. Jadi mudah-mudahan perkara ini dapat disedari dan dapat disesuaikan terutama di wad-wad yang berkenaan. Di samping itu juga abis kaola ingin menekankan iaitu mengenai dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai.

Jadi ketika ini masih juga terdapat sedikit daripadanya Tekad Pemedulian Orang Ramai ini masih perlu pembaikannya. Dan diucapkan juga tahniah. Ada di antaranya Tekad Pemedulian Orang Ramai ani adalah sangat-sangat dipuji. Contohnya, apabila seorang jururawat itu merawat seseorang pesakit dengan cara yang terbaik dan mengikut Tekad Pemedulian Orang Ramai, yang begitu dikagumi. Contohnya pesakit ini melayan, "Assalamu'alaikum Tuan Haji, apa khabar kita? "Khabar baik". "Berapa kali sudah kita masuk ke hospital?" "Barutah sekarang ani Dang? Jadi dengan adanya ia menyebut baru tah sekali atu, nurse ani sudah faham bahawasanya dengan secara psikologinya, ia sudah memahami.

Jadi sementara ia memahami ani, "Tuan Haji kami ani kan mengambil darah Tuan Haji tiga botol". "Bah". Jadi pesakit ani tadi sudah bersedia. Dengan adanya rawatan nurse ani yang sangat-sangat terpuji, jadi sewaktunya mengambil darah tadi, jururawat ani membawa bercerita. 'Berapa orang cucu kita Tuan Haji? Diberitahunya.

Kemudian berapa orang laki-laki, berapa orang bini-bini? Kemudian, abis Tuan Haji umur berapa? "Masa ani 65 tahun Dang Nurse". Dalam keadaannya mengambil darah tadi, pesakit ani inda terasa, dibawanya berbual-bual. "Oh! 65 tahun sudah Tuan Haji. Indaku percaya Tuan Haji, kita ani macam umur 50 tahun Tuan Haji". Jadi pesakit ani inda terasa. Oleh sebab umurnya atu dimudakan 15 tahun, tiga botol darah yang diambil jururawat tadi atu, inda terasa sakit. Inilah kebijaksanaan psikologi seorang jururawat yang pandai menyesuaikan dirinya dengan pesakit-pesakit.

Tetapi sebaliknya, perkara yang harus diperbaiki. Ada seorang nurse, "Assalamu'alaikum Liau". Dengan perkataan "Liau" atu pun sudah sedih ia mendengarkan. "Umurku 60 tahun ani, dipanggilnya "Liau", satu.

Kedua, "Kami ani kan mengambil darah Liau sebotol saja". "Jangan bekuat Liau ah, kalau kita bekuat, patah jarum ani karang, kena potong tangan kita, jari kita ani". Nah! tambahan tah lagi ia tungkal. Sudah pun ia takut, diberitahu lagi kan dipotong. "Jangan kita bakuat, jangan dikeraskan ah". Jadi dengan indada apa-apa cerita yang mengkhayalkan kadidia, ia pun terus mengambil darah. Pesakit ani pun mengatakan, "Eh! sakit Dang Nurse". "Eh! kita ani Liau eh, macam kanak-kanak kita ani". Lagi sekali orang ani sedih, disama-samakannya macam kanak-kanak. Jadi anilah salah satu

perbezaan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai yang baik, dan juga yang harus dipertingkatkan.

Jadi, selepas itu, pesakit ini akan bercerita kepada orang lain, kepada orang ramai. "Eh, nurse seorang itu, yang tinggi-tinggi itu, sakit eh, tidak pandai nurse itu, tangannya kasar. Kemudian yang mengambil kelmarin bahari itu, itu ya nah. Yang putih-putih badannya itu, gemuk-gemuk itu barutah, halus tangannya bah, tidak terasa bah". Padahal sama saja tu caranya mengambil, tidak salah, lurus. Oleh sebab perbezaan pandainya psikologi itu, jadi tidak terasa. Jadi dengan adanya Tekad Pemeduliaan Orang Ramai ini adalah sangat penting, sangat mustahak dari segi perubahan dan menghadapi orang ramai;

2. Mengenai dengan peluang pegawai-pegawai yang berkursus di universiti-universiti di luar negeri, yang lain daripada apa yang telah ditaklimatkan oleh Yang Berhormat Pehin tadi, khususnya universiti luar negeri yang *topnya* 50 tahun ke bawah, contohnya universiti yang terdapat di England supaya dicadangkan dinaikkan ke *top* 50 tahun ke atas. Tujuannya supaya peluang bagi pemohon-pemohon ini jadi meluas, dan peluang akan dapat dinikmati oleh penuntut-penuntut dari Negara Brunei Darussalam. Ini adalah sebagai satu cadangan daripada pegawai-pegawai di negara ini.

3. Pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai serta kakitangan di Kementerian Kesihatan ini sungguh berbangga kerana mempunyai kelulusan masing-masing. Ada yang mempunyai kelulusan ijazah, diploma, degree dan sarjana muda. Jadi di antara ini, kedegaran sungutan-sungutan daripada pegawai-pegawai ini, supaya penelitian semula dan dikaji mengenai dengan penyesuaian tangga gaji masing-masing kerana mengikut kelulusan masing-masing juga adalah berbeza. Jadi ini salah satu daripada sungutan daripada pihak orang ramai;
4. Senario mengenai dengan kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan pengambilan di kementerian ini dikatakan adalah masih berkurangan, dibandingkan dengan keluarnya pegawai-pegawai berpencen dan juga bertambahnya penduduk-penduduk yang perlu dilayan oleh pihak yang berkenaan. Jadi maksudnya, pengambilan sedikit, pertambahan orang ramai bertambah dan yang berpencen semakin banyak dan tidak bersesuaian;
5. Apakah perkara ini jika tersalah, abis kaola mohon perbetulkan. Apakah benar jika penduduk tetap yang memegang kad pengenalan warna ungu mengatakan bahawasanya apabila ia atau bila pesakit ini akan menjalani pembedahan, ianya akan dikenakan bayaran, tidak sama dengan penduduk tetap, penduduk dalam negeri ini. Kononnya, yang memiliki kad ungu ini akan dikenakan bayaran \$2,800.00

seorang untuk menjalani pembedahan. Jika perkara ani kaola tersalah, tolonglah dibetulkan; dan

6. Abis kaola di sini menerima satu cadangan supaya diadakan semula iaitu Kumpulan Jawatankuasa Pelawat Hospital, Pelawat Rumah Sakit, yang mana terdiri daripada pegawai-pegawai kanan di kementerian-kementerian di negara ini dan juga sebahagiannya daripada NGO yang dipilih. Tujuannya adalah untuk mengadakan lawatan-lawatan dan sambil berbincang dengan kementerian untuk mendapatkan penyelesaian perkara-perkara yang harus dicadangkan dan akan diperbaiki. Jadi barangkali, itu saja yang abis kaola dapat sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Banyak soalan ani Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Insya-Allah, kaola akan sedaya upaya memberikan penjelasan dan penerangan tentang apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Terlebih dahulu kaola di sini ingin mengucapkan berbilang terima kasih ke atas keprihatinan Yang Berhormat Pehin dan juga perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, tadi yang disuarakan oleh Yang Berhormat ialah keadaan *aircon* di Hospital RIPAS. Selalunya yang mengompelin ni Yang Berhormat Pehin, inda ada ber*aircon*, ani yang didengar ani, terlampau sejuk pula. Jadinya dalam perkara ini, ianya adalah *central aircon*. Kita mengambil perhatian perkara ani. Yang memberi kekhuatiran kaola pula, *aircon* itu rosak pula Yang Berhormat Pehin, ani *aircon* itu terlampau sejuk. Perkara ani akan diambil perhatian tentang sungutan yang dihadapi tersebut dan insya-Allah, ianya akan dapat kitani *adjust* dalam *temperature* yang sesuai.

Berhubung dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai, ada yang memberikan layanan yang baik, sempurna, ada yang memberikan layanan yang kurang baik. Ani barangkali kaola ingin jua memberikan pepatah, "*Rambut Sama Hitam, Hati Berlainan*". Memanglah hasrat Kementerian Kesihatan berulang-ulang kali semasa ada perjumpaan-perjumpaan kah, tentang layanan-layanan ini adalah mustahak cara berhemah tinggi, bersopan santun apatah lagi *client* Kementerian Kesihatan ini Yang Berhormat Pehin, orang kurang sihat, orang yang perlu dirawat untuk diperbaiki. Ianya memerlukan layanan yang baik dan bersopan santun supaya dengan adanya layanan tersebut akan mesra dan juga akan secara psikologinya akan memberikan mereka ini berkeadaan yang selesa, senyum dan seumpamanya.

Perkara itu memang diambil perhatian Yang Berhormat Awang Haji Bakar adalah tidak dapat dinafikan ada aduan-aduan segelintir daripada mereka ini memberikan layanan kurang baik. Perkara ini

telah pun ditekankan dan beberapa kali Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif-inisiatif mengadakan kursus-kursus, program-program bersopan santun terutama sekali baru-baru ini kita mendengar kurang layanan yang baik daripada telefon-telefon operator yang dikenal pasti. Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan dengan mengadakan kursus-kursus kepada mereka ini supaya akan dapat mempertingkatkan dan memperbaiki apa jua kekurangan-kekurangan layanan di Kementerian Kesihatan.

Soalan tentang kursus-kursus di luar negeri *the top 50*. Kita yang sebenarnya seboleh-bolehnya kita menghantar pegawai-pegawai *even to the extend students-students* ani kalau dapat *the top 50 Universities* supaya kitani mahu pegawai-pegawai kitani yang berkualiti tinggi bukan yang kurang kualiti. Kalau sekiranya kitani menghantar pegawai-pegawai kitani, penuntut-penuntut di universiti yang kurang berkualiti dan kurang yang tersohor, maka kemungkinan-kemungkinan produknya itu jua akan kurang. Yang dimaksudkan di sini, terutama sekali Kementerian Kesihatan menghantar mereka ini di tempat-tempat institusi perubatan yang berkualiti tinggi.

For instance kita telah mengenal pasti beberapa institusi-institusi perubatan di Germany, Switzerland bukan saja di United Kingdom tetapi juga kita hendak mengenal pasti di mana-mana tempat yang tersohor dapat kitani menghantar dan memberikan kursus-kursus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan dari luar negeri

bagi menambahkan lagi *value added* kepada *quality* yang ada pada masa ini.

Berhubung dengan pengambilan daripada orang yang sudah berpencen yang sebenarnya Kementerian Kesihatan telah sedaya upaya untuk mengisikan kekosongan-kekosongan yang ada di Kementerian Kesihatan. Pada masa ini kita mempunyai seperti rekod yang ada pada saya sebanyak 477 kekosongan. Ini kemungkinan oleh sebab orang yang sudah berpencen dan seumpamanya dan kalau di Kementerian Kesihatan mana-mana pegawai yang sudah bersara dan masih lagi dikehendaki perkhidmatannya, apatah lagi sukar untuk mendapat penggantian kepada orang-orang berkemahiran, mereka ini akan disokong disambung dari masa ke semasa tertaklukkan kepada masih lagi ia berupaya dari segi kesihatan dan juga kebenaran daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Pengambilan-pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan ini adalah tertaklukkan kepada kriteria-kriteria yang tertentu yang ditentukan syarat-syaratnya, kalau mereka ini terpilih ataupun memenuhi syarat-syaratnya, insya-Allah mereka ini akan diambil tetapi mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat tertentu itu akan diiklan semula bagi mengisikan mana-mana kekosongan jawatan.

Dan ada lagi tadi ialah tentang gaji. Di Kementerian Kesihatan yang sebenarnya seperti yang kita sedia maklum banyak jawatan-jawatan adalah *specialist allied professional* dan banyak di kalangan jururawat-jururawat. Ada banyak jawatan-jawatan seperti yang dimaksudkan lebih

daripada mungkin ada 30, 40 jawatan barangkali. Walau macamanapun Kementerian Kesihatan telah juga mengambil inisiatif di mana 16 *Skim Allied Health professional* di Kementerian Kesihatan telah pun dihadapkan kepada pihak yang tertentu melalui Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji dan menilai skim-skim perkhidmatan bagi mereka ini. Dan ianya saya percaya masih lagi dalam proses pertimbangan. Misalnya saja jawatan Jurupulih Anggota, *Speech Therapist*, *Radiology*, Psikologi, *Maxillofacial*, mengkaji dengar dan seumpamanya.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat mungkin jawatan-jawatan tersebut ada disenaraikan dalam rang bajet itu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Kaola, dan lagi, satu lagi untuk diadakan JAKSA Pelawat Rumah Sakit. Adalah difahami seperti di Penjara, di Al-Islah memang ada JAKSA pelawat. Saya telah pun bertanyakan kepada pegawai di kementerian. Dulu-dulunya memang saya ingat, Yang Berhormat Pehin ada JAKSA pelawat di hospital-hospital di negara ini. Insya-Allah perkara ini akan diambil perhatian dan di *review* tentang keperluan untuk mengadakan pelawat-pelawat rumah sakit di kalangan bukan saja di kalangan pegawai-pegawai kerajaan malahan juga pihak-pihak awam. Mereka dapat memberikan maklumat-maklumat balas untuk menjadikan *input* kepada Kementerian

Kesihatan di mana-mana kekurangan dan cadangan-cadangan yang perlu diperbaiki untuk mengukuhkan lagi sistem kesihatan di negara ini.

Satu lagi berhubung dengan ada penduduk tetap, penduduk tetap sama ada dikenakan bayaran *operation* dan seumpamanya. Dalam hal ini, kita mempunyai satu peraturan dikhususkan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang diberikan rawatan kesihatan percuma termasuklah dihantar ke luar negeri di atas penilaian-penilaian yang dibuat oleh pakar-pakar dan mana-mana rawatan tersebut tidak dapat dijalankan di negara ini.

Termasuk kadang-kadang ada juga perkhidmatan-perkhidmatan tersebut kita hantar ke *Gleneagals Jerudong Park Medical Centre* dan juga *National Cancer Centre* dan juga Pusat Sains dan Strok di Jerudong. Berhubung dengan Kad Unggu ani, yang sebenarnya mereka ini diperlukan membayar pada kadar-kadar yang tertentu. Di sini kalau dibandingkan di negara luar lagi mahal tetapi adalah kadar-kadar yang sederhana. Atulah yang dapat kaola sampaikan setakat ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin awal-awal sudah tadi mengangkat tangan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola mengalu-alukan

mukadimah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang sangat komprehensif dan menyeluruh mengenai dengan pentadbiran dan perancangan Kementerian Kesihatan untuk memeduli kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Di atas mukadimah yang panjang lebar itu kaola ucapkan terima kasih. Perkara yang akan kaola timbulkan ini belum disentuh dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebentar tadi iaitu kaola ingin menimbulkan mengenai dengan ubat-ubatan yang masuk dan dijual di negara ini dari luar negeri sama ada kawalan yang sewajarnya telah dilakukan menurut peraturan-peraturan yang ada. Apa yang diketahui ada di antara ubat-ubatan yang masuk ke negara ini dijual dahulu di kedai-kedai selepas itu didapati ada di antara ubat-ubat tersebut kemudiannya diharamkan atau ditarik balik penjualannya kerana dikatakan mengandungi bahan-bahan yang terlarang atau memudaratkan, walhal orang ramai sudah membeli dan menggunakannya atau memakannya.

Kaola berpendapat adalah lebih baik jika semua jenis ubat-ubatan yang masuk di negara ini dan akan dijual pada orang ramai itu terlebih dahulu diperiksa dan dianalisa kandungannya atau bahan-bahannya sebelum dibenarkan masuk dan dijual kepada orang ramai di negara ini bagi menjaga keselamatan orang ramai. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Haji Idris bin Haji Abas.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya juga mengucapkan terima kasih di atas penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi yang begitu komprehensif dan berpanjang lebar, sana jelas membayangkan, menggambarkan pencapaian kesihatan di negara ini begitu tinggi, diucapkan syabas dan tahniah. Alhamdulillah kita bersyukur dan berterima kasih sebagai rakyat di negara ini kita masih lagi boleh mendapatkan rawatan-rawatan percuma. Rawatan percuma perkhidmatan kesihatan ini juga boleh dikatakan telah meningkatkan standard kesihatan dan juga meningkatkan usia hayat hidup, *average life expectancy*, kira-kira 78 tahun sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Saya tidak payah membuat *detail* nya lagi. Kesemuanya ini telah dapat dicapai dengan adanya kemudahan-kemudahan Rumah Sakit RIPAS, JPMC Medical Centre, beberapa buah *health centre* ataupun pusat kesihatan yang mana disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, juga perkhidmatan-perkhidmatan doktor-doktor, pakar-pakar perubatan dan jururawat-jururawat yang berkelayakan dan ubat-ubatan yang percuma. Kesemuanya ini memerlukan peruntukan seperti yang kita bincangkan di dalam Permesyuaratan Belanjawan Negara pada hari ini.

Peruntukan ini sentiasa meningkat setiap masa, setiap tahun dan ini perlu disediakan dan ini bergantung juga kepada pendapatan negara untuk menyediakannya sejauh mana kah kita akan boleh bertahan, ini terpulang kepada kedudukan ekonomi dan pendapatan negara.

Soalan saya apakah perancangan-perancangan kementerian buat masa depan untuk memantau isu-isu ini supaya kita akan masih dapat lagi bertahan ataupun *sustainable* dan terus mendapatkan khidmat-khidmat perubatan yang baik?. Saya percaya kementerian mempunyai berbagai-bagai perancangan sepertimana yang telah diterangkan sebagai perbandingan di negara-negara maju, *developed countries* masa ini salah satu langkahnya ialah untuk mengadakan skim insurans seperti *system medical care*, untuk health care plan, kalau saya tidak silap satu kajian telah dibuat pada beberapa tahun yang lepas, yang lalu mengenai dengan perkara ini.

Bagi isu yang kedua, kaola ingin menimbulkan mengenai dengan halal pharmaceutical. Saya difahamkan satu JV ataupun Join Venture kerjasama di antara Kementerian Kewangan dan Canadian Pharmaceutical Company (VIVA) untuk membuat *manufacturing plan* bagi membuat perubatan-perubatan halal, vitamins, nutritional supplement sudah pun berjalan dan beroperasi. Usaha sama ini adalah sangat-sangat dialu-alukan, saya ingin bertanya adakah peluang-peluang dibukakan untuk pengusaha-pengusaha tempatan, sejauh manakah penyertaan sektor swasta di dalam berusaha sama ini yang telah dicapai di dalam projek perusahaan ini?

Hasil produk perubatan ini kalau digunakan untuk kegunaan tempatan, saya rasa akan memberi keuntungan dan mungkin menolong menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Kalau ianya dieksport untuk pasaran luar negeri ianya juga mempunyai potensi *market demand* yang tinggi lebih-lebih lagi untuk negara-negara dunia Islam. Seterusnya ia akan mendapatkan pulangan yang tinggi. Adakah cadangan untuk membukakan sebagai company yang beroperasi itu sebagai *public listed company* di mana saham-saham akan dapat dijual kepada orang ramai. Saya rasa ini adalah satu contoh yang baik yang patut diikuti di dalam meningkatkan, penggunaan label Brunei Halal ataupun jenama Brunei Halal. Soalan saya apakah yang sudah dicapai di dalam menembusi pasaran eksport keluar negeri?. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya fikir baik jua perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan sebentar.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang selaku Majlis Mesyuarat Negara sepenuhnya dan walau macamana pun saya fikir persidangan ini ditangguhkan untuk berehat selama 30 minit. Terima kasih.

(Majlis berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita akan meneruskan perbincangan dalam peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Maka persidangan Majlis Mesuarat Negara ini saya tangguhkan. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya. Sebentar tadi kita telah membincangkan Tajuk Kementerian Kesihatan. Maka saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kesihatan adalah sangat penting untuk kehidupan dengan kata lain, kesihatan lebih penting berbanding wang. Jika rakyat mempunyai tahap kesihatan yang sihat, ia akan menjadi satu aset dalam pembangunan negara. Yang Berhormat Pehin apakah cadangan ataupun strategi Kementerian Kesihatan bersama Kementerian yang berkenaan untuk memastikan agar rakyat Brunei akan sentiasa mempunyai kesihatan yang baik?.

Walau bagaimanapun, pada pandangan kaola, sebahagian rakyat Brunei tidak mengambil berat tentang kesihatan mereka, seperti berikut:-

1. Kemudahan perubatan yang diberikan kepada rakyat Brunei adalah percuma;
2. Kurangnya iklan kesihatan di media masa seperti cara mengamalkan cara hidup sihat. Jika iklan seperti ini disiarkan, rakyat Brunei akan lebih prihatin terhadap kesihatan mereka;
3. Kementerian Kesihatan perlulah menggalakkan orang ramai untuk menggunakan kemudahan seperti *fitness zone* dengan memberikan mereka sebarang bentuk sokongan. Jika boleh kemudahan seperti *fitness zone* ini perlulah ditambahkan untuk menggalakkan orang-orang ramai menggunakannya; dan
4. Jika boleh setiap kampung atau mukim, perlulah mengadakan aktiviti-aktiviti riadah setiap-tiap minggu untuk memastikan rakyat Brunei mempunyai tahap kesihatan yang baik dengan sokongan, bantuan dari Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin Menteri Kesihatan, bolehkah Yang Berhormat Pehin berkongsi maklumat tentang jumlah orang-orang asing berhutang kepada Kementerian Kesihatan? Pada persidangan tahun lalu, kaola memberikan cadangan tentang insurans *medicare* untuk melindungi pekerja asing jika mereka sakit ataupun kemalangan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Buruh mempunyai satu dasar, jika kuota pekerja asing disambung, majikan hendaklah mengambil jaminan bank untuk menghantar balik pekerja jikalau majikan menghadapi masalah-masalah kewangan.

Kaola bercadang dasar insurans medicare ini dan jaminan bank perlulah diselaraskan jika majikan ingin mengambil buruh asing. Kaola berharap Menteri yang baru ini, bolehlah mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Menteri silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.

Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Dan sekali lagi kaola mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sebelum rehat tadi telah bertanya beberapa masalah terutama sekali kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa, yang menyuarakan tentang ubat-ubatan yang masuk ke negeri ini dijual dan ada didapati mengandungi bahan-bahan yang negatif dan terpaksa dilarang untuk dijual.

Dalam perkara ini, kaola ingin menjelaskan bahawa pengawalan ubat-ubatan di Negara Brunei Darussalam, memang kitani mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu misalnya:-

1. Perintah Ubat 2007;
2. *Medicine Standard Provision and Peace Regulation 2010*, pada tahun lepas telah dikuatkuasakan;
3. *Medicine Leveling Regulation 2010* juga tahun lepas dikuatkuasakan;

4. Akta Racun 1956; dan

5. Peraturan Penyalahgunaan Dadah.

Ingin kaola nyatakan di sini bahawa Perintah Ubat 2007, produk ubat bermaksud apa-apa jua bahan atau barang yang dikilang, dijual, dibekalkan, diimport atau dieksport untuk digunakan bagi merawat, mencegah, mendiagnosis penyakit dan membius. Matlamat utama peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Ubat 2007 adalah bagi memastikan produk-produk ubat-ubatan yang dipasarkan di negara ini adalah selamat, berkualiti dan tidak memberikan kesan negatif. Seperti kita sedia maklum pengawalan ubat di Negara Brunei Darussalam termasuk ubat tradisional dan tambahan kesihatan dilaksanakan mengikut keutamaan dan keupayaan jabatan.

Sehingga sekarang terdapat lebih 10 ribu jenis produk ubat *Pharmaceutical* dan 4 ribu jenis ubat tradisional dan produk tambahan kesihatan yang pernah diimport. Bayangkanlah jumlah ubat-ubatan yang berada di negara, bukan sahaja di negara kitani memang di luar negeri pun satu isu yang sangat-sangat diambil perhatian dan adalah sukar untuk dikuatkuasakan dengan sepenuh-penuhnya. Mengikut peraturan, semua pengimportan produk ubat mestilah dibuat melalui deklarasi kastam yang hanya dibenarkan masuk ke negara ini selepas mendapat *endorsement* daripada Jabatan Perkhidmatan Farmasi. Ertinya semua ubat-ubatan yang di *import* dari *entry point* itu, dihadapkan borang dan senarainya namanya dan di *endorse* oleh Jabatan

Farmasi sebelum ia dibenarkan untuk dipasarkan. Bagi pengimportan ubat-ubatan seperti tersenarai di bawah Akta Racun *endorsement* hanya akan diberikan kepada pengimport yang mempunyai lesen racun yang sah.

Sebelum *endorsement* kemasukan produk ubat melalui borang deklarasi kastam. Semua produk ubat mestilah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam garis pandu termasuk mestilah berdaftar di Agensi Pengawalan Ubat di satu negara yang diiktiraf seperti di Australia, Canada, USA, United Kingdom, Malaysia dan Singapura. Ubat tersebut tidak mengandungi barang yang dilarang melalui pemeriksaan fizikal contoh ubat dengan merujuk kepada *Asian Post Marketing Alert System Database*.

Bagi produk ubat yang dihasilkan dari darah dan *batch* produk dimestikan ianya disertai dengan *batch release certificate* dan *certificate analysis* bagi memastikan produk tersebut tidak mengandungi virus-virus yang merbahaya. Selalunya ubat-ubat kadang-kadang diambil contoh secara *random*. Dibuat semasa pengimportan di *entry point* untuk dianalisa di makmal dan dimestikan produk berkenaan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan. Pendaftaran ubat secara *provisional* sejak tahun 2006 di mana dokumen-dokumen teknikal produk dinilai secara terperinci bagi memastikan produk tersebut mematuhi kriteria keselamatan kualiti dan keberkesanannya sebelum produk didaftarkan untuk dipasarkan.

Keperluan teknikal produk-produk ini adalah selaras dengan *ASEAN Common Technical Dossier* dan *ASEAN Common Technical Requirements* yang telah dipersetujui oleh semua negara ASEAN dalam merealisasikan komuniti ASEAN 2015. Apa yang tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato Haji Puasa tadi ubat-ubat tersebut sudah dapat dijual, ada mengandungi bahan-bahan yang membahayakan. Pada pertama kalinya memanglah ubat-ubat itu termasuk dalam senarai. Kemungkinan-kemungkinan pada *second time* mereka dimasukkan ani Yang Berhormat Pehin Pengerusi memang tidak bercheck. Kadang-kadang mereka ini didapati memasukkan bahan-bahan macam *steroid*, ini yang membahayakan.

Jadinya setelah diperiksa dimakmal Bahagian Farmasi yang didapati boleh membahayakan, ubat itu terpaksa ditarik. Dan kadangkala Jabatan Farmasi mengadakan rondaan-rondaan dan pemeriksaan-pemeriksaan di tempat-tempat yang tertentu bagi memastikan ubat-ubat tersebut tidak mengandungi racun dan membahayakan keselamatan. Jika didapati ubat itu akan ditarik balik dan disiarkan media masa. Bukan saja itu kadang-kadang, maklumat diterima daripada negara-negara ASEAN yang didapati ubat-ubat tersebut boleh membahayakan, ia akan dimaklumkan kepada negara-negara ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam. Jadinya Negara Brunei Darussalam sendiri akan mengisytiharkan bahawa ubat-ubat tersebut mengandungi bahan-bahan yang membahayakan dan ianya perlu ditarik balik daripada tempat-tempat yang dijual di mana-mana saja di negara ini. Itulah yang

dapat kaola jelaskan berikutan dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Dato Haji Puasa.

Berhubung dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Dato Paduka Haji Awang Idris tentang perkara, isu yang ditimbulkan tadi ialah berhubung kait dengan *sustainability*, berhubung tentang pembiayaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Seperti kita maklum bahawa Kementerian Kesihatan akan sentiasa memastikan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang saksama. Yang mustahak sekali kita mesti memahami *equitable* mudah diperolehi dan *affordable* oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini. Di mana kitani telah memenuhi *Universal Health Coverage* kepada semua rakyat dan penduduk di negara ini.

Ini adalah juga termaktub dalam Resolusi Perhimpunan Agung Sedunia pada tahun 2011 untuk menumpukan sepenuhnya kepada *Universal Health Coverage* kepada semua penduduk. Sama ada penduduk ini tinggal dalam bandar ataupun di luar bandar. Alhamdulillah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mencapai *Universal Health Coverage yang accessible, affordable* dan mudah didapati oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini. Sebab kadang-kadang ada di tempat-tempat pedalaman kita terpaksa memberikan kemudahan-kemudahan secara penerbangan melalui helikopter. Dan juga dengan adanya *mobile* rombongan perubatan yang menggunakan doktor dan

jururawat dan *supporting staff* untuk mengadakan lawatan-lawatan di tempat-tempat yang sukar mereka memperoleh rawatan-rawatan perubatan.

Off course, kebanyakan negara di seluruh dunia telah menumpukan perhatian dalam melaksanakan inisiatif kepada reformasi sistem pembiayaan penjagaan kesihatan dengan tujuan memastikan semua warganegara penduduk memperoleh perkhidmatan dan mendapatkan akses seperti yang saya nyatakan tadi *Universal Coverage*.

Sistem *Health* insurans ini seperti kita maklum dan juga seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris telah diguna pakai di negara-negara Eropah dan di sebilangan negara-negara di dunia ini. Selain daripada itu banyak kajian telah menunjukkan bahawa banyak negara yang mengamal sistem insurans masih mengalami isu dan cabaran-cabaran dan mempunyai implikasi-implikasi negatif dalam mencapai *Universal Health Coverage* tersebut. Ini adalah disebabkan:-

1. Ia boleh mendatangkan implikasi. Umpamanya, perlindungan insurans yang tidak menyeluruh terutama sekali mereka yang tidak mampu. Iaitu golongan-golongan mereka yang miskin untuk memilik insurans;
2. Ketidaksamaan dalam tahap *premium* yang ditawarkan oleh syarikat insurans, terutama sekali insuran perubatan swasta; dan
3. Ketidaksamaan dalam skop atau pakej perlindungan yang ditawarkan oleh

syarikat-syarikat insurans terutama sekali perkhidmatan perubatan swasta. Dan juga dikatakan *buffet syndrome*. Potensi bagi pesakit dan memberi perkhidmatan menyalahgunakan skop perlindungan sama ada melalui *over utilising* atau *overcharging* bagi perkhidmatan yang telah diberikan.

Ada juga ditimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan orang berpendapatan tinggi terpaksa membayar insurans dengan kadar yang tinggi tetapi dinikmati oleh mereka yang kurang membayar insurans tersebut.

Mengenalkan sistem insuran kesihatan bukan semestinya satu cara yang terbaik bagi membendung kos penjagaan kesihatan sebuah negara. Sistem *Social Health Insurance* perlu dibentuk mengikut kesesuaian persekitaraan dan keperluan sesebuah negara tersebut. Jika perkara ini tidak dikaji secara mendalam terlebih dahulu, sistem insurans seperti ini boleh menimbulkan implikasi atau masalah dari segi skop perlindungan dan boleh membebankan kepada golongan yang tidak mampu ataupun orang yang boleh kitani kategorikan orang dalam golongan miskin.

Ada sistem perlindungan yang memfokuskan kepada warga emas dan kurang upaya, perkhidmatan wanita dan kanak-kanak, kematian dan pengangguran, kecederaan di tempat kerja dan sebagainya. Selain daripada itu, sistem insurans memerlukan rangka perundangan yang kukuh bagi mengawal dasar-dasar bagi memastikan pemberian perkhidmatan yang saksama dan menjamin keselamatan kesejahteraan serta

kebajikan orang awam dan bukannya memberikan bebanan kepada orang yang kurang mampu.

Jika sekiranya kita memikirkan benar-benar perlu untuk diperkenalkan di negara ini, ianya perlulah diselidiki sedalam-dalamnya dengan penuh penelitian dan secara komprehensif melibatkan pelbagai agensi dan juga implikasi-implikasi negatif yang seharusnya kita hindarkan. Apatah lagi pada masa ini kita mencapai *Universal Health Coverage* di Negara Brunei Darussalam.

Itulah yang dapat kaola sampaikan ianya kalau benar-benar kitani perlukan ianya menghendaki pengkajian yang sedalam-dalamnya. Soalan yang lain ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas tadi. Insha-Allah Yang Berhormat rakan sejawat Menteri Kewangan II (Kedua) akan menjawab berhubung *jointventure* untuk mengujudkan perubatan dan ubat-ubatan halal. Berhubung dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin tadi yang ada kaitannya dengan cara hidup sihat di negara ini.

Memanglah Kementerian Kesihatan seperti Yang Berhormat Pehin Pengerusi sedia maklum barangkali, mungkin Yang Berhormat melihat melalui televisyen dan seumpamanya. Sentiasa diadakan promosi kesihatan berbagai-bagai program diadakan kadang-kadang kita memperingati Buah Pinggang Sedunia, Tibi Sedunia, Kanser Sedunia, Hari Kencing Manis Sedunia dan seumpamanya. Banyak lagi kita

mengadakan simposium, jerayawara seperti baru-baru ini kita mengadakan Kempen Kanser Servik and so on bagi membantu dan menyedarkan masyarakat-masyarakat wanita, cara-cara pencegahan dan mengawal kanser servik dan seumpamanya dan salah satu daripada program lagi kita memperkenalkan *papsmear* dan untuk *registration* kepada wanita-wanita bagi pencegahan penyakit kanser.

Program-program Mukim Sihat di mukim-mukim dan kampung-kampung telah berjalan beberapa tahun yang lalu. Begitu juga program-program untuk mengadakan walkathon, pemeriksaan kesihatan '*health screening*' bukan saja dalam mukim-mukim itu, kita mengadakan walkathon tetapi jua *health screening*, pertunjukan-pertunjukan, pameran-pameran dan juga kitani menggalakkan warga tempatan itu mengambil bahagian dalam program-program. Kita juga mengadakan program klinik-klinik cara hidup sihat yang mana telah mendapat sambutan yang baik terutama sekali di kalangan sebahagian orang yang dalam golongan obesiti. Mereka telah berjaya mengurangkan berat badan mereka. Dan begitu juga program-program untuk penyakit-penyakit untuk mereka yang menghidap penyakit kencing manis.

Semasa di Daerah Belait, saya sendiri sebagai Tetamu Kehormat, kita juga memperkenalkan supaya mereka yang menghidap penyakit kencing manis tersebut memberikan kesedaran dan mengongsikan pengalaman kepada orang ramai. Dengan adanya program-program yang diberikan mereka telah dapat mengurangkan paras gula dan juga kolestrol. Macam itu jua klinik-

klinik itu, kita memang terus-menerus mengadakan program-program seperti yang saya jelaskan dalam mukadimah tadi. Insya-Allah kita akan memperkukuhkan lagi dengan mengadakan pelancaran *blue print health promotion in* Negara Brunei Darussalam.

Ingin kaola di sini Yang Berhormat Pehin Pengerusi menegaskan promosi-promosi seperti ini boleh kitani menasihatkan, tetapi yang paling mustahak sekali ialah kesedaran individu itu sendiri untuk menjaga kesihatan mereka untuk mengawal cara hidup mereka, untuk mengadakan *physical exercise* dan untuk mengamalkan cara makan sihat. Ini yang mustahak insya-Allah dengan cara hidup yang sihat ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan bebanan kerajaan, mengurangkan bebanan kerajaan dari segi rawatan, pembelian ubat, penghantaran ke luar negeri dan apatah lagi kalau sekiranya mereka ini menghidap penyakit-penyakit kronik ianya memakan belanja yang besar dan terpaksa dihantar ke luar negeri kalau sekiranya tidak ada jenis rawatan yang dapat diberikan di Negara Brunei Darussalam.

Tentang satu soalan tadi ialah berhubung dengan pekerja-pekerja asing. Ingin kaola menegaskan di sini memanglah ada tatacara yang perlu diikuti oleh warganegara asing untuk mendapatkan rawatan di Negara Brunei Darussalam dikenakan caj bagi pendaftaran \$5.00 dan *consultant payment* \$15.00. Begitu juga kalau mereka ini menjalani pembedahan-pembedahan di pastikan untuk membayar deposit. Bayaran semalam di wad-wad kelas pertama \$300.00 semalam dan ICU \$150.00 semalam dan

bayaran deposit diperlukan \$400.00. Tapi isu di sini ialah kadang-kadang dari aspek kemanusiaan serta terutama sekali semasa kecemasan tidak ada *choice* yang lain kita di Kementerian Kesihatan bertanggungjawab untuk menyelamatkan nyawa mereka apa tah lagi yang di dalam kritikal. *Priority to safe your life that is important.*

Walau macamapun memanglah ada bayaran-bayaran yang tertunggak. Dalam waktu yang sama Kementerian Kesihatan juga mengambil inisiatif-inisiatif tertentu untuk menuntut bayaran-bayaran yang telah pun dikenakan bukan sahaja kepada pesakit-pesakit di kalangan warga pekerja asing di negara ini, malahan juga kepada majikan-majikan. *To the extent also* untuk dituntut melalui kedutaan-kedutaan asing di negara ini apabila mereka balik.

Dalam waktu yang sama Kementerian Kesihatan juga memikirkan bahawa terutama sekali dalam menyelesaikan masalah-masalah ini perundingan-perundingan telah diadakan dengan jabatan-jabatan berkenaan khususnya Jabatan Buruh yang ada kaitannya dengan pengurusan pekerja-pekerja asing telah merundingkan kemungkinan-kemungkinan untuk memperkenalkan *health insurance* bagi pekerja-pekerja asing di negara ini kerana timbulnya masalah-masalah tunggakan hasil di kalangan mereka yang memerlukan rawatan perubatan. Perkara itu diambil perhatian dalam proses perundingan, insya-Allah kalau sekiranya ada ketetapan telah pun mendapat hasil maka ianya akan kitani perkenalkan di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan bagi soalan Yang

Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas tadi saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pengerusi: Kaola ingin menambah di sini sikit Yang Berhormat Pehin, yang kaola perhatikan selain daripada promosi-promosi dan program-program kesihatan Yang Berhormat Pehin sebutkan tadi, kaola lihat selalu berlaku, yangmana acara *walkathon* yang diketuai oleh Menteri sendiri, senamrobik beramai-ramai dikepelai jua oleh menteri-menteri yang berkenaan dan juga berbasikal *long distance* yang mana beberapa orang menteri sungguh gemar berbasikal jauh-jauh atu menjadikan satu contoh yang baik kepada orang ramai terutama sekali muda-mudi kitani. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola mengucapkan terima kasih di atas keizinan Yang Berhormat Pehin untuk kaola memberikan sedikit penerangan mengenai dengan soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris mengenai dengan penubuhan Viva Brunei iaitu sebuah syarikat yang akan mengendalikan Halal *Pharmaceutical* di Negara Brunei Darussalam. Sebenarnya persoalan ini berkaitan dengan salah satu projek di bawah Sub Dana Modal Pembangunan Strategik ataupun yang

dikenali dengan *Strategic Development Capital (SDC)* di bawah dana *sustainability* yang telah pun kaola terangkan semasa membentangkan kertas bajet pada 2 Mac 2011 yang lepas. Jadi sebelum kaola memberikan jawapan kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris secara spesifik mengenai dengan syarikat tersebut, ada baiknya jua kaola akan menerangkan secara ringkas mengenai dengan apa matlamat dan tujuan penubuhan *SDC* ini supaya sekurang-kurangnya ianya dapat dikongsikan kepada orang ramai.

Sebenarnya matlamat Penubuhan Dana *sustainability* dan Sub Dana Amanah yang mana juga termasuk *Strategic Development Capital* ini adalah untuk memastikan kemampuan kewangan kerajaan dalam jangka masa panjang. *SDC* ini secara spesifik bertujuan khusus untuk memperuntukkan modal risiko ataupun apa yang digelar *risk capital* bagi pembangunan strategik tempatan yang menyumbang kepada perkembangan dan kepelbagaian ekonomi dalam sektor-sektor yang dikenal pasti yang berpotensi untuk dikembangkan di negara ini dan diharap dapat meluaskan lagi hasil kepada kerajaan terutamanya hasil dalam sektor bukan minyak dan gas.

Jadi antara objektif *SDC* ini:-

1. Pembangunan Keusahawanan (*entrepreneurship*) dan Kemahiran Pengurusan Perniagaan (*Business Management Skill*);
 2. Untuk membuka peluang perniagaan terutama dengan pasaran antarabangsa;
 3. Meningkatkan *Corporate Governance* syarikat-syarikat tempatan;
 4. Untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan *skill and enhancement* bagi pekerja tempatan;
 5. Untuk meningkatkan dan pengambilan (*adoption*) *Best Industries Standard and Practices*; dan
 6. Untuk membolehkan pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada anak-anak tempatan.
- Setakat ini beberapa usaha sedang giat dilaksanakan bagi menarik pelabur-pelabur asing ke Negara Brunei Darussalam melalui *SDC* ini. Jadi bagi mencapai hasrat tersebut *SDC* ini telah menubuhkan 2 dana khas iaitu *Aureos Brunei Capital Limited (ABC)* dan *Implemish Strategic Investment Corporation Sdn Bhd*. Dan melalui 2 buah dana ini, *SDC* akan membuat *co-investment* dengan pelabur-pelabur asing dan tempatan. *Aureos Brunei Capital Limited* ini berperanan sebagai sebuah pengurus dana *private equity* yang berpengalaman yang memberi tumpuan kepada pelaburan di dalam perusahaan skala kecil dan sederhana di negara ini (SME). Dan jumlah pelaburan yang telah diperuntukkan bagi maksud ini adalah tidak melebihi B\$40 juta. Alhamdulillah ABC sekarang ini telah pun beribu pejabat di Negara Brunei Darussalam di Kampung Kiulap, satu bangunan di sana disewa dan

telah mengambil khidmat 3 orang pekerja tempatan. Manakala *Imprimis* Brunei Strategic Investment Corporation Sdn Bhd adalah sebuah syarikat pelaburan (*Investment Company*) yang juga berpejabat di Negara Brunei Darussalam yang beroperasi dengan membuat pelaburan secara *private equity*.

lanya memainkan peranan sebagai *catalyst* ataupun pemangkin dalam rintis penggunaan kaedah-kaedah baru dan terkini dalam usaha menyumbang ke arah mempelbagaikan ekonomi negara. Jumlah pelaburan yang ditetapkan adalah tidak melebihi US\$ 200 juta. ISIC juga (*Imprimis*) juga sekarang beribu pejabat di Bangunan Plaza RBA, Bandar Seri Begawan dan sudah pun mengambil khidmat 4 orang pekerja tempatan. *Bottom linenya* di sini ialah mana-mana projek yang bakal diterokai hendaklah *commercially viable* dan memberikan faedah-faedah seperti yang telah kaola nyatakan di atas tadi.

Jadi beralih kepada penubuhan Vivapharm Brunei Sdn Bhd (Viva Brunei). Ini adalah salah satu projek yang dikendalikan di bawah Aureos Brunei. Syarikat ini ialah merupakan sebuah syarikat usahasama sebagaimana yang Dato tadi telah memaklumkan ia joint venture di antara *Viva Canada*, *Aureos Brunei Capital Sdn Bhd*. dan sebuah syarikat tempatan di negara ini iaitu *Kukoh Bersama Sdn Bhd*. *Viva Pharmaceutical Inc*. *Viva Canada* ini adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1994 di Kanada yang menghasilkan produk-produk *pharmaceutical* dan *natural health food*. Jadi syarikat ini berhasrat untuk menjadi sebuah pembuat

dan pembekal utama bagi *Halal Certified Medicine*, *Vitamin* dan *Nutritional Supplement* bukan saja bagi pasaran tempatan di rantau ini tetapi juga ialah bagi untuk menembusi pasaran-pasaran di rantau ini dan jua di *Middle East*.

Di antara faedah-faedah dan manfaat yang akan diperolehi oleh Negara Brunei Darussalam daripada pelaburan ini ialah dari segi *developmental* aspeknya yang mana bolehlah kitani ringkaskan:-

1. Dapat memudah cara pemindahan kemahiran dan pengetahuan (*transfer of expertise and knowledge*) dan mengembangluaskan *networking* khususnya bagi sektor *pharmaceutical* di Negara Brunei Darussalam;
2. Pengambilan pekerja tempatan yang mana sekiranya ianya beroperasi secara sepenuhnya. Insya-Allah ianya dijangka akan mengambil sebanyak kira-kira 96 orang pekerja yang mana akan dilatih untuk mengendalikan kilang tersebut mengikut *international standard* seperti *good manufacturing practices*, jawatan-jawatan yang berkenaan termasuklah *quality control manager*, *quality control technician* dan *research and development technician* yang boleh dikira *specialist position*;
3. Di samping itu Viva Brunei telah pun mengadakan beberapa mesyuarat bersama UBD. Dan telah

menyatakan hasrat mereka untuk mengambil graduan-graduan UBD untuk dilatih dan berkhidmat untuk Viva Brunei. Dan pihak Viva Brunei juga akan menyediakan satu program latihan (*Training Programme*) yang mana satu penempatan kerja bersama ibu pejabat Viva di Canada selama beberapa bulan akan diadakan bagi pekerja-pekerja tempatan. Program penempatan kerja disokong ini akan dapat memberikan *exposure* dan pemindahan kemahiran dan pengetahuan kepada pekerja-pekerja tempatan untuk bersaing dalam industri *pharmaceutical* yang sangat dinamik

4. Membuka peluang bagi memajukan konsep dan jenama Brunei Halal di dalam bidang *Halal Product Certification* di arena antarabangsa dan insya-Allah akan dijangka meningkatkan nama dan *profile* Negara Brunei Darussalam di mata dunia; dan
5. Viva Brunei merancang untuk menghasilkan dan melancarkan produk-produk baru daripada Negara Brunei Darussalam dan sekaligus seperti yang saya nyatakan tadi untuk memperkenalkan Brunei Darussalam ini sebagai *serious player* dalam industri *pharmaceutical* antarabangsa. Tadi Yang Berhormat Dato menyatakan bahawa ianya beroperasi pada tahun ini. Sebenarnya belum lagi beroperasi

tahun ini, cuma apa yang dibuat pada waktu ini ialah plan atau pun kilangnya yang dibina dan insya-Allah, kalau anda apa-apa pada bulan Disember tahun hadapan 2012 ianya akan beroperasi untuk mengeksport barangan-barangan tersebut. Kesimpulannya insya-Allah projek ini boleh dijadikan model dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mempelbagaikan ekonomi daripada bergantung kepada sektor minyak dan gas serta menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah hub bagi industri pengeksportan.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat Dato supaya ianya di *public listed* barangkali di peringkat awal ini memanglah belum lagi diadakan perkara sedemikian memandangkan sebagaimana Yang Berhormat Dato sedia maklum telah saya terangkan dulu, kalau untuk *publiclisted* satu-satu *company track record company* tersebut hendaklah dilihat dulu dan insya-Allah apabila kita mempunyai banyak kompeni-kompeni yang boleh dimasukkan ke dalam kategori ini nanti, insya-Allah sebagaimana yang saya terangkan mengenai dengan pembinaan ataupun penubuhan *Stock Exchange* Negara Brunei Darussalam, insya-Allah akan dapat dicapai pada waktu-waktu yang akan datang. Insya-Allah, terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.
Yang Berhormat Haji Sulaiman Ahai:

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin

Ahai: Baru-baru ini tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyentuh mengenai dengan Skim Baru Perkhidmatan Kedokteran yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Saya ingin tahu adakah skim ini di antara lain untuk menaikkan gaji pakar-pakar. Saya mengemukakan soalan ini kerana saya dapati gaji yang dibayar kepada pakar-pakar adalah amat rendah. Sebagai contoh Pakar Bedah dibayar \$8,523.00 sebulan, Pakar Mata \$8,803.00 sebulan. Ini saya kira hanyalah gaji pokok tidak termasuk elaun, bonus dan lain-lain lagi. Gaji Pakar Bedah Otak hanyalah \$9,500.00 sebulan, inilah gaji pakar yang paling tinggi.

Untuk mendapatkan pakar-pakar yang berkualiti tinggi pada pendapat saya ianya dibayar dengan gaji yang berpatutan setanding dengan harga pasaran. Di samping itu juga, ianya dapat menggalakkan doktor-doktor tempatan untuk meningkatkan kepakaran-kepakaran mereka.

Isu yang kedua, Yang Berhormat Pehin Pengerusi ialah mengenai dengan pelaksanaan projek-projek ICT Kementerian Kesihatan. Dalam menghadapi cabaran sektor kesihatan, kerajaan telah mengenal pasti 5 bidang strategi, di antaranya ialah menggunakan ICT bagi Perkhidmatan Kesihatan.

Kaola ingin bertanya mengenai dengan pelaksanaan projek ICT, Kementerian Kesihatan misalnya projek e-Kesihatan

yang ditawarkan kira-kira 4 tahun yang lalu. Projek ini akan dapat mengujudkan satu sistem, satu *patient* satu rekod.

Baru-baru ini juga ada ditawarkan bagi projek hospital ataupun *Health Management System*. Boleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan menerangkan kemajuan pelaksanaan projek-projek ICT, di Kementerian Yang Berhormat?. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Pehin dan juga Ahli Yang Berhormat yang memohon penjelasan.

Yang sebenarnya Skim Perkhidmatan Kedokteran ada saya bawa di sini, kalau diterangkan banyak. Skim Kedokteran ini adalah sangat-sangat menggalakkan dan boleh dianggap lumayan. Kalau kita melihat bidang perubatan gaji yang paling tinggi M22 – ialah \$18,000.00 ianya adalah tertakluk kepada skim-skim tertentu. Misalnya Pegawai Perubatan Pelatih akan menerima tangga gaji M16P di antara \$3,260.00 kepada \$3,345.00 selepas itu, mereka akan naik pangkat kepada Pegawai Perubatan Gred II M16 \$3,885.00 hinggalah kepada \$4,675.00. Manakala kalau naik pangkat Pegawai Perubatan Gred I M16A \$5,400.00 kepada \$5,730.00. Naik lagi M17 menjawat jawatan Pegawai Perubatan Kanan Gred II Perubatan di antara \$6,060.00 kepada \$6,420.00. Naik pangkat lagi Pegawai

Perubatan Kanan Gred I akan menerima tangga gaji M17A \$6,800.00 kepada \$7,270.00 hingga kepada peringkat pakar. Pakar Perubatan Bersekutu mulai M18 \$8,000.00 kepada \$8,430.00. Jika peringkat Konsultan Gred II akan menerima gaji \$10,000 iaitu M19 naik kepada Konsultan Gred II M20 - \$12,000.00 dan jika ia ke tahap yang tinggi lagi Konsultan Kanan Gred II Perubatan M21 \$15,000.00 dan yang tinggi sekali ialah M22 Konsultan Kanan Gred I Perubatan \$18,000.00.

Atu misalan Yang Berhormat Pehin, kalau Bidang Penjagaan Asasi tangga gaji tertinggi M20 \$12,000.00 begitu juga bidang Kesihatan Awam gaji tertinggi \$12,000.00 M20 dan bidang pergigian hingga meningkat kepada \$12,000.00 dan kaola tidak akan menjelaskan secara terperinci.

Dalam waktu yang sama, elaun pakar juga akan diberikan kalau sekiranya mereka mencapai M18 akan diberi \$500.00 elaun, kalau M21 \$1,750.00 yang *the higher* tadi yang menerima gaji \$18,000.00 akan menerima elaun \$2,000.00 sebulan. Selain daripada itu juga doktor-doktor menerima *on call allowance, car and housing allowance*, insentif Skim Kedoktoran baru yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat-sangat lumayan dan boleh menarik minat kepada pegawai-pegawai ataupun doktor-doktor tempatan yang ada pada masa ini pun doktor-doktor tempatan pun mengambil kepakaran-kepakaran masing-masing. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Penjelasan Yang Berhormat mengenai dengan Skim-Skim Doktor dan Pegawai-Pegawai Perubatan tu adalah jelas dan saya percaya meliputi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Berhubung dengan Yang Berhormat Pehin, ICT saya fikir kaola telah menjelaskan tadi di mukadimah awal tadi bahawa pada masa ini kita akan memperkenalkan *BRU-HIMS (Brunei Health Information Management System)*. Pada masa ini telah pun diiklankan dan dalam proses penelitian. Insya-Allah kalau sekiranya penelitian selesai, kita akan perkenalkan di negara ini. Ianya merangkumi, seperti saya katakan tadi, kaola tidak perlu menjelaskan, barangkali sudah jelas mukadimah awal tadi yang telah kaola sampaikan tadi. Dalam ICT memanglah hasrat Kementerian Kesihatan *fully e-Kerajaan* dalam sistem kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada tiga orang Ahli Yang Berhormat lagi ingin bercakap, tapi sebelum saya mempersilakan, saya bertanya adakah soalan-soalan ini panjang atau ringkas sahaja?. Kalau panjang baik ditangguhkan persidangan ini. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee, bagaimana Yang Berhormat faham?

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Panjang sedikit, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Panjang sedikit. Silakan cuba dengar dulu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya seperti kawan-kawan lain jua ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang terima kasih di atas informasi yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kesihatan mengenai dengan perancangan yang telah, sedang dan akan dilakukan dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk mempromosikan dan meningkatkan mutu kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, rasanya anda ada ruang bagi saya untuk mengemukakan sebarang soalan, kerana mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kesihatan itu tadi dan Yang Berhormat Menteri Kewangan jua cukup padat, lengkap kemudian ditambah lagi oleh soalan-soalan yang sudah diutarakan oleh teman-teman Ahli Berhormat yang lain.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana telah membekalkan khidmat doktor ke Pusat Kesihatan Mukim Labi, walaupun dua kali dalam seminggu dan mengadakan beberapa taklimat kecemasan, *first aid* kepada penduduk-penduduk di mukim tersebut. Diharap perkembangan ini akan dapat dipertingkatkan, ditambah kekerapannya dari masa ke semasa.

Sebagaimana yang diterangkan sebentar tadi bahawa kerajaan tidak akan jemu-jemu menghantar penuntut-penuntut ke universiti-universiti di luar negeri dengan hasrat apabila penuntut-penuntut itu berjaya nanti dan apabila memperolehi ijazah, maka diharap mereka akan dapat menyumbang bakti khidmat kepada bangsa dan negara sekaligus akan dapat menggantikan doktor-doktor di luar negeri yang ada pada masa ini di negeri kitani.

Apa yang saya ingin soalkan, utarakan ialah apakah tindakan yang diambil terhadap penuntut-penuntut yang diberi Skim Biasiswa Kerajaan bagi mengikuti kursus-kursus perubatan dan kesihatan di luar negeri tetapi setelah menamatkan pengajian, ada setengahnya telah tidak mahu balik ke tanah air untuk berkhidmat di hospital-hospital kerajaan tapi telah berkhidmat di negara luar, atau kembali ke tanah air tetapi membuka klinik-klinik perubatan atau kesihatan sendiri.

Apakah ini tidak menjejaskan perancangan tenaga manusia perubatan dan kesihatan bagi hospital-hospital kerajaan? Dan apa yang nampak sejauh ini bagi mengatasi masalah tersebut pihak Kementerian Kesihatan terpaksa mengambil tenaga manusia perubatan kesihatan dari luar negeri bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga manusia yang berkenaan. Jadinya adalah dicadangkan supaya ketegasan dipraktikkan atas penuntut-penuntut berkenaan, supaya kita tidak berterusan bergantung kepada tenaga manusia perubatan dan kesihatan dari luar negeri, kecuailah bagi kepakaran-kepakaran perubatan kesihatan dan tenaga manusia tempatan belum ada. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera macamana soalan itu, panjangkah, pendek? Silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Kaola menyentuh juga taklimat daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang mana Yang Berhormat menekankan penyakit kronik yang begitu mencabar. Walau bagaimanapun bahawa atas daya usaha Kementerian Kesihatan dapat mengawal penyakit-penyakit tersebut seperti mana kata orang tua-tua "Setiap penyakit ada ubatnya setiap racun ada penawarnya".

Yang Berhormat Pehin, kaola menyentuh sedikit mengenai dengan Skim Perkhidmatan ini, yang kaola tanyakan, sejauh mana orang-orang kitani, anak-anak tempatan mengikuti skim ini? Sepertimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin tadi. Ini adalah keperluan di negara ini.

Seterusnya, Hospital Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah di Tutong tidak terkecuali kekurangan tenaga penggerakannya, misal kata tadi ada 487 kekosongan. Jadi satu misalan di Bahagian X-ray ada kurang tenaga penggerakannya.

Dan seterusnya Yang Berhormat Pehin kalau kitani melihat kebanyakan jururawat adalah terdiri daripada perempuan. Apakah dapat

diatasi kalau mereka ini mendapat cuti bersalin? kerana cuti bersalin ini nampaknya selama 105 hari.

Seterusnya yang akhir sekali Yang Berhormat Pehin, di hospital terlibat letak kereta sesungguhnya didapati berkurangan, apa kiranya pihak kementerian mengusahakan perkara ini untuk penyelesaian kepada pengguna-penggunanya, terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, bagaimana pula?

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Kaola akan menimbulkan empat perkara, dua sedikit panjang, dua pendek Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadinya tiga.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi,

1. Alhamdulillah, perkhidmatan kepakaran di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong setiap tahun nampaknya semakin bertambah. Perkara ini menunjukkan satu peningkatan yang baik dan juga sangat-sangat diharapkan oleh penduduk di Daerah Temburong dan jua pesakit di Daerah Temburong tidak perlu bersusah-susah turun naik bot ke Hospital RIPAS, Bandar Seri

Begawan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. Sebagai contoh masa ini iaitu Perkhidmatan Unit Buah Pinggang yang sudah beroperasi.

Di dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin tahu berapakah jumlah pesakit dialisis di Daerah Temburong dan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan bagi pesakit-pesakit buah pinggang di Temburong. Yang juga ingin kaola tanyakan ialah jururawat-jururawat yang bertugas di Unit Buah Pinggang ini kebanyakannya jururawat dari Bandar Seri Begawan. Mereka ini terpaksa berulang-alik ke Bandar Seri Begawan setiap hari kerana tidak ada tempat tinggal yang disediakan untuk mereka di Daerah Temburong. Kiranya dapat dipertimbangkan adalah dipohonkan supaya pihak Kementerian Kesihatan dapat menyediakan atau membangun sebuah flat atau perumahan khas untuk kakitangan dan jururawat dan pegawai yang bertugas di Hospital Temburong;

2. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, telah dimaklumi bahawa Kementerian Kesihatan tidak ada mempunyai ambulans-ambulans laut khas untuk membawa pesakit-pesakit dari Daerah Temburong ke Hospital RIPAS untuk mendapat rawatan kepakaran. Penghantaran pesakit-pesakit yang menggunakan bot laju ataupun *speed boat* yang bercampur dengan orang ramai rasanya sudah tidak sesuai.

Kaola pernah jua menyuarakan di Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kelima di dewan yang mulia ini supaya perkhidmatan perahu ambulans yang lengkap bagi pesakit-pesakit Hospital Temburong akan dapat diadakan. Alhamdulillah, Kementerian Kesihatan telah pun mengambil perhatian dalam perkara ini. Kaola ingin tahu akan perkembangannya, apakah ia dapat dilaksanakan?

3. Dalam menyuarakan masalah orang ramai, kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pehin Pengerusi, di dewan yang mulia ini, kiranya perkara yang kaola persoalkan ini lari sedikit dari tajuk yang dibincangkan atau tersasar ke jabatan lain. Di mana tajuk yang sudah berlalu yang tidak dapat kaola elakkan, apapun ia berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Iaitu mengenai dengan mana-mana mereka yang menemani pesakit dalam rawatan hospital luar negara selama 2 bulan atau 60 hari.

Kaola mengambil contoh jika pesakit itu adalah anak damit yang benar-benar diperlukan untuk ditemani oleh ibunya yang bekerja dengan jabatan kerajaan dalam Perkhidmatan Tetap. Soalan kaola, apakah pihak Kementerian Kesihatan memberi sokongan untuk menghadapkan perhatian kepada jabatan di mana si ibu untuk dapat diberikan cuti belas kasihan bagi menemani pesakit anak damit berkenaan yang bertujuan tidak akan menjejaskan gaji si ibu, maksud kaola cuti tidak tercatat.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, seperti yang kaola maklum, sebelum berkuat kuasa

Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4/1998 bertarikh 8 Januari 1998, terdapat peruntukan bagi semua pegawai-pegawai kerajaan dalam Perkhidmatan Tetap, Sebulan ke Sebulan dan *Open Vote* untuk menemani pesakit dan perbelanjaannya dibayar oleh kerajaan diberi cuti belas kasihan yang tidak tercatat. Setelah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4/1998 berkuat kuasa, peraturan ini telah membatalkan keistimewaan yang diberikan.

Dan perkara yang terakhir, Yang Berhormat Pehin Pengerusi, perkara yang kaola timbulkan di dewan yang mulia ini, beberapa kali dalam akhbar tempatan mengenai ketiadaan Doktor Pakar Renal di tempatkan secara tetap di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong. Dan dalam pengetahuan Yang Berhormat Pehin Menteri Kesihatan, adakah juga benar seperti dalam kenyataan akhbar bahawa doktor-doktor dari luar negara kurang minat untuk di tempatkan untuk bertugas di luar Bandar Seri Begawan seperti di Daerah Temburong. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Walau macammana pun kaola akan cuba menjawab banyak persoalan-persoalan ani. Mula-mula tadi ialah persoalan yang ditimbulkan oleh Yang

Berhormat oleh Tuan Haji Mohd Shafiee berhubung dengan perkhidmatan perubatan di Klinik Labi. Memang pada sebelum 1 kali seminggu hasil daripada permintaan orang kampung semasa saya mengadakan lawatan kerja di sana untuk memberikan kekerapan perkhidmatan kedokteran.

Jadinya dengan ada perundingan-perundingan di kalangan Jabatan Perubatan di Kementerian Kesihatan, maka setelah meneliti kesesuaiannya, maka permintaan itu telah pun dapat diberikan dari seminggu sekali, sekarang 2 kali seminggu dan begitu juga kemahuan-kemahuan mereka apabila waktu *emergency* kita telah mengadakan satu kursus khusus kepada penduduk-penduduk kampung di sana terutama sekali dalam menangani masalah-masalah *emergency* supaya akan dapat mereka sekurang-kurangnya respons awal untuk menyelamatkan mereka sebelum mereka ini di hantar ke rumah sakit. Jadi saya mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shafiee tadi.

Keduanya, ialah berhubung dengan tindakan-tindakan kepada doktor-doktor yang tidak balik ke Negara Brunei Darussalam. Ini adalah satu isu setelah saya sendiri meneliti perkara ini bahawa memang tidak dapat dinafikan. Mengikut senarai yang saya dapati bahawa terdapat 32 orang kesemuanya iaitu dalam perkhidmatan LDP (Latihan Dalam Perkhidmatan) sebanyak 6 orang, manakala mereka di bawah kawalan Kementerian Pendidikan ialah 26 orang. Jadinya dalam masalah ini, memang ada satu jawatankuasa yang bertanggungjawab iaitu Jawatankuasa Kawal Selia Doktor-Doktor Perubatan dan

Pergigian Tempatan untuk menyelia mereka ini bagi memastikan mereka ini dipantau dari semasa ke semasa.

Tindakan-tindakan yang telah diambil pada awalnya, sama ada dari Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan menulis surat kepada pegawai atau penuntut-penuntut berkenaan dan juga kepada penjaga penuntut dan penjamin-penjamin. Oleh sebab respons tersebut tidak begitu mendatangkan kesan, maka salah satu langkah telah diambil dan mendapat kerjasama daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, kita *introduce stop list system* di mana mana-mana penuntut atau pegawai tersebut didapati masuk atau keluar dari negara ini supaya akan dapat melaporkan ke Kementerian Kesihatan.

Alhamdulillah, salah satu daripada langkah iaitu sistem 'stop-list' di pos-pos imigresen di negara ini dapat mendatangkan kesan di mana mereka ini terpaksa melaporkan diri ke Kementerian Kesihatan. Setakat ini 4 orang telah melaporkan diri untuk bertugas di Kementerian Kesihatan dengan menggunakan keadah tersebut. Dalam waktu yang sama, kaola juga telah mengadakan Majlis Ramah Mesra dan Permuzakarahan dengan pegawai-pegawai Latihan Dalam Perkhidmatan Kementerian Kesihatan yang mengikuti kursus-kursus kepakaran dan pengajian lanjutan dan penuntut-penuntut dalam bidang perubatan dan kesihatan yang diadakan secara berasingan di Brunei Hall, London pada 29 dan 30 Januari 2011. Ini adalah semata-mata bagi menasihatkan dan memperingati mereka supaya akan patuh kepada perjanjian dan berkhidmat kepada kerajaan

setelah selesai pengajian mereka masing-masing. Mereka juga diberikan penerangan yang 'up-to-date' tentang strategi dan pelan tindakan Kementerian Kesihatan yang menghendaki lebih banyak pakar-pakar dan doktor-doktor tempatan yang mempunyai kelulusan dan kemahiran untuk berkhidmat di negara ini. Saya juga telah berpeluang menjumpai secara personal beberapa orang daripada mereka dan sebahagiannya akan berkesudian untuk balik setelah menyelesaikan masalah peribadi masing-masing.

Dan dalam perkara ini adalah sangat-sangat menyedihkan bahawa didapati hasrat kerajaan untuk menghantar sama ada penuntut-penuntut dan juga pegawai-pegawai kerajaan adalah dihasratkan bagi mereka untuk memberikan sumbangan bakti kepada kerajaan untuk mengisikan jawatan-jawatan kepakaran, kedokteran dan seumpamanya. Bayangkanlah, *under-graduate* saja perbelanjaan kerajaan mereka di antara \$500,000.00 kepada \$600,000.00 setiap seorang penuntut. Itu hanya dalam *under-graduate*, apatah lagi dalam bidang-bidang kepakaran mungkin lebih \$1 juta.

Jadinya, di sini adalah perlu dijelaskan bahawa pengorbanan-pengorbanan kerajaan dan pembiayaan kerajaan yang begitu banyak kepada mereka ini adakah mereka ini akan mendapat posisi ataupun jawatan-jawatan yang mereka sebagai pakar akan dapat mereka perolehi jika tidak ada bantuan daripada pihak kerajaan. Di sini tidak ada kesedaran daripada mereka berkenaan "*seperti kacang lupakan kulit*", tidak menghargai pengorbanan dan harapan kerajaan dan bukan sahaja harapan

kerajaan, harapan keluarga dan ibu bapa. Di sini saya mengambil kesempatan dalam majlis dewan yang mulia ini, mengharapkanlah kepada mereka berkenaan khususnya kepada penjaga ataupun penjamin-penjamin haruslah bertanggungjawab dan patriotik, patriotik kepada negara dan fikirkanlah penghargaan dan pembiayaan kerajaan yang begitu banyak. Dan dalam waktu yang sama, pihak kerajaan tidak akan berganjak untuk mengambil tindakan-tindakan sewajarnya, sepertimana dalam perjanjian mereka seharusnya membayar balik segala perbelanjaan-perbelanjaan yang dibiayai kerajaan.

Dalam waktu yang sama di sini, kaola juga merasa kesal akan *mindset* ataupun *attitude* orang kitani Brunei seperti mereka ini yang semata-mata tidak mengenang budi kepada jasa dan pengorbanan kerajaan hinggakan membiayai berjuta-juta ringgit kepada seorang penuntut.

Jadinya adalah sekali lagi kaola disini, mengambil kesempatan kepada mereka khususnya kepada penjaga-penjaga penuntut atau pegawai-pegawai dan penjamin-penjamin akan bertanggungjawab dan fikirkanlah adakah mereka mampu untuk membiayai kewangan beratus-ratus ribu ringgit, berjuta-juta ringgit tanpa adanya bantuan dan pembiayaan kerajaan bagi membolehkan memberikan peluang kepada mereka untuk menuntut dan juga membuat pengkajian dalam bidang kedoktoran dan pakar-pakar. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman. Yang Berhormat Pehin kan menjawab secara ringkas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Yang lain-lain Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kalau dapat yang ada bersangkutan-paut orang tidak balik ini mungkin Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan juga memberikan penjelasan sebelum kaola menyambung lagi untuk memberikan jawapan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna (Dr.) Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Untuk menambah apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai dengan keengganan penuntut-penuntut dermasiswa yang tidak balik khususnya mereka dalam bidang perubatan. Maka salah satu langkah juga ialah untuk bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara bagi mengeluarkan *letter of demand* iaitu menuntut balik perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan kepada penuntut-penuntut berkenaan. Dan dalam hubungan ini beberapa *letter of demand*, tuntutan balik kepada penuntut-penuntut ini telah pun dibuat dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya soalan-soalan yang telah dikemukakan tadi telah menimbulkan jawapan yang begitu hebat dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan mungkin ada lagi esok, kalau disambung tajuk ani, ada lagi pertanyaan-pertanyaan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat, jadi saya berpendapat bisai tah Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita balik bersidang sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula secara sepenuhnya tetapi saya tangguhkan mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari, hari Sabtu 7 Rabiulakhir 1432 bersamaan 12 Mac 2011 pada jam 9.00 pagi. Sekian terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 7 Rabiulakhir 1432 / 12 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.
**(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan
tertentu)**

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin,
DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara disambung semula iaitu hari yang kesepuluh, dengan mendahului bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi. Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, majlis ini dapat bersidang lagi pada pagi ini hari kesepuluh Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada petang kelmarin hari Juma'at, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Maka untuk membolehkan Majlis Mesyuarat selaku Jawatankuasa sepenuhnya bersidang semula Persidangan Majlis Mesyuarat ini, saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, majlis ini sekarang bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Pada petang kelmarin Tajuk Besar Kementerian Kesihatan masih lagi dibincangkan dan belum lagi diluluskan. Manakala pada hari Khamis yang lalu ada beberapa buah tajuk di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan belum selesai dibincangkan. Akan tetapi oleh kerana Tajuk Kementerian Kesihatan ini pada perasaan saya masih hangat setelah mendengarkan ucapan yang *passionate* oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada baiknya Jawatankuasa ini membincangkan Tajuk Kementerian Kesihatan dulu dan selepas itu barulah kita berpindah semula ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya bukakan sambungan perbincangan mengenai Kementerian Kesihatan. Pada petang kelmarin ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat ingin untuk bercakap. Maka untuk menyambung Persidangan Jawatankuasa ini mengenai dengan tajuk yang sama saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola merasa gembira dan mengucapkan Alhamdulillah kerana banyak kemajuan dan projek telah dibuat dan disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk kemudahan dan keperluan rakyat dan penduduk Daerah Tutong bagi menaik mutu atau untuk ke arah lebih baik tahap kesihatan rakyat dan penduduknya sentiasa terjaga dan terurus dengan lebih baik dan sempurna.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Kaola amat tertarik dengan hujah-hujah yang begitu bersemangat yang diluahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam majlis ini semalam. Dalam membahaskan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menerima bantuan untuk melanjutkan pelajaran sehingga mendapat dan mencapai ke peringkat kepakaran. Saya menyokong penuh di atas daya usaha kerajaan untuk mengambil tindakan untuk melanjutkan pelajaran hingga peringkat mencapai kepakaran.

Menurut Yang Berhormat Pehin ada setengah penuntut berkenaan menggunakan wang kerajaan (dermasiswa) hingga menjangkau jutaan ringgit. Setelah berjaya mereka tidak balik ke Negara Brunei Darussalam bagaimana mengikut perjanjian tatkala memohon dan menerima dermasiswa. Tujuan kerajaan membantu mereka itu (penuntut) apabila mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing mereka akan berkhidmat dengan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di dalam Negara Brunei Darussalam. Setelah balik ke Brunei mereka dikehendaki bersedia berkhidmat untuk rakyat dan negara. Senario ini bukanlah baru, malah ianya telah

berlaku sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan (27 tahun yang lalu). Isu ini telah berjalan dan berlalu tanpa tindakan. Seolah-olah membiarkan “*Si Luncai terjun dengan labu-labunya*”.

Alhamdulillah dengan adanya suara Yang Berhormat Menteri Kesihatan, bergema dalam majlis ini semalam, saya menyokong penuh di atas daya usaha kerajaan untuk mengambil tindakan kepada mereka yang ingkar dalam perjanjian yang mereka sendiri buat seterusnya termasuklah para penjaminnya. Dengan tindakan melalui undang-undang, kaola yakin ramai rakyat bersetuju dan menyokong tindakan pihak kerajaan. Dan dalam masa yang sama akan mengingatkan kepada penerima-penerima dermasiswa yang sedang menuntut di luar negeri tidak akan berniat dan berhajat memungkiri perjanjian mereka dengan pihak kerajaan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, selama ini kerajaan, rakyat dan negara berharap kepada penuntut-penuntut berkenaan akan balik ke negara ini bagi memenuhi keperluan negara bukan saja di bidang kesihatan malah di bidang-bidang yang lain termasuk bidang jawatan yang disandang oleh tenaga luar negara dan merekalah yang bakal menggantinya. Kaola yakin label yang diungkap oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan “seperti kacang lupakan kulit” dan tidak mengenang budi tidaklah keterlaluan kerana realitinya memang benar wujud. Dan terjadi serta telah diketahui oleh umum negara ini. Kaola mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan begitu jujur dan tegas bertindak di atas dasar dan kepentingan rakyat dan negara. Sekali

lagi syabas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Perkara yang kedua ingin kaola sampaikan dalam majlis ini ialah mengenai keadaan klinik bagi pesakit-pesakit luar di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong. Tempat atau Bilik Doktor yang memeriksa pesakit luar terletak di tingkat satu di Bangunan Pejabat Kesihatan Tutong tanpa lift dan tangganya berselekoh. Tempat ini tidak sesuai bagi pesakit-pesakit yang bermasalah seperti orang OKU atau Orang Kurang Upaya dan yang menggunakan kerusi roda. Pada bulan lepas secara kebetulan kaola terserempak seorang perempuan tua temengah-mengah untuk naik ke atas bagi tujuan berjumpa doktor. Beliau dibantu oleh 2 orang perempuan muda. Kaola menyapanya dari belakang. “pelahan-pelahan Hajah”, beliau menjawab, “iatah rasakan membawa nyawa ani”. Kaola tersentuh perasaan dengan jawapannya. Alangkah baiknya jika doktor yang memeriksa ini di tempatkan di tingkat bawah sekali supaya tidak menyusahkan orang yang sakit dan tidak bertambah sakit.

Dan perkara yang ketiga ingin kaola sampaikan ialah Undang-Undang Rokok yakni Menghisap Rokok, telah pun dikuatkuasakan di seluruh negara yang mana melarang penghisap-hisap rokok di tempat-tempat awam termasuk kaki lima. Walaupun peraturan larangan tersebut telah dibuat malah masih terdapat ada orang-orang merokok di kaki lima kedai Daerah Tutong. Ini mungkin disebabkan ataupun notis yakni dilarang merokok

di tempat tersebut di kaki lima kedai Tutong dan diharap pihak yang berkenaan mengambil tindakan untuk memasang larangan orang ramai merokok di tempat berkenaan atau mengarah pemilik bangunan tersebut memasangnya sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Dato Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lainnya. Tahniah kepada Kementerian Kesihatan di atas kejayaan-kejayaan yang telah tercapai, di samping cadangan-cadangan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan dan saya berharap ianya akan menjadi *reality on side* dan dengan itu kritik-kritik yang kadangkala kita baca di dalam surat khabar tempatan akan berkurangan.

Perkara pertama yang ingin saya nyatakan di sini ialah CPD untuk doktor-doktor dan pakar-pakar. Kita semua maklum bahawa doktor-doktor dan pakar-pakar dari masa ke semasa bukan sahaja perlu untuk mengemaskinikan pengetahuan tetapi seterusnya kesinambungan CPD mereka agar mereka dapat memberi perkhidmatan yang terkini. Untuk ini memerlukan *research facilities* untuk membuat penyelidikan dan kajian-kajian mereka. Saya maklum bahawa harga untuk mengadakan sebuah *research facilities* adalah tinggi. Saya ingin bertanya

adakah projek makmal yang tadi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengandungi kemudahan *research facilities* ini dan apakah strategi-strategi di Kementerian Kesihatan untuk memastikan *professional development* doktor-doktor dan pakar-pakar tempatan akan sentiasa setanding dengan doktor-doktor dan pakar-pakar antarabangsa. Semasa menjalankan tugas mereka adakah mereka disediakan dengan peralatan yang *up to date*.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga ada menerangkan kekurangan-kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar, saya ingin tahu apakah strategi-strategi *manpower planning* dan dalam tempoh berapa lamakah Kementerian Kesihatan akan dapat memenuhi kekurangan-kekurangan ini. Kita ada mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan dan prosedur untuk mengawal kemasukan dan penjualan bahan-bahan makanan dan ubat-ubatan yang mengandungi bahan racun. Bagaimanakah pihak Kementerian Kesihatan memantau barang-barang yang sudah diharamkan tadi tidak di kedai-kedai? kalau didapati apakah tindakan-tindakan yang pernah diambil atau yang akan diambil oleh *enforcement strategy*?

Dan dalam kes-kes penyakit kanser atau apa jua jenis penyakit yang kronik lainnya di negara ini, berapa peratus kah yang berpunca daripada ubat-ubat dan makanan-makanan yang beracun ini? Wabak HIV dan AIDS di Negara Brunei Darussalam hingga kini terdapat 59 kes jangkitan HIV. Kita sedia maklum bahawa hingga ke hari ini dunia

masih belum lagi ada vaksin yang boleh mencegah HIV dan ubat yang boleh menyembuh pesakit penyakit AIDS. Apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian Kesihatan untuk menangani masalah pesakit AIDS yang sedia ada dan masalah jangkitan HIV sama ada datangnya dari luar negeri atau dari dalam negeri sendiri?. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kelmarin telah mengemukakan soalan jua, adakah Yang Berhormat inginkan menambah atau ada soalan baru.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola dalam menangani mengatasi masalah orang ramai, izinkanlah kaola di dalam dewan yang mulia dan indah ini membangkitkan satu perkara iaitu berhubung dengan aduan di dalam surat khabar tempatan *The Brunei Times* bertarikh 23 Februari 2011 yang bertajuk "*need to capable of critism*" di dalam surat kepada penyunting seorang isteri telah mengadu mengenai suaminya sebelum ini seorang jururawat di dalam Kementerian Kesihatan telah mengalami peristiwa pilih kasih semasa pemilihan untuk melanjutkan pelajaran di bidang kejururawatan baru-baru ini. Proses permohonan berjalan dengan lancar tetapi di saat pilihan calon terakhir pihak yang bertanggungjawab dikatakan telah mengeluarkan namanya dari senarai calon. Akhirnya Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis apa yang didapati ialah seorang calon lain yang terpilih untuk diterima melanjutkan pelajaran yang ada mempunyai kaitan tertentu. Akibat daripada peristiwa itu suami

yang berkenaan telah berhenti dari perkhidmatan kerajaan disebabkan kecewa dan tawar hati terhadap apa yang berlaku di jabatannya sendiri. Apa yang kaola maklumi aduan ini telah banyak menerima respons di dalam *The Brunei Times* dari orang ramai yang menyokong bahawa pilih kasih adalah perkara yang tidak betul dan boleh menghancurkan perasaan orang lain. Jikalau perkara ini betul kaola kiranya dapat penjelasan dari Yang Berhormat Pehin Menteri Kesihatan di dalam perkara ini, sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Kesihatan mungkin ingin menjawab.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Banyak soalan-soalan, mudah-mudahan sahaja boleh ingat. Dari kelmarin sudah soalan-soalan ini. Soalan-soalan yang telah dibangkitkan, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada ke semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membuat penghargaan dan juga soalan-soalan dan masalah-masalah untuk minta penjelasan kepada saya, insya-Allah saya akan sedaya upaya untuk memberikan penjelasan dengan berasaskan kepada kenyataan-kenyataan dan maklumat-maklumat yang diperolehi.

Pertama kali kaola ingin di sini menjelaskan tentang soalan yang telah dibangkitkan oleh

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong. Soalan-soalan yang kelmarin yang berhubung kait dengan iaitu ada hubung kaitnya apakah langkah-langkah yang telah diambil memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan bagi pesakit-pesakit buah pinggang di Daerah Temburong dan berapa jumlahnya dan adakah keperluan pakar-pakar renal untuk bertugas secara sepenuh masa di Daerah Temburong. Sebelum kaola menjawab secara ringkas jawapan tersebut adalah perlu untuk memberikan senario keperluan-keperluan berasaskan kepada piawaian atau *standard* antarabangsa secara memberikan rawatan-rawatan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan dialisis, *Renal Dialysis*. Terutamanya jumlah pesakit dialisis di Daerah Temburong pada masa ini ialah berjumlah 25 orang, mengikut statistik di Negara Brunei Darussalam pada bulan Januari 2011 telah menunjukkan bahawa seramai 532 penduduk negara ini telah mengalami penyakit buah pinggang tahap akhir atau *in stage renal diseases*. Dari jumlah tersebut 501 orang pesakit sedang menjalani rawatan dialisis iaitu semasa rawatan *haemodialysis* atau *peritoneal dialysis* dan 31 orang telah menjalani pemindahan buah pingang. Apa yang juga membimbangkan kita pada masa ini, setiap tahun terdapat 100 pesakit baru yang menjalani rawatan dialisis.

Memang kenyataannya bahawa apabila seorang pesakit buah pinggang mencapai tahap akhir, *in End Stage Renal Disease* dan tiada lagi ubat yang dapat mengubati penyakit mereka, maka mahu tidak mahu, mereka terpaksa membuat keputusan memilih rawatan dialisis atau pemindahan

buah pinggang. Bagi memastikan perkhidmatan dialisis yang efisien serta teratur dan mengikut amalan terbaik, *best practices* atau piawayan antarabangsa, ingin kaola di sini menjelaskan kebanyakan ada kekeliruan-kekeliruan bukan sahaja daripada Ahli Yang Berhormat tetapi orang ramai juga dan di siaran-siaran akhbar:-

1. Kita mempunyai Pusat Dialisis 3 kategori:-

- i. Pusat Dialisis jenis *acute*, yang berpusat di Pusat *Dialysis* Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di Bandar Seri Begawan, iaitu Hospital RIPAS. Diperlengkapkan untuk memberikan khidmat sebagai Pusat dialisis jenis *acute*. Penempatan Pusat Dialisis ini bagi rawatan pesakit-pesakit yang dikehendaki pada peringkat *acute*, belum *stable* dan dari konteks kondisi klinikal. Mereka ini memerlukan pemantauan dari semasa ke semasa oleh sebab keadaan-keadaan yang *acute* dan belum *stable*;
- ii. Peringkat kedua, kita mempunyai Pusat *Haemodialysis* jenis sub-*acute* yang di tempatkan di Pusat Dialysis Kuala Belait; dan
- iii. Dan juga kita ada juga mempunyai Pusat *Satellite* iaitu:-
 - Di Pusat Dialisis di Temburong;

- Di Rimba, dan
- Di Kiarong.

Dan insya-Allah satu Pusat *Satellite Dialysis* dalam proses pembinaan di Daerah Tutong.

Pusat-pusat dialisis jenis *Dialysis Satellite* ini adalah berbeza dengan pusat dialisis yang utama di Hospital RIPAS. Perkhidmatan Pusat *Dialysis Satellite* ini adalah mengikut piawaian antarabangsa yang mana hanya menempatkan pesakit-pesakit *haemodialysis* yang telah dikenal pasti dalam keadaan tahap penyakit dan kondisi klinikalnya yang sudah *stable*, bukannya yang kritikal seperti di Pusat Dialisis di Temburong.

Pusat-pusat ini diurus oleh jururawat-jururawat renal yang berpengalaman dan berkebolehan menjaga pesakit *haemodialysis*. Jururawat-jururawat di tempatkan bertugas di pusat-usat Dialisis *Satellite* seperti di Temburong dan di Rimba serta di Kiarong, mempunyai pengalaman-pengalaman lebih 2 tahun bekerja di Pusat Dialisis jenis *acute* ataupun Pusat *Dialysis* Rimba. Mengikut piawaian antarabangsa dan Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO), penempatan pakar atau Doktor Renal yang bertugas secara tetap hanya diperlukan di Pusat Dialisis Utama di sesebuah negara atau di Pusat Dialisis jenis *Acute* dan Pusat Dialisis yang memberikan latihan renal kepada kakitangan-kakitangan yang berkenaan.

Manakala pusat-pusat dialisis yang lain termasuk Pusat Dialisis jenis *Satellite* seperti di Daerah Temburong, tidak memerlukan Doktor Renal bertugas secara tetap sepenuh

masa di pusat-pusat dialisis tersebut. Walau bagaimanapun, pakar atau doktor renal disarankan melawat ke pusat-pusat dialisis ini sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi memantau keadaan dan perkembangan penyakit dialisis ini.

Alhamdulillah, pusat-pusat dialisis satellite di negara ini yang di tempatkan di Temburong, Kiarong dan Rimba kesemuanya menepati piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu khususnya mengenai perkhidmatan klinikal yang diberikan. Adalah menjadi matlamat kementerian ini bahawa kesemua pesakit-pesakit yang di tempatkan di kesemua pusat-pusat dialisis adalah dalam penjagaan serta rawatan terbaik mengikut piawaian-piawaian antarabangsa.

Khusus bagi Daerah Temburong, langkah-langkah telah diambil dalam memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan bagi pesakit-pesakit buah pinggang di Daerah Temburong. Iaitu menambah jumlah Jururawat Renal yang bertugas di Pusat Dialisis Temburong. Dari seramai 4 orang pada tahun lepas, pada tahun ini iaitu pada akhir tahun, ditambah 2 orang menjadi 6 orang. Ini adalah mengikut nisbah seorang jururawat menjaga 4 orang penghidap penyakit dialisis tersebut. Dengan penambahan Jururawat Renal, maka rawatan heamodialysis di Pusat Dialisis Temburong telah dapat ditambah pada setiap hari Selasa, Khamis dan Sabtu, dari satu sesi kepada dua sesi iaitu pagi dan petang. Untuk makluman seorang yang menghidap penyakit dialisis ini akan dikehendaki selama 3 kali dalam seminggu,

4 jam sekali sesi untuk proses dialisis tersebut.

Mempastikan setiap jururawat di tempatkan di Pusat Daerah Temburong telah mempunyai pengalaman khidmat di Pusat *Dialysis* RIPAS atau *Dialysis* Rimba selama lebih kurang 2 tahun tanpa pengawasan Jururawat Kanan. Jururawat-jururawat ini juga mesti menjalani kursus renal *in house training*. Dengan penambahan sesi rawatan pada tahun lepas, maka pesakit-pesakit di Daerah Temburong, yang baru menerima rawatan *dialysis* dapat dipindahkan dari Pusat Dialysis RIPAS ke Pusat Dialysis Temburong setelah *clinical* mereka stable dan pesakit tidak lagi memerlukan pemantauan doktor setiap hari, maknanya sudah stable pesakit-pesakit itu barulah ditempatkan di satellite-satellite Pusat Dialisis. Menambah lawatan doktor dan pakar renal dari 2 kali sebulan kepada 3 kali sebulan di Pusat Dialisis Temburong. Iaitu melebihi daripada piawaian standard yang telah ditetapkan oleh *World Health Organisation*.

Mempastikan doktor renal berjumpa dengan setiap pesakit yang menerima rawatan dialisis pada hari tersebut semasa lawatan mereka ke Pusat Dialisis. Seperti kelaziman di negara-negara lain, apabila berlaku sebarang kes kecemasan di luar bidang renal bagi pesakit di Pusat Dialisis yang tiada doktor renal secara tetap, pesakit akan dirawat oleh doktor yang bertugas di Unit Kecemasan dari hospital yang terdekat. Dalam situasi di Pusat Dialisis Temburong adalah dalam kawasan hospital di Temburong, menempatkan 4 orang doktor yang bertugas secara tetap di sana, jadi

mereka dapat membantu merawat pesakit dialisis bila ada kecemasan.

Untuk makluman Jabatan Perkhidmatan *Renal* juga telah menjemput doktor-doktor yang bertugas secara tetap di Hospital Temburong, untuk mengikuti *ward round* di Pusat Dialisis Temburong bersama Doktor *Renal* semasa mereka bertugas di sana. Ini adalah supaya mereka ini mengenali dan memahami keadaan pesakit dialisis serta untuk menambah keyakinan pesakit dialisis kepada doktor ini. Selain dari itu Jabatan Perkhidmatan *Renal* juga telah menyediakan program latihan dialisis bercorak *hands on* selama sekurang-kurang 30 jam di Unit Dialisis RIPAS dan Pusat Dialisis Rimba kepada doktor-doktor yang bertugas secara tetap di Daerah Temburong.

Program ini bermula pada tahun ini dan akan diikuti secara bergilir-gilir. Untuk makluman juga, di Pusat Dialisis Temburong, telah dilengkapi dengan peralatan perubatan yang diperlukan seperti mesin ECG, model tekanan darah dan *vital sign monitor* yang boleh dikendalikan oleh jururawat-jururawat yang terlatih di Pusat Dialisis Temburong dengan serta-merta bila diperlukan. Untuk memberikan lagi pengesahan tentang Pusat Dialisis di Temburong itu, terutama sekali tatacara-tatacara rawatan dan adakah ia benar-benar memenuhi piawaian yang telah ditetapkan, maka Kementerian Kesihatan juga berkebetulan wakil WHO dan wakil *International Social Top Nephrology* berada di negara ini, maka mereka ini pun dibawa membuat ke Pusat Dialisis Temburong pada tahun ini iaitu bulan Mac dan menyatakan bahawa perkhidmatan klinikal (kedokteran dan kepakaran *renal*) yang diberikan di

Daerah Temburong adalah lebih memadai dan mengikut saranan-saranan piawaian antarabangsa.

Berhubung dengan jururawat-jururawat di Daerah Temburong *renal* yang bertugas 6 orang masalah perumahan. 5 orang anak tempatan yang ditugaskan di sana di mana seorang anak tempatan Daerah Temburong dan 4 orang telah pun mendapat perumahan dengan kerjasama daripada Jabatan Daerah. 1 orang jururawat dari Bandar Seri Begawan akan diusahakan perumahannya di Daerah Temburong. Masalah jururawat untuk di tempatkan secara sepenuh masa di Daerah Temburong, tidaklah timbul lagi perkara itu telah diselesaikan.

Berhubung dengan Ambulans Air, alhamdulillah sepertimana dalam peruntukan pada tahun ini, \$60,000.00 telah disediakan untuk Ambulans Air. Insyallah peruntukan tersebut akan dikhususkan bagi permintaan dan keperluan di Daerah Temburong.

Perkara yang juga ditimbulkan ialah berhubung dengan pesakit ataupun anak pesakit yang ditemani oleh ibunya yang berkhidmat secara tetap. Memang kita mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu di mana setiap menemani yang menemankan pesakit-pesakit yang hendak menjalankan rawatan di luar negeri menerima elaun-elaun tertentu yang ditetapkan iaitu \$30.00 sehari. Begitu juga pesakit \$30.00 sehari. Dan segala perbelanjaan penerbangan dan kediaman adalah juga disediakan oleh pihak kerajaan.

Berhubung dengan cuti-cuti tersebut, pada kelazimannya peneman pesakit ini adalah

tertakluk kepada hak cutinya. Ianya bukanlah dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan dan selalunya dikira ataupun ditolak daripada pada hak cuti tahunan pegawai yang berkenaan. Inilah peraturan-peraturan yang ada pada masa ini.

Berhubung jika sekiranya ia dapat diberikan cuti belas kasihan, itu tertaklukkan kepada jabatan masing-masing. Tetapi peraturan yang ada pada masa ini, mereka adalah tertakluk kepada kelayakan cuti-cuti tahunan mereka, baki-baki cuti tahunan. Dan tentang pembayaran gaji dan sebagainya itu kalau sekiranya mereka masih lagi berkecukupan ada cuti tahunan, mereka akan dibayar gaji. Kalau sekiranya anda berhak cuti pada dasarnya, kalau cuti memanglah cuti anda bergaji. Itulah dapat kaola terangkan dalam perkara ini.

Satu lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman kelmarin dan yang baru-baru ini lagi ialah tentang aduan orang ramai ataupun di dalam *Brunei Times*. Yang ada dakwaan menuduh, pemilih kasih kepada orang yang diberikan dermasiswa ataupun latihan di luar negeri. Perkara ini kaola tidaklah dapat menjawabnya kerana tidak ada kenyataan-kenyataan. Kaola insya-Allah akan meneliti dan membuat penyiasatan perkara ini sama ada benar ataupun tidak, tidaklah dapat kaola menjawab. Ianya memerlukan penelitian dalam Kementerian Kesihatan yang rapi di dalam perkara ini. Tanpa ada kenyataan kaola tidaklah akan menjawab perkara ini.

Soalan-soalan kelmarin juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Orang

Kaya Jaya Putra Dato Paduka Awang Haji Mohd Taha. Ada beberapa isu ditimbulkan. Salah satu daripada isu ditimbulkan dan keprihatinan Yang Berhormat ialah yang berhubung kait dengan masalah meletak kereta di kawasan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Masalah meletak kereta ini memang kita akui. Dan pada masa ini kawasan letak kereta adalah sangat terhad disebabkan semua kawasan sekeliling hospital terdapat Bangunan Pejabat Pusat Kesihatan dan *Mother & Child Health* dan Bangunan *National Isolation Centre*. Buat pada masa ini, Alhamdulillah dengan kerjasama pihak Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong, kita menggunakan tapak kosong di kawasan sekolah tersebut, iaitu di sebelah hadapan hospital. Zon ini hanya boleh menempatkan sejumlah lebih kurang 40 petak bagi orang awam.

Untuk mengurangkan petugas-petugas menggunakan tempat letak kereta bagi orang awam tersebut, insya-Allah pihak pengurusan hospital akan mengambil inisiatif bagi melaksanakan projek menaik taraf serta membuat kawasan letak kereta baru khusus bagi petugas-petugas di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah untuk menempatkan pegawai-pegawai iaitu yang bertugas di hospital tersebut sebanyak 120 buah letak kereta.

Dan juga seperti kita sedia maklum Bangunan *National Isolation Center*, ada juga menyediakan petak-petak letak kereta di sana. Insya-Allah dengan adanya

kawasan-kawasan letak kereta, dapatlah dikongsikan nanti bukan sahaja kepada pegawai-pegawai dan kakitangan malahan juga untuk orang awam bagi membolehkan mereka meletakkan kereta di kawasan yang berkenaan.

Soalan juga yang ditimbulkan iaitu berhubung dengan kakitangan X-ray di Hospital Tutong. Pada masa ini memang ada di tempatkan seorang Pegawai Perubatan secara bekontrak dan Juru X-ray, *Radiographer* tempatan. Dan berhubung dengan Juruteknik X-ray Kanan yang akan bersara pada awal bulan Jun akan mula bercuti sebelum bersara pada lebih awal bulan Jun. Dan juga Juruteknik X-ray yang menamatkan perkhidmatan telah pun juga diusahakan untuk diambil bergaji hari.

Adalah juga dimaklumkan di sini bahawa, kita juga akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini. Iaitu penempatan seorang Pegawai Perubatan Bahagian Radiologi Hospital yang berkhidmat secara kontrak sejak bulan September 2010 bagi menggantikan seorang Pegawai Perubatan Kanan yang telah menamatkan kontrak.

Memberikan bantuan secara berkala iaitu *periodic coverage* semasa waktu bekerja Juru X-ray ataupun Juruteknik yang diperlukan daripada Hospital RIPAS. Mengiklankan jawatan kosong Juruteknik X-ray dalam dan luar negeri. Inisiatif juga adalah untuk mengambil semula seorang Juruteknik X-ray Kanan yang akan bersara secara kontrak ataupun bergaji hari, jika kita benar-benar memerlukan. Insya-Allah jua pada masa ini 2 orang pegawai tempatan

radiographers yang sedang menjalani latihan dalam perkhidmatan dalam bidang pengurusan *master's level* akan menamatkan latihan pada bulan September tahun ini dan akan kembali berkhidmat semula dan kita akan mengaturkan mereka ini.

Dan salah satu lagi soalan yang ditimbulkan lagi oleh Yang Berhormat daripada Tutong iaitu setiap pesakit memang ada ubatnya dan jenis rawatannya. Apabila seorang pesakit berjumpa doktor misalnya di mana-mana Pusat Kesihatan di negara ini akan diperiksa apa jenis penyakit dan tahap seriusnya, mungkin diarahkan untuk menjalani rawatan lanjut ataupun untuk dirujuk kepada pakar-pakar hospital di RIPAS dan seumpamanya. Jika ianya memerlukan rujukan lanjut ia akan dirujuk kepada hospital RIPAS. Di sana nanti pakar-pakar akan menjalankan rawatan-rawatan seterusnya sama ada ia menghendaki pemeriksaan darah, pemeriksaan X-ray, air kencing dan seumpamanya.

Ini tertaklukkan kepada doktor dan pakar-pakar dan jenis penyakit barulah ada rawatan-rawatan yang akan dijalankan oleh pakar doktor-doktor berkenaan pada pesakit-pesakit yang berjumpa doktor dan seumpamanya.

Soalan-soalan yang baru diterima juga Yang Berhormat Pehin Pengerusi, izinkan kaola serba sedikit memberikan penjelasan, iaitu soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Alhamdulillah saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan atas perkongsian daripada Ahli Yang

Berhormat yang telah juga mengambil berat tentang mereka yang tidak kembali bertugas setelah lulus dalam kepakaran dan kedoktoran.

Lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah tentang merokok di kawasan bangunan kedai dan seumpamanya. Memanglah ada undang-undang tertentu telah dikuatkuasakan, terutama sekali orang yang didapati merokok di kawasan-kawasan bangunan awam akan diambil tindakan dan beberapa orang telah pun diambil tindakan dengan dikenakan kompaun-kompaun. insya-Allah dari masa ke semasa apa yang disarankan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi akan diambil tindakan-tindakan sewajarnya dan jika perlu dan bersesuaian akan dipaparkan papan-papan tanda bagi memperingati mereka supaya jangan merokok di kawasan-kawasan yang terlarang.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, tadi ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh iaitu berhubung dengan *research facilities*. Insya-Allah kerjasama telah pun dirundingkan dengan pihak *Institute Health Science* Pengiran Anak Puteri Rashidah, UBD dengan Kementerian Kesihatan akan menggunakan sepenuhnya segala peralatan-peralatan dikhususkan untuk membuat tesis ataupun pengajian di Universiti Brunei Darussalam.

Berhubung dengan *Strategic Manpower Planning* seperti saya jelaskan tadi, memanglah dari masa ke semasa terutama sekali kitani menghadapi kekurangan-kekurangan kepakaran doktor-doktor seperti

yang saya jelaskan dalam mukadimah awal tadi, beberapa langkah-langkah akan diambil oleh Kementerian Kesihatan dan kerjasama Kementerian Pendidikan akan menggalakkan lebih ramai lagi anak-anak tempatan yang mengambil bidang-bidang khusus dalam kesihatan dan perubatan untuk menampung kekurangan-kekurangan kitani. Kaola tidaklah perlu mengulaskan dengan panjang lebar lagi cukuplah mukadimah yang telah kaola sampaikan pada semalam.

Berhubung dengan kemasukan barang-barang yang terlarang, kaola pun juga telah menyentuh perkara ini kelmarin bahawa memanglah tindakan undang-undang akan diambil, kalau didapati barang-barang itu mengandungi racun ataupun boleh memudaratkan atau keselamatan orang ramai. Perkara ini juga saya telah pun nyatakan kelmarin dari masa ke semasa insya-Allah pihak Kementerian Kesihatan akan meningkatkan lagi pemeriksaan dan juga jika didapati barang-barang tersebut memanglah pada kebiasaannya akan disiarkan ataupun ditarik balik barang-barang yang boleh memudaratkan kepada orang ramai.

Iaitu satu perkara lagi mengenai penyakit-penyakit berjangkit, bukan saja penyakit berjangkit khusus HIV yang telah pun diberikan pendapat oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh tadi. Memang pihak Kementerian Kesihatan mengambil serius tentang perkara ini dan mengambil langkah-langkah pencegahan khususnya kepada orang ramai dan kepada orang yang difikirkan *vulnerable* tentang *disease* ini. Tapi Alhamdulillah

negara kita Brunei Darussalam boleh kita kawal dan ianya adalah dalam peringkat minima. Walau macamanapun dari semasa ke semasa promosi-promosi dan juga untuk meningkatkan kesedaran orang ramai masih akan kita pertingkatkan mustahak sekali ialah untuk menyedarkan kepada orang ramai tentang bahayanya dan risiko-risiko yang akan dihadapi jika tidak mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan tentang penyakit-penyakit berkenaan.

Barangkali itulah yang kaola dapat tangkap Yang Berhormat Pehin Pengerusi segala persoalan-persoalan yang ditimbulkan tadi. Mudah-mudahan serba sedikit ianya akan dapat menemui kehendak Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana saya sedaya upaya yang dapat saya perjelaskan di persidangan ini. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Pehin Pengerusi memberikan kesempatan kepada kaola untuk memberikan penjelasan di dewan ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) nampaknya ingin mahu bercakap.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola hanya ingin menambah sedikit saja Yang Berhormat

Pehin mengenai dengan peraturan yang mengawal pegawai atau kakitangan Perkhidmatan Awam yang menemani pesakit yang menjalani rawatan di luar negara kerana perkara ini adalah berhubung kait dengan Surat Keliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan sudah menerangkan tadi tapi kaola hanya kan menambah sedikit-sedikit saja lagi, yang mana peraturan yang ada dan masih dilaksanakan pada waktu ini ialah kakitangan kerajaan yang telah diaturkan untuk menemani pesakit bagi menjalani rawatan di luar negara adalah dibenarkan untuk berbuat demikian dengan menggunakan cuti tahunan mereka. Jika tempoh berada di luar negara melebihi cuti tahunan yang ada. Misalnya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad misalnya lebih daripada cuti-cuti yang ia berhak.

Maka pegawai-pegawai ini dibolehkan menggunakan cuti pendahuluan iaitu pada kadar jumlah kelayakan cuti tahunan mengikut tempoh perkhidmatan setahun. Jika tempoh itu masih tidak lagi mencukupi peraturan yang ada pada masa ini membolehkan supaya mereka boleh dibenarkan untuk terus berada menemani pesakit tersebut di luar negara dengan cara mengambil cuti tidak bergaji. Bagi kalangan profesion guru pula yang mana mereka ini tidak mempunyai kelayakan cuti tahunan yang khusus selain dari cuti persekolahan maka mereka ini dipertimbangkan untuk diberikan cuti khas untuk sepanjang berada di luar negara.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi selain dari kemudahan tempat penginapan yang disediakan di luar negara sepanjang tempoh menemani pesakit di luar negara elauun sara hidup juga dihulurkan sama ada semasa kakitangan itu menggunakan cuti tahunannya atau cuti pendahuluan ataupun semasa menggunakan cuti tidak bergaji.

Alhamdulillah kesejahteraan pesakit dan juga kesejahteraan mereka yang menemani pesakit semasa di luar negara sentiasa dipelihara bagi memastikan urusan rawatan pesakit akan berjalan dengan baik dan teratur. Untuk makluman pada masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam sedang berusaha meneliti semula peraturan-peraturan dalam Surat Keliling yang ada pada masa ini dan insya-Allah cadangan Yang Berhormat semalam yang berkaitan dengan menemani pesakit di luar negara ini akan kita teliti secara mendalam dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan menurut keperluan dan keutamaannya. Insya-Allah, Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, abis kaola ingin menyampaikan satu perkara lagi iaitu mengenai dengan cerita-cerita dan perbualan-perbualan orang ramai yang begitu hangat sebelumnya di negara kita ini yang mempunyai cerita iaitu mengenai dengan spesis binatang "anggak" ini yang

dikatakan ianya adalah boleh diproses menjadi ubat yang penting, ubat yang mahal di dalam segi perubatan.

Jadi abis kaola memohonlah penjelasan daripada pihak yang berkenaan supaya dapat menerangkan dan memberikan nasihat dan juga jawapan mengenai dengan kesahihan apa yang telah dimaksudkan oleh cerita-cerita ini kononnya siapa yang mendapatkan spesis binatang ini ianya akan mendapat harga yang lumayan dan juga cerita-cerita ini akan melarat daripada sejengkal akan menjadi sehasta dan dari sehasta akan menjadi sedepa. Mudah-mudahan ianya akan menjadi ubat di atas penerangan daripada pihak yang berkenaan nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, saya pun tidak faham apa yang dimaksudkan ini. Ini seolah-olah macam cerita dongeng. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan memikirkan ada Yang Berhormat boleh memberikan pendapat dengan seberapa ringkas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan juga Yang Berhormat Awang Haji Bakar. Kaola yang sebenarnya baru tah mendengar Yang Berhormat Pehin Pengerusi cerita ini walaupun ia sudah menjadi buah mulut orang tetapi iatah mendengar cerita-cerita yang macam ani haruslah kitani berwaspada akan akibat-akibatnya dan risiko-risikonya.

Insya-Allah perkara ini akan kaola siasat untuk makluman barangkali kepada orang ramai supaya jangan mudah terpengaruh seperti cerita-cerita seperti ini yang kitani khawatirkan ianya boleh menjejaskan dan mempunyai risiko-risiko terhadap kesihatan kitani bersama. Perkara ini akan abis kaola siasat sepenuhnya tentang kesahihannya. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi

Yang Berhormat Pengerusi: Kalau tidak ada lagi Ali-Ahli Yang Berhormat lain untuk bercakap, saya ingin mengongsikan sedikit pandangan mengenai dengan Tajuk Kementerian Kesihatan ini. Saya turut serta bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat pada mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan lebih-lebih lagi Kementerian Kewangan yang menyediakan kewangannya atas usaha yang berterusan pada memberikan peluang kepada anak-anak tempatan untuk menuntut, berlatih, mendapatkan *professional qualification* dan kepakaran sama ada melalui *scholarship* atau latihan dalam perkhidmatan dan nampaknya semakin bertambah bilangan anak-anak tempatan yang mengisikan jawatan-jawatan yang penting dalam perkhidmatan kesihatan, perubatan dan kesihatan ini.

Saya sungguh berasa bangga apabila klinik-klinik di RIPAS dan juga di pusat-pusat lain seperti bahagian *dental* apabila dilayani oleh anak-anak tempatan di semua peringkat, yang saya ceritakan ini bukanlah baru saja berlaku sudah bertahun-tahun sebenarnya dan di bahagian-bahagian yang masih diketuai oleh pakar berkontrak dari

luar negeri begitu juga *supporting staffnya* boleh dikatakan keseluruhannya terdiri daripada anak-anak tempatan yang membuat kerja-kerja mereka dengan begitu profesional. Pakar-pakar dari luar ini juga nampaknya di beberapa bahagian bekerja rapat dengan pakar-pakar terdiri dari anak-anak tempatan.

Ini satu perkara yang menggalakkan kerana perkhidmatan pakar-pakar luar ini sepertimana setelah mendengar kekurangan-kekurangan bilangan anak-anak tempatan saya percaya akan terus diperlukan. Jadi janganlah pakar-pakar dari luar ini memikirkan masa mereka berkhidmat di sini adalah terhad dan akan digantikan dengan anak tempatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan saya ingin menyentuh mengenai dengan ubat-ubat yang *diprescribe* dan dikeluarkan di rumah sakit kerajaan seperti RIPAS, ada banyak ubat yang disebut sebagai generik yang mana bagi orang-orang profesional menyatakan ubat yang tidak ada jenama, tidak ada *trademark* tapi bagi orang ramai ada juga yang menyebutnya sebagai ubat tiruan. Saya menyentuh perkara ini kerana kelmarin Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada meristakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menegaskan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan itu hendaklah yang berkualiti tinggi.

Jadi kualiti ini yang saya fahamkan tentulah juga meliputi kualiti ubat-ubat yang diberikan sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat akan fahami soal memakan ubat ani adalah melibatkan soal *confidence* atau keyakinan

bahawa ubat itu bukan saja berkesan, efektif tetapi juga kualiti mutunya tinggi. Kebanyakan ubat-ubat generik ini dibuat di negeri-negeri membangun dan yang sedang membangun. Bukanlah saya menyatakan semuanya itu bagus tapi anggapan orang ramai terhadapnya dan kerana saya dengar banyak orang *outpatient* yang telah *prescribe* ubat-ubat *generic* ini apabila balik ke rumah ia itu menghabiskan atau ia mau makan sampai habis seperti yang ditentukan oleh doktor kerana ia kurang kepercayaan. Bagi *patient* dalam wad-wad pulang itu tidak ada masalah kerana ada nurse di sana menentukan ia makan tiap-tiap waktu yang ditetapkan. Jadi ini adalah satu fikiran dan pandangan yang saya ingin mengongsikan bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi Tajuk Kementerian Kesihatan ini jika tidak ada bantahan bolehlah diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SM - Kementerian Kesihatan dijadikan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya masanya tiba bagi kita berehat. Saya baru dimaklumkan ada *breakdown* seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat melihat skrin TV ini nada menunjukkan gambar jadi teknisyen-teknisyen yang berkenaan minta tempohnya kalau kitani rehat 40 minit insya-Allah diorang akan dapat menyiapkan. Jadi baiklah kitani berehat kalau siap sebelum 40 minit kita bersidang semula kalau itu tapi saya memikirkan soal gambar di skrin ini

tidak mengganggu persidangan kitani di sini. Terima kasih.

Majlis selaku Jawatankuasa ini saya tangguhkan dan kita bersidang semula sebentar lagi sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis berehat sebentar)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Maka bagi membolehkan mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya diteruskan, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, kita telah selesai sebelum berehat tadi, meluluskan Tajuk SM - Kementerian Kesihatan. Sekarang kita beralih balik semula kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tajuk SL04A - Muzium.

Jurutulis: Tajuk SL04A - Muzium.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris mahu bercakap.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan membangkitkan perkara mengenai dengan *culture conservation* ataupun *conservation* budaya.

Sebagaimana yang kita ketahui, Kampung Ayer sudah mula bertapak di negara ini sejak *Italian Explorer*, Antonio Pigafetta datang ke Brunei dalam kurun ke-15. Kampung Ayer bertahan hingga ke hari ini, juga terkenal dengan nama *Venice of the East*. Juga terkenal sebagai tarikan kepada pelancong-pelancong. Kampung Ayer menghadapi berbagai-bagai perubahan rupa, dari segi fizikal dan sosio ekonominya oleh sebab-sebab yang tertentu. Berbagai-bagai program pembangunan juga telah dibuat untuk menjadikan ianya terus selesa digunakan dan dimajukan. Diucapkan tahniah kepada kementerian-kementerian dan pihak-pihak yang berkenaan di atas usaha tersebut. Diharapkan juga kita akan dapat mempertahankan kedudukan Kampung Ayer ini.

Inilah satu-satunya *heritage* yang kita warisi dalam waktu masa yang begitu lama. Soalan saya, apakah langkah-langkah dan perancangan kementerian untuk

meningkatkan lagi status Kampung Ayer ini ke dunia antarabangsa? Misalnya untuk memasukkan atau mendaftarkan Kampung Ayer ke dalam buku *UNESCO* sebagai *UNESCO World Heritage*. Insya-Allah, ini akan meningkatkan lagi martabat Negara Brunei Darussalam, supaya lebih dikenali di dunia antarabangsa.

Sebagaimana yang saya fahami, sejauh ini kita telah berjaya menjadikan Tasik Merimbun National Park sebagai *UNESCO World Heritage*. Saya rasa Kampung Ayer juga tidak kurang prospeknya, dan saya percaya ia mempunyai *potential* yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Maka, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih di atas pandangan dan seterusnya saranan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas mengenai dengan Kampung Ayer. Sepertimana juga yang kita sama-sama ketahui bahawa Kampung Ayer itu adalah sinonim dengan Brunei, kerana dari Kampung Ayer itulah maka bertumbuhnya

Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara. Dan di Kampung Ayer itulah juga merupakan sebagai warisan dan tamadun bangsa Negara Brunei Darussalam.

Sepertimana juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, sememangnya Kampung Ayer itu adalah merupakan sebagai warisan bangsa Brunei dan ianya perlu dipelihara dan seterusnya untuk dikembangkan. Kerana Kampung Ayer itu mempunyai potensi ke arah menyumbang kepada industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Kerana Kampung Ayer itu juga adalah merupakan sebagai tarikan kepada pelancong-pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam. Malahan, lebih daripada peranannya untuk menarik pelancong-pelancong, Kampung Ayer itu juga merupakan warisan yang perlu dikembangkan dan seterusnya untuk generasi Brunei yang akan datang, untuk terus memeliharanya. Kerana dengan Kampung Ayer itulah ianya menggambarkan bagaimana Negara Brunei Darussalam yang ada sekarang ini berkembang dan maju.

Dan ke arah untuk memelihara dan mempertahankan warisan bangsa iaitu Kampung Ayer, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Muzium-Muzium telah pun mengambil langkah-langkah ke arah untuk mendaftarkan Kampung Ayer sebagai *World Heritage* dengan Pertubuhan UNESCO iaitu *World Cultural and Natural Heritage*. Dan ke arah itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berusaha untuk kepada *Convention World Cultural and Natural Heritage UNESCO*. Dan perkara itu telah pun dibincangkan dengan agensi-agensi

kerajaan yang terlibat, dan telah pun berbincang juga dengan pihak Peguam Negara. Dan perkara itu telah pun mendapat persetujuan daripada agensi-agensi berkenaan dan seterusnya telah pun disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjunjung perkenan bagi Negara Brunei Darussalam untuk *ratify* kepada *Convention World Cultural and Natural Heritage* itu.

Dan melalui pemetrian atau *rectification* kepada *Convention World Cultural and Natural Heritage* tersebut, maka Negara Brunei Darussalam akan boleh mendapatkan bantuan-bantuan pakar daripada UNESCO untuk melaksanakan dan menjadikan Kampung Ayer itu sebagai *World Cultural and Natural Heritage*. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, yang mahu bercakap mengenai dengan Muzium? Maka oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mahu bercakap mengenai dengan tajuk Muzium ini, Tajuk SL04A - Muzium diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SL04A - Muzium dijadikan menjadi sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL05A – Pusat Sejarah.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SL05A – Pusat Sejarah, saya bukakan untuk dibahaskan. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dua perkara yang akan kaola bangkitkan dalam dewan yang mulia ini:-

1. Kaola menimbulkan sesuatu perkara yang juga merupakan *legacy* tanda kenangan dan ingatan khususnya kepada penduduk Daerah Temburong. Salah satu daripadanya ialah “Tugu Peringatan” yang sudah 48 tahun diabadikan semata-mata untuk memperingati pejuang-pejuang negara dalam mendaulatkan negara dan bangsa. Tugu Peringatan berkenaan telah didirikan atas titah perkenaan Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, dan telah dirasmikan oleh Al-Marhum pada 5 haribulan Januari 1964. Kaola ingin bertanya, jabatan manakah yang sepatutnya dipertanggungjawabkan bagi pengurusan dan pemeliharaan Tugu Peringatan ini supaya ianya lebih teratur dan sempurna sebagai satu catatan sejarah dan satu tarikan kepada pelancong; dan
2. Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis, kaola juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan apakah ada dalam pemikiran dan cadangan KKBS untuk menggubal akta untuk belia yang khusus untuk mengawal perkembangan belia dari segi kesejahteraan dan keselamatan.

Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi. Yang Berhormat Haji Bakar Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin menyampaikan dua perkara:-

1. Bahawasanya Jabatan Pusat Sejarah telah pun banyak membuat kajian-kajian mengenai dengan sejarah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Jadi supaya mana-mana tempat belum lagi dibuat pengkajian dan diperkenalkan supaya tempat-tempat ini akan dapat dikaji dan diperkenalkan. Contohnya seperti tempat yang bersejarah ialah Wasai Syair, Wasai Sultan Halim, Wasai Tajul Badalas, Tekuning dan beberapa tempat lagi yang terdapat di daerah ini. Mudah-mudahan pihak Jabatan Pusat Sejarah ini akan dapat meluaskan lagi dan membuat kajian tempat-tempat yang belum diterokai; dan
2. Kalau mengikut sejarah sebagaimana disebutkan tadi Kampung Ayer ianya memang mempunyai sejarah-sejarah yang tertentu. Di sini ingin mengesyorkan iaitu dengan sebutan Sekolah Lela Menchanai bukan kaola menyebut sekolah nama ani, nama Lela Menchanai ani adalah sebagai satu sejarah di Kampung Ayer, sama dulunya disebut padian. Jadi dipohonkan supaya Lela Menchanai ani

supaya ianya tidak akan hapus yang duduknya di Kampung Ayer. Mudah-mudahan apabila ada rancangan-rancangan yang akan dibuat di Kampung Ayer nanti, sekolah ini akan dapat ditimbul semula, diangkat semula atas nama "Lela Menchanai". Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi. Yang Berhormat Haji Mohd Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya cuma ingin menambah apa yang diperkatakan oleh teman sebentar tadi tentang sejarah, tempat sejarah. Di mana kita di Daerah Belait mengetahui Kuala Balai, Mukim Kuala Balai atau Kampung Kuala Balai adalah suatu tempat pada dulunya Pusat Pentadbiran di Daerah Belait sebelum Pusat Pentadbiran itu dipindah ke Kuala Belait pada masa ini.

Jadi saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pusat Sejarah mempunyai perancangan untuk sekurang-kurang mengenangkan kembali legenda tempat tersebut?. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih di atas soalan-

soalan dan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat - Yang Berhormat tadi dan kaola akan menjawab perkara yang dikemukakan Yang Berhormat Haji Sulaiman Ahad iaitu mengenai dengan Tugu Peringatan di Temburong.

Sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat memanglah bagi mengingati peristiwa 1962 satu Tugu Peringatan telah pun dibangunkan di Daerah Temburong pada 1964 kalau saya tidak silap dan ianya telah pun dirasmikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada tahun 1964. Tugu berkenaan adalah bertujuan pada mengingati pejuang-pejuang atau wira-wira negara yang terkorban pada tahun 1962 iaitu dalam peristiwa berdarah negara yang mana kalau tidak silap yang terkorban itu ialah beberapa orang antara lain ialah Allahyarham Pengiran Besar, Allahyarham Haji Hassan bin Maun dan beberapa orang lagi.

Dan tugu berkenaan telah pun diwartakan di bawah Akta Barang-Barang Purba dan Harta Terpendam yang mana ianya adalah di bawah seliaan Jabatan Muzium-Muzim dan pada ketika ini. Tugu berkenaan telah pun diperbaiki dinaikkan tarafnya dan ianya sekarang ini terletak dalam bangunan tempat menunggu bot-bot tambang yang baru di Daerah Temburong yang mana adalah di bawah kawalan Jabatan Pelabuhan.

Alhamdulillah, apa yang terdapat pada masa ini seperti yang saya perhatikan bahawa ianya adalah terpelihara dengan baik sesuai dengan kedudukannya sebagai satu tugu yang merupakan peringatan sejarah kepada

rakyat Brunei khususnya kepada generasi muda itu sebagai tugu memperingati akan perjuangan dan pengorbanan rakyat Brunei yang taat kepada rajanya dan kepada negaranya. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, kaola memohon maaf kerana nampaknya Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja masih lagi kan menjawab. Tetapi sudah dalam persoalan yang lain, tetapi izinkanlah kaola mengambil masa sedikit di dewan ini untuk memberi sedikit *input* mengenai Tugu Di Temburong ini.

Sebenarnya Tugu Peringatan Temburong ini sekarang terletak dalam bangunan penumpang turun di Bangar dan alhamdulillah, dalam keadaan yang sekarang bangunan itu dalam keadaan yang terjaga dan diberi penghormatan yang agung. Kaola difahamkan apabila kaola melawat bahawa ada satu cadangan dulu untuk mengeluarkan tugu itu daripada bangunan supaya ianya lebih terserlah tetapi nampak beberapa perundingan masih bergantung mengenai perkara ini. Tetapi kaola sendiri berasa yakin bahawa dalam keadaannya sekarang tugu itu dalam keadaan yang sempurna dan dihormati dan kalau di sana pun tugu itu, hanya dalam bangunan Yang Berhormat Pehin bukannya di luar seperti yang dalam bentuk.

Yang Berhormat Pengerusi: Dulu asalnya di mana Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Asalnya di sana Yang Berhormat Pehin, di sana tapi di luar, sekarang di dalam bangunan tua. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih ada lagi ahli-ahli lain. Indada. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin menambah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tadi kaola cuba menyebutkan beberapa nama yang terkorban yang merupakan sebagai nama-nama yang diingati dengan pembinaan tugu tersebut.

Jadi kaola ingin menyampaikan secara lengkapnya bagi rujukan bersama dalam dewan yang mulia ini dan juga maklumat umum orang ramai. iaitu mereka yang terkorban ialah Allahyarham Pengiran Besar bin Pengiran Kula, Pengiran Ali bin Pengiran Ghani, Allahyarham Hassan bin Maun, Allahyarham Sabli bin Ampuan Judah, Allahyarham Abdul Hamid bin Ahmad Allahyarham Abdul Ghani bin Abdullah dan mendiang Chin Dong Seng.

Jadi itulah yang kaola ingin sampaikan sebagai maklumat dalam dewan ini, dan kaola juga ingin merespons kepada soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat

Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, iaitu mengenai dengan Akta Belia, sama ada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bercadang untuk membuat satu Akta Belia yang bertujuan untuk menjamin pembangunan dan kemajuan serta perlindungan belia di Negara Brunei Darussalam.

Pada ketika ini Yang Berhormat Pehin, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan belumlah lagi bercadang untuk memperkenalkan satu Akta Belia yang khusus, walau bagaimanapun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa ini mengumpulkan maklumat-maklumat bagi tujuan pada satu ketika nanti yang bersesuaian untuk menggubal satu Akta Belia seperti yang dimaksudkan.

Walaupun bagaimanapun, dengan ketiadaan Akta Belia seperti yang dimaksudkan itu, tidak bererti bahawa belia-belia di Negara Brunei Darussalam ini tidak diberikan perhatian sama ada dari segi pembangunan dan kemajuannya dan termasuk perlindungannya. Kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyedari sepenuhnya mengenai dengan isu-isu global yang melanda golongan belia dan remaja yang berkaitan dengan pembangunan, pendidikan, keselamatan, kesihatan, perlindungan, penganiyaan dan eksploitasi kaum belia dan remaja di Negara Brunei Darussalam ini.

Dan bagi tujuan tersebut kita mempunyai Dasar Belia yang dibentuk pada tahun 2002 yang menekankan kepentingan pembangunan belia di negara ini. Dasar berkenaan menggariskan hala tuju

yang jelas kepada semua pihak dalam melaksanakan program-program perkembangan dan pembangunan belia bagi melahirkan belia yang cemerlang dan dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan negara. Dasar Belia yang terdapat ketika ini menekankan enam strategi iaitu:-

1. Pendidikan dan perkembangan diri;
2. Pekerjaan dan latihan;
3. Kepimpinan;
4. Daya usaha;
5. Perkhidmatan kepada orang ramai; dan
6. Persefahaman antara bangsa.

Melalui "Dasar Belia Negara", belia-belia di negara ini dapat menyumbang kepada ekonomi, kebudayaan dan masyarakat khususnya pada sentiasa taat dan mencintai kepada raja, bangsa, ugama dan negara serta mendukung "Konsep Melayu Islam Beraja". Dasar Belia juga dapat menanamkan sikap dan kualiti peribadi belia untuk menjadikan belia yang mandiri dan berdikari.

Di samping Dasar Belia Negara yang seperti kaola nyatakan tadi, terdapat juga lebih daripada 20 akta dan perintah yang secara langsung dan tidak langsung di Negara Brunei Darussalam yang memberikan perhatian ke atas kebajikan dan perlindungan golongan belia dan remaja di Negara Brunei Darussalam, yang mana antara lain akta-akta dan perintah-perintah

berkenaan ialah seperti Akta Persetujuan Haram, Akta Taraf Kebangsaan Brunei Darussalam, Akta Pendaftaran Perkahwinan, Akta Pendaftaran Pengangkatan, Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis, Akta Perempuan Bersuami, Perintah Undang-Undang Keluarga Islam, Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, Perintah Pendidikan, Perintah Memperdagangkan dan Penyeludupan Wanita, Perintah Tembakau, Perintah Asuhan Kanak-Kanak, Perintah Pekerjaan, yang mana perintah-perintah tersebut adalah semuanya bertujuan memastikan bahawa golongan belia dan remaja di Negara Brunei Darussalam ini adalah sentiasa diberikan perlindungan.

Sebagai contoh Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda tahun 2000 yang mana dipinda pada tahun 2006 ianya mengenal pasti beberapa kategori orang muda (*young person*) yang memerlukan perlindungan sama ada dari segi penderaan fizikal, emosional ataupun seksual dan juga daripada pengabaian. Begitu juga mengenai dengan Perintah Pesalah (Pemulihan Akhlak dan Khidmat Masyarakat) 2006 membolehkan belia-belia yang didapati bersalah oleh mahkamah untuk mengikuti Program Pembaikpulihan (*rehabilitation*) sebagai salah satu kaedah yang memberikan belia yang sudah terlanjur dan melakukan jenayah, peluang untuk memperbaiki diri mereka dengan menjalani program-program *probation* dalam menghindarkan mereka dari masuk penjara dan memberi mereka masa depan yang lebih cerah. Begitu juga dengan Perintah Pendidikan 2003 dan Pendidikan Wajib 2007 ialah bagi memastikan belia-belia di negara

ini menerima pendidikan sebagaimana wajarnya.

Manakala dengan soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Shafiee iaitu mengenai dengan Kuala Balai, yang mana mempunyai sejarah sebagai Pusat Pentadbiran, sememangnya Pusat Sejarah dari masa ke semasa akan membuat kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan mengenai tempat-tempat yang bersejarah di Negara Brunei Darussalam. Maka Kuala Balai sudah pastinya tidak terkecuali daripada senarai tempat-tempat yang dikaji oleh Pusat Sejarah.

Manakala dengan cadangan mengenai dengan untuk menjadikan Lela Menchanai sebagai satu sejarah ataupun diperingati sebagai satu sejarah, sudah barang setentunya perkara itu akan diambil kira oleh Jabatan Muzium-Muzium dan juga Pusat Sejarah, yang mana sekiranya dalam kaji selidik jabatan-jabatan berkenaan, tempat ataupun nama yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan sebagai atau mempunyai nilai sejarah kepada negara, sudah setentunya ianya akan dibuat pengkajian sejarah dan akan diwartakan sebagai bahan ataupun peninggalan sejarah di Negara Brunei Darussalam.

Kaola masih lagi Yang Berhormat Pehin melihat apa soalan-soalan lain, nampaknya tadi datang bertubi-tubi. Kaola rasa, kaola telah pun menjawab barangkali semua soalan-soalan yang dikemukakan, kalau sekiranya ada yang tertinggal kaola insya-Allah akan berbalik lagi untuk memberikan

jawapan yang diperlukan. Sekian terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan itu, saya telah diberitahu sepatutnya adalah tugas pegawai-pegawai yang berkenaan di kementerian masing-masing untuk mengingati dan menyediakan jawapannya untuk dipertimbangkan oleh kementerian berkenaan, mulai dari sekarang insya-Allah, selain daripada usaha dari pihak pegawai-pegawai di kementerian-kementerian masing-masing, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat juga akan mencabut soalan-soalan itu dari Hansard dan Jurutulis akan mengemukakannya dan menyusulnya kepada menteri yang berkenaan untuk jangan sampai seperti ada disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat menunggu setahun barulah mendengar karang apa jawapannya. Jadi ini bukanlah saya berjanji tertakluk kepada adanya tenaga kerja yang mencukupi di Jabatan Majlis Mesyuarat Negara khususnya di Jabatan Jurutulis. Insya-Allah. Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ada lagi satu soalan yang belum sempat kaola jawab tadi Yang Berhormat Pehin, iaitu mengenai dengan cadangan untuk membuat kajian mengenai dengan sejarah wasai-wasai yang dinyatakan tadi. Jadi kalau kaola inda silap yang menimbulkan soalan tersebut adalah Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Mengenai dengan wasai-wasai yang dinyatakan itu perlu juga dijelaskan di sini bahawa kajian-kajian sejarah yang dilaksanakan oleh Pusat Sejarah pada khususnya dan juga pihak-pihak Muzium itu adalah berasaskan kepada fakta-fakta sejarah yang sahih dan memanglah kadang-kadang didapati sejarah wasai-wasai ini adalah merupakan sebagai satu cerita legenda Yang Berhormat Pehin. Jadi belum dapat dipastikan akan kesahihannya yang ianya mempunyai sejarah yang perlu dicatatkan dan dipresERVE sebagai satu sejarah dalam Negara Brunei Darussalam.

Tapi walau bagaimanapun pihak-pihak Muzium dan pihak-pihak Pusat Sejarah adalah dari masa ke semasa menerima sebarang maklum balas daripada orang ramai dan daripada maklum balas itu mereka akan membuat penelitian dan pengkajian dan sekiranya ada kebenaran ataupun kesahihan bahawa tempat-tempat yang dinyatakan itu adalah mempunyai nilai-nilai sejarah sudah barang tentunya pihak Muzium dan Pusat Sejarah akan melaksanakan pengkajian ke atas tempat-tempat berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin, saya berpendapat mengenai dengan wasai-wasai itu walaupun sekiranya tidak ada latar belakang sejarah tetapi yang mana bisai dapat lah jua diusai sebagai tempat menarik orang-orang tempatan khususnya melawat dan juga jika inda terlampau jauh ke pedalaman bagi pelancong-pelancong yang datang ke Brunei sebagai tambahan kepada *attractions-*

attractions yang lain. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah:

Minta dibenarkan untuk merespons Yang Berhormat Pehin. Sememangnya Yang Berhormat Pehin, kalau sekiranya tempat-tempat tersebut tidak mempunyai sebarang nilai sejarah maka perkara-perkara tersebut akan diserahkanlah kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk memikirkan dan seterusnya mengambil tindakan-tindakan bagi menggunakan tempat-tempat tersebut sebagai tarikan pelancong di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana nampaknya tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat mahu mengemukakan pertanyaan. Tajuk SL05A – Pusat Sejarah diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SL05A – Pusat Sejarah dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL06A – Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SLO6A – Jabatan Pembangunan Masyarakat saya bukakan untuk perbincangan. Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam *statement* Yang

Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan beberapa hari yang lalu, Yang Berhormat ada mengatakan mengikut konsultan yang ditugaskan untuk mengkaji kemiskinan di negara ini terdapat sebanyak 5,472 keluarga yang dikatakan di dalam golongan miskin.

Kalau kita ambil *average family size* di Negara Brunei Darussalam iaitu kadar *conservative* 5 orang dalam satu keluarga, ini menjadikannya 27,360 orang yang miskin. Kalau kita anggarkan jumlah penduduk negara ini sebanyak 400,000. Peratus kemiskinan ialah hampir 7% dan kalau kita ambil daripada 50% daripada penduduk kita adalah golongan belia maka 13,680 orang belia adalah di dalam lingkungan kemiskinan.

Dengan adanya statistik-statistik tadi adalah jelas pada kita bahawa buat masa hadapan salah satu usaha menangani masalah kemiskinan di negara ini, selain dari pendidikan kita perlulah memperbanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan untuk orang-orang kitani. Dalam aspek pendidikan, saya maklum bahawa peluang-peluang untuk pelajaran ke peringkat tinggi juga diberikan hanya kalau mereka itu terpaksa bersaing dengan penuntut-penuntut lain untuk mendapatkan dermasiswa mungkin mereka akan ketinggalan.

Saya cadangkan supaya mereka ini akan diberi *special case* dan kalau mereka ini benar-benar mampu untuk melanjutkan pelajaran adalah disarankan agar mereka diberi dermasiswa dan kita berharap mereka akan dapat mengubah nasib mereka dan keluarga mereka.

Yang kedua, *single parent family* terdapat juga di antara keluarga-keluarga miskin kitani *single parent family* iaitu terjadi akibat si ibu dan anak-anak telah dihalau oleh bekas suami atau ahli-ahli keluarga sebagai usaha terakhir mereka akan meminta bantuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui JAPEM atau Baitulmal untuk mendapatkan tempat kediaman. Mereka sering mengadu bahawa tempoh untuk mendapatkan kebenaran adalah lama, begitu juga tempoh untuk menyambung kebenaran awal agak lama. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi? Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pusat Pembangunan Belia merupakan salah satu pusat yang menempatkan mereka yang tercicir dalam pendidikan. Kaola teringin membincangkan perkara-perkara ini dengan lebih lanjut kerana telah diterangkan oleh menteri yang berkenaan.

Kaola hanya ingin bertanya beberapa soalan. Sejauh ini yang kaola maklum tidak ada maklumat yang dikongsikan kepada orang ramai tentang kemajuan pusat ini. Tidak diketahui berapa peratus dari mereka yang sudah bekerja atau tidak? Bolehkah menteri yang berkenaan menjelaskan hal ini?

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kita tidak ingin mereka yang memasuki pusat ini mengambikkan kesempatan atas peluang yang diberikan seperti diberikan elaun, kemudahan yang disediakan. Namun pada akhirnya mereka tidak memperolehi apa-apa.

Yang kedua, dalam laporan media massa lebih 5,000 orang miskin ataupun *poverty* telah dilaporkan. Boleh kah Menteri yang berkenaan memberi tahu berapa peratus mereka yang berumur 50 tahun ke atas seperti 40 tahun ke atas, 30 tahun ke atas dan lain-lainnya. Inilah berita yang mendukacitakan. Bagaimana perkara ini bolehlah berlaku? Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beri *so many subsidies*. Kaola percaya Kerajaan Brunei sangat mengambil berat hal ehwal ibu bapa. Isu ini perlulah di berikan perhatian yang serius. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat oleh kerana soalan Yang Berhormat Pehin Goh itu melibatkan statistik sekiranya belum ada statistik itu kepada Yang Berhormat, itu bolehlah dibawa ke masa lain untuk diberikan statistik sama ada secara bersurat atau tidak. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan kaola juga mengucapkan terima kasih di atas soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos

tadi, iaitu mengenai dengan kadar belia-belia yang tergolong dalam keluarga miskin yang bersangkutan-paut dengan pendidikan mereka dan bagaimana cara untuk memberikan mereka peluang pekerjaan apabila mereka lulus daripada pelajaran mereka. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, dalam kajian kemiskinan di Negara Brunei Darussalam ini memanglah perhatian adalah ditumpukan kepada belia-belia ataupun remaja yang tergolong dalam keluarga miskin.

Kajian itu mencadangkan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berpendapat bahawa sesuatu hendaklah dibuat secara positif dan secara praktikalnya ke arah mengangkat dan mengeluarkan golongan-golongan belia ini daripada kepompong ataupun belunggu kemiskinan terutama sekali dengan memberikan mereka peluang-peluang pelajaran yang seluas-luasnya.

Dan bagi tujuan tersebut bukan hanya setakat mereka itu sekadar diberikan peluang untuk bersekolah, dengan diberikan bantuan-bantuan yang sewajarnya seperti bantuan-bantuan kewangan pelajaran kepada keluarga mereka. Tetapi juga difikirkan bahawa mereka itu perlu dikeluarkan daripada suasana kemiskinan itu sendiri. Kerana adalah difikirkan jika hanya setakat untuk ke sekolah dan belajar tetapi akan balik kepada suasana keluarga miskin tidak akan dapat membantu sepenuhnya mereka keluar daripada kemiskinan itu.

Maka adalah difikirkan dan perkara ini juga telah pun dirundingkan dengan pihak Kementerian Pendidikan bahawa antara cara ataupun penyelesaian ke arah mengeluarkan

golongan-golongan muda tersebut daripada belunggu kemiskinan ataupun kepompong kemiskinan ialah untuk mengeluarkan mereka daripada situasi dan suasana miskin itu sendiri iaitu dengan menempatkan mereka kepada sekolah-sekolah berasrama khusus bagi golongan-golongan remaja dan belia yang datangnya daripada keluarga miskin itu.

Mungkin dalam perkara ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin menambah mengenai dengan memberikan penghuraian seperti yang kaola jelaskan tadi. Dan sekiranya Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudah bersedia jadi kaola dengan memohon keizinan Yang Berhormat Pehin Pengerusi untuk membenarkan Yang Berhormat tersebut untuk memberikan sedikit penjelasan mengenainya.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Untuk menambah saja apa yang telah dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam usaha Kementerian Pendidikan untuk mendekati atau mengatasi secara bersepadu masalah kemiskinan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini ialah untuk mengujudkan semula sekolah-sekolah berasrama, pada masa ini hanya ada lapan buah sekolah yang berasrama, empat buah sekolah menengah dan empat buah sekolah vokasional.

Akan tetapi konsep asrama yang sedang diteliti yang kertas kerjanya sudah pun siap dan cuma untuk penelitian terakhir ialah bukan sebagaimana yang kitani praktikkan pada masa ini iaitu menempatkan pelajar-pelajar yang tinggal 7 kilometer daripada sekolah tetapi ialah untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar dari golongan miskin dan kurang berkemampuan ini untuk tinggal di asrama bersama-sama dengan pelajar-pelajar lain dan dengan demikian akan dapat memberikan suasana dan pembelajaran yang lebih baik kepada mereka dan sekaligus kitani akan dapat melahirkan model insan yang dihasratkan hasil dari pendidikan yang mereka terima, bukan sahaja secara formal tetapi pendidikan selama mana mereka tinggal di asrama berkenaan. Sekian sahaja yang dapat kaola maklumkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Dan mengenai dengan soalan mengenai dengan *single parent* ataupun keluarga *single parent family* seperti yang dinyatakan ataupun yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos tadi iaitu mengenai dengan pemberian bantuan tempat kediaman bagi keluarga *single parent* tersebut. Sememangnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, adalah memberikan perhatian dalam mengelilingi kebajikan dan kesejahteraan

rakyat dan penduduk di negara ini termasuk *single parent family* seperti yang dinyatakan. Dan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi adalah diambil perhatian dan jabatan akan mengambil langkah-langkah bagaimana untuk mempercepatkan dalam memberikan bantuan perumahan kepada *single parent family* tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Shafiee tadi mengangkat tangan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Permasalahan kemiskinan, masalah penderaan atau penganiyaan dalam keluarga, masalah sosial masyarakat dan masalah bencana alam di seluruh negara mengingatkan kita supaya sentiasa berwaspada dan bersedia dalam menanganinya. Bagi menangani permasalahan-permasalahan yang saya sebutkan di atas tadi, *social workers* adalah tidak kurang pentingnya dalam memainkan peranan bagi mendapatkan butir-butir lengkap tentang permasalahan yang dialami dan dideritai oleh mangsa-mangsa yang terbabit. Jangan berserah atau menerima bulat-bulat sahaja laporan-laporan dari pihak-pihak orang ketiga kerana perkara ini amat penting bagi menentukan sama ada mangsa-mangsa tersebut, sama ada mangsa-mangsa itu perlu diberi bantuan segera, jika tidak ianya dikhuatiri laporan yang diterima itu tidak tepat dan adakalanya senhaja berlebih-lebihan laporannya.

Dalam hubungan ini ada baiknya *social workers* itu turun ke padang bersama-sama

dengan agensi-agensi kerajaan dan NGO yang lain sebagaimana yang sepatutnya dan menyaksikan atau mendapatkan maklumat-maklumat terperinci secara terus daripada mangsa-mangsa itu sendiri. Ini akan menyenangkan pihak JAPEM menentukan jenis bantuan apakah yang perlu disalurkan kepada mangsa-mangsa. Memandangkan terdapat kekurangan pekerja-pekerja yang saya sebutkan di atas tadi maka saya mencadangkan supaya *social workers* di JAPEM khususnya di cawangan Daerah Belait akan dapat ditambah bilangannya dan adalah dimaklumi juga bahawa *social workers* seperti ini atau pekerja-pekerja sosial ini yang terdapat di Jabatan Pembangunan Masyarakat ini ada, memanglah sentiasa siap-siaga bertugas di luar waktu pejabat tidak kira siang ataupun malam, tetap akan dikehendaki atau diganggu pada bila-bila jika sebarang permasalahan yang membabitkan hal ehwal masyarakat umum. Dalam hubungan ini, sukacita saya mencadangkan supaya Elaun Gangguan Khas atau *Disturbance Allowance* ataupun *Enforcement Allowance* seperti sesetengah kakitangan di perkhidmatan awam yang lain dapat dipertimbangkan. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, nampaknya tajuk abis kaola yang pertama ini sama dengan tajuk yang dibawakan oleh rakan sebentar tadi. Cuma kaola menyentuh yang kedua mohon izin, jika apa yang kaola ingin sentuh ini

berkenaan dengan Pusat Pembangunan Belia, kerana tadi mengenai dengan belia ini.

Jadi di majlis yang mulia ini, kaola mengucapkan tahniah dan syabas diatas kejayaan Pusat Pembangunan Belia yang mana telah pun berjaya mengungkapkannya iaitu bagi tempahan majlis-majlis perkahwinan dan majlis-majlis yang lain dalam mengendalikan catering, pelaminan, juruhias dan layanan. Diucapkan tahniah kepada pembimbing dan juga penuntut-penuntut yang memberikan usaha-usaha yang sangat menarik ini.

Di samping itu juga kaola mencadangkan supaya perkara ini dapat diperbesarkan dan dimajukan dan dilaratkan kepada majlis-majlis yang di luar daripada Pusat Pembangunan Belia supaya memberikan peluang kepada pekerja-pekerja, penuntut-penuntut Pusat Belia yang belum mendapat pekerjaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sebelum kaola menjawab kepada soalan-soalan yang baru saja diajukan ini. Kaola ingin menjawab kepada satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin iaitu mengenai dengan Pusat Pembangunan Belia dan khususnya mengenai dengan belia-belia yang tercicir

yang diberikan latihan di Pusat Pembangunan tersebut. Sepertimana yang didakwa oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin tidak terdapat maklumat-maklumat yang dikongsikan kepada orang ramai tetapi kaola berpendapat lebih daripada maklumat telah pun disebarluaskan mengenai dengan perkembangan dan kemajuan Pusat Pembangunan Belia ini sebab dalam persidangan kita ini pun pada hari-hari awal juga kaola sendiri ada menyatakan mengenai dengan pencapaian-pencapaian yang dicapai oleh Pusat Pembangunan Belia berkenaan. Malahan kaola juga telah pun memberikan stastik iaitu dalam mana sejak Pusat Pembangunan Belia tersebut ditubuhkan pada tahun 1996 hingga kepada tahun 2010, lebih kurang 1,700 belia-belie telah pun diberikan latihan dan bimbingan di Pusat Pembangunan tersebut. Dan kaola ingin mengulangi dan daripada jumlah 1,700 tersebut, 71% kaola ulangi supaya dapat didengar dengan jelas oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, 71% daripada lepasan Pusat Pembangunan Belia tersebut telah pun berjaya mendapatkan pekerjaan di sektor-sektor swasta, dan juga mengusahakan perniagaan-perniagaan sendiri.

Manakala lebih kurang 2% daripada lepasan belia-belie daripada Pusat Pembangunan tersebut telah pun dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang tinggi lagi. Dan dalam waktu yang sama bukan saja Pusat Pembangunan Belia itu menumpukan dalam memberikan bimbingan dan kursus-kursus pembangunan diri kepada belia-belie di negara ini. Ianya juga

dilaratkan dengan kerjasama dengan pihak Majlis Ugama Islam dan juga daripada Pusat Al-Islah memberikan kursus-kursus kepada beberapa lepasan ataupun penghuni-penghuni daripada Pusat Al-Islah mengikuti kursus-kursus singkat dan juga kepada penerima-penerima asnaf zakat untuk mengikuti kursus-kursus "Pembangunan Diri". Dan begitu juga Pusat Pembangunan Belia juga mengendalikan kursus-kursus kepada mereka yang menerima bantuan-bantuan daripada JAPEM yang tergolong daripada orang-orang susah dalam bentuk 'Program Perkasa'.

Jadi kaola berharap maklumat yang kaola berikan itu adalah diambil maklum dan di samping itu juga seperti yang pernah kaola jelaskan di dalam dewan yang mulia ini memandangkan akan kejayaan dan sambutan yang begitu positif dan memberangsangkan daripada orang ramai khususnya golongan-golongan belia di negara ini mengenai dengan nilai ataupun sumbangan yang diberikan oleh Pusat Pembangunan Belia tersebut, maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah merancang untuk membina lagi sebuah Pusat Pembangunan Belia bagi Daerah Belait dan Daerah Tutong yang mana kawasannya telah pun dikenal pasti iaitu di Bukit Pasir dan dewasa ini adalah dalam peringkat perancangan bagi pelaksanaan pembinaannya.

Manakala dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad iaitu *social worker* yang mana perlu ditambah sememanglah menjadi hasrat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya Jabatan Pembangunan

Masyarakat untuk menambah bilangan pekerja-pekerja sosial yang terdapat. Walau bagaimanapun kita sedia maklum, bahawa walaupun terdapat keperluan-keperluan untuk menambahkan lagi ramai bilangan pekerja-pekerja sosial tersebut kerana ianya sangat diperlukan ke arah membantu masyarakat kita sama ada mereka yang mempunyai permasalahan ataupun mereka yang menghadapi berbagai-bagai kesusahan ataupun kesukaran dalam kehidupan mereka tetapi ianya hendaklah kita sepadankan ataupun mengambil kira kepada peruntukan-peruntukan yang ada di kementerian kita.

Walaupun bagaimanapun ini tidak bererti kurangnya atau berkurangnya bilangan-bilangan atau tidak ramainya bilangan pekerja-pekerja sosial yang terdapat di Jabatan Pembangunan Masyarakat bahawa kerja-kerja sosial ataupun *social work* yang dikendalikan itu tidak dapat dilaksanakan, malahan apa yang dilaksanakan ataupun dibuat oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan mengambil sukarelawan-sukarelawan sosial bagi membantu pekerja-pekerja sosial atau *social work* tersebut untuk mengendalikan kerja mereka. Dan ini adalah sangat bersesuaian kerana kita di Negara Brunei Darussalam ingin menggalakkan penglibatan belia – belia dan remaja-remaja di negara ini dalam kerja-kerja kemasyarakatan. Dan Alhamdulillah kita dapat melihat semasa kejadian bencana alam ataupun sewaktu banjir yang melanda negara, kita begitu bangga dalam mana banyak persatuan-persatuan belia dan golongan-golongan belia yang tampil ke hadapan yang memberikan bantuan kepada *social worker* ataupun pekerja-pekerja sosial di Jabatan Pembangunan

Masyarakat untuk membuat kerja-kerja kebajikan dan membantu dalam menangani mangsa-mangsa bencana alam dan mangsa-mangsa banjir itu.

Dan dalam waktu yang sama juga, walaupun ataupun sungguhpun tugas-tugas sosial itu adalah dititikberatkan kepada pekerja-pekerja sosial di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, khususnya di Jabatan Pembangunan Masyarakat, akan tetapi peranan agensi-agensi yang lain termasuk institusi-institusi lain juga adalah sangat-sangat diperlukan dan diharapkan.

Maka di sinilah kita melihat peranan institusi penghulu dan ketua kampung itu adalah juga berperanan ke arah membantu pekerja-pekerja sosial ini dalam membuat penilaian-penilaian dan juga dalam memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan ke arah menilai akan kesesuaian mereka yang memohonkan bantuan-bantuan sosial itu dapat dipertimbangkan. Dan begitu juga kita berharap dari segi peranan Institusi Perundingan Mukim dan Kampung untuk sama-sama dapat membantu kepada pegawai-pegawai sosial ataupun *social worker* di kementerian abis kaola itu dalam membuat kerja-kerja mereka. Kaola rasa setakat itu saja yang dapat kaola sampaikan dalam majlis ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf ada pertanyaan ringkas. Terima kasih.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola sesungguhnya menyambut baik tadi seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana telah menempatkan anak-anak, orang-orang miskin ini di asrama, yang mana perkara ini kaola sendiri ada menimbulkan semasa ucapan penangguhan pada tahun lepas.

Jadi sesungguhnya perkara ini dapat sambutan daripada pihak yang berkenaan. Kaola berharap siapa-siapa juga daripada kalangan ini akan dapat diambil perhatian sebenar-benarnya yang mana mereka ini juga supaya tidak mewarisi kemiskinan ini daripada ibu bapanya. Jadi sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi ucapan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha itu tadi nampaknya bukannya merupakan soalan tapi tahniah dan ucapan terima kasih barangkali Yang Berhormat Pehin ingin juga bercakap lagi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan kaola mengucapkan terima kasih di atas *commendation* atau pun penghargaan yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka

Awang Haji Muhammad Taha tadi ke atas langkah-langkah dan usaha-usaha dalam menangani kemiskinan negara ini, tapi walau bagaimanapun Yang Berhormat Pehin Pengerusi kaola melihat semula pada soalan-soalan yang dikemukakan awal tadi ada lagi terdapat 2 soalan yang belum kaola jawab, jadi kalau kaola diizinkan, kaola ingin memberikan jawapan yang ringkas sahaja.

Mengenai dengan saranan untuk memberikan Elaun Gangguan pada pekerja-pekerja sosial itu seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shafiee bin Ahmad, kalau kaola tidak silap. Terima kasih di atas saranan dan cadangan yang diberikan itu, tapi walau bagaimanapun alhamdulillah di pihak pekerja-pekerja sosial abis kaola mereka berkerja dengan tulus ikhlas mereka bekerja dengan sukarela dan mereka berkerja dengan atas kesedaran untuk membangun dan untuk membantu masyarakat yang memerlukan bantuan-bantuan dan memerlukan pertolongan-pertolongan. Tapi sejauh ini mungkin kepada kaola belum disampaikan tetapi kaola belumlah lagi mendengar dari pekerja-pekerja sosial di kementerian kaola itu datang untuk memohonkan elaun seperti yang dimaksudkan.

Walau bagaimanapun kalau sekiranya perkara itu pernah disampaikan atau disampaikan kepada Yang Berhormat maka kementerian kaola akan menelitinya dan mempertimbangkannya jika bersesuaian. Dan manakala mengenai dengan saranan untuk memperluaskan lagi kursus-kursus ataupun bimbingan-bimbingan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia seperti yang dicadangkan oleh Yang

Berhormat Tuan Haji Bakar Mansor itu ialah dialu-alukan sememangnya adalah matlamat dan hasrat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memperkasakan ataupun mempertingkatkan lagi usaha-usaha *capacity building* terutama sekali dalam memberikan latihan dan juga dalam memberikan peluang-peluang kemajuan kepada belia-belia di negara ini untuk memperbaiki diri mereka dan untuk menjadikan diri mereka itu sebagai warga yang berdikari dan berdiri sendiri.

Dan sememangnya seperti juga kaola pernah sampaikan dalam dewan ini dari masa ke semasa dan ketika ini juga pihak kementerian dan khususnya Jabatan Bahagian Pusat Pembangunan Belia adalah memikirkan untuk menambah lagi kursus-kursus yang ada ini dan seterusnya untuk memperluaskan jua kumpulan-kumpulan sasaran yang akan diberikan bimbingan dan latihan di Pusat Pembangunan Belia berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Oleh kerana nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mahu bercakap dengan Tajuk Jabatan Pembangunan Masyarakat maka Tajuk SL06A – Jabatan Pembangunan Masyarakat diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SL06A – Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)
(Majlis bersidang semula)**

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Jawatankuasa tadi telah ditangguhkan dan sekarang kita bersidang semula sebagai Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang hari ini. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**Mesyuarat disambung pada
jam 2.30 petang**

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan masih lagi membincangkan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011 / 2012. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini. Mesyuarat Jawatankuasa telah meluluskan 11 buah tajuk besar dan hanya tinggal 2 buah tajuk besar yang belum lagi dibincangkan. Maka bagi membolehkan Persidangan Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya diadakan semula, maka Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang sebagai Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya dan kita beralih kepada Kementerian Perhubungan, Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan.

Timbalan Jururtulis: Kementerian Perhubungan, Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan, saya bukakan untuk perbahasan. Silakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang

Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh mengenai dengan AITI. AITI adalah sebuah *statutory body* di dalam Kementerian Perhubungan, yang berkuasa mengawal dan bertanggungjawab di bidang telekomunikasi, *radio communication, regulation, radio frequency spectrum planning dan management, dan ICT Industry Development.*

Saya hanya ingin menyentuh di bidang ICT, di mana AITI kini menyediakan berbagai-bagai program:-

1. BICTA (Brunei ICT Awards) yang mana mempromosikan pemenang-pemenangnya ke peringkat Asia Pacific iaitu *APICTA*
2. Skim Perakuan AITI, iaitu memberikan grant kepada beberapa *company* yang berkecimpung dalam bidang industry ICT, yang fokus untuk produk-produk buatan Brunei, contohnya baru-baru ini ada 2 *company* lagi diberikan grant untuk meneruskan projek-projek ICT;
3. Mengadakan seminar workshop di bidang industry ICT; dan
4. *Human Capacity Building* di bidang ICT.

Kalau dulu, apabila IT mula-mula diperkenalkan, kita sering mendengar ungkapan kata *narrowing digital device.*

Inilah sekarang kita membuat program ROP (*Rural Outreach Program*) yang mana kini satu pilot skim sedang dibuat di Temburong. Usaha-usaha kementerian ini diucapkan syabas dan tahniah, mungkin Yang Berhormat Pehin Menteri Perhubungan ingin mengongsikan lagi akan perancangan-perancangan dan strategik-strategik plan pihak AITI dengan ringkasnya untuk memperkembangkan lagi penggunaan ICT di negara ini.

Di dalam Buku Belanjawan 2011 / 2012 ini, saya lihat di bawah Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi, peruntukan di bawah Kementerian Perhubungan sebanyak \$6 juta, adakah ini mencukupi untuk aktiviti-aktiviti tersebut. Seterusnya saya ingin menghalakan pandangan kitani kepada perkara yang sedang berlaku pada masa ini iaitu fenomena alam yang masih hangat pada masa ini, yang kitani sama-sama ketahui, satu kejadian gempa bumi telah melanda Negeri Jepun dan juga tsunami.

Yang mana hambatan tsunami ini, kemungkinan juga akan melarat ke negara-negara di lautan Asia Pacific. Apa yang ingin saya tanyakan di sini ialah, adakah kita membuat persediaan untuk mengesan ataupun mengenal akan *tsunami early warning detectors* sebagaimana yang dibuat oleh negara-negara di rantau ini kerana hambatan tsunami ini berlaku begitu cepat dalam masa 3 minit, dia akan sudah melanda dan merosakan negara. Jadi apakah persediaan negara kitani dalam *Disaster Perfectness Program* yang kita lakukan buat masa ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, maaf sepatutnya tadi saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan memberikan mukadimah dahulu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, *I think* Yang Berhormat Pehin Pengerusi terlampau *kind* kepada kaola, kaola sebenarnya tidak akan membuat mukadimah, tetapi dalam menjawab soalan-soalan itu nanti, insya-Allah kaola akan menyentuh perkara-perkara strategik dan juga beberapa perkara-perkara yang kitani bincangkan *in passing* dalam beberapa isu yang lepas. Jadi insya-Allah dalam sambil itulah kaola akan memberi strategik plan. Sebab seperti yang kitani dengar soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris itu *invite* kaola untuk memberikan *strategic plan* itu, jadi kaola memberikan di sana saja, jangan tah dalam mukadimah. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi karang saja? Ahli-Ahli Yang Berhormat lain, kalau ada soalan. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Soalan saya ini ialah mengenai dengan perkhidmatan internet. Tidakkah perlu bagi saya menerangkan atas kepentingan internet bagi pentadbiran, perniagaan, pendidikan dan bidang-bidang

yang lain lagi. Pengguna internet di negara ini adalah amat tinggi sebanyak 318 ribu atau tembusan 80%/70%. Kita menduduki tempat yang kedua di Asia ini, tempat pertama ialah Korea Selatan. Perkhidmatan internet mestilah efisien, internet yang kelajuannya cepat dan bayarannya yang berpatutan. Kita selalu mendengar sungutan-sungutan dari pengguna-pengguna internet bahawa perkhidmatan internet di negara ini kurang memuaskan. Kelajuannya amat perlahan. Jika kita muat turun ianya akan mengambil masa yang lama. Begitu juga dengan bayaran perkhidmatannya ada tinggi tidak seimbang dengan perkhidmatan yang diberi. Saya percaya pihak yang berkenaan mengetahui perkara ini dan membuat perancangan bagi mempertingkatkan perkhidmatan internet di negara ini. Apakah rancangan-rancangan bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan *internet*. Dan bilakah ianya akan dilaksanakan. Berapakah kelajuan (*speed*) jika ianya dinaikkan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Daerah Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamua'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Perkara mengenai dengan pembinaan *tower* ataupun menara di Temburong bagi orang ramai sama-sama menikmati perkhidmatan perhubungan melalui telefon bimbit yang lebih baik.

Di Daerah Temburong perkhidmatan telefon bimbit masih lagi di tahap yang rendah bagi kawasan-kawasan yang masih belum mempunyai liputan telefon bimbit. Maka kaola sukacita merujuk di Permesyuaratan Keenam di dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perhubungan telah mengambil keprihatinan dalam perkara ini. Iaitu dalam usaha untuk pembinaan *tower* atau menara bagi mengatasi masalah keperluan perkhidmatan telefon bimbit di Temburong. Kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan, sejauh manakah perkembangannya dalam perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putra.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola agak sama juga dengan hal di Temburong. Yang mana ada beberapa tempat di Daerah Tutong, untuk memakai telefon bimbit ini, pun tidak begitu berfungsi. Sepertimana di Kampung Merimbun, Kampung Rambai dan Benutan. Jadi apakah satu langkah supaya perkara ini dapat digunakan mereka yang tinggal di sana. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi menyokong kedua-dua saranan tadi kerana di tempat kawasan

kaola sama juga masalah itu yang dihadapi. Iaitu kekesalan bagi pemilik-pemilik telefon bimbit terutama sekali di kawasan sempadan. Apabila menggunakan telefon bimbit, apa yang didapati ialah *celcom* pulang yang masuk ke dalam mobile. Jadi mudah-mudahan apa yang disarankan oleh kedua-dua rakan tadi samalah tujuan itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Cadangan Tapak Lapangan Terbang Baru dikenal pasti di dua kawasan, iaitu:-

1. Di kawasan Binturan, Daerah Tutong dan,
2. Di kawasan Long Mayan dan Merangking iaitu di antara sempadan Daerah Tutong dan Belait.

Cadangan keluasan tapak-tapak ini ialah lebih kurang 3 kilometre by 6 kilometre persegi. Apa yang rakyat yang tanah-tanah mereka terlibat di dalam kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi tertunggu-tunggu dan bertanya, bilakah Projek Lapangan Terbang Baru ini akan dilaksanakan. Adalah wajar supaya ketetapan penyimpanan tapak dibuat seawalnya di samping itu juga, agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Tanah dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan dapat bersedia merancang langkah-langkah yang perlu dari sekarang ke

arah perlaksanaannya. Dan bagi kawasan yang tidak digunakan tanah-tanah kerajaan bolehlah digunakan untuk projek-projek kerajaan yang lainnya. Seperti projek *infrastructure*, kawasan perumahan dan kawasan pertanian. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan, banyak sudah barangkali, baiklah Yang Berhormat Pehin cuba menjawab. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, kaola itu bersignal arah Yang Berhormat Pehin tadi. Sedikit-sedikit saja dulu. Jadi kaola cuba menjawab sebab takut kaola menjawab luan panjang.

Mula-mula sekali soalan dari Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris. Jadi soalan ini kalau dapat kaola jawab dengan soalan-soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman Ahai mengenai *internet* dan perkembangan *ICT*.

Bismillahir Rahmanir Rahim, seperti yang kitani ketahui, satu *publication* atau satu *Worldwide Recognise Authority* dalam perkara ini ialah *World Economic Forum* dan *INSIAT*. Kedua-dua *organization* menerbitkan apa yang dipanggil *World Network Readiness Index*. Pihak AITI dan Kementerian Perhubungan telah pun melantik pihak ini menjadi konsultan pada bulan Oktober yang lepas dan beberapa

laporan ataupun pendapatan dari laporan ini, ingin saya kongsi bersama-sama.

Network Readiness Index ini dibahagi kepada 3 ciri utama iaitu:-

1. *Environment*;
2. *Readiness*; dan
3. *Usage*.

Dan ketiga-tiga ciri utama ini dibahagikan lagi kepada 3 *sub-indices* iaitu dalam *environment*:-

1. *Market Environment*;
2. *Political/Regulatory Environment*; dan
3. *Infrastructure Environment*.

Dalam *readiness* dan *usage* ini dibahagikan kepada 3 *sub-indicies* iaitu:-

1. *Individual Readiness, Individual Usage*;
2. *Business Readiness, Business Usage*; dan
3. *Government Readiness dan Government Usage*.

Dariapada apa yang dibuat oleh konsultan ini, kita mendapati bahawa negara kita adalah nombor 63 dari 133 negara yang telah dibuat kajian. *Ranking* ini bukanlah satu *ranking* yang boleh dibanggakan sebenarnya. Dan kalau kitani tinjau lagi daripada negara-negara yang sama seperti kita iaitu negara-negara yang mempunyai *income* atau *makeup political environment*,

geographical environment yang lain. Negara kita adalah 63 daripada 79 negara yang serupa. Jadi seperti yang kaola terangkanlah ia bukanlah suatu prestasi yang membanggakan. Apa yang kita dapati daripada *study* itu. Kita mempunyai beberapa *strength* atau kekuatan. Dan kita juga mempunyai beberapa kelemahan. Beberapa, baiklah saya beritahu dulu kelemahan kitani baru beritahu kekuatan kitani. Kelemahan-kelemahan yang kita hadapi ialah:-

1. *Number of Procedures to Enforce A Contract*;
2. *Number of Procedures Required to Start A Business*;
3. *Time Required to Start A Business*
4. *Creative Industries Exports*;
5. *Level of Competition Index*;
6. *Freedom of Press (Ertinya, keadaan Newspaper, Freedom of Information)*;
7. *Availability of Scientist And Genius*;
8. *Level of Availability Specialise Research And Services*;
9. *High Tech Exports*; and
10. *Buyer Satisfaction*.

Dalam kalau kitani lihat dalam kelemahan itu nampaknya beberapa kelemahan itu adalah sama dengan kelemahan yang ada dalam *the ease of doing business*. Jadi

ertinya negara kitani mempunyai beberapa *inherent* kelemahan atau *inherent*, kaola lebih suka kalau jangan disebut kelemahan bahawa *areas of improvement* ertinya banyak *areas of improvement* dapat kitani buat.

Dalam pada itu juga kita mempunyai beberapa kekuatan, beberapa kekuatan itu kaola sukacita juga menyenaraikan di sini. Kekuatan kita ialah:-

1. *Extent in effect of taxation*, ertinya percukaian kitani;
2. *Electricity production*, ertinya kita mempunyai tenaga elektrik yang boleh diharapkan;
3. *Business telephone connection charges* ertinya tahap *charge* atau bayaran bagi telefon adalah ditahap yang rendah;
4. *Important of ICT to government vision*, ertinya bagaimana kerajaan menganggap keutamaan ICT;
5. *Government success in ICT promotion*, ertinya kejayaan kerajaan untuk *promote* mengetengahkan ICT;
6. *Effectiveness of promote law making bodies* termasuklah Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Pehin Pengerusi;
7. *Total tax rate*, ertinya cukai yang kitani bayar semua sekali;
8. *Efficiency of legal framework in settling disputes; and*

9. *Residential telephone connection charges.*

Daripada beberapa kelemahan ini dapatlah nanti kitani ambil dari beberapa langkah-langkah untuk pembaikannya. Dalam pada itu, sukacita juga kalau dapat *share* beberapa ciri-ciri yang ada dalam negeri kitani. Misalnya kitani banding Brunei dengan ASEAN kita di bawah atau di belakang Malaysia dan Singapura. Malaysia dan Singapura jauh di depan kita lebih kurang dengan Phillipine, Thailand dan Indonesia. Vietnam, CLNB tidak dimasukkan dalam *comparative study* ini.

Kalau kitani lihat pencapaian Brunei dengan negara yang boleh dikatakan sebanding seperti Bahrain, Estonia, Qatar tak usah Republic Korea sebab Republic Korea ani adalah satu negara yang boleh dikatakan *exemplary* dalam kemajuan ani. Kitani jauh ketinggalan. Jadi beberapa cadangan yang dapat kitani ambil untuk memajukan ini adalah tergantung kepada 5 teras, iaitu:-

1. *Engaging the stakeholders*. Ertinya kitani mestilah *socialise isu* ani kepada *stakeholders* kitani;
2. *Business Climates*, memperbaiki suasana cara kita berniaga atau berurusan dalam perniagaan;
3. Meningkatkan *skills* atau kemahiran;
4. Meningkatkan lagi pencapaian dalam e-Government; dan
5. Menyediakan satu *shared platform* atau *services* iaitu landasan dan

perkhidmatan yang sama yang dapat dikongsikan.

Kaola tidaklah akan *going to detail* mengenai kelima-lima teras ini, tetapi kalau diizinkan kaola akan memberikannya dalam *hansard* nanti. Jadi dapat kitani baca dalam *hansard*. Inilah yang dapat kitani kongsi bersama-sama ani, jadinya *we still have a lot of rooms for improvement* dan kitani berusaha untuk *improve* keadaan itu.

Dalam persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai kitani menyedari bahawa, izinkan kaola menjawab dulu Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, kemudian kaola kan menjawab fenomena alam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas. Dalam perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai kita menyedari bahawa tahap kelajuan *digital communication* atau *internet*. Internet sebagai satu daripada fokusnya adalah perlahan. Ini adalah kerana banyak *network* kitani belum lagi dalam bentuk *fibre network*.

Jadi apa yang diharapkan ialah pemasangan *fibre* ke rumah-rumah atau yang dipanggil *fibre to the home* akan dapat diteliti dan diusahakan sama ada dalam pendekatan *government own investment* atau PPP ini masih dalam perbincangan dan buat masa ini syarikat yang mengendalikan perkhidmatan ini telah pun mengambil langkah untuk memberikan perkhidmatan yang laju di kawasan-kawasan yang terpilih iaitu 7 kawasan sebenarnya. Kaola akan memberikannya dalam *hansard* termasuklah

Gadong, Bandar Seri Begawan, Seria beberapa kawasan-kawasan lain seperti Lumut dan Pusat-Pusat Bandar.

Apabila pemasangan ini selesai kita berharap kelajuan akan mencapai lebih daripada 50 megabytes. Inilah *standard* yang dikatakan *very fast*. Mudah-mudahan saja kitani mencapainya. Dalam pada itu perkhidmatan *internet* ini kita menghadapi beberapa kelemahan atau *areas for improvement* terutama sekali dalam *supply side* atau pemberian perkhidmatan dalam *demand side* ertinya perkhidmatan-perkhidmatan *demand side* permintaan kepada perkhidmatan dan juga beberapa kelemahan *areas for improvement* dalam industri internet ini.

Misalnya dalam keadaan sekarang ini kita kurang *competition* dalam pemberian internet dan tidak ada perceraian atau *decoupling* di antara *wholesale* iaitu pemberi perkhidmatan dan *content providers* dalam internet. Perkara ini masih dalam penelitian dalam kementerian ini.

Mengenai soalan fenomena alam pula, kaola menyebutkan bahawa belum ada perkara ini dalam Kementerian Perhubungan. Apa yang ada Kementerian Perhubungan ialah alam kaji cuaca dan keadaan laut berombak. Apabila kejadian tsunami berlaku di Jepun kita masih mengharapkan beberapa penerangan-penerangan atau pengumuman-pengumuman daripada negara-negara jiran sebenarnya. Insya-Allah perkara ini kalau boleh kaola akan bincangkan dengan beberapa kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menjaga (*NDMC*) *National Disaster*

Management Center. Kementerian Pembangunan yang menjaga ada satu *detector* gempa bumi seperti yang kaola terangkan di Bukit Saeh dan perkara-perkara yang mustahak untuk kita mengadakan perkhidmatan atau *warning system* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Mengenai dengan perkhidmatan tower di Temburong, perkhidmatan internet di Tutong dan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor. Sebenarnya di Temburong, kaola difahamkan beberapa pembaikan telah dibuat tetapi memanglah belum ke tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun kaola ingin juga memberikan beberapa *warning* sebenarnya bahawa beberapa kawasan yang disebutkan itu memanglah sukar dari segi *business viability* untuk memberi perkhidmatan kerana pemasangan sistem itu ke sana akan memakan belanja yang banyak tetapi profit atau perolehan yang akan diperolehi tidaklah berbaloi bagi perkhidmatan yang ada beberapa kawasan. Tetapi di kawasan-kawasan yang boleh dimajukan kementerian mendapati bahawa apa yang menyulitkan apa yang menjadi kesulitan adalah proses yang panjang untuk memasang *tower* dan sebagainya.

Jadi Alhamdulillah perkara ini sudah pun di sedari dan Kementerian Perhubungan dan AITI telah pun mengadakan perundingan dengan pihak yang berkuasa iaitu Perancang Bandar dan Desa dan Tanah untuk mencepatkan lagi kaedah pemberian *tower* ini dan insya-Allah mudah-mudahan saja perundingan ini akan mendatangkan hasil dan pemberian kebenaran untuk

membangunkan *tower* itu akan dapat diadakan dengan segera.

Ada satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor mengenai perkhidmatan kalau di buka set perkhidmatan dari celcom yang hampir yang dekat. Perkara ini adalah disedari sepatutnya tidak berlaku tetapi *unfortunately* berlaku disebabkan beberapa perkara dan perkara ini pun sudah dibangkitkan sebenarnya dalam dua tiga tahun yang lepas.

Dan satu daripada nasihat daripada Kementerian Perhubungan ialah untuk memastikan bahawa telefon yang ada itu jangan ditaruh dalam *automatic detection* ertinya dalam kawasan yang sedemikian, *signal* atau isyarat daripada Brunei pun ada, isyarat dari Malaysia pun ada dan dalam keadaan yang bertembung itu kadangkadangkang *signal* dari Malaysia itu akan melebihi daripada *signal* Negara Brunei Darussalam. Ini terjadi dalam kawasan-kawasan yang berdekatan sempadan. Dalam kawasan-kawasan berkenaan taruhlah telefon itu dalam keadaan *manual* supaya jangan terpilih *signal* daripada Malaysia itu. Walau bagaimanapun perkara ini sentiasa diadakan perundingan dengan pihak Malaysia.

Kemudian kaola ingin menyentuh mengenai lapangan terbang yang baru. Sebenarnya beberapa tapak dikenal pasti, kaola inda dapat memberikan tapak-tapak itu kerana yang diberikan 2 itu tadi nampaknya ada jua inda lurus sebenarnya. Jadi dalam perancangan Kementerian Perhubungan

tapak bagi lapangan terbang yang ada pada masa ini kalau dimajukan cukup untuk menampung sebanyak 6 juta penumpang keluar masuk. Dalam unjuran atau *estimation* penumpang yang dibuat oleh Kementerian Perhubungan kita akan mencapai jumlah ini dalam tahun 2036 dalam perkembangan sebanyak 4%.

Pada tahun lepas kita mengendalikan 2 juta penumpang kalau kitani anjurkan dengan kemajuan 4% setahun kita akan mencapai dalam tahun 2036. Jika sebagai perancangan awal, jika membangun airport itu memerlukan tempoh 6 tahunlah misalnya tahun 2030 kita mesti sudah membangun satu airport yang baru untuk menampung keperluan. Dan kalau sekiranya perancangan daripada segi tanah memerlukan tempoh 10 tahun sebelum itu ertinya dalam tahun 2020 kita sudah mesti *decide* atau menentukan di mana tanah yang kita adakan. Jadi pada masa ini Kementerian perhubungan dan Kementerian Pembangunan menyedari perkara ini dan beberapa tapak-tapak yang dikenal pasti itu akan dijadikan sebagai satu *possible areas* dan beberapa kemajuan yang mungkin akan menjejaskan penggunaan lapangan terbang itu nanti akan di *freeze* atau akan dibekukan. Jadi itu saja yang dapat kaola terangkan dulu Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Di sini saya ingin jua turut memberikan pendapat mengenai dengan pengalaman *reception* telefon bimbit ini yang mana Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengakui *signal* dari jiran, negara jiran lebih kuat daripada *signal* kitani. Saya telah mengalami bila melawat atau ke bahagian seperti

Jalan Kota Batu, Sungai Besar, Pantai Mentiri Golf Club, *signal* berbunyi, bila dikeluarkan *welcome to Malaysia*. Jadi perkara macam itu menyinggung perasaan nasionalisme orang Brunei padahal kitani lakat di Brunei. *Welcome to Malaysia* seolah-oleh kitani dalam *Malaysia territory*, apatah lagi di kawasan-kawasan Limau Manis, di Temburong di mana, saya ada pernah dalam masa bertugas dulu beberapa tahun dulu kan menggunakan telefon Brunei in da dapat nya bis dia, telefon Malaysia. Ini adakah bermakna orang-orang dari negeri jiran bila berada di kawasan-kawasan yang terdapat *signal* kuat dari negeri jiran ia in da payah menggunakan servis Brunei, ia terus menggunakan telefon servis dari negerinya, seolah-olah ia di negerinya sendiri, in da payah ia menggunakan *signal* kitani.

Mengenai dengan internet, pada menjawab soalan-soalan bukan saja mengenai internet jua mengenai perkara-perkara lain dari kementerian-kementerian lain, majlis ini selalu saja mendengar jawapan perkara ini dalam pertimbangan, perkara ini sedang diteliti. Jadi adalah akan menyenangkan Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau diberikan *estimated time frame* bila perkara itu atau penelitian itu dapat kira-kiranya diselesaikan dan rancangan-rancangan yang difikirkan mustahak bagi kepentingan negara itu dapat dilaksanakan, dimulakan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Terima kasih jua di atas pandangan Yang Berhormat

Pehin Pengerusi, sebenarnya kalau kitani lihat di Limbang ani, stesen Limbang itu di Bukit Emas adalah lebih tinggi daripada kitani, jadi *outreach* daripada sana itu adalah melebihi daripada kitani. Pihak DST dan B-Mobile telah pun membuat pemasangan di kawasan-kawasan kitani ternyata kekurangan itu. Tapi dalam kawasan-kawasan tersebut, walaupun kitani mempunyai *signal* yang tinggi, kalau pengguna-pengguna dari negara jiran itu datang ke sana mereka masih dapat memilih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, memilih *signal* mana yang mereka mahu dan ertinya dalam kawasan itu mereka bolehlah lakat lagi memakai perkhidmatan dari negerinya itu sebab apa set yang ada sekarang ini mempunyai *threshold* yang sangat rendah jadi ertinya *signal* sedikit, sudah dapat diperolehinya.

Apa yang kitani risau saja ialah di kawasan-kawasan yang kitani punya *jurisdiction* itu *signal* daripada kawasan jiran itu jangan melebihi atau jangan terlampau kuat dan kitani pun mestilah mempunyai *signal* yang serupa. Itu dapat dinafikan *overlap* itu. Yang terhormat Pehin Pengerusi ada kawasan kitani yang ada *overlap*, jangan saja kitani, kawasan itu kitani itu ada itu baru lah kitani risau.

Dalam pemberian internet ini kaola difahamkan bahawa pihak yang memberikan perkhidmatan ini sudah pun memberikan kontrak itu kepada satu syarikat untuk memberikan, kaola difahamkan tujuh tempat yang tertentu itu. Kaola tidak dapat memberikan bila ia akan siap tetapi dalam pengalaman kaola perkara-perkara macam itu akan mengambil masa lebih kurang 18

bulan Yang Berhormat Pehin Pengerusi mengikut keutamaannya. Itu sajalah yang kaola dapat berikan tapi kaola akan *mencheck* lagi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ini bukanlah saya akan bertikam lidah dengan Yang Berhormat Menteri yang mana Yang Berhormat mengakui *signal* dari Limbang itu lebih kuat dari *signal* kitani. Pada hal Limbang hanyalah merupakan satu pekan bagi satu *district* atau *division* negeri Sarawak. Kitani Negara Brunei Darussalam adalah negara yang merdeka lagi berdaulat. Saya berharap jangan dibiarkan terlampau lama perkara ini berleluasa dan saya memang faham perkhidmatan telefon ini sudah *di privatise* dan Yang Berhormat tadi menyatakan pihak yang memberikan *service* ini sudah sedang berusaha, ada baiknya jua diingati dan *di apply gentle pressure* supaya diorang menyegerakan perkara itu. Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya hanya ingin menambah sedikit sahaja bahawa saya menyokong ada kebenarannya di atas prestasi internet kitani di waktu ini, yang kurang memuaskan. Dan pelayar-pelayar internet di Daerah Belait pun terasa jua kesannya.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkanlah supaya bayaran yang dikenakan kepada pengguna-pengguna internet, diimbangi bayarannya, sekiranya mereka mengalami gangguan dan ada

aduan-aduan diterima mengenainya, Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee akan diberikan kepada pihak yang memberikan perkhidmatan itu untuk meneliti.

Sebenarnya, cadangan itu adalah satu cadangan dan akan diberikan kepada B-Mobile untuk meneliti, dan juga kalau ada DST, tetapi DST melalui mobile saja, indada melalui lain-lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, yang ingin mahu mengemukakan soalan. Maka Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN02A – Jabatan Laut.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SN02A – Jabatan Laut dibuka untuk perbahasan. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis. Bagi

pengguna-pengguna perahu yang balik pada waktu malam ke Temburong atau ke Bandar Seri Begawan, kadangkala ada jua yang terkandas, terutamanya di kawasan Teluk Brunei dan kawasan Rangau kerana tersesat haluan yakni perahu tersadai, ketuhuran. Ianya mengambil masa yang lama untuk keluar dari kawasan berkenaan kerana kurang memahami di mana aluh tuhur dan aluh dalam kerana ketiadaan lampu pancang sebagai panduan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi Majlis. Dalam Permesyuaratan Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam dalam dewan yang mulia ini, kaola juga ada menimbulkan mengenai dengan lampu pancang berkenaan. Dan dimaklumkan, bahawa ada peruntukan bagi menambah lampu pancang yang ada sekarang. Maka mengenai dengan perkara ini, kaola ingin bertanya, apakah perlaksanaannya sejauh ini? Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Kaola ingin menyampaikan satu perkara sahaja iaitu kaola ingin menyampaikan cadangan daripada sebahagian nelayan-nelayan, iaitu memohonkan supaya pulau-pulau yang terdapat di pesisiran Sungai Brunei dan juga di luar pantai Negara Brunei Darussalam supaya pulau-pulau yang ada akan diberi nama supaya pulau-pulau tersebut akan dapat dikenal dan diketahui

nama-nama pulau tersebut. Contohnya, yang di pesisiran Sungai Brunei, Pulau Lumut Lunting dan sebagainya supaya diberikan nama. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Pulau Lumut Lunting itu bukan sudah namanya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola menjawab dulu mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Sebenarnya kaola difahamkan bahawa peruntukan untuk menambah lampu pancang ke Temburong sudah ada, tendernya pun sudah dibuat dan masih dalam penelitian. Dan insya-Allah, peruntukannya itu adalah yang kitani bincangkan masa ini. Kalau sudah lulus karang bulan empat ini, insya-Allah dapattah projek itu dijalankan.

Dan kaola difahamkan, projek itu akan memakan masa dalam 6 bulan, tetapi itu *good news*. Khabar yang kaola akan beritahu ini ialah macam ini. Kebanyakan pengguna-pengguna sungai itu ingin lalu di Rangau. Jadi lampu-lampu ini hanya akan kitani pasang di perairan yang dalam kawasan kitani saja. Rangau ini, *unfortunately* belum dalam kawasan kitani. Jadi lampu-lampu itu indatah termasuk kawasan Rangau. Tetapi ia akan melalui kawasan-kawasan ke Timur Pulau Si Arau,

kalau anda silap, terus ke Pulau Berbunut. Jadi kalau sebelah malam, kalau sekiranya mahu lampu, terpaksa lalu lebih jauh laluan itu, bukannya merentas di Rangau dan Terusan Kupang. Insya-Allah Yang Berhormat Pehin dijawab macam itu.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor. Apabila kaola melihat peta-peta itu, banyak pulau itu sudah pun bernama. Barangkali ada pulau yang belum bernama akan diusahakanlah seperti yang Yang Berhormat itu Lumut Lunting, bernama jua sudah. Jadi mana yang belum bernama itu, akan diusahakan. Tetapi perkara ini bukannya oleh Kementerian Perhubungan saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ada satu autoriti yang mempunyai kuasa menamai ini. Akan diusahakan Yang Berhormat Pehin Pengerusi, insya-Allah.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor kan bercakap lagi. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Mohon izin. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Untuk penjelasan, sebenarnya maksud abis kaola itu memohon supaya diberikan label nama. Itu yang dimaksudkan oleh nelayan ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Akan dilihat kesesuaiannya dan *practicality*, yang pulau-pulau itu akan dilihat bagaimana

kesesuaiannya. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola akan membawa isu mengenai dengan *marine cadastral*.

Negara Brunei Darussalam mempunyai kawasan perairan yang luas, iaitu kawasan Teluk Brunei seluas 360km persegi dan kawasan EEZ seluas 39,272km persegi, yang jumlahnya seluas 39,632km persegi, hampir tujuh kali ganda kawasan daratan negara ini. Laut adalah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan.

Sebagai contoh, Jabatan Tanah adalah dipertanggungjawabkan untuk pendaftaran tanah, pentadbiran dan pengurusan tanah, mengutip cukai tanah dan cukai hasil tanah. Penggunaan tanah-tanah hanyalah di atas permukaan tanah sahaja. Dibandingkan dengan kawasan laut, ianya mempunyai tiga permukaan, iaitu permukaan laut atau *sea surface* dan penggunaannya seperti aktiviti-aktiviti perkapalan, sukan, *leisure*, ternakan ikan dan udang dan sebagainya.

Kawasan airnya iaitu kawasan di antara permukaan laut dan dasar laut atau *water body* dengan penggunaannya seperti menangkap ikan dan sebagainya dan aktiviti-aktiviti menyelam dan akhir sekali dasar laut atau *sea bed*. Yang mana penggunaannya seperti eksplorasi minyak dan gas.

Penempatan *marine cable* untuk telekomunikasi paip-paip minyak dan gas.

Saya ingin mencadangkan, seperti di atas tanah, satu perancangan plan induk, yang komprehensif dan *coordinated*, yang melibatkan kesemua *stakeholder* bagi penggunaan ketiga-tiga permukaan tadi diadakan. Berpandukan dengan plan induk tadi, kawasan-kawasan ini bolehlah diagih-agihkan kepada yang berminat. Satu sistem pendaftaran bagi pengguna-pengguna ketiga-tiga permukaan ini juga dikenakan cukai pendaftaran dan cukai tahunan yang mana ianya akan menambah hasil pendapatan negara.

Satu sistem pemetaan yang menunjukkan berbagai penggunaan juga diadakan bagi setiap permukaan, yang bertujuan agar penggunaan tidak berlapis-lapis. Dan dengan secara tidak langsung, menghindari terjadinya kejadian-kejadian yang tidak diingini seperti pada tahun lepas, tongkang batu melanggar sangkar-sangkar ternakan ikan. Terima kasih Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Menteri ingin mengulas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Pehin. Bismillahir Rahmanir Rahim. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Awang Haji Yunos itu adalah satu cadangan yang dapat kitani lihat kesesuaiannya, insya-Allah.

Mengenai dengan tongkang batu melanggar sangkar ikan itu, sebenarnya bukan pulang mengenai penggunaan, salah tu Yang Berhormat Pehin tetapi adalah pelanggaran dalam maritime. Kitani memastikan industri itu dipantau dengan begitu ketat supaya keadaan seperti itu tidak akan berlaku, bukan pulang *excuse* tu Yang Berhormat Pehin tetapi kan halnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mahu mengemukakan soalan, maka Tajuk SN02A – Jabatan Laut diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SN02A – Jabatan Laut dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN03A - Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SN03A – Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dibukakan untuk perbahasan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak ada Ahli-Ahli yang akan menimbulkan. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin tahu bahawa di Pelabuhan Muara, apakah ada perancangan untuk membesarkannya lagi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Bismillahir Rahmanir Rahim sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola terlepas pandang tadi untuk memberitahu Yang Berhormat pasal keperluan baru mengenai perahu nelayan seperti sebagai jawapan atau satu *addition* kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Haji Yunos.

Pada masa ini terdapat satu inisiatif untuk melesen semua perahu nelayan supaya siapa-siapa yang ke laut akan dapat dipantau dengan teliti kerana jumlah perahu nelayan dan aktiviti-aktiviti yang dibuat adalah satu aktiviti ekonomi yang perlu kitani jaga. Jadi inisiatif ini akan diadakan untuk melesen perahu-perahu nelayan.

Mengenai soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha, memang ada perancangan untuk membesarkan Pelabuhan Muara. Tetapi Pelabuhan Muara yang ada pada masa ini masih cukup untuk menampung apa yang ada.

Adalah diharapkan apabila ia dibuat nanti akan dibuat dengan kaedah PPP bukan dengan peruntukan kerajaan semata-mata. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Dapat kaola menambah Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Menambah lagi. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Dalam permesyuaratan yang lepas wakil dari Daerah Temburong Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ada membangkitkan mengenai jeti turun ke Temburong di Bandar Seri Begawan.

Kaola telah pun melihat perkara ini dan jeti yang baru jika ada akan diselaraskan dengan perancangan Bandar Seri Begawan yang ada pada masa ini. Tetapi apa yang akan diusahakan oleh Jabatan Pelabuhan untuk menjadi tempat bot turun naik ini lebih selesa dan lebih selamat. Kemungkinan untuk mengadakan perkhidmatan ponton atau nya kitani lanting untuk mereka yang turun ke Bandar Seri Begawan.

Kaola juga terbaca dalam mesyuarat yang lepas Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee, sebelum kitani berpindah daripada Laut dan Pelabuhan ada meminta membangkitkan permintaan daripada nelayan-nelayan di Kuala Belait dan Sungai Teraban untuk mengadakan lampu pancang ke Kuala Sungai Belait.

Sebenarnya kaola sendiri telah pun ikut melihat, sebenarnya lampu ini sudah ada,

tapi dikendalikan oleh pihak shell, kaola berasa waham jua sedikit kerana lampu itu mungkin inda berapa nampak dari jauh tetapi kaola difahamkan oleh pihak shell bahawa beberapa sistem lampu lain ada di kawasan itu misalnya lampu di Ampa, lampu di Fairley kalau sekiranya kitani di sana dapatlah kitani mengguna lampu-lampu yang ada itu untuk mengguide kitani sampai Kuala Sungai Belait, dan apabila kaola membaca kaola berasa hairan sedikit kerana sistem lampu ini adalah satu *way of life* Syarikat Minyak Shell yang mementingkan keselamatan dan kaola boleh mengesahkan bahawa lampu ini ada tetapi mungkin apa yang dipinta oleh nelayan-nelayan di Sungai Teraban itu mungkin lampu yang lain lagi. Perkara ini akan disiasat dengan mereka dan diadakan nanti insya-Allah satu sesi untuk mengetahui apa dikehendaki oleh mereka sebenarnya. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana tidak ada lagi ahli lain mahu mengemukakan soalan. Tajuk SN03A – Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan diluluskan sebahagian daripada Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SN03A – Jabatan Pelabuhan- Pelabuhan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN04A – Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SN04A – Jabatan Penerbangan Awam dibuka untuk perbahasan. Silakan Yang Berhormat Pehin Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato

Paduka Haji Bakar: Terima kasih Pehin. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola hanya ingin *share* atau mengongsikan beberapa penerangan mengenai pembesaran airport yang diusahakan oleh BEDB walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri ada memberikan penerangan.

Seperti yang ada penerangan kepada kaola jumlah semua projek itu ialah \$150 juta termasuklah harga yang akan dibayar kepada *Changi Project Group* sebagai *Project co-ordinator* bagi projek ini.

Kaola ingin memberikan di sini beberapa *improvement* kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diberikan kepada pelanggan apabila airport ini siap nanti insya-Allah. Apa yang ada ialah masa *check-in counter* di Lapangan Terbang yang ada ialah 19, apabila projek ini siap airport ini akan mempunyai 40 *counter check-in*. *e-ticketing* mesin pada masa ini belum ada. 14 *e-ticketing* mesin akan termasuk di dalam projek ini. 14 kaunter masuk imigresen akan ditambah kepada 26, 8 kaunter keluar imigresen akan ditambah kepada 26. Kawasan kereta *parking* pada masa ini ialah 30 dan tidak ada beratap akan ditambah kepada 560, 100 daripadanya akan beratap.

Di samping itu, beberapa penambahan keluasan juga akan dibuat sebagai penyelesaian kepada pengguna-pengguna lapangan terbang itu nanti. Itulah yang dapat kaola kongsi pada peringkat ini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya tidak ada

lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu mengemukakan soalan, maka Tajuk SN04A – Jabatan Penerbangan Awam diluluskan menjadi sebahagian dari Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SN04A – Jabatan Penerbangan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat dibukakan untuk perbahasan. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin, kaola ada dua yang akan disampaikan di sini, iaitu tajuknya Jabatan Pengangkutan Darat ini masalah:-

1. Penurunan bas, pengangkutan perkhidmatan bas awam yang ada di Bandar Seri Begawan ketika ini adalah sangat-sangat dihargai demi pengguna-pengguna orang awam untuk pilihan menaikinya akan tetapi apa yang mendukacitakan sebahagiannya masih terdapat pemandu-pemandu bas awam termasuk juga bus '*purple*' ini mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang di tempat-tempat yang bukan dikhaskan bukan di tempat pondok perhentian bas, yang mana perkara ini boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain, malah keselamatan penumpang-penumpang bas itu sendiri. Jadi kaola ingin bertanya apakah pada

masa ini pondok-pondok perhentian bas bagi mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang di Daerah Brunei dan Muara ini sudah mencukupi ataupun ke tahap yang sudah memuaskan; dan

2. Apakah pandangan dan nasihat serta tindakan pihak-pihak yang berkenaan mengenai dengan bunyi kenderaan motosikal dan juga sebahagian kereta yang mendatangkan bunyi yang nyaring dan kuat terutama sekali di jalan-jalan raya di mukim-mukim. Jadi mohonlah apakah tindakan bagi Jabatan Pengangkutan Darat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, ada lagi? Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi:-

1. Pada Permesyuaratan Musim Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam pada tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah memaklumkan bahawa SPD atau perkhidmatan *online* yang dikhususkan kepada pendaftaran kereta-kereta baru saja sudah pun beroperasi. Setahun sudah berlalu, apakah sudah boleh pembaharuan lesen dan *roadtax* dibuat secara *online* juga; dan
2. Ingin mengetahui bilakah agaknya pembinaan Pejabat Pengangkutan Darat di Daerah Belait akan dapat

dibina, sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, kaola sesungguhnya tertarik mengenai dengan Pengangkutan Darat, baru-baru ini kaola ada terbaca dalam media massa bahawa di Daerah Tutong akan diadakan pemeriksaan untuk berkomputer.

Dalam hubungan ini memang kaola mengalu-alukan tapi takdirnya kepada kereta lama, macamana keupayaan kepada penggunaan itu?, Jadi kalau boleh supaya perkara ini dikaji balik kepada mereka yang tidak berupaya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola akan mengutarakan dua perkara:-

1. Dalam Permesyuaratan Keenam dalam dewan yang mulia ini, kaola juga ada menimbulkan mengenai dengan pemasangan alat timbangan bagi kenderaan-kenderaan berat di Pos Kawalan Labu, Temburong. Alhamdulillah, jawapan yang telah

diberikan bahawa kawasan tapak sudah dikenal pasti iaitu satu tapak yang berdekatan dengan Pusat Kawalan Imigresen, Labu bagi menempatkan alat timbangan tersebut. Kaola ingin tahu apakah kedudukannya dalam perkara ini? dan

2. Sekitar tahun 70an hingga 90an, di Daerah Temburong ada terdapat lima buah teksi, jika dilihat pada masa ini jumlah pelancong yang datang ke Daerah Temburong adalah semakin bertambah maka pengangkutan teksi adalah diperlukan. Jika dapat dipertimbangkan dari kementerian Yang Berhormat Pehin adalah dipohonkan lesen perkhidmatan teksi diperkenalkan semula di Temburong bagi menaik taraf sistem pengangkutan untuk kemudahan pengguna-pengguna serta dibukakan peluang kepada orang-orang persendirian, syarikat atau koperasi di Daerah Temburong untuk mendapatkan lesen berkenaan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola bertanya satu perkara sahaja. Sebagaimana pernah kaola timbulkan pada tahun lepas bahawa ada cadangan untuk membina *central bus station* bagi Bandar Seri Begawan, nampaknya cadangan ini belum lagi nampak, kaola ingin bertanya di manakah tapak cadangan *central*

bus station ini dan bilakah ianya akan dibina?. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Perhubungan silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola akan mencuba menjawab soalan itu, tapi sebelum kaola mencuba, kaola sukacita memberitahu bahawa ada rancangan Kementerian Perhubungan seperti yang diterangkan pada tahun lepas untuk mengadakan satu kajian bagi *public transport* di negara ini.

Alhamdulillah mudah-mudahan saja rancangan itu akan dapat dibuat pada tahun ini kerana beberapa elemen-elemen baru masuk dalam pemikiran pihak Kementerian Perhubungan antaranya ialah *social style* kitani. Ertinya setakat mana kitani menerima pengangkutan bas awam ataupun perkhidmatan awam ini, *comfortable* kah sudah kitani atau harapkah kitani jika kiranya anak kitani memakai sistem pengangkutan awam. Dan kitani dengan *comfort level* yang ada pada masa ini memakai kereta kitani, macamana *transition* kitani memakai kepada bas awam ini.

Inilah isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar Mansor mengenai bas itu berhenti bukan di tempat-tempat yang ada, nafsu hati kitani mahu jua pengangkutan awam itu, tapi berhenti di depan rumah kitani inda dapat jua. Inilah

beberapa isu kitani *social element* ini akan *distudy*. Pondok-pondok yang ada ini memanglah tidak mencukupi dan akan sentiasa difikirkan termasuklah dalam *study public transport* ini dan akan dirundingkan juga dengan pihak Kementerian Pembangunan yang menjaga hal ehwal pembangunan atau *infrastructure* jalan raya.

Mengenai dengan kenderaan atau motosikal yang mempunyai bunyi yang kuat, seingat-ingat kaola belum ada perundangan kitani untuk mengawal *noise level* ini jadi selalunya kitani memakai *moral feeling* saja untuk mengawal. Ini bererti kita berseru kepada pengguna-pengguna supaya bertimbang rasa kepada orang-orang itu dan akan dibincangkan dengan pihak penguat kuasa ertinya Pasukan Polis macamana cara menangani isu-isu macam ani.

Walau macamanapun kalau sekiranya bunyi itu adalah berpunca daripada pengubahsuaian kereta yang inda lulus atu akan diambil tindakan mengikut perundangan yang ada atau dasar yang ada.

Mengenai soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Insya-Allah perkhidmatan SPD *online* ini sebenarnya sudah siap dan mudah-mudahan saja *pilot skim*nya akan dapat dilancarkan sebelum pertengahan tahun ini. Apa yang menyangkut di sana ialah beberapa isu mengenai pembayaran *payment gateway* dan sebagainya. Alhamdulillah, Kementerian Kewangan telah pun memberi *assurance* dan kerjasama yang sangat mendalam kepada kementerian ini untuk membolehkannya dan diharap satu

pilot scheme dan perluasan perkhidmatan ini akan dapat dibuat sebelum pertengahan tahun ini.

Mengenai dengan Jabatan Pengangkutan Darat, saya telah meneliti bahawa dalam kemajuan nanti ada peruntukan diberikan tetapi kerja-kerja yang awal ialah penimbunan tanah kerana kawasan yang diberikan itu memerlukan penimbunan tanah yang begitu *extensive*. Jadi penembunan tanah dulu, kalau pengalaman kaola yang lepas ia akan mengambil masa dalam 2 ke 3 tahun, 24 ke 36 bulan selepas penimbunan tanah. Jadi akan kaola siasat tapi duitnya sudah ada peruntukan.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Haji Muhammad Taha, adalah dihasratkan sistem berkomputer ini mengambil *human element* daripada pemeriksaan kereta ini. Ertinya dalam *human element* ini kadang-kadang ada *discretion*, ani boleh, ani inda, jadi sistem berkomputer ini adalah dihasratkan untuk mesratakan atau menseragamkan kereta-kereta yang akan menggunakan jalan raya di Brunei ini supaya mereka itu adalah benar-benar *road worthy*. Kaola teringat bahawa perkara ini disentuh oleh Yang Berhormat Pehin Goh supaya kereta-kereta yang lama jangan tah menggunakan jalan raya pada pukul berapa ke pukul berapa.

Kaola sebenarnya dalam perkara ini *road worthiness* ini adalah satu perkara yang serius kerana dalam beberapa *study* yang diadakan *prevalence* atau kejadian kemalangan yang berpunca daripada kereta ini adalah satu perkara yang bergantung kepada umur kereta. Jadi mudah-mudahan

saja kepada mereka yang kurang berupaya itu akan difikirkan apabila ia timbul. Adalah menjadi hasrat kementerian dan Jabatan Pengangkutan Darat untuk memastikan supaya kereta-kereta yang berjalan itu adalah *road worthy* benar-benar *road worthy*.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, pemasangan alat timbangan di Temburong. Alhamdulillah perkara ini, mudah-mudahan sudah selesai dengan adanya peruntukan dan akan diusahakan ditender dan dipasang. Kalau pengalaman kaola, ini akan mengambil masa mudah-mudahan saja kurang daripada satu tahun.

Mengenai permit teksi, insya-Allah permit ini akan dikeluarkan dan MTLA iaitu pihak Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor akan meluahkan tender-tender teksi ini semula dan mempelawa pihak-pihak yang berminat untuk mengendalikan semula teksi-teksi ini tetapi dengan *specification* yang lebih ketat supaya jangan apa yang berlaku, apabila orang ramai, ramai teksi tapi apabila anda ramai anda ada teksi itu, akan dipastikan supaya perkhidmatan itu sentiasa berjalan, insya-Allah.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Dato Awang Haji Puasa, sebenarnya cadangan untuk mengadakan satu *central station* untuk bas itu ada diadakan di Tungku berdekatan dengan satu *supermarket* yang besar di sana tetapi apabila difikirkan kawasan itu nanti bukanlah satu laluan *confluence* atau penemuan segala *network* bas itu, jadi kesesuaian daripada segi *central bus station* itu akan tidak tercapai.

Jadi perkara ini, abis kaola akan menilai semula supaya dipilih satu kawasan yang benar-benar memenuhi *function* sebagai *central bus station* di mana semua road itu akan bertemu dan *inter-connectivity* bagi penumpang-penumpang atau pengguna-pengguna sistem *transport* itu akan dapat dipenuhi. Kawasan itu sudah diberikan, sebenarnya, peruntukan pun sudah ada tetapi masih dalam penelitian supaya ia akan memenuhi keperluan untuk mengadakan *central bus station* itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan kebisingan dari kenderaan-kenderaan khususnya motosikal-motosikal itu merupakan satu *pollution* bukannya *noise pollution*. Jadi saya berharap apabila pihak yang bertanggungjawab mempertimbangkan cara mengatasi masalah ini baik jua difikirkan mengenai dengan *pollution* yang disebabkan oleh *emission* dari kereta-kereta yang mengeluarkan asap hitam apatah lagi kereta-kereta *diesel*, adakah sudah peraturan dan undang-undang yang mengawal *emission pollution* itu? Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Sebenarnya belum ada masa ini Yang Berhormat Pehin tapi akan diusahakan yang kaola difahamkan pada masa ini *diesel* yang kita gunakan ialah ditaraf euro 3. Jadi apa yang kitani perlukan ialah supaya *diesel* yang kitani gunakan itu akan memenuhi euro 4 atau euro 5 supaya kesan daripada pencemaran itu akan berkurang. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola hanya ingin bertanya sedikit pada masa ini sebagaimana yang telah ketani perhatikan, populariti untuk menggunakan basikal adalah satu hobi yang mempromosikan kesihatan untuk bersenam. Jadi adakah perancangan Jabatan Pengangkutan Darat untuk mengadakan satu lane *especially* untuk *bicycle lane* kerana dengan adanya *bicycle lane* akan dapat digunakan, keselamatan juga akan terjaga.

Dan sehubungan dengan itu juga barangkali *simple element* macam *zebra crossing* misalnya kalau macam di kawasan-kawasan *commercial area* untuk memudahkan pengguna-pengguna *pedestrian* untuk *crossing* jalan supaya terselamat daripada kenderaan-kenderaan, adakah *zebra crossing* akan dapat diadakan pada tempat-tempat yang bersesuaian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris kerana menimbulkan perkara ini. Memanglah menjadi

perancangan atau pada masa ini harapan untuk mengadakan basikal atau *track bicycle lane* ini dan apabila Yang Berhormat menimbulkan perkara itu, saya yakin bahawa rakan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga mendengar akan seruan itu. Jadi, mudah-mudahan saja cadangan itu akan dapat dimasukkan dalam perancangan-perancangan kitani pada masa yang akan datang.

Dalam pada itu juga, dalam kesempatan abis kaola di sini, abis kaola ada membincangkan macam mana untuk mengadakan beberapa *bicycle lane* untuk hujung minggu menutup beberapa jalan pada hujung minggu supaya *promote* penggunaan basikal ani dan sebagai seorang penunggang basikal walaupun berat badan kaola berterima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) kerana kata orang Brunei melapihi *tax* (cukai) pada basikal ani.

Mengenai *pedestrian crossing* ani, akan diusahakan dalam permesyuaratan majlis keselamatan jalan raya. Dan kalau kaola diizinkan Yang Berhormat Pehin Pengerusi bercakap sedikit mengenai keselamatan jalan raya ini. Adalah diharapkan bahawa beberapa kawasan-kawasan yang terbukti tidak dapat tentukan keselamatannya misalnya kalau kitani terbaca atau kitani mengetahui dalam bulan Januari yang lepas mangsa kemalangan jalan raya yang mula-mula ialah seorang penyeberang jalan raya yang telah dilanggar oleh kereta. Kaola rawan hati memikirkan bahawa kematian atau terkorbannya mangsa itu inda jua mendatangkan apanya kitani anggap sia-sia. Alhamdulillah dengan adanya kesedaran itu

di England lebih kurang perkataan englishnya *assured*, daripada negara kitani. Jadi kitani inda pulang kan mengubah 7 atu serta merta tetapi kalau boleh kitani memohon kesedaran kepada semua pengguna untuk *ensure* bahawa kereta yang dipakai itu adalah *road worthy*. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Haji Bakar Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sekali lagi kaola ingin menambah satu perkara lagi tadi terlupa. Mengenai dengan motosikal kecil atau kenderaan-kenderaan kecil yang dipakai di pantai-pantai ani, biasanya selalu terdapat dipakai di kampung-kampung dan mukim-mukim, jadi perkara ani juga dikhuatirkan akan menimbulkan satu kejadian yang tidak diingini, kaola percaya ianya memang tidak boleh digunakan di jalan raya tetapi ada didapati ia digunakan di jalan raya. Jadi supaya perkara ani akan dapat diambil tindakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Disedari tu bahawa perkara itu atau kenderaan-kenderaan itu digunakan. Sebenarnya kenderaan itu inda dapat dilesenkan Yang Berhormat Pehin, selalunya digunakan sebagai hobi saja dan bukan untuk

kegunaan jalan-jalan raya *public road* jadi Alhamdulillah dan terima kasih Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ani dan akan dibincangkan dengan pihak yang berkuasa penguatkuasaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Haji Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya pernah menyuarakan tentang menyekat kenderaan-kenderaan berat seperti trak, lori, tanker masuk ke kawasan jalan-jalan raya yang sering mengalami kesesakan pada waktu-waktu tertentu bagi mengurangkan kesesakan jalan raya seperti di waktu pagi, tengahari dan petang seperti yang dipraktikkan di Republik Singapura. Dipohonkan supaya perkara ini dapat dipertimbangkan semata-mata untuk mengelak kesesakan dan kemalangan di waktu-waktu tersebut. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee dan akan diteliti Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Oleh kerana anda ada lagi Ahli-Ahli Berhormat yang lain mahu mengemukakan soalan. Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN06A – Jabatan Perkhidmatan Pos.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk terakhir di bawah Kementerian Perhubungan ini ialah Tajuk SN06A, yang saya bukakan untuk perbahasan. Yang Berhormat Haji Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Baru-baru ini Jabatan Perkhidmatan Pos telah melancarkan satu perkhidmatan yang dipanggil SM Pos di Pejabat Pos Lumut kalau tidak silap saya. Ini satu perkembangan yang mengalakkan yang patut diberi pujian kerana dapat memberi perkhidmatan yang ada *added value* kepada orang ramai. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Pos hendaklah mengemaskinikan sistemnya supaya sentiasa tetap berfungsi. Soalan saya ialah apakah ada lagi perancangan Jabatan Perkhidmatan Pos yang lain, seperti misalnya *post shop*, di mana Jabatan Pos akan berinteraksi dengan pasar-pasar raya sepertimana yang terdapat di setengah-tengah negara yang membangun. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Bismillahir Rahmanir Rahim, kaola berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kerana perkhidmatan ini. Kalau dapat kaola akan bercakap sedikit mengenai Perkhidmatan Pos ini. Perkhidmatan Pos ini adalah satu perkhidmatan yang boleh dikatakan yang paling tertua di jabatan dan di negeri ini dan di mana-mana negeri pun Perkhidmatan Pos ini adalah satu perkhidmatan yang universal. Dan kalau di Amerika Syarikat sampai menjadi satu *cabinet post, The Post Master General*. Jadi malangnya Yang Berhormat Pehin, Perkhidmatan Pos ini menghadapi cabaran-cabaran yang sangat banyak daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Jadi apa yang kaola bukan pulang memuji diri sendiri atau memuji kementerian kaola.

Kaola dalam keadaan pos yang begini, kaola merasa kesian dan bangga kepada Jabatan Perkhidmatan Pos kerana dalam keadaan begini ini, mereka dapat mengambil beberapa perkhidmatan yang boleh dikatakan inovatif. Kaola berasa bangga. Tetapi kaola rasa Perkhidmatan Pos ini tidak akan dapat bergerak dengan begitu maju kalau anda diswastakan, kerana perkhidmatan-perkhidmatan diberikan oleh Pejabat Pos ini adalah lebih banyak diberikan oleh perkhidmatan-perkhidmatan swasta yang lain. Jadi dalam perkhidmatan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad itu, Alhamdulillah beberapa perundangan pos yang ada pada masa ini mengongkong

kebolehan Jabatan Pos untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, tetapi alhamdulillah beberapa *inovatif approach* telah dipersetujui dengan Kementerian Kewangan yang membolehkan Jabatan Pos untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang serupa.

Walaupun bukan secara *full*. Misalnya Yang Berhormat Pehin Pengerusi, apabila kitani mengirim barang daripada luar negeri, selalunya kitani akan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan *courier* seperti UPS, macam nanti dikeluarkan di *Hansard*. Jadi perkhidmatan-perkhidmatan *courier* ani tidak terikat dengan undang-undang yang menyatakan bahawa untuk menjadi agen itu, mereka mestilah bukan orang kerajaan. Jadi oleh kerana itu mereka dapat memberikan perkhidmatan *door to door*. Jabatan Perkhidmatan Pos tidak dapat memberikan perkhidmatan yang serupa ini sebagai satu perkhidmatan kerajaan.

Kerana sebagai satu perkhidmatan kerajaan, Jabatan Pos tidak boleh menjadi agen kepada mana-mana pihak. Alhamdulillah perkara seperti ini sebelum Jabatan Pos diswastakan dan sebelum atau undang-undang pos itu diubah, Kementerian Kewangan telah pun memberikan kelonggaran untuk mengadakan satu cara *inovatif* dalam mana apabila *declaration* itu dibuat Jabatan Pos boleh membawa *declaration* itu ke pengguna dan pengguna itu boleh membuat *declaration* dan Jabatan Pos bolehlah mengutip cukai itu dan membayar balik kepada Kastam. Jadi *condition* yang berada dalam Perkhidmatan Pos ini dapatlah dirundingkan dengan

Kementerian Kewangan supaya Perkhidmatan Pos akan dapat memberikan perkhidmatan yang boleh dikatakan setanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan *courier* yang lain. Tetapi sebagai *long term strategy* perkhidmatan pos ini mestilah diswastakan dan meluaskan perkhidmatannya bukan kepada penghantaran surat yang dikehendaki tetapi *delivery pershare*. Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Pengerusi

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Oleh kerana nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mahu mengemukakan soalan, maka Tajuk SN06A – Jabatan Perkhidmatan Pos diluluskan menjadi sebahagian dari Jadual.

Timbalan Jurutulis: Tajuk SN06A – Jabatan Perkhidmatan Pos dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah kita telah banyak menyelesaikan tajuk-tajuk dalam Rang Undang-Undang Perbekalan. Di sini saya ada dua berita, satu *good news* dan satu *not so good*. *Good news* itu hanya tinggal satu tajuk besar saja lagi iaitu Tajuk Kemajuan, *bad newsnya* ialah

esok kitani sambung lagi pada hari Ahad,
jam 2.30 petang. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Ahad, 8 Rabiulakhir 1432 / 13 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.
**(Tidak hadir sebelah petang atas urusan
tertentu)**

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pukul 2.30 petang**

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi
Majlis Mesyuarat Negara disambung semula
pada hari ini yang kesebelas didahului
dengan bacaan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

**Doa Selamat dibacakan oleh Yang
Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji
Mustafa bin Haji Murad (Imam Masjid
Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).**

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir
Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, selamat petang. Alhamdulillah
dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua
kita dapat mengadakan persidangan
pada petang ini pada hari ini yang
kesebelas, Majlis Mesyuarat Pertama dari
Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis
Mesyuarat Negara. Saya banyak-banyak
mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli
Yang Berhormat kerana meluangkan masa
untuk menghadiri mesyuarat ini walaupun
diadakan pada hari kelepasan. Ahli-Ahli
Yang Berhormat pada petang kelmarin
Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di
peringkat Jawatankuasa masih lagi
membincangkan Rang Undang-Undang
Perbekalan 2011/2012 dan telah meluluskan

Tajuk Besar Kementerian Perhubungan.
Maka untuk membolehkan majlis ini
bersidang sebagai Jawatankuasa
sepenuhnya, Persidangan Majlis Mesyuarat
Negara ini saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir
Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat,
majlis sekarang bersidang semula selaku
Jawatankuasa sepenuhnya. Mesyuarat
Jawatankuasa ini masih lagi
membincangkan Rang Undang-Undang
Perbekalan 2011/2012. Sekarang kita
beralih kepada Tajuk Kemajuan. Yang
Berhormat Menteri Kesihatan ingin mahu
bercakap silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan
Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji
Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato
Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof:**
Terima kasih Yang Berhormat Pehin
Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola di
sini Yang Berhormat Pehin ingin memberikan
penjelasan *respons* beberapa soalan yang
kaola terlepas *respons* oleh sebab banyak
soalan-soalan tersebut maka kaola akan
sedaya upaya memberikan penjelasan
kepada soalan-soalan yang ditimbulkan oleh
beberapa orang Ahli Yang Berhormat:-

1. Soalan yang ditimbulkan oleh Yang
Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya
Awang Haji Othman bin Uking iaitu
tentang Bilik Klinik Pemeriksaan

mungkin yang dimaksudkan itu ialah Pusat Kesihatan di Pekan Tutong yang mana tempatnya di Tingkat 1. Yang sebenarnya Pusat Kesihatan menyediakan sebuah bilik di tingkat bawah bagi keperluan-keperluan kecemasan dan khas bagi pesakit-pesakit yang kurang upaya atau warga emas. Pegawai perubatan akan dipanggil ke bawah untuk memeriksa dan merawat pesakit-pesakit dalam kategori tersebut sekiranya bilik rawatan itu terletak di tingkat satu. Jadinya penyediaan bilik khas ini adalah *standard* bagi pusat-pusat kesihatan yang memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi di tingkat atas dan tidak mempunyai *lift* atau rem. Ini adalah seperti yang terdapat di Pusat Kesihatan Berakas iaitu Kampung Anggerek Desa, Pusat Kesihatan Berakas "B", Kampung Sungai Hanching dan Pusat Kesihatan Tutong.

Sepatutnya insiden yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tidak berlaku, seharusnya doktor yang memeriksa turun ke bawah untuk memeriksa apa jua jenis-jenis rawatan terutama sekali pada orang yang kurang upaya dan juga warga emas. Walau bagaimanapun kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ke atas keprihatinan Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara itu dan ianya diambil perhatian berat; dan

2. Salah satu daripada soalan yang belum lagi respons oleh kaola yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka

Awang Haji Muhammad Taha yang berhubung kait dengan doktor-doktor yang telah mengikuti Skim Kedokteran yang baru. Mana-mana Pegawai Perubatan yang berkelayakan untuk dinaikkan pangkat atau tangga gaji sebelum 9 Oktober 2010 iaitu tarikh yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Skim Perkhidmatan Kedokteran baru hendaklah mengikut Skim Perkhidmatan Kedokteran yang lama. Ini adalah untuk mengelakkan kenaikan pangkat dan tanggagaji mereka daripada tertangguh. Apabila kebenaran mengenai kenaikan pangkat atau tanggagaji diperolehi dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, kedudukan pangkat dan tanggagaji pegawai tersebut akan diteliti semula oleh Jawatankuasa Penilaian Sokongan Bagi Skim Perkhidmatan Kedokteran baru yang ditubuhkan di Kementerian Kesihatan untuk disokong berdasarkan kepada jawatan dan tangga gaji dalam Skim Kedokteran yang baru.

Manakala bagi pegawai-pegawai baru lulus dalam bidang perubatan dan berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan mulai 9 Oktober 2010, mereka akan terus dilantik berdasarkan tanggagaji dan jawatan dalam skim baru. Pada masa ini seramai 8 orang telah pun dilantik dalam skim baru tersebut. *Establishment warrant* akan dipohonkan kepada Kementerian Kewangan supaya jawatan tersebut akan dimasukkan ke dalam Peruntukan Tahun Kewangan 2011/2012.

Pada masa ini, Jawatankuasa Penilaian Sokongan bagi Skim Perkhidmatan Kedokteran baru yang ditubuhkan di Kementerian Kesihatan telah membuat sokongan-sokongan ke atas 16 orang pakar perubatan yang dinilai berkelayakan untuk di *migrate* ke skim kedokteran yang baru. Proses *migrate* doktor-doktor ke Skim Kedokteran baru ini mengambil sedikit masa dan ianya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Ini adalah disebabkan kerja-kerja penelitian yang terperinci perlu dibuat memandangkan kenaikan pangkat atau tanggagaji ke Skim Kedokteran baru ini mempunyai kriteria-kriteria tambahan yang tertentu dan berlainan dengan skim lama. Penelitian yang dimaksudkan meliputi aspek-aspek kelayakan, latihan-latihan yang dihadiri oleh setiap doktor tersebut mengikut bidang kepakaran dan latihan masing-masing. Doktor-doktor perlu menghadapkan CV mereka untuk dinilai dan diteliti oleh jawatankuasa supaya mereka benar-benar berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang diperlukan dalam Skim Kedokteran yang baru.

Dalam pada itu Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kalau diizinkan Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin juga menerangkan tentang berhubung kait dengan ubat-ubat *generik* bagi memberikan kefahaman kepada orang ramai. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Ubat *Generik* adalah ubat yang dikeluarkan setelah *pattern* ubat berjenama mansuh, tempoh *pattern* lazimnya ialah selama 15 hingga 20 tahun. Dalam tempoh *patent* ubat berkenaan, ubat generik tidak akan dikeluarkan kecuali dalam keadaan tertentu

seperti wabak. Ubat generik bukanlah ubat tiruan, sekali lagi kaola menjelaskan di sini, ubat generik bukanlah ubat tiruan. Ia mengandungi bahan aktif yang sama dalam kekuatan yang sama seperti ubat-ubat berjenama. Ubat-ubatan generik juga mempunyai jenama yang tersendiri dari pengeluar-pengeluar ubat berkenaan yang diiktiraf. Ubat generik bukan sahaja dikeluarkan di negara-negara membangun bahkan juga dikeluarkan di negara-negara yang telah membangun seperti United State of America, United Kingdom dan negara-negara di Kesatuan Eropah.

Semua ubat termasuk ubat-ubat generik yang diimport ke Negara Brunei Darussalam seperti yang telah kaola terangkan di dewan ini, mestilah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam memastikan ubat-ubat berkenaan adalah berkualiti, selamat dan berkesan untuk digunakan oleh pesakit-pesakit sepertimana yang di *prescribe* oleh doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan. Pada lazimnya harga ubat generik memanglah lebih murah dari ubat berjenama semasa dalam *pattern*. Berkemungkinan harga ubat generik yang murah ini membuat orang ramai menganggap ubat ini kurang berkualiti dari ubat berjenama. Perkara ini adalah kurang tepat, ubat generik boleh ditawarkan pada harga yang lebih murah dari ubat berjenama kerana tidak perlu lagi mengambil kira harga *research and development* yang tinggi, memandangkan perbelanjaan *research and development* ini telah dibiayai oleh pengeluar ubat berjenama. Terdapat juga harga ubat berjenama yang lebih murah dari ubat-ubat *generic* setelah tempoh *patent* ubat-ubat berjenama berkenaan mansuh.

Kaola perlu juga menjelaskan bahawa penggunaan ubat generik ini bukan sahaja diamalkan di Negara Brunei Darussalam bahkan di negara-negara yang telah membangun dan juga negara-negara maju seperti *United Kingdom*, *United State of America* dan Singapura dalam usaha membendung perbelanjaan kesihatan yang meningkat setiap tahun dan memastikan *sustainability* perkhidmatan kesihatan yang diberikan. Seperti kita sedia maklum di negara-negara luar pun juga mengalami kenaikan bagi membiayai perbelanjaan ubat-ubatan di negara masing-masing.

Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga telah membuat saranan kepada semua negara ahli bagi penggunaan ubat generik mengikut keperluan masing-masing. Ini adalah juga yang disarankan oleh WHO, kalau tidak ada saranan dan ubat-ubatan seperti ini digunakan oleh negara-negara lain, Negara Brunei Darussalam juga tidak akan menggunakan. Ini adalah salah satu standard yang telah pun diguna pakai oleh WHO dan juga negara-negara lain.

Pemilihan-pemilihan ubat-ubatan *generik* di negara kita dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Penilaian yang khas yang dinamakan iaitu Jawatankuasa Kecil Menilai Tawaran yang juga menggunakan kriteria yang sama dalam membuat penilaian ubat-ubatan berjenama. Seperti lazimnya, Jawatankuasa ini mempunyai *Terms of References* yang telah ditetapkan sebagaimana juga mereka menilai ubat-ubatan yang berjenama dengan kriteria-kriteria pemilihan utamanya iaitu kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan

di samping mengambil kira harga yang berpatutan dan munasabah.

Dalam meningkatkan keyakinan orang ramai mengenai ubat generik, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui *pharmacy* dan *dispensary* sentiasa memberikan penjelasan dan penerangan lanjut mengenainya bila-bila masa diperlukan. Artikel-artikel berkaitan dengan ubat generik juga telah diterbitkan di media-media masa tempatan. Usaha-usaha berterusan juga akan dibuat dalam memberi penjelasan, kesedaran dan keyakinan atau *confidence* orang ramai mengenai penggunaan ubat *generik*.

Itulah yang kaola dapat sampaikan Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan kaola mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk memberikan maklumat-maklumat mengenai perkara-perkara yang kaola sebutkan tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan adanya penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat itu, maka tentulah menyenangkan kepada orang ramai yang telah diberikan atau di *prescribe* ubat *generik*. Mengenai dengan artikel-artikel yang dikeluarkan di majalah-majalah dan surat khabar, mungkin yang berpeluang membacanya adalah orang-orang yang terpelajar yang berminat tetapi bagi orang ramai di kampung-kampung, di pedalaman dan di luar bandar, barangkali tidak juga banyak masa mereka atau tidak juga mereka banyak memahami artikel-artikel mengenai ubat generik. Tetapi dengan adanya penjelasan Yang Berhormat Pehin

itu, saya percaya orang ramai yang telah diberikan ubat generik merasa, insya-Allah dapat tah mereka makan dan akan sembuh penyakit mereka itu. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tajuk Kemajuan akan bercakap?.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat Pehin Pengerusi, jika diizinkan kaola memohon memberi sedikit mukadimah dan menghuraikan secara ringkas tujuan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara yang dicadangkan sebagai panduan kepada perbincangan yang akan menyusul.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamua'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah beberapa projek-projek yang dirancang di bawah Rancangan Kemajuan Negara telah dan sedang giat dilaksanakan. Projek-projek tersebut meliputi peningkatan aspek keselamatan, sosio-ekonomi, alam sekitar, infrastruktur dan lain-lain lagi.

Dari kira-kira 1,040 projek yang dirancang, setakat ini hampir 30% telah pun siap, 48% sedang pelaksanaan ataupun dalam pembinaan, 6% sedang dalam proses tawaran, 9% dalam peringkat reka bentuk, manakala selebihnya iaitu kira-kira 8% masih di peringkat perancangan. Pelaksanaan projek-projek berkenaan adalah menjurus dan selaras dengan aspirasi negara bagi mencapai objektif-objektif yang ditetapkan dalam Wawasan 2035. Ini antaranya bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan,

berkemahiran tinggi dan berjaya, meningkatkan kualiti hidup rakyat dan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.

Sepertimana jua pada Tahun Kewangan 2010/2011, peruntukan sejumlah \$1,050 juta telah disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara bagi Tahun Kewangan 2011/2012 ini. Pembahagian peruntukan ini lebih ditumpukan kepada projek yang telah berjalan, menunggu pemberian tawaran (*award*) dan yang akan ditawarkan. Ini adalah bagi memastikan peruntukan yang disediakan akan digunakan secara maksima. Di samping itu keupayaan kementerian-kementerian dan prestasi perbelanjaan 2010/2011 juga diambil kira.

Pada Tahun Kewangan 2011/2012 ini, projek-projek siap yang masih ada tanggungan disediakan sebanyak \$45.1 juta ataupun 4.3%. Projek dalam pelaksanaan disediakan peruntukan sebanyak \$758.8 juta ataupun 72.3%. Manakala projek di peringkat tawaran yang akan ditawarkan masing-masing diperuntukkan sejumlah \$83.5 juta (8%) dan \$82.3 juta (7.8%). Bagi membolehkan projek-projek di peringkat perancangan di mana kerja-kerja awal seperti *topo survey*, penelitian tapak (*soil investigation*) dan bayaran penyediaan pra reka bentuk digerakkan. Peruntukan sejumlah \$19.9 juta ataupun 1.9% telah disediakan. Peruntukan ini adalah bagi perbelanjaan kerja-kerja awal seperti yang dinyatakan di atas.

Bagi projek yang memerlukan kos tambahan bagi perkhidmatan konsultan, pembelian perabot, kerja-kerja tanah dan infrastruktur,

kerajaan insya-Allah akan menyediakan sebanyak \$8 juta di bawah Tajuk Rampaian termasuk yuran dan peralatan perabot dan \$8 juta lagi dibawah Tajuk Kemajuan Tapak. Bagi sektor-sektor yang akan berbelanja lebih dari peruntukan yang disediakan, sejumlah \$44.3 juta ataupun 4.27% akan disediakan di bawah Simpanan Gagasan. Secara keseluruhannya sektor perkhidmatan sosial terus diberikan pengagihan peruntukan yang tinggi. Ini diikuti oleh sektor perindustrian dan sumber-sumber utama, sektor penggunaan awam, sektor pengangkutan dan perhubungan. Pengagihan peruntukan mengikut beberapa sektor utama adalah seperti berikut:-

- i. Sektor Perkhidmatan Sosial akan di peruntukkan sebanyak \$327.4 juta ataupun 31.2% dari keseluruhan Peruntukan Kemajuan. Sektor ini akan menumpukan kepada melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan Pendidikan, Kesihatan, Perumahan Negara dan Sumber Tenaga Manusia;
- ii. Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukkan sebanyak \$236.6 juta ataupun 22.5%. Ianya akan melaksanakan beberapa projek yang dikenal pasti untuk dikendalikan dan dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan;
- iii. Sektor Kemudahan Awam pula disediakan hampir \$154.8 juta ataupun 14.7%. Tumpuan sektor ini termasuk penyediaan bekalan air bersih yang mencukupi, merawat kumbahan, pembentungan, memperbaiki sistem saliran bagi pengawalan banjir dan penyediaan bekalan elektrik;
- iv. Sektor Pengangkutan dan Perhubungan akan menumpukan kepada pelaksanaan projek-projek seperti jalan raya, telekomunikasi dan penerbangan awam dan lain-lain. Sektor ini akan disediakan sebanyak \$115.5 juta atau 11% dari keseluruhan peruntukan;
- v. Sektor Rampaian disediakan sebanyak \$60.3 juta ataupun 5.7%. Peruntukan ini adalah termasuk bagi membiayai perbelanjaan projek-projek yang memerlukan kos tambahan bagi perkhidmatan konsultan, perabot, kerja-kerja tanah dan infrastruktur;
- vi. Sektor Keselamatan meliputi sektor ABDB dan Polis Diraja Brunei dan akan disediakan sebanyak \$58.9 juta ataupun 5.6% dari jumlah keseluruhan;
- vii. Sektor Bangunan Awam pula diperuntukkan sejumlah \$46.4 juta (4.4%) iaitu bagi meningkatkan dan penyediaan bangunan-bangunan kerajaan;
- viii. Sektor Teknologi Maklumat & Infokomunikasi diperuntukkan sebanyak \$39.2 juta. Sektor ini menumpukan kepada usaha bagi meningkatkan pembangunan keupayaan ICT dan mengintegrasikan sepenuhnya ICT dalam perkhidmatan kerajaan dan proses perniagaan. Peruntukan-peruntukan yang disediakan meliputi usaha meningkatkan keupayaan sumber manusia dan infrastruktur bagi

mendukung ke arah mencapai ekonomi yang berteraskan pengetahuan (*Knowledge Base Economy*); dan

- ix. Sektor Sains & Teknologi, dan Penyelidikan & Perkembangan diperuntukan sebanyak \$10.8 juta. Ianya mencakupi bidang-bidang seperti Kewangan, Kemajuan Produk Halal dan Industri Minyak Hiliran.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengagihan peruntukan adalah berpandukan kepada komitmen projek dan perancangan kesemua kementerian mengikut jadual pelaksanaannya. Kapasiti jentera kerajaan akan terus dipertingkatkan melalui latihan dan *mentoring* khususnya dalam bidang kemahiran ICT, *Science & Technology* dan R & D.

Perlaksanaan projek yang telah dikenal pasti, insya-Allah diharap akan dapat menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan di sektor bukan minyak. Ini termasuk sektor pembinaan, perbankan dan kewangan, insuran, perkhidmatan perniagaan dan hartanah dan sebagainya. Perkembangan disektor-sektor tersebut pula dijangka akan mendapat kesan limpahan (*spin-off*) kepada sektor-sektor lain seperti jualan borong dan runcit, pengangkutan dan perhubungan dan perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan.

Secara keseluruhannya Jabatan Perancangan Kemajuan dan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri mengunjurkan yang negara insya-Allah akan bertumbuh pada kadar 3.4% pada 2011 ini. Sehingga

10 Mac 2011 jumlah perbelanjaan yang telah dilibatkan bagi pelaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara ini ialah sebanyak kira-kira 70%. Mudah-mudahan pada penghujung bulan ini kita akan dapat melihat peningkatan perbelanjaan ini kerana seperti ditahun-tahun yang lalu bulan terakhir ini selalunya perbelanjaan akan lebih meningkat memandangkan jumlah Waran Peruntukan yang telah diluluskan telah pun menjangkau sebanyak \$978 juta ataupun 93% dari peruntukan.

Tahap perbelanjaan ini dijangka meningkat dalam Tahun Kewangan 2011/2012 disebabkan pelaksanaan beberapa projek utama seperti di Sektor Perkhidmatan Sosial dan Sektor Pengangkutan (jalan raya). Bagi mendukung usaha memperkembangkan ekonomi negara, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga akan berterusan meneliti kesesuaian projek-projek yang dirancang dalam menyumbang secara berkesan pada pertumbuhan ekonomi negara.

Perlaksanaan projek yang telah diluluskan akan terus dipantau dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- i. Terus mengadakan perbincangan dengan kementerian dan jabatan berkenaan dalam memastikan keberkesanan lagi proses-proses di setiap peringkat *project cycle*;
- ii. Mempertingkatkan kapasiti di antara kerajaan melalui Latihan Pengurusan Projek dan Pengurusan Kontrak bagi meningkatkan penyeliaan projek; dan

- iii. Meneruskan dialog dan perbincangan dengan orang-orang yang berkepentingan (*stakeholders*) di semua peringkat termasuk pihak kontraktor dan konsultan dan pertubuhan-pertubuhan seperti PUJA agar isu-isu pelaksanaan yang mengganggu kelancaran projek akan ditangani secara holistik.

Sekianlah yang dapat kaola sampaikan, insya-Allah apa-apa jua persoalan spesifik yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang, ianya sudah setentunya akan diperjelaskan oleh rakan-rakan sejawat kaola di sini selaku agensi-agensi yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek kementerian masing-masing. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, maka dengan adanya mukadimah dari Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Tajuk SP01A – Kemajuan. Saya bukakan untuk perbahasan. Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih khusus kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) yang mana telah pun menjelaskan dan menerangkan mengenai dengan penggunaan wang kemajuan yang telah diterangkan tadi. Jadi Alhamdulillah setelah mendengar apa-apa jua keterangan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin tadi dapatlah mengetahui sedikit sebanyak yang mana abis kaola menyediakan ada 2 pertanyaan sahaja

kerana telah mendapat maklum hasil daripada keterangan Yang Berhormat Pehin Menteri Kewangan II (Kedua) tadi.

Kumpulan Wang Kemajuan ini iaitu seperti Bab 4 (2) dari Akta Wang Kemajuan Penggal 136. Melihat dari peruntukan pada 3 tahun kebelakangan abis kaola melihat peruntukan ani masih tetap sahaja jumlah yang sama. Jadi abis kaola ingin tahu apakah sebab kumpulan-kumpulan wang ini tidak berubah kerana mengikut kehendak projek-projek dan jabatan-jabatan yang lain nampaknya memang mempunyai keperluan-keperluan yang tertentu. Jadi sebelum itu abis kaola ingin tahu apakah sebab-sebabnya kumpulan wang ini sentiasa masih juga jumlah yang sama.

Dan yang kedua, apakah sebabnya perbezaan yang sangat jauh iaitu kadar jumlah wang peruntukan wang kemajuan pada bilangan 929 iaitu Projek BEDB yang berjumlah \$166,624 juta dan yang satu lagi ialah Perumahan Negara bilangan 920 berjumlah \$139,448 juta. Jadi nampaknya kedua-dua projek ini amat jauh bezanya daripada projek-projek atau jabatan-jabatan yang lain. Kaola percaya setentunya projek-projek ini memang mempunyai perbelanjaan yang begitu besar. Walau macamanapun kaola ingin mengetahui apakah sebab-sebabnya perbezaan ini terlalu jauh daripada jabatan-jabatan yang lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ada beberapa soalan yang dimulakan dengan Projek 901 – Pertanian, 006 – Rancangan Kemajuan Ladang Pertanian Kelompok. Kaola mahu tahu apakah matlamat projek ini dan di manakah tempat-tempatnya?. Yang seterusnya Projek 907 – Jalan Raya, 016 – *Improvement of Jalan Residency*. Kaola mahu tahu apakah status projek ini pada ketika ini? Walaupun kaola sedari bahawa kerja-kerja di tebing, mengusai tebing di Jalan Residency sedang dilaksanakan.

Sama Tajuk 907 - Projek 022 Jalan Penghubung Jerudong Tungku Fasa I, kaola ingin tahu memandangkan projek ini mempunyai peruntukan \$15 juta dan untuk tahun ini dalam \$4 juta dan baki cuma \$4 juta 600 lebih sahaja. Jadinya kan mahu tahu status projek ini dan bilakah siapnya? Dan akhir sekali yang disentuh oleh sahabat saya sebelah sini mengenai dengan projek-projek BEDB. Kita maklum bahawa satu ketika dulu Sungai Liang *Industrial Park* menjanjikan untuk mengambil pekerja-pekerja tempatan. Kaola ingin tahu setakat ini berapa ramai sudah pekerja-pekerja tempatan?. Kita maklum bahawa Industri Metanol telah mengeluarkan hasilnya.

Projek seterusnya iaitu Projek 004 – *Land Alienation*. *Land Alienation* ini adalah untuk projek di mana? 006 – Perumahan Kampung Pandan 2,000 buah, peratus yang

sudah siap pada ketika ini? bilakah dateline projek ini? Adakah ianya akan menepati *dateline* itu kalau tidak kenapa? Projek 007 - Perumahan Negara Mengkabau, telah dijanjikan bahawa *model house* akan dibuat, sudahkah *model house* ini dibuat?, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih jua di atas pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor dan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh. Kaola hanya akan menjawab mengenai perkara-perkara yang berkait langsung dengan abis kaola.

Soalan yang pertama mengenai dengan Kumpulanwang Kemajuan yang mana menurut Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor tadi ialah mengapa ianya disediakan sejak 3 tahun yang lepas, tidak berubah, masih sama \$1,050 juta.

Untuk makluman, pada tahun 2005 sehingga 2007, sebenarnya jumlah yang diperuntukkan adalah \$900 juta. Tetapi sejak tahun 2008 sehingga 2009, ianya telah meningkat kepada \$1,050 juta. Ini adalah disebabkan oleh komitmen-komitmen, di mana dari segi pelaksanaan projek-projek tersebut difikirkan yang jumlah yang akan dibelanjakan adalah jumlah-jumlah yang diperuntukkan tersebut. Ini

mengambil kira juga sebagaimana yang pernah kaola terangkan bahawa dalam menyediakan peruntukan-peruntukan tersebut, beberapa faktor telah diambil kira termasuklah dari segi pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang dan kita melihat bahawa sejak tiga tahun yang lepas, projek-projek yang dirancang banyak yang telah dilaksanakan. Sebab itulah ianya ditambah kepada \$1,050 juta.

Tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum, walaupun kita memperuntukkan jumlah-jumlah tersebut tetapi nampak-nampaknya, dari segi perbelanjaannya adalah kurang menggalakkan. Misalnya pada tahun 2008, ianya hanyalah dalam \$650 juta sahaja, iaitu dalam 62%. Tetapi, Alhamdulillah, pada tahun 2009, ianya telah naik kepada \$893 juta ataupun 85.1%. Dan sebagaimana yang kaola terangkan tadi, pada tahun ini sehingga 10 Mac, ianya telah meningkat kepada \$700 juta lebih iaitu dalam 70% dan insya-Allah, ianya dijangka akan meningkat kepada 80% ke 85 %.

Mengenai dengan perbezaan peruntukan yang diberikan kepada BEDB. Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum, bahawa BEDB telah pun melaksanakan beberapa projek-projek perumahan, misalnya di Kampung Pandan sebanyak 2,000 unit, di Mangkabau 4,000 unit, di Bukit Beruang sebanyak 1,500 unit. Jadi sebab itulah peruntukan itu diberikan dengan peruntukan-peruntukan yang telah difikirkan ianya akan dapat dilaksanakan pada peruntukan-peruntukan yang telah disediakan tersebut.

Mengenai dengan 920 tadi, kaola kurang jelas apa sebenarnya, mengapa soalan itu, apa sebenarnya Ahli Yang Berhormat, yang 920. Sebab banyak tadi soalan-soalan itu, jadi kadang-kadang terlupa jua Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Kedua-dua peruntukan tadi, Peruntukan 929 dan 926 itu adalah satu peruntukan yang begitu tinggi. Jadi dua peruntukan itu adalah disamakan, kerana peruntukan yang begitu tinggi, jauh bezanya daripada peruntukan jabatan-jabatan yang lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Itulah sebagaimana yang kaola terangkan tadi, disebabkan oleh pelaksanaan projek-projek tersebut. Jadi, oleh kerana projek-projek tersebut telah berjalan, sebab itulah peruntukan-peruntukan tersebut disediakan dengan jumlah yang sedemikian. Terima kasih.

Mengenai dengan, berapa ramai pekerja tempatan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos, kaola insya-Allah, akan menyiasat dulu *information* ini Yang Berhormat Pehin sebabnya kaola inda dapat memberi berapa sebenarnya. Barangkali Yang Berhormat Pehin Menteri Tenaga boleh menerangkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Buat masa ini 160 orang, Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Kali ini sudah menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kalau dapat kaola diberi peluang dulu untuk menjelaskan soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos mengenai dengan program 901-006 di bawah Rancangan Kemajuan Ladang Pertanian Berkelompok.

Dan juga sambil itu untuk menerangkan, ada soalan tahun lepas dalam Musim Permesyuaratan Keenam, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee, mengenai dengan sama jua, tetapi ingin mengetahui dan mendapatkan penjelasan selanjutnya tentang perkembangan Projek Ladang Pertanian Berkelompok ini.

Dalam Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kawasan Ladang Pertanian Berkelompok ini dipanggilkan dengan gelaran Kawasan Pertanian Luar Bandar ataupun (KPLB). Di Jabatan Pertanian, ia ada dua bentuk, satu (KKP), Kawasan Kemajuan Pertanian yang mana KKP ini adalah diawasi dan diurus secara langsung oleh kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Sumber-Sumber Utama. Sementara KPLB ini, Kawasan Pertanian

Luar Bandar dijaga oleh satu jawatankuasa teknikal di bawah pengawasan pegawai-pegawai daerah masing-masing.

Jadi matlamat KPLB ini, seperti yang dititahkan dulu:-

- i. Seperti menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mewujudkan konsep Bumi Hijau supaya rakyat dan penduduk di negara ini menanam semangat dan menyerapkan sikap budaya bertanam;
- ii. Untuk mengawal dan mengurus secara sistematik kegiatan pembukaan dan pengusahaan tanah bagi menghindarkan kesan-kesan negatif terhadap alam sekitar;
- iii. Untuk menitikberatkan kaedah pengurusan produktiviti ladang, melalui penyerapan teknologi pengeluaran, pengenalan benih-benih terbaru dan berkualiti, pengurusan peladangan dan lepas tuai dan menggalakkan pengurusan cara koperasi; dan
- iv. Untuk meningkatkan tahap hidup penduduk luar bandar melalui kegiatan pertanian yang bersistem dan terkawal dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan masyarakat di luar bandar.

Jadi itu matlamat asas KPLB atau Ladang Berkelompok dan di mana tempat-tempatnya? Daerah Brunei dan Muara sahaja terdapat 12 kawasan, di Daerah Tutong, 26 kawasan, di Daerah Belait 3

kawasan dan di Daerah Temburong, 12 kawasan.

Kawasan-kawasan itu boleh dikongsikan dalam satu sesi, Dan keluasan keseluruhan KPLB ini adalah dalam 2,315 hektar seluruh negara.

Jadi untuk menerangkan apa yang disediakan peruntukan tahun lepas \$500,000.00 dan \$300,000.00 tahun ini. Peruntukan itu adalah untuk menaikkan taraf kawasan-kawasan tersebut. Dan dilihat dari segi pencapaian, daripada sebanyak 2,315 hektar yang dibuka, hanya 49 % dalam 1,132 hektar sahaja diusahakan. Dan daripada peserta dalam 3,194 orang hanya 51% sahaja iaitu berjumlah 1,625 aktif.

Dari segi pengeluaran dalam tahun 2010, mereka hanya dapat menghasilkan dalam 0.56 metrik tan sahaja. Ini berbanding dengan, kalau ladang komersial dalam 2.88 metrik tan, ertinya diorang punya hasil itu kurang daripada 20% daripada hasil ladang komersial. Ertinya tidak berapa efektif, tidak berapa berhasil ladang itu. Ladangnya besar tetapi hanya menyumbang 20% daripada ladang komersial ertinya tidak berapa efektif, tidak berapa berhasil ladang itu, ladangnya besar tetapi penghasilannya kurang berbanding dengan tapak-tapak komersial yang kecil tetapi penghasilan lebih besar.

Jadi itu kedudukan KPLB kelompok sambil itu jua kaola ingin menerangkan apa rancangan-rancangan kementerian-kementerian di masa hadapan mengenai dengan kedudukan KPLB yang kurang

berhasil tetapi mempunyai kawasan yang luas ini.

Kementerian telah pun memikirkan untuk menguatkan lagi pengawasan Jawatankuasa Teknikal di peringkat daerah-daerah ini dan jika perlu untuk mengambil alih jawatankuasa itu seperti KKP (Kawasan Kemajuan Pertanian) di mana kalau dalam KKP itu pengawasannya ada secara langsung oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Sementara KPLB adalah di bawah pengawasan pegawai-pegawai daerah, pemberian dan pengawasan itu adalah pegawai-pegawai daerah tetapi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan membantu teknikal dan memberi dorongan dan memberi bantuan baja dan sebagainya.

Dan kedua, kementerian juga menimbangkan untuk menarik balik mana-mana tapak yang tidak aktif dalam tempoh yang ditentukan itu ertinya kalau tidak aktif dalam satu tempoh maka adalah difikirkan sesuai ditarik balik kawasan-kawasan tersebut. Kawasan itu adalah kawasan-kawasan yang diperlukan untuk pertanian dan merupakan satu kawasan yang berharga.

Jadi dalam peruntukan 2010/2012 ini disediakan \$300,000.00 itu adalah untuk meningkatkan taraf kawasan-kawasan ladang berkelompok dan akan dipohonkan lagi supaya ia akan ditambah pada tahun-tahun akan datang untuk dibuat kepada seluruh daerah kawasan-kawasan seluruh daerah. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi mahu bercakap.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima Kasih Pehin Pengerusi. Cuma menerangkan sedikit sahaja. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Yunos mengenai dengan projek pembaikan Jalan Residency dimaklumkan kepada dewan bahawa projek itu, ada tergendala sedikit masa ini dalam progresnya dalam 22%. Walau macamapun, projek ini akan dijangka siap pertengahan tahun 2012.

Memang projek ini terlambatlah daripada jadualnya kalau dijangka dalam jadual asal akan siap pada sebelum hujung bulan tahun ini, tetapi ini akan siap dijangka dalam pertengahan 2012. Mengenai dengan pembinaan jalan penghubung Jerudong, Tungku, projek ini *still on going* dan progresnya sudah mencapai 29% dan insya-Allah kalau mengikut jadual ini akan siap dari segi *clearance* jalan itu *should be* siap by 14 Disember hujung tahun ini, insya-Allah Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Mengenai dengan Kampung Pandan, projek perumahan di Perumahan Pandan yang *developed* oleh BEDB kalau mengikut jadual yang diberi masa ini akan siap dalam bulan Jun 2011, insya-Allah. Persoalan mengenai dengan *model home* bagi kawasan perumahan di Mengkabau, 2 buah

model homes telah pun siap dan *model homes* ini adalah sebagai contoh bentuk rumah yang akan datang di Mengkabau. Itu saja jawapan saya Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola ingin bertanya mengenai dengan 2 perkara:-

- i. lalah mengenai dengan Plan Tempatan Mukim di bawah sektor 92 Tajuk 050 bagi 6 buah mukim di negara ini. Oleh kerana tidak ada sebarang keterangan mengenai Plan Tempatan Mukim ini, kaola ingin tahu apakah tujuan dan matlamatnya bagi memastikan plan ini berjaya dan diterima baik oleh mukim-mukim yang terlibat maka pihak yang berkenaan patutlah melibatkan penduduk-penduduk setempat siapa yang juga boleh memberikan sumbangan fikiran ke arah kejayaannya. Menurut peruntukan tahun lepas iaitu \$15,757.000.00 adalah sama dengan peruntukan yang dipohonkan bagi tahun ini. Ini bermakna peruntukan ini atau projek ini belum lagi dijalankan. Kaola ingin tahu bilakah ianya akan dijalankan; dan
- ii. Di bawah sektor 904 Tajuk 013 mengenai dengan Pembinaan Tamu Baru yang peruntukannya berjumlah \$2,950.000.00, Kaola ingin tahu di manakan Tamu Baru ini akan dibina

adakah Tamu Baru ini dibina untuk menggantikan tamu yang sedia ada. Bilakah tamu ini akan dibina dan bilakah ianya akan siap, kaola juga bertanya nampaknya peruntukan di bawah Pembinaan Tamu Baru ini belum digunakan lagi kerana sama juga peruntukan sepertimana dipohonkan pada tahun lepas. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin bertanya mengenai dengan Tajuk 923 iaitu Teknologi Maklumat dan Info-komunikasi. Sebagaimana juga difahamkan projek-projek dalam Teknologi Maklumat dan Info-komunikasi begitu jauh ke belakang dalam pelaksanaannya. Nampaknya harga perancangan \$938,000.000.00 begitu banyak peruntukannya dan peruntukan untuk 2011/2012 hanya dikehendaki \$39,000,000.00. Jadi bererti banyak projek yang belum dapat dilaksanakan, jadi soalan saya, apakah masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi di atas kelambatan pelaksanaan projek-projek ini dan setakat ini berapa peratuskah yang sudah dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin tahu dalam hal 901 iaitu 008 - Rancangan Kemajuan Penyelidikan dan Perkembangan Pertanian, itu yang pertama.

Yang kedua 020 – Pengurusan Bersepadu Musuh Perosak Tanaman. Jadi soalan kaola, sejauh mana yang sudah dapat kita 008 penghasilannya. Kemudian 020 pun macam mana mengatasi musuh-musuh perosak tanaman. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Kaola akan menjawab Yang Berhormat Pehin yang dibawah Tajuk 923 tentang mengapa projek-projek *e-Government* ani lambat dan apakah masalahnya sepertimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Idris. Memang diakui pelaksanaan projek e-Kerajaan kurang memuaskan diberi perhatian utama. Terutamanya dari segi penyebab kelambatan pelaksanaannya di antaranya berpunca dari penambahan dan pengurangan skop projek, keperluan permohonan peruntukan tambahan yang

mengambil masa kadang-kadang lebih 6 bulan, kekurangan sumber tenaga, ani yang paling mustahak sekali kekurangan sumber tenaga manusia berkemahiran di bidang *business process re-engineering (BPR)* dan pengurusan projek. Penyediaan kandungan kontrak yang mengambil masa purata 3 ke 4 bulan, di samping pemborong yang menarik diri sebelum projek selesai.

Memang diakui akibatnya peruntukan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya sekaligus menjejaskan perancangan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan perkembangan-perkembangan dan *sustainability industry ICT* di Negara Brunei Darussalam. Langkah-langkah bagi mengatasi masalah-masalah berkenaan termasuklah menekankan kefahaman dan *commitment business owner* terhadap keperluan skop projek, membuat perancangan mengambil tenaga mahir dan mengadakan rangka kerja seperti *ICT competence development* dan *ICT project management*. Memastikan dokumen kontrak teratur, mendapatkan khidmat *Legal Officer* dan memberikan keutamaan tawaran projek e-Kerajaan kepada syarikat-syarikat ICT yang berstatus *AITI Accredited Business (AAB)* dan *ICT Accredited Business (ICT AB)* dan langkah bagi menangani seterusnya ialah mengadakan kontrak *procurement* rangkaian infrastruktur dalam *local area network* yang disediakan oleh EGNC bermula 9 Disember 2010 dan melaksanakan *one government network* yang mana dijangka siap pada tahun 2012. Dan seterusnya kalau difikirkan lagi daripada review yang telah dibuat pada November 2010 abiskaola akan cuba mempercepatkan

projek-projek di bawah tajuk ini. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, menjawab tentang 2 soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha mengenai dengan projek 901, 008 - Rancangan Kemajuan Penyelidikan dan Perkembangan Pertanian dan 901, 020- Kawalan Musuh-Musuh Tanaman secara bersepadu. Jadi apa pencapaian dalam tahun 2011/2012 ini? Projek itu merupakan usaha untuk meningkatkan hasil pertanian melalui:-

- i. Mengambil khidmat site staff;
- ii. Membeli peralatan-peralatan makmal, kimia dan juga media-media untuk dibuat culture media;
- iii. Promosi program perkilangan yang baik atau *good manufacturing practice* dan HARCP untuk industri makanan; dan penerbitan pengendalian sistem lepas tuai buah-buahan dan sayur-sayuran.

Jadi ini disediakan sebagai prasarana untuk mencapai peningkatan dalam hasil-hasil tani.

Mengenai dengan 901,020 - Pengurusan Bersepadu Musuh Tanaman dan ini juga

melibatkan beberapa projek yang kebanyakannya adalah merupakan satu kontrak dengan satu konsultan untuk menilai cara mengurangkan penggunaan bahan-bahan racun dan sebagainya. Yang dimaksudkan dengan pengurusan bersepadu musuh perosak tanaman itu ialah supaya dikurangkan bahan-bahan kimia dan racun-racun tanaman dalam pengurusan menghadapi musuh-musuh tanaman, jadi digunakan sistem-sistem yang lebih mesra alam dan lebih disepadukan ataupun *integrated* dengan usaha-usaha ladang itu. Itu yang dimaksudkan dengan pengurusan ladang musuh secara bersepadu.

Jadi ini dinilai sejauh mana dapat digunakan di kawasan-kawasan pertanian. Itu melibatkan satu nasihat satu konsultan untuk menilai keupayaan dan masalah serangan musuh juga diperlukan perkhidmatan *site staff* untuk membantu dan mengkaji keupayaan ladang-ladang dan juga kedudukan musuh-musuh di ladang-ladang tersebut. Pembelian peralatan yang berkaitan untuk menjalankan kajian dan sebagainya, diharapkan akan dapat mengurangkan serangan musuh-musuh tanaman dan yang lebih penting ia adalah lebih mesra alam dan tidak banyak menggunakan bahan-bahan kimia dalam ladang-ladang di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, barangkali saya tangguhkan dulu persidangan jawatankuasa ini.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 30 minit. Terima kasih.

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012, maka bagi membolehkan perbincangan dalam Jawatankuasa sepenuhnya diteruskan, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang majlis mesyuarat ini bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya. Sebentar tadi Tajuk SP01A – Kemajuan masih lagi diperbincangkan. Sekarang saya bukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membincangkannya. Mempersilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ada dua yang akan kaola kemukakan, satu menjawab soalan dari Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris yang belum berjawab, ada satu lagi iaitu berapa banyak kah projek e-Kerajaan yang telah selesai dilaksanakan?.

Sehingga bulan Februari 2011 sebanyak 121 projek e-Kerajaan telah selesai dilaksanakan berjumlah \$263.2 juta, 59 projek dengan jumlah \$388.7 juta masih dalam pelaksanaan, sementara 45 projek berjumlah \$191.4 juta masih di peringkat perancangan dan cadangan. Perbelanjaan terkumpul bidang *e-Government Agencies Services* dan pusat e-Kerajaan sahaja sebanyak \$412.7 juta mengikut kontrak value iaitu 50.6% daripada harga rancangan. Oleh yang demikian baki harga rancangan EGAS dan Pusat e-Kerajaan adalah sebanyak \$402.4 juta iaitu 49%.

Tadi ada kaola menjawab tentang *number of Bruneian via methanol*, ini untuk jawapan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos. *Number of Bruneian* yang terkini masa ini ada 179 orang, *total next month employment for Bruneian* is dalam 187 orang, jadi masih ada lagi *vacancy* untuk rakyat Brunei dalam bidang pekerjaan di Metanol. Yang Berhormat Pehin, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, antadi Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di persilakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin menjelaskan saja pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa mengenai dengan Tajuk 922, 050 - Pelan Tempatan Mukim, yang mana kaola terlebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas saranan Yang Berhormat tadi. Memang

diakui dari 6 projek yang dirancang dalam Pelan Tempatan Mukim ini hanya 2 projek yang telah berjalan iaitu:-

- i. Pelan Tempatan Mukim Lumapas dan Mukim Pengkalan Batu yang masih lagi dalam pelaksanaan; dan
- ii. *BSB Development Master Plan*, perkara ini telah pun diterangkan secara panjang lebar dulu oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mengenai dengan cadangan supaya pihak-pihak yang berkepentingan akan dibawa sama dalam ikut serta dalam pengkajian-pengkajian ini, memang bagaimana yang telah kita maklumi dalam *BSB Development Master Plan* memang orang-orang yang berkepentingan, agensi-agensi dan orang ramai juga telah diminta maklum balas supaya *master plan* itu akan dapat diusahakan dengan teratur dan menepati perkara-perkara yang terdapat dalam bidang tugasnya. Jadi memanglah perkara-perkara yang seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa itu akan diambil maklum, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dulu, silakan.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola cuma ada

respons kepada pertanyaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa berhubung dengan Tamu Baru iaitu 094-018. Sebenarnya tamu itu ialah yang dimaksudkan Tamu Baru Gadong yang pada masa ini 74.76% kemajuannya.

Walaupun ia memang dijangkakan sudah siap pada bulan Oktober tahun lepas dan sudah disambung selama tiga bulan lepas tu siap dalam bulan Januari tahun ini, tetapi didapati kerja-kerja juga belum dapat disiapkan 100% terutama sekali kerja-kerja yang berhubung dengan *tiling, draining installation* dan pemasangan payong teflon. Projek ini berharga sebenarnya \$2.9 juta dan harga kontrak ialah \$2.57 juta. Ia terletak di kawasan yang berdekatan dengan Pasar Gadong pada masa ini, di tepi sungai berseberangan dengan Hotel International Rizqun.

Tujuan asal projek ini ialah bagi menampung sebahagian daripada penamu-penamu Kianggeh tetapi Yang Berhormat Pehin Pengerusi, untuk pengetahuan majlis ini kajian yang terkini mendapati bahawa keutamaan pada masa ini ialah untuk menggantikan tapak tamu sementara di kawasan letak kereta Pasar Gadong yang sementara, bermakna ia berkhemah dan cuma di atas aspal sahaja, ia di tepi *highway* (lebuh raya) menimbulkan semacam pemandangan yang tidak kondusif dengan keadaan pembangunan yang begitu bagus, bangunan-bangunan yang bagus di sekitarnya.

Jadi pemikiran kementerian pada masa ini ialah untuk menggunakan pembinaan tapak baru Gadong ini bagi memindahkan

tamu sementara itu ke tapak yang baharu ini dan tapak yang lama itu dikembalikan menjadi kawasan letak kereta. Sekian sahaja Yang Berhormat Pehin Pengerusi yang dapat saya sampaikan, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Pehin Pengerusi, saya cuma ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa mengenai dengan pelan-pelan tempatan itu, sebahagiannya telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Pada masa ini Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang menyiapkan *district plan* dan sebelum *district plan* itu siap maka belum itu lagi kitani berpindah kepada *local plan* ini, jadi pelan-pelan setempat ini akan diusahakan selesai saja kitani membuat *district plan*. Ia bermula daripada *master plan* kemudian *district plan* baru pelan setempat, *that's how processnya*, Pehin.

Mengenai dengan penglibatan orang ramai seperti yang telah dinyatakan memang orang ramai terutamanya penduduk setempat akan dibawa ikut sama dalam merancang pelan-pelan bagi setiap Mukim. Perkara itu memang proses biasa dan akan dilaksanakan seperti biasa itu lah. Jadi mana-mana *in the future* yang in da terlibat barangkali kalau ada auranya untuk melibatkan sama mungkin perkara itu dapat difikirkan semula untuk melibatkan lebih

besar lagi penduduk setempat dalam merancangkan pelan-pelan setempat itu.

Saya juga ingin merespons soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos mengenai dengan *land alienation*, mengapa ia termasuk dalam RKN. Ia adalah bertujuan untuk mana-mana projek yang perlu pengambilan tanah dan kosnya tidak termasuk dalam projek, yang sebenarnya maka peruntukan bolehlah diambil daripada *land alienation* yang ada disediakan dalam RKN, itu maksudnya tu Yang Berhormat Pehin. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Saya ada 4 sektor untuk diutarakan. Yang Pertama Sektor 906 – Pendidikan. Ada dua, iaitu Pusat Tingkatan Enam di Daerah Belait di mana anggaran peruntukannya \$27 juta dan satu lagi ialah Maktab Sains di Daerah Belait jua di mana anggaran sebanyak \$29 juta. Apabila saya melihat pergerakan perbelanjaannya itu in da banyak baki masih barangkali, kalau Pusat Tingkatan Enam masih \$27 juta cuma dibelanjakan \$600,000 saja. Saya ingin mengetahui status projek tersebut dan kalau boleh di mana lokasinya. Terima kasih.

Dapat saya menambah dua lagi tu. Yang dua lagi, Sektor 910 Elektrik Bahagian Kementerian Tenaga. Pemasangan Lampu Awam, saya in da pasti di mana berjumlah \$4.6 juta tapi bakinya hanya \$0.1 juta saya

ingin tahu di mana pemasangan lampu awam itu.

Dan yang kedua, sama juga sektor 910 Rangkaian Pembahagian 11KV 004 - di Sungai Liang, Lumut dan Andulau, anggaran peruntukannya ialah \$11 juta, belum bergerak, ingin mengetahui status projek tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Satu perkara sahaja yang akan kaola timbulkan dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara 2011/2012 ini.

Kaola ingin bertanya di bawah sektor 902 mengenai dengan 006 Pembangunan Taman Negara di Ulu Temburong bagi Peringkat II, di mana peruntukan 2011/2012 yang berjumlah \$11.2 juta. Dapat kah kiranya diperjelaskan apakah perkembangan dan perkara yang telah dan sudah dapat dilaksanakan pada masa ani. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang

Abu Bakar bin Haji Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan Pusat Tingkatan Enam di Kuala Belait, sebenarnya arkiteknya sudah dipilih, konsultannya sudah dipilih, cuma masalahnya pada masa ini adalah masalah tapak tanah yang insya-Allah akan dapat diselesaikan dalam sedikit masa lagi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Mengenai dengan Taman Negara Ulu Temburong ini memang peruntukannya ada. *Maintenance* ataupun pemeliharaan Taman Negara Ulu Temburong ini adalah di bawah Kementerian Pembangunan iaitu di bawah Timbalan Menteri Pembangunan, ada jawatankuasanya. Jawatankuasa Peringkat Nasional tetapi oleh kerana ada perubahan kerana Timbalan Menteri Pembangunan in da lagi ada maka satu jawatankuasa baru akan dilantik untuk memelihara Taman Negara Ulu Temburong ani.

Walau macamanapun, langkah-langkah telah pun diambil untuk membisakan Taman Negara Ulu Temburong. Jadi dalam pada masa ini, nampaknya dari segi pemeliharannya cukup memuaskan dan walau maca manapun akan dipantau oleh jawatankuasa berkenaan, dan jika diperlukan ditambah baik lagi keadaannya perkara ini akan dibuat mengikut sokongan daripada

jawatankuasa itu nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Tenaga.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar: Kaola menjawab Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee tadi. Tentang lampu atu masa ani di Lumut *Bypass tender* sudah diaward dan perlaksanaan dalam 12 bulan. Lepas atu tentang Sungai Liang, Andulau 66 KV masa ani dalam kerja penyediaan *design* dan insya-Allah akan siap dalam tempoh 24 bulan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin mengemukakan soalan? Maka oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu mengemukakan soalan, saya mempersilakan pengundian bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong supaya Tajuk Kemajuan ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan)

Terima kasih. Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat semua bersetuju, maka Tajuk SP01A – Kemajuan diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jurutulis: Tajuk SP01A – Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk

Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa Akta ini digelar sebagai Akta Perbekalan 2011/2012 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada **1 April 2011**. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat semua bersetuju supaya perkara ini Akta Perbekalan ini diluluskan?.

(Semua Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan).

Maka Bab yang berkenaan ini diluluskan. Terima kasih.

Jurutulis: Bab 1 – Gelaran dan Permulaan Berkuatkuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah selesailah perbincangan majlis ini selaku Jawatankuasa sepenuhnya yang telah membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Sekarang kita akan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang semula selaku Majlis Mesyuarat Negara. Saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) supaya bercakap.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan. Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua, saya memohon izin memberitahu bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu**" telah pun dibincangkan secara terperinci dan dipertimbangkan dalam Persidangan Jawatankuasa yang mana ianya telah dipersetujui dengan tidak ada pindaan. Sekarang saya memohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca dan diluluskan. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012 dibaca buat kali yang ketiga dan diluluskan. Adakah Ahli Yang Berhormat akan menyokong cadangan ini?.

(Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna (Dr.) Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan berdiri dan menyokong).

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna

(Dr.) Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan.

Saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Majlis ini, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan ini supaya Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012 dibaca bagi kali yang ketiga? Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Maka dengan persetujuan Ahli-Ahli Yang Berhormat itu, Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012 adalah dipersetujui untuk dibaca buat kali ketiga dan diluluskan.

Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2011/2012 dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu”**.

Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan lulusnya Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012 telah dijadikan diluluskan menjadi undang-undang, Alhamdulillah maka dapatlah kita menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan akan disambung pada esok hari Isnin, jam 9.00 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Isnin, 9 Rabiulakhir 1432 / 14 Mac 2011****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin
Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila
Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB.,
DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

**AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
Perdana Menteri, Menteri Pertahanan
dan Menteri Kewangan, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT.,
King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi
Arabia), The Order of the Renaissance (First
Degree) (Jordan), Medal of Honour (Lao),
DSO (Singapore), Order of Lakandula with
the Rank of Grand Cross (Philippines), DSO
(Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul
Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI.,
PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri
Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji
Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB.,
PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei
Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang
Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman,
PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato
Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB.,
DPMB., PKL.,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri
Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB.,
PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri
Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji
Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB.,
PKL.,
Menteri Kewangan II (Kedua),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri
Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB.,
PHBS., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan
Perdagangan II (Kedua),
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri
Paduka Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji
Umar, SPMB., PHBS.,
Menteri Tenaga (Minister of Energy),
Di Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul
Rahman, DSSUB., PIKB., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB.,
PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja
Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji
Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia,
Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat,
Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PSB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, DPMB., SNB., PJK.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai, PSB.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, DPMB., SLJ., PJK. PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh, DPMB., PJK., PKL.,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat,
Awang Haji Bakar bin Mansor, SMB., PSB., PKL.,
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB.,
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL.,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat,
Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SMB., PSB.,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan,
Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia,
Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail,
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Majlis Mesyuarat Negara disambung semula iaitu pada hari yang kedua belas didahului dengan Doa Selamat.

BACAAN DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Mustafa bin Haji Murad (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi. Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua pada hari ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat bersidang semula bagi hari yang kedua belas. Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh, Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat pada petang kelmarin Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012. Sekarang kita beralih kepada Perkara Ke VIII.

Jurutulis: Perkara VIII. Ketetapan pertama akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat, Yang Di-Pertua, izinkan kaola menerangkan secara ringkas mengenai kertas yang dibentangkan di atas meja. Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebanyak 22 perintah yang disenaraikan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sebahagian daripada perintah-perintah ini sudah pun berjalan pada tahun 2010 yang lalu dan sebahagian lagi mula berjalan pada tahun ini. Kesemua perintah telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan, Negara Brunei Darussalam. Perintah-perintah ini telah diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ianya teratur.

Oleh kerana perintah-perintah ini telah pun diperkenankan, maka kaola berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, keterangan ringkas mengenai perintah-perintah yang kaola sebutkan adalah seperti terdapat

dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara, No 1.

Izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan Ketetapan yang berbunyi **“Majlis ini membuat Ketetapan menurut Fasal 7 perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai Kertas Bil.1 Tahun 2011 adalah masing-masing melalui dari tarikh perintah-perintah itu dibuat diluluskan”**. Sekian, terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Ada sokongan.

(Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan, bangun tanda menyokong).

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat, Menteri Pendidikan telah pun mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah fasal 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan usul ini telah mendapat sokongan dari Yang Berhormat, Menteri Kesihatan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi, bahawa kebanyakan atau tidak pun kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam kertas Bil. 1 tahun 2011 telah pun diluluskan secara *Emergency Orders* dan sebilangannya telah pun berjalan kuat kuasa. Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu dibahaskan kecuali

ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat benar-benar memikirkan perlu ianya dibahaskan. Jika ada, saya akan memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu membahaskan itu satu tanda yang saya ambil sebagai bersetuju. Dengan yang demikian Ketetapan Pertama Kertas Bil. 1 tahun 2011 dengan ini diluluskan.

Jurutulis: Ketetapan yang Kedua yang dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdull Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua, saya mohon izin untuk berdiri bagi mengesyorkan Ketetapan Di Bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) yang mana untuk memperuntukkan bagi Perbelanjaan Kemajuan Bagi Tahun Kewangan 2011/2012 di bawah Akaun SP01A.

Dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2011/2012 terdapat peruntukan sejumlah **\$1,050,000,000.00 (Satu ribu, Lima puluh juta ringgit)** yang dipohonkan supaya dipindahkan kepada Kumpulan Wang Kemajuan. Butir-butir perbelanjaan kemajuan dalam tahun tersebut adalah dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun tersebut yang

dibentangkan di atas meja sebagai Kertas Bilangan 2 tahun 2011.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam sidang Jawatankuasa dan telah pun diluluskan dengan tiada pindaan disarankan. Kaola sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangan.

Dari itu Yang Di-Pertua, kaola sukacita mengesyorkan supaya majlis ini menetapkan menurut Bab 4(2) Undang-Undang dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) supaya perbelanjaan yang berjumlah **\$1,050,000,000,00 (Satu ribu, Lima puluh juta ringgit)** Brunei itu dibenarkan diperuntukan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud yang dinyatakan di dalam Anggaran-Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2011/2012 yang terbentang sebagai Kertas Bilangan 2 tahun 2011. Terima kasih

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Ada yang menyokong.

(Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan menyokong).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyokong Ketetapan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketetapan Kedua iaitu di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) telah pun dibaca oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan (II) Kedua di Jabatan Perdana Menteri dan telah mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebagaimana kita sama-sama maklum bahawa Peruntukan Kewangan Kemajuan ini telah pun dibincangkan dengan panjang lebar di peringkat Jawatankuasa dan telah diluluskan angka-angka dan tajuk-tajuk yang terdapat dalam Ketetapan ini. Begitu juga dengan yang terdapat di dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan di Rang Undang-Undang Perbekalan 2011/2012 yang telah juga diluluskan, maka kecuali ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan apa juga soalan-soalan jika ada saya berikan peluang.

Jika tidak ada maka nampaknya Ahli-Ahli sekalian bersetuju tidak ada keperluannya untuk membuka perbincangan lagi mengenai dengan perkara-perkara ini.

Dengan yang demikian Ketetapan Kedua ini diluluskan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mencapai atau sampai kepada penghujung permesyuaratan kita dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara dan telah berjaya mencapai sasaran. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum tarikh terakhir yang telah ditetapkan (15 Mac 2011) dan kita hari ini hanyalah sampai 14 Mac 2011.

Sekarang majlis ini dibukakan untuk ucapan-ucapan penangguhan kepada mereka Ahli-Ahli Yang Berhormat memberi notis. Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa mengikut peraturan persidangan majlis ini Ahli-Ahli diberikan 10 minit untuk bercakap, saya percaya bukan semua ahli mungkin mahu bercakap 10 minit kebanyakannya boleh jadi kurang daripada 10 minit. Terima kasih.

Jurutulis: Ucapan-Ucapan Penangguhan. Ucapan Penangguhan yang pertama akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita telah dapat bersidang selama 12 hari dan telah pun dapat meluluskan beberapa Akta yang penting khususnya Akta Perbekalan 2011/2012 yang insya-Allah akan membolehkan kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan dan program-program pembangunan dan kemajuan, bagi kesejahteraan, keamanan, kemakmuran negara yang berpanjangan, kita merasa gembira berpuas hati bahawa sesi perbincangan dan perbahasan di dewan

yang mulia ini berjalan dengan suasana yang tenang, muhibah dan berlapang dada dengan semangat permuzakarahannya yang tinggi yang dapat pula mencapai keputusan-keputusan yang amat memuaskan. Ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Mesyuarat Negara ini memainkan peranannya untuk membincang dan membahas isu-isu utama pembangunan semasa dan menjadikannya saluran bagi menyampaikan dan membahaskan pandangan-pandangan Ahli yang dilihat sebagai cara untuk menjana perkembangan dan kemajuan.

Dalam hubungan ini, kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis yang dengan bersungguh-sungguh telah dapat memimpin perjalanan permesyuaratan kita ini dengan penuh kebijaksanaan, memberikan peluang kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan saksama dan penuh ketegasan untuk mengutarakan soalan, mengemukakan pandangan dan pemerhatian serta menyuarakan cadangan dan memberikan Menteri-Menteri Kabinet pula peluang untuk menghuraikan penjelasan dan menjawab kemusykilan dan soalan-soalan dengan sangat memuaskan. Malah pada waktu-waktu tertentu Yang Di-Pertua Majlis menjadikan suasana perbincangan lebih menarik dengan mengemukakan pandangan Yang Di-Pertua yang relevan pada perkara-perkara yang tertentu.

Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikian juga kaola ingin

mengucapkan syabas dan merekodkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana kerana penyertaan yang aktif dan sumbangan yang positif dalam perbincangan dan perbahasan di dewan ini. Dari pengalaman kita selama ini, kita merasa bangga dengan tahap pencapaian dan kedewasaan kita dalam mengemukakan perkara-perkara, isu dan masalah yang di ketengahkan serta pandangan dan cadangan-cadangan yang membina yang dikemukakan yang mencerminkan kajian dan pengamatan yang teliti yang disokong pula dengan fakta-fakta yang terkini. Ini menggambarkan akan dedikasi dan sikap bertanggungjawab Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sangat prihatin kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Bagi pihak kerajaan, kita sangat-sangat menghargai akan pengamatan, pandangan dan cadangan yang dihadapkan di Majlis Mesyuarat ini. Kaola percaya pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang relevan dan bersesuaian itu akan dapat membantu kerajaan untuk mensejajarkan rancangan-rancangan dan projek-projek yang sedang dan akan dilaksanakan. Kaola juga percaya bahawa penerangan dan penjelasan yang disampaikan di majlis ini akan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk negara ini dalam mengetahui dan memahami akan kedudukan atau *status* suatu rancangan atau projek dan juga mengenai perancangan masa depan.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam menilai dan menimbangkan suatu cadangan dan pandangan yang dikemukakan dalam

keadaan tertentu, tidak semua cadangan dan pandangan itu dapat dilaksanakan terus menerus. Ada di antara cadangan berkenaan, memerlukan pihak kerajaan untuk membuat penilaian dan penelitian terperinci dan sehalus-halusnya dengan mengambil pertimbangan kepada beberapa faktor seperti faktor sosio-ekonomi, alam sekeliling dan lain-lain, malah juga faktor kewangan. Akan tetapi perlu kaola tekankan di sini, ini tidaklah bermakna bahawa kerajaan menjadikan perkara-perkara ini sebagai alasan untuk melambatkan pelaksanaan sesuatu rancangan. Kerajaan adalah sentiasa komited untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang diaturkan semata-mata untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan seluruh rakyat dan penduduk negara ini pada menuju ke arah kemajuan dan pembangunan negara ini. Walau bagaimanapun, ada di antara rancangan-rancangan itu perlu dinilai, diselaras dan disesuaikan menurut perubahan dan perkembangan semasa.

Secara amnya, muzakarah kita di majlis ini sangat-sangat bermanfaat kepada kaola dan rakan-rakan kaola di sini, dan semua jentera kerajaan sebagai maklum balas dalam usaha berterusan kerajaan untuk membaiki dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan masing-masing. Ia menjadi pendorong dan penggalak kepada kerajaan untuk melipatgandakan lagi usaha bagi sama-sama membangun negara ini semata-mata bagi kesejahteraan rakyat dan penduduknya. Jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh kerajaan sebenarnya bukan untuk menangkis hujah-hujah yang di ketengahkan tetapi menjelaskan secara realitinya akan kedudukan suatu perkara

yang dikemukakan itu. Dalam masa yang sama, kaola tidak pula menafikan, kemungkinan terdapatnya kelambatan dalam melaksanakan suatu rancangan, dalam mana sebahagian besar kelambatan berkenaan adalah bersumber dari perkara-perkara tertentu.

Dalam hubungan ini, kaola berasa yakin bahawa pihak kerajaan akan sentiasa pula berusaha untuk mengatasinya. Dalam pada itu, dalam sama-sama berusaha untuk memaju dan membisaikan lagi jentera pentadbiran kerajaan, khasnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran atau pengurusan, maka adalah lebih bersesuaian dan wajar supaya perkara-perkara sedemikian, masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara ini terus dihadapkan dari semasa ke semasa kepada mana-mana jua kementerian atau agensi-agensi berkenaan. Kaola percaya kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan akan bersedia dan terbuka untuk mendengar serta menangani sesuatu masalah atau isu yang dihadapkan.

Akhirnya, kaola mengambil peluang ini untuk menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua Ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua belah pihak, yang mewakili kerajaan dan yang mewakili rakyat yang begitu dedikasi dan penuh iltizam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Mudah-mudahan segala apa jua yang kita teliti dan tunduki bersama-sama di dewan ini akan membuahkan hasil yang membawa kesejahteraan hidup di dalam negara yang aman makmur, "*Baldatun tayyibatun warabbun ghofur*".

Insya-Allah, pada suatu tarikh dan ketika nanti, dewan yang mulia ini akan menjadi saksi lagi kepada persidangan yang seterusnya pula. Kita semua berazam untuk mengoptimalkan fungsi sidang ini dan dengan penuh optimis mengharapkan permesyuaratan itu nanti akan padat berisi dengan wawancara bernas yang akan menimbulkan sesuatu yang sangat tinggi nilainya bagi kelangsungan hidup berbangsa dan bernegara. Dengan itu Yang Di-Pertua, maka kaola dengan penuh hormat dan takzim dengan rasa bersyukur dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua, mengusulkan agar Persidangan Majlis Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara 2011, yang kita hadiri ini ditangguhkan. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kedua akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Yang Di-Pertua, untuk mengucapkan penangguhan ini, kaola memohonkan izin supaya kaola boleh menggunakan bahasa inggeris, terima kasih.

Yang Di-Pertua: Boleh.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Izinkan Yang Di-Pertua?

Yang Di-Pertua: Silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Di-Pertua. *Honourable Speaker, Cabinet Minister and Members of Legislative Council, our long term development plan and wawasan 2035, is aiming to diversify our economy, we need to encourage private sector growths, stimulation of SME and we need to have proper strategy to encourage foreign direct investment, to create new industry here, we must therefore have enough skill and able workers. However, at present, we face a serious shortage of skill workers available to work in private sector. At the same time, we also have quite a high unemployment situation, there are constant registration numbers of job seeker, mainly young people about 7 thousands each year, who said that there, are registered with the Labour Department. Is either unemployment or looking for work, I understand from the Public Research Report refer to the unemployment studies from CSPA 2009. That the majority of these registered job seeker are not well educated, do not have the required skill and expertise. There are even quite choosy for job. Many looking for government job and clerical or lower level occupation only. Such job in the government are very limited and oversaturated. At the same time, new industrial date that we are aiming for are mainly in a private sectors and needs skill labours. For that may I humbly proposed the*

following measurement for your consideration:-

1. *Set up a central body that can coordinated and deal with a problem of unemployment by having centre agencies, this will ensure better planning implementation and greater accountability and responsibility;*
2. *Conduct more research to understand the problem and to get better database on the unemployment and manpower requirement. For example, it is quite surprise that we have not done a full nationwide study to find out the truth of unemployment rate. By having more research, we can identify who are those unemployment and why they are unemployment;*
3. *Provide finance with appropriate disbursement and monitoring system micro credit scheme. Such as Fragment Bank Micro Traders Scheme. Which are very-very popular in the other place; and*
4. *Provide full package of training. From skill training, skill for business start up through monitored support and network facilities.*

Honourable Speaker, in the previous meeting last year, I have suggest to set up a manufacturing park in Brunei. What is the government preparation in handling this matter? Unemployment and social problem are very serious issue in this global world. For the minister concern is, please look into the matter very-very seriously.

To attract foreign investors, infrastructure has to be provide as soon as possible. We need upgrading our transport infrastructure, especially the ports. Other than that Brunei must have a bilateral arrangement, joint ventures in business with our immediate neighbours of Sarawak and Sabah. Which have total population of 5.5 million. This is because Brunei is too small to attract company for local market compare with these two countries.

Our goods and services do not have to depends on shipping and air travel which is very expensive. For Borneo, we can overland transportation with the formation of the cooperation of this country, the potential of attracting the foreign investors to base in Brunei Manufacturing Industries is very high. It is time for these three government to work hand in hand to attract foreign investor.

I understand that our countries need to aim for a growth rate about 6% per year. Achieve our Wawasan by 2035. We cannot do these alone. We need to have foreign investor as mention above. Foreign investor will only come for expert industry. But Brunei do not have enough local market, because of our small population. We have only a handful of foreign investment here that is the Oil & Gas and Methanol.

May I humbly suggest for Brunei, to set up a free zone, free trade zone that offer company plenty of benefits, such as, ready to use office, warehouse, factory, infrastructure ready plot and business centre. It has to be tax free and there is not import and export duty. As long as the good are for export. Above all, this need to be near the port. For

that, we need to upgrade our port facilities for a long time planning.

Honourable Speakers, another issue is our Brunei Currency. Which is packed with Singapore, it is considered to have a very high value among the Asian country in term of exchange rate. Our product will not be competitive, because of the higher volume of our currency. It is very competitive in term of exporting our product to other country. It is a serious issue that we must tackle this.

Honourable Speaker, lastly I would like to congratulate the new Honourable Speakers for his dedication and wisdom of idea to have this session run very-very smoothly in a very good atmosphere. As for the previous Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak Kemaludin Al-Haj ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd Yassin, I humbly wish him and family good health, happiness on his retirement. Thank you very much.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini saya ingin menyatakan di masa-masa yang akan datang, mana-mana ahli yang suka mahu menyampaikan ucapan dalam bahasa Inggeris, ada baiknya dinyatakan di bawah peraturan mana yang memohon, baru saja saya memulakan jawatan ini. Kalau ditarik perhatian saya di bawah *standing order* mana yang ahli memohon untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

Di sini saya dengan berterus terang menyatakan bahawa, Undang-Undang Taraf Kebangsaan, *Nationality Act* telah diluluskan pada tahun 1961, 50 tahun sudah berjalan

yang mana tiap-tiap Warganegara Brunei Darussalam (*Brunei National*) seharusnya boleh bertutur dan bercakap dalam Bahasa Melayu (Bahasa Kebangsaan). Ini bukanlah satu teguran yang negatif, tapi ini untuk menggalakkan semua jua orang yang jadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, warga Negara Brunei Darussalam supaya berusaha benar-benar untuk bercakap dalam bahasa melayu, apatah lagi dalam Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini. Saya harap Yang Berhormat mengambil baik teguran saya ini untuk masa depan. Sekian terima kasih.

Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ketiga akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Kerajaan telah pun membuat berbagai-bagai peraturan akta dan undang-undang sebagai landasan untuk membolehkan satu-satu tindakan dibuat bagi tujuan untuk mengatasi, menyelesaikan apa sahaja masalah yang berlaku sama ada dibuat dengan sengahaja, dirancang tidak disadari atau berlaku secara tiba-tiba di luar dugaan batasan pemikiran manusia.

Matlamat peraturan akta dan undang-undang rujukan ialah untuk mendidik, mengawal, membimbing dan mencegah serta bagi membentuk kehidupan manusia, masyarakat dan rakyat ke arah kebaikan tulus, amanah, jujur dan bertanggungjawab

terhadap dirinya, keluarganya, masyarakatnya, alam sekitar dan negaranya. Ini adalah selaras dengan tuntutan ugama, budaya, adat resam yang dianuti golongan kelompok manusia itu masing-masing. Sebab itulah timbul berbagai masalah jika ada individu, kelompok atau golongan yang tidak mematuhi peraturan akta dan undang-undang, adat resam dan budayanya sendiri. Sebagai contoh mengapa tertunggak?

Tidak mematuhi adat sebagai pengguna, pandai memakai patut pandai membayar. Tidak bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri (pengguna/pemakai). Kerana terlalu dimanjai tunggakan berterusan, petugas yang diperkuatkuasa seharusnya tidak bertolak ansur, tegas sepertimana dikehendaki oleh peraturan dan undang-undang. Dalam undang-undang tidak ada yang terkecuali. Tunggakan tetap dituntut dan mesti dilunaskan. Yang Di-Pertua, dalam hubungan ini mereka yang masih tertunggak tanggungjawab mereka adalah dituntut supaya dapat melaksanakan atau melunaskan tunggakan yang masih ada. Kerana sekiranya tunggakan ini tidak dapat dilunaskan sepertimana yang dikehendaki adat, kesannya amat ketara.

Sepertimana yang telah dijelaskan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) dalam majlis ini beberapa hari yang lalu bahawa dengan tunggakan yang berjumlah hampir setengah bilion ringgit boleh membina 4,000 buah rumah.

Dalam majlis ini juga Menteri Pembangunan dalam penjelasannya terhadap Kemajuan Perumahan sebahagian daripadanya

bergantung kepada pembayaran tunggakan. Maka di sini amat jelas mengapa tunggakan itu wajib dijelaskan supaya impaknya tidak akan melibat orang-orang yang berhendakkan memiliki sebuah rumah mengikut lunas dan peraturan yang diprakui oleh kerajaan demi kesejahteraan dan negara.

Oleh itu Yang Di-Pertua, majlis memohon dan mengharap semua tunggakan akan dapat dilunaskan sedaya upaya demi untuk keselesaan 4,000 keluarga (hasil pembinaan 4,000 buah rumah yang berkeinginan untuk mendapatkan rumahnya sendiri) melalui Skim Kemajuan Perumahan yang diuruskan dan dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Yang Di-Pertua, majlis memandang serius terhadap mereka yang mempunyai tunggakan kerana kesannya amat jelas. Jika mereka tidak menjelaskan tunggakan di dunia maka rohnya akan tergantung dan ianya tetap akan dituntut di akhirat kelak. Sabda Rasulullah Sallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tarmizi dan Imam Ahmad ibnu Hiban yang bermaksud “Roh seseorang mukmin itu tergantung (dihalang daripada tempat yang mulia dengan sebab tunggakkannya sehinggalah ia menjelaskannya)”. Dari itu bayarlah tunggakan dengan syarat:-

1. Bayarlah secara beransur-ansur jika mendapatkan beban untuk membayarnya;
2. Janganlah menunggu pihak yang berwajib menggunakan kuasa undang-

undang yang boleh menyebabkan menyusahkan diri sendiri; dan

3. Laksanakan tanggungjawab sebagai seorang rakyat yang taat kepada raja, patuh kepada undang-undang, berkorban demi kesejahteraan keluarga, bangsa dan negara. Insya-Allah kehidupan akan selamat dan bahagia dunia dan akhirat.

Yang Di-Pertua, dalam majlis ini kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kerana Yang Di-Pertua telah berjaya dengan cemerlang mengendalinya majlis yang mulia ini hingga penamat. Dan kaola memohon ampun dan maaf kepada semua Menteri Kabinet yang begitu gigih dalam menerangkan dan menjelaskan sebarang keraguan dan masalah rakyat melalui wakil masing-masing. Terima kasih dan kaola iringi dengan tiga rangkap pantun:-

*Hari Selasa sidang bermula,
Menjunjung titah Paduka Seri Baginda,
Majlis Mesyuarat ala muzakarah,
Itulah amanat dari Yang Di-Pertua.*

*Titah dijunjung dengan gembira,
Kesejahteraan rakyat fokus utama,
Baik di bandar atau di desa,
Semua masalah diambil kira.*

*Akhir persidangan seia sekata,
Belanjawan selesai serta berjaya,
Projek diharap wujud dan nyata,
Untuk negara dan rakyat jelata.*

Sekian terima kasih. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Wa'alaikumusalam. Terima kasih Yang Berhormat.

Jurutulis: Ucapan Penagguhan yang keempat yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas: Terima kasih Yang Dimuliakan Pehin. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, terlebih dahulu dengan penuh hormat serta takzim kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin, mengurus Mesyuarat Yang Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Ketujuh kita tahun ini dengan jayanya dan berkualiti tinggi. Kaola juga ingin memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas kerjasama yang diberikan yang membolehkan permesyuaratan kita ini telah berjalan dengan baik dalam suasana yang harmoni, aman damai dan produktif.

Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, di kesempatan dalam memberikan Ucapan Penagguhan ini, kaola ingin menarik perhatian mengenai dengan isu-isu tenaga (*energy*). Kaola pernah mencadangkan untuk ditubuhkan satu Pusat Penyelidikan Tenaga pada ucapan penagguhan yang lalu. Kini kaola berasa gembira setelah awal-awal permesyuaratan ini Yang Berhormat Menteri Tenaga telah

menerangkan yang Institut Tenaga akan ditubuhkan pada pertengahan tahun ini. Yang mana juga akan bekerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam dalam berbagai bidang dan penyelidikan.

Dalam usaha-usaha mempromosikan program EEC (*Energy Efficient Conservation*), kita juga perlu menubuhkan satu lagi badan iaitu bagi menyelaraskan sistem tanda aras ataupun *bench marking* dan rangka garis pandu kepada perkembangan kecekapan tenaga seperti yang dinamakan *Green Building Index*. Dalam waktu yang sama, badan ini juga akan dapat mengawasi dan mengeluarkan *certification* untuk pengiktirafan seperti *platinum gold* ataupun *silver certificate* bagi *design proposal* untuk projek-projek yang akan diiktiraf sebagai bangunan EED (*Energy Efficient Design*).

Sebagai seorang ahli profesional di bidang ini, kaola insya-Allah akan berusaha dengan rakan-rakan profesional yang lain, untuk mempromosikan konsep *Green* dan *Energy Efficient Design* dalam bidang pembangunan di negara ini.

Isu-isu yang berkenaan rapat dengan tenaga ialah seperti alam sekitar. Memandangkan kepada peri mustahaknya kita memelihara alam sekitar (*environment*), adalah juga mustahak bagi negara ini mempunyai perundangan atau *legal frame work* di dalam pengurusan dan penjagaan alam sekitar. Oleh yang demikian, sebagai yang kaola syorkan di dalam permesyuaratan ini, penyediaan *Environmental Act* ataupun Akta Alam

Sekitar perlulah diadakan. Kaola penuh berharap yang Akta Alam Sekitar ini akan dapat diluluskan dengan secepat mungkin dan seterusnya akan dikuatkuasakan.

Menyentuh mengenai dengan perkembangan dan pembangunan Bandar Seri Begawan. Dengan adanya Pelan Induk (*Master Plan*) yang telah disediakan baru-baru ini, Bandar Seri Begawan, insya-Allah akan membangun dengan teratur dan baik mengikut sebagaimana yang telah dirancang. Tindakan dalam waktu yang singkat ini (*short term action*), adalah diharap-harapkan agar Bandar Seri Begawan akan dapat diusahakan untuk menjadi bandar yang aman dan menarik (*vibrant*), untuk dinikmati oleh penduduk-penduduk dan penghuni-penghuni bandar dan juga bagi orang-orang yang mengunjunginya.

Dengan mengadakan berbagai-bagai aktiviti-aktiviti seperti Jualan Tamu Hujung Minggu, yang mempromosikan hasil-hasil *handicraft*, lukisan dan barang-barangan yang popular di kalangan muda mudi. Serta mengadakan acara-acara hiburan atau pertunjukan budaya dan aktiviti-aktiviti seperti yang sering kita dengar, "Kenali Negara Kita". Tempat-tempat yang menarik seperti *Waterfront Development* dan kemungkinan Taman Sir Haji Omar 'Ali dinyalakan lampunya di waktu malam, akan menambah lagi tarikan orang kepada ramai lebih-lebih lagi golongan kanak-kanak.

Kaola juga ingin mencadangkan, bagi tempat-tempat bersejarah seperti Bangunan Kastam Lama dan Bangunan Lapau Lama, supaya *diconserve* dan dipelihara untuk dijadikan sebagai salah satu bangunan

warisan yang bersejarah yang boleh dilawati oleh pelancong-pelancong selain daripada bangunan-bangunan seperti *Royal Regalia*, Muzium dan lain-lain. Bangunan Lapau Lama ini banyak mengandungi sejarah-sejarah yang mustahak bagi negara ini, di mana seperti Penandatanganan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam telah dilakukan. Ini akan memberikan gambaran sejarah dan pelajaran dan ilmu pengetahuan kepada generasi-generasi muda. Dari itu kaola ingin mencadangkan, yang Bangunan Lapau Lama ini akan dipelihara dan *diconserve*, dimulihkan seperti bentuk bangunan asalnya dan dihiasi dengan bahan-bahan pameran.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekali lagi kaola mengucapkan tahniah setinggi-tingginya. Dan sukacita menyokong penangguhan Permesyuaratan Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Yang Ketujuh ini. Sekian, terima kasih. Wabillahit Taufiq Walhidayah. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kelima akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahai: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang

Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola akan menumpukan Ucapan Penangguhan kaola kali ini kepada satu isu, kepada satu perkara sahaja. Apa yang kaola kemukakan ialah mengenai dengan cukai kastam yang dikenakan kepada komputer printer dan alat gantinya serta alat tambahannya dan juga alat ganti komputer.

Beberapa jenis komputer *printer* dikenakan cukai kastam di antara 5% hingga 20%. Tidaklah semua komputer *printer* ini dikenakan cukai. Akan tetapi alat ganti dan alat tambahan semuanya dikenakan cukai kastam 20%, begitu juga ada alat ganti pakai *printer* dikenakan cukai kastam juga. *Computer Hardware dan Software* tidak dikenakan cukai kastam, akan tetapi alat gantinya seperti *power supply* dan *power cable* jika dibawa masuk dikenakan cukai kastam sebanyak 20%.

ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) seperti kita sedia maklum adalah pemacu kemajuan dan perkembangan. Kemahiran-kemahiran penggunaan ICT adalah *prerequisite* bagi mempertingkatkan produktiviti. Menyedari atas kepentingan ICT ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan beratus-ratus juta ringgit bagi pelaksanaan Projek-Projek E-Kerajaan, *e-Learning*, *e-Kesihatan* dan sebagainya.

Isu ini ada kaola sentuh pada masa yang lalu. Kaola kemukakan isu ini sekali lagi kerana kaola percaya barang-barang yang saya sebutkan tadi, sepatutnyalah ditiadakan

cukai, bagi kepentingan pengguna-pengguna dan untuk mempertingkatkan kemahiran-kemahiran penggunaan ICT. Cukai yang dikenakan sebanyak 5% hingga 20% itu adalah besar impaknya kepada harga jualan kepada pembeli-pembeli ataupun pengguna-pengguna.

Apa yang kaola maksudkan ialah supaya Cukai Kastam bagi barang-barang yang kaola sebutkan tadi ditiadakan cukai. Pendeknya, apa saja yang berkaitan dengan komputer, sama ada *printer* atau alat gantinya, alat kelengkapannya, alat ganti pakainya dan sebagainya ditiadakan cukai sama sekali. Dengan ditiadakan cukai kepada barang-barang yang saya sebutkan tadi harga akan turun dan banyak orang akan mampu membelinya. Tambahan lagi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) tempoh hari di dewan yang mulia ini. Brunei mempunyai perjanjian perdagangan bebas dengan beberapa buah negara termasuklah negara-negara ASEAN dan China. Kebanyakan di antara barang-barang yang kaola sebutkan tadi didatangi dari negara-negara ASEAN dan China. Inilah yang mendorong kaola untuk mengemukakan isu ini sekali lagi kerana jika perjanjian AFTA ini sudah berkuat kuasa bererti kemasukannya ke negara ini cukai kastam tidak dikenakan lagi. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Assalamu'alaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat saya percaya cadangan Yang Berhormat itu akan disambut baik oleh orang-orang yang berminat komputer, bukan

saja ia akan memperluaskan penggunaan komputer tapi juga akan meninggikan daya kreatif orang-orang Brunei dalam bidang ICT. Terima kasih.

Timbalan Jurutulis: Ucapan penangguhan yang keenam akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan

Tudin: Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, di dewan yang terhormat ini kaola ingin meristakan masalah yang dihadapi dan dialami oleh pemilik-pemilik dan pengusaha-pengusaha stesen minyak di Negara Brunei Darussalam dan selepas itu beberapa perkara yang lain. Pada tahun-tahun 60an, 70an dan 80an pemilik-pemilik dan pengusaha-pengusaha stesen minyak di negara ini telah berjaya mencapai target jualan atau melebihi paras *target* setiap jualan produk shell.

Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara yang membantu pengusaha-pengusaha untuk bertahan dan mencapai kejayaan. Insentif yang kuat ke arah kejayaan pemilik-pemilik stesen minyak pada tahun-tahun 60an, 70an dan 80an ialah pengusaha-pengusaha dan pemiliki-pemilik stesen minyak telah diberikan apa yang dinamakan insentif bonus oleh Syarikat Brunei Shell Marketing pada waktu itu. Tetapi apa yang terjadi pada akhir tahun 80an sebanyak kira-kira 90% daripada insentif bonus yang disebutkan tadi telah

ditarik balik atau ditiadakan oleh Brunei Shell Marketing. Kehilangan insentif bonus ini mula terasa kesannya dan sungguh mengecewakan pihak pengusaha-pengusaha dan pemilik-pemilik stesen minyak di seluruh negara. Apabila ditanya kepada pihak yang berkenaan tidak ada penjelasan yang komprehensif yang diperolehi bagi menerangkan tentang ketiadaan insentif bonus ini yang boleh menyakinkan pemilik-pemilik stesen minyak.

Pengarah urusan yang berkenaan pernah menerangkan bahawa insentif bonus ini akan boleh naik apabila harga minyak naik tetapi harga minyak telah naik beberapa kali sehingga sekarang insentif bonus belum juga dinaikkan.

Begitu juga keuntungan 3% atas jualan adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan peratus keuntungan jualan yang terdapat di Singapura dan Malaysia yang mana di negara-negara tersebut diberikan dalam lingkungan 9 hingga 11 % untung atas jualan. Hanya yang tinggal sekarang ialah pembayaran insentif bonus kepada pengurus stesen minyak iaitu tiap-tiap 3 bulan sekali. Terdapat juga stesen minyak yang tidak menerimanya.

Pengusaha-pengusaha dan pemilik-pemilik stesen minyak benar-benar berharap supaya masalah yang mereka hadapi ini dapat difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana dikhuatiri pengusaha-pengusaha dan pemilik-pemilik stesen minyak di negara ini sukar untuk bertahan. Maka dimajlis yang mulia ini kaola sekarang menyampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya masalah

yang sedang dihadapi oleh sejumlah lebih daripada 30 buah pengusaha-pengusaha dan stesen-stesen minyak di negara ini yang mempunyai ahli kira-kira 35 ribu orang akan dapat menyasat dan seterusnya membantu bagi mengatasi masalah mereka dengan mengembalikan semua insentif bonus yang telah ditiadakan itu. Selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut tahun baru Masihi 2005 yang telah disiarkan dalam Pelita Brunei bertarikh 5 Januari 2005 yang berhasrat "*supaya setiap agensi kerajaan akan dapat menyokong sektor swasta serta memberinya prioriti besar khususnya bagi penubuhan dan pengendalian peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang dikendalikan oleh rakyat jelata.*"

Sebagaimana jua dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara pada 1 Mac 2011 yang baru lalu ini. Baginda bertitah "*Beta menyeru kepada Ahli-Ahli Mesyuarat supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman, apa juga permasalahan itu jika ditangani, kita tangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding dengan hati yang terbuka dalam dewan yang mulia ini*". Persatuan pemilik-pemilik dan pengusaha-pengusaha stesen minyak

Negara Brunei Darussalam melalui Yang Di-Pertuanya pernah menghadapkan surat kepada Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Marketing pada 23 Januari 2007 dan salinannya kepada Yang Berhormat menteri-menteri yang berkenaan. Salinan surat ini akan kaola sampaikan kepada Yang Berhormat menteri-menteri yang berkenaan selepas ini untuk makluman dan apa jua tindakan yang berpatutan mengenainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, hasrat dan cita-cita koperasi yang berdaftar di negara ini adalah ingin berkembang maju, membangun dan berjaya mencapai cita-cita mereka. Ke arah mencapai cita-cita ini adalah memerlukan perancangan yang komprehensif dan menyeluruh dengan bantuan dan pimpinan dari pihak kerajaan khasnya kementerian-kementerian yang berkenaan. Antara bantuan yang diperlukan ialah untuk membantu dan menyokong bagi koperasi-koperasi untuk mengendalikan sesuatu projek atau perusahaan yang sesuai dan boleh diusahakan oleh koperasi-koperasi di negara ini. Selain daripada itu pihak yang berkuasa patutlah menyediakan dan memberikan kemudahan pinjaman kewangan dengan *interest* yang rendah dan mudharabah sesuai untuk membantu ke arah pembangunan koperasi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis bagi menambah lagi jumlah koperasi di negara ini, kaola mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan dan Jabatan BINA berusaha untuk menubuhkan koperasi di maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah yang mempunyai ramai penuntut sekiranya belum

dilaksanakan. Dengan adanya penubuhan koperasi di maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah yang ramai penuntut dan dengan restu dan galakan Kementerian Pendidikan serta tunjuk ajar dari Jabatan BINA. Insya-Allah bukan sahaja penuntut-penuntut berkenaan mendapat kemudahan untuk menjual dan membeli barang-barang keperluan mereka tapi juga akan melatih dan memberi pengajaran kepada penuntut-penuntut di bidang perniagaan yang sangat berguna pada masa depan penuntut-penuntut itu sendiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, dalam hubungan kemudahan sukan, kaola mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya sebuah kompleks sukan dibina di Mukim Sengkurong. Mukim Sengkurong mempunyai penduduk yang ramai yang berjumlah hampir 30 ribu orang dan mengandungi 8 buah kampung, pada masa ini tidak ada padang bolasepak yang boleh digunakan untuk orang ramai yang boleh digunakan pada bila masa diperlukan.

Yang Di-Pertua, sehubungan dengan sukan ini juga, kaola ingin menimbulkan mengenai dengan *table-tennis* atau pingpong. Kaola berpendapat *table-tennis* ini adalah satu permainan yang sepatutnya dimajukan dan diperkembangkan di negara ini, kerana ianya termasuk sebagai permainan yang dipertandingkan di peringkat serantau dan antarabangsa dan Sukan Olimpik. Melalui permainan ini adalah tidak mustahil bagi negara ini untuk mencapai tempat yang terbaik atau teratas sekiranya *table-tennis* ini dimajukan dengan perancangan yang teratur di bawah pimpinan

jurulatih yang berkecimpung dan berpengalaman yang didatangkan dari negara-negara yang sentiasa berkecimpung dengan permainan ini, yang mempunyai rekod terbaik di peringkat serantau dan antarabangsa. Permainan ini tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi berbanding dengan sukan-sukan yang lain. Pemain-pemain juga hendaklah melibatkan penuntut-penuntut dan anak-anak muda yang berminat dalam permainan ini supaya diasuh dan diawasi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Akhirnya, kaola mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis yang telah memimpin persidangan dari awal hingga akhir dengan cekap, lancar dan sangat memuaskan. Kaola berpuas hati dengan perjalanan majlis ini di mana Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di sebelah sini telah diberi peluang dengan seluas-luasnya, dengan sepenuh-penuhnya untuk menyampaikan berbagai masalah, pandangan dan cadangan yang dihadapi dan dialami oleh rakyat dan penduduk negara ini melalui Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di majlis yang terhormat ini.

Kaola juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sana dan rakan-rakan Yang Berhormat di sebelah sini. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya kita berehat seperti yang lazim selama 30 minit dan Majlis Mesyuarat Negara ini akan disambung semula.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi kita telah mendengar ucapan penangguhan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa, sekarang ucapan-ucapan penangguhan ini disambung semula.

Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ketujuh akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd Noh.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Yunos bin Mohd. Noh: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih diatas kesempatan ini. Hasrat Wawasan Brunei 2035 menginginkan Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai sebuah negara:-

1. Pencapaian penduduknya yang berpelajaran tinggi dan kemahiran tinggi;

2. Mutu kehidupannya; dan

3. Ekonomi yang dinamik yang berdaya tahan.

Kita hanya perlu pandang dan dengar di sekeliling kita sejauh manakah sudah pencapaian kita selama ini. Dalam sebelas hari yang baru lalu kita telah menimbulkan dan membincangkan berbagai-bagai isu negara. Kemiskinan seramai lebih kurang 27,360 orang dan separuh daripadanya adalah belia-belia.

Pengangguran di kalangan orang kitani dalam anggaran 7 ribu lebih. Ada di antara orang-orang kitani hanya menerima gaji bulanan sebanyak \$250.00 sebulan. Adakah kitani berpuas hati dengan mutu, bangunan dan infrastruktur kitani. Mutu perkhidmatan bekalan air dan elektrik, cara kitani menangani masalah banjir dan tanah susur. Kita juga setiap tahun berbelanja berbilion ringgit untuk projek-projek kemajuan dan dalam perbelanjaan itu berapa peratuskah yang telah dimanfaatkan kepada orang-orang kitani.

Manakah R & D kitani dalam isu-isu tadi. Saya berpendapat hasrat Wawasan Brunei 2035 akan tercapai dengan fokus *approach* yang *coordinated* antara kita. Kita perlu memahami *mission* kita secara menyeluruh dan sejelas-jelasnya dan memahami *role* kita di dalamnya. Di samping kita perlu menyenaraikan prioriti dan langkah-langkah dan tindakan dan *action plan* yang jelas.

Yang Berhormat Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita semua maklum bahawa semua kemajuan fizikal adalah

memerlukan tanah dan tanah di Negara Brunei Darussalam adalah *Natural Resources* yang kedua pentingnya selain daripada minyak dan gas.

Undang-undang tanah dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pendaftaran tanah secara lebih tulus dan dikaji semula untuk mengambil kira keadaan perkembangan semasa dan membantu dan mempermudah perkembangan sektor hak tanah dan peluang-peluang urus niaga *business of opportunity*. Undang-undang tanah di Negara Brunei Darussalam yang ada pada ketika ini perlu dikemaskinikan. Di samping itu persoalan sama ada peraturan-peraturan dan sekatan-sekatan yang dikenakan dari masa ke semasa adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Kanun Tanah.

Dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang tidak berdasarkan perintah yang tertentu akan menjurus kepada ketidak selarasan *inconsistency* dan tertakluk kepada interpretation yang berbeza oleh pihak-pihak pelaksana. Pengubahsuaian bentuk dan sempadan kumpulan tanah yang tidak menentu perlu dipertimbangkan bagi membolehkan potensi kemajuan tanah-tanah tersebut dipenuhi.

Pada asalnya tanah-tanah berkenaan berbentuk boleh dimajukan tapi oleh sebab pengambil balik tanah bagi projek-projek kerajaan seperti jalan raya, aliran sungai, paip air dan sebagainya maka baki tanah-tanah tadi ada yang berbentuk tidak boleh dimajukan.

Peruntukan pengubahsuaian tanah ini akan membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan projek-projek awam yang melibatkan tanah-tanah persendirian tanpa melalui proses pengambilan balik tanah yang bukan hanya memakan masa yang lama malah memerlukan perbelanjaan dan ganti rugi yang tinggi. Oleh itu saya mencadangkan supaya peruntukan, peraturan dan prosedur yang bersesuaian dapat diperkenalkan bagi membantu usaha pembangunan yang berdasarkan perancangan-perancangan dan pembangunan semula sesuatu kawasan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penggunaan *Power of Attorney* (PA) dalam prosedur Pindah Milik Tanah. Saya maklum perkara ini sering dibawa di dewan yang mulia ini untuk dibincangkan. Negara Brunei Darussalam mempunyai peraturan-peraturan dan prosedur yang tertentu untuk pindah milik tanah dan ianya telah berjalan dengan baiknya dan sempurnanya selama ini.

Tetapi sejak kebelakangan ini ada pihak-pihak yang tertentu sengaja menggunakan *loophole-loophole* yang terdapat di dalam prosedur tanpa menghiraukan akibat di kemudian hari. Terutama sekali sekarang di atas penggunaan PA (*Power of Attorney*) ditambah lagi dengan perjanjian *trustee deeds*. Saya faham bahawa perjanjian-perjanjian ini adalah *contractual agreement* di antara tuan-tuan tanah dan pembeli dan pihak mahkamah akan mempertahankan hak kedua-dua pihak. Pendaftaran hak milik

tanah di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan masih lagi kepada tuan tanah yang asal tetapi ianya bukan *reflection* hak milik tanah yang sebenarnya.

Kita sudah mempunyai *system Strata Title* yang mana membolehkan hak milik *property* kepada semua lapisan masyarakat di negara ini, tetapi persoalannya sekarang kenapakah orang ramai belum berminat untuk menggunakan *strata title* dan apa *benefit-benefitnya*. Ini telah pun dijelaskan oleh Jabatan Tanah dalam taklimat-taklimat *roadshow* yang diadakan tetapi persoalan yang pernah disuarakan kepada saya diantaranya orang ramai masih waham siapakah yang boleh didaftarkan sebagai pemilik *strata title* ini dan bagaimanakah cara permohonannya.

Alhamdulillah, *value board* hektar utama dalam melaksanakan *strata title* ini sudah pun dibentuk. Saya berpendapat supaya pelaksanaan *strata title* ini akan dapat dipercepatkan lagi dan menyeru agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam perjanjian-perjanjian *PA trustee deeds* untuk hak milik tanah untuk menghormati peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur pindah milik tanah di Jabatan Tanah.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis di atas pengendalian Yang Berhormat Pehin dalam permesyuaratan kita pada kali ini. Kaola di sini sungguh-sungguh berasa selesa untuk menyampaikan suara-suara rakyat dan pendapat-pendapat yang difikirkan perlu di ketengahkan. Kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri bukanlah tujuan untuk

mengecil-ngecilkan apa Yang Berhormat sudah laksanakan, cuma sekadar ingin turut serta dalam kitani sama-sama membisakan negara kitani yang dicintai ini iaitu Negara Brunei Darussalam. Sekian Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Jurutulis: Ucapan penangguhan yang kelapan akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor.

Yang Berhormat Awang Haji Bakar bin Mansor: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mula-mula kaola mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua Majlis kerana dapat memimpin mesyuarat yang baharu saja selesai dan dengan merasa kagum akan kebolehan Yang Berhormat Pehin dapat memimpin mesyuarat ini dengan tenang, penuh berhati-hati, bijak dan sekali sekala membuat pembedulan dan membuat saranan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin-Pehin Menteri dalam beberapa kementerian kerana dapat memberikan kerjasama dan dengan begitu penuh berhemah tinggi, tabah, teliti dan penuh sabar dan dihias pula dengan senyuman dalam menyampaikan taklimat dan penerangan-penerangan serta

menjawab beberapa banyak pertanyaan-pertanyaan dari Yang Berhormat di sebelah sini.

Kaola amat bangga dan sukacita melihat Yang Berhormat-Yang Berhormat Pehin-Pehin Menteri tidak sekali-kali menunjukkan reaksi jemu, bosan dan rasa marah dan timbul pula rasa kasihan dan simpati kerana penat bercakap begitu lama dengan penerangan-penerangan dan memberi jawapan-jawapan pada pertanyaan-pertanyaan yang dicadangkan.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, kaola merasa bersyukur kerana dapat menyampaikan suara-suara rakyat dan penduduk di daerah ini khasnya dan rakyat di negara ini amnya. Di mana kaola merasa sukacita dan gembira di antara cadangan dan saranan yang kaola sampaikan sebahagiannya sudah termasuk dalam rancangan kerajaan dan sebahagiannya akan dilaksanakan dalam RKN yang ke 9 dan RKN yang ke 10.

Syukur, alhamdulillah, sedap telinga mendengar senang pula hati menerimanya. Di antara yang paling mengembirakan ialah usaha bagi mengurangkan kesesakan jalan raya. Dengan rancangan akan membina jambatan penghubung Bandar Seri Begawan menyeberangi Sungai Brunei ke Tanah Besar, Sungai Kebun, Lupak Luas dan Mukim Lumapas. Rancangan membuat kajian dan seterusnya akan melaksanakan pembinaan jalan penghubung Kampung Menunggol dan Kampung Bolkih "B", jambatan penghubung ke jalan Kampung Buang Sakar, Jalan Kasat khususnya Mukim Lumapas, insya-Allah.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, yang mengembirakan rakyat dan penduduk ialah Rancangan Jabatan Kemajuan Perumahan yang membina Rancangan Perpindahan Perumahan iaitu lokasinya tempatnya ialah sebagaimana yang telah dirancang iaitu Jalan Kecil Pawas ke Jalan Kecil Sungai Guntong, Jalan Kasat, Mukim Lumapas. Yang mana dijelaskan dalam Majlis Jerayawara Jabatan Kemajuan Perumahan pada 15 hingga 17 Januari 2010 yang bertempat di Mall, Gadong. Iaitu Rumah Masa Depan untuk rakyat dengan "*Better City Better Life*" atau "Bandaraya Teratur Kehidupan Selesa", merupakan tema Sambutan Hari Habitat Sedunia yang lalu.

Dan yang menjadi harapan rakyat yang tinggi dan yang dinanti-nantikan ini ialah rancangan yang baharu diperkenalkan iaitu bentuk rumah yang berbentuk flat bertingkat cukup dengan prasarana yang mengagumkan di antara yang belum ada sejarah dan belum pernah dilihat atau dibuat di negara ini ialah *cabel car road* termasuk dalam pelan rancangan tersebut. Rakyat berdoa rancangan ini akan dapat dilaksanakan nanti.

Dan yang mengembirakan juga rakyat dari pihak kementerian ini ialah proses permohonan dalam pemecahan tanah sehingga selesai. Yang mana prosesnya terlalu lama baru selesai sebagaimana sungutan penduduk dan rakyat di negara ini. Alhamdulillah, jawapan yang telah diterangkan pada masa ini proses tersebut adalah amat mengembirakan ianya akan memakan masa hanya 21 hari. Inilah yang amat membanggakan dan sekaligus diucapkan ribuan terima kasih.

Bukan sahaja perkara-perkara yang kaola sebutkan di atas malah semua permohonan-permohonan yang lain, bukan saja ianya akan diteliti dan dipertimbangkan malah apa yang diharapkan ialah pelaksanaan projek-projek dan isu-isu negara tersebut.

Yang Berhormat Pehin Yang Di Pertua, sebelum kaola mengakhiri ucapan kaola ini, kaola ingin meminta maaf andainya terdapat beberapa kesilapan daripada kaola. Dan kaola akan menyampaikan dua buah pantun;

*Orang petani memakai jubah,
Rakannya juga memakai sama,
Sidang ini berakhir sudah,
Semoga hasilnya memberi makna.*

*Dari Serasa pergi ke Bangar,
Sambil membawa si anak rusa,
Sedap rasanya telinga mendengar,
Senang pula hati menerimanya.*

Sekian. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kesembilan akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan dan tatacara yang sungguh cemerlang Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis pamerkan, dalam memimpin dan menguruskan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hinggalah akhir.

Kaola merasa sungguh berpuas hati kerana Yang Di-Pertua Majlis telah berjaya membawa Persidangan tahun ini ke tahap yang sungguh membanggakan tanpa sebarang kekecohan dan permasalahan serta berjaya pula membawa rasa persefahaman dalam menuju ke matlamat yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan rasa sukacita dan dengan hati yang tulus ikhlas, kaola dengan sepenuhnya menyokong akan ucapan penangguhan Yang Berhormat Pehin Menteri Pendidikan sebentar tadi.

Dikesempatan ini, izinkan kaola Yang Di-Pertua Majlis untuk menyampaikan beberapa pandangan dan cadangan untuk difikirkan dan dipertimbangkan demi kebaikan bersama menuju ke arah Wawasan 2035 kita. Baru-baru ini satu Persatuan Ibu-Ibu Tunggal telah pun ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam. Kita menaruh penuh harapan dan berkeyakinan bahawa persatuan ini akan dapat memainkan peranannya dalam membela nasib ibu-ibu tunggal yang kurang upaya dan yang memerlukan bantuan, sambil mencari jalan bagaimana meringankan bebanan dan mendorong mereka terus berdikari tanpa bergantung kepada mana-mana pihak dalam

mengharungi liku-liku hidup mereka akan lalui dan tempuhi.

Demikian juga, harapan kaola agar satu badan warga tua kebangsaan akan dapat ditubuhkan dengan tujuan yang sama bagi membimbing warga tua ke arah mengatasi masa lapang mereka dengan lebih sempurna dan bermakna. Adalah diharapkan di Dewan Majlis yang mulia ini, segala perancangan Pusat Pembangunan Belia hendaklah dilaksanakan seiring dengan titah raja yang ingin melihat sebuah Negara Zikir dengan falsafah Melayu Islam Beraja. Sementara pemimpin akar umbi sering dikaitkan sebagai penggerak kegiatan di mukim dan kampung di samping menjadi lidah, mata dan telinga pihak kerajaan.

Kerjasama dan tanpa bantuan dari semua pihak segala amanah dan tanggungjawab tidak akan terlaksana dengan jayanya. Marilah kita sama-sama terutama belia-belia remaja, tidak kira siapa pemimpinnya mengembling tenaga berganding bahu dan amalkan sikap suka bantu-membantu dikalangan kita supaya segala kerja dan tanggungjawab itu dapat dilaksanakan lebih sempurna. Buangkanlah sikap yang buruk, yang suka mengata-gata sesama kita.

Di kesempatan ini, Yang Di-Pertua Majlis, dipohonkan perancangan menaikkan taraf Jalan raya Merangking hingga ke Mukim Melilas akan dapat terus diusahakan dan dipertingkatkan kerana penduduk-penduduk di kawasan pedalaman tersebut, sudah lama menunggu-nunggu untuk menikmati jalan raya yang baik seperti dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan daerah-daerah yang lain. Demikian juga kaola

penuh berharap supaya ada pemikiran dan usaha ke arah pembesaran kawasan Bandaran Kuala Belait dapat dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan di masa-masa yang akan datang. Sebagai wakil daerah, kaola berpendapat bahawa Jabatan Daerah mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya dalam menggerakkan dan merealisasikan apa yang disebutkan di atas tadi.

Ke arah itu, Jabatan Daerah Belait perlu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan terkini bagi memenuhi kehendak semasa termasuklah bangunannya yang memerlukan pembaharuan dan pengubahsuaian kerana bangunan yang ada sekarang telah pun berusia menjangkau ke 36 tahun.

Sebelum mengakhiri ucapan kaola ini, kaola ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Pehin-Pehin Menteri kerana telah memberi jawapan sepenuhnya dengan penuh sabar dan dedikasi ke atas semua soalan-soalan yang abis kaola kemukakan tanpa sebarang keluhan, sungutan malah diiringi dengan senyuman.

Yang Di-Pertua Majlis, kaola mohon keizinan untuk menyampaikan tiga buah pantun seperti jua teman kaola sebentar tadi.

*Burung Nuri Si Burung Tiong,
Reptile Si Anggak banyak khasiatnya,
Yang Di-Pertua Majlis memang tak
sombong,
Sudi minum bersama kita.*

*Buah kelapa buah nyiur,
Dua perkataan yang sama ertinya,
Satu di Barat Satu di Timur,
Di Dewan Majlis bersua muka.*

*Setelah enam tahun bermuzakarah,
Banyak isu telah disuarakan,
Tiba masanya kita berpisah,
Segala kesilapan, tuturkata,
Suruk langkah mohon dimaafkan*

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang
Berhormat.

Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan
yang kesepuluh akan disampaikan oleh
Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera
Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha
bin Abd. Rauf.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera
Dato Paduka Awang Haji Muhammad
Taha bin Abd. Rauf:** Bismillahir Rahmanir
Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang
Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, Ahli-Ahli
Yang Berhormat. Alhamdulillah kita sama-
sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana kita dapat hadir pada hari
yang ke-12 Mesyuarat Pertama Dari Musim
Permesyuaratan Yang Ketujuh hari ini.
Selama 12 hari kita sudah membincangkan
Rang Perbekalan Tahun 2011/2012, yang
mana semua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah
mengambil bahagian pada membahaskan
peruntukan tersebut. Yang Berhormat Yang

Di-Pertua Majlis, kaola sukacita menarik
perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat,
di dewan yang mulia ini, bahawa semua
peruntukan yang sudah diluluskan akan
dapat digunakan dengan sepenuh-penuhnya
pada sesuatu projek yang telah dirancang
dan akan dapat disiapkan pada masa yang
tertentu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis,
dalam dewan yang mulia ini kaola
menyentuh hal perikanan. Tidaklah
dinafikan bahawa Jabatan Perikanan di
bawah Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama telah
berusaha membantu pengusaha-pengusaha
tempatan untuk memenuhi keperluan sendiri
seperti projek memelihara ikan dalam
sangkar, udang dalam kolam dan
sebagainya. Yang Di-Pertua Majlis, pada
masa ini kita masih lagi mengimport ikan
daripada luar negara sama ada basah
ataupun beku. Kaola berpendapat:-

1. Untuk mengimbangi perkara ini apakah
ada perancangan daripada Jabatan
berkenaan untuk membuka Pusat
Latihan dan Skim Bantuan kepada
belia-belia yang berminat sebagai
nelayan;
2. Dengan adanya pusat tersebut ini
bererti akan melahirkan nelayan yang
bekemahiran bukan saja nelayan pantai
tetapi juga sebagai pengusaha
menangkap ikan di laut dalam;
3. Ini peluang-peluang pekerjaan dan juga
pengusaha anak tempatan bukan saja
menggunakan boat kecil tetapi kapal
khas menangkap ikan sepertimana

negara yang maju, dalam bidang ini dan akan mengurangkan kebergantungan kita mengimport ikan luar negara; dan

4. Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Sempena Hari Kebangsaan Belia 2010 pada hari Isnin, 21 Sya'aban 1431 bersamaan 2 Ogos 2010 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Selain itu, bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membina Pusat Pembangunan Belia di Daerah Tutong adalah disambut dengan sebaik-baiknya dan diharap supaya pembinaan ini akan dapat disiapkan dalam masa yang terdekat.

Yang Di-Pertua, sebelum kaola mengakhiri ucapan penangguhan ini. Kaola sesungguhnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kepimpinan Yang Di-Pertua, yang mana dengan kerjasama semua pihak apa-apa jua yang dibahaskan atau dibincangkan dalam sesuatu tajuk peruntukan kementerian dan jabatan-jabatan dapat diselesaikan kerana Yang Di-Pertua sendiri memberi peluang yang seluas-luasnya kepada rakan sejawat di sebelah sini.

Begitu juga jawapan-jawapan dari Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet terutama sekali bahawa sekiranya belum dapat dijawab pada masa ini. Yang Berhormat meminta tangguh dan akan dijawab esok hari ataupun sebaliknya. Ini satu perubahan

yang begitu cemerlang sekali jadi abis kaola sebelah sini mengucapkan setinggi terima kasih.

Di samping itu kaola juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Pehin Jurutulis dan Timbalannya kerana mereka berganding bahu pada menjalankan tugas masing-masing lebih-lebih lagi dengan bantuan mereka mengenal pasti kepada Yang Berhormat sebelah sini untuk bercakap lagi. Kaola mengucapkan terima kasih. Sebelum kaola mengakhiri dalam percakapan penangguhan ini sepertimana kawan-kawan kaola juga berpantun kiranya kaola tidak berpantun nampaknya timpang sedikit, begini bunyi pantunnya:

*Ikan Pari Ikan Andapong,
Pergi ke pekan membeli santan kelapa,
Hari ini kita berkampung,
Mungkin tahun depan kita akan
berjumpa lagi.*

Sekian terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih. Nampaknya ada pertandingan berpantun hari ini.

Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kesebelas akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Anbiya ewal Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee

Wasahbihee Ajma'een. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan hati yang tulus ikhlas dalam penyokong ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam di atas kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Di-Pertua dalam memimpin di sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara di dewan yang mulia dan indah ini.

Dan kaola juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan ketentuan-Nya jua maka diri kaola dapat lagi berucap dalam ucapan penangguhan di dewan yang mulia ini.

Yang Di-Pertua, alhamdulillah bahawa rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam di bumi bertuah yang kita cintai ini setentunya rasa bersyukur akan nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan hidayat Allah Subhanahu Wata'ala jua dan dengan berkat kepimpinan yang bijaksana kepada raja yang kita kasihi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita telah dapat menikmati kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan yang telah dan kini dinikmati seluruh rakyat dan penduduk serta masyarakat di dalamnya.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam mengimbas kembali sepanjang Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara di dalam dewan yang mulia ini, kaola tidak lupa bagi mewakili seluruh rakyat dan penduduk Daerah Temburong dalam melahirkan rasa syukur dan terima kasih di atas usaha-usaha kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya ke atas pembangunan dan perkembangan ekonomi, sosial dan kemasyarakatan yang juga tidak jauh ketinggalan dengan daerah-daerah yang lain.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, sememangnya kita semua maklum bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malah baginda sendiri sangat-sangat menitikberatkan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah kesihatan di negara ini.

Kaola pada permesyuaratan yang lalu di dewan yang mulia ini, pernah membangkitkan ketiadaan mesin x-ray yang bersesuaian di Hospital Daerah Temburong. Sekarang alhamdulillah, pada bulan Oktober 2010, telah didatangkan sebuah mesin X-ray (*computer radiography*), yang baru dan tercanggih yang menggunakan sistem komputer sepenuhnya, yang mana beberapa saat saja imej boleh dibaca dan diproses, telah mula digunakan bermula 26 Januari 2011, yang mana pada

masa ini masih dalam percubaan penggunaannya. Kaola juga dimaklumi untuk melancarkan lagi tugas-tugas dalam kerja-kerja ini penambahan kakitangan celik komputer adalah diperlukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi rakyat dan penduduk Daerah Temburong sungguh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memberikan kemudahan ini betapa keprihatinannya baginda kepada rakyatnya dan juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah berusaha untuk mendapatkan sebuah mesin yang cukup canggih bagi kegunaan rakyat dan penduduk di Daerah Temburong. Ini menunjukkan dan menggambarkan betapa keprihatinan baginda untuk melihat kesempurnaan hidup dan kesejahteraan rakyat baginda.

Di dewan yang mulia ini kaola juga tidak lupa mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Menteri Kesihatan yang telah menjelaskan dengan sejelas-jelasnya mengenai dengan pesakit dialisis khusus di Daerah Temburong. Langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam memperbaiki dan meningkatkan rawatan pesakit-pesakit buah pinggang iaitu menambah jumlah Jururawat Renal yang bertugas di Pusat Dialisis di Temburong dan jadi seramai 4 orang pada tahun lepas ditambah 2 orang pada tahun ini menjadi 6 orang.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua Dewan berkesempatan di dewan yang mulia yang indah ini, izinkanlah kaola bagi mewakili semua penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di seluruh negara untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda menambah kemudahan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang dilantik di bawah skim berkenaan. Berkelayakan untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan sepertimana yang diterima oleh Pegawai-Pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam Bahagian III untuk menambah Jadual 1 Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1938, seperti berikut :-

1. Pinjaman pendahuluan bagi membeli kenderaan;
2. Bantuan kemudahan kewangan untuk perumahan; dan
3. Elaun pelajaran.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, izinkanlah kaola akan dapat jua menyuarakan satu soalan dan mudah-mudahan ianya akan mendapat perhatian di dewan yang mulia ini iaitu, apakah ada dalam pemikiran cadangan atau kajian bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara sepanjang dalam

lantikan ada diberikan perlindungan undang-undang iaitu *immunity*.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi mengakhiri ucapan kaola ini, kaola sekali lagi mewakili seluruh rakyat dan penduduk di Daerah Temburong dengan hati yang penuh ikhlas berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam. Baginda dan keluarga baginda akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, Amin Ya Rabbal 'Alameen.

Akhirnya bisai jua barangkali kaola untuk menyampaikan empat buah rangkap pantun di dewan yang mulia ini sebagai santapan rohani.

*Yang Di-Pertua Dewan bijak laksana,
Sentiasa manis dengan senyumannya,
Mendengarkan usulan kami dengan
cermatnya,
Mana yang kurang mendapat
pandangannya.*

*Ahli Yang Berhormat Menteri Kabinet
di sebelah sana,
Mendapat jawapan dengan ikhlas perkara
ditanya,
Rakyat pun mendengar senang hatinya,
Perkara usulan akan dapat dilaksana.*

*Terbang Bangau Tinggi di Awan,
Hinggap di dahan burung merpati,
Masalah rakyat sudah kaola sampaikan,
Hanya mengharap hasilny nanti.*

*Liau dua mengumbut palah,
Liau Mala duduk di beranda,
Jasa-jasa Ahli Yang Berhormat semoga
diberkati Allah,
Mendapat pahala berlipat ganda.*

Sekian Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah difahamkan bahawa Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim ingin jua akan menyampaikan sedikit ucapan. Junjung.

Timbalan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kedua belas akan disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim: Terima kasih atas kesudian Yang Di-Pertua Dewan mengizinkan saya buat pertama kalinya selama mesyuarat berjalan ini barangkali, berucap di majlis yang mulia ini. Rasanya tidak adalah lagi lain yang saya nak ucapkan di majlis ini sebab saya percaya segala Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat ini telah bijak dan pintar, berilmu dan berpengalaman menyampaikan apa jua yang patut diucapkan oleh mereka di majlis yang mulia ini.

Jadi kesempatan yang telah diberi kepada saya barangkali boleh jadi yang penghabisan oleh kerana barangkali maaf kalau saya salah jangkaan di antara Ahli Majlis yang ada di sini barangkali saya yang paling tua di sini. Dan saya lah barangkali walaupun dikatakan orang angkat bakul, masuk bakul angkat sendiri, yang paling lama menjadi Ahli Majlis Mesyuarat di Negara Brunei Darussalam ini. Tapi bagaimanapun kelamaan saya itu bukanlah menjadi contoh yang baik kepada Ahli-Ahli Majlis. Terutama sekali Ahli-Ahli Majlis yang ada sekarang ini kebanyakan orang yang berpengalaman, yang berpengetahuan dan tinggi darjat kehidupan mereka.

Dalam perkara kesempatan yang diberi ini hanya ingin berpesan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah banyak berucap di majlis ini, walaupun saya telah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat ini lebih kurang 65 tahun lebih. Dalam pada itu, bukanlah saya mengagak-agakkan diri, hanya ingin melihat Ahli-Ahli Yang Berhormat yang muda-muda yang berpengalaman, yang bijaksana mendengar sedikit nasihat daripada orang lama yang unggul barangkali sebagai orang kata sudah menjadi pungggar, kalau disifatkan kepada pokok, tetapi bagaimanapun saya merasa adalah lebih baik sebab kita manusia ini ada dua pancaindera yang ada pada kita. Satu, mata kita, yang kedua, telinga kita. Selain daripada kita yang pandai bercakap. Jadi dalam perkara ini saya ingin menyampaikan pesan dan wasiat saya iaitu ada dua perkara:-

1. Dilihat dengan mata, didengar dengan telinga jangan dipercayai, kita boleh melihat orang barangkali berlagak

cantik, berlagak bagus dan pandai membuat segala-galanya tapi janganlah dipercayai; dan

2. Didengar jangan dipandang, jangan dipercayai dan dengar jangan dipercayai, siasat lebih dulu barulah kita membuat keputusannya.

Jadi dengan sempena ini sebab-sebab barangkali saya diberi peluang ini nampaknya orang lain semua telah diberi tadi, jadi saya yang penghabisan mengucapkan terima kasih dan ucapan selamat bermesyuarat kepada Ahli-Ahli yang telah menunjukkan kebijaksanaan mereka di majlis ini dan mudah-mudahan apa jua yang telah dilepaskan di majlis ini akan menjadi satu contoh tauladan yang baik untuk membela kepada nasib kita sendiri di Brunei ani.

Jadi saya rasa sebagaimana yang saya katakan tadi kita mempunyai dua pancaindera ini, iaitu pandang dan dengar janganlah dipercayai tetapi siasat periksa lebih dulu barulah kita dapat menetapkan.

Jadi itu sajalah yang dapat saya ucapkan pada majlis ini. Mudah-mudahan akan mendapat menjadi satu ingatan yang baik dan kalau salah apa yang saya katakan ini mohon maaf saya kepada segala-gala yang lain. Terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim. Saya di sini ingin menyatakan dan saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat ikut sama berperasaan demikian bahawa segala

jasa-jasa dan perkhidmatan Yang Amat Mulia dalam bermacam-macam jawatan dan perkhidmatan dalam kerajaan sangatlah disanjung tinggi dan dihargai. Yang Amat Mulia kita anggap sebagai bapa Majlis Mesyuarat ini (father of the house) dan adalah merupakan kamus, bukan sahaja pada majlis ini, juga kepada negara mengenai dengan sejarah lama, sejarah baru, sejarah moden Negara Brunei Darussalam. Apa yang telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia itu, kita sama-sama mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam beberapa ucapan yang menyokong penangguhan atau usul penangguhan majlis ini, ada juga termasuk beberapa pertanyaan atau soalan, saya serahkanlah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan jika ingin untuk memberikan respons atau balasan kepada pertanyaan-pertanyaan itu. Ini semata-mata terpulanglah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Majlis Yang Berhormat, kaola terlebih dahulu ingin merakamkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada kaola, menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan di persidangan yang mulia ini. Alhamdulillah,

kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan kebijaksanaan, kewibawaan dan kearifan Yang Di-Pertua Majlis, maka permesyuaratan kita telah dapat berjalan dengan lancar dalam suasana setia kawan, *understanding* dan penuh kesempurnaan.

Dalam kesempatan ini juga, kaola mengucapkan tahniah dan berbilang terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana yang telah banyak mengemukakan pertanyaan dan juga saranan-saranan bagi memperbaiki lagi mutu perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan khususnya di Kementerian Kesihatan. Ini menunjukkan kesungguhan semua ahli dalam memikul tanggungjawab yang telah diberikan kepada kita bagi menjaga dan mempertingkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini melalui peruntukan-peruntukan dan perancangan yang telah diluluskan dari setahun ke setahun termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Alhamdulillah, di sebalik senario sosio-politik dan ekonomi tidak menentu yang kini melanda dunia, Negara Brunei Darussalam masih mampu meneruskan beberapa perancangannya terutama sekali ke arah mempertingkatkan lagi keupayaan tenaga manusia di negara ini melalui pendidikan yang sentiasa diberikan keutamaan dan juga penjagaan kesihatan. Ini adalah atas kebijaksanaan, kewibawaan, kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang ingin melihat kesejahteraan dan kebajikan

rakyat dan penduduk negara ini terus terjamin.

Salah satu subsidi yang begitu tinggi diberikan kepada rakyat dan penduduk di negara ini ialah pemberian perkhidmatan perubatan dan kesihatan secara percuma. Ini adalah merupakan satu pelaburan negara yang sangat tinggi nilainya terhadap kesejahteraan, kesihatan bagi rakyat dan penduduk di negara ini. Saya percaya pandangan jauh baginda melalui pelaburan terhadap kesihatan ini sebagai salah satu *economic diver* penting yang dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti, kualiti taraf hidup dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Dari itu, kaola amat menjunjung tinggi titah baginda supaya kita semua terus bersyukur dan mengelakkan sebarang pembaziran serta penyalahgunaan ke atas subsidi-subsidi yang dihulurkan. Niat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, memerlukan komitmen yang jitu, tinggi dan berterusan dari semua pihak, bukan saja pihak kerajaan malahan juga pihak swasta dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Mengenai dengan perlunya pengurusan kewangan dengan cekap dan berhemah demi untuk menjamin kestabilan dan kekukuhan kewangan dalam konteks kesihatan, Kementerian Kesihatan akan mempertingkatkan penekanan khususnya terhadap mempromosi kesihatan dan pencegahan, pengurusan ubat-ubatan yang bersistem dan lebih efisien, insya-Allah akan menggunakan kaedah sistem elektronik

melalui projek BRU-HIMS (Brunei Darussalam Health Information Management System) untuk mengelakkan pembaziran dan *over stocking* yang berlebihan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, izinkan kaola untuk meneruskan dalam menjelaskan tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai aduan yang disiarkan di *The Brunei Times* pada 23 Februari 2011, kononnya Kementerian Kesihatan bersifat pilih kasih, dalam memproses permohonan jururawat untuk mengikuti kursus latihan dalam perkhidmatan sehinggakan menyebabkan jururawat berkenaan tawar hati dan berhenti kerja disebabkan rasa kekecewaannya terhadap pertimbangan yang telah dibuat keatas permohonannya itu dan juga kononnya banyak lagi mereka yang lain telah menjadi mangsa kepada kejadian yang sama di Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat juga seterusnya meminta penjelasan sama ada perkara ini betul. Seperti yang kaola janjikan di dewan ini beberapa hari yang lalu dalam kes ini, kaola akan meneliti dan menyiasat, sama ada betul atau tidak perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dan telah tersiar dalam surat khabar tersebut.

Untuk makluman, kes aduan ini tersiar dalam *Brunei Times*, yang sebenarnya telah pun disiasat melalui senarai permohonan latihan dalam perkhidmatan bagi jururawat. Khususnya latar belakang pemohon yang sebenarnya mengikut maklumat yang terkandung di dalam aduan tersebut. Oleh sebab kes yang sama telah juga ditimbulkan

oleh Yang Berhormat, kaola sendiri dengan serta merta telah mengarahkan untuk mengadakan penyiasatan lanjut yang lebih terperinci dalam memastikan kesahihan aduan tersebut. Dalam hal ini, kaola berasa terpenggil untuk menegaskan bahawa Kementerian Kesihatan mengambil serius terhadap setiap aduan yang dibangkitkan oleh orang awam atau individu, sama ada melalui akhbar, telefon, perjumpaan, mahupun secara persuratan yang ditulis terus kepada kementerian dan jabatan.

Sistem dan prosedur pengendalian dan penganalisa aduan memang telah wujud di peringkat Kementerian serta Jabatan bagi memastikan aduan diteliti dan terus dibuat tindakan penyelesaian mengenainya. Bahagian Perhubungan Awam di Kementerian Kesihatan dipertanggungjawabkan secara khusus untuk mengendalikan sebarang aduan dan keluhan orang ramai. Dalam pada itu, mana-mana aduan yang kompleks, yang tidak dapat diselesaikan di peringkat jabatan, ianya akan dihadapkan kepada menteri atau dimesyuaratkan di peringkat tertinggi iaitu Mesyuarat Eksekutif di Kementerian Kesihatan yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan untuk dipertimbangkan dan seterusnya dibuat sebarang ketetapan atau keputusan mengenainya.

Mengenai isu pilih kasih yang ditimbulkan dalam dewan yang mulia ini, kaola ingin menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan ada menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia yang dianggotai oleh ketua-ketua jabatan yang tertentu. Jawatankuasa

ini berperanan untuk meneliti dan membincangkan setiap permohonan dari semua pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan, yang berhasrat untuk mengikuti kursus-kursus dan latihan dibawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan sama ada dalam atau luar negeri. Setiap permohonan untuk mengikuti kursus atau latihan lazimnya hendaklah memenuhi peraturan dan syarat-syarat Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Di samping itu jawatankuasa ini juga mengguna pakai garis panduan dan kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh Kementerian Kesihatan dalam memproses dan mempertimbangkan setiap permohonan yang dihadapkan. Setelah Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia Kementerian Kesihatan, berpuas hati yang semua calon berkelayakan untuk mengikuti kursus-kursus tersebut, sokongan akan dihadapkan kepada Kementerian Kesihatan sebelum dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan selanjutnya.

Di Kementerian Kesihatan tidak ada had bilangan atau sistem kuota bagi menyokong pegawai atau kakitangan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Setiap pegawai dan kakitangan yang berkelayakan serta menurut, memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah digalakkan untuk meningkatkan kemahiran sehingga ke peringkat kepakaran bagi menyumbang kepada peningkatan mutu perkhidmatan dan profesion masing-masing, selaras dengan perancangan strategik (*capacity building*) kementerian, di mana perkara ini telah kaola nyatakan dalam

mukadimah kaola sebelu membincangkan belanjawan Kementerian Kesihatan, beberapa hari yang lalu.

Untuk makluman, sejak tiga tahun kebelakangan ini (2008 hingga 2010) dalam kategori kejururawatan sahaja, Kementerian Kesihatan telah menyokong sebanyak 60 permohonan yang dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk meninggikan tahap kelulusan di luar negeri seperti United Kingdom, Australia, Singapura, Malaysia, Jerman dan Switzerland untuk mengikuti kursus peringkat Sarjana Muda (Masters), Sarjana Muda (Degree), HND, Advanced Diploma dan lain-lain.

Dari jumlah ini, sebanyak 52 permohonan telah dibenarkan oleh Jawatankuasa Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan untuk mengikuti kursus-kursus di luar negeri. Manakala itu seorang telah tidak dibenarkan oleh jawatankuasa tersebut. Sementara 7 orang dibenarkan untuk mengikuti Kursus *Bachelor of Health Science (Nursing)* di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, ketujuh-tujuh mereka ini belum mahu menerima tawaran tersebut disebabkan kursus *Speciality Nursing* dipohonkan tidak terdapat di UBD. Dua orang daripada mereka ini telah membuat rayuan dan Kementerian Kesihatan telah menghadapkan sokongan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mereka ini mengikuti kursus *Speciality Training* keluar negeri seperti yang dipohonkan awal di

mana pada masa ini masih belum ada keputusannya.

Untuk maklumat lanjut dari 52 orang yang disebutkan di atas yang telah diluluskan untuk mengikuti kursus keluar negeri, 7 daripadanya pada asalnya telah tidak dibenarkan oleh jawatankuasa mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dan di sebaliknya hanya dibenarkan untuk mengikuti kursus di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Universiti Brunei Darussalam.

Bagaimanapun, apabila jururawat-jururawat berkenaan menghadapkan rayuan sendiri ke Kementerian Kesihatan, dan serta memandangkan kepada keperluan *Speciality Nursing* yang di kehendaki, maka kementerian ini telah menghadapkan semula sokongan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Alhamdulillah, dengan sokongan tersebut, ke semua jururawat berkenaan telah dibenarkan mengikuti kursus keluar negeri walaupun sesi pengajian sudah bermula. Tiga orang daripada mereka dari kaola nyatakan tadi, telah berjumpa kaola sendiri untuk membuat rayuan dan benar-benar berhasrat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang *Nursing Speciality* di mana seperti yang telah dihadapkan sokongan kerana mempunyai asas yang kukuh lagi diperlukan untuk dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan.

Sehubungan dengan ini, jika seseorang itu benar-benar merayu dan menghadapkan masalah dan apa jua yang kitani katakan seorang itu *gentleman*, mereka akan merayu

dengan bukti-bukti dan alasan-alasan tertentu dan menghadapkan kes mereka melalui saluran yang tertentu. Misalnya ketiga-tiga kes yang kaola maksudkan tadi sehingga Alhamdulillah menghasilkan keputusan positif dan dapat diselesaikan.

Ini bermakna Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian berat, tentang apa jua rayuan dan masalah seperti apa yang dimaksudkan ini dan seterusnya mempertimbangkan dengan sewajarnya dan saksama. Kementerian Kesihatan mengamalkan dasar pintu terbuka untuk mendengar sendiri apa jua masalah yang dihadapi oleh pegawai dan kakitangan kementerian ini, melalui saluran-saluran yang tertentu. Mereka boleh menyampaikan ketidakpuasan hati mereka ataupun apa jua masalah yang berkaitan dengan hal ehwal pekerjaan mereka secara bersemuka atau melalui surat sama ada kepada Ketua Jabatan, Setiausaha Tetap atau terus kepada kaola sendiri selaku Menteri. Saluran seperti ini adalah sangat relevan dan dialu-alukan untuk menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi dan bukannya melalui pihak ketiga seperti suratkhbar.

Kaola berpendapat, kesahihan fakta-fakta maklumat adalah amat penting dalam membuat penyiasatan dan penelitian secara terperinci bagi menyelesaikan sebarang aduan ataupun permasalahan. Jika maklumat yang diberikan tidak lengkap, tidak tepat, tidak lurus, apatah lagi yang mengelirukan, sudah setentunya akan menyebabkan kesukaran dalam membuat penyiasatan. Dan akhirnya tidak akan menghasilkan sebarang penyelesaian.

Sebagai kesimpulan, perkara yang di adukan ini telah pun di siasat dari pelbagai aspek oleh Kementerian Kesihatan. Hasil penyiasatan tersebut, adalah di dapati maklumat-maklumat yang disampaikan di dalam aduan berkenaan, bukan sahaja tidak betul malahan amat mengelirukan dalam mengesan kesahihan orang yang membuat aduan tersebut. Amalan pilih kasih tidak wujud dalam sistem penilaian dan pemilihan seperti diadukan. Malahan pada hakikatnya, kesejahteraan pegawai dan kakitangan sentiasa diambil perhatian dan dititik beratkan tanpa mengira pangkat, jawatan, talian kekeluargaan atau diskriminasi.

Walau bagaimanapun sekiranya masih terdapat ketidakpuasan hati terhadap hasil penyiasatan kementerian ini, Kementerian Kesihatan sangat-sangat mengalu-alukan kerjasama pihak pengadu untuk memberikan maklumat yang sebenarnya dalam menyelesaikan isu yang ditimbulkan. Dan kaola ingin menyertai serangkap pantun

*Pergi ke hutan mengunjar mengkudu
Sebelum mulih menyimbat rotan
Kalau ingin mahu mengadu
Maklumat sahah pohon diberikan.*

Seterusnya...

Yang Di-Pertua: Banyak lagi Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof: Sedikit lagi Yang Di-Pertua, Kaola ingin mengakhiri ucapan kaola di penangguhan ini

hanya kalau diizinkan 2 paragraf lagi Yang Di-Pertua.

Dalam pada itu, kaola ingin mengongsikan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa usaha-usaha memelihara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini khususnya melalui bidang kesihatan memerlukan peranan dan penglibatan aktif dari semua *stakeholders*. Dengan cabaran-cabaran dinamik perkhidmatan perubatan kesihatan serta isu yang berkaitan perlu ditangani bersama secara bersepadu dan penuh komitmen.

Kementerian Kesihatan akan sentiasa bersedia untuk menerima *input* dan cadangan yang *constructive* dari orang ramai sebagai salah satu langkah untuk memastikan bahawa perkhidmatan diberikan adalah menurut piawaian dan *standard* yang telah ditetapkan.

Oleh itu, marilah kita menyatukan diri bukan saja pihak kerajaan malahan Ahli-Ahli Yang Berhormat juga memberikan peranan yang sama di samping pihak swasta dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini untuk turut sama-sama bertanggungjawab dan berganding bahu dan berperanan untuk memberi sokongan dan dukungan yang erat lagi padu serta bekerjasama dalam bergiat aktif untuk bersama-sama kita menyumbang dan memajukan negara ke tahap yang lebih berdaya saing, berdaya tahan, cemerlang di peringkat global dan bersama-sama bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara keselamatan, keharmonian, keamanan, kesejahteraan negara yang kita sekian lama nikmati.

Akhirnya izinkan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola merespons beberapa rangkap pantun yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat di sebelah sana di majlis ini:-

*Program Mukim Sihat diperkenalkan,
Mempromosi kesihatan di seluruh
Negara,
Cara makan dan warga sihat harus
Di amalkan,
Mencapai visi warga sihat supaya hidup
Sejahtera.*

*Amalan cara hidup sihat adalah
harapan,
Menjadi warga produktif dan aktif,
Bukan saja mengurangkan
perbelanjaan
Kerajaan,
Malah juga memantap sosio-ekonomi
negara lagi dinamik.*

*Mesyuarat Negara alhamdulillah selesai
jua,
Dalam suasana harmoni dan sempurna,
Dipandu oleh Yang Di-Pertua Majlis
dengan arif dan bijaksana,
Ahli-Ahli Yang Berhormat menandai
tugas untuk memajukan negara.*

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana mengizinkan kaola untuk menyampaikan Ucapan Penagguhan. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi kesimpulannya penjelasan Yang Berhormat itu ialah bahawa aduan

yang dimasukkan dalam surat khabar yang mengandungi unsur-unsur tuduhan, pilih kasih itu tidak betul dan tidak berasas setelah disiasat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Anbiya ewal Mursaleen Sayyidina Muhammaddin, 'Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola sukacita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi kaola memberikan Ucapan Penagguhan bagi sesi persidangan tahun ini.

Sebelum itu kaola terlebih dahulu menyekutukan diri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah berucap dahulu dalam mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam mengendalikan Mesyuarat Negara bagi tahun 2011 ini sehingga majlis ini telah dapat berjalan dengan lancar, sempurna dan membuahkan hasil yang sangat positif dalam suasana yang harmoni.

Kaola ingin jua mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli dewan di atas sokongan padu dan jitu mereka dalam meluluskan Rang

Undang-Undang Perbekalan 2011 Tahun Kewangan 2011/2012 tanpa sebarang pindaan. Ini menggambarkan keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini.

Mana-mana jua cadangan dan saranan yang diajukan terutama yang berkait langsung dengan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan, insya-Allah ianya akan diteliti secara terperinci dan saksama menurut keperluan, kemampuan, keutamaan dan kesesuaiannya dengan mengambil kira kesan-kesannya khususnya dari segi *practicality* perlaksanaannya dan juga kemampuan kewangan kerajaan, sama ada dalam jangka pendek atau jangka panjang.

Dalam hal ini, kaola juga berharap faktor-faktor yang kaola sebutkan di atas akan turut juga diambil kira oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat apabila mengemukakan sebarang saranan di dewan ini, terutamanya dalam memastikan yang cadangan-cadangan tersebut akan membawa faedah yang menyeluruh kepada semua rakyat dan penduduk negara ini. Dan bukannya hanya tertumpu sebilangan kecil kepada orang-orang yang berkepentingan sahaja ini kerana kerajaan Ibarat indung yang mempunyai anak yang banyak dengan permintaan yang bermacam-macam, perlulah meneliti sesuatu cadangan tersebut secara holistik berasaskan *merit*, kesesuaian dan kesaksamaannya bersandarkan kemampuan sumber yang ada.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Selaku indung kepada rakyat dan penduduk negara ini, kerajaan

terpaksalah sekian kali perlu menilai secara bersungguh-sungguh dan mendalam akan impak cadangan yang di kemukakan. Ini bukan saja dari aspek kemampuan membiayai perancangan tersebut dalam jangka pendek bahkan kesan saranan tersebut ke atas kelangsungan kehidupan generasi-generasi yang akan datang. Sebagai contoh mungkin saja pemberian kemudahan-kemudahan tambahan seperti yang dicadangkan akan dapat menyelesaikan sesuatu masalah semasa dengan cepat, akan tetapi ianya boleh sahaja akan membebankan kewangan kerajaan dan juga generasi kita akan datang terutama apabila kos-kos untuk menampung perbelanjaan bagi kemudahan-kemudahan tersebut semakin meningkat dari tahun ke setahun dan sukar ditanggung oleh kerajaan secara berterusan.

Ke arah itu, dalam merangka sesuatu dasar dan melaksanakan apa jua rancangan projek dan kemudahan. Kita semua perlulah mengambil iktibar dan teladan dari pengalaman yang telah dilalui oleh setengah negara-negara dunia terutamanya sejak beberapa tahun yang lalu. Pengajaran penting yang kita ambil dari krisis kewangan global yang melanda sejak tahun 2008 ialah bahawa berbelanja di luar kemampuan sehingga terpaksa berhutang pada jumlah yang besar, telah terbukti jadi beban berpanjangan kepada negara yang terlibat menjejaskan sosio-ekonomi dan keutuhan bangsa dan negara tersebut dan yang paling menyedihkan ianya boleh saja menghambat kesejahteraan dan kehidupan harmoni generasi-generasi yang akan datang.

Oleh itu, sebagai generasi masa kini, kita perlulah berkorban sedikit bagi mengurangkan keterbiasaan tersebut demi kelangsungan generasi yang akan datang. Ini selaras dengan semangat Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Perayaan Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-27 tahun ini yang antara lainnya kaola petik seperti berikut:

“namun di samping menerima buah kemerdekaan yang lebatnya kita tidak juga lupa terhadap tanggungjawab memelihara kemerdekaan itu dengan amalan-amalan berhemah yang berpaksikan syukur.

Di antaranya kita sekarang dalam langkah membudayakan amalan berjimat cermat dan berbelanja menurut kemampuan sebagai salah satu usaha ke arah mengatur kewangan kita melalui perancangan kewangan atau financial planning. Tujuan yang tersirat ialah untuk melakar perubahan sikap dan mentaliti menyeluruh supaya rakyat terbiasa dengan cara sederhana serta tahu pula menghargai nilai ”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bertolak dari perkara yang kaola sebutkan di atas, kaola ingin mengambil peluang ini untuk menimbulkan satu isu *fundamental* yang mungkin kita sama-sama boleh renungkan nanti sekiranya masa dan keadaan mengizinkan di persidangan yang akan datang. Isu ini bagi kaola adalah amat penting kerana ianya akan membentuk norma kehidupan masyarakat Brunei beberapa dekad yang akan datang.

Isu yang kaola maksudkan ini ialah yang berhubung kait dengan *mentality* dan *mind-set*. Selama beberapa hari kita berbincang di dewan ini, kita sering saja mendengar Ahli-Ahli Yang Berhormat menyampaikan permintaan-permintaan dari rakyat-rakyat yang diwakili untuk menambah kemudahan-kemudahan, mendapatkan bantuan-bantuan ataupun *handout* dari pihak kerajaan ataupun *handout* dari pihak kerajaan sehinggakan isu yang sudah selesai pun masih lagi ditimbulkan walhal sebahagian besar kemudahan ini telah pun kita nikmati yang sepatutnya perlu kita syukuri dan hargai. Dalam pada itu kita jarang mendengar cadangan-cadangan berhubung dengan cara berkesan kita untuk menyedarkan rakyat untuk berdikari, mengikis mentaliti tongkat ataupun *crutch mentality* dan bagaimana untuk menghadapi arus globalisasi dengan mengujudkan mentaliti daya tahan dan daya saing serta matang dalam menghadapi apa jua cabaran-cabaran. Secara realitinya walaupun terdapat perubahan positif pada masa ini, di mana sebilangan belia negara kita telah berusaha berdikari dengan menceburi dalam bidang perniagaan namun jumlah ini masih kecil dan memerlukan galakan dan inisiatif berterusan dari semua pihak bagi memberikan semangat, peluang, dorongan dan latihan supaya belia-belia yang terlibat akan terus melibatkan usaha untuk mandiri dan berdikari. Kaola rasa jika kesedaran ini berterusan hasrat seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Majlis Istiadat Perasmian Majlis Mesyuarat Negara pada 1 Mac yang baru lalu yang mahu rakyat dan penduduk khususnya pihak swasta dan para belia akan

dapat sama-sama bergiat lebih progresif untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara dan jangan tertinggal di belakang disebabkan oleh sikap banyak menunggu atau asyik menonton sahaja, insya Allah akan dapat dicapai.

Kaola beranggapan isu seperti ini bukanlah hanya dipikulkan kepada kerajaan untuk menyelesaikannya semata-mata, kita semua sebagai penghuni kepada bumi bertuah ini terutamanya pemimpin-pemimpin akar umbi, pemimpin-pemimpin perniagaan dan orang-orang yang berkecemerlangan perlulah tampil ke hadapan untuk memainkan peranan masing-masing untuk membentuk rakyat dan penduduk di negara ini sebagai rakyat yang bermaruah tinggi, berwawasan lebih cekal berusaha, mempunyai mentaliti, berdikari, mandiri (*sense of self responsibility*) dengan berdaya tahan dan berdaya saing yang tinggi.

Alhamdulillah pada pagi ini kita amat bersyukur dan gembira mendengar dari Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking yang sama-sama berganding bahu dengan kerajaan dalam menyeru orang ramai untuk menjelaskan pembayaran tunggakan masing-masing kepada kerajaan. Saya tabik sikap positif Yang Berhormat ini yang mana adalah sangat-sangat dialu-alukan di dewan yang mulia ini dan saya secara peribadi sangat-sangat menghargai setinggi-tingginya.

Kaola berpendapat hanya dengan penghijrahan kepada sikap positif seperti ini sajalah negara akan mampu untuk menuju kecemerlangan dan kekal sebagai negara

“*Baldatun tayyibatun warabbun ghofur*” iaitu negara yang baik, aman lagi makmur dengan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata’ala yang maha pengampun. Pada hemat kaola keredhaan ini insya-Allah hanya akan dapat kita kecapai secara berterusan dan kita sama-sama bekerja keras sebagai satu pasukan untuk membudayakan kehidupan bersaksikan syukur terhadap rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wata’ala dengan cara rajin berusaha tanpa mengharap ihsan orang lain untuk mengubah kehidupan. Di sini Kaola juga ingin memberikan penjelasan kepada satu perkara sahaja Yang berhormat Pehin iaitu ucapan penangguhan dari Yang Berhormat Pehin Kapitan Dato Paduka Awang Goh King Chin berhubung dengan perjanjian saling tukaran mata wang Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Kaola sekali lagi ingin memaklumkan bahawa Alhamdulillah sejak perjanjian ini dilaksanakan lebih 43 tahun yang lepas kedua-dua negara telah menikmati faedah dan manfaat terutama dari segi kestabilan sistem kewangan yang mana adalah sangat kritikal kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi kedua-dua negara. Perkara ini telah dititahkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Tahun Baru Masehi 2011.

Kaola mengambil maklum bahawa pertukaran mata wang memang mempengaruhi *competitiveness* sesuatu eksport tetapi ianya tidak dapat dilihat secara tersendiri sahaja apa jua dasar kewangan yang kita pertimbangkan dan laksanakan perlu mengambil kira semua

faktor-faktor yang berkaitan terutama kesannya kepada kestabilan mata wang dan tekanan inflasi. Malahan isu kestabilan ini adalah satu perkara yang utama dan tidak boleh sama sekali kita bertolak ansur. Oleh itu, kaola sekali lagi menekankan bahawa isu mengenai saling tukaran mata wang ini tidaklah perlu dibangkitkan lagi. Apa jua persoalan mengenai saling boleh pertukaran ini jika ianya akan ditimbulkan perlulah difikirkan dengan penuh berhati-hati dan terperinci terutama kesannya kepada kestabilan dan pasaran keyakinan orang ramai. Jadi itulah saja yang dapat kaola sampaikan dan Kaola juga terpanggil jua kan berpantun Yang Berhormat Pehin, dua rangkap saja sebelum kaola mengakhiri ucapan ini. Jadi pantun kaola ada dua rangkap :-

*Pulau Labuan tidak berbukit,
Ada bukit di Batu Karang,
Cadangan Yang Berhormat di sana
bukan sedikit,
Dari dulu sampai sekarang.*

*Buah Selasih Buah Bangkita,
Dimakan orang di atas para,
Terima kasih cadangan biskita,
Mana yang terdaya diambil kira.*

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi pihak kerajaan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dulu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah: Terima kasih

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola terlebih dahulu ingin menggabungkan diri dengan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sama-sama mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi kaola menyampaikan Ucapan Penangguhan di dalam Majlis Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama musim Permesyuaratan Ketujuh bagi Tahun 2011. Kaola jua ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua pada memimpin dan membimbing Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini yang mana alhamdulillah berlangsung dengan lancar dan sempurna. Apa yang jelas Yang Berhormat Yang Di-Pertua telah membawa kelainan dan pembaharuan kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dengan memberikan pandangan dan *input* kepada permesyuaratan bagi melengkapkan perbincangan dan tidak terlepas pandang ke atas isu-isu yang penting yang perlu diambil kira bagi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat dan penduduk. Sukacita kaola ungkapkan pemerhatian kaola tersebut kedalam pantun:-

*Hari Jumaat mengumpul fakir,
Diberi sedekah setiap yang hadir,
Sekali sekala Yang Berhormat
mencelah menukil fikir,
Menambah persidangan ampuh dan
lengkap berfikir.*

Kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang

Berhormat di sebelah sana yang mana telah menyampaikan isu-isu dengan penuh prihatinan, ketelusan dan tanggungjawab yang merupakan sebagai kepentingan negara, rakyat dan akar umbi. Pandangan dan hujah yang diberi adalah sangat bermakna kepada pembangunan dan kemajuan negara dan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat disajikan dua buah rangkap pantun:-

*Belanjawan negara wadiah perbincangan
Mencambah minda kata sepakat
Bertikam lidah bukan halangan
Demi membangun negara berkat.*

*Kalau ada jarum patah berkarat
Jangan disimpan ke dalam peti
Kalau ada kata celah yang berat-berat
Jangan jua disimpan berdendam hati.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pihak Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan sokongan terhadap perkembangan empat bidang utama di bawah jagaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu:-

1. Kemasyarakatan dan kebajikan, ;
2. Kebelaaian;
3. Kebudayaan dan Kesenian; dan
4. Kesukanan.

Kaola amat menjunjung kasih atas titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Mac 2011. Antara inti pati utama dalam titah perasmian berkenaan ialah berhubung dengan pemeduliaan, keusahawanan serta pembangunan kapasiti (*capacity building*) golongan belia.

Di antara hasrat utama Dasar Belia Kebangsaan ialah untuk menghasilkan belia Brunei yang cemerlang, ke arah ini para belia akan dipupuk untuk mempunyai sifat dalaman yang cekal dan bertanggungjawab serta mempunyai ciri-ciri murni yang lain seperti disiplin, motivasi, kreativiti, sifat jati diri, semangat yang kental dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan. Di samping itu, belia juga seharusnya mempunyai komitmen yang tinggi dengan memiliki kekuatan dan kecekalan dalaman, yang sedemikian insya-Allah, para belia boleh mencapai kejayaan dan terkeluar daripada kepompong kemiskinan dan pengangguran.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus melaksana beberapa program *capacity building*, termasuk secara kerjasama dengan agensi-agensi lain dalam kerajaan dan pihak swasta. Di kesempatan ini kaola ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak swasta yang telah memberikan kerjasama yang merupakan satu usaha *corporate social responsibility* di dalam sama-sama menanai pembangunan belia di negara ini.

Pusat Pembangunan Belia adalah satu-satunya institusi khusus bagi melatih para belia dalam pembinaan jati diri dan kemahiran tertentu. Sasaran utama ialah para belia yang tidak dapat meneruskan

pendidikan akademik mereka. Pusat Pembangunan Belia berkonsepkan *residential* dan memfokuskan kepada tiga komponen iaitu latihan, kemahiran, pembangunan diri dan penempatan kerja. Pendekatan yang digunakan di Pusat Pembangunan Belia adalah lebih menjurus kepada *experiential learning* di mana para pelatih diberikan tunjuk ajar melalui pengalaman membuat sendiri atau kerja-kerja praktikal. Pusat Pembangunan Belia juga sedang merencanakan untuk menawarkan kursus-kursus pendek di bidang kemahiran yang mempunyai permintaan semasa dalam pasaran seperti pemandu *truck* dan dan pelayan.

Sehubungan dengan ini, dalam usaha untuk merancang penubuhan sebuah lagi Pusat Pembangunan Belia yang baru di kawasan Tutong, Belait, di samping mengadakan kursus-kursus yang sedang berjalan pada masa ini, kementerian juga akan mengambil kira keperluan tenaga kerja bagi hiliran *upstream* dan *downstream* industri minyak dan gas. Di dalam membentuk sikap yang positif di kalangan para belia Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan juga menerapkan *module-module* yang bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan jati diri belia-belia di dalam program dan aktiviti seperti Belia Cinta Tanah Air, Belia KEMAS dan sebagainya.

Kaola seterusnya setinggi-tinggi menjunjung kasih atas pengumuman belanjawan sepertimana yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan (II) Kedua pada 3 Mac 2011. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyambut

baik peruntukan yang telah disediakan bagi kemudahan pinjaman seperti *Enterprise Facilitation Scheme* dan *Micro Credit Facilitation Scheme* yang mana diharap akan dapat memberikan peluang kepada belia-belia yang sudah mendapat latihan kemahiran di Pusat Pembangunan Belia, misalnya untuk mendapatkan pinjaman kewangan bagi memulakan perniagaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sangat berterima kasih di atas keprihatinan pihak kerajaan yang sentiasa memberikan sokongan terhadap perkembangan sukan di negara ini. Kaola seterusnya berterima kasih terhadap peruntukan dari Belanjawan Negara 2011/2012 berjumlah \$13 juta bagi kemudahan riadah dan sukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang mana adalah amat diperlukan pada meningkatkan kesedaran sukan di kalangan masyarakat dan pencapaian mutu sukan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam peruntukan berkenaan, insya-Allah penyediaan kemudahan dan infrastruktur sukan serta tempat riadah untuk menggalakkan semua golongan masyarakat, termasuk golongan berkeperluan khas untuk bergiat di dalam sukan dan riadah sepertimana yang terkandung dalam Dasar Sukan Negara iaitu "Sukan Untuk Masyarakat" dan "Sukan Untuk Kecemerlangan" akan dapat terus dilaksanakan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang dalam proses membaik pulih dan menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan yang ada di seluruh negara untuk membolehkan orang ramai menggunakannya dengan sepenuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam kesempatan ini sukacita kaola memberikan respon kepada perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Puasa, iaitu mengenai dengan kemudahan sukan di kawasan Mukim Sengkurong. Sukacita kaola maklumkan bahawa satu kawasan sukan di Jerudong telah pun diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu bekas Lapangan Sukan Menembak, dan insya-Allah pihak kementerian dewasa ini merancang mengenai dengan kemudahan-kemudahan yang akan disediakan di pusat berkenaan bagi kemudahan penduduk-penduduk di Mukim Sengkurong. Antara lain perkara-perkara yang akan disediakan itu ialah padang bola sepak dan futsal, gelanggang sukan memanah, gelanggang bola jaring dan gelanggang bola keranjang. Dan insya-Allah apabila kompleks sukan tersebut telah siap ianya akan dinamakan Kompleks Sukan Jerudong, Mukim Sengkurong.

Begitu juga mengenai dengan perkara yang ditimbulkan iaitu ke arah mengangkat sukan ping pong di negara ini, sukacita kaola maklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil langkah-langkah ke arah meningkatkan sukan-sukan di negara ini termasuk ping pong. Dan antara lain langkah-langkah yang telah diambil ialah mengadakan perbincangan dengan pihak Negara China bagi mendatangkan jurulatih-jurulatih ping pong ke Negara Brunei Darussalam, dan insya-Allah ianya akan menjadi satu kenyataan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, budaya adalah amat penting di masa ini, di mana cabaran-cabaran globalisasi semakin menyingkirkan nilai-nilai dan warisan yang diwarisi dan menjadi identiti sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Oleh itu usaha akan dipertingkatkan ke arah memberi kesedaran di kalangan generasi muda tentang pentingnya pengukuhan identiti bangsa melalui amalan hidup yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja. Matlamat dasar kebudayaan negara dihasratkan bagi melahirkan dan mengekalkan bangsa Brunei yang berbudaya serta memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan bangsa. Dasar Kebudayaan Negara walau bagaimanapun akan terus disemak dan diteliti dari masa ke semasa, agar ianya sentiasa relevan dan bertahan menghadapi arus globalisasi. Pelbagai aspek program kebudayaan dan kesenian akan diusahakan bagi menawarkan produk dan perkhidmatan yang luas untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan dan peluang pekerjaan.

Sehubungan ini, usaha gigih dalam memelihara khazanah warisan budaya negara, penyebaran maklumat kebudayaan dan pembangunan budaya dan seni telah dan akan terus dilaksanakan mengikut keutamaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di kesempatan ini juga kaola ingin membuat respons pada perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Idris sebentar tadi, iaitu mengenai dengan kedudukan Kastam lama dan Lapau lama. Alhamdulillah kedua-dua bangunan tersebut telah pun diwartakan di bawah Akta

Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam Tahun 1997 pindaan 1984, 1991 dan 2002.

Dan Mengenai dengan Bangunan Kastam lama, ianya dicadangkan untuk dijadikan sebagai sebuah *National Art Gallery* dan langkah-langkah telah pun diambil oleh kementerian untuk menjadikannya satu realiti.

Mengenai dengan Lapau lama yang ditimbulkan juga, ianya juga telah dijadikan sebagai Balai Pameran oleh Pusat Sejarah, dan ianya telah pun berjalan sekian lama dan dewasa ini ianya ditutup kerana ianya sedang menjalani satu pengubahsuaian bagi pameran-pameran yang khusus untuk mengimbuai kembali mengenai dengan insiden-insiden ataupun kejadian-kejadian yang berlangsung ataupun berlaku di Lapau lama tersebut seperti Perpustakaan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan penandatanganan Perlembagaan tahun 1959 dan juga mengimbuai kembali bangunan tersebut pernah dijadikan sebagai Mahkamah Sivil dan Pejabat Agama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, menyentuh mengenai isu pemeduliaan, alhamdulillah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, salah satunya kementerian yang mempunyai bidang tanggungjawab yang khusus dalam mengalinga dan memeduli hal ehwal kebajikan setiap ahli masyarakat.

Melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat atau JAPEM adalah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan perkhidmatan yang berkaitan dengan kanak-kanak termasuk anak-anak yatim, keluarga, termasuk

keluarga yang bermasalah, wanita termasuk ibu-ibu tunggal, orang berkeperluan khas, warga emas dan orang-orang susah dan daif.

Dari peringkat kanak-kanak, belia, wanita warga emas, keluarga, orang kurang upaya dan orang susah dan termasuk orang miskin, semua warga berkenaan diberikan penjagaan dan perlindungan, baik yang berbentuk penjagaan fizikal mahupun dalam bentuk bantuan kebajikan yang berupa elaun-elaun seperti Pencen Umur Tua atau Pencen Orang Kurang Upaya. Di samping itu juga perlindungan dan penjagaan berkenaan adalah di bawah kawalan rapi undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu.

Alhamdulillah kaji selidik mengenai kemiskinan di Negara Brunei Darussalam telah selesai dilaksanakan. Kaji selidik ini menunjukkan akan seriusnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengatasi masalah kemiskinan dengan mencari jalan untuk mengangkat keluar keluarga dan anggota masyarakat yang tergolong sebagai fakir dan miskin daripada kepompong kemiskinan dan budaya meminta-minta.

Daripada kaji selidik berkenaan, di samping menyediakan takrif miskin dan fakir mengikut syariah, satu pengkalan data telah dihasilkan yang merekodkan secara berbutir anggota keluarga yang miskin dan fakir di seluruh negara berserta dengan taburan ataupun *distribution* mereka. Kaji selidik tersebut juga telah mengenal pasti punca-punca kemiskinan dan menggariskan pelan tindakan cara-cara mengatasinya.

Kaji selidik tersebut juga telah menyediakan kadar kos minima keperluan asas yang akan dijadikan asas di dalam membuat penilaian kepada mereka yang dikategorikan sebagai fakir dan miskin di Negara Brunei Darussalam. Hasil daripada kaji selidik berkenaan sedang dalam penelitian oleh Majlis Kebangsaan Menangani Isu-Isu Sosial bagi tindakan seterusnya.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin mengongsikan pecahan peratus mengikut peringkat umur golongan keluarga miskin yang berjumlah 5,472 orang, sepertimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Pehin Goh sewaktu persidangan Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Negara yang mana adalah seperti berikut:-

1. Umur 30 ke 40 tahun ialah sebanyak 11.75%;
2. Umur 50 tahun 32.39%; dan
3. manakala umur 60 tahun ke atas ialah 55.86%.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di sepanjang dewan ini bersidang kita telah mendengarkan saranan dan pandangan yang bernas, membangun, melihat jauh ke hadapan bagi pembangunan bangsa, memperkasa kaum belia dan mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Kesemua pandangan dan cadangan itu juga merupakan sebagai tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat

Yang Dilantik pada menjunjung dan mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Mesyuarat Negara, berperanan secara bijaksana, adil dan saksama pada mengangkat kedaulatan negara dan mempertingkat pembangunan dan kemajuan negara dan menjamin kesejahteraan, kebajikan, keselamatan dan ketenteraman rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah sangat menghargainya dan akan berusaha pada meneliti dan mempertimbangkannya serta melaksanakannya. Dalam kehidupan bermasyarakat dan berkhidmat kepada negara kita berpegang kepada prinsip "*Berguru kepada yang pandai dan alim, berbicara pada yang arif dan bijaksana, dan bekerja secara bermuafakat. Insya-Allah sejahteralah bangsa dan negara dan sentiasa mendapat berkat*" dan kaola sudahi ucapan ini dengan serangkap pantun:-

*Bacaan bermula alif, lam, mim
Yang memberi sinar dan cahaya
Kita bermohon kepada Rabbal 'Alameen
Agar terhindar raja, negara dan rakyat dari
segala bencana dan bahaya.*

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala
Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin untuk memberikan peluang kepada seberapa banyak dari Ahli-Ahli Yang Berhormat dari pihak

kerajaan untuk memberikan ucapan. Jadi oleh yang demikian saya tangguhkan mesyuarat ini hingga ke sebelah petang nanti. Saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 3.00 petang ini nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung pada pukul 3.00 petang

Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat petang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Tadi persidangan di waktu pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat masih lagi di Perkara 9 iaitu mengenai dengan Ucapan Penangguhan.

Alhamdulillah, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dilantik telah selesai menyampaikan ucapan-ucapan penangguhan mereka dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat, Yang Rasmi Dilantik Kerana Jawatan telah juga memberikan ulasan.

Sekarang penyampaian ucapan-ucapan penangguhan ini disambung. Silakan. Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd Yasmin bin Haji Umar: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Di-Pertua Majlis, kaola ingin merakam ucapan terima kasih di atas keizinan Yang Di-Pertua Majlis bagi kaola menyampaikan Ucapan Penangguhan.

Kaola terlebih dahulu menyatukan diri bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Di-Pertua di atas ketegasan dan keprihatinan Yang Berhormat Yang

Di-Pertua Majlis dalam memimpin dan membimbing Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2011 sehingga majlis ini dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Kaola juga sangat menghargai cadangan-cadangan yang membina dan sumbangan buah fikiran yang positif yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam dewan ini, insya-Allah seperti mana yang dinyatakan oleh rakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) segala pandangan dan cadangan itu akan diteliti secara saksama dan dikaji kesesuaiannya.

Yang Di-Pertua Majlis, isu pertama yang kaola ingin sentuh ialah berkaitan dengan isu tenaga. Kaola merespons apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Puasa Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin berkenaan dengan isu insentif bonus yang berkisar pada tahun 1980an dan 90an bagi pengusaha-pengusaha stesen minyak yang mana suratnya telah disampaikan kepada Menteri pada 23 Januari 2007. Insya-Allah akan kaola teliti dan siasat. Begitu juga dengan isu berkenaan dengan *dealers margin* bagi stesen minyak. Pandangan abis kaola tentang *dealers margin* stesen minyak adalah seperti berikut.

Apa yang kaola difahamkan terdapat sejumlah 39 buah stesen minyak di Negara Brunei Darussalam. Dari 39 buah stesen minyak ini hanya 4 buah yang mempunyai masalah dari segi pendapatan kasar *growth margin*, manakala 35 buah berpendapatan kasar *growth margin* yang positif. Kita juga perlu ingat bahawa isu *dealers margin* ini

melibatkan isu harga pam yang sudah pasti akan melibat orang ramai. Peningkatan *dealers margin* tanpa menjejaskan harga pam pula akan menambahkan bebanan kerajaan di dalam menanggung kos subsidi bagi produk-produk minyak.

Kaola ingin mengingatkan pada tahun 2010 jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah kira-kira \$244,000.000.00. Sepertimana juga saranan rakan sejawat Menteri Kewangan II (Kedua) kita mestilah menilai perkara ini secara holistik kerana hal ini sudah setentunya melibatkan dan boleh memberikan impak yang negatif kepada orang ramai dan kerajaan.

Berkenaan dengan sumber tenaga alternatif, alhamdulillah sebagai langkah permulaan, negara kitani telah menerajui Sumber Tenaga Suria dengan melaksanakan Projek Tenaga Suria Brunei di Seria. Langkah yang diambil ini mungkin hanya dalam sekala yang kecil namun di arena antarabangsa Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah yang selari dengan negara-negara lain dalam mempromosikan tenaga alternatif.

Berkaitan *Energy Intensity Conservation*. Alhamdulillah, satu komiti di peringkat Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Kerja telah pun ditubuhkan dan insya-Allah ianya akan berfungsi pada tahun ini dan jawatankuasa ini akan berusaha untuk memastikan komitmen negara untuk menurunkan *Energy Intensity Conservation* sebanyak 25% di tahun 2030 sepertimana komitmen APEC *Leaders* di dalam

declaration 2007. Ahli-Ahli Jawatankuasa ini juga akan melibatkan pihak swasta dan NGO.

Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola rasa ucapan penungguhan kaola ini tidak akan lengkap jika kaola tidak menyentuh tentang permasalahan gangguan elektrik yang kerap berlaku di negara ini khususnya yang melibatkan premis-premis perniagaan dan juga rumah-rumah persendirian termasuklah rumah kaola sendiri.

Abis kaola memandang serius akan hal ini dan adalah hasrat kaola untuk memastikan Jabatan Perkhidmatan Elektrik bergerak bersama menuju budaya kerja yang bersikap proaktif, pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap eset-eset Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga dijadikan keutamaan untuk memastikan masalah ini dapat dikurangkan dari masa ke semasa selain tujuan untuk memenuhi piawaian-piawaian antarabangsa yang diiktiraf. Walau bagaimanapun tindakan-tindakan ini memerlukan masa dan adalah diharapkan orang ramai akan dapat memahami mengenai jangka masa berkesan yang diperlukan dalam menangani isu ini.

Untuk menangani tunggakan bayaran bil elektrik yang sering dibangkitkan semasa sesi permesyuaratan pada tahun ini, usaha-usaha yang berpatutan sedang giat dijalankan bagi memastikan isu ini ditangani secara menyeluruh sepertimana juga petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Mesyuarat Pertama Dari

Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara. Perkara ini juga melibatkan tabiat dan sifat yang tidak baik yang perlu diubah dan dikikis.

Yang Di-Pertua Majlis, perkara kedua yang kaola ketengahkan ialah perkembangan e-kerajaan, saranan dan buah fikiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan orang ramai akan diberi pertimbangan yang sewajarnya supaya hala tuju e-Kerajaan akan sejajar dengan *expectacy* orang ramai.

Di samping itu, usaha-usaha untuk melibatkan pihak swasta secara bersepadu bagi menjayakan e-Kerajaan amatlah diperlukan dan insya-Allah akan dipertingkatkan.

Yang Di-Pertua Majlis. Perkara ketiga, memandangkan kepentingan industri minyak dan gas pada perekonomian negara, abis kaola telah menyusun beberapa stratigik utama;

1. Mengukuh dan memperkembangkan aktiviti-aktiviti hulu dan hiliran iaitu *upstream* dan *downstream* bagi Industri minyak dan gas. Sebagai contoh pembangunan CA1 dan CA2 akan bermula pada tahun ini. Manakala Sungai Liang Industrial Park dan Pulau Muara Besar sudah dikenal pasti untuk memajukan industri hiliran seperti *Refinery dan Petrol Chemical*;
2. Memastikan *security, realibility* dan *efficiency* pembekalan dan penggunaan tenaga dan strategi; dan

3. Ialah untuk memaksimumkan *economic spin off* dari industri minyak dan gas terutama sekali di dalam memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan peluang-peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat tempatan. Dalam hal ini sebuah Kertas Putih Tenaga, insya-Allah akan dilancarkan pada tahun ini.

Yang Di-Pertua Majlis, rakyat dan penduduk negara ini sungguh beruntung bermastautin di Negara Brunei Darussalam dan sudah setentunya bersyukur kerana dapat menikmati kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran negara di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang tidak kendur-kendurnya memberikan keutamaan kepada kepentingan dan kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sebelum kaola mengundur diri, seperti jua rakan-rakan terdahulu terimalah empat rangkap pantun seperti berikut:-

*Brunei Darussalam negara kesultanan,
Titah dijunjung memperkasa tujuan,
Dewan mesyuarat muzakarah
Pembangunan,
Mencanang negara menuju kemajuan.*

*Beras dimasak menjadi nasi,
Makanan utama penduduk negeri,
Semua tunggakan mestilah dilunasi,
Agar rancangan negara dapat dipenuhi.*

*Rugi masa bila tidak dihargai,
Adat bermesyuarah amalan kitani,
Biar kerap berjumpa menteri,
Agar tindakan segera dapat ditangani.*

*Burung Punai Burung Tempua,
Di hujung ranting sarang bertiti,
Mohon maaf kepada semua,
Menyusun jari sepenuh hati.*

Yang Di-Pertua Majlis, semoga apa yang dibincangkan dan dibahaskan akan beroleh hasil yang terbaik dengan penuh keberkatan dan hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin. Sekian, Wabilahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, silakan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman: Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Anbiya ewal Mursaleen Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihae Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis. Terlebih dahulu kaola memohon izin untuk mengambil peluang di kesempatan yang sangat berharga ini untuk mengucapkan syukur alhamdulillah kerana dengan taufiq dan hidayat-Nya jua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara ini telah selamat sempurna dilaksanakan. Untuk itu, tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang

Berhormat Yang Di-Pertua yang telah berjaya dengan cemerlang mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara ini yang setentunya berkehendakkan kebijaksanaan, ketekunan dan kesabaran.

Bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola ingin menyatakan rasa gembira dan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Menteri Kewangan dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), yang telah memperuntukkan Anggaran Perbelanjaan bagi kementerian kaola bagi tahun 2011/2012 sebagai mana yang tertera. Insya-Allah, peruntukan tersebut akan dipergunakan sebaik-baiknya dengan jimat dan tanpa pembaziran. Mengenai bersyukur, sebagai paksi kita menghargai nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, Allah telah berfirman yang maksudnya,

'Jika kamu bersyukur kepadaku, nescaya aku, akan tambahi lagi kurniaan rezeki-ku kepada kamu, tetapi jika kamu kufur dan ingkar, maka azab-Ku sangattlah dahsyat'.
(Surah Ibrahim, Ayat 7).

Cara kita bersyukur itu tidaklah memadai setakat ucapan di lidah sahaja, malah perlu dengan praktiknya sekali iaitu melakukan yang diperintahkan-Nya dan menjauhi yang dilarang-Nya. Salah satu nikmat yang terbesar diberi Allah kepada kita ialah Islam, Ugama Rahmatan lil Alamin. Dua perkara yang telah menjadi perisai negara kita selamat dalam mengharungi segala dugaan dan cabaran ialah Perlembagaan Negara kita yang meletakkan Islam sebagai ugama

rasmi menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dan pemasyhuran kemerdekaan negara yang antara lain menyebutkan negara berdiri di atas konsep Melayu Islam Beraja.

Inilah dua perkara yang membawa kemandapan dan kesejahteraan kepada negara yang menjadi identiti dan jati diri. Kita wajar berbangga dengan negara kita sebuah negara unik. Mengikuti arus kemodenan, sesuai dengan perkembangan global tetapi berdiri di atas akar tradisi yang tidak cair dan di atas lunas-lunas keislaman yang murni. Ini kaola kira menakjubkan orang lain dan inilah kekuatan kita yang sebenarnya, yang perlu didukung oleh generasi kita sekarang dan akan datang.

Kita bersyukur kerana generasi yang akan mendukung negara kita adalah generasi yang dibekalkan dengan ilmu duniawi dan ukhrawi. Mendapat ilmu umum dan ilmu agama asas Fardhu Ain. Bukan hanya akan melahirkan saintis, jurutera, ahli ekonomi, kedoktoran dan lain-lain, malah juga akan berupaya melahirkan ulama dan cendekiawan Islam bagi memenuhi keperluan agama dan negara nanti insya-Allah.

Yang Berhormat Di-Pertua Majlis, disepanjang perbahasan yang menarik dan mendalam di dewan ini sepanjang 11 hari yang lalu, yang telah menyentuh berbagai aspek kenegaraan dan kemasyarakatan juga tidak ketinggalan menyentuh aspek agama seumpama pentingnya bahasa Arab dikembangkan, sistem perkuburan Islam diperbaiki, pentingnya tulisan jawi disempurnakan, peranan masjid dan pegawai-pegawai masjid diperkukuhkan.

Graduan kelulusan agama yang berpotensi dan berkebolehan diagih-agihkan ke seluruh sektor awam dan kerajaan dalam negara. Perlunya diperkemaskan pengurusan dan pentadbiran harian sehingga memenuhi ekspektasi masyarakat, perlunya semua pihak bekerjasama ke arah mempromosikan makanan halal dan lain-lain lagi.

Insya-Allah, dengan kita sama-sama berganding bahu, bekerjasama, kita akan dapat memetik dan menikmati hasil buahnya nanti iaitu melihat kecemerlangan agama di negara ini menuju ke arah Negara Zikir "Baladun tayyibatun warabbun ghofur" (negara yang aman makmur, sejahtera, mendapat keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala).

Yang Di-Pertua Pehin pada akhirnya, inilah pantun kaola juga secara spontan:-

*Dari Sumatera ke Sulawesi,
Singgah sebentar di Pulau Pinang,
Tahniah kepada Yang Berhormat Pehin
Pengerusi,
Bistari dan bijak memimpin sidang.*

*Pulau Pinang pulau mutiara,
Pulau Langkawi indah pantainya,
Sidang membincang masalah negara,
Masalah agama tidak dilupa.*

*Dari Brunei ke Singapura,
Di Geylang Serai menjamu selera,
Sambil serius sambil ketawa,
Harap maaf segala kata-kata.*

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, silakan.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman: Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Pehin Yang Di-Pertua Dewan, kaola dengan hormat sukacita mengucapkan terima kasih di atas kesempatan dan izin yang diberikan oleh Pehin Yang Di-Pertua untuk kaola berucap dalam sesi ucapan penangguhan ini. Pehin Yang Di-Pertua, kita telah bersidang dalam semangat saling hormat dan saling pengertian.

Kita telah menyelesaikan kerja-kerja majlis menurut jadual yang ditentukan dan agenda mesyuarat dalam permesyuaratan kali ketujuh ini sungguh kemas. Syabas kepada Yang Di-Pertua kerana memimpin sidang ini dengan penuh bijaksana dan tentunya juga baik Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik tentu juga kaola rasa berhak untuk menjawat atau menerima menyambut baik jika ada orang-orang akan memberi ucapan tahniah kepada abis kaola ani Pehin.

Penghargaan juga kaola ingin rakamkan di sini kepada Pehin Jurutulis berserta dengan Timbalannya dan bersama-sama dengan sekalian jajaran pegawai-pegawai dan kakitangannya yang telah mengurus perjalanan dan memberikan bantuan yang sangat berharga dan mesyuarat ini berjalan lancar. Pehin Yang Di-Pertua, lebih 50 tahun

yang lalu Majlis Mesyuarat Negeri yang pertama di bawah Perlembagaan tahun 1959 telah bersidang. Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II (Kedua), Arkitek Perlembagaan itu sendiri sewaktu berangkat merasmikan persidangan tersebut telah bertitah: *menyifatkan penubuhan "Majlis Mesyuarat Negeri sebagai suatu badan yang tinggi lagi mulia yang akan memberi nasihat dan persetujuan kepada beberapa undang-undang dan langkah-langkah yang kerajaan beta akan kemukakan kerana keamanan, kesentosaan dan kebaikan negeri"*.

Maka Pehin Yang Di-Pertua, titah lebih 50 tahun itu ternyata menjadi asas yang kukuh penubuhan institusi Majlis Mesyuarat Negara dan menjadi mercu-tanda yang memandu hala tujunya sehinggalah penubuhan Majlis kita yang ada sekarang ini pada zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, menerusi perlembagaan yang sama yang dipinda pada tahun 2004. Sesungguhnya dengan berbuat demikian Yang Di-Pertua, Negara Brunei Darusalam yang meliputi makna wilayahnya, kerajaannya dan rakyatnya, telah mempunyai institusi syura iaitu untuk mengurus ehwalnya demi keamanan, demi kesentosaan dan kebaikan. Perkara ini Yang Di-Pertua, sangatlah bertepatan dengan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita ini mengurus ehwal dunia kita dengan berunding, bermuzakarah, bermesyuarat iaitu seperti yang difirmankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, "*amruhum syuraa bainahum*" ayat 38 surah Asy-Syura

dan “*wasyawirhum fil amri faiza ‘azamta fatawakkal a’lallah’* ayat 159 surah Al-Imran.

Oleh yang demikian Yang Di-Pertua, kita di sini sedang menjayakan suatu sistem permesyuaratan negara menurut model dan calak acuan Brunei sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan dan menepati pula maksud firman Allah ayat 38 Surah Asy-Syura dan ayat 159 Surah Al-Imran itu tadi. Maka Pehin Yang Di-Pertua, kita dalam dewan ini dan rakyat serta penduduk di luar dewan ini hendaklah sama-sama menaruh keyakinan kepada sistem permesyuaratan kita ini untuk jangka panjang di tanah air kita Brunei ini yang taat mengamalkan ugama menurut ajaran Ahli Sunnah Wal-Jama’ah dan mendukung syiarnya serta kita di Brunei ini negara kita ini, negara yang menjunjung kedaulatan raja menurut adat istiadat negara yang tidak bercanggah dengan syarak.

Maka Yang Di-Pertua, titah lebih 50 tahun itu ternyata adalah sangat penting untuk generasi sekarang ini mentelaahnya. Pehin Yang Di-Pertua, semasa membahaskan Rang Perbekalan 2011-2012 tahun 2011, Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini sama ada Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Dilantik, bahkan Pehin Yang Di-Pertua juga sekali-sekali telah membuat ulasan yang mana kita semua pada umumnya telah mengongsikan maklumat dan pemikiran yang bertujuan bagi meningkatkan keberkesanan kerajaan menerusi pengurusan yang cekap, menerusi perancangan program-program yang tepat dan mengurus hasil dan perbelanjaan kerajaan dengan berhemat.

Setakat yang berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kaola ingin menyampaikan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Dilantik yang telah dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh mengongsikan maklumat dan pemikiran masing-masing di dewan ini mengenai beberapa perkara dan isu sekitar bidang-bidang Hal Ehwal Dalam Negeri. Insya-Allah ianya sungguh memberikan inspirasi khasnya kepada kaola yang baru hampir 10 bulan berkecimpung di dalam lingkungan Hal Ehwal Dalam Negeri ini.

Perkara-perkara yang telah dibangkitkan termasuklah perkara-perkara yang disentuh dalam sesi pada sebelah pagi tadi yang antaranya mengenai *local employment*, Pelan Induk BSB, kemiskinan, dan gaji minimum, pembesaran bandaran Kuala Belait Seria, Bangunan Jabatan Daerah Belait dan juga junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung kerana telah memperkenankan kemudahan elaun pelajaran, pinjaman rumah dan kenderaan bagi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Kaola tidaklah bermaksud untuk merespons satu persatu atau merespons mana-mana bahagiannya, kaola teringat dalam permulaan kita bersidang ini ada Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di sana menimbulkan supaya akan ada kedengaran juga pada masa-masa yang akan datang suara-suara wanita dalam dewan ini. Kaola tidaklah akan merespons secara langsung Yang Di-Pertua tapi kaola akan

menceritakan apa reaksi di luar setelah mendengar usul tersebut. Di luar Yang Di-Pertua, ada orang sekumpulan kebetulan kaola berada di kumpulan itu bertanya, apa komen kaola terhadap usul tersebut. Jadi kaola inda segera membuat komen, lalu diberitahu baik jua tu Pehin, kalau ada bini-bini di dewan ini ada jua semacam *women touch* atau *ladies touch*. Jadi kaola inda berapa menangkap, apa *touch-touch* ani, jadi ada yang menyebutkan, sentuhan wanita kitani perlu jua sekali-sekala sentuhan wanita ani di dalam dewan abis Pehin atu. Jadi kaola sebagaimana Yang Di-Pertua Pehin sendiri mengetahui kaola ani latar belakang dari ugama jelas terang dari title kaola ustaz.

Jadi pemikiran kaola kalau sentuhan-sentuhan wanita ani, jadi kaola lihat bisdia atu, apa maksud sentuhan wanita sentuhan wanita Pehin, apa-apa perkara itu memerlukan itu sentuhan wanita. Jadinya kaola inda batal Wuduk karang tu? batal karang wuduk, kalau sentuhan wanita ani batal wuduk, jadi Pehin lain tah pulangnya. Nya saya apa tu maksudnya? Maksudnya adalah supaya suara wanita di dengar dan adalah perkara-perkara mengenai wanita akan di bawa di sana dan atu dinamakan sentuhan wanita. Maka kalau yang sedemikian atu, nya kaola fahaman saya memang membatalkan wuduk jadi kalau yang membatalkan wuduk atu nya, saya inda saya menyokong. Sebagaimana yang diterangkan tadi atu jadi sokong saya adalah terbuka.

Jadi Yang Di-Pertua, kita telah meluluskan Rang Perbekalan sebagaimana yang dinyatakan tadi iaitu berjumlah lebih \$5.13 bilion. Dari jumlah tersebut

termasuklah perbelanjaan bagi membelanjai kos perkhidmatan pendidikan, pPerkhidmatan perubatan dan mensubsidi tenaga elektrik dan bekalan air. Mensubsidi rumah-rumah dalam Rancangan Perpindahan Negara (RPN), mensubsidi harga bahan makanan asasi iaitu beras, gula dan minyak bakar, petrol dan diesel. Dari jumlah itu juga termasuk peruntukan bantuan kebajikan dan pencen tua.

Di dalam dewan ini, Yang Di-Pertua, Subsidi, perkataan 'subsidi' disebut-sebut berulang-ulang dan kemudiannya apabila dilaporkan di luar dewan ini ianya menimbulkan reaksi yang berbelah bahagi. Perkataan subsidi ini tentulah biasanya mendatangkan konotasi yang negatif. Ia membawa makna bahawa kerajaan terpaksa menanggung beban perbelanjaan yang tinggi, yang sepatutnya dibayar atau diadakan ditanggung oleh pengguna bahan dan bekalan atau penerima khidmat-khidmat yang disediakan. Kaola ingin menekankan bahawa apabila perkara subsidi ini disebut-sebut bukanlah maksud kita terutama sekali kerajaan untuk membangkit-bangkitkan, kerana kitani faham dan berkeyakinan sesuatu yang baik apabila dibangkit-bangkitkan ertinya diucap-ucapkan akan hilang berkatnya, akan hilang pahalanya. Tetapi kita menyebutkannya Yang Di-Pertua adalah dalam konteks untuk mensyukurinya iaitu sebagaimana yang disebutkan oleh Allah Subhanahu Wa'atala, (ayat Quran) "*dan adapun berhubung dengan nikmat-nikmat Allah kepada mu maka hendaklah engkau sebut-sebut iaitu syukuri*". Maka adalah tepat bagi Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman

bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, menekankan lagi di sesi sebelah pagi tadi, dasar perbelanjaan kerajaan yang berhemat mengurus hasil dan perbelanjaan sambil mengajak dewan ini, untuk sama-sama memikirkan semacam anjakan *mind set* bagi kita di Brunei ini supaya menerima hakikat bahawa kerajaan sebagai indung sambil melayani keperluan anak-anaknya yang ramai adalah juga berusaha memikir dan merancang kewangan untuk kebajikan jangka panjang anak-anaknya yang ramai itu.

Menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat adalah merupakan sebahagian daripada manifestasi atau boleh dikatakan sebagai tekad politik Brunei ini, sebagaimana dimaktubkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan. Pemasyhuran Kemerdekaan tidak saja menyebut untuk mengekalkan Brunei ini sebagai Melayu Islam Beraja untuk selama-lamanya. Tetapi Pemasyhuran Kemerdekaan juga menyebut bahawa akan sentiasa berusaha untuk mendatangkan kesejahteraan dan faedah bagi rakyat semua di samping untuk menjaga hubungan baik antara negara atas dasar saling menghormati dan tidak campur tangan ehwal dalam negeri masing-masing.

Jadi Yang Di-Pertua, memang wajar dan memang wajib orang ramai rakyat dan penduduk yang menikmati subsidi iaitu kita sekalian negara ini, bersyukur kepada Allah kerana limpah rezeki-Nya yang tidak putus-putus kepada Brunei sehingga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mampu terus mengadakan subsidi dalam

belanjawan setiap tahun. Kita wajib pula bersyukur dan menjunjung kasih kepada raja kita, kepada Ulil Amri kita dalam bernegara dan berkerajaan yang memerintah dengan adil saksama mengekalkan dasar belanjawan kerajaan yang tidak membebankan rakyat dan penduduk. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah berada dalam landasan yang betul lagi kukuh apabila mengurus hasil dan perbelanjaannya dengan penuh hemat, berhati-hati demi memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan.

Alhamdulillah, itulah yang sebenarnya amalan-amalan yang baik dalam mengurus hasil perbelanjaan kerajaan. Ianya menepati ajaran ugama kita. Maksud firman Allah Subhanahu Wa'atala, Ayat 29 Surah Al-Israa' "*Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan*" iaitu dalam konteks berbelanja. Maka melalui dewan ini kita ingin memberi isyarat dengan jelas kepada orang ramai kepada rakyat dan penduduk bahawa kita semua wajib turut sama berhati-hati dan berhemat menikmati subsidi, menggunakannya dengan sebaik-baiknya, tidak mensia-siakannya. Ianya adalah agihan sejumlah hasil daripada rezeki kurnia Allah kepada Brunei yang wajib disyukuri dan Yang Di-Pertua Dewan tanda dan bukti mensyukuri rezeki Allah, nikmat Allah itu ialah dengan mengurus dan mempergunakannya dengan sebaik-baiknya. Mengusahakannya dengan mendatangkan

nilai tambah termasuklah melunaskan tunggakan untuk kerajaan meluaskan lagi agihan rezeki Allah itu dalam bentuk rancangan-rancangan dan faedah bagi faedah bersama. Itulah cara untuk mengekalkan nikmat dan mendatangkan nilai tambah kepada nikmat itu, itu janji Allah dan itu syaratnya Yang Di-Pertua Dewan, mensyukuri nikmat tidak mengkufurinya. *“Waiz ta’azzana rabbukum la’in syakartum la-azidannakum, wala’in kafartum innaa’azabi lasyadid.”* Allah Ta’ala telah mengingatkan sedemikian itu untuk bersyukur ke atas nikmat dan tidak kufur ke atas nikmat.

Sesungguhnya kerajaan telah menggunakan hasil negara dengan sebaik-baiknya, ia dengan ikhlas membelanjai pendidikan rakyat dengan ikhlas. Ia menanggung kos perubatan mereka, meringankan beban rakyat menerusi subsidi harga berbagai-bagai bekalan asasi dan bahan keperluan dengan ikhlas tidak dengan hati berkata-kata. Kesannya ialah Yang Di-Pertua, Brunei ini aman dan makmur, rakyat dan penduduknya hidup bahagia sejahtera, raja dan rakyat bersatu hati. Semuanya ini adalah berkat mensyukuri nikmat Allah dengan cara yang betul. Kita yakini ini, kita pegang ini Yang Di-Pertua insya-Allah kita akan selamat di bawah lindungan kekuasaan Allah yang Maha Berkat. *“Tabaarakalazi biyadihil mulk”* dengan niat mencapai dan menegakkan dasar serta matlamat Adil Laila Bahagia sebagai mana kedua-duanya ini ada tertera di dewan ini, di atas dan di belakang kursi Yang Di-Pertua Dewan dan di hadapan kerusi-kerusi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ini. *“Tabaarakalazi biyadihil mulk”* di atas sana dan Adil Laila Bahagia di belakang sana, di dinding.

Demikianlah Yang Di-Pertua kaola mohon maaf kerana mengambil masa yang panjang yang mungkin juga rakan-rakan yang lain akan menyambung dalam perkara ini. Sesuai pula dengan tema ucapan kaola dalam Ucapan Penungguhan ini, maka izinkan pula kaola ikut serta dalam peraduan tapi tidak pantun tapi masih juga dalam kategori puisi. Iaitu kaola ikut serta untuk menutup ucapan kaola ini selain daripada sekali lagi penghargaan dan terima kasih kepada Pehin Yang Di-Pertua Dewan dan memohon terima kasih di atas pengertian dan kerjasama rakan-rakan kaola Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, maklum kaola orang baru di sini dan terima kasih dan penghargaan serta mohon maaf kepada Ahli-Ahli Yang Dilantik di seberang sana maka kaola akhiri dengan menyertakan diri kaola untuk sama-sama dalam liga puisi pada petang ini.

Puisi kaola ini ditulis 5 tahun yang lalu, lebih 5 tahun yang lalu, dalam sempena mendirikan tiang pertama bagi Bangunan Dewan Majlis ini.

Tajuknya: Nota - Dewan Majlis

*Alhamdulillah
Sudah pada saatnya tiang aras ini
Dibangunkan untuk membangkitkan
Rasa yakin dan syukur bangga
Apabila kita berbalai beraum-aum
Dengan berazimat berwafakkan
“Amruhum Syuraa bainahum”
Dan digimpali dengan hikmat kata
“Adil Laila Bahagia”
Pada dinding pintu besarnya
Alangkah berseri nanti*

*Dengan bumbung atapnya yang biru
Bersinar-sinar menyulahi
Gerbang jalan ke sini
Oleh anak-anak yang rindu
Sedang kita orang tua mereka
Membubul rambut dari candiknya
Yang kelak diwarisi oleh turunan
Lebih dari cuma generasi
Yang datang pergi menyusuli
Dari jaraya besar mercu tanda ini
Masuk melangkah ke dalam dewannya
Lantang bersuara petah berkata
Berebekal tekad berebekal azam
Lalu bertawakal menggenggam
Pesan suci yang diaksarakan
"Faizaa 'azamta fatawakkal 'alallah'.*

Demikian Yang Di-Pertua sekali lagi kaola memohon maaf dan mengucapkan terima kasih. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingin memberikan ucapan dan terus berpantun. Oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin memberikan ucapan maka adalah edaran saya pula memberikan ucapan. Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, sampailah kita ke hari terakhir permesyuaratan kita. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan (Menteri-Menteri Kabinet) dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Dilantik atas kerjasama Yang Berhormat semua berikan pada menyempurnakan permesyuaratan-permesyuaratan kita di

peringkat Majlis Mesyuarat Negara mahupun di peringkat Jawatankuasa. Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Jurutulis Majlis Mesyuarat dan Timbalan Jurutulis atas usaha-usaha mereka yang gigih pada menyediakan segala kertas-kertas kerja bagi permesyuaratan kita ini dan tidak lupa juga saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di semua peringkat baik pegawai-pegawai Jabatan Majlis Mesyuarat mahupun pegawai-pegawai yang dipinjamkan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain.

Terima kasih ditujukan kepada Bentara Dewan dan pengapit-pengapit beliau. Ahli-Ahli Yang Berhormat ada banyak pegawai dan kakitangan yang berkhidmat begitu keras, yang berkerja begitu keras tetapi tidak ternampak di kaca TV (yang memberikan jasa kepada persidangan kita seperti juru-juru Bahasa Serentak bahagian pegawai-pegawai dan kakitangan Bahagian Teknikal, jurugambar-jurugambar, pemberita-pemberita dan pegawai-pegawai penjilid yang menyediakan laporan mesyuarat iaitu hansard yang begitu cepat supaya dapat digunakan sebaik-baik saja kita memulakan perbincangan-perbincangan kita untuk rujukan.

Saya telah mendapati bahawa soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik adalah relevan bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan keterangan-keterangan mengenai perkara-perkara yang tertentu dan begitu juga Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet telah memberikan jawapan yang tepat dan berperibahasa.

Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat, baik Ahli-Ahli Rasmi kerana Jawatan mahupun Ahli-Ahli Yang Dilantik, akan berbuat sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat telah buat selama ini iaitu bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dari semasa ke semasa akan meninjau projek-projek kerajaan di seluruh negara dan begitu juga Ahli-Ahli Yang Dilantik akan terus mengadakan lawatan dari masa ke semasa untuk melihat dan memerhatikan kemajuan (*progress*) projek-projek tersebut supaya di persidangan-persidangan yang akan datang, mereka akan dapat menghadapi soalan-soalan dan memberikan pandangan-pandangan yang membina mengenai dengan setiap projek berkenaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, matlamat yang kita tuju dalam Majlis Mesyuarat ini adalah sama baik dari sudut Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet mahupun dari sudut Ahli-Ahli Yang Dilantik menaburkan sumbangan jasa bakti kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Yang mana kita semua mengetahui hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda adalah semata-mata untuk keselamatan, keamanan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk negara ini dan segala isi di dalamnya.

Akhirnya saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dikurniakan kesihatan dan kebahagiaan yang berterusan serta sentiasa di dalam pemeliharaan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya

Rabbal 'Alameen. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh bagi tahun 2011 ini, sekarang akan saya tangguhkan sebentar lagi kepada suatu tarikh yang akan diumumkan nanti.

Di bidang berpantun, saya tidaklah dapat menandingi penyair-penyair profesional dari kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tapi izinkan saya mencuba berpantun sebagai seorang amatir.

*Kalau pergi ke Kampung Serdang
Bolehlah singgah di Dato Gandi
Jika dikurniakan umur panjang
Insya-Allah kita akan bermesyuarat lagi.*

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih. Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)







Dicetak oleh
Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

